DILEMA SINGAPURA

Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu





9

LILY ZUBAIDAH RAHIM

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DILEMA
SINGAPURA

Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MONOGRAF SAINS SOSIAL ASIA TENGGARA


DILEMA SINGAPURA

Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu

LILY ZUBAIDAH RAHIM

Penterjemah
Yunus Ali





Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, Malaysia
2008



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Buku **Dilema Singapura - Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu** ini ialah terjemahan yang sah daripada buku *The Singapore Dilemma - The Political and Educational Marginality of the Malay Community* terbitan Oxford University Press of Great Clarendon Street, Oxford OX2 6DP, UK.

Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (No. Syarikat: 276206-D)
Wisma ITNM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel: 603-4149 7210 Faks: 603-4143 2939/7215
E-mel: info@itnm.com.my Laman Web: www.itnm.com.my

Cetakan Pertama 2004
Cetakan Kedua 2008
© Karya Terjemahan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pengarah Eksekutif, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Perpustakaan Negara Malaysia Berhad Data Pengkatalongan-dalam-Penerbitan

Lily Zubaidah Rahim, 1960
Dilema Singapura : peminggiran politik dan pelajaran masyarakat
Melayu / Lily Zubaidah Rahim.
(Monograf sains sosial Asia Tenggara)
Mengandungi indeks
Bibliografi : ms.
ISBN 983-068-167-X
1. Malays—Politics and government—Research—Singapore.
2. Malays—Education—Research—Singapore. 3. Singapore—Politics and government. 4. Singapore—Economic conditions. I. Judul
II. Siri
305.8992305957

Dicetak oleh
Attin Press Sdn Bhd
No. 46, Jalan 3/108, Taman Salak Jaya,
Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur



Terima Kasih buat ayahanda dan bonda,
A. Rahim Ishak dan Mawan Wajid Khan,
serta buat Mark John Keevers




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Prakata

Ketika saya dibesarkan di Singapura, saya selalu tertanya-tanya mengapa terdapat beberapa kerat sahaja tokoh Melayu contoh untuk belia Melayu seperti saya, mengapa masyarakat Melayu terus kekal dipinggirkan dari segi sosioekonomi masyarakat Singapura yang kononnya tempat suburnya meritokrasi dan berbilang kaum, dan mengapa belia Melayu tidak dipanggil untuk khidmat negara yang 'diwajibkan' di samping lain-lain 'mengapa' yang berkaitan dengan orang Melayu. Saya memang tidak berpuas hati dengan pandangan arus perdana tokoh budaya bahawa orang Melayu terpinggir kerana mereka tidak cukup rajin, tidak bersemangat, tidak ada daya usaha dan berbagai-bagai lagi 'tidak' yang tidak meyakinkan. Intuisi saya sentiasa mengatakan bahawa perspektif ini terlalu diambil mudah, mempunyai sentimen perkauman, dan suatu penjelasan yang cetek kepada fenomena yang rumit. Menerima pandangan arus perdana ini juga bermakna bahawa saya, sebagai seorang Melayu yang dianggap datang daripada tradisi budaya yang lembam, juga perlu menerima bahawa saya mempunyai sifat yang buruk ini. Seperti Melayu Singapura lain yang hidup dengan dibebani dan dibayangi stereotaip etnik negatif ini, perasaan jati diri, harga diri dan rasa asal usul saya di tanah tempat tumpah darah saya telah goyah. Bahaya memikul beban jati diri negatif ini adalah ia boleh menjadi satu tanggapan yang diterima umum. Yang menyedihkan, ini sedikit sebanyak, telah pun menular di kalangan masyarakat Melayu Singapura. Justeru, ekoran daripada rasa prihatin yang telah lama terpendam inilah saya telah terpanggil untuk memulakan penyelidikan ini. Dari suatu segi, ia merupakan suatu usaha yang memerlukan tekad dan keazaman untuk mencari jawapan kepada soalan ini.

Akhir-akhir ini, kajian telah dibuat berkaitan dengan motivasi politik dan landasan ideologi bagi penjelasan, persepsi dan preskripsi yang dominan tentang peminggiran Melayu. Pertimbangan juga dibuat untuk memastikan sejauh mana peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu menjadi manifestasi faktor politik, struktur dan asas kelas yang kompleks. Dalam usaha meningkatkan pemahaman tentang peminggiran Melayu, kajian ini ditumpukan kepada proses ideologi dan institusi yang telah menyumbang kepada taraf sosioekonomi dan


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pelajaran masyarakat Melayu. Ia tertumpu kepada sistem pelajaran sebagaimana yang digalakkan dengan aktifnya oleh kerajaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) sebagai cara yang paling berkesan untuk mobiliti sosial orang Melayu di Singapura yang kononnya adalah sebuah negara dengan masyarakat bermeritokrasi dan berbilang kaum. Analisis dibuat tentang andaian ideologi, yang mengubah motif politik dalam membentuk arah dasar pelajaran serta kesannya terhadap orang Melayu dan kumpulan sosial Singapura lain yang mundur. Bidang lain yang ditumpukan ialah hubungan antara kelemahan pengundi dan politik masyarakat Melayu dan keupayaan ahli politik Melayu PAP untuk bersuara dan mewakili orang Melayu dengan berkesan.

Dalam menerangkan peminggiran sosioekonomi Melayu, saya mengelak daripada bergantung pada satu teori agung memandangkan fenomena ini begitu kompleks dan berbagai-bagai aspeknya. Sebaliknya, suatu kerangka konsep yang bersepadu secara menyeluruh atau eklektik yang menyedari akan kekompleksan kehidupan sosial serta membolehkan hubungan yang anjal dan dialektik antara teori, bukti dan amalan lebih digunakan. Ini disebabkan kerangka kajian yang eklektik dan isu yang agak luas daripada aspek kepimpinan politik, dasar pelajaran, dasar kebajikan, dan ideologi PAP, perbincangan teori dan konsep telah dimasukkan ke bahagian yang berkaitan dalam setiap bab. Maka penulis dan pembaca boleh mencerna dan menghubungkan kerangka konsep dengan cepat kepada data empirik dan perbincangan.

Kajian ini tidak mendakwa bahawa ia menyediakan 'penyelesaian utama' yang muktamad kepada masalah peminggiran sosioekonomi masyarakat Melayu di Singapura. Objektif yang lebih sederhana digunakan, iaitu dengan mengemukakan soalan yang berkaitan, mencabar dan menyoal siasat mitos dominan, dan (dengan berbuat demikian) menimbulkan kesedaran kritis lantas meluaskan secara menyeluruh wacana tentang peminggiran Melayu. Dari segi metafora, saya cuba melihat situasi dari sudut yang berbeza dan dengan pandangan yang terbuka.

Penyelidikan buku ini yang pada mulanya adalah untuk tesis kedoktoran, telah diusahakan selama beberapa tahun, termasuk kajian lapangan yang panjang di Singapura. Tempoh masa yang lebih lama digunakan untuk menyaring bahan dan menulis di Sydney. Ini diikuti dengan tempoh setahun mengajar dan 'mencari diri' di Pulau Pinang, Malaysia, dan seterusnya menjawat jawatan sekarang sebagai pensyarah di Jabatan Sejarah Ekonomi, Universiti Sydney. Peringkat ini merupakan fasa yang amat mencabar peribadi, intelektual, politik dan semangat saya. Ia tidak boleh diduga dan ada kalanya perjalanan yang ditempuh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

untuk mencari dan mencari semula lebih berliku-liku. Meskipun banyak cubaan dan dugaan dihadapi dalam perjalanan ini, namun saya berasa diperkaya dengan pengalaman yang menarik tentang tujuan hidup yang lebih luas ini.

Memadailah jika saya katakan bahawa saya dengan rendah hati menerima dan bertanggungjawab atas segala kelemahan kajian ini.

Lily Zubaidah Rahim

Sydney
Februari 1998

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Penghargaan

Ramai yang telah memberikan sokongan intelektual mahupun moral kepada saya dan ini menjadi sumber inspirasi serta menguatkan keyakinan saya untuk memberikan sumbangan kepada projek ini demi kesaksamaan, keadilan dan demokrasi di Singapura.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada Profesor Michael Leigh yang banyak memberikan bantuan dan galakan, Profesor Madya Rodney Tiffen untuk cadangan yang membina, juga Profesor Harold Crouch dan Dr. Barbara Leigh atas komen yang bernas dan sentiasa membantu saya supaya berada 'di landasan'. Tidak ketinggalan juga, para sahabat yang setia kawan dan merangsang intelektual saya termasuk Dr. John Mettam, Dr. Gerard Sullivan, Profesor Peter King, Profesor Madya Ben Tipton dan Profesor Madya Robert Adrich.

Saya terhutang budi dengan bantuan yang diberikan oleh Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) ketika saya bertugas sebagai Fellow Penyelidik ISEAS pada 1990 dan sebagai Penyelidik Bersekutu pada 1992. Kemudahan perpustakaan dan sokongan intelektual yang diberikan oleh ISEAS membolehkan saya memulakan banyak penyelidikan ketika saya berada di situ. Kakitangan Mendaki juga banyak memberikan kerjasama dalam menyediakan maklumat dan melibatkan saya dalam pelbagai program seminar dan pendidikan yang dijalankan pada 1990 dan 1992.

Kepada rakyat Singapura yang dengan sukarela ditemu bual dan melibatkan diri dalam kaji selidik, saya sangat berterima kasih atas komen mereka yang terbuka dan ikhlas. Interaksi saya dengan rakyat Singapura ketika membuat kajian lapangan telah menguatkan lagi keyakinan saya terhadap semangat dan kesungguhan para pejuang rakyat Singapura yang selalu membuat pengorbanan besar demi memperkukuh asas masyarakat Singapura yang demokratik, berbilang kaum dan berperikemanusiaan.

Saya sangat terhutang budi kepada Vanessa Forest, Deborah Stodhart, Haresh Chabbra, dan Misleah Sulaiman atas persahabatan yang dihulurkan. Komitmen tinggi Vanessa terhadap keadilan sosial dan kesaksamaan, secara peribadi dan profesional, telah menjadi sumber inspirasi yang besar kepada saya. Sungguhpun persahabatan kami penuh



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

dengan rintangan dan berliku dalam sahsiah, politik dan kerohanian, namun itulah keindahan dan tujuan hidup yang lebih luas.

Ibu bapa dan adik-beradik saya sentiasa menyokong usaha saya dan mungkin hanya keluarga sahaja yang memahaminya. Mereka telah mengajar saya erti kasih yang tidak berbelah bahagi, pentingnya bersikap serius tetapi ceria dalam kehidupan dan menerima rentak kehidupan ini seadanya.

Akhir sekali, terima kasih saya kepada Mark John Keevers yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan pada setiap peringkat penyelidikan ini. Mark adalah sumber intelektual, emosi dan semangat saya meskipun pada saat-saat yang genting. Beliau sentiasa bersikap terbuka dan penuh dengan belas ihsan. Sesungguhnya saya berasa amat bertuah dengan kehadiran beliau dalam hidup saya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kandungan

	Prakata	*vii*
	Penghargaan	*xi*
	Jadual	*xvii*
	Singkatan	*xix*
1.	**Pengenalan**	**1**
	Tujuan Kajian	5
	Pendekatan Metodologi	6
	Kekangan Kajian	9
	BAHAGIAN I	**13**
	JATI DIRI DAN IDEOLOGI	
2	**Peribumi, Islam dan Hidup Terpinggir dalam Masyarakat**	**15**
	Jati diri Melayu Raya Peribumi	16
	Jati diri Islam	20
	Hidup Terpinggir dalam Masyarakat	23
	Kekurangan Relatif	28
3	**Wawasan PAP untuk Singapura**	**35**
	Mengekalkan Hegemoni Ideologi PAP	35
	Ketaksamaan Sosial daripada Pandangan Kepemimpinan PAP	45
	Yang Kuat Selamat, Yang Lemah Tersekat	49
4	**Pandangan Tentang Peminggiran Orang Melayu**	**61**
	Kesan Pandangan Orientalis dan Penjajah Terhadap Orang Melayu	61
	Kesan Idea Ketandusan Budaya ke atas 'Masyarakat yang Tandus Budayanya'	64
	Pandangan Pemimpin PAP Terhadap Peminggiran Orang Melayu	66
	Pandangan Orang Bukan Melayu Terhadap Peminggiran Orang Melayu	72

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pandangan Orang Melayu Terhadap Peminggiran Orang Melayu 74

BAHAGIAN II **81**
MEMBENDUNG POLITIK MELAYU

5 Mengurangkan Sumber Kuasa Politik Masyarakat Melayu **83**
Sumber dan Strategi Politik 83
Mengekalkan Taraf Minoriti Bilangan Penduduk Melayu 87
Melemahkan Kuasa Undi Masyarakat Melayu 91

6 Perwakilan Politik Kepentingan Melayu **103**
Dilema Pemimpin Etnik Minoriti 103
Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Dalam Kerajaan PAP 107
Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Sebagai Pemimpin Kebangsaan 112
Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Sebagai Pemimpin Melayu 116
Mendapatkan Kedudukan Kepemimpinan Dalam Pertubuhan Masyarakat 121

BAHAGIAN III **145**
KETAKSAMAAN PELAJARAN

7 Penginstitusian Elitisme Pelajaran **147**
ALIRAN KE ARAH ELITISME PELAJARAN 147
Menanjak Agenda Pelajaran Neo-Konservatif 147
Menyetempatkan Agenda Pelajaran Konservatif 150
Menggubal Dasar Pelajaran di Singapura 151
Dasar Pelajaran Baru 154
Dasar Aliran Awal NEP 156
Rancangan Bantuan Istimewa 161
Program Pendidikan Pelajar Bijak 165
Konsep Sekolah Persendirian 168
Mengubahsuai Elitisme Pelajaran NEP 172

IMPAK ELITISME PELAJARAN KE ATAS KESAMAAN PELUANG PELAJARAN 176

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kemunculan Parentokrasi 176
Peningkatan Kos Pendidikan 178
Persaingan Memasuki Sekolah Elit 182
Jalan Keluar Bagi 'Yang Kurang Berbakat' Tetapi Memiliki Sumber Kewangan 185
Peluang Pelajaran bagi Pelajar Pendidikan Khas 186

8 Pempolitikan Sistem Pelajaran 201
Sosialisasi Ideologi dan Politik 201
Pendidikan Moral 204
Perubahan Sejarah 206
Kuota Orang Melayu di Sekolah 210
Ketidakadilan Linguistik terhadap Bahasa Mandarin 212
Kebangkitan Sekolah Monoetnik 214
Menghidupkan Semula Jawatankuasa Semakan Bahasa Berasaskan Etnik/Bahasa 216
Dasar Penduduk dan Sistem Pelajaran 219
Sektor Pengajian Tinggi 'Bermeritokrasi' 222

9 Memahami Peminggiran Pelajaran Orang Melayu 233
Peminggiran Pelajaran Masyarakat Etnik Minoriti 233
Menjelaskan Penyakit Pelajaran Orang Melayu 234
Penggalakan dan Kemudian Kejatuhan Pelajaran Pengantar Melayu 239
Kemunduran Pelajaran, Taraf Sosioekonomi dan Modal Budaya 242
NEP dan Kemajuan Pelajaran Melayu pada Tahun 1980-an dan Awal 1990-an 251
Apakah Jurang Pelajaran Semakin Rapat? 255
Respons Pelajar Terhadap Sekolah 257
Berat Sebelah 261

10 Batas-Batas Kemampuan Mendaki 269
Asas Politik dan Ideologi Mendaki 269
Menyusun Semula Mendaki 272
Persepsi Pempolitikan Mendaki 274
Ganjaran Pelajar Melayu/Islam yang 'Terpuji' 276
Memupuk Pelajar 'Terpuji' Melayu/Islam 277
Pentingnya Latar belakang Ibu Bapa/Kelas dan Modal Budaya dalam Pencapaian Pelajaran Pelajar MEP 281

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Cita-Cita Kerjaya Pelajar MEP 283
Projek S1 Mendaki bagi Pelajar Aliran Biasa 283
Cita-Cita Kerjaya Pelajar Projek S1 286

11 Paradigma Usaha Sendiri Etnik **297**
Motivasi dan Premis Panduan Paradigma
Usaha sendiri Etnik 297
Pembahagian Sosial Antara Etnik dan Dalam Etnik 301
Ketaksamaan Enjin Bantuan 303
Mengelirukan Struktur dan Institusi
Sebagai Sumber Kemunduran 307
Kebajikan Perkauman 309

Kesimpulan **317**

Lampiran *325*
Bibliografi *337*
Indeks *369*

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Jadual

2.1	Pecahan Banci Kumpulan Melayu dan Suku Bangsa Melayu di Singapura	19
2.2	Pekerja Lelaki Melayu dan Cina Berumur Sepuluh Tahun dan Ke atas Menurut Pekerjaan (peratus)	24
2.3	Taburan Pekerjaan mengikut Kumpulan Etnik (peratus)	25
2.4	Pendapatan Bulanan Pekerja Lelaki Melayu dan Cina (peratus)	25
2.5	Pendapatan Bulanan Ketua Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik, 1980 dan 1990 (peratus)	26
2.6	Peratus Setiap Kumpulan Etnik yang Memasuki Universiti	27
2.7	Kemajuan Mutlak yang Dicapai oleh Orang Melayu (peratus)	28
5.1	Penduduk Etnik Singapura	87
5.2	Prestasi Undi PKMS	97
6.1	Bilangan Perwakilan Ahli Parlimen Melayu di Parlimen, 1960-1991	108
6.2	Perwakilan Etnik dalam Kerajaan, 1992	110
6.3	Kawasan Pilihan Raya Yang Mempunyai Bilangan Pengundi Melayu Yang Terbanyak	113
7.1	Kemerosotan Populariti Sekolah Aliran Cina	162
7.2	Kenaikan Yuran di Sekolah Persendirian, 1990-1991 (S$ sebulan)	178
7.3	Yuran Universiti, 1990-1992 (S$ setahun)	181
8.1	Pendaftaran di Sekolah Singapura Mengikut Aliran Bahasa	214
9.1	Kemerosotan Kemasukan di Sekolah Melayu 1968-1980	241
9.2	Biasiswa Khas Orang Melayu yang Ditawarkan, 1966-1970	242
9.3	Pendapatan Purata Isi Rumah Sebulan Menurut Kumpulan Etnik	244
9.4	Bahasa yang Dituturkan Di Rumah (peratus)	246
9.5	Bahasa Yang Sering Digunakan Oleh Pelajar Melayu /Islam Di Rumah	247



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

9.6 Lulus PSLE dalam Bahasa Inggeris dan Matematik, 1984 dan 1991 (peratus) *248*
9.7 Korelasi antara Jenis Rumah dengan Subjek Tuisyen yang Dipilih (peratus) *250*
9.8 Tahap Pelajaran Ibu dan Pengurusan Anak-anak Mereka Ke Dalam Aliran Lanjutan dan Ekabahasa *251*
9.9 Kemasukan Pelajar Melayu Di Universiti Nasional Singapura *253*
9.10 Kemasukan Pelajar Melayu Di Universiti Teknologi Nanyang *253*
9.11 Keputusan Peperiksaan PSLE (peratus) *255*
9.12 Lulus Matematik dalam Peperiksaan PSLE (peratus) *256*
9.13 Pelajar Mendapat Minimum 3 'O' Level Menurut Kumpulan Etnik (peratus) *256*
9.14 Respons Pelajar Terhadap Soalan Kaji Selidik: Adakah Anda Suka Bersekolah? *261*
10.1 Taraf Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar MEP yang Dikaji Selidik *281*
10.2 Bahasa yang Digunakan oleh Pelajar MEP yang Dikaji Selidik *282*
10.3 Cita-Cita Kerjaya Pelajar MEP yang Dikaji Selidik *283*
10.4 Taraf Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik *284*
10.5 Penggunaan Bahasa Inggeris Di Rumah Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik *285*
10.6 Cita-Cita Kerjaya Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik *287*

Lampiran

1 Temu bual dengan Ahmad Mattar, Menteri Alam Sekitar dan Hal Ehwal Melayu/Muslim, Pengerusi Mendaki, 26 Oktober 1990. 325

2 Temu Bual dengan Abdullah Tarmugi, Timbalan Speaker Parlimen, MP Siglap dan Timbalan Pengerusi Mendaki, 25 Ogos 1990. 332

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Singkatan

'A'	Lanjutan (Advanced)
ACIE	Jawatankuasa Tindakan untuk Pelajaran Orang India (Action Committee on Indian Education)
AMP	Angkatan Karyawan Islam (Association of Muslim Professionals)
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of South-East Asian Nations)
AWARE	Persatuan Wanita bagi Tindakan dan Penyelidikan (Association of Women for Action & Research)
BH	Berita Harian
BR	Bantuan Rakyat (Public Assistance)
BT	*Business Times*
CATS	Jawatankuasa untuk Menarik Bakat ke Singapura (Committee for Attracting Talent to Singapore)
CCC	Jawatankuasa Perundingan Rakyat (Citizen Consultative Committee)
CDAC	Majlis Bantuan Pembangunan Masyarakat Cina (Chinese Development Assistance Council)
CDC	Majlis Pembangunan Masyarakat (Community Development Council)
CL1	Bahasa Cina 1 (Chinese Language 1)
CL2	Bahasa Cina 2 (Chinese Language 2)
CLRC	Jawatankuasa Semakan Bahasa Cina (Chinese Language Review Committee)
CPF	Tabung Simpanan Pekerja (Central Provident Fund)
CPI	Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index)
CRC	Jawatankuasa Semakan Kos (Cost Review Committee)
EL1	Bahasa Inggeris 1 (English Language 1)
EM1	Bahasa Inggeris/Ibunda 1 (English/Mother Tongue 1)
EM2	Bahasa Inggeris/Ibunda 2 (English/Mother Tongue 2)
EM3	Bahasa Inggeris/Ibunda 3 (English/Mother Tongue 3)
EO1	Perindustrian Berorientasikan Eksport (Export Oriented Industrialization)
ESN	Subnormal Pendidikan (Educationally Subnormal)



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

FAS	Skim Bantuan Kewangan (Financial Assistance Scheme)
FEER	*Far Eastern Economic Review*
GCE	Sijil Am Pelajaran (General Certificate of Education)
GEP	Program Pendidikan Pelajar Bijak (Gifted Education Programme)
GPC	Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (Government Parliamentary Committee)
GRC	Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (Group Representative Constituency)
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax)
HDB	Lembaga Perumahan dan Pembangunan (Housing Development Board)
IE	Institut Pendidikan (Institute of Education)
IHT	*International Herald Tribune*
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund)
IQRA	Surat Berita Program Pengayaan Mendaki (Mendaki Enrichment Programme Newsletter)
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act)
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar (Gross Domestic Product)
KGMS	Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (Singapore Malay Teachers Union)
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KNK	Keluaran Negara Kasar (Gross National Product)
L1	Bahasa Pertama (First Language)
LBKM	Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (Prophet Muhammad Memorial Fund Board)
MAB	Biro Ehwal Melayu (Malay Affairs Bureau)
MAS	Amanah Saham Mendaki (Mendaki Amanah Saham)
MCA	Persatuan Cina Malaysia (Malaysian Chinese Association)
MEP	Program Pengayaan Mendaki (Mendaki Enrichment Programme)
MHE	Perbelanjaan Minimum Isi Rumah (Minimum Household Expenditure)
MIC	Kongres India Malaysia (Malaysian Indian Congress)
MNP	Partai Nasionalis Malaya (Malay Nationalist Party)
MOE	Kementerian Pelajaran (Ministry of Education)
MP	Ahli Parlimen (Member of Parliament)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

MPAJA	Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (Malayan People's Anti-Japanese Association)
MSC	Konvensyen Perpaduan Malaysia (Malaysian Solidarity Convention)
MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
NCMP	Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (Non-Constituency Member of Parliament)
NCSMMP	Konvensyen Kebangsaan Karyawan Islam Singapura (National Convention of Singapore Malay/Muslim Professionals)
NEP	Dasar Pelajaran Baru (New Education Policy)
NES	Sistem Pelajaran Baru (New Education System)
NIC	Negara Perindustrian Baru (Newly Industrializing Country)
NIE	Institut Pendidikan Nasional (National Institute of Education)
NMP	Anggota Parlimen Dicalon (Nominated Member of Parliament)
NST	*New Straits Times*
NTU	Universiti Teknologi Nanyang (Nanyang Technological University)
NTUC	Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (National Trade Union Congress)
'O'	Biasa (Ordinary)
OECD	Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organization for Economic Co-operation and Development)
PA	Persatuan Rakyat (People's Association)
PAP	Parti Tindakan Rakyat (People's Action Party)
PITK	Pertubuhan Kebajikan Islam (Association for Muslim Welfare)
PKM	Parti Komunis Malaya (Malayan Communist Party)
PKMS	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura
PP	Parti Progresif (Progressive Party)
PRM	Parti Rakyat Malaya
PSLE	Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (Primary School Leaving Examination)
PUB	Lembaga Perbekalan Awam (Public Utilities Board)
RC	Jawatankuasa Penduduk (Resident Committee)
SAF	Angkatan Bersenjata Singapura (Singapore Armed Forces)


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

SAP	Rancangan Bantuan Khas (Special Assistance Plan)
SBC	Perbadanan Penyiaran Singapura (Singapore Broadcasting Corporation)
SCCCI	Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Singapura (Singapore Chinese Chamber of Commerce and Industry)
SCSS	Majlis Perkhidmatan Sosial Singapura (Singapore Council of Social Services)
SDP	Parti Demokratik Singapura (Singapore Democratic Party)
SDS	Bahagian Pembangunan Sosial (Social Development Section)
SDU	Unit Pembangunan Sosial (Social Development Unit)
SFCCA	Persekutuan Persatuan Suku Kaum Cina Singapura (Singapore Federation of Chinese Clan Associations)
SIF	Yayasan Antarabangsa Singapura (Singapore International Foundation)
SINDA	Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (Singapore Indian Development Association)
SMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (Singapore Malays National Organization)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia (Malaysian Certificate of Education)
SPS	Bahagian Penggalakan Sosial (Social Promotion Section)
ST	*Straits Times*
STP	Sijil Tinggi Pelajaran (Higher School Certificate)
STU	Kesatuan Guru-guru Singapura (Singapore Teachers Union)
ST WOE	*Straits Times Weekly Overseas Edition*
TI	Institut Teknikal (Technical Institute)
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (United Malays National Organization)
VITB	Lembaga Latihan Kejuruan dan Perusahaan (Vocational and Industrial Training Board)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1
Pengenalan

Singapura merupakan salah satu kisah kecemerlangan ekonomi di Asia yang masih boleh dipersoalkan. Dengan saiz fizikal yang kecil dan sumber alam yang terhad, negara pulau itu bukan sahaja berjaya mengatasi cabaran getir untuk menjadi Negara Perindustrian Baru (NIC) pertama di rantau Asia Tenggara, bahkan telah diklasifikasikan sebagai negara ekonomi maju oleh Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).[1] Singapura juga diiktiraf sebagai NIC[2] yang paling berdaya saing ekonominya dan merupakan pusat kewangan serantau sejak sekian lama. Singapura yang setiap tahun menikmati pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi sejak merdeka, dan terkenal dengan kadar pemilikan rumah yang tertinggi di dunia, iaitu 90 peratus penduduknya memiliki rumah sendiri, akan mempunyai taraf hidup yang sama dengan penduduk Switzerland menjelang tahun 2000. Pembangunan ekonominya yang memberangsangkan merupakan sumber kebanggaan rakyat Singapura, dan sedikit sebanyak menjelaskan mengapa hegemoni politik Parti Tindakan Rakyat (PAP) terus kekal sejak kemenangannya dalam pilihan raya 1959.

Namun demikian, apabila dikaji dengan lebih mendalam kisah kejayaan ekonomi negara itu, terdedahlah beberapa kejanggalan dan percanggahan yang agak aneh berbanding imejnya sebagai sebuah masyarakat berbilang kaum yang ditadbir dengan cekap berdasarkan prinsip meritokrasi dan kesamaan peluang. Apa yang terlihat ialah sebuah masyarakat yang secara sosialnya begitu teratur dan ditadbir oleh parti politik yang sentiasa berusaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi, mempertahankan hegemoni politiknya, dan yang begitu yakin dengan kebenaran falsafah politiknya sehingga tidak akan bertolak ansur dengan kepercayaan politik lain.

Selepas berkuasa lebih daripada tiga puluh lima tahun, kepemimpinan PAP berjaya mengetepikan politik untuk diselesaikan di bidang teknokrat sahaja. Penglibatan politik berautonomi terhad kepada aktiviti seperti mengundi dalam pilihan raya setiap beberapa tahun, dengan andaian bahawa terlalu demokratik akan menjejaskan



kestabilan politik dan pembangunan ekonomi (Rahim, 1993: 21). Masalah yang pada dasarnya bersifat politik dipaparkan secara halus sebagai masalah ekonomi yang memerlukan penyelesaian ekonomi. Bercirikan tadbir urus teknokrat, pertimbangan ekonomi lebih utama berbanding yang lain. Sebagaimana yang diperakui secara terang-terangan oleh Goh Chok Tong (*ST*, 23 September 1991), 'Saya lebih suka membuat keputusan ekonomi yang betul dahulu, kemudian baru memikirkan masalah politik dan sosial.'

Dengan menggabungkan rekod kecemerlangan ekonomi negara dengan 'kerajaan baik', kepemimpinan PAP biasanya menggubal dasar awam secara dari atas ke bawah, dan memulakan dasar penyusunan sosial yang membabitkan hal ehwal peribadi[3] rakyat Singapura, tanpa banyak merujuk pandangan awam.[4] Apabila terdapat perundingan melalui forum yang kononnya dilakukan atas anjuran negara, perbincangan tidak ditumpukan pada prinsip dan matlamat, tetapi tertumpu pada memurnikan dasar yang telah sedia diputuskan oleh kerajaan. Perubahan yang paling penting biasa berlaku dalam masa yang singkat dari segi pengubahsuaian, penggubalan dan dasar, berlaku dalam sektor pelajaran dengan input minimum daripada golongan pendidik seperti guru, pelajar dan ibu bapa, dan telah menunjukkan kesannya. Kemerosotan semangat kerja dan penyisihan guru daripada sistem pelajaran (Laporan Goh, 1979: 3-7) ditunjukkan dengan kadar pergeseran mereka yang tinggi daripada profesion tersebut ('Friday Background', SBC, 17 Jun 1992). Rasa tidak puas hati di kalangan orang awam terhadap sistem pelajaran yang tinggi daya saingnya dan dasarnya yang selalu berubah-ubah juga dibuktikan oleh kadar penghijrahan[5] ke luar negara yang tinggi di kalangan profesional Singapura (Sullivan dan Gunasekaran, 1993). Kajian dalam tahun 1997 mendedahkan bahawa 20 peratus rakyat Singapura ingin berhijrah dan satu per tiga pula ingin anak-anak mereka dididik di luar negara.[6]

Cara kerajaan PAP menangani peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat peribumi Melayu, yang merupakan 14 peratus daripada jumlah penduduk Singapura,[7] merupakan salah satu daripada contoh percanggahan antara teori dan amalan kesamaan peluang, meritokrasi dan berbilang kaum di Singapura. Setelah mengutuk perkauman dan keistimewaan etnik apabila disingkirkan daripada Malaysia pada tahun 1965, kepemimpinan PAP yakin aspek meritokrasi dan berbilang kaum akhirnya akan dapat menaikkan tahap ekonomi orang Melayu dan menyelesaikan masalah peminggiran rakyat Singapura yang lain. Ini akan membuktikan keberkesanan falsafah meritokrasi berbilang kaum PAP yang berasaskan andaian kesamaan peluang dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hak setiap kaum berbanding andaian kerajaan Malaysia tentang ketidaksamaan peluang dan perlunya membantu secara khusus bumiputera (peribumi)[8] yang ketinggalan dari segi ekonomi. Tidak dinafikan kepemimpinan PAP keberatan memberikan bantuan khusus kepada orang Melayu kerana dipercayai ini akan dianggap oleh masyarakat Cina yang dominan sebagai tidak adil dan akan mencetuskan kemarahan golongan pelampau Cina (Khoo, 1988: 38). Oleh itu, walaupun tanggungjawab kerajaan ada termaktub dalam perlembagaan,[9] namun hanya pendekatan minimum sahaja yang diambil terhadap peminggiran ekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Bantuan yang dapat dilihat hanyalah pengekalan dasar pelajaran percuma untuk orang Melayu yang telah diperkenalkan oleh penjajah British.

Disebabkan keadaan sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu bukan sahaja tidak menunjukkan peningkatan, bahkan merosot pada 1960-an, 1970-an dan 1980-an (Li, 1989; NCSMMP, 1990), dan semakin jelas aspek meritokrasi dan berbilang kaum PAP telah menggagalkan orang Melayu, maka idea ketandusan budaya sering digunakan oleh kerajaan PAP untuk merasionalkan peminggiran orang Melayu yang sukar diselesaikan itu. Pendekatan ini digunakan untuk menyangkal kritikan terhadap keberkesanan dan kebenaran falsafah politiknya yang mendukung idea kesederhanaan, berbilang kaum dan bermeritokrasi.

Idea ketandusan budaya pada asasnya mengaitkan kemunduran mana-mana masyarakat etnik yang terus terpinggir dari segi ekonomi dan pelajaran kerana mempunyai nilai yang negatif serta sikap tidak bersemangat, yang mengakibatkan kemunduran sosial mereka. Oleh sebab masyarakat yang tandus budaya ini sendiri bertanggungjawab atas keciciran mereka, maka mereka bertanggungjawab mengubah nilai dan sikap mereka itu. Wacana ini membebaskan negara daripada dipertanggungjawabkan membuat perubahan struktur dan membantu secara aktif masyarakat pinggiran dalam usaha merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran antara masyarakat etnik. Disebabkan masalah ini terletak di tangan masyarakat etnik pinggiran itu, maka penyelesaiannya juga diharapkan datang daripada masyarakat itu sendiri.

Ketidakupayaan Mendaki untuk memperbaik kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu setelah lebih satu dekad diasaskan serta keengganannya untuk mempertimbangkan secara kritikal kesesuaian dasar pelajaran yang tidak meningkatkan kepentingan etnik minoriti dan nilai bagi dasar yang berasaskan eugenik seperti pengasingan aliran pelajaran yang terlalu awal, telah menambahkan kekecewaan dan rasa tertindas di kalangan orang Melayu. 'Realiti hidup' mereka membuatkan mereka dapat melihat dengan jelas akan


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

kestabilan politik dan pembangunan ekonomi (Rahim, 1993: 21). Masalah yang pada dasarnya bersifat politik dipaparkan secara halus sebagai masalah ekonomi yang memerlukan penyelesaian ekonomi. Bercirikan tadbir urus teknokrat, pertimbangan ekonomi lebih utama berbanding yang lain. Sebagaimana yang diperakui secara terang-terangan oleh Goh Chok Tong (*ST*, 23 September 1991), 'Saya lebih suka membuat keputusan ekonomi yang betul dahulu, kemudian baru memikirkan masalah politik dan sosial.'

Dengan menggabungkan rekod kecemerlangan ekonomi negara dengan 'kerajaan baik', kepemimpinan PAP biasanya menggubal dasar awam secara dari atas ke bawah, dan memulakan dasar penyusunan sosial yang membabitkan hal ehwal peribadi[3] rakyat Singapura, tanpa banyak merujuk pandangan awam.[4] Apabila terdapat perundingan melalui forum yang kononnya dilakukan atas anjuran negara, perbincangan tidak ditumpukan pada prinsip dan matlamat, tetapi tertumpu pada memurnikan dasar yang telah sedia diputuskan oleh kerajaan. Perubahan yang paling penting biasa berlaku dalam masa yang singkat dari segi pengubahsuaian, penggubalan dan dasar, berlaku dalam sektor pelajaran dengan input minimum daripada golongan pendidik seperti guru, pelajar dan ibu bapa, dan telah menunjukkan kesannya. Kemerosotan semangat kerja dan penyisihan guru daripada sistem pelajaran (Laporan Goh, 1979: 3-7) ditunjukkan dengan kadar pergeseran mereka yang tinggi daripada profesion tersebut ('Friday Background', SBC, 17 Jun 1992). Rasa tidak puas hati di kalangan orang awam terhadap sistem pelajaran yang tinggi daya saingnya dan dasarnya yang selalu berubah-ubah juga dibuktikan oleh kadar penghijrahan[5] ke luar negara yang tinggi di kalangan profesional Singapura (Sullivan dan Gunasekaran, 1993). Kajian dalam tahun 1997 mendedahkan bahawa 20 peratus rakyat Singapura ingin berhijrah dan satu per tiga pula ingin anak-anak mereka dididik di luar negara.[6]

Cara kerajaan PAP menangani peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat peribumi Melayu, yang merupakan 14 peratus daripada jumlah penduduk Singapura,[7] merupakan salah satu daripada contoh percanggahan antara teori dan amalan kesamaan peluang, meritokrasi dan berbilang kaum di Singapura. Setelah mengutuk perkauman dan keistimewaan etnik apabila disingkirkan daripada Malaysia pada tahun 1965, kepemimpinan PAP yakin aspek meritokrasi dan berbilang kaum akhirnya akan dapat menaikkan tahap ekonomi orang Melayu dan menyelesaikan masalah peminggiran rakyat Singapura yang lain. Ini akan membuktikan keberkesanan falsafah meritokrasi berbilang kaum PAP yang berasaskan andaian kesamaan peluang dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hak setiap kaum berbanding andaian kerajaan Malaysia tentang ketidaksamaan peluang dan perlunya membantu secara khusus bumiputera (peribumi)[8] yang ketinggalan dari segi ekonomi. Tidak dinafikan kepemimpinan PAP keberatan memberikan bantuan khusus kepada orang Melayu kerana dipercayai ini akan dianggap oleh masyarakat Cina yang dominan sebagai tidak adil dan akan mencetuskan kemarahan golongan pelampau Cina (Khoo, 1988: 38). Oleh itu, walaupun tanggungjawab kerajaan ada termaktub dalam perlembagaan,[9] namun hanya pendekatan minimum sahaja yang diambil terhadap peminggiran ekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Bantuan yang dapat dilihat hanyalah pengekalan dasar pelajaran percuma untuk orang Melayu yang telah diperkenalkan oleh penjajah British.

Disebabkan keadaan sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu bukan sahaja tidak menunjukkan peningkatan, bahkan merosot pada 1960-an, 1970-an dan 1980-an (Li, 1989; NCSMMP, 1990), dan semakin jelas aspek meritokrasi dan berbilang kaum PAP telah menggagalkan orang Melayu, maka idea ketandusan budaya sering digunakan oleh kerajaan PAP untuk merasionalkan peminggiran orang Melayu yang sukar diselesaikan itu. Pendekatan ini digunakan untuk menyangkal kritikan terhadap keberkesanan dan kebenaran falsafah politiknya yang mendukung idea kesederhanaan, berbilang kaum dan bermeritokrasi.

Idea ketandusan budaya pada asasnya mengaitkan kemunduran mana-mana masyarakat etnik yang terus terpinggir dari segi ekonomi dan pelajaran kerana mempunyai nilai yang negatif serta sikap tidak bersemangat, yang mengakibatkan kemunduran sosial mereka. Oleh sebab masyarakat yang tandus budaya ini sendiri bertanggungjawab atas keciciran mereka, maka mereka bertanggungjawab mengubah nilai dan sikap mereka itu. Wacana ini membebaskan negara daripada dipertanggungjawabkan membuat perubahan struktur dan membantu secara aktif masyarakat pinggiran dalam usaha merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran antara masyarakat etnik. Disebabkan masalah ini terletak di tangan masyarakat etnik pinggiran itu, maka penyelesaiannya juga diharapkan datang daripada masyarakat itu sendiri.

Ketidakupayaan Mendaki untuk memperbaik kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu setelah lebih satu dekad diasaskan serta keengganannya untuk mempertimbangkan secara kritikal kesesuaian dasar pelajaran yang tidak meningkatkan kepentingan etnik minoriti dan nilai bagi dasar yang berasaskan eugenik seperti pengasingan aliran pelajaran yang terlalu awal, telah menambahkan kekecewaan dan rasa tertindas di kalangan orang Melayu. 'Realiti hidup' mereka membuatkan mereka dapat melihat dengan jelas akan


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

percanggahan idea ketandusan budaya, dengan apa yang menonjol ialah faktor institusi yang menyebabkan peminggiran sosioekonomi, pelajaran dan politik mereka. Percanggahan makin ketara apabila kerajaan PAP mengambil pendekatan memainkan peranan besar dalam membantu membangunkan budaya masyarakat Cina, sebaliknya hanya menggunakan pendekatan pendukung idea kesederhanaan untuk mengatasi kelemahan sosioekonomi masyarakat Melayu. Menyuarakan kekecewaan orang Melayu terhadap sikap berat sebelah kerajaan PAP, aktivis Melayu, Kassim Yang Razali (1990: 113) mengulas:

> bagi orang Melayu, tindakan kerajaan tidak seperti yang diharapkan. Ada yang mengatakan ia sekadar melepaskan batok di tangga sahaja,... orang Melayu dapat melihat betapa berbezanya apabila kerajaan menganjurkan dan menggalakkan Kempen Bahasa Mandarin dan Konfusianisme secara besar-besaran, dan membenarkan ramai rakyat Hong Kong berhijrah ke Singapura sebagai usaha untuk mengatasi kejatuhan kadar kelahiran masyarakat Cina. Orang Melayu...memang sukar untuk menerima apa yang dianggap mereka sebagai diskriminasi kaum yang jelas bertentangan dan menyimpang daripada dasar berbilang kaum.

Apabila semakin ramai orang Melayu mencabar asas idea ketandusan budaya dan menyuarakan rasa tidak puas hati mereka dari aspek keunggulan nasional kesamaan peluang, berbilang kaum dan demokrasi, kerajaan PAP semakin tertekan untuk menangani isu peminggiran orang Melayu ini sebagai masalah nasional yang serius dan memerlukan usaha nasional dan bukannya penyelesaian berlandaskan etnik. Namun begitu, PAP terus mencanangkan idea ketandusan budaya melalui gabungan ideologi yang berasaskan eugenik/biologi, serta dengan melaksanakan pelbagai cara pilihan raya dan institusi yang mengehadkan kuasa pengundi Melayu. Peminggiran politik orang Melayu membolehkan kepemimpinan PAP mengukuhkan lagi kedudukan politiknya di kalangan masyarakat Cina dan menonjolkan Singapura sebagai sebuah negara dengan masyarakat Konfusius yang didominasi Cina. Kesan jangka panjang yang merumitkan lagi politik, sosial dan geopolitik Singapura yang di-Cinakan di tengah-tengah rantau Melayu ini amat membimbangkan dan menjadi tema penting tesis ini.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tujuan Kajian

Dalam usaha menilai kesan faktor ideologi dan institusi ke atas kedudukan sosioekonomi, pelajaran dan politik masyarakat Melayu, kajian ini cuba memberikan pemahaman menyeluruh tentang isu peminggiran Melayu. Kajian ini mencabar andaian yang paling berpengaruh dan mendedahkan percanggahan yang menjadi asas idea ketandusan budaya serta amalan berbilang kaum dan kesamaan peluang di Singapura. Perhatian ditumpukan khusus pada persoalan berikut:

1. Adakah apa yang difahami oleh kerajaan PAP dan cara ia menangani masalah peminggiran Melayu terutamanya dalam kerangka paradigma ketandusan budaya menyebabkan masyarakat Melayu menjadi masyarakat yang terpinggir dari segi sosi ekonomi dan pelajaran?
2. Mengapakah ahli politik Melayu dalam PAP tidak dapat menyuarakan masalah dan kepentingan masyarakat Melayu dengan berkesan?
   Adakah terdapat perkaitan antara pengaruh politik Melayu yang lemah dengan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran mereka yang berterusan?
3. Sejauh mana adilnya sistem pelajaran di Singapura? Apakah faktor institusi seperti dasar pelajaran dan ciri sistem pelajaran menyebabkan masyarakat Melayu terus terpinggir dari segi pelajaran?
4. Sejauh mana berkesannya Mendaki dan paradigma usaha sendiri etnik dapat menyelesaikan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu? Sejauh mana peminggiran orang Melayu adalah masalah berasaskan kelas?

Persoalan utama ini dikaitkan dengan tema penting, iaitu percanggahan antara teori dengan amalan berbilang kaum, meritokrasi dan kesamaan peluang yang ideal. Persoalan penting sama ada semua rakyat Singapura menikmati kesamaan peluang dalam sistem pelajaran yang kononnya 'bermeritokrasi', serta ketegangan dan percanggahan yang telah lama wujud antara golongan elit kerajaan PAP dan orientasi ideologi eugenik turut dibincangkan.

Peminggiran Melayu bukan sahaja faktor penting dalam susur galur politik dan ekonomi republik Singapura, tetapi juga merupakan faktor penting dalam hubungan dengan negara jiran Melayunya. Desakan terhadap peminggiran Melayu Singapura menyebabkan Cina Singapura berasa mudah terancam ekoran 'majoriti dengan kompleks mental minoriti' mereka yang biasanya ada pada masyarakat penduduk pendatang.[10] Perasaan ini telah menimbulkan salah sangka terhadap setiap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

motif orang Melayu di Singapura dan Melayu serantau, dan ini sedikit sebanyak menjelaskan hubungan tegang antara Singapura dengan negara jiran Melayu Islam serantau.

Pendekatan Metodologi

Untuk menunjukkan bahawa faktor ideologi dan institusi yang menyebabkan Melayu terus terpinggir, maka kajian ditumpukan pada pandangan dunia PAP, keberkesanan wakil politik Melayu dalam menyuarakan masalah orang Melayu dan peranan sistem pelajaran.

Pandangan dunia ideologi kepemimpinan PAP banyak membentuk dan mempengaruhi ciri dan kekompleksan institusi awam dan negara di Singapura. Ini membantu mengekalkan hegemoni politik PAP tanpa perlu selalu menggunakan cara paksaan dan tekanan. Di samping itu, penerimaan rakyat yang diperoleh melalui pertumbuhan ekonomi yang tinggi, dan kononnya komitmen PAP terhadap keunggulan meritokrasi, berbilang kaum dan kesamaan peluang telah mengukuhkan imejnya sebagai 'kerajaan baik'. Dalam persekitaran sosiopolitik yang kononnya adil, masyarakat yang secara sosialnya terpinggir seperti orang Melayu dianggap sebagai telah gagal mengambil peluang yang ada untuk mengubah taraf hidup mereka ekoran ketandusan budaya mereka sendiri.

Bab tentang Politik Melayu - Bab 5 - cuba mengaitkan antara kelemahan pengundi masyarakat Melayu, kelemahan dalam mengemukakan masalah orang Melayu oleh Ahli Parlimen (MP) PAP yang mewakili kepentingan Melayu dan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Untuk tujuan ini, dasar mekanisme penyusunan pilihan raya, dasar penempatan semula, dasar penduduk dan dasar perumahan awam telah dikaji. Turut diberikan perhatian ialah kesan daripada tuntutan Ahli Parlimen Melayu PAP yang bercanggah sebagai pemimpin negara, pemimpin PAP, pemimpin Melayu serta wakil yang menyuarakan hasrat dan masalah masyarakat Melayu.

Sistem pelajaran sejak dahulu lagi telah dicanangkan oleh kerajaan PAP sebagai teras keunggulan masyarakat berbilang kaum dan meritokrasi. Sikap mengutamakan pencapaian pelajaran amat penting dalam masyarakat yang amat berorientasikan teknokrat (Habermas, 1971: 111), justeru, masyarakat Melayu sentiasa diingatkan bahawa pelajaran adalah kunci untuk memperbaik taraf hidup mereka dalam masyarakat. Oleh sebab pelajaran adalah penentu peminggiran Melayu, maka sistem dan dasar pelajaran telah dianalisis untuk menilai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

keberkesanan sistem pelajaran sebagai alat mobiliti sosial. Bukti kelayakan dari segi meritokrasi dan kepelbagaian kaum dalam sistem pelajaran juga dianalisis. Peranan sistem pelajaran untuk mengekalkan hegemoni politik PAP melalui proses sosialisasi ideologi turut dikaji.

Pada 1992 satu kaji selidik telah dibuat terhadap 291 orang murid Melayu/Islam. Untuk kerahsiaan dan menggalakkan mereka menjawab soalan sensitif dengan jujur, pelajar tersebut tidak perlu mencatatkan nama mereka dalam borang kaji selidik. Selain maklumat yang diperoleh daripada kajian kuantitatif, pendekatan etnografi kualitatif peserta/ pemerhati juga dibuat dalam kajian lapangan di Singapura pada 1990 dan 1992. Pendekatan itu - mendengar perbualan responden dan memastikan apa-apa perkara yang terlepas perhatian - didapati amat berguna kerana ia memberikan penyelesaian untuk perkara yang kompleks. Ketika bertugas sebagai guru sementara selama dua bulan di dua buah sekolah menengah kerajaan pada 1992, penulis yang mengalami sendiri 'keadaan dalam sekolah' telah dapat menyaksikan akan nuansa budaya, perundingan, manifestasi penentangan pelajar, hubungan etnik antara pelajar, mekanisme daya tindak pelajar, hubungan murid-guru, sikap guru terhadap murid dan pengajarannya, justeru membolehkan penulis memahami dengan lebih mendalam betapa rumitnya peranan sekolah sebagai tempat penghasilan dan persaingan ideologi. Pendekatan etnografi peserta/pemerhati dapat membantu mengelakkan diri daripada pandangan mudah bahawa sekolah hanyalah sekadar 'acuan hitam'.[11] Ia juga membantu mendedahkan bahawa pelajar dan guru adalah aktor penting yang mempunyai tahap autonomi yang besar dalam sistem pelajaran, dan juga untuk memahami budaya yang terdapat di sekolah.

Pelbagai seminar, bengkel dan tutorial anjuran Mendaki yang dihadiri oleh penulis telah memberi peluang kepada penulis untuk berbincang secara terbuka dengan 'pelajar cemerlang' dan 'pelajar lembap' dalam program Mendaki. Beberapa perbincangan juga diadakan dengan beberapa orang pentadbir kanan Mendaki dan Persatuan Profesional Melayu/Islam (AMP) yang telah membuka minda penulis terhadap asas ideologi yang mendasari program pembelajaran dan parameter politik mereka dan menjadi garis panduan dalam menggubal dasar mereka. Penulis juga menghadiri dan mengambil bahagian dalam pelbagai seminar bertemakan pelajaran, politik dan ekonomi yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu.

Temu bual yang meliputi isu yang luas dibuat dengan bekas pemimpin dan pemimpin semasa Melayu PAP seperti Ahmad Mattar (bekas Menteri Alam Sekitar dan Hal-Ehwal Melayu/Islam), Sidek Saniff (Menteri Pelajaran) dan Abdullah Tarmugi (Menteri Pembangunan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Masyarakat dan Ehwal Melayu/Islam).[12] Temu bual juga diadakan dengan pemimpin parti pembangkang Melayu seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), Chiam See Tong (Bekas Setiausaha Agung Parti Demokratik Singapura (SDP) dan Ahli Parlimen Potong Pasir), dan Juffrie Mahmood (ahli politik Parti Pekerja). Lebih kurang 30 orang aktivis Melayu dan bukan Melayu, pendidik, pekerja sosial, pelajar dan ahli profesional ditemu bual. Disebabkan banyak isu yang dibincangkan sensitif dari segi politik, maka nama orang yang ditemu bual kecuali ahli politik daripada parti PAP dan parti pembangkang telah dirahsiakan.

Penulis juga peka akan cita-cita teori agung yang mendakwa mempunyai kuasa penjelasan yang lebih mantap daripada yang sebenarnya dimiliki, serta cenderung untuk menambahkan konsepnya apabila menjawab soalan yang sebenarnya tidak dapat ditangani dengan memuaskan. Teori agung juga cenderung untuk menggalakkan konfrontasi dan bukannya berdialog dan mencari jalan penyelesaian. Pendekatan relasional dan eklektik (Di Stefano, 1991: 152) lazimnya lebih mantap untuk menjelaskan peminggiran sosioekonomi, pelajaran dan politik masyarakat etnik tertentu sebagai bahagian penting dalam proses sosial yang kompleks dengan asal-usulnya terdiri daripada pelbagai etnik (Wilson, 1989: 132). Disebabkan lebih mementingkan kerangka penjelasan yang tepat berbanding kemantapan teori, maka pendekatan dialogik dan eklektik memperoleh kekuatan pelbagai paradigma dan disiplin teori dalam sains sosial. Digembleng juga pelbagai teori kritikal yang menggalakkan hubungan sosial yang demokratik serta kebebasan rakyat yang berlandaskan prinsip kesaksamaan dan keadilan.

Pendekatan eklektik ini juga bermanfaat untuk mengatasi epistemologi bahagian dan disiplin dengan menyepadukan pelbagai disiplin sains sosial dan menggalakkan 'rentas batas' intelektual di kalangannya (Giroux, 1992a). Pendekatan tersebut membolehkan penyelidik memahami pelbagai aspek fenomena tertentu dari pelbagai sudut pandangan konsep. Pendekatan 'rentas batas' bertujuan memperkukuh kegunaan dan nilai sains sosial sebagai kaedah penyelidikan dan menghalang pemecahan ilmu pengetahuan dan realiti sosial yang dikaitkan dengan pendekatan disiplin ilmu pengetahuan yang ketat. Yang penting, ia memberikan 'cabaran, rombakan, perundingan semula' (Giroux, 1992a: 26) batas ilmu pengetahuan yang berciri hegemoni serta memberikan gambaran 'benar' terhadap realiti. Ia juga membantu mempersoalkan dan mencabar idea, nilai, kepercayaan dan amalan hegemoni yang sebelum ini tidak dipersoalkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dicabar dengan seriusnya.[13] Tradisi sains sosial kritikal ini membantu menggalakkan proses wacana kritikal, pembangunan intelektual dan pemberian kuasa.

Kekangan Kajian

Selain dokumen, laporan (Sharon dan Wong, 1974; NCSMMP, 1990; Blake, 1991), dan disertasi akademik (Kassim Yang Razali, 1979; Hashimah Johari, 1984; Nurliza Yusuf, 1986; Shaari bin Tadin, 1987) yang telah memuatkan beberapa perspektif kelas, sejarah dan institusi dalam menganalisis pelbagai aspek peminggiran Melayu Singapura, analisis kelas dan institusi yang lebih sistematik dan menonjolkan pertentangan amalan meritokrasi dan berbilang kaum, serta persoalan tentang idea ketandusan budaya juga telah dibuat oleh penyelidik bukan rakyat Singapura seperti Bedlington (1974) dan Li (1989).

Kajian Bedlington (1974) merupakan kajian pertama yang menyeluruh tentang masyarakat Melayu Singapura dalam zaman pascamerdeka Singapura. Sintesis yang dibuat oleh Li (1990) tentang hubungan dinamik antara perspektif etnografi dan struktur menunjukkan anjakan paradigma daripada idea ketandusan budaya ortodoks. Kajian beliau telah memberikan pandangan baru kepada pelajar yang membuat kajian etnik tentang corak perkahwinan, sosialisasi anak-anak, belanjawan dan kerja rumah orang Melayu. Perbincangan Li tentang diskriminasi yang dihadapi oleh orang Melayu dari segi tenaga kerja, dan kesan kedudukan sosioekonomi orang Melayu daripada dasar PAP yang mengecualikan belia Melayu daripada khidmat negara yang 'diwajibkan' merupakan sumbangan yang bernilai kepada ilmu pengetahuan dan menjadi bacaan yang perlu bagi pelajar yang membuat kajian etnik dan masyarakat Singapura.

Untuk makluman, tidak banyak yang ditulis oleh ahli akademik institut pengajian tinggi Singapura tentang peminggiran sosioekonomi, pelajaran dan politik orang Melayu dari perspektif sistem. Kajian dan kritikal yang terhad dalam bidang ini mungkin disebabkan oleh kesensitifan politik, terutama apabila rumusan yang diputuskan kritikal bagi kerajaan PAP dalam menangani masalah peminggiran orang Melayu dan kumpulan sosial lain yang terpinggir. Ciri kajian yang sensitif dari segi politik dalam bidang yang berkaitan dengan golongan miskin dan peminggiran sosial ini berpunca daripada kepercayaan yang dicanang oleh kerajaan PAP bahawa golongan miskin sendiri bertanggungjawab terhadap kemiskinan ekonomi dan kelemahan budaya mereka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pada umumnya terdapat amalan penapisan diri dan kurangnya kritikan intelektual dalam penulisan tentang Singapura, terutama oleh ahli sains sosial yang bekerja dengan institusi pengajian tinggi Singapura. Penyingkiran Timbalan Setiausaha Agung SDP, Chee Soon Juan, dari Jabatan Psikologi dan Kerja Sosial Universiti Kebangsaan Singapura atas tuduhan yang remeh pada 1992, mungkin menggalakkan lagi budaya penapisan diri di kalangan ahli akademik. Ahli akademik dan siswazah dari institusi pengajian Singapura selalunya cuba mengelak daripada menjalankan kajian yang berkaitan dengan isu sensitif seperti Program Kanak-Kanak Pintar dan sistem aliran awal (Gopinathan dan Gremli, 1988: 161, 162, 171). Ahli akademik ekspatriat pula seboleh-bolehnya cuba mengelak daripada menerbitkan artikel yang kritikal terhadap kerajaan PAP kerana takut kontrak mengajar jangka pendek mereka tidak akan diperbaharui. Kebimbangan tentang kontrak yang tidak dilanjutkan ini terbukti apabila ada ahli akademik ekspatriat yang ditahan dan didakwa di mahkamah atau kontrak mereka ditamatkan kerana berani menerbitkan artikel yang kritikal terhadap kerajaan PAP (Asiawatch, 1990; *IHT*, 2 Ogos 1993). Disebabkan terdapat sekatan politik ke atas kajian sosial di Singapura, maka sejumlah besar kajian sains sosial di Singapura hanya tertumpu pada kaedah kuantitatif (Clammer, 1985: 164), pengumpulan data dan analisis data tanpa menangani isu penting teori atau mencabar asas ideologi dasar kerajaan.

1. Pada 1997, Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa yang berpusat di Geneva telah meletakkan Singapura di tangga kedua, selepas Amerika Syarikat, sebagai ekonomi yang paling berdaya saing di dunia (*ST*, 26 Mac 1997).

2. Laporan Daya Saing Dunia telah dijalankan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa yang berpusat di Geneva dan Forum Ekonomi Dunia (*ST WOE*, Jun 1991).

3. Untuk mewajarkan pencerobohan negara ke atas kehidupan peribadi, Lee Kuan Yew menyatakan dalam sebuah perhimpunan Hari Kebangsaan 1987, 'Saya selalu dituduh mencampuri hal ehwal kehidupan peribadi rakyat... jika tidak, jika saya tidak melakukannya, kita tidak akan berada di sini pada hari ini...kita tidak akan mencapai kemajuan ekonomi, jika kita tidak campur tangan dalam hal yang sangat peribadi - siapa jiran anda, bagaimana cara hidup anda, kebisingan yang anda buat, bagaimana anda meludah... atau bahasa yang anda gunakan....Kami yang menentukan apa yang betul. Jangan pedulikan apa orang fikir. Itu masalah lain.' (cf. Bello dan Rosenfeld, 1992: 318).

4. Kebanyakan pemimpin teknokrat PAP baru seperti Perdana Menteri Goh Chok Tong, Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong dan Menteri Penerangan George Yeo, telah disaring daripada Perkhidmatan Awam dan mempunyai pengalaman politik yang cetek sebelum diambil masuk ke dalam PAP. Biasanya, ramai di kalangan jemaah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Menteri PAP terdiri daripada ahli ekonomi dengan pencapaian akademik yang bukan dalam bidang sains sosial (Yeo, 1982: 27).

5. Dianggarkan 100,000 rakyat Singapura telah berhijrah ke luar negara (*Sunday Times*, 28 Jun 1992).

6. Kaji selidik dijalankan oleh Mastercard International bagi 'Ideal Orang Asia' terhadap tiga belas negara Asia-Pasifik (*ST*, 17 April 1997).

7. Masyarakat Cina meliputi 78 peratus manakala masyarakat India pula meliputi 7 peratus daripada penduduk (*ST WOE*, 25 Mei 1991) yang berjumlah hampir tiga juta orang.

8. Berbeza dengan PAP, pendekatan kepemimpinan Malaysia terhadap ciri berbilang kaum dan ekuiti orang Melayu disarankan dengan jelas oleh Mahathir Mohamad (1970: 68): 'Untuk menjadi setaraf adalah dapat diterima pada setiap strata masyarakat dari segi sosial, ekonomi dan politik sehingga ke tahap yang menunjukkan keseimbangan penduduk berbilang kaum.'

9. Seksyen 152 Perlembagaan Singapura memperuntukkan: 'Dasar Kerajaan Singapura hendaklah diberikan pertimbangan dan kepentingan pada setiap masa dalam mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu sebagai penduduk peribumi pulau itu dan juga bangsa yang sangat memerlukan bantuan, dan oleh yang demikian menjadi tanggungjawab Kerajaan Singapura untuk melindungi, menyokong, memelihara dan menggalakkan kepentingan politik, pelajaran, agama, ekonomi, sosial dan budaya mereka serta penggunaan bahasa Melayu.'

10. Dalam masyarakat sedemikian, masyarakat etnik yang dominan berasa mudah terjejas dan tidak selamat kerana mereka merupakan masyarakat etnik minoriti di rantau itu.

11. Ahli teori konflik ortodoks pendidikan (Bowles & Gintis, 1976) lebih memandang rendah potensi sektor pelajaran sebagai tempat reformasi dan penentangan sosial. Mereka berpendapat sekolah hanya sekadar tempat menghasilkan semula pembahagian kelas, gender dan etnik yang ada dan berfungsi menstabilkan aturan ekonomi dan politik.

12. Temu bual penulis dengan Ahmad Mattar dan Abdullah Tarmugi dimasukkan dalam Lampiran.

13. Seperti yang dinyatakan oleh Wirth (1960: 36), 'Perkara paling penting...yang dapat kita ketahui tentang insan [*sic*] ialah apa yang dianggapnya, dan perkara yang paling jarang dibahaskan biasanya dianggap sebagai sudah selesai.'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

BAHAGIAN I
JATI DIRI DAN IDEOLOGI




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

2
Peribumi, Islam dan Hidup Terpinggir dalam Masyarakat

> Dasar Kerajaan Singapura hendaklah diberikan pertimbangan dan kepentingan pada setiap masa dalam mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu sebagai penduduk peribumi pulau itu dan juga bangsa yang sangat memerlukan bantuan, dan oleh yang demikian menjadi tanggungjawab Kerajaan Singapura untuk melindungi, menyokong, memelihara dan menggalakkan kepentingan politik, pelajaran, agama, ekonomi, sosial dan budaya mereka serta penggunaan bahasa Melayu (Seksyen 152, Perlembagaan Singapura).

Jati diri Melayu Raya, kesedaran tentang Islam dan peminggiran sosioekonomi masyarakat Melayu menjadi sebahagian daripada jalinan unsur rencam yang mencanai jati diri Melayu Singapura. Bab ini meletakkan kedudukan masyarakat peribumi dalam lingkungan konteks serantau, yang menyingkap sifat jati diri Melayu Raya, dan hubungan mereka dengan masyarakat Melayu lain dalam sempadan Alam Melayu. Peri pentingnya pengaruh Islam dalam membentuk jati diri Melayu juga diambil kira. Walaupun Islam berperanan memperkukuh jati diri Melayu Raya tetapi ia juga sedikit demi sedikit mengikis amalan peribumi bangsa Melayu. Pengaruh Islam dan ciri peribumi yang tidak seimbang dalam membentuk jati diri Melayu dipengaruhi oleh keadaan sosiopolitik serantau dan juga keadaan dalam setiap negara Alam Melayu. Keterusan dan takat peminggiran sosioekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu dibincangkan dengan tujuan untuk meluahkan rasa kekurangan yang mereka alami. Penghayatan tentang amalan peribumi, jati diri Islam serta peminggiran sosioekonomi, pendidikan dan politik masyarakat Melayu merupakan asas untuk memahami siapakah Melayu itu, kedudukan mereka dalam masyarakat, malah membantu mengenal pasti keresahan dan aspirasi mereka.


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Jati diri Melayu Raya Peribumi

Orang Melayu Singapura berkongsi 'mitos' keturunan yang sama,[1] unsur tradisi budaya bersama, pertalian sejarah dengan rantau atau wilayah tertentu (Smith, 1988; Connor, 1992), dan kesamaan bahasa dengan lebih daripada 200 juta orang penduduk peribumi di Kepulauan Melayu (yang biasanya disebut sebagai Nusantara atau Alam Melayu). Masyarakat berbudaya Nusantara serantau pada umumnya termasuklah gagasan politik penjajah dan pascapenjajah yang kini dirujuk sebagai Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Filipina dan wilayah selatan Thailand.[2]

Catatan sejarah menunjukkan orang Melayu mula berhijrah ke Kepulauan Melayu dari tanah besar Asia antara tahun 2,000 hingga 5,000 SM (Bellwood, 1985: 120). Dalam lingkungan Kepulauan itu sendiri, sejarawan mencatatkan pergerakan secara besar-besaran peribumi Melayu dari satu rumpun ke rumpun yang lain. Pergerakan secara besar-besaran atau penghijrahan dalaman ke rumpun yang lain dalam Kepulauan Melayu dibantu oleh kegiatan perdagangan, kejatuhan dan kebangkitan pusat kuasa dinasti, dan perasaan jati diri serantau yang menyeluruh (Andaya dan Andaya, 1982). Hakikat bahawa seorang putera Hindu Majapahit, Sang Nila Utama, dan keturunannya dapat mengasaskan kerajaan mereka di Temasik dan Melaka sejak abad ketiga belas lagi, dan kemudiannya bertapak di Kepulauan Riau menunjukkan betapa mudahnya integrasi dan mobiliti budaya Melayu dari satu rumpun ke rumpun yang lain berlaku dalam lingkungan Nusantara. Sejarah Temasik sebagai sebahagian daripada kerajaan Sriwijaya, Majapahit dan Johor Riau melambangkan rangkaian budaya yang menyeluruh ini.

Apabila penduduk peribumi Nusantara mulai sedar akan bilangan mereka yang semakin berkurangan dan kedudukan sosial mereka yang bertambah lemah ketika ditakluki oleh penjajah Barat, maka jati diri rumpun suku-bangsa semakin dibayangi oleh jati diri Melayu Raya yang seragam. Berlaku pengukuhan jati diri peribumi Melayu Raya walaupun Nusantara dipecahbelahkan oleh rejim penjajah British, Belanda dan Sepanyol. Di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, jati diri Melayu Raya dapat memupuk rasa selamat terhadap pemasukan secara beramai-ramai pendatang asing Cina dan India[3] yang tampaknya melemahkan lagi keyakinan mereka.

Kesedaran Melayu Raya Nusantara yang terpendam dapat diperhatikan apabila ia diluahkan dalam perjuangan nasionalis menentang penjajah. Penyatuan semula Hindia Timur Belanda dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

British Malaya di bawah panji-panji Melayu Raya menjadi seruan lantang yang popular terutamanya di kalangan nasionalis awal Melayu di Tanah Melayu dan Singapura.[4] Dengan sentimen antipenjajah yang berapi-api, pelajar Melayu di Universiti Al-Azhar di Kaherah dan Maktab Perguruan Sultan Idris di Perak dengan semangat kebangsaan memperjuangkan konsep Melayu Raya dalam tahun 1920-an (Jarvis, 1991: xcviii). Pergolakan sentimen nasionalis dan Melayu Raya biasanya dipaparkan dalam akhbar Melayu seperti *Utusan Melayu* dan *Majlis* (ibid). Selain sokongan moral yang dihulurkan terhadap perjuangan kemerdekaan Indonesia pada zaman pascaperang, orang Melayu Singapura memainkan peranan penting membantu tokoh nasionalis Indonesia yang pusat operasinya di Singapura. Malah, perjuangan antipenjajah yang didukung oleh nasionalis Indonesia yang diibaratkan seperti 'pertempuran sulung', tampaknya memuncakkan lagi perikatan Melayu Raya di seluruh Selat Melaka.

Semangat juang nasionalis Indonesia radikal yang membangkitkan semangat nasionalis Melayu berhaluan kiri seperti Burhanuddin, Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad yang juga berkongsi wawasan untuk menyatukan dan mengukuhkan Melayu Raya, dengan harapan bagi membentuk masyarakat yang lebih egalitarian. Parti politik Melayu seperti Parti Nasionalis Malaya (MNP) dan Parti Rakyat Malaya (PRM) juga bangkit berlandaskan konsep Melayu Raya. Kesedaran tentang Melayu Raya ini menjadi semakin kukuh dan mendapat tempat apabila nasionalis Melayu seperti Ibrahim Yaacob bertemu pemimpin nasionalis Indonesia Sukarno dan Hatta di Taiping, Perak pada 1945 dan berikrar akan setia kepada ibu pertiwi yang satu, iaitu Tanah Melayu dan Indonesia (Soenarno, 1959: 234).

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan oleh nasionalis Indonesia bukan sahaja memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat berbilang bahasa di Hindia Timur Belanda, tetapi juga mengukuhkan lagi hubungan dengan orang Melayu yang bertutur bahasa tersebut di *British Malaya*. Peningkatan celik huruf membantu menyemarakkan jati diri Melayu Raya apabila semakin ramai orang Melayu mula membaca akhbar dan artikel jurnal tentang keaiban dan ketidakadilan yang ditanggung oleh orang Melayu dan Indonesia di bawah pemerintahan penjajah Barat.

Kegagalan untuk membahagikan sempadan penjajah dengan sewenang-wenangnya dalam usaha melemahkan jati diri Melayu Raya di Singapura sejurus selepas Perang Dunia Kedua telah dicatat oleh Djamour (1959) dalam kajian rintis beliau tentang pertalian kekeluargaan orang Melayu di pulau itu. Daripada catatan Djamour

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

didapati bahawa walaupun terdapat perbezaan wilayah, namun wujud perpaduan dalam kelompok yang padu di kalangan orang Melayu Singapura.[5] Perpaduan dalam kelompok ini lebih terserlah terutamanya apabila orang Melayu berinteraksi dengan masyarakat bukan Melayu. Bedlington (1974: 12) juga melihat kekuatan jati diri Nusantara di kalangan orang Melayu Singapura yang melihat diri mereka sebagai masyarakat kecil yang mewakili Nusantara. Semangat perpaduan dalam kelompok orang Melayu Singapura yang padu ini diperhebat lagi oleh kepatuhan mereka secara bersama terhadap agama Islam, status unik mereka sebagai sebahagian daripada etnik minoriti di Nusantara, dan yang penting, mereka rasa tidak terjamin ekoran terpinggir dari segi sosioekonomi di pulau yang didominasi oleh orang Cina. Dalam satu kajian yang berkaitan dengan jati diri orang Melayu Singapura, Nurliza Yusuf (1986: 5-6) mendapati Melayu Singapura memiliki jati diri peribumi dan serantau yang mendalam timbul daripada kesedaran mereka yang kuat tentang kedudukan Singapura dalam Nusantara atau Alam Melayu. Kesedaran Melayu Raya ini dinyatakan dengan jelasnya oleh salah seorang pemberi maklumat yang berkata: 'Kepulauan Melayu bagaikan rumah yang besar. Orang Melayu Singapura hanya tukar bilik dan bukannya tukar rumah.'

Proses menggolongkan jati diri suku bangsa Melayu atas nama jati diri Melayu Raya yang lebih luas oleh orang Melayu Singapura dapat dilihat apabila mereka mengisi bahagian pengenalan bangsa dalam Banci Penduduk. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1, bilangan orang Melayu yang menganggap diri mereka sebagai bangsa Melayu diperhatikan banyak meningkat dari tahun 1931 sehinggalah 1980. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam pengenalan diri sebagai suku bangsa Melayu dalam Banci Penduduk pada tahun 1990 bolehlah dikatakan berpunca daripada kaedah pecahan kategori Melayu yang dibuat dalam Banci 1990 itu. Berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya, di mana pekerja Banci menerima sahaja maklumat latar belakang etnik yang diberikan oleh responden, tetapi dalam proses Banci tahun 1990, buat pertama kalinya bangsa Melayu dipecahkan kepada kategori Melayu, Jawa, Bugis dan Boyan (Sunday Times, 28 Jun 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 2.1

Pecahan Banci Kumpulan Melayu dan Suku Bangsa Melayu di Singapura

Kumpulan Melayu	*1931*	*1947*	*1957*	*1970*	*1980*	*1990*
Melayu	57.5	61.8	68.8	86.1	89.0	68.3
Jawa	24.5	21.7	18.3	7.7	6.0	17.2
Boyan	14.4	13.5	11.3	5.5	4.1	11.3
Bugis	1.2	0.6	0.5	0.2	0.1	0.4
Banjar	0.7	0.3	0.2	0.1	tidak didapati	tidak didapati
Kumpulan Melayu lain dan Indonesia	1.7	2.1	0.9	0.4	0.8	2.9

Sumber: Pang, 1984: Lampiran m; *Sunday Times*, 28 Jun 1992.

Pengaruh tentang kesedaran Melayu Raya Nusantara di kalangan orang Melayu Singapura terbukti melalui usaha mereka menjalinkan hubungan serantau menerusi penggalakan aktiviti forum serantau di Singapura. Persatuan Kemunting Singapura menganjurkan pertemuan drama tiga negara ASEAN (Singapura, Malaysia dan Indonesia) dan Festival Drama Nusantara pada awal 1980-an. Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) menganjurkan pertemuan antara Guru Nusantara pada 1985, manakala Kesatuan Wartawan Melayu Singapura menganjurkan pertemuan antara Wartawan Nusantara pada 1988 (*ST*, 11 Februari 1992). Kesedaran Nusantara rakyat Indonesia pula terserlah apabila mereka menjadi tuan rumah bagi festival budaya Melayu di Batam pada 1992. Para peserta termasuk rombongan budaya dari Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia, iaitu tatanegara bagi negara dalam era moden yang saling berkait antara satu sama lain dari segi sejarah dan budaya. Dewan Perniagaan Serumpun yang dianggotai oleh enam ahli yang terdiri daripada dewan perniagaan Melayu dari Singapura, Brunei, Pulau Pinang, Johor, Jakarta dan Batam ditubuhkan pada 1992. Aktiviti dan daya usaha bersama Nusantara ini tampaknya telah memberikan orang Melayu Singapura rasa selamat dari segi budaya, rangkaian perniagaan dan semangat psikologi yang makin bertambah ekoran daripada jati diri mereka yang saling berkait dari segi sejarah dan budaya dengan majoriti Melayu di rantau ini.

Rangkaian sejarah, etnik dan budaya yang menyeluruh di kalangan bumiputera Melayu, kepentingan yang menunjang penghijrahan dalaman orang Melayu dari satu rumpun ke satu rumpun Nusantara yang lain, ditambah pula dengan hakikat bahawa Malaysia dan Singapura

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

era moden dari segi sejarah telah berkembang daripada satu tatanegara Melayu, tampaknya tidak difahami oleh sebilangan masyarakat bukan Melayu. Manifestasi tentang kurang pemahaman ini menyebabkan timbulnya persoalan yang tidak ada kesudahannya tentang status peribumi orang Melayu di Malaysia dan Singapura. Sepanjang tempoh kekecohan penyatuan Singapura ke dalam Malaysia, Lee Kuan Yew (*ST*, 5 Mei 1965) mencabar kedudukan dan hak istimewa berperlembagaan orang Melayu di Malaysia dengan mengatakan bahawa taraf peribumi orang Melayu tidak ada lebihnya jika dibandingkan dengan orang Cina, India dan masyarakat pendatang yang lain. Didorong sama ada oleh agenda politik yang menjurus untuk memajukan kepentingan politik PAP ataupun kerana memang betul-betul jahil tentang sejarah, budaya dan penduduk peribumi di rantau ini, Lee mengaitkan orang Melayu Malaysia dari keturunan Indonesia sebagai pendatang yang sepatutnya setaraf dengan masyarakat pendatang yang lain[6] (Mauzy, 1983: 32). Kesimpulan serupa yang meragui keperibumian orang Melayu terus dilakukan oleh orang bukan Melayu di Singapura dan sesetengah ahli politik bukan Melayu di Malaysia.

Jati diri Islam

Sememangnya diterima umum bahawa orang Melayu di Nusantara diperkenalkan kepada agama Islam melalui pedagang Islam dari India pada abad ketiga belas (Wertheim, 1959; Fatimi, 1963). Namun begitu, hanya semasa pemerintahan Empayar Melaka pada abad kelima belas, orang Melayu mula memeluk Islam secara beramai-ramai. Oleh yang demikian, dalam tempoh hampir 1,000 tahun sebelum tersebarnya Islam di Nusantara, kebanyakan pemerintah Melayu dan rakyat mereka beragama Hindu (Nurliza Yusuf, 1986: 49). Mengikut sejarah, kebanyakan orang Melayu di Nusantara telah menganuti agama Hindu lebih lama daripada mereka menganuti agama Islam. Dalam konteks inilah, maka masih terdapat saki-baki elemen Hindu dalam adat istiadat orang Melayu hari ini dan justeru itu keutuhan tentang kesedaran etnik yang diungkapkan oleh ramai orang Melayu benar-benar dapat difahami.

Hanya sejak abad kedua puluh kesedaran Islam mula menjadi manifestasi politik dan sosial yang ketara di Nusantara. Kesedaran politik dan sentimen nasionalis Melayu tampaknya menyemarakkan dan di semarakkan oleh kesedaran Islam yang melanda. Menjelang dasawarsa awal abad kedua puluh, Islam makin menjadi ideologi penggerak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penting dalam membentuk nasionalisme dan jati diri orang Melayu bagi menghadapi kemasukan secara beramai-ramai pendatang asing dan pemerintahan penjajah yang terus berkuat kuasa. Orang Melayu Islam bukan sahaja merupakan masyarakat etnik dominan tetapi juga komuniti agama yang dominan di Kepulauan ini.[7] Kebangkitan kesedaran Islam, ditambah pula dengan peningkatan dalam ketegasan jati diri orang Melayu, berkesudahan dengan upacara menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, yang buat pertama kalinya mengiktiraf Islam sebagai komponen penting dalam pembentukan ciri kemelayuan (Mohamed Suffian, 1972: 291). Ini menjadi titik tolak kepada penggabungan jati diri Melayu dengan Islam.[8] Semenjak itu, untuk dianggap secara rasmi sebagai orang Melayu (di Malaysia dan Singapura), seseorang itu mestilah beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, dan mengamalkan adat resam orang Melayu. Keperibumian, sekurang-kurangnya secara rasminya, telah diketepikan dan diletakkan ke taraf kedua dalam pembentukan ciri Kemelayuan ini.[9] Yang menariknya, ada sesetengah penulis (Nagata, 1979; Hussin Mutalib, 1990: 310) pernah mengatakan apabila dua pola latar diri ini (iaitu Islam dan etnik Melayu) dikaitkan, maka jati diri sebagai orang Melayu sering dilihat sebagai tanda pengenalan yang lebih dominan.

Ada antara pemerhati (Mohammad, ST, 14 Mei 1989; Hussin Mutalib, 1990: 158) berpendapat bahawa kesedaran etnik yang kuat dan amalan budaya tradisional orang Melayu sebelum kedatangan Islam telah mencemarkan kebangkitan semula Islam, menjejaskan kesedaran Islam dalam masyarakat, dan membantutkan pembangunan sosioekonomi mereka. Maka atas dasar ini, mereka menyeru supaya amalan budaya orang Melayu sebelum kedatangan Islam dibasmi.[10] Pendapat seumpama ini menunjukkan sikap kurang peka tentang fakta bahawa amalan Islam oleh mana-mana masyarakat sememangnya berlandaskan pengaruh sejarah, politik, budaya, ekonomi dan sosial tertentu yang menjadikan agama itu seolah-olah berakar umbi dari tempat tersebut. Sebagaimana terdapatnya kepelbagaian ragam menjadi orang Melayu dan memperlihatkan ciri kemelayuan, maka begitulah juga banyaknya ragam sebagai orang Islam (Mariam Mohd. Ali, 1990: 129),[11] cara mem-perlihatkan jati diri Islam, dan cara mereka mentafsir Islam.[12] Contohnya, kebangkitan semula Islam di Indonesia lebih cenderung tertumpu kepada isu kemiskinan dan jurang pendapatan, manakala di Malaysia dan Singapura, Islam lebih tertumpu kepada persoalan jati diri etnik itu sendiri (Muzaffar, 1986: 151). Begitu juga, amalan dan tafsiran Islam oleh orang Arab di Timur Tengah sangat


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

berbagai-bagai dan berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain, dengan amalan budaya
orang Arab sebelum kedatangan Islam dimasukkan ke dalam adat resam orang Arab Islam pada zaman ini.

Tafsiran baru perkataan Melayu (yang dihubungkaitkan dengan Islam) ini telah menafikan taraf Melayu bagi kalangan bumiputera bukan Islam di Nusantara seperti suku bangsa Batak Kristian,[13] sebaliknya memudahkan orang Islam bukan peribumi seperti orang India Islam dan Arab dan segi teorinya dianggap sebagai Melayu.[14] Namun begitu, bagi orang Melayu, status peribumi tetap diutamakan jika dibandingkan dengan status agama, dan ini dibuktikan dalam kajian (Nagata, 1979; Nurliza Yusuf, 1986: 57: Long, 1989) yang mendapati bahawa mereka yang memeluk Islam atau 'masuk Islam' tidak akan diterima atau dianggap sebagai 'masuk Melayu' secara automatik. Selain mengiktiraf orang Melayu sebagai peribumi Singapura, ketiadaan takrif Melayu perlembagaan dalam Singapura menjadikan kriteria peribumi lebih penting dalam memahami 'Melayu' oleh masyarakat Melayu itu sendiri.

Kekaburan yang menyelubungi penanda sempadan bagi orang Melayu dijadikan contoh dalam pelbagai takrif dan kriteria pentadbiran Melayu di Singapura.[15] Contohnya, pengelasan pelajar Melayu yang layak mendapat yuran persekolahan percuma dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Awam seperti jelas menunjukkan keutamaan diberikan kepada golongan peribumi, dan dengan khususnya mengetepikan pelajar Islam bukan peribumi yang bukan berketurunan Melayu dan juga mereka yang 'menganut agama Islam tetapi berketurunan Pakistan, Arab dan India (cf. Chew Oon-Ai, 1978: 177). Banci Penduduk 1980 secara samar-samar mentakrif Melayu sebagai 'orang yang asalnya Melayu atau Indonesia seperti orang Jawa' tanpa mengaitkannya dengan Islam. Walaupun sembilan Ahli Parlimen Melayu mengusulkan kepada Jawatankuasa Pilihan untuk Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC) supaya memasukkan kriteria Islam ke dalam takrif Melayu (*ST*, 3 Februari 1988), tetapi Jawatankuasa Pilihan tersebut akhirnya mentakrif Melayu bukan dari segi Islam. Menurut Jawatankuasa Pilihan itu, Melayu ialah 'orang Melayu, Jawa, Boyan, Bugis, Arab atau mana-mana orang lain yang pada umumnya diterima sebagai ahli dalam masyarakat Melayu oleh masyarakat itu sendiri' (*ST*, 11 Mei 1988).[16]

Sokongan padu untuk menegakkan betapa pentingnya kriteria keperibumian Melayu di Malaysia telah disuarakan oleh bekas Menteri Luar Negeri Tan Sri Ghazali Shafie (*ST*, 8 Oktober 1991) dalam satu forum di Kuala Lumpur bertajuk 'Dari Malayan Union ke 2020' pada bulan Oktober 1991. Ghazali menegaskan bahawa takrif Melayu (yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dihubungkaitkan dengan Islam) yang ada sekarang terlalu tegar kerana ia mengetepikan golongan bangsa Melayu lain yang bukan Islam dari ruang lingkup Alam Melayu. Dalam perjumpaan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di Perlis sebulan sebelum itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak (*ST*, 8 Oktober 1991) pula menyeru ahli UMNO supaya memikirkan dengan teliti konsep Melayu Kepulauan dalam pengertian yang lebih luas. Sejajar dengan jati diri Nusantara yang menyeluruh ini, maka tidak hairanlah pada pertengahan 1990-an, UMNO menjadi parti bumiputera, dan bukannya lagi parti orang Melayu, apabila bumiputera bukan Islam dibenarkan menjadi ahli parti tersebut. Malah sudah menjadi kebiasaan bagi kerajaan Malaysia mengaitkan konsep serumpun dalam memerihalkan hubungannya dengan Indonesia dan golongan Melayu lain di rantau ini. Konsep serumpun ini, dengan penekanannya terhadap keperibumian, menggambarkan tekad politik yang muncul supaya dapat lebih memahami dan memberikan pengiktirafan yang lebih menyeluruh terhadap hubungan sebelum kedatangan Islam, persamaan bentuk budaya dan bahasa di kalangan bangsa Melayu di rantau ini.

Hidup Terpinggir dalam Masyarakat

Sepanjang zaman pemerintahan penjajah di Singapura, masyarakat Melayu sentiasa hidup dalam keadaan terpinggir dari segi sosioekonomi, pelajaran dan politik.[17] Dalam penghujung dekad abad kedua puluh, selepas hampir tiga puluh tahun Singapura mencapai kemerdekaan politik, taraf mereka masih tidak berubah. Keadaan ini menyebabkan jati diri Melayu menjadi bertambah kompleks yang bukan sahaja sebagai orang Singapura, peribumi, dan Islam tetapi juga terpinggir dari segi sosioekonomi, pelajaran dan politik. Antara lewat 1950-an sehingga 1982, iaitu apabila badan bukan kerajaan milik Melayu/Islam, Mendaki ditubuhkan, kerajaan PAP menerima pakai pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap kelemahan sosioekonomi dan pelajaran yang menyelubungi masyarakat Melayu, ketika jurang sosioekonomi dan pelajaran antara orang Melayu dengan orang Cina semakin jauh (Jadual 2.2).

Seperti yang tertera pada Jadual 2.2, jurang antara Melayu dengan Cina dalam dua kategori pekerjaan yang tertinggi ialah 2.3 peratus pada 1957, yang meningkat kepada 4.1 peratus pada 1970 dan 9.6 peratus pada 1980.[18] Sebaliknya terdapat nisbah yang lebih kurang sama antara Melayu dengan Cina dalam kategori kerja buruh pada 1957, tetapi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menjelang 1980 nisbah orang Melayu 10 peratus lebih tinggi dalam kumpulan pekerjaan ini. Pada tahun 1980-an, masyarakat Cina terus menikmati mobiliti pekerjaan yang lebih tinggi berbanding masyarakat Melayu dan India (Jadual 2.3).

JADUAL 2.2

Pekerja Lelaki Melayu dan Cina Berumur Sepuluh Tahun dan ke atas mengikut Pekerjaan (peratus)

	1957		1970		1980	
Pekerjaan	Melayu	Cina	Melayu	Cina	Melayu	Cina
Profesional & Teknikal	2.8	3.6	4.4	6.7	4.6	8.3
Pentad. & Pengurusan	0.3	1.8	0.3	2.1	0.8	6.7
Perkeranian	15.0	11.5	13.9	11.2	13.0	8.5
Jualan	3.0	23.8	3.7	20.0	3.1	15.4
Perkhidmatan	13.7	9.0	21.6	7.6	18.0	6.2
Pertanian & Perikanan	10.0	7.6	5.9	4.6	3.1	2.5
Pengeluaran & Pengangkutan	42.1	42.3	45.4	43.2	53.5	43.2
Tidak dikelaskan	13.1	0.4	4.8	4.6	3.7	9.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Li, 1989: 102.

Sungguhpun terdapat penurunan sebanyak 25.3 peratus pekerja lelaki Cina yang berpendapatan kurang daripada $400 sebulan antara tahun 1975 sehingga 1980, tetapi nisbah pekerja lelaki Melayu dalam kategori pendapatan itu pula meningkat sebanyak 1.5 peratus dalam tempoh yang sama. Manakala terdapat peningkatan sebanyak 5.9 peratus pekerja lelaki Cina yang berpendapatan lebih daripada $1,000 sebulan antara tahun 1975 sehingga 1980, berbanding nisbah pekerja lelaki Melayu yang hanya meningkat 1.9 peratus (Jadual 2.4). Sepanjang tahun 1980-an, tahap pendapatan relatif masyarakat Melayu tidak menggalakkan. Pada 1980, purata pendapatan isi rumah orang Melayu ialah 73.8 peratus daripada purata pendapatan isi rumah orang Cina (Jadual 2.5). Tahun 1990 pula, jurang pendapatan semakin jauh kerana purata pendapatan isi rumah orang Melayu jatuh kepada 69.8 peratus daripada purata pendapatan isi rumah orang Cina[19] (Jesudason, 1993:16).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 2.3
Taburan Pekerjaan mengikut Kumpulan Etnik (peratus)

Pekerjaan	Cina		Melayu		India	
	1980	1990	1980	1990	1980	1990
Profesional & Teknikal	9.0	17.5	4.8	6.6	8.8	12.0
Pentad. & Pengurusan	5.2	9.6	0.5	0.9	3.6	5.4
Perkeranian	16.0	13.4	14.3	15.3	13.8	11.9
Jualan & Perkhidmatan	22.6	14.0	20.8	14.2	28.5	12.9
Pertanian & Perikanan	1.9	0.3	2.3	0.2	1.3	0.0
Pengeluaran	38.6	38.3	54.2	54.8	36.0	51.3

Sumber: Jesudason, 1993: 17.

Pada tahun 1980-an, sedikit sahaja tanda-tanda yang menunjukkan jurang pelajaran antara pelajar Melayu dengan Cina semakin rapat, sebaliknya dalam kebanyakan kes ia semakin jauh berbeza. Di peringkat pendidikan tinggi (Jadual 2.6), pelajar Cina tampaknya mendahului dengan 2.9 peratus peningkatan dalam kemasukan ke universiti antara tahun 1980 sehingga 1990, berbanding peningkatan 1.7 peratus bagi pelajar India dan hanya 0.8 peratus peningkatan bagi pelajar Melayu. Yang ketaranya, majoriti (55 peratus) mahasiswa Melayu pada 1990 mendaftar dalam fakulti Sastera berbanding 35.5 peratus mahasiswa India dan 25.7 peratus mahasiswa Cina. Manakala pada 1990, hanya 2.4 peratus mahasiswa Melayu yang mendaftar dalam fakulti perubatan berbanding 8.2 peratus mahasiswa India dan 6 peratus mahasiswa Cina (*ST WOE*, 1 Mei 1992).

JADUAL 2.4
Pendapatan Bulanan Pekerja Lelaki Melayu dan Cina (peratus)

Tahun	Pendapatan <$400		Pendapatan >$1,000	
	Melayu	Cina	Melayu	Cina
1975	62.6	67.1	0.8	7.0
1978	78.8	53.3	1.8	8.9
1980	64.1	41.8	2.7	12.9

Sumber: Kementerian Buruh, *Laporan Kaji Selidik Tenaga Buruh*, 1975, 1978, 1980; Li, 1989; 103.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 2.5

Pendapatan Bulanan Ketua Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik, 1980 dan 1990 (peratus)

	Jumlah		*Cina*		*Melayu*		*India*		*Lain-lain*	
	1980	*1990*	*1980*	*1990*	*1980*	*1990*	*1980*	*1990*	*1980*	*1990*
Bawah 1,000	57.6	16.0	56.9	15.7	67.7	17.0	61.6	16.7	23.2	16.6
1.000-1,499	16.7	13.6	17.1	12.8	17.5	18.7	15.3	14.4	7.8	10.8
1,500-1,999	9.6	13.5	9.9	12.7	8.5	18.3	8.8	14.2	7.2	9.3
2,000-2,999	8.6	20.1	9.1	19.6	4.8	23.4	8.1	21.6	14.6	16.4
3,000-3,999	3.5	13.0	3.6	13.3	0.9	11.6	3.0	13.0	13.1	11.8
4.000-4,999	1.7	8.2	1.6	8.6	0.3	5.6	1.3	7.4	10.6	8.9
>5,000	2.3	15.6	1.8	17.3	0.3	5.4	1.9	12.7	23.5	26.2
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Purata ($)	1,228	3,076	1,213	3,213	896	2,246	1,133	2,859	3,225	3,885

Sumber: Jesudason, 1993: 17.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Jurang pelajaran antara orang Melayu dengan bukan Melayu kian mencemaskan apabila diambil kira peratus siswazah sebagai ketua isi rumah bagi setiap masyarakat etnik. Manakala hanya 1.4 peratus isi rumah Melayu pada 1990 yang diketuai[20] oleh mereka yang mempunyai kelayakan pendidikan peringkat tinggi, bagi isi rumah Cina ialah 9.6 peratus dan 6.4 peratus isi rumah India (*ST*, 28 November 1992). Pada peringkat sekolah rendah dan menengah, jurang pelajaran juga kelihatan semakin jauh berbeza antara orang Melayu dengan bukan Melayu sepanjang tahun 1980-an. Pada tempoh tersebut juga, peratus orang Melayu yang lulus, berbanding orang Cina, bagi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dan Sijil Am Pelajaran (GCE 'O' Level) berbeza antara 3-5 peratus (NCSMMP, 1990: 104). Menjelang awal 1990-an, satu-satunya tanda yang menunjukkan pengurangan jurang pelajaran adalah bagi keputusan PSLE 1992, dengan pelajar Melayu menunjukkan peningkatan 6.5 peratus daripada keputusan PSLE 1991 mereka, berbanding peningkatan 1 peratus bagi pelajar Cina dan 5 peratus bagi pelajar India (*ST WOE*, Julai 1993).

JADUAL 2.6
Peratus Setiap Kumpulan Etnik yang Memasuki Universiti

Kumpulan Etnik	1980	1990
Cina	1.5	4.4
Melayu	0.2	1.0
India	1.4	3.1
Lain-lain	2.2	3.2

Sumber: *ST WOE*, 1 Mei 1992.

Perbezaan sosioekonomi antara masyarakat Melayu dengan bukan Melayu dapat dilihat melalui tahap bilangan etnik yang tinggal bukan di kawasan perumahan awam. Ciri eksklusif tinggal di kawasan perumahan persendirian ditunjukkan melalui fakta bahawa pada 1990 purata pendapatan bulanan bagi setiap isi rumah ialah $6,423, iaitu melebihi dua kali ganda purata pendapatan bulanan setiap isi rumah peringkat negara, iaitu $3,076 (*ST*, 28 November 1992). Ciri eksklusif tinggal di kawasan perumahan persendirian menjadi lebih relevan memandangkan fakta bahawa 85.7 peratus daripada jumlah penduduk pada 1990 tinggal di kawasan perumahan awam yang disediakan oleh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) (*ST WOE*, 25 Mei 1991). Hanya 1.4 peratus orang Melayu yang tinggal di kawasan perumahan persendirian berbanding 11.8 peratus orang Cina dan 9.3 peratus orang India (*ST WOE*, 25 Mei 1991).

Kekurangan Relatif

Yang pastinya, orang Melayu juga ada mencapai kemajuan mutlak dalam bidang sosioekonomi dan pelajaran semenjak kemerdekaan Singapura pada 1965 (Jadual 2.7). Sejak awal 1990-an, isu kemajuan mutlak dan 'pencapaian besar' masyarakat Melayu selalu ditekankan oleh kepemimpinan PAP dan pihak media (Goh Chok Tong, *ST*, 16 April 1991; A. Mattar, 16 April 1991). Rencana yang memuji kisah kejayaan individu Melayu, ditambah pula dengan data tentang kemajuan pelajaran dan pekerjaan mereka, sering terpampang di dada akhbar tempatan (*ST*, 12 Oktober 1992; *ST*, 16 Mei 1993).

JADUAL 2.7
Kemajuan Mutlak yang Dicapai oleh Orang Melayu (peratus)

	1980	*1990*
Pelajaran		
Kanak-kanak yang bersekolah (6-16 tahun)	85	93
Kadar kelulusan PSLE	72	74
Kelulusan 3 'O' Level	48	77
Perumahan		
Pemilik rumah	49	92
Tinggal di rumah 4 bilik atau rumah pangsa HDB yang lebih besar	8	40
Pekerjaan		
Profesional, teknikal dan pengurusan	7	11

Sumber: *ST*, 12 Oktober 1992.

Sungguhpun kemajuan mutlak yang agak banyak dicapai oleh masyarakat Melayu ditonjolkan, namun begitu pihak akhbar sering juga diingatkan oleh pemimpin PAP supaya tidak membuat perbandingan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

antara kumpulan etnik lain, kerana itu dikatakan sebagai 'gangguan yang keterlaluan' (rencana pengarang *ST*, 8 Julai 1987), 'memudaratkan' (Mattar, *ST*, 16 April 1991; *ST*, 11 Jun 1995), dan 'perangkap psikologi' (Lee Kuan Yew, *ST*, 7 Julai 1987) yang hanya akan melemahkan semangat orang Melayu kerana 'keadaan mereka masih lagi seperti dahulu atau lebih teruk lagi' (*ST*, 5 Februari 1990). Dengan kata lain, orang Melayu diandaikan akan berpuas hati dengan kemajuan mutlak masyarakat mereka walaupun tidak ada sebarang kemajuan yang ketara untuk merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran dengan masyarakat bukan Melayu. Seperti yang akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam Bab 4, sikap berwawasan kepemimpinan PAP terhadap perbandingan antara etnik adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh pendirian mereka yang berpegang teguh pada idea ketandusan budaya dan juga pada pandangan golongan penentu dari segi biologi yang pada asasnya menyalahkan kekurangan nilai budaya dan batasan intelektual sejadi masyarakat etnik itu sendiri yang menyebabkan mereka terpinggir dalam masyarakat.

Usaha kerajaan PAP ke arah melahirkan rasa puas di kalangan orang Melayu dengan kemajuan mutlak yang dicapai dan tidak menggalakkan perbandingan antara etnik tidak berjaya mengurangkan rasa kekurangan relatif yang pada umumnya sangat dirasai oleh masyarakat Melayu kerana keadaan mereka yang masih terpinggir dalam masyarakat dari segi sosioekonomi (Nurliza Yusuf, 1986; Li, 1989; Kassim Yang Razali, 1990). Seperti yang dinyatakan oleh Kassim Yang Razali (1990:113), 'Sebagai rakyat, mereka tidak begitu gembira. Mereka berasa mereka masih jauh ketinggalan... Walaupun statistik sosioekonomi mungkin menunjukkan mereka ada membuat kemajuan jika diukur daripada pencapaian mereka sendiri sejak beberapa tahun kebelakangan ini, tetapi apabila mereka membandingkannya dengan pencapaian masyarakat Cina yang semakin maju ke depan, sehingga merasakan yang mereka tidak langsung mencapai apa-apa kemajuan. Tanggapan inilah yang sentiasa bermain di minda mereka.' Rasa kekurangan relatif masyarakat Melayu juga semakin memuncak apabila harapan untuk merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran tidak dapat dipenuhi walaupun setelah Mendaki ditubuhkan lebih daripada satu dekad, iaitu pada 1982.

Kecenderungan masyarakat etnik untuk menilai pencapaian mereka dengan membandingkan taraf sosioekonomi mereka dengan kumpulan etnik/kumpulan lain yang dibandingkan yang biasanya hidup dalam keadaan yang lebih baik dan yang berhampiran dengan mereka, merupakan fenomena sosial yang biasa berlaku dalam masyarakat


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

majmuk (Martin, 1981: 53-197; Horowitz, 1985: 144) dan begitu juga di kalangan orang Melayu. Melalui pemerhatian Runciman (1966: 9) didapati bahawa selagi sesuatu masyarakat itu merasakan masyarakat lain hidup dalam kesenangan, maka selagi itulah mereka sentiasa tidak berpuas hati dan berasa kekurangan secara relatif sehinggalah mereka menjadi setaraf dengan kumpulan yang dibandingkan itu.[21] Rasa kekurangan relatif makin menjadi-jadi apabila meningkatnya jangkaan dalam keadaan ekonomi yang teguh dan kadar mobiliti sosial yang meningkat, tanpa sebarang kemajuan dalam kedudukan relatif masyarakat terpinggir (Runciman, 1966: 19). Dalam masyarakat yang amat berdaya saing seperti Singapura, tahap kekurangan relatif yang dirasai oleh masyarakat terpinggir memang semakin meruncing. Tambahan pula, pendedahan kepada konsep ideal seperti keadilan, kesamaan dan kesaksamaan sosial sudah tentu menambahkan lagi rasa kekurangan relatif itu (Horowitz, 1985: 5).

Kekurangan relatif juga amat dirasai oleh golongan berpendidikan tinggi dan golongan etnik minoriti profesional, terutamanya apabila sukar untuk mendapatkan kerja berjawatan tinggi dan kenaikan pangkat walaupun mempunyai kelayakan akademik (Blau dan Duncan, 1967; Wilson, 1978; Marable, 1985; Brennan dan McGeevor, 1990).[22] Akibat tawar hati kerana berulang kali berdepan dengan halangan, mereka menjadi lebih peka terhadap halangan institusi yang tidak ketara ke atas mobiliti sosial, secara sedar atau kadang kala secara tidak sedar, yang diamalkan oleh masyarakat etnik yang dominan. Kesukaran yang dihadapi oleh profesional Melayu terutamanya ketika mencari kerja di firma Cina tempatan (Bedlington, 1974: 354) mungkin punca yang menyebabkan mengapa ramai antara mereka yang bekerja dalam perkhidmatan awam dan syarikat multinasional Barat. Gambaran negatif yang stereotaip terhadap orang Melayu (Leong, 1978: Abu Bakar, *ST*, 25 September 1993), apabila diamalkan, bermakna pemohon kerja berbangsa Melayu mestilah lebih berkelayakan daripada pemohon kerja berbangsa Cina yang bersaing dengannya supaya diberikan pertimbangan serius untuk diambil bekerja di firma tempatan (NCSMMP, 1990: 84).

Ekoran daripada keresahan yang timbul kerana etnik minoriti tidak diberikan peluang yang adil dan saksama dalam bidang pekerjaan, maka ramai profesional minoriti mula mempersoalkan secara serius tentang percanggahan antara teori dengan apa yang sebenarnya diamalkan mengikut konsep berbilang kaum dan meritokrasi yang ideal dalam bidang pekerjaan (NCSMMP, 1990: 17; *ST WOE*, 7 Disember 1991). Kekecewaan profesional Melayu terhadap amalan diskriminasi dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

peluang kerja yang tidak sama dalam bidang pekerjaan telah disuarakan oleh para peserta di Konvensyen Kebangsaan Karyawan Islam Singapura dalam bulan Oktober 1990. Dalam konvensyen itu, ada cadangan yang dibuat untuk melaksanakan undang-undang antidiskriminasi dan penubuhan sebuah badan bagi memantau amalan diskriminasi dalam masyarakat Singapura. Sehingga hari ini, kerajaan tidak sedar bahawa diskriminasi terhadap golongan minoriti dalam bidang pekerjaan telah menjadi masalah yang perlu ditangani secara serius demi menjaga integriti negara dalam konsep meritokrasi dan berbilang kaum yang ideal. Disebabkan ingin menjadikan Singapura sebagai model masyarakat meritokrasi, walaupun timbul sungutan tentang peluang pekerjaan yang tidak sama daripada pertubuhan wanita seperti Persatuan Wanita bagi Tindakan dan Penyelidikan (AWARE) (*ST*, 17 November 1993) dan daripada masyarakat etnik minoriti, pemimpin PAP seperti Lee Kuan Yew (*ST*, 18 Ogos 1987) membuat komen 'tidak berlaku diskriminasi dari segi kelas, kaum, bahasa dan agama... Pencapaian seseorang dalam hidup sebahagian besarnya bergantung pada usaha dan kebolehan yang tertanam dalam diri individu itu sendiri.' Propaganda begini sering dicanangkan oleh pucuk kepemimpinan PAP yang lain di forum awam dan juga sering diuar-uarkan oleh pihak akhbar tempatan.

* * *

Proses pengekalan sempadan etnik adalah dinamik dan tertakluk kepada pengaruh perubahan sosial, ekonomi dan politik, dan oleh yang demikian ia berubah-ubah dari semasa ke semasa. Formula Islam, budaya dan bahasa dalam mentakrif sempadan etnik di Singapura dan Malaysia bertentangan dengan jati diri orang Melayu dari segi sejarah yang lebih berasaskan konsep serantau daripada konsep agama. Penekanan yang mendalam terhadap Islam dalam pembentukan jati diri orang Melayu, terutamanya sejak tempoh pertama abad kedua puluh, tampaknya sudah agak berkurangan dari segi jati diri peribumi Melayu serantau sejak kebelakangan ini. Seperti yang dibincangkan secara terperinci dalam Bab 6, jati diri serantau yang menyeluruh yang dirasai oleh orang Melayu Singapura tidak begitu difahami atau dapat dihayati oleh sebilangan besar masyarakat bukan peribumi serta dipergunakan untuk tujuan politik. Kurangnya pemahaman tentang sifat jati diri Melayu serantau yang menyeluruh juga menimbulkan persoalan berkaitan taraf peribumi orang Melayu, walaupun taraf peribumi mereka telah diiktiraf oleh perlembagaan, kerana masih timbul

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

percubaan untuk mengkategorikan mereka sebagai pendatang yang sama tarafnya dengan golongan pendatang asing yang lain.

Walaupun kerajaan PAP menyarankan masyarakat Melayu supaya berpuas hati dengan kemajuan mutlak mereka dari segi material, namun begitu orang Melayu masih lagi terasa kekurangan relatif yang timbul daripada peminggiran mereka berdasarkan sosioekonomi dan pelajaran. Usaha kerajaan menggalakkan idea ketandusan budaya tidaklah berapa berkesan kerana ia bercanggah dengan 'kenyataan hidup' kebanyakan orang di kalangan masyarakat itu yang tidak mendapat peluang pekerjaan dan pelajaran yang sama rata. Malah pengalaman diskriminasi dan pengabaian kerajaan PAP menangani isu tersebut, serta pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap menangani peminggiran sosioekonomi orang Melayu, walaupun sememangnya ia tanggungjawab perlembagaan untuk berbuat demikian, mungkin meruncingkan lagi rasa kekurangan relatif masyarakat Melayu dan menyebabkan hubungan mereka dengan kerajaan PAP menjadi renggang.

1. 'Mitos' keturunan yang sama ini jarang sekali tepat mengikut fakta sejarah. Hampir tiada satu bangsa pun yang bukan daripada beberapa keturunan etnik (Connor, 1992: 48).

2. Orang Melayu, khususnya di negeri utara Malaysia dan di wilayah selatan Thailand sudah lama berkongsi ikatan dari segi budaya dan sejarah. Semangat Melayu Raya ini telah disebarluaskan oleh MNP pada zaman penjajahan. Ia menuntut 'hak orang Melayu di empat wilayah selatan Thailand untuk menentukan masa depan mereka sendiri' (cf. Suhrke dan Noble, 1977). Nasionalis awal Indonesia seperti Sukarno menyokong perjuangan menentukan nasib sendiri orang Melayu/Islam di selatan Thailand (Pitsuwan, 1990: 162).

3. Orang Melayu Singapura merupakan masyarakat yang dominan bilangannya sehinggalah pertengahan 1830-an apabila jumlah bilangan penduduk pendatang Cina melebihi jumlah penduduk Melayu (Saw, 1969: 39).

4. Konsep Melayu Raya tidak begitu diterima di kalangan nationalis Indonesia disebabkan kepentingan politik semasa perang kemerdekaan Indonesia. Bagi menjelaskan pendirian nasionalis Indonesia, A. H. Nasution, pemimpin terkemuka nasionalis Indonesia pernah berkata, 'Idea untuk bersatu dengan Tanah Melayu tidak mudah untuk direalisasikan kerana kami terpaksa menentang British dan Belanda pada masa yang sama' (cf. Cheah, 1983: 265).

5. Biasanya mereka memperkenalkan diri sebagai 'saya Melayu Minang' atau 'saya Melayu Jawa' (Djamour, 1959: 4-6). Dalam konteks ini, 'Melayu' merujuk kumpulan etnik manakala 'Minang' dan 'Jawa' merujuk kumpulan suku bangsa.

6. Jika hujah ini diterima dari segi logiknya, maka beberapa kumpulan dialek utara China seperti Hakka yang berhijrah secara dalaman ke wilayah selatan China juga sepatutnya dianggap sebagai pendatang dan bukannya mendapat taraf penghijrah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dalaman. Begitu juga, Orang Asli Tasmania yang tinggal di tanah besar Australia juga akan dianggap sebagai pendatang asing.

7. Penduduk Islam di negara ASEAN, 1977.

Negara	*Jumlah Penduduk (juta)*	*Penduduk Islam (juta)*	*% Islam*
Indonesia	136.9	123.2	90.0
Malaysia	12.6	5.5	44.0
Filipina	44.3	2.3	5.3
Singapura	2.3	0.3	15.0
Thailand	44.4	1.7	4.0
Jumlah	240.5	133.0	55.3

Sumber: Weeks, 1978: 499.

8. Dalam Banci Penduduk Negeri Selat 1891, kategori bangsa dibahagikan kepada 'Eropah', 'Serani'. 'Cina', 'Melayu dan peribumi Kepulauan Melayu yang lain', 'bangsa lain' serta 'Tamil dan orang India yang lain'. Pengelasan bagi 'Melayu dan peribumi Kepulauan Melayu yang lain', walaupun terdapat perbezaan bahasa dan agama, menunjukkan adanya pengiktirafan rasmi terhadap kesatuan bangsa di kalangan suku-etnik Melayu (Hirschman, 1987: 562). Namun begitu, dalam Banci 1931, orang Aceh, Batak, Minangkabau, Jambi dan Banjar dikategorikan secara berasingan daripada Melayu. Pegawai penguasa Banci 1931 memaklumkan bahawa pembahagian bagi masyarakat suku bangsa Melayu ini adalah berdasarkan keperluan politik kerana Indonesia dan Tanah Melayu dijajah oleh kuasa Eropah yang berlainan. Sebaliknya pula, anak-anak orang yang disenaraikan sebagai Aceh, Batak, Minangkabau, Jambi dan Banjar dikelaskan sebagai Melayu (Vlieland, 1932: 84).

9. Di Indonesia tidak wujud takrif berperlembagaan bagi perkataan peribumi atau Melayu.

10. Kurang penghayatan bagi sesetengah orang Melayu terhadap rukun Islam selain amalan ritual boleh menjadi agenda golongan elit agama dan kuasa politik yang dominan. Untuk mengekalkan hegemoni mereka, sememangnya menjadi kepentingan golongan elit agama dan politik ini untuk mengekalkan pendekatan konservatif dan ortodoks terhadap Islam yang tidak mengambil kira tafsiran ahli falsafah Islam yang progresif dan gagasan sains sosial sezaman (Muzaffar, 1986: 185).

11. Dalam kajiannya mengenai Islam di Singapura, Mariam Mohd. Ali (1990: 129) mendapati bahawa orang Islam di Singapura bukannya kelompok yang seragam. Mereka digolongkan kepada pelbagai mazhab yang mempunyai tafsiran dan fahaman yang berlainan tentang Islam.

12. Mazhab yang utama ialah Ahli Sunnah dan Syiah. Manakala aliran falsafah Islam termasuklah golongan modernis, tradisionalis, Islam dan sekular.

13. Orang Batak Kristian di Singapura ialah satu contoh masyarakat yang mahu dikenali sebagai orang Melayu walaupun mereka bukan beragama Islam (Nurliza Yusuf, 1986: 56).

14. Kebanyakan orang Melayu tidak berapa selesa dengan masyarakat Arab dan India Islam yang sering mewakili dan menjadi pemimpin masyarakat Melayu/Islam pada zaman penjajahan. Rasa geram orang Melayu yang meluap-luap terhadap orang Arab dan India Islam yang berlagak sebagai pemimpin Melayu menyebabkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

parti politik Melayu yang pertama di Tanah Melayu dan Singapura, Kesatuan Melayu Singapura, cuba menentang perwakilan orang bukan Melayu dalam pengurusan hal ehwal orang Melayu (Andaya dan Andaya, 1982: 249). Orang Melayu juga sentiasa berwaspada dengan sikap etnik atas pagar yang diamalkan oleh masyarakat ini, iaitu mereka mengaku Melayu apabila keadaan menguntungkan mereka (Nagata, 1974).

15. Di Singapura, 98 peratus orang Melayu beragama Islam. Orang Melayu merupakan 99.3 peratus daripada jumlah penduduk Islam di Singapura (1980 Banci Penduduk Singapura, Jabatan Statistik).

16. Dalam temu bual yang diadakan dengan *Straits Times*, seorang pemimpin masyarakat yang tidak disiarkan namanya menyatakan bahawa takrif Melayu oleh GRC, yang tidak mengaitkannya dengan Islam, mungkin ada kaitannya dengan Artikel 152 Perlembagaan Singapura yang memberikan hak istimewa kepada orang Melayu seperti pelajaran percuma. Dengan tidak memasukkan kriteria Islam, kerajaan tampaknya mengambil sikap berhati-hati supaya hak istimewa ini tidak diperluaskan kepada orang India dan Arab (*ST*, 11 Disember 1987).

17. Nasionalis Indonesia, Tan Malaka mencatatkan bahawa ketika Raffles mula-mula tiba di Singapura, orang Melayu menguasai aktiviti seperti perindustrian, pelayaran, perikanan dan perdagangan. Dalam beberapa lawatannya ke Singapura dalam separuh pertama abad kedua puluh, Tan Malaka mendapati berlaku kemerosotan mendadak dalam kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu berbanding kumpulan etnik yang lain (cf. Jarvis, 1991: 102-05).

18. Dalam tempoh tegang sewaktu menyertai dan selepas keluar daripada Malaysia dari 1963 hingga 1965, terdapat ramai golongan profesional dan kelas pertengahan Melayu yang berhijrah ke Malaysia (Pang, 1984: 123). Sebilangan besar orang Melayu hilang punca pendapatan apabila angkatan tentera British berundur dari Singapura pada awal 1970-an. Bilangan orang Melayu yang diambil berkhidmat dengan angkatan tentera British memang besar jumlahnya. Dasar kerajaan PAP mengurangkan pengambilan orang Melayu dalam bidang pertahanan bermakna bekas pekerja Melayu yang berkhidmat dengan tentera British kini sukar untuk diterima berkhidmat dengan angkatan tentera Singapura.

19. Pendapatan isi rumah masyarakat India berbanding masyarakat Cina juga merosot bagi tempoh ini. Pada 1980, purata pendapatan isi rumah orang India ialah 93.4 peratus manakala pada 1990 puratanya ialah 88.9 peratus daripada purata pendapatan isi rumah orang Cina (Jesudason, 1993: 16).

20. Gelaran 'ketua' yang janggal ini yang diperoleh daripada data banci kerajaan merujuk kepada bapa atau ibu/bapa tunggal.

21. Berbeza daripada badan usaha sendiri Melayu/Islam Mendaki, badan usaha sendiri orang India, iaitu Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (SINDA) dengan jelas menyebut bahawa masyarakat Cina yang lebih berjaya dari segi sosial dan ekonomi itu dijadikan sebagai kumpulan yang dibandingkan bagi masyarakat India. Matlamat SINDA adalah supaya pelajar India dapat menyaingi pencapaian pelajar Cina dalam semua peperiksaan utama sekolah dalam tempoh dua puluh tahun (*ST*; 20 Julai 1991).

22. Blau dan Duncan (1967) mendapati bahawa jurang pekerjaan antara orang Afrika Amerika dengan orang kulit putih semakin jauh berbeza di setiap peringkat pelajaran. Dengan kata lain, jurang tahap pekerjaan antara kedua-dua kumpulan etnik itu kian jauh dalam pencapaian pelajaran. Malah taraf pekerjaan orang Afrika Amerika yang berpendidikan tinggi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan orang kulit putih yang mempunyai kelulusan yang sama.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

3

Wawasan PAP untuk Singapura

Apa yang kita lihat bergantung pada cara kita melihatnya, apa yang berlaku mencerminkan apa yang bermain dalam minda kita... (Capra, 1987).

Bab ini mengkaji ciri, fungsi dan penggunaan politik ideologi dalam mengekalkan hegemoni politik kerajaan PAP di Singapura. Selain proses ideologi yang memudahkan persetujuan bersama dibuat, peranan paksaan dan penyusunan perlembagaan juga diambil kira. Orientasi ideologi kepemimpinan PAP yang semakin konservatif sejak lewat 1970-an, pengaruhnya terhadap dasar kebajikan masyarakat serta kesannya terhadap rakyat Singapura yang berpendapatan rendah juga dianalisis. Dan yang lebih penting lagi ditekankan tentang ketekalan ideologi dan hubungan antara pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP terhadap kebajikan masyarakat dengan pendekatan pendukung idea kesederhanaannya terhadap peminggiran sosioekonomi masyarakat Melayu.

Mengekalkan Hegemoni Ideologi PAP

Satu bentuk paling berkesan untuk menggunakan kuasa dan mengekalkan hegemoni ialah keupayaan mewujudkan persetujuan bersama dengan menentukan tanggapan, keutamaan, kepentingan dan keinginan rakyat dan masyarakat keseluruhannya (Lukes, 1978: 669; Rorty, 1992: 2). Dengan cara ini, mekanisme asal yang menggunakan kekerasan dan paksaan diketepikan dan sebaliknya digantikan pula dengan proses ideologi dan politik yang licik dalam mewujudkan persetujuan bersama. Namun begitu, dalam masyarakat separa demokrasi dan autoritarian seperti Singapura, gabungan persetujuan bersama, paksaan dan penyusunan perlembagaan sering digunakan oleh kerajaan untuk mengekalkan hegemoninya.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Di Singapura, persetujuan bersama sangat mudah diwujudkan melalui pengawalan negara ke atas saluran penyebaran maklumat dan pengetahuan seperti pihak media[1] dan sistem pelajaran. Hal ini memastikan realiti sosial, sistem kepercayaan dan dasar yang dianjurkan oleh kerajaan PAP sukar untuk dipertikaikan. Usaha pihak penerbitan akhbar dan jurnal asing untuk menilai dengan kritis isu tempatan telah dikawal dengan mengenakan tindakan undang-undang dari semasa ke semasa kerana menerbitkan rencana yang menimbulkan kegusaran. Memandangkan bebanan kewangan mendatangkan kesan yang besar terhadap dasar editorial akhbar dan jurnal, maka wartawan asing, seperti juga wartawan tempatan, semakin banyak yang mengambil jalan keluar membuat penapisan diri sebagai cara untuk mengelak daripada pertikaian undang-undang dengan kerajaan PAP. Dengan cara yang lebih khusus, pindaan Akta Percetakan Akhbar dan Penerbitan 1986 memberi kuasa kepada kerajaan untuk memperbaharui lesen tahunan pihak penerbitan menurut syarat yang ketat sahaja. Undang-undang pelesenan terperinci tentang penerbitan, penyiaran dan forum awam memastikan agar parti pembangkang tidak sewenang-wenangnya menyampaikan pandangan mereka kepada orang ramai. Undang-undang dan peraturan sedemikian membolehkan kerajaan PAP menguasai realiti sosial dengan menghukum mana-mana akhbar dan terbitan berkala yang diterbitkan di luar Singapura yang bertentangan dengan versi realitinya.[2] Jurnal yang telah melanggar Akta 1986 termasuklah *Far Eastern Economic Review, Asiaweek, Asian Wall Street Journal, The Economist, Time* dan *International Herald Tribune.*[3]

Di sekolah, persetujuan bersama diwujudkan melalui kurikulum pendidikan moral yang mengajar murid-murid tentang aspek 'nilai Asia' yang dipilih dengan teliti. Dari sudut pengajaran, 'nilai Asia' yang sangat dititikberatkan itu amat berorientasikan falsafah Konfusius. Antaranya termasuklah mentaati pihak yang lebih berkuasa serta memandang tinggi para sarjana dan menyanjung negara (Gomez, 1992: 57). Mendidik golongan belia Singapura dengan nilai konservatif dan autoritarian merupakan cara yang berkesan bagi melindungi rakyat Singapura daripada nilai demokrasi liberal yang biasa diterima pakai dalam demokrasi Barat.

Nilai Konfusius yang melengkapi falsafah 'kerajaan baik' PAP telah diinstitusikan apabila 'nilai bersama' kebangsaan diterima pakai pada 1991. Antaranya termasuklah prinsip mendahulukan negara sebelum masyarakat dan masyarakat sebelum diri sendiri, keluarga sebagai unit asas masyarakat, sikap mengambil berat dan sokongan masyarakat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

terhadap individu, muafakat dan bukannya perbalahan, serta keharmonian kaum dan agama. Dengan cara ini, rakyat Singapura digalakkan untuk menerima pandangan bahawa warga patriotik ialah golongan yang mengaitkan diri mereka dengan 'nilai bersama' berasaskan pematuhan dan bukannya penentangan aktif, serta menyokong gaya tadbir urus secara paternalis dan bukannya mencabar kerajaan (Birch, 1991: 14). Oleh sebab nilai kebangsaan ini dianjurkan bukannya sebagai ideologi, maka perhatian dialihkan daripada isu yang boleh menimbulkan pecah belah seperti isu tentang kelas (Clammer, 1991: 7). Sememangnya sedia maklum bahawa nilai demokrasi, keadilan sosial dan kedaulatan undang-undang tidak dimasukkan ke dalam 'nilai bersama' kebangsaan ini.

Pemerintahan PAP yang begitu lama dalam kerajaan, kewujudannya dalam kehidupan rakyat dan peribadi, dan pembinaan semula politiknya daripada sebuah parti politik kepada gerakan kebangsaan pada 1982 telah memudahkannya dipilih sebagai pembentuk Singapura moden. Tindakan kerajaan PAP dalam mencanangkan dirinya sebagai pembentuk Singapura moden diketahui umum pada 1982 melalui jurnalnya *Petir*:

> Memang tidak dinafikan PAP sebuah persatuan politik berdaftar, namun ia bukan sahaja sebuah persatuan politik tetapi lebih daripada itu. Ia tidak sekadar mementingkan kemenangan pilihan raya, tidak juga ia mementingkan bentuk politik atau memenangi hati para penyokongnya. Sebaliknya negara, rakyat dan kelangsungan hidup kita pada masa depanlah yang dipentingkan... Sesungguhnya PAP ialah nadi kepada negara kita... Tanpa PAP, tidak ada Singapura seperti yang ada sekarang ini, seperti yang ditegaskan oleh Setiausaha Agung Komrad Lee Kuan Yew, 'Walau apa pun PAP ialah kerajaan dan kerajaan ialah PAP.'[4]

Bagi menegaskan lagi hubungan menyeluruh antara PAP dengan negara itu, Menteri Penerangan dan Kesenian, George Yeo (*ST WOE*, 8 Mei 1993) menyatakan dalam ucapannya kepada para aktivis PAP pada 1993, 'Tanpa PAP, kita tidak mungkin dapat menyempurnakan langkah akhir. Dan tanpa PAP, kita tidak akan dapat mengorak langkah seterusnya.' Hubungan menyeluruh yang dicanangkan antara PAP dengan negara dan rakyat melambangkan PAP sebagai pembentuk negara dan rakyat.

Tindakan PAP yang sengaja mengaburkan sempadan antara negara dengan masyarakat madani membolehkannya mendominasi dan menguasai negara dengan berkesan, mencanangkan pandangan dunia

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dari segi ideologinya dan membentuk bangsa mengikut lakaran negara korporatis (Deyo, 1981; Brown, 1989a; Jesudason, 1993). Ciri-ciri bagi kebanyakan masyarakat korporatis ialah negara dijadikan bebas daripada bersikap berat sebelah terhadap kelas dan kelompok berkepentingan, seperti memahami dan mewakili kebaikan bersama (Panitch, 1980: 157-87), dan oleh itu selaras dengan kewajaran untuk menagih kesetiaan daripada rakyat. Ini membolehkan negara melahirkan dengan jelas ideologi untuk rakyat daripada mencerminkan nilai dalam masyarakat itu sendiri (Carnoy, 1984: 39). Rangka negara korporatis juga membolehkan PAP menentukan kepentingan negara dari sudut teknokrat dan ekonomi.[5] Dengan cara ini, politik tetap dikekalkan dalam dunia penyelesaian masalah secara teknokrat, terutamanya menitikberatkan isu yang berkaitan dengan ekonomi (Jesudason, 1993: 4). Penyertaan politik berautonomi masyarakat madani dihadkan kepada aktiviti seperti mengundi setiap beberapa tahun dengan alasan jika terlalu banyak demokrasi, maka hal ini tidak produktif kepada kestabilan dan pembangunan ekonomi.

Keberkesanan pelaksanaan fungsi politik negara korporotis cara Singapura telah dilancarkan lagi oleh kejayaan dan keluasan aktiviti ekonominya. Aktiviti komersil negara merupakan 45 peratus daripada KDNK dan melibatkan hampir 25 peratus tenaga kerja Singapura (Clad, 1989: 143). Menjelang 1980-an, negara menguasai 42 peratus dagangan runcit, yang memiliki atau memiliki secara bersama 450 syarikat dengan modal sebanyak S$10 bilion (ibid) berserta simpanan rizab sebanyak S$52 bilion pada 1991 (*FEER*, 14 November 1991: 75). HDB yang diuruskan oleh kerajaan memperuntukkan tempat tinggal kepada 88 peratus daripada jumlah penduduk dan memiliki dua per tiga daripada keluasan tanah di Singapura (Paul, 1993: 295). Struktur kerajaan yang teguh, maju dan meluas dilihat oleh kepemimpinan PAP sebagai dapat membantu mengekalkan perpaduan negara dan hubungan mesra antara etnik. Seperti yang disampaikan oleh Menteri Penerangan dan Kesenian, George Yeoh (1993) kepada para perwakilan di Forum Kepemimpinan Afrika pada bulan November 1993, 'Kerajaan yang teguh boleh menggunakan kekerasan untuk membanteras pertelingkahan kaum, tetapi kekerasan hanya penyelesaian sementara sahaja. Lihat sahaja Kesatuan Soviet, Ireland, Yugoslavia dan Afrika Selatan. Malah masalah yang dihadapi kini ialah kerajaan yang teguh makin menjadi lemah... Apabila kuasa kerajaan menjadi lemah, maka sudah pasti berlaku perpecahan antara kaum.'

Dalam usahanya mengurus dan memantau arena politik, negara korporatis biasanya mewujudkan saluran rasmi bagi membolehkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

segmen utama masyarakat madani menyuarakan keresahan dan tuntutan mereka. Hal ini membolehkan kerajaan menggunakan pengaruh yang besar terhadap kepemimpinan, agenda dan tadbir urus dalaman bagi pelbagai segmen korporat dalam masyarakat madani (Collier dan Collier, 1979: 493). Kumpulan kepentingan awam dalam masyarakat madani yang mengutarakan isu kritikal terhadap kerajaan jarang sekali akan diberi muka. Pada 1986, apabila kepemimpinan Persatuan Undang-undang menentang penggubalan Akta Percetakan Akhbar dan Penerbitan (Pindaan), yang diwujudkan bagi memudahkan sekatan dikenakan terhadap penerbitan asing, maka kerajaan PAP menggubal pula Rang Undang-undang bagi Profesion Undang-undang (Pindaan) untuk memastikan kepemimpinan Persatuan ditukar dan tindakan tatatertib dikenakan terhadap Persatuan tersebut (Tremewan, 1994: 197). Pada dasarnya, aktiviti politik yang membawa unsur penentangan dalam masyarakat madani dianggap sebagai subversif kepada kepemimpinan PAP. Pengawalan ke atas Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), pelbagai pertubuhan usaha sendiri berteras etnik yang ditaja oleh kerajaan dan badan berteras masyarakat seperti Persatuan Rakyat (PA) dan Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) merupakan contoh pertubuhan masyarakat madani yang di bawah penguasaan kerajaan PAP. Pelantikan beberapa Menteri PAP seperti Lim Boon Heng sebagai Setiausaha Agung NTUC dan Abdullah Tarmugi sebagai pengerusi Mendaki, serta monopoli kerajaan ke atas pihak akhbar, televisyen dan radio tempatan juga merupakan contoh penguasaan negara korporatis terhadap masyarakat madani.

Struktur korporatis Singapura ini menjadikan pertubuhan masyarakat berunsurkan penentangan yang berada di luar paradigma korporatis sebagai tidak sah dan mudah terdedah kepada tuduhan menghancurkan kemakmuran negara, dipengaruhi unsur perkauman atau komunis. Tindakan mengkritik dasar kerajaan hanya dibenarkan kepada parti politik berdaftar dan tidak akan diendahkan jika dilemparkan oleh pihak lain dalam masyarakat madani. Sikap kerajaan PAP yang kurang bertoleransi terhadap mereka yang menyimpang daripada sempadan parameter politik dan ideologi yang 'boleh diterima' memang telah diakui oleh Goh Chok Tong (cf. Vasil, 1992: 205-6): 'Macam mana baik sekalipun niat seseorang itu, jika ideanya berbahaya, idea itu mestilah dihentam. Oleh yang demikian, pendukung idea tersebut mungkin juga akan berasa tersinggung.' Tampaknya, usaha mewujudkan perundingan dan permuafakatan di bawah kepemimpinan Goh tidak membawa sebarang perubahan kepada pembentukan semula secara kualitatif falsafah politik asas PAP. Ia hanya mencerminkan pengakuan


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

kepemimpinan PAP tentang kehebatan politik yang semakin meningkat di kalangan orang awam dan keperluan untuk menggiatkan usaha 'menjaja' dasar PAP.

Dengan cara paternalis yang biasa diamalkan, kepemimpinan PAP juga telah mencadangkan dirinya sebagai penjaga moral dan pelindung nilai Asia yang sedang diancam oleh nilai Barat yang merosotkan akhlak seperti individualisme dan kurang muafakat. Nilai negatif Barat ini jika tidak dibendung dikatakan boleh melemahkan struktur sosial dan moral 'keluarga Singapura' yang rapuh itu. Gaya tadbir urus secara paternalis ini diterima berdasarkan ajaran Konfusius yang memberikan kesahan politik kepada pemerintahan berihsan walaupun autoritarian sifatnya.[6] Oleh yang demikian, tafsiran Konfusius dan wacana budaya kepemimpinan PAP adalah berasaskan 'pembentukan jati diri masa silam dan bukannya masa depan iaitu masa silam yang tidak pernah dialami oleh kebanyakan rakyat Singapura' (Birch, 1993: 6). Wacana sedemikian digunakan untuk membimbing peri laku dengan menapis dan menentukan sama ada idea dan mesej yang dibawa masuk dari luar negara boleh diterima atau tidak (Lowe, 1987: 57). Oleh sebab kerajaan dan pemegang jawatan politik sepatutnya lebih bijaksana daripada rakyat umum, maka mereka dianggap lebih berupaya untuk menentukan apa yang terbaik untuk orang ramai. Kebijaksanaan mereka itu sentiasa dikaitkan dengan pencapaian yang cemerlang dari segi akademik, pengurusan dan pentadbiran berbanding pengalaman berkhidmat untuk masyarakat dan kemahiran politik mereka yang sudah terbukti.[7] Berdasarkan logik ini, ahli kepemimpinan PAP daripada golongan teknokrat berpendidikan tinggi, menurut tradisi sarjana Mandarin Konfusius, lebih suka berceramah kepada rakyat Singapura tentang pelbagai isu daripada 'asas bagi kerajaan yang baik' (*ST*, 19 November 1984), 'apa itu hidup bermasyarakat' (*ST*, 17 Ogos 1984), hinggalah kepada memberikan nasihat tentang hal peribadi seperti bilangan anak yang patut dimiliki dalam sesebuah keluarga dan bahasa yang patut digunakan di rumah. Isu yang berbaur politik biasanya dikemukakan oleh pemimpin muda teknokrat merangkap ahli politik PAP sebagai masalah ekonomi yang memerlukan penyelesaian ekonomi dan akan diselesaikan oleh 'pakar' ekonomi dan bukannya rakyat subjektif yang kurang berpengetahuan.

Pelaksanaan dasar yang tidak popular dirasionalkan dengan mempergunakan wacana krisis/kelangsungan dan tidak mengambil kira ideologi dalam membantu menggubal dasar awam. Dalam usaha menggalakkan negara lain untuk menerima pakai pendekatan 'bukan ideologi' kerajaan PAP ke arah penggubalan dasar awam, Menteri

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Penerangan dan Kesenian, George Yeo (1993) membuat pernyataan di Forum Kepemimpinan Afrika bahawa 'kami cuba mengelak daripada dipengaruhi ideologi yang bersifat sementara, sama ada corak sosialis mahupun liberal. Jika dilihat dari segi sejarah, nilai lama sememangnya mendatangkan kebaikan kepada nenek moyang kita dan membolehkan mereka terus mengharungi masalah akibat perang, banjir dan kebuluran. Oleh sebab itulah kami masih berpegang pada nilai tersebut.' Keupayaan kepemimpinan PAP dalam mengangkat wacana 'bukan ideologi' mereka itu ke tahap 'logik' dengan cara mempergunakan rasa tidak selamat yang membelenggu rakyat Singapura. Alasan yang sentiasa disogokkan dari segi saiz pulau yang kecil, bilangan bijak pandai yang terhad, sumber alam yang amat kurang, ekonomi yang lemah, pencemaran budaya dari Barat, dan rasa terancam yang sebati dalam diri bangsa Cina yang hidup mewah di kawasan Melayu yang berpotensi menjadi seteru sedikit sebanyak dapat melegakan rasa tidak selamat di kalangan rakyat Singapura. Berkali-kali rakyat Singapura diingatkan supaya tidak mengambil mudah kemakmuran ekonomi pulau ini kerana 'apa yang akan dihadapi seterusnya penuh dengan duri dan ranjau, dan tidak pasti sama ada kita akan berjaya atau tidak ... malah ada kemungkinannya kita akan gagal' (Lee Kuan Yew, *Sunday Times*, 3 Januari 1993) dalam persaingan ekonomi antarabangsa dan serantau yang semakin sengit. Kenyataan yang menimbulkan krisis seperti 'Jika kita tersilap langkah, tidak ada apa-apa yang dapat menyelamatkan kita' (Lee Kuan Yew, *The Mirror*, Jil. 2, No. 29, 1966), 'Usaha selama 25 tahun boleh musnah dalam sekelip mata' (Lee Kuan Yew, *ST*, 9 Jun 1990), 'sebuah oasis boleh menjadi kering kontang dalam masa semalaman' (Lee Hsien Loong, cf. Clad, 1989: 144) dan pengumuman Lee Kuan Yew tentang kemungkinan untuk digabungkan semula dengan Malaysia dalam bulan Jun 1996 sering diuar-uarkan oleh kepemimpinan PAP. Saiz pulau yang sememangnya kecil dan manipulasi istilah yang kononnya bukan ideologi seperti faham 'pragmatis' dan 'kelangsungan' membolehkan kerajaan PAP untuk merasionalkan terutamanya dasar yang kontroversi dan tidak popular (Chua, 1985).

Wacana kerajaan PAP yang menimbulkan krisis itu bukan sahaja dapat mengenakan kawalan yang ketat ke atas pihak media dan masyarakat madani, tetapi juga telah menghalalkan perbelanjaan ketenteraan[8] yang cukup besar jumlahnya serta penyelenggaraan peralatan ketenteraan yang serba canggih (Huxley, 1991) yang menjadikan Singapura dikenali sebagai sebuah negara yang serba lengkap dari segi ketenteraan di rantau ini. Suasana krisis dijaga dengan mengadakan latihan darurat masyarakat ala tentera dari semasa ke semasa termasuklah cara mencatu air dan



makanan, membina tempat perlindungan bom bawah tanah di bawah blok perumahan dan membunyikan siren serangan udara di seluruh kawasan berdekatan (Tremewan, 1994: 223). Selain khidmat ketenteraan yang diwajibkan selama dua tahun, kewujudan pasukan askar simpanan yang disertai orang awam secara beramai-ramai dan tindakan menggalakkan penubuhan badan separa tentera di sekolah telah berjaya memupuk nilai ketenteraan seperti mempertahankan pihak berkuasa, menerima arahan daripada pihak yang lebih berkuasa serta menerima bulat-bulat struktur sosial yang elitis dan berhierarki. Nilai tersebut melengkapi dan menyokong ciri paternalis dan autoritarian kerajaan PAP.

Rakyat Singapura dari semasa ke semasa dilanda krisis politik dalam bentuk konspirasi Marxis yang dimulakan oleh paderi Kristian yang dimanipulasikan oleh pengikut Marx yang telah dibuang negeri, serta cubaan Amerika untuk menggugat kestabilan negara dan memuncakkan ketegangan kaum/agama.[9] Kekhuatiran tentang krisis yang timbul akibat pengurangan bilangan bijak pandai yang boleh menjejaskan kemajuan ekonomi negara telah disuarakan oleh Lee Kuan Yew dalam perhimpunan sempena Hari Kebangsaan 1983. Berdasarkan logik eugenik, Lee mengingatkan betapa pentingnya untuk meningkatkan tahap kesuburan yang rendah di kalangan wanita berpendidikan tinggi berbanding wanita yang berpendidikan rendah demi mengekalkan golongan bijak pandai yang terhad di pulau itu. Krisis bahasa dan budaya juga dikenal pasti sejak akhir-akhir 1970-an dan dengan itu mewajarkan 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' yang sedang berjalan serta galakan terhadap nilai Konfusius. Wacana krisis kerajaan PAP yang sedang berjalan dan penekanannya terhadap keadaan negara dan ekonominya yang tidak kukuh telah menularkan gejala psikosis terpendam yang mengakibatkan rasa tidak selamat dan tidak pasti di kalangan rakyat Singapura. Sebagai pengalih pelbagai krisis yang mengancam kesejahteraan struktur sosial negara, tidak dapat dinafikan bahawa wacana krisis ini juga dijadikan sebagai salah satu strategi yang berkesan untuk mengekalkan hegemoni politik kerajaan PAP. Yang pentingnya, ia juga memudahkan monopoli PAP dalam menentukan kepentingan negara dan mewujudkan kepercayaan bahawa kelangsungan politik PAP berkait rapat dengan kelangsungan Singapura (Rodan, 1989: 88).

Kerajaan PAP juga berjaya menampung tahap sokongan dan persetujuan bersama daripada rakyat kerana pertumbuhan ekonomi yang agak pesat, peningkatan taraf hidup dan pencapaian dari segi material yang tetap dipertahankan dalam tempoh pascamerdeka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Contohnya, antara tahun 1965 hingga 1989, KNK per kapita Singapura meningkat pada kadar 7 peratus setahun jika dibandingkan dengan purata dunia yang hanya 1.6 peratus. Rizab rasmi asing Singapura dianggarkan sebanyak S$48.5 bilion pada 1990 (Asher, 1991: 26). Singapura memperlihatkan kadar pemilikan rumah yang tertinggi di dunia, dengan 90 peratus daripada penduduknya memiliki rumah sendiri pada 1990 (Banci Penduduk, 1990: 31). Tanpa mengambil kira wacana krisis, rakyat Singapura diberitahu bahawa taraf hidup mereka akan menjadi setaraf dengan penduduk Switzerland menjelang tahun 2000 jika pulau itu dapat mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi (Ho, 1989: 68). Terutamanya dalam dekad 1960-an dan 1970-an, prestasi pengurusan ekonominya yang memberangsangkan telah menimbulkan rasa 'keakuran pragmatik' daripada rakyat.[10] 'Keakuran pragmatik' ini, sedikit sebanyak, mencetuskan budaya konsumerisme yang berupaya menyatupadukan masyarakat tanpa membawa kesan politik (Gane, 1991: 5). 'Keakuran pragmatik' dan desakan konsumerisme yang lebih bersedia untuk mengorbankan amalan demokratik yang mementingkan keuntungan kebendaan diperkukuh lagi oleh pandangan yang dijaja oleh kepemimpinan PAP bahawa tidak ada alternatif yang lebih baik daripada 'kerajaan baik' PAP yang ada sekarang ini. Tambahan pula, kelas pertengahan di Singapura tidaklah sebegitu berorientasikan liberal dan didorong politik seperti kelas pertengahan di kebanyakan negara di Asia. Sikap kelas pertengahan Singapura yang kurang arif tentang politik mungkin disebabkan hakikat bahawa 40 peratus daripada golongan elit berpendidikan adalah kakitangan kerajaan (Brown, 1994: 73). Kebanyakan mereka sibuk mengejar kebendaan, berlumba-lumba meraih simbol status dan dipengaruhi oleh ciri *kiasu* (sikap mementingkan diri) (ibid.). Memandangkan kebanyakan rakyat Singapura adalah kaum pendatang daripada generasi kebelakangan ini, maka kemakmuran dari segi material dan sosial di bawah pemerintahan PAP, bagi kebanyakan mereka, adalah lebih baik daripada yang pernah dialami sebelumnya. Hal ini amat disedari dan dengan itu dipergunakan sepenuhnya oleh kepemimpinan PAP yang sering mengingatkan rakyat Singapura tentang zaman kemelesetan sosioekonomi dan pergolakan politik sebelum mereka menerajui tampuk pemerintahan.

Kebergantungan PAP pada proses pilih lantik, pempolitikan dan pengawasan ketat ke atas segmen masyarakat madani tertentu seperti media, kesatuan sekerja,[11] sekolah dan badan agama (melalui Rang Undang-undang Mengekalkan Keharmonian Beragama), telah berjaya melumpuhkan kegiatan segmen tersebut yang sekiranya tidak dikawal


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

berkemungkinan memberikan tekanan politik terhadap kerajaan PAP. Penggunaan dari semasa ke semasa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan amalan berdendam terhadap sesiapa yang mengkritik kerajaan PAP, seperti Chia Thia Poh,[12] pengerusi Parti Pekerja J. B. Jeyaratnam,[13] Dr. Bin,[14] Juffrie Mahmood,[15] dan Tang Liang Hong[16] (juga daripada Parti Pekerja), Francis Seow,[17] dan Chee Soon Juan dari SDP,[18] secara berkesan telah dapat mempengaruhi sebahagian besar rakyat Singapura supaya tidak menceburkan diri dalam arena politik yang boleh menggugat hegemoni PAP.

Sejak undi PAP berkurangan pada 1980-an, maka mencurah-curahlah usaha perlembagaan dan politik yang lain diwujudkan bagi membolehkan berlakunya perubahan yang cukup besar pada peraturan rasmi dalam sistem politik dan dengan ini menghasilkan bentuk demokrasi terpimpin yang unik untuk rakyat Singapura. Usaha Anggota Parlimen Tanpa Kawasan Undi (NCMP),[19] Anggota Parlimen Dicalon (NMP),[20] Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC),[21] dan Presiden Dipilih[22] merupakan penyusunan semula percaturan politik. Pada 1996, konsep Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC)[23] yang diumumkan oleh Goh Chok Tong, yang dijangka membahagikan Singapura kepada sepuluh hingga lima belas wilayah geografi. Semua usaha di atas telah diwajarkan oleh kerajaan atas alasan mereka mahu mendapatkan perwakilan politik minoriti, memastikan perspektif bebas politik dalam parlimen, membenarkan penglibatan pembangkang yang tidak terhad dalam parlimen dan menggalakkan penggunaan mekanisme yang baik untuk perlindungan khazanah negara. Namun begitu, pengkritik pada dasarnya melihat usaha ini sebagai cara untuk mewujudkan pihak 'pembangkang' terkawal yang akan menjejaskan prestasi undi politik pembangkang.

Dengan itu hegemoni PAP dapat dikekalkan kerana kebergantungannya pada gabungan mekanisme yang terdiri daripada persetujuan bersama, paksaan dan penyusunan perlembagaan. Pendekatan ini agak berkesan kerana keupayaan kerajaan PAP mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup yang tinggi. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan tahap kearifan politik dan pencapaian pelajaran rakyat Singapura, kini tampaknya PAP semakin bergantung pada mekanisme persetujuan bersama dan penyusunan perlembagaan dalam usaha mengekalkan hegemoninya (Rahim, 1993).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Ketaksamaan Sosial daripada Pandangan Kepemimpinan PAP

Semasa era kacau-bilau penjajahan dan selepas penjajahan, sebahagian besar pemimpin dan parti politik bukan Barat cenderung ke arah mengakui komitmen terhadap prinsip golongan sosialis dan demokrat sosial. Konsep pemodenan, saksama, keadilan dan sains begitu menarik sekali, terutamanya kepada aktivis politik tempatan, kerana falsafah politik itu mewakili ideologi alternatif mengatasi manifestasi tradisi lapuk, penindasan ekonomi dan kepincangan sosial yang diamalkan oleh pemerintahan kapitalis penjajah. Berpegang pada prinsip golongan sosialis dan demokrat sosial juga merupakan cara untuk membezakan diri mereka daripada rejim penjajah dan elit feudal yang biasanya mengaut keuntungan daripada pemerintahan penjajah. Kebanyakan pemimpin selepas penjajahan seperti Lee Kuan Yew juga terpengaruh dan terlibat dengan wacana intelektual ketika mereka melanjutkan pelajaran di Barat.

Semenjak penubuhan PAP pada 1955, label sosialis demokratnya sentiasa kabur dan terhad kepada istilah generik sahaja seperti mewujudkan 'masyarakat yang lebih adil dan saksama' dan mewujudkan peluang pekerjaan, perumahan yang disubsidikan, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, pembahagian pendapatan yang saksama serta peningkatan taraf pekerja dan golongan wanita.[24] Dalam tahun-tahun awal penubuhan PAP, sikap terbukanya terhadap golongan sosialis demokrat sangatlah diperlukan kerana ia dapat menggembleng sokongan organisasi dan pengundi daripada kesatuan sekerja berhaluan kiri yang hebat, pertubuhan sayap kiri dan penyokong mereka.

Apabila berkuasa, PAP banyak mengotakan janji sosialis demokratnya. Contohnya, ia sungguh bersemangat dalam mengotakan janjinya dalam menyediakan perumahan kos rendah dengan menempatkan 23.2 peratus penduduk Singapura di kawasan perumahan awam pada 1965. Sewa rumah pangsa diberikan subsidi dan ditetapkan tidak melebihi 20 peratus daripada purata pendapatan sebulan pekerja (Tan, 1983: 30). Tahap celik huruf meningkat dengan mendadak apabila pelajaran percuma diberikan kepada setiap kanak-kanak bagi sepuluh tahun pertama persekolahan mereka dan khidmat kesihatan dipertingkatkan dan diberikan subsidi yang banyak. Komitmen PAP untuk meluaskan khidmat pendidikan terbukti melalui peningkatan pendaftaran sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan daripada 261,000 kepada 360,000 murid antara tahun 1959 hingga 1965 (ibid: 32). Tahap pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dalam dekad 1960-an dan 1970-an juga memperlihatkan jurang perbezaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pendapatan yang semakin berkurangan (Islam dan Kirkpatrick, 1986: 20).

Walau bagaimanapun, usaha cemerlang PAP dalam menyediakan perkhidmatan sosial seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan telah diimbangi melalui penguatkuasaan peraturan kuku besi seperti Akta Pekerjaan dan Perhubungan Perindustrian (Pindaan) 1968. Ringkasnya, Akta tersebut dengan berkesan mengurangkan hak dan manfaat pekerja tetapi meluaskan kuasa majikan, terutamanya yang berkaitan dengan proses pengambilan dan pembuangan pekerja.[25] Pada masa yang sama, tahanan berpanjangan tanpa bicara mereka yang dituduh sebagai komunis dan penentang politik yang lain di bawah ISA jelas melanggar prinsip sosialis demokrat dan mengakibatkan PAP tersingkir dan terkeluar daripada Sosialis Antarabangsa pada 1976.[26]

Lebih-lebih lagi selepas Singapura keluar dari Malaysia pada 1965,[27] kerajaan PAP mula berubah dari wadah awal sosialis demokratnya yang bermatlamat untuk 'menghapuskan jurang kekayaan' (Petir, 1958: 2) kepada doktrin rasionalisme ekonomi yang meluaskan prinsip pasaran ke dalam sebanyak mungkin aspek kehidupan manusia. Isu berkaitan kesamaan sosial dan pembahagian kekayaan yang saksama kini tidak begitu penting lagi. Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Goh Keng Swee (1972: 285), perancang utama program ekonomi perindustrian awal Singapura,[28] terus terang merasionalkan keutamaan negara menurut tuntutan pragmatik: 'Tanggungjawab kita adalah untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan apa cara sekalipun... Jika pengagihan pendapatan yang tidak saksama menggalakkan lebih banyak tabungan dan pelaburan ..., maka ini mestilah diterima sebagai tindakan untuk membanteras pengangguran.' Pada pertengahan 1960-an, rujukan kepada prinsip awal PAP untuk menghapuskan perbezaan sosial dan ekonomi jelas lenyap daripada manifesto PAP dan ucapan para pemimpin parti. Sebagai ganti, fahaman utilitarian yang mengganjari sikap rajin, berjasa dan mahir dalam meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara diterapkan dengan meluasnya. Perbezaan sosial juga dibenarkan kerana ia tidak dapat dielakkan, sudah menjadi lumrah, dan demi kepentingan masyarakat umum. Dalam pertemuan Sosialis Antarabangsa di Zurich pada 1967, Lee Kuan Yew[29] mengumumkan bahawa 'generasi muda di Asia tidak lagi bersemangat melaungkan slogan mudah masyarakat egalitarian; makin ramai antara mereka membuktikan bahawa mereka mampu bersaing untuk mencapai ketaksamaan taraf'. Sejak itu rakyat Singapura digalakkan untuk berpegang teguh pada kata nasihat 'Usaha yang baik, berbaloilah ganjarannya' yang menurut Lee (*ST*, 9 Februari 1977) 'telah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menjadi asas kemajuan kita'. Sebagai tanda berlakunya perubahan ideologi, prinsip sosialis demokrat PAP untuk mewujudkan 'masyarakat yang lebih adil dan saksama' secara rasminya dimansuhkan daripada perlembagaan parti pada 1982.

Tanpa menyentuh perubahan ideologi PAP, penggabungan tidak mudah antara prinsip sosialisme dengan pasaran bebas[30] telah diputuskan sebagai teras falsafah PAP dalam konvensyen tahunannya pada beberapa tahun yang lalu.[31] Dengan menggunakan jargon ekonomi konservatif, aliran sosialisme PAP telah ditakrif semula oleh Menteri Penerangan, Brigadier-Jeneral George Yeo (*ST WOE*, 8 Mei 1993) dalam ucapannya kepada aktivis PAP pada 1993, sebagai 'sosialisme pihak pembekal yang cuba memaksimumkan keupayaan manusia dan bukannya sosialisme pihak permintaan yang memberikan subsidi dan mengurangkan galakan untuk berusaha...iaitu sosialisme yang berdasarkan hak dan tanggungjawab dan bukannya semata-mata pada hak'. Selain sosialisme 'pihak pembekal' yang diajukan oleh Yeo, perkara yang sering dilaungkan sejak 1980-an termasuklah prinsip meritokrasi, pasaran bebas, persaingan dan berdikari.

Sejak itu, prinsip egalitarian diketepikan bulat-bulat kerana ia menjejaskan kemajuan ekonomi dan sosial, manakala ketaksamaan sosial secara terang dipuji kerana fungsinya. Ketika memberikan perutusan kepada mahasiswa di Universiti Nasional Singapura pada 1990, Lee Kuan Yew (*ST*, 25 Julai 1990) memberi amaran tentang kesan buruk terhadap ekonomi yang berpunca daripada masyarakat egalitarian: 'Jika anda inginkan masyarakat yang ihsan, di mana setiap orang layak mendapatkan rawatan perubatan yang sama dan kelebihan sosial yang sama... maka anda tidak akan dapat masyarakat yang berdaya saing, yang bermakna anda tidak akan dapat menikmati ekonomi yang produktif lagi.' Beliau juga mempersendakan orang yang prihatin terhadap isu yang berkaitan dengan pengagihan pendapatan dan kemiskinan sebagai 'terhimpit dalam masalah remeh-temeh' (*Sunday Times*, 3 Januari 1993) dan menyamakan wacana kesaksamaan dengan 'menumpukan perhatian kepada pusat sendiri' (ibid). Lee mengingatkan bahawa kemakmuran ekonomi negara akan terjejas jika terus memberi perhatian kepada hal yang tidak penting.

Oleh sebab sering merujuk pernyataan dan pendapat tokoh konservatif seperti M. Friedman dan F. Hayek,[32] Perdana Menteri Goh Chok Thong dan pemimpin PAP yang lain kerap mengulangi dogma konservatif supaya menerima ketaksamaan sosial sebagai kesan sampingan daripada pembangunan ekonomi dan daya usaha sendiri.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Jika perbezaan sosial dan perbezaan ganjaran tidak wujud, Goh (*ST*, 5 Januari 1991) mengingatkan bahawa mereka yang berdaya usaha, gigih bekerja dan berkemahiran 'akan hilang dorongan untuk memberikan sumbangan sepenuhnya kepada ekonomi. Maka semua orang akan hidup miskin. Jangan iri hati dengan pendapatan mereka yang tinggi... diperoleh daripada ganjaran yang besar dalam pasaran bebas.'[33] Pandangan dunia yang sedemikian menerima ketaksamaan sosial sebagai mekanisme untuk memastikan agar orang yang paling 'berkebolehan' dan 'bijak' memegang jawatan penting dalam masyarakat. Inovasi dan daya usaha dipercayai didorong oleh persaingan yang dijana atas sebab ketidaksamaan. Mengejar cita-cita berkepentingan diri bagaimanapun akhirnya akan menguntungkan masyarakat keseluruhannya. Perspektif tersebut mewajarkan kewujudan perbezaan ekonomi sebagai akibat daripada perbezaan kebolehan dan daya usaha individu. Mereka yang kurang bernasib baik dianggap sebagai dirundung kekurangan individu, nilai dan sistem budaya yang tidak kena pada tempatnya atau kesan buruk daripada kecacatan semula jadi biologi. Sedikit sahaja, jika pun ada, yang mengiktiraf secara serius peranan institusi, struktur dan sejarah dalam menjejaskan peluang golongan yang kurang bernasib baik untuk bersaing di padang yang sama dengan pesaing lain dalam 'persaingan' mobiliti sosial.

Walaupun banyak bukti yang menunjukkan betapa pentingnya kekayaan material untuk mencapai kejayaan akademik (Domhoff, 1983; Useem, 1984; Heng Siew Hwee, 1985) serta pandangan yang kuat tentang diskriminasi dan perbezaan peluang, terutamanya yang 'jelas berlaku' di tempat kerja yang dialami oleh golongan etnik minoriti (Nurliza Yusuf, 1986; Li, 1989; NCSMMP, 1990) dan wanita (*ST WOE*, 19 Jun 1993), namun kepemimpinan PAP tetap berpegang pada retorik masyarakat meritokrasi yang kononnya semua rakyat Singapura bersaing di padang yang sama rata dalam masyarakat meritokrasi itu. Namun begitu, komitmen prinsip meritokrasi terhadap kesaksamaan bercanggah dengan dasar sengaja mengetepikan orang Melayu, selama hampir dua puluh tahun, daripada khidmat negara dan mengekalkan dasar menyisihkan orang Melayu dari 'unit sensitif' Angkatan Bersenjata Singapura (SAF).[34] Seperti yang akan dibincangkan dalam Bab 4, 5 dan 6, kewujudan pelbagai dasar tindakan galakan linguistik dan pelajaran telah mendedahkan percanggahan retorik meritokrasi takrif Singapura tentang 'padang sama rata'.

Perbelanjaan yang terhad untuk kebajikan sosial negara (Ramesh, 1992) berbanding perbelanjaan yang besar bagi pelbagai program elit telah diwajarkan atas alasan instrumentalis. Perbelanjaan besar negara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

untuk program elit bagi mereka yang 'berkebolehan' akademik dan berpendidikan tinggi dikatakan oleh pemimpin PAP sebagai 'pemangkin' yang membantu untuk 'meningkatkan keseluruhan prestasi masyarakat' (Wong Kan Seng, *Sunday Time*, 19 Januari, 1992) dan 'pelaburan' yang baik yang menjanjikan 'pulangan yang lebih tinggi daripada biasa' kepada negara (Goh Chok Tong, *ST WOE*, 18 Januari 1992). Pemberian biasiswa kerajaan yang banyak tanpa mengambil kira merit dikatakan sebagai 'pelaburan' yang menguntungkan (Lee Hsien Loong, 1992: 18). Selaras dengan pandangan tersebut, teori lelehan sering digunakan dengan andaian hasil bersih daripada 'melabur ke atas orang yang lebih berkebolehan' akan membawa kemajuan yang cepat kepada seluruh rakyat Singapura (Lee Hsien Loong, 1992: 22). Pandangan golongan instrumentalis tentang masyarakat dari kaca mata pelaburan membantu menjelaskan peruntukan sumber negara kepada pelbagai segmen masyarakat. Pendek kata, mereka yang dijangka akan membawa 'keuntungan' kepada pelaburan negara, biasanya akan diutamakan dalam peruntukan negara.

Yang Kuat Selamat, Yang Lemah Tersekat

Strategi ekonomi kerajaan PAP telah menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang pesat,[35] tahap pendapatan per kapita yang mengagumkan,[36] harga yang stabil, peluang pekerjaan yang tinggi, imbangan bayaran yang baik dan tahap rizab rasmi luar negara yang tinggi, seterusnya menjadikan pulau itu salah satu lokasi pelaburan yang terbaik di dunia.[37] Purata pendapatan isi rumah sebulan meningkat daripada $692 pada 1980 kepada $1,557 pada 1990 (*ST*, 13 Julai 1991). Jika petunjuk ekonomi ini digunakan sebagai kayu pengukur untuk kejayaan negara, maka Singapura boleh dianggap sebagai telah mencapai kejayaan yang menakjubkan.

Namun demikian, apabila dianalisis dengan teliti petunjuk ekonomi ini, maka didapati pengagihan ekonomi daripada 'keajaiban ekonomi' pulau ini agak berat sebelah. Selepas ketaksamaan pendapatan berkurangan dalam tempoh 1960-an dan awal 1970-an (Islam dan Kirkpatrick, 1986: 20), jurang perbezaan pendapatan antara 20 peratus paling rendah dan 80 peratus selebihnya semakin besar pada pertengahan 1970-an (*ST*, 10 September 1991).[38] Walaupun KNK per kapita pulau ini begitu menakjubkan, iaitu $12,765 sebulan pada 1990 (Bello dan Rosenfield, 1992: 1), namun 75 peratus daripada tenaga kerja dalam tahun itu memperoleh pendapatan kurang daripada $1,000

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sebulan (*ST WOE*, 19 Oktober 1991), 54.5 peratus kurang daripada $800 sebulan,[39] manakala 20 peratus dianggarkan berpendapatan kurang daripada $400 sebulan (*ST*, 2 Julai 1990).[40] Laporan Jawatankuasa Semakan Kos (CRC) 1993 menunjukkan bahawa dari segi dolar sahaja perbezaan antara 20 peratus pendapatan paling tinggi dan 20 peratus pendapatan paling rendah semakin besar, iaitu daripada $3,710 sebulan pada 1980 kepada $6,760 pada 1990 (*ST WOE*, 2 Oktober 1993). Ketua Perangkawan Singapura, Paul Cheung (W. Fernandez, *ST*, 9 Oktober 1993), menyatakan bahawa perbezaan gaji berkemungkinan akan semakin besar pada masa akan datang ekoran globalisasi pasaran buruh. Ini membolehkan pekerja mahir Singapura menuntut gaji yang setimpal dengan yang ditawarkan di Barat, manakala pekerja kurang mahir pula gajinya disekat akibat saingan daripada pekerja asing kurang mahir yang dibayar gaji rendah di Singapura dan juga di negara kurang maju. Tambahan pula, perubahan sistematik ke arah peningkatan struktur asas teknologi industri di Singapura telah melemahkan lagi kedudukan ekonomi dan kuasa tawaran pekerja kurang mahir.

Kekecewaan akibat perbezaan pendapatan, terutamanya di kalangan kelas pertengahan bawah[41] dan kumpulan berpendapatan rendah, telah diakui oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong dalam ucapannya pada Perhimpunan Hari Kebangsaan 1991. Dengan memetik daripada satu kaji selidik kerajaan, Goh menunjukkan bahawa 65 peratus sahaja rakyat Singapura yang merasakan bahawa mereka telah menerima manfaat daripada pembangunan ekonomi Singapura, manakala 20 peratus lagi tidak dan 12 peratus tidak memberikan apa-apa jawapan (*ST*, 12 Ogos 1991). Walaupun ekonomi mengalami pertumbuhan yang mampan, kaji selidik kerajaan yang dijalankan dari 1990 hingga 1995 menunjukkan bahawa 50 peratus rakyat Singapura merasakan tiada perubahan baik dalam kehidupan mereka (*ST*, 11 Februari 1995).

Kemiskinan yang masih wujud di tengah-tengah kemewahan memang diakui berlaku dalam keajaiban ekonomi Singapura.[42] Namun begitu, hal ini tidak dibincangkan atau dibahaskan secara terbuka dan mendalam. Yang miskin dipandang secara stereotaip sebagai golongan yang cacat dari segi fizikal atau mental, janda, orang tua yang tiada waris menjaga mereka, dan golongan rosak akhlak atau jahat yang sihat tubuh badan tetapi enggan mengeluarkan diri mereka daripada kancah kemiskinan. Golongan yang kedua ini memang dipandang sebagai bertanggungjawab ke atas kemiskinan mereka sendiri, manakala golongan yang pertama tadi diberikan simpati tetapi hanya mendapat bantuan daripada ahli keluarga atau pertubuhan amal swasta.

Selain faktor umur, tragedi peribadi, cacat dari segi mental dan fizikal, dan erti kemiskinan dari pandangan individu dan ketandusan budaya, sedikit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sahaja kesedaran, jika pun ada, tentang kemungkinan bahawa ada asas institusi dan struktur yang menyebabkan dan mengekalkan kemiskinan. Keengganan mengaitkan asas institusi yang menyebabkan kemiskinan dalam wacana awam jelas ditonjolkan oleh Jawatankuasa Keluarga Miskin (1989) anjuran kerajaan, yang mengehadkan sebab-musabab kemiskinan kepada apa yang mereka kenal pasti sebagai:

1. disfungsi dari segi fizikal, intelektual dan mental
2. disfungsi dari segi sosiopsikologi
3. disfungsi dari segi struktur keluarga

Hakikat bahawa disfungsi sosiopsikologi itu mungkin merupakan gejala dan bukannya sebab-musabab kemiskinan tidak diperakui secara serius. Andaian ini dinafikan oleh kajian (Cheah, 1977; Asher, 1991; Blake, 1991; Ramesh, 1992) yang telah menunjukkan betapa pentingnya faktor institusi dan struktur dalam menyebabkan dan mengekalkan kemiskinan di Singapura.

Kajian yang mendalam tentang kemiskinan di Singapura oleh Cheah Hock Beng (1977: 42, 77) mendedahkan bahawa kemiskinan sebenarnya bertambah tiga setengah kali ganda antara 1954 hingga 1973. Ketika Singapura membina reputasinya sebagai sebuah negara yang berjaya mencapai ekonomi cemerlang, 33 peratus daripada isi rumah rakyat Singapura tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung keperluan asas serta hidup dalam kemiskinan pada 1973.[43] Pada 1985 pula, seorang daripada enam rakyat Singapura menyara hidup dengan pendapatan keluarga berjumlah kurang daripada $500 sebulan dengan 16 peratus hidup di bawah bantuan minimum isi rumah yang rasmi atau garis kemiskinan.[44] Yang menariknya ialah pendedahan Cheah bahawa golongan miskin bukan sahaja terhad kepada orang tua, janda dan yang cacat tetapi sebenarnya majoriti mereka adalah daripada golongan pekerja yang miskin. Golongan ini rupanya mereka yang tidak mempunyai akaun simpanan dalam Tabung Simpanan Pekerja (CPF) sebagai sandaran untuk hari tua, ini disebabkan sifat dan taraf kerja mereka yang separuh masa atau buruh sambilan, serta di kalangan pekerja bergaji rendah yang lain seperti pembantu rumah yang lazimnya berpendapatan di bawah garis kemiskinan tetapi tidak pula dilindungi oleh undang-undang gaji minimum. Kajian kemiskinan dalam masyarakat Melayu oleh Myrna Blake (1991: 5) juga mendapati bahawa ramai keluarga Melayu yang miskin walaupun bekerja kerana mereka berpendapatan di bawah garis kemiskinan. Mereka sering terpaksa


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

memilih kerja separuh masa atau buruh sambilan kerana kadar potongan gaji CPF yang tinggi,[45] walaupun itu akan menjejaskan jaminan kewangan jangka panjang bagi keluarga mereka apabila bersara nanti.

Hanya mereka yang hidup melarat dan menghidap penyakit kronik, orang tua, orang cacat, atau pengemis yang layak menerima bantuan minimum dari kerajaan; atau yang sentiasa berada di bawah Perbelanjaan Minimum Isi Rumah (MHE) atau garis kemiskinan, yang dibantu oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat di bawah skim Bantuan Rakyat (BR).[46] Contohnya, kadar BR pada 1988 bagi isi rumah lebih daripada seorang ialah 25 peratus, iaitu lebih rendah daripada MHE (*ST*, 25 Mac 1988). Seterusnya, kriteria BR diketatkan bagi memastikan ia difahami oleh masyarakat umum bahawa bantuan ini bukannya skim yang memperuntukkan manfaat kepada semua keluarga miskin. Pada 1989, hanya 53 peratus pemohon BR yang berjaya mendapatkan bantuan (*ST*, 24 Mac 1990). Kriteria kelayakan yang ketat dan kadar kasar BR yang sangat tidak mencukupi itu telah dikritik oleh bekas Ahli Parlimen PAP Ulu Pandan, Dixie Tan (*ST*, 21 Jun 1987) sebagai memalukan Singapura yang sememangnya mewah itu.

Disebabkan kerajaan hanya memberikan bantuan kebajikan kepada golongan yang dianggap sebagai hidup melarat dan hidup betul-betul dalam kesempitan dari segi kewangan, bermakna badan kebajikan yang dibiayai oleh pihak swasta seperti Majlis Perkhidmatan Sosial Singapura [47] (SCSS) terpaksa menanggung sebahagian besar beban keperluan orang miskin. Contohnya, pada 1987, perbelanjaan BR kerajaan hanya sebanyak $3.4 juta, manakala badan amal mengeluarkan belanja sejumlah $8.6 juta (Ramesh, 1992: 5). Sejak akhir-akhir ini, trend kerajaan PAP terhadap bidang kebajikan masyarakat bukan sahaja untuk mengurangkannya, tetapi secara sistematik menswastakan perkhidmatan tersebut. Sebagai ganti, keluarga, masyarakat umum, masyarakat etnik dan juga pasaran (Ramesh, 1992:1) didorong untuk mengambil alih peranan tanggungjawab menangani keperluan orang miskin. Pengurangan bebanan negara terhadap golongan yang memerlukan bantuan ditunjukkan dengan jelas melalui pengurangan perbelanjaan keselamatan sosial,[48] apabila nisbah jumlah perbelanjaan kerajaan menurun daripada 8.3 peratus pada 1972 kepada 6.8 peratus pada 1989 (*IMF*, 1990, 1991). Usaha penswastaan sektor kesihatan juga membawa kepada pengurangan sumbangan kerajaan terhadap jumlah perbelanjaan kesihatan daripada 40.1 peratus pada 1970 kepada 27.4 peratus pada 1989 (Phua, 1990: 20), serta pengurangan dalam kadar subsidi dan sumbangannya menampung kos pesakit yang dimasukkan ke hospital kerajaan sama ada yang berbayar sedikit atau percuma (Asher, 1991b: 13).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Trend ke arah penswastaan perkhidmatan kebajikan dan keselamatan sosial[49] adalah kerana kepemimpinan PAP percaya bahawa rakyat Singapura terlalu bergantung pada kerajaan untuk keperluan asasi mereka. Mereka menegaskan bahawa pergantungan itu membawa kesan buruk kepada produktiviti pekerja dan kesetiaan mereka kepada majikan (Lim, 1989: 81). Kerajaan PAP juga menolak pandangan yang menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab negara, dan bukannya pihak lain, untuk membantu orang yang susah dengan memberikan hujah balas bahawa tanggungjawab negara lebih baik ditumpukan kepada menyediakan suasana yang dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan prasarana pelajaran bagi membolehkan rakyat mendapatkan kemahiran yang boleh dipasarkan kemudian hari (Asher, 1991b: 4). Program kebajikan perlu dihadkan kepada paras yang minimum kerana dipercayai bahawa ia akan memudaratkan pulau yang miskin sumber alam itu dari segi sosial dan ekonomi.[50] Bukan sahaja kebajikan dikatakan sebagai pemangkin bencana sosial dan ekonomi, tetapi ia juga dikatakan bertentangan dengan 'fitrah manusia untuk menjaga kebajikan sendiri' (Lee Kuan Yew, *ST WOE*, 23 Mac 1991). Dengan menggabungkan konsep logik 'yang kuat selamat' dan 'kerja amal', Lee terus terang mengatakan mesti ada yang gagal dalam masyarakat, dan sepatutnya orang yang prihatin di kalangan yang berjaya itulah, dan bukannya kerajaan, yang membantu mereka yang gagal tadi. Disebabkan ketegasan kepemimpinan PAP untuk memastikan supaya kerajaan masa hadapan tidak cuba membelanjakan khazanah negara bagi membiayai program kebajikan yang banyak, maka dibuat peruntukan dalam Rang Undang-undang Presiden Dipilih 1991, antara lain, membenarkan Presiden untuk memveto perbelanjaan kerajaan yang berlebihan dalam membiayai kebajikan masyarakat.

Sejak 1980-an, trend ke arah penswastaan dan pemencaran perkhidmatan sosial telah dijelaskan oleh Lim (1983: 759) sebagai usaha kerajaan untuk mengalih tumpuan kerajaan daripada fungsi yang merugikan seperti khidmat kesihatan, pelajaran dan subsidi perumahan. Tumpuan sekarang adalah untuk tidak melihat perkhidmatan sosial ini sebagai pelaburan sosial tetapi sebagai komoditi untuk dijual di pasaran bagi mendapatkan keuntungan (Lim, 1989: 173). Seperti yang dapat dilihat daripada pengalaman negara luar, penswastaan dan pemencaran perkhidmatan sosial dan kesihatan pada umumnya mengakibatkan kos perubatan yang lebih tinggi.[51] Pengalaman penswastaan khidmat kesihatan di Singapura juga terbukti tidak dapat lari daripada peningkatan kos ini. Antara 1984 hingga 1989, kos perubatan meningkat



3.5 peratus setiap tahun manakala jumlah perbelanjaan kesihatan sebanyak 11 peratus, dibandingkan dengan Indeks Harga Pengguna (CPI) yang meningkat hanya 1 peratus (Phua, 1990: 19). Memadai jika dikatakan bahawa peningkatan kos ini telah membawa kesusahan dan menambahkan lagi kerisauan terutama di kalangan warga tua dan kumpulan berpendapatan rendah.

Apabila Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dikuatkuasakan bermula 1994, ia pasti akan menjejaskan lagi kedudukan ekonomi warga tua dan keluarga berpendapatan rendah. Untuk menjadikan ekonomi Singapura lebih berdaya saing, maka disarankan penurunan cukai korporat dan pendapatan[52] tanpa meninggalkan kesan defisit, penurunan cukai korporat itu dijangka akan menarik ramai lagi pemodal asing untuk melabur di Singapura.[53] GST telah mengalihkan beban cukai daripada sektor korporat kepada rakyat yang kini juga terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi barangan keperluan dan barangan umum serta perkhidmatan. Permintaan umum untuk diberikan pengecualian cukai ke atas keperluan seperti makanan, pengangkutan dan bayaran perubatan di wad hospital kelas bawah bagi mengurangkan beban kewangan rakyat Singapura yang miskin telah ditolak oleh kerajaan (*ST WOE*, 6 Mac 1993). Ketika mempertahankan alasan kerajaan, S. Dhanabalan (Menteri Perdagangan dan Industri) mengatakan bahawa GST ialah cara untuk mengingatkan rakyat bahawa mereka tidak boleh mendesak kerajaan untuk menyediakan khidmat sosial tanpa menanggung kos kewangan melalui cukai yang lebih tinggi (*ST WOE*, 6 Mac 1993). Walaupun ada peruntukan beberapa rebat cukai yang direka untuk mengimbangi kesan GST[54], warga tua dan yang tidak aktif dalam bidang ekonomi[55] dijangka akan menerima padah daripada kos kehidupan yang lebih tinggi akibat GST (Ibrahim, *ST WOE*, 27 Februari 1993). Rebat cukai juga tidak begitu ketara bagi warga tua dan yang tidak terlibat dengan kerja bergaji kerana kebanyakan mereka tidak atau sedikit sekali membayar cukai pendapatan dan justeru tidak begitu mendapat manfaat daripada pengecualian cukai yang dijanjikan oleh kerajaan (ibid).

* * *

Orientasi ideologi PAP tampaknya semakin cenderung untuk beralih daripada kononnya komitmen terhadap prinsip sosialis demokratik pada penghujung 1950-an dan 1960-an, kepada pandangan dunia yang lebih berideologikan konservatif apabila hegemoni politiknya bertambah mencengkam sejak 1970-an. Selain proses paksaan dan penyusunan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

perlembagaan, kerajaan PAP berupaya mengekalkan hegemoninya kerana tekun menggunakan pandangan dunia ideologi konservatif yang merasionalkan gaya tadbir urus secara paternalis. Terutama sekali penggunaan konsep seperti ketinggian nilai budaya Asia (Timur) berbanding nilai budaya Barat, keutamaan ekonomi ke atas politik, dan wacana krisis dengan berkesan telah menjamin kepentingan politik kerajaan PAP.

Galakan terhadap falsafah usaha sendiri, wacana antikebajikan, dan arus penswastaan kebajikan sosial telah menanamkan asas ideologi untuk mengurangkan perbelanjaan kebajikan dan bantuan sosial kepada yang memerlukannya. Jauh sekali dari tidak berideologi dan bersikap pragmatik, dasar kebajikan sosial kerajaan PAP sebenarnya amat berideologi dan selaras dengan pandangan dunia falsafah konservatif. Wacana ideologinya meninggalkan kesan yang menghalalkan secara sistematik peminggiran sosial bagi individu, golongan yang kurang berpendidikan, orang cacat, warga tua, dan masyarakat seperti orang Melayu yang selepas tiga puluh tahun di bawah pemerintahan PAP, masih terpinggir dari segi sosioekonomi dan pelajaran.

1. Sejak awal 1980-an, media cetak tempatan diletakkan di bawah kawalan *Singapore Press Holdings* dengan saham majoriti dimiliki oleh kerajaan. Wartawan tempatan cenderung untuk menapis sendiri isu sensitif (Asiawatch, 1990: 47).

2. Wartawan Singapura mesti mendapatkan kebenaran daripada majikan mereka untuk menerbitkan penulisan mereka dalam penerbitan asing dan majikan mereka kemudiannya mestilah memaklumkan kementerian kerajaan yang berkenaan (Birch, 1993: 34).

3. Pada 1985, *Asian Wall Street Journal* telah dikenakan tuduhan menghina. Pada 1987, edaran *FEER* dikurangkan daripada 9,000 kepada 500 naskhah disebabkan laporan tentang penahanan ISA pada tahun itu. Edaran *The Asian Wall Street Journal* juga telah dihadkan daripada 5,000 kepada 400 naskhah pada 1987 (*Asiawatch*, 1990: 51). Pada 1986, edaran *Time* dihadkan dan 1987, edaran *Asiaweek* dikurangkan daripada 10,000 kepada 500 naskhah (ibid.). Pada 1993, *The Economist* mengalami nasib yang sama manakala *International Herald Tribune* pada bulan Ogos 1995 telah diperintah oleh Mahkamah Tinggi Singapura untuk membayar sebanyak S$950,000 kerana rencana yang diterbitkannya dalam bulan Ogos 1994 yang melemparkan tuduhan bahawa wujudnya 'politik dinasti' di Singapura. Dalam bulan Januari 1995, ia juga didapati menghina mahkamah kerana rencana yang diterbitkannya pada bulan Oktober 1994 yang ditulis oleh ahli akademik Christopher Lingle di Singapura yang mengatakan bahawa badan kehakiman di sesetengah negara Asia mengamalkan sikap 'suka menurut' (ST, 7 Ogos 1995).

4. *Petir*, Editorial, Disember 1982: 3.

5. Tindakan memasukkan isu politik ke dalam dunia ekonomi diakui oleh Lee

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

(1962: 83) pada awal 1960an: 'Masalah politik pada asasnya bermakna masalah yang kita hadapi untuk menyara hidup, mencari jalan supaya kita dapat memberi setiap orang kehidupan yang adil dan peluang yang sama untuk belajar serta bekerja dan seterusnya menikmati kehidupan yang serba sempurna.

6. Teori kerajaan Konfusius pada asasnya mengharapkan supaya pemerintah bertindak menurut *li* (peraturan tentang pimpinan yang sewajarnya) dan *ren* (bersikap ihsan), yang dengannya rakyat dapat mentaati dan mencontohi pemerintah tersebut. Teori ini menyatakan bahawa pembaharuan dicetuskan oleh pegawai bawahan yang dilantik oleh pemerintah yang adil. (*FEER*, 26 Oktober 1979).

7. MacDougall (1975: 37-8) mendapati bahawa golongan teknokrat biasanya diberikan jawatan menteri dalam masyarakat autoritarian kerana mereka tidak mempunyai kawasan undi yang kuat, tidak bercita-cita tinggi dalam politik dan sangat setia kepada pihak yang memilih dan melantik mereka.

8. Negara membelanjakan hampir AS$1 bilion setahun untuk pertahanan (Clad, 1989: 144). Belanjawan ketenteraan Singapura sebagai peratus KDNK lebih tinggi daripada rejim ketenteraan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand (Vatikiotis, 1993: 62).

9. Pada 1987, seramai 22 orang rakyat Singapura ditahan di bawah ISA atas tuduhan kerana terlibat dalam konspirasi Marxis menentang negara. Kebanyakan yang ditahan itu terdiri daripada aktivis Kristian.

10. Hill (1990:3) menghujahkan bahawa asas kestabilan sosial dalam masyarakat kapitalis maju bukannya terletak pada asas normatif tetapi lebih bercirikan ekonomi.

11. Hubungan simbiotik antara NTUC dengan kerajaan PAP diakui secara terbuka. Lapan daripada dua puluh ahli Jawatankuasa Eksekutif NTUC merupakan Ahli Parlimen PAP. Sehingga September 1993, Timbalan Setiausaha Agung NTUC ialah Menteri PAP Lim Boon Heng manakala Setiausaha Agung NTUC ialah Timbalan Perdana Menteri Ong Teng Cheong (Rosa, 1990: 492). Pelantikan Ong sebagai Presiden Singapura memberi ruang untuk pelantikan Lim sebagai Setiausaha Agung NTUC. Aktivis parti pembangkang telah dihalang daripada terus menjadi pegawai cawangan NTUC. Contohnya, dua orang pemandu teksi dalam koperasi teksi NTUC telah dipaksa meletakkan jawatan kerana mereka bertanding sebagai calon pembangkang dalam pilihan raya umum 1988 dan oleh itu dikatakan melanggar undang-undang kecil NTUC yang melarang ahli daripada terlibat dengan sebarang pertubuhan yang mempunyai matlamat yang dikira tidak sejajar dengan matlamat NTUC dan menjejaskan kewibawaannya (ibid.: 495).

12. Tokoh pengasas bagi Barisan Sosialis yang tidak wujud lagi, Chia telah ditahan tanpa dibicarakan di bawah ISA selama tiga puluh tahun. Menurut Amnesty International, beliau ialah salah seorang tahanan politik yang paling lama di dunia. 'Dibebaskan' ke Pulau Sentosa pada 1989, kes kerajaan PAP ke atas Chia dipersoalkan kerana ia tidak memberikan sebarang bukti kukuh yang mengatakan bahawa Chia telah berkomplot untuk melakukan tindakan yang tidak berperlembagaan yang boleh mengancam negara (*Asiawatch*, 1990: 12). Baru-baru ini beliau dibenarkan untuk ke luar negara tetapi di bawah syarat yang ketat.

13. Beliau telah dihalang daripada Parlimen pada 1985 selepas disabitkan dengan kesalahan bersumpah bohong. Akan tetapi Majlis Privi mendapati bahawa beliau tidak bersalah atas tuduhan itu dengan menyatakan bahawa 'mereka [Jeyaratnam] telah didenda, dipenjarakan dan dimalukan atas kesalahan yang mereka tidak lakukan' (cf. *Asiawatch*, 1990: 59). Tidak hairan apabila keputusan Majlis Privi itu tidak diendahkan oleh kerajaan PAP. Seperti ahli politik pembangkang yang lain, beliau

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

telah dihadapkan dengan pelbagai saman malu bertulis yang dikemukakan oleh ahli politik PAP kerana tegurannya terhadap PAP ketika perhimpunan pilihan raya.

14. Seorang ahli utama Parti Pekerja, Dr. Bin kalah dengan jumlah undi yang tipis bagi merebut kerusi Changi dalam pilihan raya umum 1991. Sejak itu beliau telah diharamkan daripada profesion perubatannya pada 1992 atas sebab beliau telah memberikan terlebih ubat pelali kepada pesakitnya.

15. Beliau telah dituduh pelampau Melayu dan bersikap perkauman dalam pilihan raya 1991 apabila beliau bertanding di bawah tiket pasukan GRC Parti Pekerja di Eunos menentang PAP.

16. Ketika pilihan raya Januari 1997, kepemimpinan PAP menuduh calon Parti Pekerja bagi kerusi Cheng San, Tang Liang Hong seorang pelampau Cina yang anti-Kristian. Selepas sahaja pilihan raya, Tang, disebabkan bimbang yang dirinya akan ditahan di bawah ISA, melarikan diri ke luar negara tetapi dengan secepat kilat pelbagai saman fitnah dibuat oleh ahli politik utama PAP ke atasnya.

17. Bekas Peguam cara Negara, Francis Seow telah ditahan di bawah ISA, disabitkan dengan kesalahan mengelak cukai dan kemudian didenda dan dilucutkan kelayakan menduduki kerusi NCMP selepas beliau kalah tipis menentang pasukan GRC PAP di kawasan Eunus dalam pilihan raya umum 1991. Seow telah memberikan khidmat undang-undang kepada dua daripada dua puluh dua orang tahanan ISA pada 1987. Pada bulan Mei 1988, Seow telah ditahan atas alasan bahawa beliau mempunyai 'hubungan rapat' dengan ahli diplomat AS E. Hendrickson. Seperti juga dengan tahanan ISA yang lain, tidak ada bukti sahih yang diberikan untuk menyokong tuduhan kerajaan terhadap hubungan rapatnya dengan Hendrickson. Untuk mengetahui dengan terperinci kisah tahanan Seow ini, baca F. Seow, *To Catch A Tartar* (1994).

18. Pensyarah Universiti Nasional Singapura dan Setiausaha Agung Parti Demokratik Singapura, Chee Soon Juan dilantik menjadi calon menentang pasukan GRC PAP kawasan Marine Parade dalam plihan raya kecil 1992. Beliau telah disingkirkan dari Universiti dalam bulan April 1993 atas tuduhan kononnya menyalahgunakan dana penyelidikan.

19. Perlembagaan dipinda pada bulan Julai 1984 untuk memperuntukkan pembentukan NCMP. Semenjak itu tiga kerusi parlimen diperuntukkan kepada parti pembangkang yang mendapat undi tertinggi tetapi kalah dalam pilihan raya umum.

20. Dibentuk oleh dewan perundangan pada 1989, enam NMP akan dilantik oleh Presiden atas nasihat Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik oleh Parlimen.

21. Rang Undang-undang GRC diperkenalkan pada 1987. Pengundi perlu memilih di kalangan pasukan Ahli Parlimen dalam kawasan undi GRC. Sekurang-kurangnya seorang ahli pasukan GRC mestilah daripada etnik minoriti.

22. Rang Undang-undang ini memperuntukkan kuasa yang luas kepada Presiden dipilih seperti kuasa veto belanjawan, menolak pelantikan jawatan kanan seperti Hakim Besar, Peguam Negara, Ketua Audit Negara, anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ketua Turus Angkatan Tentera. Presiden diberikan kuasa untuk memantau rizab negara, pentadbiran ISA, Rang Undang-undang Mengekalkan Keharmonian Beragama (1990), dan Biro Penyiasatan Amalan Rasuah. Kelayakan ketat bagi jawatan Presiden dengan berkesan menafikan calon bukan PAP atau bukan dari golongan berkuasa.

23. Goh mendakwa bahawa CDC dapat membantu memulihkan semangat gotong-royong yang terdapat dalam masyarakat awal Singapura di mana penghulu kampung dan ketua suku menjaga kebajikan pengundi mereka. CDC dijangka menjadi badan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

payung yang menyelia badan teras yang ada sekarang ini seperti Jawatankuasa Perundingan Rakyat, Jawatankuasa Pengurusan Balai Rakyat dan Jawatankuasa Penduduk (RC). Pengerusi CDC akan diberikan gelaran datuk bandar jika dia mengetuai majlis perbandaran yang mempunyai lebih daripada 150,000 penduduk dan juga seorang Ahli Parlimen (ST WOE, 31 Ogos 1996). Ahli Parlimen pembangkang Chiam See Tong menyatakan bahawa cadangan CDC itu sebenarnya ialah salah satu lagi cara PAP melebarkan kuasanya (ibid.).

24. Rujuk manifesto PAP, 'Tugas Masa Hadapan' (1959).

25. Ia menambah masa kerja, mengurangkan cuti umum, cuti bergaji, cuti rehat dan cuti sakit. Kuasa kesatuan sekerja dihadkan apabila perkara seperti kenaikan pangkat, perpindahan pekerja, penjimatan, pembuangan kerja, pengambilan semula pekerja dan pemberian kerja dikeluarkan daripada rundingan kolektif (Rodan, 1989).

26. Rujuk buku Devan Nair *'Socialism That Works: The Singapore Way'* (1976), yang bersemangat mempertahankan kelayakan sosialis demokrat PAP. Setelah 'dinyahkan' dari Singapura diikuti dengan tuduh-menuduh dengan kepimpinan PAP, tanggapan Devan Nair terhadap PAP mulai hambar. Dalam buku Seow (1994: xx, xxvii) tentang penahanannya di bawah ISA, Nair menulis, 'Pada hari ini saya terpaksa menarik balik banyak kata-kata yang telah saya luahkan di London pada 1976... kegagalannya (Lee Kuan Yew) yang tidak boleh dimaafkan ialah ternyata beliau belot terhadap prinsip yang berjaya melancarkan PAP ke dalam arena politik– iaitu masyarakat saksama, berbilang kaum dan demokrasi.'

27. Kerajaan PAP menghadapi masalah besar untuk menyelesaikan kadar pengangguran yang tinggi antara 7 hingga 12 peratus dalam pertengahan tahun 1960-an. Masalah ini dirumitkan lagi oleh pertambahan tenaga buruh 3.5 peratus setahun antara tahun 1966 hingga 1976 apabila murid-murid meninggalkan sekolah mereka (*ST*, 16 Disember 1966). Pengisytiharan kerajaan British dalam tahun 1968 akan niatnya untuk menutup pangkalan tenteranya di Singapura, yang menyumbang 20 peratus kepada KDNK dan memberikan kerja kepada 40,000 orang, bermakna kadar pengangguran yang sedia tinggi itu akan berlipat ganda lagi (*FEER*, 5 Ogos 1972) dan merumitkan lagi usaha pembangunan semula ekonomi kerajaan PAP.

28. Beliau terus memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar ekonomi dan memegang jawatan eksekutif penting dalam badan berkanun.

29. Ucapan dalam Pertemuan Majlis Sosialis Antarabangsa 1967, Zurich: Kementerian Kebudayaan Singapura, 1967.

30. Singapura lebih bercirikan sistem yang berdasarkan kapitalisme perintah dan bukannya kapitalisme pasaran bebas.

31. Rukun falsafah lain yang disahkan dalam konvensyen PAP 1992 termasuklah demokrasi, berbilang kaum dan kerjasama antarabangsa (Henson, *'PAP Convention Is No Party'. ST WOE*, 23 November 1991).

32. Namun begitu, pendiayah pasaran bebas konservatif seperti Hayek kuat menentang campur tangan besar negara dalam bidang sosial dan ekonomi. Inilah ciri kerajaan di Singapura yang dikuasai oleh PAP.

33. Manakala elit perkhidmatan pentadbiran menerima kenaikan gaji antara 13 hingga 20 peratus pada 1989, pegawai kerajaan yang lain menerima kenaikan 4 peratus sahaja. Sebaliknya, Jemaah Menteri menerima kenaikan sebanyak 60 peratus. (Rosa, 1990: 502). Perdana Menteri Singapura mendapat gaji US$365,000 setahun. Ini ialah 50 peratus lebih daripada gaji tahunan Presiden Amerika Syarikat (ibid.). Menjelang tahun 1993, gaji Perdana Menteri Singapura dinaikkan kepada S$96,000 sebulan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

atau S$1,152,000 setahun (*ST*, 4 Disember 1993). Gaji kasar bulanan Menteri dan pegawai kanan kerajaan pada 1993 adalah seperti berikut:

Jawatan	*Gaji (S$)*	*Jawatan*	*Gaji (S$)*
Perdana Menteri	96,000	Superscale D	20,000
Timbalan Perdana Menteri	84,000	Superscale E1	16,000
Menteri	64,000	Superscale E	15,000
Superscale C	29,000	Superscale F	14,000

Sumber: *ST*, 4 Disember 1993.

34. Isu ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 4.

35. Purata pertumbuhan KDNK ialah di sekitar 9 peratus semenjak merdeka (Wong, 1990: 3). Pertumbuhan ekonomi 5 peratus diramalkan bagi dekad 1990-an. (Huxley, 1992: 283).

36. Pendapatan per kapita meningkat daripada S$11,300 pada 1960 kepada S$9,293 pada 1980 (Chen, 1984). Pada 1990, per kapita KNK ialah US$11,300 (Huxley, 1992: 282). Singapura ialah pusat kewangan serantau dengan anggaran tukaran mata wang asing $24 bilion sehari (Coplin et al., 1990).

37. Pada 1991, Singapura mengekalkan kedudukan teratasnya sebagai NIC yang paling berdaya saing bagi tiga tahun berturut-turut dalam Laporan Daya Saing Dunia. Laporan itu dijalankan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa dan Forum Ekonomi Sedunia di Geneva (*ST WOE*, 22 Jun 1991).

38. Menjelang 1983, pendapatan purata kakitangan pentadbiran dan pengurusan ialah lima kali ganda lebih daripada kakitangan pengeluaran dan perkhidmatan (Islam dan Kirkpatrick, 1996; 120-1).

39. Kementerian Buruh Singapura (1990), *Report on Labour Force Survey of Singapore, 1989*.

40. Kadar purata sejam pekerja kilang Singapura ialah S$3.50 (Bello dan Rosenfield, 1992: 313). Di Singapura trend ke arah perbezaan pendapatan dan perbezaan sosial yang makin meluas selaras dengan trend dalam NIC seperti Korea. Dalam kes Korea, perbezaan pendapatan merosot dalam fasa pertama program Perindustrian Berorientasikan Eksport (EOI) dalam tempoh 1960-an yang memberikan banyak peluang untuk mobiliti sosial. Selepas itu, sifat ekonomi yang bertambah canggih melibatkan perbezaan besar dalam kemahiran dan ganjaran (Khoo, 1985: 129-48).

41. Kemunculan 'kelas pertengahan yang tersepit' telah dihujahkan oleh ahli akademik Tan Kong Yam. Beliau mendakwa kelas ini merupakan 20 peratus daripada jumlah penduduk yang berpendapatan lebih maka tidak berkelayakan untuk mendapatkan faedah subsidi, tetapi pendapatan mereka tidak mencukupi untuk melayakkan diri dalam kumpulan atasan 10 peratus untuk membeli hartanah peribadi, kereta, dan sumber terhad yang lain. Kenaikan kos pelajaran dan kesihatan juga memberi kesan buruk kepada mereka (*ST*, 29 Julai 1991). Contohnya, indeks harga pengguna naik sebanyak 3.8 peratus bagi setengah tahun pertama 1992, kos pengangkutan awam naik 19 peratus, bayaran kesihatan 9.9 peratus dan bayaran pelajaran 6.8 peratus (*FEER*, 10 Oktober 1991).

42. Pada 1990, Perdana Menteri Goh Chok Tong terus terang mengatakan bahawa orang miskin atau 'kelas bawahan ' terdiri daripada 10-15 peratus penduduk (*ST*, 12 Februari 1990).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

43. Dianggarkan sehingga 30 peratus daripada isi rumah Singapura hidup di bawah garis kemiskinan dalam tempoh 1980-an (Clammer, 1987: 192).

44. Kerajaan telah mentaksirkan bahawa keperluan asasi minimum bagi sebuah keluarga empat orang ialah $365 sebulan pada 1985 (*ST*, 21 April 1985).

45. CPF ialah skim anuiti sebagai sumber kewangan utama bagi pekerja bersara. Ia merupakan skim simpanan wajib bebas cukai yang memerlukan majikan dan pekerja membuat sumbangan pada peratus gaji yang telah ditetapkan ke dalam akaun CPF. Pada 1992, sumbangan CPF ialah 18 peratus daripada majikan dan 22 peratus daripada pekerja. Pengeluaran dibenarkan apabila penyimpan mencapai umur lima puluh lima tahun atau untuk membeli rumah dan pelaburan yang diluluskan.

46. Pada 1988 Kementerian Pembangunan Masyarakat telah mengusulkan Laporan daripada Jawatankuasa Keluarga Miskin yang dengan jelas menyatakan bahawa elaun BR yang ada sekarang ini sangat tidak mencukupi kerana di bawah garis konservatif MHE. Bagi tahun 1991, ia ditetapkan pada tahap $140 sebulan bagi orang bujang, $270 sebulan bagi sebuah keluarga tiga orang dewasa, dan $345 sebulan bagi sebuah keluarga seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak (*ST*, 26 Februari 1991).

47. SCSS telah menubuhkan Dana Masyarakat pada 1983 sebagai tabung kewangan yang memusatkan kutipan dan peruntukan dana tersebut kepada pertubuhan kebajikan swasta.

48. Sumbangannya kepada jumlah perbelanjaan kesihatan juga jatuh daripada 39 peratus pada 1960, 37.4 peratus pada 1985 dan 27.4 peratus pada 1989 (Singapura, Jabatan Statistik, *Yearbook of Statistics,* 1990).

49. Keselamatan sosial merujuk perkhidmatan yang bertujuan untuk mengekalkan pendapatan dan membantu kos penerimaan khidmat kesihatan dan pembiayaan kanak-kanak. Ia tidak termasuk program perumahan dan pelajaran (Ramesh, 1991: 1).

50. Kaji selidik Wilensky (1981: 191-2) berkenaan dengan hubungan antara perbelanjaan kebajikan sosial dan keselamatan sosial menunjukkan bahawa perbelanjaan kebajikan dan pembayar cukai yang besar seperti negara Jerman, Belanda, Norway, dan Belgium berada dalam golongan yang berprestasi baik di kalangan sembilan belas negara demokrasi terkaya dari tahun 1950 hingga 1974. Mereka menikmati purata pertumbuhan tahunan per kapita yang baik, kadar pengangguran yang rendah, inflasi yang rendah atau sederhana. Sebaliknya, negara yang kurang mengeluarkan perbelanjaan kebajikan seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia, United Kingdom, dan New Zealand mengalami pertumbuhan per kapita yang rendah dan prestasi yang tidak menentu.

51. Organisation for Economic Co-operation and Development, *Reforming Public Pensions,* Social Policy Studies No. 5, Paris: OECD, 1988. p. 36.

52. Cukai korporat telah diturunkan daripada 30 peratus kepada 27 peratus dan cukai pendapatan diturunkan sebanyak 3 peratus.

53. Cukai korporat di Hong Kong ialah 17.5 peratus, Taiwan 25 peratus, Thailand 25 peratus dan Brazil 25 peratus. Manakala negara yang mengenakan cukai korporat yang tinggi ialah China 33 peratus, Malaysia 34 peratus, dan Mexico 35 peratus (*ST WOE*, 27 Februari 1993).

54. Tebusan yang diberikan termasuk rebat hartanah yang nilai tahunannya kurang daripada $10,000, dimansuhkan cukai 5 peratus bagi bil telefon rumah, bil Lembaga Perbekalan Awam (PUB) diturunkan daripada 5 kepada 2 peratus, cukai hiburan dimansuhkan, rebat bagi bayaran perkhidmatan dan pemeliharaan rumah pangsa satu, dua dan tiga bilik, rebat bagi sewa rumah pangsa HDB, bantuan Pelajaran Edusave (baucar) meningkat daripada $50 kepada $100 setahun bagi setiap pelajar Elaun Awam dinaikkan sebanyak $5 hingga $15, dan bantuan kewangan kepada orang miskin melalui Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) (*ST WOE*, 27 Februari 1993).

55. Lapan daripada sepuluh orang yang berumur di atas enam puluh tahun tidak aktif dalam bidang ekonomi (iaitu tidak melibatkan diri dalam kerja berbayar).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

4
Pandangan Tentang Peminggiran Orang Melayu

Pandangan golongan yang serba kekurangan ialah pandangan yang penting untuk melihat keadilan (K. Marx).

Bab ini mengkaji tentang motivasi politik, orientasi sosiobudaya dan kecenderungan ideologi oleh pendukung idea ketandusan budaya dari zaman penjajahan British hingga ke zaman moden ini. Idea ketandusan budaya juga menjadi titik permulaan bagi idea eugenik dan biologi golongan penentu dalam kepemimpinan PAP. Idea ini digunakan untuk lebih mewajarkan pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP terhadap masyarakat Melayu dan juga golongan serba kekurangan yang lain di Singapura. Wacana tentang ketandusan budaya ini memperkukuh lagi idea stereotaip yang negatif yang dipegang sejak sekian lama oleh masyarakat bukan Melayu terhadap orang Melayu, lalu menyebabkan kurangnya rasa empati orang awam terhadap peminggiran orang Melayu.

Kesan Pandangan Orientalis dan Penjajah Terhadap Orang Melayu

Pandangan terhadap orang Melayu sekarang ini banyak dipengaruhi dan dibentuk oleh wacana penjajah dan para orientalis tentang orang Melayu.[1] Gambaran stereotaip budaya yang negatif yang ditonjolkan oleh penjajah dan cendekiawan orientalis adalah bahawa orang Melayu mudah puas hati, malas, tidak ambil peduli,[2] suka bersenang-senang, tidak ada motivasi dan disiplin. Tidak seperti masyarakat pendatang, orang Melayu pada umumnya dikatakan tidak berusaha mengejar kesenangan kebendaan melalui aktiviti perniagaan.[3]

Ciri-ciri budaya yang tidak elok itu digunakan untuk mewajarkan 'beban orang putih' yang berkaitan dengan penjajahan, yang mengaburi peranan penting dasar penjajah dalam meminggirkan sosioekonomi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan pelajaran masyarakat Melayu.[4] Historiografi orientalis pada umumnya gagal menunjukkan hakikat bahawa pihak berkuasa penjajah tidak menggalakkan orang Melayu menanam tanaman kontan, seperti pokok getah, dengan memasukkan fasal 'tidak dibenarkan menanam pokok getah' sebagai syarat dalam pemberian milik tanah pertanian kepada orang Melayu (Shaharuddin Ma'arof, 1988: 51). Mereka biasanya tidak mengiktiraf kewujudan masyarakat pedagang Melayu yang berjaya, seperti suku Bugis dan Minangkabau, yang menguasai pelabuhan perdagangan lama yang makmur dalam era Temasik dan Melaka sebelum kedatangan penjajah. Historiografi orientalis juga tidak nampak keutuhan institusi dan organisasi perbandaran Melayu seperti di Kota Bharu, Kelantan di mana pemerintahan penjajah tidak begitu ketara dan bilangan penduduk pendatang tidak ramai (Nagata, 1979: 82). Pedagang, pengusaha dan profesional Melayu tampak lebih berjaya di kawasan tersebut berbanding di bandar-bandar di pantai barat (ibid: 83).

Ideologi ketandusan budaya Melayu semakin tersebar luas apabila organisasi masyarakat Islam yang dikuasai oleh orang Arab dan India juga menerima idea tersebut. Banyak orang bukan Melayu yang menjadi pemimpin dalam masyarakat Islam, yang pada umumnya berada pada kedudukan yang lebih tinggi daripada orang Melayu dalam hierarki sosial penjajah dan rapat dengan pihak berkuasa penjajah, cenderung mengkritik orang Melayu sebagai malas, kaki gaduh dan mudah berpuas hati. Sebagai menunjukkan sikap merendah-rendahkan orang Melayu, sebuah akhbar bahasa Melayu yang diusahakan oleh orang Arab pada 1907, iaitu *Al-Imam* menyeru orang Melayu supaya menjadi orang Islam yang lebih baik untuk meningkatkan tahap sosioekonomi mereka yang lemah (Weyland, 1991: 225).

Dalam zaman penjajah, tokoh Melayu terkenal, seperti Zainal Abidin bin Ahmad (atau Za'aba) (1923), mengesahkan kebenaran ideologi kedaifan budaya Melayu dengan menerapkan wajarannya ke dalam tulisan mereka. Setelah wacana penjajah tentang orang Melayu meresap dalam minda mereka, mereka menghukum keras orang Melayu kerana nilai budaya Melayu yang rendah. Tidak hairanlah mengapa kritikan mereka tentang budaya dan sikap Melayu itu dialu-alukan oleh pihak berkuasa penjajah, kerana ia bermanfaat untuk 'menghalalkan' penjajahan Malaya (Shaharuddin Ma'arof, 1988: 25). Artikel yang ditulis oleh tokoh terkenal seperti Za'aba (1923), yang sering diterbitkan dalam akhbar tempatan, dengan hinanya merendah-rendahkan orang Melayu kerana 'miskin wang, miskin ilmu, lemah daya fikir dan rendah akhlak... Sastera mereka rendah mutunya dan tidak berkembang... mereka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

melihat kehidupan tanpa semangat... Pendek kata, orang Melayu serba-serbi ketinggalan dalam setiap bidang kehidupan.'[5] Tokoh lain seperti Abdullah Munshi mengkritik secara berlebih-lebihan pengaruh negatif feudalisme dalam masyarakat Melayu, namun dengan mudah mengabaikan peranan penjajah British dalam mengekalkan feudalisme Melayu dan kesan buruknya terhadap pembangunan sosioekonomi orang Melayu (Shaharuddin Ma'arof, 1988: 76).[6]

Tradisi kutuk diri dan hukum diri oleh sesetengah orang Melayu pada zaman penjajah dapat dilihat dalam hasil tulisan ahli politik Melayu UMNO dan PAP baru-baru ini seperti dalam *Revolusi Mental* oleh Senu Abdul Rahman (1971),[7] *The Malay Dilemma* oleh Mahathir Mohamad (1970) dan *The Singapore Malays: The Dilemma of Development* oleh Wan Hussein Zoohri (1990). Dalam mengulangi dan menyebarkan ideologi kedaifan orang Melayu, mereka mendedahkan rasa rendah diri orang Melayu yang amat sangat. (Shaharuddin Ma'arof, 1988: 62).

Ideologi kedaifan budaya Melayu bukan sahaja meninggalkan kesan yang tidak mungkin dilupakan pada sebahagian masyarakat Melayu, malah ia juga menjadi acuan yang membentuk pandangan orang bukan Melayu dalam zaman penjajah.[8] Struktur sosial masyarakat majmuk penjajah, yang kerananya pelbagai masyarakat etnik nampaknya dapat wujud bersama-sama dalam masyarakat tetapi tidak begitu ketara dalam kehidupan peribadi, banyak menyumbang ke arah terbentuknya stereotaip etnik yang negatif.

Stereotaip etnik semakin ketara dengan penglibatan ramai orang bukan Melayu dalam ekonomi penjajah, yang menyebabkan mereka berasa lebih baik daripada orang Melayu (Abraham, 1986: 16-17). Sikap sedemikian boleh menggalakkan kepercayaan bahawa kekayaan masyarakat mereka dan kemiskinan orang Melayu adalah kesan daripada sifat jimat cermat dan keupayaan pendatang menyesuaikan diri dalam cara hidup moden berbanding kemalasan dan ketegaran orang Melayu (Silcock, 1959: 183). Contohnya, Rupert Emerson (1964: 18) menyatakan bahawa dalam tahun 1930-an, ada 'orang Eropah dan Cina yang mengkritik bahawa orang Melayu malas dan tegar' dan enggan memanfaatkan peluang ekonomi yang amat banyak di bawah pemerintahan penjajah.

Ideologi kedaifan budaya Melayu yang segera diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu selepas zaman penjajahan semakin diterima dengan penjelasan tentang ideologi tersebut oleh penulis dan ahli akademik Barat (Lewis, 1961; Banfield, 1970). Mereka mendakwa bahawa peminggiran sosioekonomi yang berlanjutan bagi sesetengah masyarakat etnik seperti orang Afrika Amerika berpunca dari budaya


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan sikap mereka yang tidak bernilai. Masyarakat seperti ini kononnya menghidap penyakit negatif seperti malas, mudah berpuas hati, mempunyai unit keluarga yang tidak stabil, cenderung untuk mengecap kepuasan yang dapat diperoleh segera, dan gagal merebut peluang yang terbuka. Kelemahan budaya dikatakan mewujudkan keadaan yang mengakibatkan kemiskinan dan ketaksamaan sosial.

Justeru, idea ketandusan budaya diasaskan kepada wacana yang menjadikan kemiskinan dan ketaksamaan sosial suatu isu perkauman. Wacana sebegitu mengakui bahawa masyarakat etnik yang terpinggir dari segi sosial digambarkan sebagai tidak patut dibantu, malas, dungu, dan menghadapi krisis jati diri. Dengan masalah yang dihadapi oleh kaum etnik minoriti, kedudukan mereka yang serba kekurangan dapat disembunyikan. Yang pentingnya, dengan menunjukkan bahawa punca 'masalah' itu berakarumbi dalam masyarakat etnik yang terpinggir itu sendiri, wacana perkauman ini menghuraikan bahawa faktor struktur, institusi, dan sejarah penting dalam menyebabkan kemiskinan mereka. Memandangkan masyarakat etnik yang ketandusan budaya itu sendiri yang menyebabkan penyakit sosioekonomi mereka, maka menjadi tanggungjawab mereka untuk mengubah tingkah laku mereka yang 'terpesong' dan banyak cacat cela. Wajaran ini membebaskan negara daripada tanggungjawab giat membantu masyarakat yang ketinggalan dengan alasan bahawa bantuan akan mengakibatkan sikap mengharapkan kebajikan dan bantuan, meningkatkan jenayah dan keluarga tunggal (Murray, 1984) serta mengancam kesejahteraan ekonomi pasaran bebas.

Maka, idea ketandusan budaya merupakan penjelasan berguna tentang peminggiran sosioekonomi masyarakat Melayu di Singapura. Tambahan pula, ia mewajarkan kerajaan PAP untuk mengambil pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap peminggiran Melayu, terutama dalam dekad 1960-an dan 1970-an. Walaupun dengan tertubuhnya sebuah badan usaha sendiri Melayu/Islam, iaitu Mendaki pada 1982, namun idea ketandusan budaya masih digunakan oleh pemimpin Melayu kerajaan PAP sebagai penjelasan untuk peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu.

Kesan Idea Ketandusan Budaya ke atas 'Masyarakat yang Tandus Budayanya'

Penulis dan aktivis kaum etnik minoriti seperti Frantz Fanon (1967), Malcolm X (1965), dan William Du Bois (1969) sangat bimbang akan kesan masyarakat terpinggir yang menjadikan imej diri yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

negatif sebati dalam diri mereka dan akhirnya menjadi telahan yang terbukti kebenarannya. Mereka bukan sahaja bimbang akan keadaan ekonomi masyarakat mereka, tetapi juga keadaan psikologi mereka, kerana dipercayai bahawa dua bidang itu saling bertindak dan saling mempengaruhi secara simbiotik. Dipercayai bahawa bentuk penguasaan yang paling asas ialah penguasaan minda, maka sangatlah penting untuk mengelakkan keadaan di mana mereka yang diletakkan pada kedudukan yang rendah membina penjara mereka sendiri dan menjadi penghuni serta penjaganya (Baker, 1983: 41). Ini mungkin terjadi apabila anggota masyarakat yang distereotaipkan itu melihat diri mereka 'melalui kaca mata orang lain' (Du Bois, 1969: 115). Untuk menghalang penyerapan imej diri yang negatif dan penjajahan ideologi, masyarakat yang dipinggirkan itu perlu menebus kembali maruah dan harga diri mereka serta menentang andaian yang mengatakan budaya mereka sebagai daif. Slogan 'hitam itu menawan' dan 'kuasa orang hitam' yang dicipta oleh pergerakan hak sivil Amerika dalam tahun 1960-an menunjukkan usaha orang Afrika Amerika untuk menebus kembali maruah dan harga diri mereka.

Selain penguasaan pemikiran, kepatuhan masyarakat bawahan diperoleh melalui pendekatan 'lembut dan kasar' (Baker, 1983: 60). Pendekatan 'lembut' dipermudah dengan memberikan wang, memberikan pekerjaan kepada golongan elit dari masyarakat minoriti dan memberikan sumber kebendaan yang lain. Pendekatan 'kasar' pula dilakukan dengan menarik balik sumber dan manfaat lain yang telah diberikan untuk memaksa mereka supaya akur. Sebagaimana dibincangkan dalam Bab 6, kerajaan PAP sering kali menggunakan pendekatan 'lembut dan kasar' apabila berurusan dengan masyarakat Melayu.

Musgrove (1977) mengandaikan bahawa orang yang cenderung untuk menyebatikan ideologi dominan dalam diri mereka ialah golongan bermobiliti sosial dan golongan elit dalam masyarakat terpinggir. Walaupun golongan elit masyarakat etnik cenderung untuk menerima pandangan dunia yang dominan dan menganggap kejayaan mereka ialah hasil usaha dan kebolehan mereka sendiri (Kluegel dan Smith, 1986: 24), mereka yang berjaya keluar dari status sosial mereka yang rendah biasanya tidak bersimpati dengan kaum mereka yang gagal berbuat demikian. Mereka biasanya berusaha ke arah mobiliti sosial secara bersendirian dan bukannya secara berkelompok (Dworkin dan Dworkin, 1976: 39-41). Dengan kata lain, mereka lebih mementingkan kemajuan diri mereka sendiri dan bukannya mobiliti sosial masyarakat etnik mereka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Dengan menerima ideologi kedaifan budaya tanpa kritikan dan dengan menerima pakai orientasi meritokrasi individu, ramai di kalangan mereka cuba meniru dan mengaitkan diri mereka dengan masyarakat etnik yang dominan (Dworkin dan Dworkin, 1976: 40) serta sering mendesak anggota masyarakatnya yang lain supaya menerima contoh dan nilai budaya baru. Ini lazimnya melemahkan perpaduan dan maruah masyarakat etnik tersebut (Bonancich, 1980: 584). Apabila semakin ramai elit sosial dibawa masuk ke dalam sistem itu dan hubungan dengan masyarakat mereka sendiri semakin renggang, masyarakat etnik ini kekurangan wakil yang mempunyai keupayaan, kemahiran dan iltizam untuk menyampaikan dengan berkesan ketidakpuasan masyarakat minoriti kepada masyarakat keseluruhannya (Femia, 1981: 48).

Pandangan utama dunia ke atas etnik minoriti terpinggir mencetuskan ketegangan yang tersembunyi dan kemungkinan akan ditentang. Seperti wanita dan masyarakat terpinggir yang lain, sesetengah etnik minoriti yang telah mencapai mobiliti sosial tetapi masih mengalami diskriminasi dalam alam pekerjaan dalam kehidupan seharian, mereka sedar akan batasan dalam idea meritokrasi dan persamaan peluang. Apabila 'realiti kehidupan' mereka berbeza daripada retorik pandangan utama dunia, mereka dapat melihat 'retak' yang bercanggah dalam pandangan utama dunia. Rothchild (1981: 117) mengandaikan bahawa apabila semakin ramai anggota kumpulan minoriti mencapai mobiliti sosial, perpaduan kelompok etnik menjadi kuat. Tertawan dengan dorongan psikologi ini, mereka mungkin lebih kritis terhadap *status quo*, mula menentang bersungguh-sungguh dan mendedahkan percanggahan dalam pandangan utama dunia, dan lantang menyuarakan masalah masyarakat etnik mereka.

Pandangan Pemimpin PAP Terhadap Peminggiran Orang Melayu

Ideologi kedaifan orang Melayu yang berlandaskan konsep ketandusan budaya diperkukuhkan lagi kesahihan serta penonjolannya pada zaman selepas kemerdekaan Singapura, terutamanya kerana ia dijadikan alat utama untuk menganalisis dalam menjelaskan peminggiran sosioekonomi orang Melayu, dan sedikit sebanyak terhadap masyarakat India.[9] Sangat selesa dengan kaedah analisis begitu, orang Melayu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dinasihatkan oleh pemimpin PAP supaya 'bekerja keras', 'membantu diri sendiri', 'mengubah pandangan' (Othman Wok, *ST*, 20 Mei 1965), 'belajar bersungguh-sungguh' dan 'lebih berdaya saing'. Tanggapan tentang ketandusan budaya Melayu juga dirujuk oleh para pemimpin PAP sebagai gangguan fungsi psikologi, maka kesimpulan yang jelas ialah masalah itu terletak di tangan masyarakat Melayu. Sebagaimana yang didakwa oleh Lee Kuan Yew, 'masalahnya ialah masalah psikologi... jika mereka berusaha cukup gigih dan cukup lama, maka jurang pelajaran antara mereka dengan orang Cina, atau dengan orang India, akan bertambah rapat... Kemajuan atau pencapaian bergantung pada kebolehan dan usaha' (*ST*, 7 Julai 1987). Selain meneruskan dasar pelajaran percuma bagi orang Melayu, yang dimulakan oleh penjajah British, bantuan istimewa lain untuk orang Melayu sebagai masyarakat yang terpinggir dari segi sosial telah ditolak dengan tegas atas alasan bahawa ia akan mewujudkan sikap sentiasa mengharapkan bantuan, perpecahan kaum, dan menggugat prinsip meritokrasi.

Seperti kuasa penjajah sebelum mereka, kesediaan kerajaan PAP untuk menerima idea ketandusan budaya memberikan alasan kuat dan mudah untuk menggunakan pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu, walaupun tanggungjawab perlembagaan mereka adalah melakukan yang sebaliknya.[10] Setelah menentang UMNO dan pegangannya terhadap ketuanan politik Melayu, politik perkauman, dan kedudukan dan hak istimewa peribumi Malaysia di bawah slogan 'Malaysia untuk orang Malaysia' dalam tempoh singkat tetapi bergelora apabila Singapura bergabung dengan persekutuan Malaysia,[11] pemimpin PAP komited untuk membentuk masyarakat berbilang kaum 'Singapura untuk orang Singapura' di mana semua warganya akan menikmati keistimewaan yang sama.[12] Prinsip kepelbagaian kaum dan meritokrasi dijadikan peraturan asas ideologi bagi negara pulau yang baru merdeka itu.[13] Maka, jika pemimpin masyarakat Melayu meminta bantuan yang lebih besar untuk kaumnya, pemimpin PAP akan melihatnya dalam konteks pertelingkahannya dengan kerajaan Malaysia tentang hak istimewa yang dinikmati oleh orang Melayu di Malaysia (NCSMMP, 1990: 56).

Berpegang pada pendapat bahawa semua rakyat Singapura diberikan peluang yang sama dan bersaing dalam 'perlumbaan meritokrasi' yang adil, PAP tidak peduli betapa pentingnya faktor sejarah dan institusi serta ciri-ciri etnik, kelas dan jantina dalam mobiliti sosial, Lee Kuan Yew (*ST*, 25 Oktober 1989) bertegas bahawa dalam Singapura yang


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bermeritokrasi dan pelbagai kaum, mobiliti sosial dan kemajuan kebendaan berpunca dari kebolehan dan kerajinan seseorang. Pegangan yang teguh pada prinsip meritokrasi 'yang kuat akan berjaya', dilihat sebagai kaedah untuk mengekalkan semangat bersaing dan mencapai pembangunan ekonomi yang tinggi. Tenggelam dalam pandangan dunia ini, kerajaan PAP menentang sebarang langkah konkrit untuk memperbaik kedudukan kumpulan yang terpinggir dari segi sosial itu.

Selaras dengan komitmen pemimpin PAP terhadap kepercayaan meritokrasi, dalam dekad pembangunan negara, iaitu dalam tahun 1960-an dan 1970-an, jelas sekali tidak ada sebarang rancangan konkrit untuk menangani dan mengatasi masalah peminggiran sosioekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu yang berlanjutan. Pada zaman itu, hampir tidak timbul langsung isu peminggiran Melayu dan ia nampaknya hanya merupakan masalah orang Melayu. Pendek kata, pemimpin PAP tidak bersedia untuk menerima bahawa faktor sejarah, institusi dan struktur terus menghalang kemajuan sosioekonomi dan pendidikan orang Melayu.

Dengan tertubuhnya Mendaki pada 1982, sesetengah pemimpin PAP seperti George Yeo (Menteri Penerangan dan Kesenian) cuba melempar jauh penjelasan bagi idea ketandusan budaya terhadap peminggiran orang Melayu. Dalam satu jamuan makan malam masyarakat pada 1991, Yeo mengandaikan bahawa orang Melayu terus terpinggir akibat penempatan semula dari kampung tradisional atau separa desa ke rumah pangsa, kesan perpindahan yang tinggi. Walaupun penjelasan ini tampak menarik, namun ia tidak dapat bertahan apabila dikaji dari segi amalan. Malah, tidak banyak bukti yang menyokong pendapat Yeo yang mengatakan bahawa orang Melayu lebih tradisional dan 'kekampungan' berbanding masyarakat etnik lain. Kajian Rodney Tan (1972) dan Riaz Hassan (1977) menunjukkan bahawa masalah keluarga penempatan semula yang berpendapatan rendah adalah sama tanpa mengira kumpulan etnik. Malah mereka mendapati bahawa pada umumnya orang Melayu lebih mudah berpuas hati dan dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik daripada orang Cina dalam ekonomi kehidupan rumah pangsa.

Sikap tidak bersimpati pemimpin PAP terhadap peminggiran sosioekonomi dan pendidikan orang Melayu lebih mudah difahami dalam konteks pegangan eugenik dan biologi bekas Perdana Menteri dan kini Menteri Kanan, Lee Kuan Yew. Mereka yang mempunyai pegangan sedemikian (Galton, 1959; Jensen, 1969) pada dasarnya menerima ketaksamaan sosial sebagai ciri semula jadi manusia. Sifat, dan bukannya didikan, menjadi faktor penentu kemajuan seseorang.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kepercayaan sebegini digunakan untuk melemahkan prinsip ideal dan program sosial demi keadilan sosial, dengan alasan prinsip dan program itu sengaja menentang anugerah alam. Dasar awam kepercayaan eugenik pemimpin PAP dapat dilihat dalam tahun 1970-an apabila Lembaga Eugenik yang tidak menonjol ditugaskan untuk menganalisis kes dalam tempoh awal ketika pengguguran dibenarkan di Singapura (Benjamin, 1976: 126).

Menjelang awal tahun 1980-an, kepercayaan eugenik pemimpin PAP yang sehingga kini tidak menonjol adalah lebih terbuka. Dalam ucapan Hari Kebangsaan 1983, Lee Kuan Yew mengumumkan kepercayaan eugenik yang dipegangnya selama ini dengan mengatakan bahawa 80 peratus daripada kebolehan dan kepintaran adalah diwarisi manakala hanya 20 peratus diperoleh melalui didikan (*ST*, 15 Ogos 1983).[14] Melalui ingatan ini, beliau dengan kesalnya berkata bahawa jika trend masa kini berterusan, iaitu jika mereka yang lebih miskin dan kurang berpendidikan mempunyai keluarga yang lebih besar berbanding mereka yang berpendidikan, kelompok warga Singapura yang pintar, yang kecil bilangannya, akan berkurangan. Perkara ini akan menjejaskan kemakmuran ekonomi Singapura dalam jangka panjang. (*FEER*, 8 Oktober 1983).

Kerana bimbang warga Singapura yang ada akan 'dicemari' secara genetik oleh ramai pekerja asing yang tidak berkemahiran, warga Singapura dilarang berkahwin dengan mereka tanpa kebenaran. Jika kebenaran diberikan, suami dan isteri mestilah bersetuju untuk dimandulkan setelah mempunyai dua orang anak untuk mencegah menurunnya kepintaran penduduk Singapura (Tremewan, 1994: 113). Jika gagal mematuhi perjanjian ini, permit kerja pekerja asing kurang mahir itu akan dibatalkan serta-merta, dia akan diusir keluar dan diharamkan selama-lamanya daripada memasuki pulau Singapura (Bello dan Rosenfeld, 1992: 312). Untuk mencegah kemungkinan pekerja asing wanita daripada melahirkan anak di luar nikah ketika berada di Singapura, mereka dikehendaki menjalani ujian kehamilan setiap enam bulan sekali. Jika mereka didapati hamil, mereka akan segera dihantar pulang ke negara asal dan majikan mereka didenda dengan merampas bon pekerja kurang mahir majikan tersebut yang dipegang oleh kerajaan (ibid.: 313). Hakikat bahawa undang-undang 'kejam' yang digubal khas untuk pekerja asing kurang mahir yang kebanyakannya bukan orang Cina[15] itu mencerminkan sikap perkauman dalam dasar penduduk kerajaan Singapura. Perkara ini ditunjukkan oleh undang-undang buruh liberal bagi pekerja asing dari 'sumber baru' yang kebanyakannya ialah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

etnik Cina dan orang Asia Timur yang lain dari Hong Kong, Macau, Taiwan dan Korea Selatan (Lee Tsao Yuan, 1987: 188).

Seorang lagi yang berpegang kuat pada idea eugenik, iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri Goh Keng Swee, telah mewajarkan Dasar Siswazah Ibu[16] yang tidak popular dan menyebelahi golongan elit dengan alasan bahawa siswazah ibu melahirkan sembilan kali ganda bilangan anak yang cerdas dibandingkan dengan ibu yang bukan siswazah.[17] Aliran sekolah dari peringkat awal yang diperkenalkan oleh Dasar Pelajaran Baru 1979 menunjukkan satu lagi kesungguhan eugenik pemimpin PAP. Untuk membanteras corak kelahiran yang tidak seimbang, sebuah agensi mencari jodoh untuk lulusan universiti yang dinamakan dengan nama yang sedap didengar, iaitu Unit Pembangunan Sosial (SDU), ditubuhkan pada 1982. Pegangan golongan elit tentang pengasingan sosial masyarakat berasaskan kecerdasan ditunjukkan dengan penubuhan Bahagian Pembangunan Sosial (SDS) pada 1985 yang bertujuan untuk membantu warga Singapura yang tidak berkahwin yang mempunyai GCE 'O' Level dan Bahagian Penggalakan Sosial (SPS) bagi yang tidak mempunyai kelayakan GCE 'O' Level (*ST WOE*, 13 Februari 1993).

Kepercayaan dan dasar eugenik kerajaan Singapura mengaibkan khususnya orang Melayu yang sejak sekian lama digambarkan sebagai antara golongan masyarakat yang berpelajaran rendah dan berpendapatan rendah. Jika bakat dan kebolehan sebahagian besarnya adalah fitrah semula jadi, seperti yang didakwa oleh pendukung idea eugenik, maka tahap genetik dan daya fikir masyarakat Melayu yang terpinggir itu juga pastinya daif. Dengan menyatakan andaian tersebut, Lee Kuan Yew (*ST*, 26 Jun 1992) mengatakan bahawa orang Melayu tidak mungkin dapat mengatasi orang Cina dalam Matematik: 'Jika anda berpura-pura bahawa masalah tidak wujud dan percaya bahawa orang Melayu boleh mendapat markah yang sama tinggi dengan orang Cina dalam Matematik, maknanya anda hanya berkhayal dan anda akan tenggelam dalam khayalan tersebut.'[18]

Berbeza dengan dakwaan bahawa orang Melayu mempunyai ciri budaya dan daya fikir yang tidak bernilai, orang Cina pula dipuji kerana mempunyai pelbagai ciri budaya yang positif seperti rajin, berdisiplin, tekun, bermuafakat, bekerjasama dan berorientasikan kejayaan (Josey, 1968: 572; Lee Kuan Yew, *ST WOE*, 2 November 1991). Kejayaan ekonomi Singapura, NPB Asia Timur dan Jepun dikatakan berpunca dari nilai positif Konfusius orang Cina dan orang Asia Timur[19] (*ST*, 4 Februari 1982; Goh Chok Tong, *ST*, 29 Oktober 1988). Dalam mewajarkan dasar imigresen kerajaan yang bersifat perkauman dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

galakan terhadap bahasa Mandarin dan Konfusianisme, Goh Chok Tong (*ST WOE*, 27 Julai 1991) tertanya-tanya, 'sama ada Singapura dapat bertahan tanpa nilai teras, iaitu berjimat-cermat, bekerja kuat dan perpaduan kelompok yang terdapat dalam budaya orang Cina.'

Laungan pemimpin PAP tentang ketandusan budaya Melayu dan keunggulan budaya Cina berguna dari segi politik. Antaranya, ia telah digunakan untuk mengukuhkan gambaran tentang sebuah pulau Konfusius yang dinamik yang dalam keadaan bahaya kerana terletak dalam rantau Melayu yang miskin, malas dan mungkin bermusuhan (Minchin, 1986: 165). Apa yang penting, konsep ini menjadi alasan mengapa pulau tersebut mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi untuk ketenteraan Singapura (Huxley, 1991) dan membantu menonjolkan imej PAP sebagai pembela orang Cina. Ia juga secara tidak langsung menghalalkan dominasi politik, sosial dan ekonomi orang Cina di Singapura.

Mengakui betapa pentingnya mengurangkan kekecewaan masyarakat Melayu akibat peminggiran yang berlanjutan dan ketegangan politik yang mungkin timbul darinya, maka pemimpin PAP menegaskan supaya orang Melayu tidak terkena 'perangkap psikologi' yang membandingkan kedudukan sosioekonomi dan pendidikan mereka dengan masyarakat etnik yang lain. Sebaliknya mereka dinasihatkan supaya membandingkan secara realistik kemajuan mereka sekarang dengan kedudukan sosioekonomi dan pendidikan mereka pada masa lalu (Lee Kuan Yew, *ST*, 7 Julai 1987). Dalam ucapan pertamanya sebagai Perdana Menteri kepada masyarakat Melayu, Goh Chok Tong (*ST*, 8 Februari 1991) menasihatkan orang Melayu supaya tidak terlalu taasub untuk 'mengejar' masyarakat lain, tetapi hendaklah 'mentakrif semula cabaran dan menetapkan sasaran baru. Tetapkan sasaran untuk diri anda dan bukannya mengejar sasaran yang bergerak, tidak bergantung pada prestasi masyarakat lain.' Orang Melayu dikehendaki menerima peminggiran mereka dengan rela hati dan bersyukur dengan kemajuan mutlak yang telah mereka capai. Bersandarkan wajaran ini, Ahli Parlimen Melayu PAP, Harun Abdul Ghani menasihatkan orang Melayu bahawa 'mengikut di belakang orang Cina tidak bermakna orang Melayu itu kalah. Sebenarnya, mereka memperbaik diri mereka' (*ST*, 24 Julai 1992). Dengan itu, orang Melayu hendaklah sabar menerima peminggiran sosioekonomi dan pelajaran mereka sebagai suatu ketentuan.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Pandangan Orang Bukan Melayu Terhadap Peminggiran Orang Melayu

Ideologi ketandusan budaya Melayu yang pada mulanya digalakkan oleh penjajah British dan orientalis dan kemudian dihidupkan semula oleh kerajaan PAP menyebabkan berterusannya gambaran negatif etnik yang stereotaip dan sikap prejudis terhadap orang Melayu. Gambaran stereotaip sedemikian sangat sensitif dalam persekitaran sosial masyarakat bandar yang berdaya saing di mana mereka lazimnya dinilai mengikut kemewahan kebendaan. Orang Melayu distereotaipkan sebagai melakukan kerja yang tidak memerlukan kemahiran dan bertaraf rendah, berpendidikan rendah, kurang bersemangat, tidak cerdik, biasanya mempunyai anggota keluarga yang ramai, mempunyai bilangan penagih dadah dan kadar perceraian yang tinggi. Gambaran stereotaip sedemikian pada asasnya digunakan untuk menjelaskan, merasionalkan, dan menyalahkan orang Melayu kerana peminggiran sosioekonomi dan pendidikan mereka dalam masyarakat.

Jika bilangan orang bukan Melayu Singapura yang tinggal bersama-sama orang Melayu di kawasan perumahan awam hanya sedikit (Hassan, 1976), golongan elit sosial yang tinggal di kawasan perumahan peribadi, di mana sedikit sekali terdapat orang Melayu, lebih tipis. Hubungan orang Melayu dengan eksekutif kanan dan profesional bukan Melayu lazimnya terhad kepada hubungan 'budak pejabat/suruhan', tukang cuci atau penyambut tetamu di pejabat. Hubungan peribadi dengan orang Melayu juga hanya terhad kepada hubungan orang bawahan seperti tukang cuci baju, pemandu atau pembantu rumah. Hubungan profesional dan peribadi dengan orang Cina sebagai orang atasan dan orang Melayu sebagai orang bawahan ini membuktikan ideologi ketandusan budaya Melayu, memperkuatkan lagi gambaran stereotaip yang negatif, dan seterusnya memperkukuh diskriminasi kelas dan etnik.

Ideologi kedaifan budaya Melayu di kalangan orang bukan Melayu didedahkan dalam kajian Leong Choon Cheong (1978) tentang belia dalam tentera. Dalam kajian ini, orang Melayu digambarkan oleh anggota tentera Cina sebagai malas, tidak cerdik, pengotor dan agresif. Kaji selidik dalam tahun 1989 tentang sikap warga Singapura terhadap bangsa oleh Institut Kajian Dasar mendapati bahawa 15 peratus orang Cina berpendapat bahawa orang Melayu 'malas' berbanding hanya 6 peratus yang menganggap orang India sedemikian (*Sunday Times*, 23 September 1990).Yang ketaranya, malas ialah sifat kedua paling biasa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bagi orang Melayu yang dikenal pasti oleh orang Cina selepas sikap 'mesra' mereka (ibid.).[20] Retorik yang mengatakan bahawa masyarakat Singapura ialah masyarakat meritokrasi di mana peluang yang sama diberikan untuk semua juga mewajarkan idea ketandusan budaya yang menyimpulkan bahawa orang Melayu tidak mampu bertahan dalam masyarakat meritokrasi kerana mereka tidak cukup berusaha dan merekalah yang patut dipersalahkan. Malah, gambaran stereotaip negatif orang Melayu begitu tersemat dalam masyarakat sehingga ia dianggap penting dan biasanya diterima bulat-bulat.

Wajar diperhatikan bahawa kajian dan kaji selidik tentang pandangan etnik lain di Singapura seperti menyokong kajian di Amerika Syarikat (Converse, 1980; Hochschild, 1988) tentang pandangan antara etnik. Hochschild (1988) mendapati bahawa masyarakat Eropah Amerika yang dominan cenderung menerima pendapat bahawa kedudukan sosial orang Afrika Amerika yang rendah disebabkan terutamanya oleh kelemahan peribadi dan budaya mereka.[21] Kaum etnik majoriti biasanya tidak sebegitu peka dan, kurang empati akan beban faktor sejarah dan struktur serta tekanan diskriminasi yang menghalang mobiliti sosial kaum etnik minoriti (Marable, 1992). Berbeza daripada pandangan yang pada umumnya tidak bersimpati terhadap peminggiran etnik minoriti; isu yang dihadapi oleh wanita dalam pekerjaan seperti diskriminasi, peluang yang tidak sama dan fenomena 'siling kaca' mendapat lebih banyak maklum balas dan menerima banyak liputan positif daripada media dan empati orang ramai yang lebih meluas (*ST*, 8 Mac 1993; *ST WOE*, 20 Mac 1993).

Gambaran negatif orang Melayu yang stereotaip juga boleh dikatakan berpunca daripada penyebaran tentang ketandusan budaya oleh media elektronik dan cetak yang dikawal oleh negara. Artikel dalam akhbar harian yang menggambarkan orang Melayu sebagai tidak bermotivasi, malas, tidak tekun dan bersikap ganjil dalam pergaulan (*ST*, 12 September 1990; *ST*, 10 Ogos 1993), pada umumnya menonjolkan pelbagai kekurangan budaya Melayu sebagai punca peminggiran sosioekonomi mereka.[22] Media juga menyebarkan idea dominan meritokrasi dengan menonjolkan kisah kejayaan Melayu profesional kelas pertengahan (*Sunday Times*, 27 September 1992; *ST*, 10 Oktober 1992) yang mengharungi zaman kanak-kanak yang sederhana dengan menjual goreng pisang dan bekerja membersihkan kandang kuda semasa remaja, tetapi akhirnya mencapai kejayaan profesional dan kewangan kerana usaha gigih dan mempunyai azam yang kuat untuk 'berjaya' dalam hidup.


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Apa yang ketara, pelbagai masalah institusi dan struktur yang terlibat untuk 'berjaya' dan halangan seperti diskriminasi di tempat kerja tidak banyak diperkatakan dalam kisah kejayaan yang dibawa oleh media ini. Ini adalah kerana tujuan utama artikel sedemikian adalah untuk menyebarkan prinsip meritokrasi yang mendakwa bahawa 'sejauh mana pencapaian seseorang itu dalam hidupnya bergantung pada kekuatan dan kebolehan yang terdapat dalam dirinya. Inilah egalitarianisme yang kita ketahui wujud di Singapura' (*ST*, Editorial, 18 Ogos 1987). Walaupun meritokrasi disanjung kerana kepentingannya dari segi praktikal, artikel yang ditulis oleh cendekiawan asing terkemuka yang konservatif seperti Thomas Sowell (*ST*, 12 Mac 1990; *ST*, 1 Jun 1990), yang mengecam program tindakan dan memandang rendah kepentingan diskriminasi ke atas kaum etnik minoriti, diterbitkan dalam akhbar *Straits Times* secara berkala.

Pandangan Orang Melayu Terhadap Peminggiran Orang Melayu

Dengan berpegang teguh pada pandangan dunia ideologi pemimpin PAP, Ahli Parlimen Melayu PAP sentiasa menyatakan penerimaan mereka akan perspektif ketandusan budaya apabila menerangkan tentang peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu. Dengan jelas dan berterus-terang mereka menyalahkan orang Melayu kerana menunjukkan 'mentaliti suka bersungut dan meminta-minta' (Sidek Saniff, *ST*, 26 Februari 1988), 'mentaliti sentiasa mengharapkan bantuan' (Sidek Saniff, *ST*, 3 Oktober 1984), 'kerana mementingkan diri sendiri dengan mengharapkan kerajaan membuat itu dan ini untuk mereka' (Yatiman Yusof, *ST*, 3 Oktober 1984), kerana terperangkap dalam 'sindrom minoriti' (Wan Hussein Zoohri, 1990), dan kerana dipengaruhi 'kelesuan dan beban psikologi masa lalu' (A. Tarmugi, *ST*, 18 Disember 1992).[23] Orang Melayu dinasihati supaya menjadikan budaya Melayu lebih dinamik dengan membuang 'cara lama, pandangan lama dan amalan masa lalu yang kini tidak lagi berguna' (Zulkifli Mohammed, *ST*, 14 Mei 1989).

Ideologi kedaifan budaya Melayu juga diterima tanpa banyak soal oleh sebahagian orang Melayu dari kelas pertengahan dan profesional. Setelah mencapai kejayaan dalam pendidikan tinggi, kejayaan kebendaan, dan mobiliti sosial, wacana meritokrasi yang dicanangkan oleh pemimpin PAP memuji-muji kejayaan mereka dan memberi mereka penghormatan sebagai contoh orang yang cemerlang. Jurang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sosioekonomi antara mereka dengan masyarakat Melayu dan perbezaan etnik mereka dengan masyarakat bukan Melayu menyebabkan mereka lebih terasing. Keterasingan yang begitu ketara ini membuatkan orang Melayu kelas pertengahan mudah menerima idea ketandusan budaya tanpa banyak soal, keegoan mereka juga bertambah kerana berjaya melepaskan diri daripada budaya negatif yang melanda masyarakat Melayu.

Penerimaan mereka terhadap ideologi ketandusan budaya Melayu ini juga mungkin disebabkan sejumlah besar orang Melayu kelas pertengahan dan profesional berkhidmat dengan kerajaan.[24] Jika mereka menyangkal ideologi dominan itu secara terbuka, kerjaya mereka dalam perkhidmatan awam mungkin terjejas. Apa yang menarik segelintir pegawai kerajaan Melayu yang telah lama berkhidmat bukan sahaja secara terbuka menyokong ideologi ketandusan budaya Melayu dan meritokrasi, malah mereka mengikut jejak orang Melayu seperti Za'aba dan Ahli Parlimen Melayu PAP, di mana mereka begitu cepat mengkritik masyarakat etnik mereka sendiri. Contohnya, seorang diplomat Melayu (cf. Ibrahim, *ST*, 10 Oktober 1992) menuduh bahawa orang Melayu 'gagal mempelajari kebaikan persaingan lalu gagal untuk memperbaiki diri dalam pelajaran kerana mereka tenggelam dalam keselesaan budaya mereka sendiri' dan mereka berasal dari sebuah 'masyarakat yang sederhana, di mana taraf dan matlamat yang sukar tidak berbaloi untuk dicapai' (ibid.). Orang lain menganggap nilai orang Melayu seperti 'takdir' dan 'rezeki',[25] sikap mudah berpuas hati dengan hasil jangka pendek, mudah bersetuju tanpa membantah, dan lembap dalam sains adalah disebabkan kekeliruan dalam mentafsir agama Islam dan kerana menerima nilai budaya sebelum Islam (Kassim Yang Razali, 1979: 33).

Walaupun sesetengah orang Melayu kelas pertengahan menerima ideologi kedaifan budaya Melayu, namun idea ketandusan budaya dan gesaan supaya mengubah sikap[26] tidak diendahkan dan dikritik oleh penulis seperti Ungku Aziz (1959; 1974), Syed Hussein Alatas (1977), Syed Husin Ali (1984), dan Muzaffar (1989a). Faktor seperti dasar penjajah, dasar kerajaan dan peluang yang terhad dalam sektor swasta telah disebut sebagai menjadi punca peminggiran orang Melayu. Dalam konteks peminggiran orang Melayu Singapura, Li (1989), Nurliza Yusuf (1986) dan Konvensyen Kebangsaan Profesional Melayu/Islam Singapura (NCSMMP) (1990) menunjukkan peri pentingnya faktor institusi seperti dasar pelajaran, kepemimpinan politik yang lemah serta diskriminasi dalam sektor awam dan swasta. Sebuah parti politik Melayu, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), juga dengan lantang menolak idea ketandusan budaya. Mereka menuding jari kepada



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kelemahan pemimpin Melayu untuk mewakili kepentingan orang Melayu dalam kerajaan sebagai faktor utama yang menyumbang ke arah peminggiran orang Melayu Singapura (*Message*, 9 Januari 1990).

'Hakikat kehidupan' atau pengalaman harian orang Melayu menunjukkan pengaruh wacana meritokrasi dan dominan tentang ketandusan budaya. 'Realiti kehidupan' ini berasaskan kesedaran mereka terhadap diskriminasi yang berleluasa dan peluang yang tidak sama rata dalam pekerjaan walaupun Singapura dicanangkan sebagai sebuah masyarakat meritokrasi berbilang bangsa yang tiada tolak banding. Hampir semua kisah pekerjaan orang Melayu yang dikumpulkan oleh Li (1989: 110) menunjukkan secara terperinci amalan diskriminasi majikan Cina. Amalan tersebut termasuklah dalam hal pengambilan pekerja, gaji, syarat pekerjaan, serta peluang latihan dan kenaikan pangkat. Kajian Aljunied (1980), Nurliza Yusuf (1986), Lai (1995), dan AMP (NCSMMP, 1990) menunjukkan pandangan orang Melayu tentang peluang yang tidak sama rata, lazimnya dalam bentuk 'siling kaca' dalam pekerjaan. Apabila melihat 'hakikat kehidupan' yang tiada sifat meritokrasi itu, wacana pemimpin PAP, Ahli Parlimen Melayu dan sesetengah orang Melayu dari golongan elit dipandang sinis.

Sebagai anggota masyarakat yang terpinggir, 'hakikat kehidupan' ini dan perasaan serba kekurangan yang amat mendalam membuatkan ramai orang Melayu melihat secara kritis melihat meritokrasi sebagai prinsip yang tidak adil yang memihak ke golongan yang diberikan hak istimewa dalam masyarakat (Nurliza Yusuf, 1986). Perasaan ini disemarakkan lagi oleh faktor etnik dan taraf sosioekonomi yang menghalang ramai orang daripada secara adil dalam 'perlumbaan meritokrasi' (Nurliza Yusuf, 1986: 12; Li, 1989: 111). Penyelidikan yang dibuat oleh Aljuneid (1980), Hashimah Johari (1984), Nurliza Yusuf (1986), dan Li (1989) berkali-kali menunjukkan bahawa orang Melayu pada umumnya lebih suka menyalahkan faktor sejarah, institusi dan struktur kerana menyebabkan peminggiran sosioekonomi mereka.

Penemuan di Singapura menyokong kajian luar negeri (Huber dan Form, 1973: Moorehouse, 1973: Hewstons dan Jaspars, 1982; Gallie, 1983) yang menunjukkan bahawa orang yang mengalami halangan mobiliti sosial yang paling besar lebih peka akan jurang institusi dan menunjukkan sokongan yang paling sedikit pada ideologi dominan. Maka, ketaksamaan sosial ditanggung tanpa kerelaan dan bukannya diterima sebagai suatu norma. Ketidakselarasan dan pertentangan antara ideologi dominan tentang meritokrasi dan persamaan peluang dengan 'hakikat kehidupan' tentang kedaifan, diskriminasi dan ketaksamaan peluang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

membantu membongkar rahsia dan membentuk 'retak' dalam ideologi dominan. Ini akan menjadi asas untuk persengketaan ideologi yang akan datang dan menentang pembentukan ideologi pemimpin PAP.

* * *

Teori ketandusan budaya digunakan untuk mewajarkan kepentingan kapitalisme penjajah dan pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP dalam membantu masyarakat etnik yang terpinggir dari segi sosial. Dengan memberikan ciri khusus kepada 'kegagalan' sesetengah anggota masyarakat etnik yang dominan tetapi membudayakan 'kegagalan' masyarakat etnik minoriti, maka itulah sebabnya wujud ketaksamaan sosial dan etnik yang sedia ada.

Akibat gagal menunjukkan kesan faktor sosiosejarah, struktur dan institusi ke atas peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu, maka pemimpin PAP dan media utama menonjolkan tentang ketandusan budaya dan kelemahan biologi masyarakat ini. Oleh itu, warga Singapura diyakinkan supaya mempercayai bahawa orang Melayu memang patut dan akan terus terpinggir. Sebagaimana yang diingatkan oleh Mano Subrani (*ST*, 31 Oktober 1988), 'Apa yang dinyatakan secara terbuka lazimnya tidak mencerminkan pemikiran peribadi ramai warga Singapura. Baru-baru ini saya dapati semakin ramai orang mula berfikir bahawa takdir telah menentukan bahawa sesetengah masyarakat, terutamanya orang Melayu, akan sentiasa ketinggalan... ia seolah-olah memberi anda alasan untuk mempercayai bahawa tiada apa lagi yang dapat dilakukan.'

Seperti ramalan untuk kepuasan diri, pemahaman dominan tentang peminggiran orang Melayu yang ditunjukkan oleh ketandusan budaya dan sedikit sebanyak, oleh ideologi biologi golongan tertentu, mungkin terbukti menjadi faktor utama yang menyebabkan masyarakat Melayu terus terpinggir dari segi sosioekonomi dan pelajaran.

1. Rujuk Swettenham (1900) dan Winstedt (1929).

2. Tidak apa, bermakna tidak ambil peduli atau tidak ambil berat.

3. Untuk lebih memahami pandangan pihak berkuasa penjajah dan orientalis tentang masyarakat Melayu, rujuk buku Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native*, London: Frank Cass, 1977. Buku Edward Said, *Orientalism* (Harmondsworth: Penguin, 1978) memberikan tafsiran jelas tentang peranan sastera Orientalis dalam membentuk pandangan masa kini tentang masyarakat yang pernah dijajah itu.


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

4. Orang British menghalang orang Melayu bertukar daripada bertani kepada menanam tanaman kontan yang lebih menguntungkan. Pelajaran bagi orang Melayu adalah 'supaya anak kepada nelayan dan petani menjadi nelayan dan petani yang lebih pandai daripada bapa mereka' (Pengarah Pelajaran British dalam tahun 1929, dipetik daripada Roff, 1980: 138).

5. 'The Poverty of the Malays', *Malay Mail*, 1 Disember 1923. Dipetik daripada *Prosa Melayu Moden*, London: Longman, Green, 1959.

6. Shaharuddin Ma'arof (1988: 27) mentakrif, mengikut konteks, kelesuan sosioekonomi orang Melayu sebagai gejala keruntuhan moral dan daya fikir golongan elit feudal. Tindakan zalim mereka seperti merampas makanan dan bentuk kebendaan yang lain daripada penduduk adalah sebagai langkah menghapuskan sebarang dorongan untuk mereka bekerja keras. Sistem kerahan atau buruh paksa begitu membebankan masyarakat Melayu dan menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk menceburkan diri dengan giat dan jayanya dalam perusahaan.

7. Perhatikan bahawa Senu Abdullah, seperti banyak lagi ahli politik UMNO lain yang menerima idea ketandusan budaya, ialah ahli perniagaan yang mengaut keuntungan besar daripada sistem yang sedia ada.

8. Akhbar Cina Selat, iaitu *Bintang Timur*, menerbitkan satu siri sebelas rencana dalam bulan Oktober 1934 yang mendedahkan pandangan berat sebelah tentang ketandusan budaya yang begitu ketara. Rencana tersebut berjudul 'Mengapa Melayu Layu?'

9. Pandangan tentang ketandusan budaya juga sering disebut untuk menjelaskan kelemahan sosioekonomi dan pelajaran orang India. Ahli Parlimen PAP berbangsa India, Dr. Vasoo, menyatakan bahawa agama Hindu dan 'penentuan karma' sebagai penyebab mengapa ramai orang India 'berserah kepada takdir' (*ST*, 22 Jun 1991).

10. Walaupun demikian, pemimpin PAP meyakinkan masyarakat Melayu sebaik selepas perpisahan Singapura dari Malaysia bahawa kerajaan akan memikul tanggungjawab perlembagaan untuk membantu mereka. Sebagaimana yang dikatakan oleh Lee (*ST*, 14 Ogos 1965), 'Akan dimasukkan peruntukan yang menjamin bahawa mana-mana kerajaan yang dipilih hendaklah terus meningkatkan tahap ekonomi dan pelajaran orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perkara 152 dalam Perlembagaan'(*ST*, 14 Ogos 1965). Perkara ini ditegaskan sekali lagi pada tahun 1967 apabila Lee (dipetik oleh Mattar, 1979: 82) menyatakan bahawa 'kerajaan, dengan sokongan orang bukan Melayu, bersedia untuk memperuntukkan lebih separuh daripada sumber mereka untuk warga Melayu kita'. Walaupun kenyataan ini dibuat, bantuan kerajaan yang dapat dilihat hanyalah dasar pelajaran percuma untuk orang Melayu. Dasar ini telah dimansuhkan pada tahun 1990 apabila orang Melayu terpaksa membayar yuran untuk pelajaran tinggi mereka.

11. Dengan menggunakan Konvensyen Perpaduan Malaysia sebagai wadah, pemimpin PAP memperjuangkan konsep 'Malaysia untuk orang Malaysia' di mana semua rakyat Malaysia akan diberikan layanan yang sama tanpa mengira etnik, status peribumi, kelas atau jantina mereka. Pendirian ini biasanya diterima oleh parti politik dan organisasi bukan Melayu berhaluan kiri seperti Parti Komunis Malaya (PKM) dan Persatuan Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJA). Sebaliknya, pertubuhan Melayu berhaluan kiri seperti Partai Nasionalis Malaya (MNP) dan Kesatuan Melayu Muda (KMM) sejak sebelum perang lagi mempercayai bahawa bumiputera mempunyai kedudukan istimewa dalam negara tersebut. Untuk analisis lanjut tentang perbezaan orang Melayu dan bukan Melayu berhaluan kiri, rujuk Muhammad Ikmal Said (1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

12. Pendekatan yang kononnya tidak bersifat perkauman tidak hanya terdapat di Singapura kerana banyak parti politik lain yang menjadikan isu kepelbagaian kaum sebagai wadah (Yeo, 1969: 140-1). Betts (1975: 72) mengatakan bahawa kurangnya orientasi politik perkauman di Singapura adalah kerana orang Cina, selaku kuasa sosioekonomi dan politik yang terkuat di Singapura, tidak perlu menyusun organisasi mereka berdasarkan etnik. Topeng 'pelbagai kaum' yang kononnya tidak bersifat perkauman digunakan oleh PAP untuk mengaburi keahlian parti yang mengutamakan orang Cina. Khususnya pada tahun-tahun awal pembentukannya, PAP mendapati sukar untuk mendapatkan orang India dan Melayu yang berpendidikan Inggeris untuk menyertai parti itu. Kebanyakan aktivis parti tersebut berpendidikan Cina dan mesyuarat cawangan biasanya diadakan dalam bahasa Cina (Vasil, 1992: 45).

13. Walaupun dengan retorik meritokrasi pelbagai kaum oleh PAP, Lee perlu mengesahkan pada 11 Ogos 1965 bahawa 'dasar kepelbagaian kaum oleh kerajaan akan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Singapura dengan perlindungan untuk kaum minoriti dan langkah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan pelajaran orang Melayu' (Koloni Singapura, *Annual Report*, Singapura, 1966: 4). Hanya beberapa hari sebelumnya, Lee (ST, 10 Ogos 1965) dilaporkan berjanji bahawa 'kami (kerajaan) akan terus membantu orang Melayu untuk bersaing dengan UMNO'.

14. Untuk menjadikan idea eugenik Lee sesuatu yang dapat dipercayai, stesen televisyen yang dikawal kerajaan, iaitu Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC), menemu bual tokoh eugenik yang tekenal, Hans Eysenck, tentang kepintaran yang diwarisi. Eyesenck mengatakan bahawa jika golongan yang bijak tidak melahirkan anak pada kadar yang sama dengan golongan yang tidak bijak, maka baka sesebuah masyarakat akan menurun kualitinya (*ST*, 17 September 1983).

15. Kebanyakan daripada mereka ialah etnik Melayu dari Indonesia, Malaysia, dan Filipina, manakala yang lainnya dari Thailand, Sri Langka dan India.

16. Sebagaimana yang akan dibincangkan dengan mendalam dalam Bab 7 dan 8, dasar itu memberikan pelbagai keistimewaan seperti keutamaan dalam pendaftaran persekolahan kepada anak yang ketiga dari siswazah ibu.

17. 'Masyarakat Tanpa Kelas Ialah Suatu Mitos', ucapan di Parlimen oleh Timbalan Perdana Menteri Pertama Goh Keng Swee, dipetik dari *Singapore Bulletin*, Vol. 12, No. 7 (Mac 1984).

18. Lee juga membuat komen yang menyinggung perasaan yang membayangkan ketandusan budaya orang India. Beliau menuduh orang Asia Selatan 'suka bertengkar' dan membuat keputusan berdasarkan pertengkaran berbanding dengan orang Asia Timur yang membuat keputusan berdasarkan muafakat. Mengikutnya, inilah sebabnya mengapa ekonomi orang Asia Timur makmur sedangkan orang India Selatan tidak (*ST,* 26 Mei 1992).

19. Woodwiss (1990: 102) mendakwa bahawa konsep keunikan budaya masyarakat Konfusius Asia Timur seperti Jepun pada asasnya ialah hasil daripada kajian orientalis Eropah/Amerika ke atas negeri Jepun. Beliau berpendapat bahwa Konfusianisme tidak lagi menjadi ideologi dominan sejak era Tokugawa. Menjelang zaman pascaperang, Konfusianisme telah digantikan dan dijadikan wacana kapitalisme. Kepeminpinan PAP nampaknya sedia menerima wacana Orientalis ini kerana ia mewajarkan program sosial dan politik mereka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

20. Kaji selidik IPS 1989 tentang pandangan orang Cina terhadap orang Melayu:

Ciri-ciri Masyarakat	%	*Ciri-ciri Masyarakat*	%
Mesra	36	Bekerjasama	6
Malas	15	Perkauman	6
Bersatu	10	Rajin	3
Suka Membantu	9	Tidak banyak kira	3
Kuat beragama	7	Mementing diri	3

Sumber: Sunday Times, 23 September 1990.

21. Berbanding dengan pandangan orang Eropah/Amerika yang kurang berempati, orang Afrika Amerika percaya bahawa prejudis dan diskriminasi, dan bukannya kekurangan peribadi merupakan faktor utama yang menyebabkan mereka serba kekurangan dari segi sosial.

22. Contohnya, pembuka perenggan artikel dalam *Straits Times* yang ditulis oleh R. Tan (10 Ogos 1993) berjudul 'Malay Singaporeans Come to Grips with Delinquency in Community' (Orang Melayu Singapura Terkejut dengan Kejahatan dalam Masyarakat Mereka) berbunyi seperti berikut: 'Baru-baru ini, sekumpulan gadis remaja Melayu yang bertatu memukul pelajar lelaki sekolah rendah kerana memeras ugut mereka. Ibu bapa gadis tersebut hanya menyedari akan kejadian itu setelah menerima aduan dari sekolah dan remaja itu diberikan amaran keras oleh polis... Sebab utama kerosakan akhlak sebegitu ialah didikan ibu-bapa yang buruk akibat kadar perceraian yang tinggi... Ia juga menjadi punca mengapa semakin ramai pelajar melibatkan diri dalam geng, mengambil dadah dan tercicir dari sekolah.'

23. Tafsiran ini disebut oleh Timbalan Speaker Parlimen dan Ahli Parlimen Siglap dalam ucapannya di NUS pada tahun 1992. Beliau mendakwa bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia menyebabkan orang Melayu 'keliru dan bingung'. Kejutan akibat pemisahan itu meninggalkan kesan buruk ke atas kemajuan sosioekonomi masyarakat Melayu.

24. Sebagai kakitangan awam, mereka mungkin begitu peka akan kecenderungan ideologi kerajaan PAP.

25. Konsep rezeki (kepercayaan pada takdir) nampaknya tidak terhad kepada orang Melayu sahaja tetapi juga terdapat dalam budaya Cina (Wee, 1976; Leong, 1978: 119). Li (1989: 171) juga mendapati bahawa konsep rezeki tidak ketara dalam pemikiran Melayu dalam hal-ehwal ekonomi.

26. Ubah sikap bermakna mengubah kelakuan seseorang.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAHAGIAN II
MEMBENDUNG POLITIK MELAYU




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

5
Mengurangkan Sumber Kuasa Politik Masyarakat Melayu

Bab ini menyelidik bagaimana politik dan kuasa undi masyarakat Melayu dibendung dengan pelbagai usaha politik sehingga mereka terus menjadi pengundi minoriti dalam semua kawasan pilihan raya. Taraf minoriti bilangan penduduk di peringkat nasional juga dikekalkan dengan dasar penduduk/penghijrahan bagi 'mengekalkan imbangan etnik' yang pada hakikatnya adalah untuk mengekalkan dominasi bilangan penduduk Cina di Singapura. Kelemahan kuasa undi dan politik masyarakat Melayu menyebabkan kerajaan PAP terus tidak mengendahkan kegelisahan dan sensitiviti masyarakat Melayu kerana ia tidak menjejaskan peti undi PAP. Kegelisahan masyarakat Melayu ditunjukkan dengan jelas dalam parameter ideologi dan politik terhad yang diwujudkan oleh kerajaan PAP dan Ahli Parlimennya. Yang pentingnya, peminggiran politik masyarakat Melayu mengakibatkan munculnya arus pempolitikan perkauman kerana parti politik utama semakin memberikan tumpuan kepada memancing undi masyarakat Cina yang mempunyai kuasa undi penentu terbesar.

Sumber dan Strategi Politik

Daya penggerak politik yang dominan lebih cenderung untuk berunding, bertolak ansur, dan biasanya lebih menerima masyarakat minoriti jika masyarakat minoriti itu melobi pada kedudukan politik yang kuat dan disokong oleh pelbagai sumber politik dan keupayaan menggerakkan sokongan. Pendek kata, semakin banyak sumber politik yang dimiliki oleh sesebuah kumpulan, semakin cerah peluang kumpulan tersebut untuk mencapai objektif mereka. Sebaliknya, semakin kurang sumber politik yang dimiliki oleh sesebuah kumpulan, maka semakin kuranglah kemungkinan untuk tuntutan mereka diberi perhatian serius. Justeru, ciri hubungan kumpulan samalah seperti pertandingan yang menggunakan dan mengembangkan sumber kuasa untuk mendapatkan


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pengaruh atau kawalan ke atas struktur sosial (Baker, 1983: 41) seterusnya akan menentukan dan membentuk arus politik negara.

Strategi politik yang dapat digunakan dengan berkesan oleh masyarakat minoriti dalam usaha memperkukuh kuasa tawar menawar mereka termasuk:

1. Menggunakan kekuatan kolektif dari segi jumlah bilangan masyarakat untuk pelbagai bentuk tindakan protes dan keingkaran awam.
2. Menggunakan kuasa undi kolektif ketika pilihan raya peringkat tempatan atau kebangsaan untuk menyokong atau menolak calon atau parti tertentu.
3. Membina kepemimpinan yang kuat lagi berwawasan dan mendapat sokongan dan kepercayaan masyarakat serta disokong oleh rangkaian organisasi yang berkesan dan masyarakat yang bersatupadu.
4. Mendapatkan sokongan yang lebih luas daripada bahagian yang progresif dan kumpulan sosial lain yang ketinggalan dan lemah, dengan mengaitkan 'perjuangan' mereka kepada isu sosial lain untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama awam dalam satu 'perikatan pelangi', iaitu perikatan kumpulan minoriti dan elemen progresif lain dalam masyarakat. Dengan cara ini, elemen progresif bagi masalah etnik minoriti dapat difahami dengan lebih baik lagi. Potensi undi 'perikatan pelangi' juga berguna untuk memperkukuh kemenangan calon ahli politik liberal dan berorientasikan reformasi (Wilson, 1973: 51).
5. Mendapatkan sokongan moral dan empati daripada saudara seetnik di negara jiran dan juga daripada pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan agensi hak asasi manusia.
6. Membangunkan sumber kewangan dan sumber manusia dengan secukupnya untuk mengekalkan kebebasan pertubuhan berasaskan masyarakat (ibid.).
7. Menafikan kesahan ideologi dan mitos dominan yang digunakan untuk mewajarkan taraf kemunduran sosial masyarakat minoriti dan kumpulan lain.

Beberapa sumber kuasa dan strategi politik yang disebut ini telah digunakan dengan berkesan oleh pertubuhan seperti gerakan kesatuan sekerja, pertubuhan wanita, etnik minoriti dan peribumi, kumpulan hak asasi manusia dan gerakan alam sekitar. Yang penting, tolak ansur yang banyak diperoleh oleh kumpulan itu bukan dengan sekadar menan dorongan kuasa dominan, tetapi dengan menggiatkan pelbagai bentuk aktiviti politik yang secara langsung mencabar dan mempersoalkan nilai, andaian dan paradigma *status quo*.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Dalam masyarakat yang pilihan raya diadakan secara teratur dan ditadbir dengan betul, golongan etnik minoriti dapat menggunakan kekuatan undi kolektif mereka dengan berkesan untuk mencetuskan reformasi politik yang dapat memperjuangkan kepentingan masyarakat mereka. Strategi memanfaatkan kuasa politik kolektif telah digunakan oleh masyarakat etnik yang terpinggir ekonominya seperti orang Afrika Amerika, peribumi Malaysia dan peribumi Afrika Selatan. Contohnya, protes hak awam orang Afrika Amerika pada 1960-an telah berjaya menghasilkan pelbagai reformasi hak awam termasuk, antara lain, usaha membanteras segala jenis diskriminasi institusi dan memperbaik kedudukan ekonomi orang Afrika Amerika dan kumpulan sosial lain yang didiskriminasi. Dalam mengiktiraf matlamat jangka panjang gerakan hak awam, pemimpin hak awam, Martin Luther King (1964: 104) menyatakan bahawa 'kuasa politik, pada masa hadapan, memang akan menjadi alat yang berkesan untuk pembebasan orang Negro.' King (ibid.) percaya kuasa undi kolektif orang Afrika Amerika adalah pemangkin kuasa politik yang kuat, justeru, mengundi adalah 'asas bagi tindakan politik'.[1] Begitu juga, aktivis politik Afrika Amerika yang lebih radikal seperti Malcolm X, menganggap kekuatan undi masyarakat ini adalah sumber politik yang kuat dan dapat membantu menyingkirkan golongan yang bersifat perkauman dari jawatan awam dan seterusnya menggalakkan lebih banyak peluang sosioekonomi yang saksama untuk masyarakat Afrika Amerika (Harding, 1968).

Kekuatan bilangan sesuatu masyarakat etnik dalam sesuatu kawasan atau negeri boleh menjadi sumber kuasa politik yang kuat. Kekuatan bilangan masyarakat sahaja dapat melancarkan kejayaan jangka panjang bagi perjuangan di peringkat parlimen atau luar parlimen untuk kesaksamaan dan penentuan hak diri sesebuah masyarakat. Contohnya, jumlah rakyat peribumi yang besar di Afrika Selatan telah membantu meruntuhkan sistem aparteid yang zalim lantas mengekalkan hegemoni ekonomi dan politik pemerintahan minoriti orang Eropah. Begitu juga dengan kaum Maori di New Zealand yang meliputi lebih kurang 15 peratus daripada jumlah penduduk, perjuangan politik mereka untuk mengembalikan hak ke atas tanah dan memberikan perwakilan politik kepada mereka lebih berjaya jika dibandingkan dengan orang asli Australia yang kecil bilangan penduduknya.[2] Unjuran demografi yang menganggarkan kaum Afrika Amerika dan Hispanik Amerika akan mempunyai bilangan majoriti di hampir satu per tiga daripada lima puluh bandar terbesar di Amerika Syarikat (Marable, 1993; 124) bermakna mereka berkemungkinan akan berjaya menentang sikap etnosentrik dan bentuk diskriminasi institusi lain pada masa hadapan.


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Berbeza dengan perjuangan politik yang lebih terjamin bagi kaum peribumi Afrika Selatan dan Maori New Zealand, perjuangan kaum minoriti seperti orang asli Australia dan *Red Indian* Amerika yang kecil bilangannya, iaitu dengan jumlah penduduk kurang daripada 5 peratus daripada keseluruhan penduduk, untuk keadilan dan hak penentuan diri nampaknya lebih sukar.

Bilangan mereka yang kecil menjadikan kuasa undi dan politik mereka lemah di peringkat negeri dan setempat. Asas undian yang tidak kukuh ini mengakibatkan mereka tidak dapat berunding dengan tegas dan bersemangat tanpa sokongan moral yang kuat daripada masyarakat yang lebih luas.

Apabila masyarakat yang dominan merasakan hegemoni mereka terancam, mereka mungkin menggunakan pelbagai cara untuk menjejaskan sumber masyarakat kurang kuat seperti perlembagaan, perundangan dan institusi. Baker (1983) merujuk perlakuan masyarakat yang cara hidup dan budaya mereka terancam sebagai 'masyarakat budaya terbelenggu'. Disebabkan sentiasa berasa terbelenggu, mereka lebih tegar dan dogmatik dalam kepercayaan mereka dan sentiasa percaya dengan mitos dan propaganda yang dicipta oleh mereka sendiri tentang masyarakat yang dicurigai. Contoh 'masyarakat budaya terbelenggu' termasuklah orang Eropah di Afrika Selatan, orang Israel dan orang Cina di Asia Tenggara.

Etnik minoriti yang ramai bilangannya dalam sesuatu kawasan pilihan raya dapat dikurangkan kuasa politiknya dengan melaksanakan langkah yang membantutkan kuasa undi mereka untuk mencegah mereka daripada terlibat secara aktif dalam proses politik. Selain sistem aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan, Amerika Syarikat mengamalkan gerimander etnik (mengubah sempadan kawasan etnik untuk tujuan memungut undi) (Parker, 1984: 107) yang mematikan dan melemahkan kekuatan undi golongan minoriti dengan cara menggabungkan kawasan yang menjadi kubu etnik minoriti dengan kawasan etnik majoriti di bawah sistem pemilihan berbilang anggota. Cara lain yang sering diamalkan untuk melemahkan kuasa undi termasuklah gerimander atau mengubah semula sempadan kawasan pilihan raya, mengurangkan bilangan calon,[3] dan mengelompokkan secara berlebihan masyarakat minoriti di satu kawasan pilihan raya sehingga peratusnya lebih daripada yang diperlukan oleh pengundi golongan minoriti untuk memenangkan calon pilihan[4] mereka.

Apabila masyarakat yang dominan berasa terancam kerana jumlah bilangan masyarakat minoriti bertambah, mereka bertindak balas dengan menggubal dasar penghijrahan dan penduduk yang dapat mengehadkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bilangan etnik minoriti (Baker, 1983: 17). Usaha tersebut digunakan untuk menjejaskan sumber politik dan undi etnik minoriti. Dasar penduduk seperti Dasar Kulit Putih Orang Australia di Australia, Akta Kerakyatan di Britain, dasar penghijrahan Israel yang lebih berpihak kepada Yahudi dan menyekat orang Palestin, dan dasar penduduk Singapura yang 'mengekalkan keseimbangan kaum' adalah contoh penginstitusian dominasi etnik majoriti.

Mengekalkan Taraf Minoriti Bilangan Penduduk Melayu

Turnbull (1977: 5) menganggarkan bahawa ketika British mula-mula mengembangkan Singapura sebagai pelabuhan perdagangan dalam 1819, pulau itu diduduki oleh lebih seribu orang Melayu dan suku bangsa Melayu seperti Orang Kallang, Orang Seletar, Orang Gelam dan Orang Laut. Selain penduduk peribumi, terdapat dua puluh hingga tiga puluh orang penduduk Cina penanam gambir yang tinggal di merata tempat.[5] Menjelang 1836, masyarakat peribumi telah berkurangan bilangannya hingga menjadikan mereka penduduk minoriti ekoran kemasukan beramai-ramai buruh asing dari negara China dan India untuk sektor perlombongan bijih timah dan perladangan di Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat[6] (Jadual 5.1). Pada mulanya, kemerosotan bilangan penduduk Melayu di Singapura dan Pulau Pinang tidak membimbangkan masyarakat Melayu kerana mereka menganggap pulau itu adalah sebahagian daripada tanah besar Semenanjung di mana orang Melayu merupakan penduduk yang dominan. Buruh asing Cina dan India juga dianggap sebagai penduduk sementara kerana mereka akhirnya akan pulang ke negara asal mereka setelah dapat mengumpulkan cukup wang.

JADUAL 5.1
Penduduk Etnik Singapura

Etnik		*1824*	*1836*	*1891*	*1970*	*1980*	*1990*
Melayu		60.0	41.8	19.8	15.0	14.4	14.1
Cina	31.0	45.8	67.1	76.2	78.3	77.7	
India		7.1	9.8	8.8	7.8	6.3	7.1

Sumber: Saw 1969: 39; Banci Penduduk 1970; *Yearbook of Statistics*, Singapura, 1987; *ST WOE*, 25 Mei 1991.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Semasa kemasukan beramai-ramai orang asing ke Singapura dalam abad kesembilan belas, masyarakat Melayu dari Nusantara berhijrah ke Singapura bukannya sebagai penduduk sementara, tetapi kebanyakannya untuk bermastautin di pulau itu. Sebagaimana yang dicatatkan oleh ahli demografi Saw Swee Hock (1960: 57), petempatan tetap penduduk Melayu di pulau itu digambarkan oleh nisbah jantina yang agak seimbang: 'Nisbah ini sama sekali tidak menunjukkan lelaki terlalu ramai seperti yang ditunjukkan oleh dua masyarakat yang lain, iaitu nisbah jantina mereka sentiasa normal.' Orang Melayu telah mengamalkan penghijrahan dalaman dari satu rumpun ke rumpun lain dalam Nusantara sejak berabad-abad dahulu atas dorongan ekonomi, dan sedikit sebanyak kerana politik. Kitaran demografi pulau itu mengikut sejarah lamanya, menunjukkan jumlah penduduk pulau itu telah jatuh daripada beribu-ribu penduduk sewaktu pulau yang dikenali sebagai Temasik[7] itu berkembang maju sebagai pelabuhan perdagangan pada abad kesebelas, kepada lebih kurang seribu penduduk sahaja pada 1819. Ini adalah contoh tradisi merantau orang Melayu di Nusantara. Sebagaimana dihuraikan dalam Bab 2, orang Melayu Singapura tahu dan berbangga dengan hubungan penting sejarah Singapura dengan Nusantara dan warisan Melayu lama pulau itu (Bedlington, 1974). Oleh sebab Singapura terletak di tengah-tengah kepulauan Melayu, maka masyarakat Melayu Singapura menganggap diri mereka peribumi pulau itu. Pepatah Melayu yang mengatakan, 'Di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung[8], jelas menunjukkan jati diri orang Melayu Singapura dengan Nusantara, di mana Singapura adalah sebahagian daripadanya yang tidak dapat dipisahkan.

Kemerosotan mendadak bilangan penduduk Melayu dalam abad kesembilan belas, berlaku seiring dengan kemerosotan ekonomi dan politik[9] mereka sewaktu penjajahan Singapura. Di negara Nusantara mereka, orang Melayu mendapati mereka tenggelam dari segi bilangan penduduk, ekonomi, politik dan sosial dalam 'bandar Cina yang diperintah oleh orang Eropah' (Turnbull, 1977: 100) dengan peluang mobiliti sosial yang terhad di tengah-tengah masyarakat peneroka yang amat berdaya saing. Hubungan antara kemerosotan bilangan penduduk dengan kemerosotan politik dan ekonomi mereka telah lama menjadi kegelisahan masyarakat peribumi ini.

Kepemimpinan PAP sedar betapa pentingnya komposisi bilangan etnik di pulau Singapura dalam membentuk corak politiknya. Mala taraf majoriti bilangan penduduk Cina pulau itu telah menyebabkan kerajaan Perikatan, pimpinan Tunku Abdul Rahman, berasa amat ragu bahawa ia akan merosakkan imbangan kaum di Tanah Semenanjung

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

jika Singapura dimasukkan ke dalam gagasan Persekutuan Malaysia yang baru ditubuhkan pada 1963. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja diterima masuk ke dalam Malaysia, kepemimpinan PAP terus menganjurkan Konvensyen Perpaduan Malaysia (MSC) pada 1964 dengan tujuan utamanya untuk mencabar dasar kerajaan Perikatan tentang taraf istimewa masyarakat peribumi. Dengan memperjuangkan 'Malaysia untuk Rakyat Malaysia', MSC yang didalangi kepemimpinan PAP, mencabar falsafah politik kerajaan Perikatan yang berteraskan ketuanan Melayu. Dalam menolak percaturan politik sedia ada dan kedudukan istimewa orang Melayu, menurut Hua (1983: 142) PAP patut cuba 'mendapatkan sokongan melalui sentimen perkauman daripada masyarakat bukan Melayu dalam usaha memperluas kuasa politiknya ke Tanah Semenanjung', dan dalam proses itu 'mewujudkan ketegangan kaum yang meruncing di Malaysia.'

Selepas Singapura disingkir daripada Persekutuan Malaysia pada 7 Ogos 1965, pemimpin PAP membentuk bangsa berbilang kaum berlandaskan MSC. Bersemangatkan 'Malaysia untuk Rakyat Malaysia' yang gagal diperjuangkan, pulau itu telah ditadbir menurut prinsip 'Singapura untuk Rakyat Singapura' di mana politik ala etnik atau perkauman dan ketuanan mana-mana masyarakat etnik kononnya ditolak. Namun, pada awal 1980-an komitmen kerajaan PAP terhadap konsep berbilang kaum 'Singapura untuk Rakyat Singapura' ternyata bercanggah apabila ia melaksanakan dasar yang mengekalkan dominasi bilangan penduduk Cina di pulau itu dengan menubuhkan Jawatankuasa untuk Menarik Bakat ke Singapura (CATS) di Hong Kong bagi orang Cina dari negara luar supaya berhijrah ke Singapura (*FEER*, 6 Oktober 1983). Pekerja mahir berbangsa Cina atau orang dari Asia Timur digalakkan untuk memohon taraf penduduk tetap, dan sejak 1984, Hong Kong, Korea dan Macau diberikan taraf 'sumber' buruh asing. Taraf itu menjamin pekerja mahir dari negara tersebut dapat dibawa masuk dengan mudah oleh majikan di Singapura (Lim dan Pang, 1986: 62). Bertentangan dengan dasar yang liberal terhadap pekerja Cina bukan rakyat Singapura, pekerja Melayu Malaysia menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan permit kerja di Singapura (*ST*, 7 Mac 1991).[10] Dalam satu forum di Universiti Nasional Singapura pada 1986, Perdana Menteri Lee Kuan Yew (*ST*, 15 Disember 1986) mendedahkan niat kerajaan Singapura untuk mengekalkan dominasi bilangan penduduk Cina di pulau itu apabila beliau menyuarakan kebimbangannya tentang kemerosotan kadar kelahiran penduduk Cina berbanding kadar kelahiran masyarakat etnik minoriti yang tinggi.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Perhatian serius kerajaan PAP untuk mengekalkan dominasi bilangan penduduk Cina menjadi keutamaan negara itu apabila Lee Kuan Yew, dalam perhimpunan Hari Kebangsaan 1988, meletakkan kemerosotan kadar kelahiran penduduk Cina sebagai salah satu daripada tiga masalah negara (selain pelajaran dan peningkatan jumlah siswazah membujang) yang perlu ditangani segera.[11] Di samping memaklumkan masalah trend kelahiran etnik, Lee mendedahkan bahawa kerajaan akan cuba meningkatkan bilangan penduduk Cina dengan membawa masuk orang Cina dari negara luar, terutama dari Hong Kong.[12] Menjelang 1988, 4,707 keluarga (dianggarkan 80 peratus orang Cina) telah berhijrah ke pulau itu. Pada 1990, kerajaan PAP mengisytiharkan bahawa ia akan menerima sehingga 25,000 keluarga dari Hong Kong untuk berhijrah ke Singapura dalam tempoh lima hingga lapan tahun yang berikutnya (*NST*, 24 Februari 1990).

Menjangkakan bahawa akan timbul rasa tidak puas hati di kalangan etnik minoriti ekoran dasar penduduk yang berorientasi perkauman itu serta kritikan bahawa dasar tersebut bercanggah dengan keunggulan aspek berbilang kaum negara, kerajaan PAP berjanji akan tetap mengekalkan imbangan kaum yang ada pada masa itu. Ia memberi jaminan akan membenarkan pendatang India dan Melayu[13] untuk masuk ke pulau itu jika penduduk Cina melebihi 76 peratus daripada jumlah penduduk. Walaupun diberikan jaminan untuk 'mengekalkan imbangan kaum', namun etnik minoriti sedar dasar 'mengekalkan imbangan etnik' itu sebenarnya ialah usaha untuk mengekalkan ketuanan masyarakat Cina, dan dengan itu bercanggah dengan keunggulan berbilang kaum.

Dasar kepemimpinan PAP dalam 'mengekalkan imbangan kaum' adalah berdasarkan kepercayaan bahawa budaya Cina Asia Timur yang dinamiklah yang bertanggungjawab memberikan kestabilan politik dan ekonomi yang dinamik kepada pulau itu. Semenjak tahun 1968 lagi, Lee telah mencanangkan bahawa 'iklim dan pemakanan telah membuatkan orang Asia Timur mempunyai kelebihan budaya berbanding orang Asia Tenggara dalam menangani pembangunan ekonomi moden'.[14] Dalam membandingkan kedinamikan orang Asia Timur, Lee mengecam orang Asia Tenggara sebagai 'masyarakat yang suka berhibur, mereka menyanyi dan menari (sifat yang) tidak menyenangkan penduduk Cina tempatan'[15] dan dengan itu besar kemungkinan akan menjejaskan nilai Konfusius Asia Timur, iaitu rajin dan berjimat-cermat.

Tanggapan Lee tentang ketandusan budaya bahawa jika kadar kelahiran orang Melayu yang tinggi itu dibiarkan berlarutan tanpa dibendung, diburukkan lagi dengan kemerosotan bilangan penduduk

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Cina akibat kadar penghijrahan yang tinggi[16] serta kadar kelahiran yang rendah, maka ini boleh menjejaskan kedinamikan ekonomi pulau itu. Di samping itu, apa-apa perubahan imbangan kaum yang berpihak kepada orang Melayu juga boleh menggugat PAP, terutama dari segi undi, kerana kepemimpinan PAP tahu bahawa orang Melayu secara beramai-ramai memang tidak akan mengundi parti itu.[17] Seperti yang didakwa oleh Lee Kuan Yew, (*ST*, 6 April 1987) PAP tidak pernah mendapat lebih daripada lima puluh peratus undi Melayu. Oleh itu, tindakan kerajaan PAP mengekalkan imbangan kaum nampaknya merupakan satu lagi strategi umumnya untuk mengekalkan *status quo* politik dalam era pascamerdeka Singapura. *Status quo* ini adalah berasaskan ketuanan politik yang dijamin oleh dominasi bilangan masyarakat Cina.

Melemahkan Kuasa Undi Masyarakat Melayu

Program Penempatan Semula Bandar

Kepemimpinan PAP sering mengumumkan secara terbuka bahawa PAP sukar mendapatkan sokongan kuat daripada pengundi Melayu.[18] Sokongan hambar daripada masyarakat Melayu boleh dikaitkan dengan tanggapan masyarakat itu bahawa PAP ialah parti bangsa Cina yang ideologi berbilang kaumnya tidak lebih daripada suatu retorik sahaja. Hanya dalam pilihan raya sebelum Singapura masuk Malaysia sahaja, iaitu pada 1963, PAP menang dengan undi yang tipis mengalahkan parti politik Melayu di kawasan kubu kuat orang Melayu seperti Geylang Serai, Kampung Kembangan dan Southern Island. Bedlington (1974: 190) berpendapat bahawa kerusi kawasan itu dimenangi dengan undi tipis bukannya kerana sokongan kuat daripada pengundi Melayu, tetapi kerana sokongan kuat masyarakat Cina. Sokongan kuat masyarakat Cina terhadap PAP mungkin disebabkan kebimbangan mereka terhadap kekuasaan parti politik Melayu, dan ketuanan politik Melayu apabila Singapura menyertai Malaysia yang didominasi oleh orang Melayu. MacDougall (1968: 204) juga berpendapat bahawa kemenangan PAP dalam pilihanraya 1963 di kubu kuat orang Melayu di Kampung Kembangan, (iaitu kubu SMNO) adalah akibat daripada dasar penempatan semula bandar yang banyak mengurangkan pengundi Melayu di situ. Undi Melayu juga terpecah kerana terdapat perpecahan dalam SMNO apabila tokoh terkemukanya, Ya'acob Mohammed dan Rahmat Kenap beralih ke PAP sejurus sebelum pilihanraya (ibid.). Oleh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu kemenangan tipis PAP di kawasan Melayu dalam pilihan raya tahun 1963 tidak boleh dianggap sebagai beralihnya sokongan Melayu daripada parti itu. Menyedari akan rapuhnya sokongan undi masyarakat Melayu, kepemimpinan PAP tahu bahawa selagi wujud kubu kawasan pilihan raya Melayu, maka selagi itulah mereka tidak akan memenangi kawasan tersebut. Tambahan lagi, parti Melayu akan terus memberikan ancaman kerana kekuatannya yang menggerunkan dalam pilihan raya. PAP menyelesaikan 'masalah' ini melalui program mega penempatan semula bandar dan dasar perumahan awam yang memecahkan kubu kawasan pilihan raya orang Melayu dengan menempatkan masyarakat Melayu ke merata kawasan perumahan awam baru di seluruh pulau ini. Program penempatan semula bandar dan perumahan awam[19] kerajaan PAP menghakis kubu kawasan pilihan raya parti Melayu seperti PKMS (dahulunya SMNO) dan menghalang mereka daripada memenangi sebarang kerusi sejak kekalahan mereka di tangan PAP dalam pilihan raya 1963. Sejak itu SMNO menjadi sebuah parti yang hilang taring dan menghadapi masa depan yang gelap untuk memenangi sebarang kerusi dalam rangka demografi yang ada sekarang ini.[20] Tindakan yang sengaja dirancang untuk menghakis kubu SMNO melalui penempatan semula bandar dan perumahan awam pada 1960-an dan 1970-an diakui oleh James Fu (ST, 4 Mac 1988), Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, dalam satu surat di halaman forum *Straits Times*: 'Pada hari ini, dengan penempatan semula, semua kawasan pilihan raya bercirikan integrasi bangsa. SMNO tidak akan menang di mana-mana kawasan pun di Singapura.'

Kemenangan tipis PAP dalam pilihan raya umum 1959 dan 1963, dengan hanya 53.4 peratus dan 46.4 peratus undi (*FEER*, 12 September 1991: 11), menguatkan lagi azam PAP untuk menggunakan program pembangunan semula bandar dan perumahan awam sebagai cara memperbaik taraf perumahan rakyat Singapura, menjana aktiviti ekonomi dan membuka peluang pekerjaan.[21] Usaha itu diharapkan akan menguatkan lagi kawasan pilihan raya mereka di peringkat kebangsaan. Penghapusan kampung, di mana PAP kurang mendapat sokongan undi, turut memberikan PAP peluang untuk memencarkan penduduk Singapura berpendapatan rendah yang menyokong kuat parti pembangkang seperti Barisan Sosialis. Dengan tercetusnya rusuhan kaum di Singapura pada 1964 dan di Malaysia pada 1969, telah menggiatkan lagi langkah memencarkan penduduk Melayu yang berkelompok. Rusuhan kaum telah meyakinkan lagi kepemimpinan PAP bahawa penduduk Melayu yang berkelompok berpotensi menjadi sumber ketidakstabilan politik yang mudah mencetuskan kekacauan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

awam apabila parti politik berlumba-lumba mendapatkan sokongan orang Melayu (*ST*, 23 Januari 1988).

Pemecahan kubu kawasan pilihan raya Melayu dengan mudah menjejaskan kuasa undi kolektif masyarakat tersebut dan menghalang mereka untuk bertindak sebagai gerakan penting dalam menentukan apa-apa keputusan di mana-mana kawasan pilihan raya, apatah lagi menjatuhkan calon PAP. Selain program penempatan semula, gerimander atau pembahagian semula kubu kawasan pilihan raya Melayu seperti Pasir Panjang, Geylang Serai dan Kaki Bukit untuk menjadi kawasan pilihan raya yang lebih besar, benar-benar memberikan kesan dalam menghakis kuasa undi dan politik masyarakat Melayu (Kassim Yang Razali, 1979: 88).

Setelah menetapkan prasyarat demografi yang melemahkan kuasa undi SMNO, kini Ahli Parlimen Melayu PAP muncul sebagai wakil masyarakat Melayu yang hilang taring dalam percaturan politik di Singapura. Sejak itu kepentingan Melayu disuarakan dan diwakili dalam ruang lingkup yang ditentukan oleh kerajaan PAP dan Ahli Parlimen Melayu. Justeru, pendekatan sederhananya terhadap peminggiran masyarakat Melayu kini dapat dilaksanakan dengan selamat oleh kerajaan PAP dan Ahli Parlimen Melayunya tanpa menghadapi sebarang ancaman undi yang serius daripada masyarakat Melayu.

Kuota Kediaman Etnik

Menjelang 1980-an, pemecahan kubu kediaman Melayu melalui program penempatan semula dan perumahan awam terganggu apabila orang Melayu balik semula ke kawasan Melayu di sekitar Geylang Serai, Bedok dan daerah pantai timur. Ramai orang Melayu membeli rumah pangsa awam di daerah itu daripada orang bukan Melayu yang berpindah ke kawasan perumahan baru yang agak mewah. Dengan berpindah ke kawasan Melayu, orang Melayu dapat mewujudkan semula suasana kampung di kawasan rumah pangsa, membentuk persatuan yang tidak formal, mengingatkan antara satu sama lain tentang hal ehwal agama dan saling membantu dalam aktiviti kemasyarakatan di peringkat blok. Jika trend balik semula ke kawasan Melayu ini dibiarkan berterusan, menjelang 1999 orang Melayu akan mencapai jumlah penduduk 40 peratus daripada seluruh penduduk di kawasan pantai timur seperti Bedok (*FEER*, 9 Mac 1989).

Kepemimpinan PAP sedar jika trend ini dibiarkan, orang Melayu akhirnya akan muncul semula menjadi masyarakat yang mempunyai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kuasa undi yang penting dalam kawasan pilihan raya tertentu. Ini akan membolehkan mereka menggunakan kekuatan kolektif undi mereka sebagai alat perundingan politik. Malah, riak-riak senario masa depan ini sudah mula kelihatan apabila calon PAP menang tipis dalam pilihan raya 1988 untuk kerusi kawasan Bedok dan Eunos di mana hampir 30 peratus daripada jumlah pengundinya adalah orang Melayu (*ST*, 22 Januari 1988). Keadaan ini amat memeranjatkan PAP kerana di Eunos, pasukan pembangkang mendapat jumlah undi yang baik sebanyak 49.1 peratus, manakala di Bedok 45 peratus (ibid.).

Untuk menyekat trend kediaman ini, kuota kediaman etnik telah diperkenalkan pada tahun 1989 untuk kawasan perumahan awam. Kuota tersebut memastikan jumlah orang Melayu tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah penduduk di mana-mana kawasan pilihan raya dan tidak melebihi 22 peratus daripada penduduk mana-mana blok perumahan awam. Bagi masyarakat Cina, kuota mereka hendaklah sehingga maksimum 80 peratus di kawasan pilihan raya, dan 87 peratus di blok perumahan awam. Kuota itu dikuatkuasakan dengan tidak membenarkan orang bukan Melayu menjual rumah pangsa mereka kepada orang Melayu, dan sebaliknya untuk kawasan yang kuota penduduk Melayu telah mencapai tahap maksimum (*ST*, 22 Januari 1988). Disebabkan 86 peratus daripada rakyat Singapura tinggal di kawasan perumahan awam, kuota seperti itu memang berkesan untuk memastikan kuasa undi kolektif masyarakat Melayu terhakis.

Rasional bagi kuota tersebut adalah untuk memastikan 'percampuran kaum yang seimbang' (*ST WOE*, 18 Februari 1988) dan seterusnya mengelakkan kemunculan semula kediaman tumpuan etnik yang dianggap akan menjejaskan integrasi etnik dan hubungan etnik yang sihat. Akan tetapi, pada hakikatnya kuota kediaman etnik sebenarnya ingin memastikan orang Cina menjadi masyarakat pengundi yang dominan dari segi bilangannya di semua kawasan pilihan raya. Jauh sekali untuk mewujudkan suasana berbilang kaum di kawasan perumahan awam, kawasan pilihan raya seperti Hougang, dengan penduduk Cina dianggarkan seramai 80 peratus, telah dibiarkan menjadi kediaman tumpuan penduduk Cina.[22] Logik yang bercanggah untuk kuota kediaman etnik ini telah disebut oleh Tremewan (1994: 66): 'Daripada logik ini, sebuah blok yang menempatkan 87 peratus penduduk Cina tidak dianggap tumpuan perkauman, tetapi sebuah blok yang terdapat 26 peratus penduduk Melayu dianggap tumpuan perkauman.' Apabila kediaman tumpuan penduduk Melayu muncul, ia dari awal akan dibanteras atas alasan berbilang kaum, sedangkan bagi kediaman tumpuan penduduk Cina di kawasan perumahan awam

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

seperti Hougang, telah dibiarkan. Di samping itu, kawasan kediaman persendirian yang eksklusif seperti di Jalan Holland dan Bukit Timah yang terdapat oleh segelintir sahaja penduduk Melayu tidak langsung diambil perhatian oleh kerajaan. Dasar itu juga bercanggah dengan saranan kerajaan PAP yang menyeru kepada amalan menyokong keluarga, hormat dan bertanggungjawab terhadap ibu bapa, dan mengekalkan budaya tradisional, kerana kuota tersebut menjadi halangan kepada mereka yang ingin tinggal berdekatan dengan ahli keluarga mereka (Lai, 1995: 124). Wajar jika dikatakan, percanggahan yang terdapat dalam rasional berbilang kaum bagi kuota kediaman etnik telah memperlihatkan dengan jelas tujuan dasar itu dalam pengurusan politik.

Rasional kerajaan mengenakan kuota semakin dipersoalkan apabila ia menentang banyak kajian akademik tentang sikap dan hubungan antara etnik di bandar. Contohnya, kajian Rabushka (1971: 91-107) yang mendapati bahawa orang yang tinggal di dalam kawasan yang sama etnik biasanya mempunyai sikap yang baik terhadap kumpulan etnik lain. Seterusnya, orang yang tinggal di kawasan yang bercampur-campur etniknya tetapi tidak berinteraksi sesama etnik didapati bersikap negatif antara satu sama lain. Beliau mendakwa bahawa dekat dari segi fizikal tetapi berinteraksi dengan cara yang dibuat-buat sebenarnya boleh meningkatkan lagi rasa benci terhadap kumpulan etnik lain. Kajian bandar (Fischer, 1976) juga mendapati bahawa jarak fizikal yang dekat antara kumpulan etnik yang berlainan tidak semestinya dapat merapatkan jurang perbezaan sosial antara masyarakat. Malah kedudukan fizikal etnik yang dekat dalam bandar besar boleh mengakibatkan wujudnya sikap 'saling membenci' dan meruncingkan lagi sikap etnosentrisme. Dapatan penyelidikan ini disokong oleh beberapa kajian di Singapura (Hassan, 1977; Lai, 1995) yang mendapati hubungan antara etnik di rumah pangsa awam yang pelbagai etniknya hanya dibuat-buat sahaja.

Kajian hubungan antara etnik oleh Amir, Ben-Ari, dan Bizman (1986) juga mendapati bahawa kedudukan fizikal antara kumpulan etnik yang berlainan adalah perlu tetapi bukan prasyarat untuk mengurangkan prejudis. Untuk mengurangkan sikap prejudis ini dengan berkesan, penting bagi anggota masyarakat etnik yang berlainan untuk menghormati antara satu sama lain sebagai manusia yang sama tarafnya. Sikap tidak menerima persamaan taraf sosial, akan hanya terus mewujudkan sikap negatif dan pelbagai bentuk sikap yang merosakkan. Kajian ini amat relevan terutamanya dalam konteks Singapura yang terus giat mengekalkan kawasan perumahan berintegrasi etnik tetapi

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

tidak mengambil peduli akan integrasi etnik miskin dan perwakilan mereka di tahap sosioekonomi yang lebih tinggi dalam masyarakat. Sebagai sebuah masyarakat yang berada di tahap sosioekonomi dan pelajaran yang paling rendah dalam masyarakat, orang Melayu memang tidak sama taraf sosialnya dengan masyarakat Cina dan India. Kajian hubungan antara etnik oleh Amir et al. (1986) mendapati bahawa prasyarat bagi membangkit dan menggalakkan keharmonian antara etnik tidaklah kuat di Singapura. Bukti empirik menunjukkan bahawa dasar yang menguatkuasakan kuota etnik di kawasan perumahan, tanpa menghapuskan taraf peminggiran orang Melayu, tidak akan menjadi prasyarat yang diperlukan untuk membina masyarakat pelbagai kaum yang harmoni.

Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC)

Sistem yang dilaksanakan sejurus selepas pilihan raya umum 1988 ini merupakan perubahan penting dalam sistem pengundian dengan mengintegrasikan tiga puluh sembilan kawasan pilihan raya kepada tiga belas wad pemilih.[23] Oleh sebab setiap wad terdiri daripada penyatuan tiga kawasan pilihan raya yang berjiranan, maka setiap pengundi dalam setiap wad GRC bukan mengundi untuk seorang calon tetapi untuk satu pasukan calon dari sesebuah parti politik. Dirasionalkan oleh PAP sebagai reformasi pilihan raya yang menjamin sistem parlimen berbilang kaum, setiap pasukan GRC wajib mempunyai seorang ahli etnik minoriti.

Disebabkan parti Melayu PKMS bergantung pada sokongan pengundi Melayu, tuntutan syarat sistem GRC berjaya menghalang parti itu daripada meletakkan calon dalam mana-mana GRC. Peluang SMNO dalam pilihan raya semakin gelap apabila kawasan pilihan raya 'yang bermasalah' bagi PAP seperti Eunos, Bedok dan Kampung Kembangan, di mana terdapat ramai pengundi Melayu, telah dimasukkan ke dalam wad GRC. Disebabkan tidak dapat mewujudkan pasukan GRC berbilang etnik, PKMS sejak pilihan raya tahun 1988, hanya mempertandingkan seorang sahaja calon untuk kerusi kawasan pilihan raya, walaupun lemah dari segi bilangan pengundi Melayu untuk kerusi itu. Akibatnya, peratus undi PKMS bagi kerusi tersebut jatuh sehingga kurang daripada separuh undian yang diterimanya dalam pilihan raya 1984 (Jadual 5.2).

Sistem GRC cuba melemahkan mana-mana calon etnik minoriti dalam pasukan GRC daripada menyuarakan sebarang isu sensitif yang menjurus kepada etnik minoriti untuk mengelakkan dia daripada dituduh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sebagai bersikap perkauman dan melemahkan sokongan etnik dominan untuk pasukan GRCnya. Oleh itu, di bawah sistem pemilihan berbilang etnik ini, calon etnik minoriti akan tertekan justeru memberikan tumpuan kepada isu nasional yang berkecuali sahaja dan tidak menyentuh kepentingan masyarakat etnik minoriti (Davidson dan Fraga, 1984: 139). Sistem GRC tidak lebih daripada sekadar politik 'melepaskan batok di tangga' kerana memasukkan calon minoriti ke dalam pasukan wad GRC untuk imej dan bukannya untuk keberkesanan, iaitu sensitif kepada aspirasi masyarakat minoriti. Untuk mengelakkan masyarakat etnik dominan daripada berasa gusar, calon etnik minoriti yang dipilih biasanya seorang yang 'selamat' dan tidak akan memperjuangkan aspirasi dan keresahan masyarakat minoriti (ibid.: 139). Sebagai contoh, dalam kempen pilihan raya 1991 di GRC Eunos, calon parti Parti Pekerja, Juffrie Mahmood, telah dituduh oleh kepemimpinan PAP dan pihak media sebagai pelampau Melayu dan memainkan politik perkauman apabila beliau dengan lantang mengkritik keberkesanan Ahli Parlimen Melayu PAP dalam menyuarakan kepentingan Melayu. Tuduhan tersebut menimbulkan keraguan orang ramai terhadap Juffrie dan mengakibatkan kekalahan tipis kepada Pasukan GRC Parti Pekerja di Eunos. Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Timbalannya Lee Hsien Loong mengakui bahawa tuduhan berbau perkauman yang dilemparkan kepada Juffrie membantu meraih undi penting yang diperlukan untuk memenangi GRC Eunos. Untuk mewajarkan tindakan PAP mewujudkan dalang perkauman atas alasan mempertahankan ciri berbilang kaum, Lee mendakwa, 'Jika kita tidak melakukannya, sudah pasti kita akan kalah di GRC Eunos dan akibatnya amat buruk bagi Singapura' (*ST*, 2 September 1991).

Jadual 5.2

Prestasi Undi PKMS

	1976	*1980*	*1984*	*1988*	*1991*
Jumlah Kerusi dipertandingkan	2	4	1	4	4
Peratus undi bagi kerusi yang dipertandingkan	28.3	19.5	36.3	16.6	16.9

Sumber: *ST*, 1 September 1991.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Selain mengurangkan peluang kemenangan pilihan raya untuk parti Melayu PKMS dan calon Melayu dalam Parti Pembangkang yang dengan lantang menyuarakan keresahan orang Melayu, sistem GRC juga menyukarkan parti pembangkang untuk berjaya dalam pertandingan di wad GRC kerana mereka sukar untuk menamakan calon etnik minoriti yang berketerampilan, (*FEER*, 12 September 1991: 11) berpelajaran tinggi dan mempunyai pengalaman politik. Kedudukan pencalonan mereka lebih disukarkan lagi, apabila kawasan undi yang menjadi kubu pembangkang, seperti Anson dan Eunos dipecah-pecahkan dan dimasukkan ke dalam kawasan pilihan raya lain. Langkah seterusnya adalah mengubah sistem GRC, seperti sebelum pilihan raya 1997, iaitu menambahkan enam lagi wad GRC dan mengurangkan kawasan kerusi perseorangan kepada lapan. Wajar untuk dikatakan bahawa langkah ini telah memperkuatkan lagi kedudukan undi PAP. Memandangkan banyak halangan diwujudkan oleh GRC, maka tidak hairanlah jika parti pembangkang seperti SDP dan PKMS, memulaukan wad GRC sehingga pilihan raya 1971. Hingga kini, tiada satu pun parti pembangkang yang berjaya bertanding dalam wad GRC.[24]

* * *

Program penempatan semula bandar dan perumahan awam, dasar penghijrahan dan penduduk, kuota kediaman etnik, dan GRC, dalam beberapa cara telah menyumbang kepada penghakisan sumber undi dan politik masyarakat Melayu. Halangan institusi yang sukar dan 'diletakkan di setiap tempat, umpama halangan berpagar di balapan' (Davidson, 1972: 75) ialah langkah penyusunan politik yang bertujuan untuk mengurangkan dan menghapuskan keupayaan undi kolektif masyarakat Melayu. Sumber politik mereka yang terhakis dan kuasa perundingan yang lemah seolah-olah mengekalkan taraf masyarakat itu sebagai minoriti politik yang tidak berupaya melobi kerajaan PAP dari segi kekuatan.

Disebabkan masyarakat Melayu tidak berupaya menjejaskan keputusan undi mana-mana kawasan, maka kerajaan PAP boleh terus bersikap tidak sensitif terhadap keresahan orang Melayu tanpa menjejas kedudukan pilihan rayanya. Perbezaan kuasa yang amat tidak seimbang ini juga membolehkan PAP mengekalkan hubungan paternalismenya, dari atas ke bawah dalam masyarakat.

Kelemahan bilangan pengundi masyarakat Melayu juga membuat parti pembangkang utama agak tidak mengendahkan dan keberatan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menyuarakan isu orang Melayu kerana tidak mahu kehilangan undi besar daripada masyarakat Cina.[25] Apabila isu orang Melayu dibawa oleh calon GRC wad Auns dari Parti Pekerja, Jubli Mahmud dalam pilihan raya umum 1991, PAP berjaya memainkan sentimen ketakutan orang bukan Melayu dengan menuduh bahawa kononnya beliau ialah seorang pelampau Melayu dan bersikap perkauman. Yang nyata adalah pada pilihan raya tahun 1991, undi tertinggi yang diperoleh parti pembangkang, SDP, adalah kerana ia meletakkan calon Cina sahaja. Dan yang ketara ialah sepuluh calon pembangkang yang mendapat undi terbanyak dan kesemua empat calon yang dilantik ialah orang Cina (Sing, 1992a: 103). Berdasarkan tuduhan perkauman yang dilemparkan oleh ahli politik PAP terhadap Jubli pada 1991, maka tidak hairanlah jika isu Melayu khusus berkaitan bahasa, agama dan etnik tidak disuarakan oleh calon parti pembangkang dalam pilihan raya 1997.

Dengan melemahkan kuasa politik dan undi masyarakat Melayu dan melaksanakan pelbagai mekanisme penyusunan politik seperti yang telah dibincangkan, kerajaan PAP bukan sahaja dapat mempertahankan ketuanan politiknya, malah dapat memantapkan kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP sebagai perwakilan politik masyarakat Melayu.

1. Disebut dalam Morris, 1984: 271.

2. Orang asli Australia meliputi kurang daripada 2 peratus jumlah terkini penduduk Australia. Ketika kumpulan pertama seramai 1,000 orang pendatang Eropah tiba pada 1788, jumlah mereka diatasi oleh penduduk aslinya sebanyak 300,000 orang. Menjelang 1901, penduduk asli ini merosot kepada 100,000 orang sedangkan penduduk Eropah meningkat sehingga 4 juta orang.

3. Proses ini berlaku apabila calon yang mewakili kepentingan sesebuah kumpulan pengundi dihalang atau tidak digalakkan bertanding dengan cara mengenakan yuran yang tinggi atau mengancam calon berkenaan.

4. Ini adalah cara untuk menafikan pengundi etnik minoriti daripada mempengaruhi keputusan pilihan raya di kawasan yang berjiran (Parker, 1984: 96).

5. Walaupun terdapat bukti kukuh, terbitan kerajaan dan buku teks sekolah lebih cenderung untuk menyembunyikan fakta sejarah Singapura sebelum 1819 sebagai pelabuhan perdagangan yang makmur sewaktu empayar Sri Vijaya dan Majapahit. Sebaliknya, pada zaman sebelum 1819 Singapura sering dirujuk dari segi sejarahnya sebagai sebuah pulau yang terdiri daripada beberapa kampung yang tidak mempunyai masa silam yang perlu disebut. Rujuk buku teks, *Social and Economic History of Singapore*, oleh Institut Pembangunan Kurikulum Singapura (1984) untuk pelajar menengah dua dan tiga.

6. Menjelang awal abad kesembilan belas, Singapura menjadi pusat pengimport buruh asing, terutamanya dari wilayah miskin Selatan India dan Selatan China, untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah, lombong bijih timah dan sektor perniagaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lain yang dijalankan oleh peniaga Barat dan Cina. Rujuk Roff (1980) dan Turnbull (1977) untuk maklumat lanjut.

7. Antara abad kesebelas dan ketiga belas, Temasik adalah sebahagian daripada empayar lama Sri Vijaya. Temasik diganti dengan nama Singapura oleh Sang Nila Utama (Parameswara), seorang putera raja dari Palembang dalam abad ketiga belas. Pulau itu kemudian menjadi sebahagian daripada empayar Melaka dan seterusnya berpindah ke wilayah Riau-Lingga setelah Melaka dijajah oleh Portugis pada 1511.

8. 'Walau di mana mereka berada di 'Nusantara', orang Melayu akan bersyukur kepada Tuhan kerana mempunyai rumah.'

9. Masyarakat Melayu berada dalam keadaan susah kerana tidak mempunyai pemimpin tradisional sejak kemangkatan Sultan Hussein pada 1835 dan perpindahan Temenggong Ibrahim ke Johor selepas itu. Waris Sultan Hussein dilucutkan daripada takhta kesultanan oleh British selepas Perjanjian 1824 ditandatangani. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Sultan dan nasib keturunannya, rujuk Pang Keng Fong (1983).

10. Ini didedahkan oleh pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Sumber Johor, Chua Soi Lek (*ST*, 7 Mac 1991).

11. Dalam ucapannya, Lee merungut bahawa seawal 1977, bilangan kelahiran bayi bagi setiap bangsa, dan nisbah kelahiran anak keempat atau lebih, adalah tinggi di kalangan orang Melayu dan India berbanding orang Cina (*ST*, 16 Ogos 1988). Pada 1988, bilangan orang India dan Melayu meningkat berganda daripada bilangan yang ada sedangkan orang Cina hanya 'melahirkan' 1.8 bayi bagi setiap orang Cina. Kadar kelahiran Melayu ialah 2 peratus pada 1986 dan 2.3 peratus pada 1988. Bagi orang India pula, kadarnya ialah 1.9 peratus pada 1986 dan 2.1 peratus pada 1988. Bertentangan dengan orang Cina, kadar kelahiran mereka hanya 1.3 peratus pada 1986 dan 1.8 peratus pada 1988 (*ST*, 16 Ogos 1988).

12. Nampaknya kerajaan tidak begitu kisah untuk menarik pekerja mahir asing Cina ke Singapura, kerana hampir 50 peratus daripada penduduk tetap pada 1989 (kebanyakannya dari Hong Kong) hanya mempunyai pendidikan sekolah rendah atau kurang (*ST WOE*, 16 Februari 1991). Rasional yang sering digunakan untuk mewajarkan 'mengekalkan keseimbangan kaum' termasuklah hujah survivalis bahawa negara yang mudah terancam seperti Singapura mesti mengekalkan formula bilangan etnik yang telah memberikan keharmonian etnik dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi ('Editorial', *ST*, 19 Februari 1991).

13. Dalam bulan April 1990, Menteri Pembangunan Nasional, S. Dhanabalan mendedahkan hasrat kerajaan untuk membawa masuk pendatang India yang 'berbakat' bagi menggantikan sejumlah besar orang India Singapura yang telah berhijrah ke luar negara (*ST*, 23 1990).

14. Syarahan Peringatan Gabriel Silver, Colombia University, NY, Disember 1968, disebut dalam *Eastern Sun* , 23 Disember 1968.

15. Temu bual dengan program radio BBC World Service, 'People of the Pacific Century', BBC, 1984.

16. Banci 1990 menganggarkan jumlah rakyat Singapura yang tinggal di luar negara adalah 36,000 orang. Walau bagaimanapun, Pengarah Yayasan Antarabangsa Singapura (diwujudkan khusus oleh kerajaan untuk mengekalkan hubungan rapat dengan rakyat Singapura di luar negara) Professor Chan Heng Chee menyatakan bahawa angka yang lebih tepat ialah hampir 100,00 orang (*Sunday Times*, 28 Jun 1992). Kebanyakan rakyat Singapura yang tinggal di luar negara ialah orang Cina.


YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA * PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION *

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

17. Goh Chok Tong (*ST*, 26 September 1988) juga mendakwa bahawa pungutan suara yang dibuat ketika pilihan raya 1988 menunjukkan sokongan orang Melayu terhadap PAP kurang 5-10 peratus daripada orang Cina.

18. Walau bagaimanapun, ketika dan selepas pilihan raya 1991, Goh Chok Tong dengan yakin menyatakan bahawa sokongan orang Melayu terhadap PAP telah bertambah dengan ketaranya. Dalam kenyataan selepas pilihan raya, beliau berkata 'Pegangan Melayu (dalam pilihan raya 1991) lebih baik dari tahun 1988' (*ST*, 2 September 1991).

19. Apabila PAP mengambil alih kuasa pada 1959, sejumlah besar rakyat Singapura tinggal dalam keadaan rumah yang daif. Menjelang 1974, 43 peratus daripada penduduk tinggal di rumah pangsa yang dibina oleh badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan PAP, iaitu Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) (Hassan, 1976: 240). Sektor pembinaan perumahan awam menyumbang lebih daripada dua kali ganda kepada KDNK, iaitu 5.4 peratus antara 1960 dan 1970 (ibid. 248).

20. Menjelang pertengahan 1960-an PKMS sedar akan masa depannya yang gelap dalam pilihan raya dan peluangnya yang tipis untuk melaksanakan dasar penempatan semula bandar (*ST*, 17 November 1967).

21. Antara 1960 dan 1970, peluang pekerjaan meningkat sebanyak 7 peratus hasil program perumahan awam secara besar-besaran (Hassan, 1976: 248).

22. Walaupun majoriti penduduk Hougang adalah Cina, namun PAP kalah di situ kepada calon Parti Pekerja, Low Thia Khiang dalam pilihan raya 1991. Ini bercanggah dengan andaian PAP bahawa kawasan pilihan raya Melayu pada umumnya merupakan ancaman besar kepada PAP. Orang Melayu meliputi hanya 8 peratus daripada jumlah penduduk Hougang (*ST*, 11 September 1991).

23. Dalam pilihan raya 1988, tiga belas GRC yang dipilih termasuk tiga puluh sembilan kawasan pilihan raya, iaitu Aljunied, Bedok, Brickworks, Chen San, Eunos, Hong Kah, Jalan Besar, Marine Parade, Pasir Panjang, Sembawang, Tampines, Tiong Bahru dan Toa Payoh. Sejurus sebelum pilihan raya umum 1991, dua GRC lagi diwujudkan dengan bilangan wilayah pilihan raya bagi setiap GRC ditambah daripada tiga kepada empat.

24. Dalam pilihan raya umum 1991, pembangkang bertanding di lima daripada lima belas wad GRC dan kalah semuanya. Namun dalam dua puluh wad perseorangan, PAP kalah empat wad perseorangan dan majoriti kemenangannya merosot dalam lima wad dibandingkan dengan keputusan pilihanraya 1988 (*FEER*, 12 September 1991).

25. Dalam satu temu bual dengan pengasas dan pengerusi SDP ketika itu, Chiam See Tong, pada 1990, beliau mengakui bahawa beliau ditekan oleh penyokongnya supaya tidak membuang banyak masa untuk isu masyarakat Melayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

6

Perwakilan Politik Kepentingan Melayu

Kelemahan kuasa undi pengundi masyarakat Melayu telah mengekang keupayaan Ahli Parlimen Melayu PAP untuk mewakili dan menyuarakan keprihatinan dan kepentingan masyarakat Melayu dengan berkesan. Politik Ahli Parlimen Melayu PAP terkekang berlipat kali ganda kerana kesukaran mereka untuk mengimbangi tuntutan bercanggahan sebagai ahli politik PAP, pemimpin kebangsaan, dan pemimpin Melayu. Pertalian antara kelemahan pengundi masyarakat Melayu, kelemahan Ahli Parlimen Melayu PAP untuk mewakili suara Melayu, serta pengekalan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu dihuraikan dalam bab ini. Percanggahan antara retorik PAP dan amalan berbilang kaum dalam arena politik juga akan disorot.

Dilema Pemimpin Etnik Minoriti

Ahli politik etnik minoriti, yang bergerak dari dalam parti politik arus perdana yang dikuasai oleh anggota masyarakat etnik dominan, selalu diletakkan dalam keadaan yang lemah membroker politik, mengimbang dan membuat kompromi terhadap tuntutan yang berbeza dan bertentangan antara parti dan pengundi etnik minoriti mereka. Bergerak dari dalam kerangka politik berbilang etnik, ahli politik etnik minoriti harus bijak supaya tidak kelihatan terlalu menumpukan perhatiannya kepada isu etnik atau kelihatan terlalu mudah sangat bertolak ansur dengan kuasa politik dominan (Rothchild, 1981: 142). Jika mereka kelihatan telah melakukan terlalu banyak kompromi, demi mendapatkan sokongan parti terhadap perjuangan program minoriti yang khusus, maka sokongan daripada pengundi etnik mereka pula akan merosot. Dicap sebagai 'Uncle Tom', kelemahan daya tarikan pengundi di kalangan masyarakat etnik melemahkan lagi pengaruh politik mereka, terutama apabila kehadiran politik mereka dalam parti tidak dianggap begitu penting.


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sebaliknya pula, jika mereka dianggap oleh masyarakat etnik majoriti sebagai wira perjuangan minoriti yang lantang, mereka berkemungkinan dicap sebagai pelampau etnik dan memberikan tumpuan kepada satu isu sahaja. Jika stigma ini kekal, mereka akan dianggap sebagai liabiliti pengundi dan politik, dan mungkin akan kehilangan pengaruh mereka di dalam parti. Genangan kerjaya politik, peletakan jawatan, atau penyingkiran ahli politik etnik minoriti yang lebih radikal dan militan daripada parti politik arus perdana lazimnya adalah akibat melampaui batas parameter politik yang dapat diterima untuk pemimpin etnik minoriti.

Sebagai ahli parti, pemimpin minoriti juga tertakluk pada falsafah politik dan arahan parti, walaupun manifestasi dasar awam bagi arahan tersebut mungkin tidak dapat ditanggapi oleh pengundi etnik mereka sebagai kepentingan jangka panjang masyarakat itu sendiri. Isu hangat masyarakat minoriti yang dikira sebagai terlalu sensitif untuk masyarakat yang lebih luas sering dirunding melalui jalan 'pintu belakang', tawar-menawar, dan bentuk perundingan lainnya yang tersembunyi daripada pengetahuan orang ramai. Pemimpin minoriti lazimnya sedar bahawa tuntutan pengundi etnik mereka tidak akan diterima dengan sepenuhnya dalam proses politik arus perdana. Namun demikian, mereka boleh memilih untuk bekerja dari dalam kerangka yang sedia ada, dengan meyakini bahawa mereka akan memperoleh beberapa konsesi daripada kerajaan dan akan memasukkan perspektif minoriti dalam proses membuat keputusan.

Pemimpin minoriti yang bekerja dalam parti politik arus perdana juga boleh memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa isu politik tertentu yang sensitif terus diketepikan dan dijadikan 'tanpa keputusan'. Ini dilicinkan lagi dengan mengeluarkan isu politik yang sensitif daripada agenda parti politik dan daripada arena membuat keputusan yang berkaitan. Contohnya, kedudukan istimewa peribumi Melayu di Singapura yang diiktiraf oleh Perlembagaan dan tanggungjawab kerajaan untuk membantu masyarakat itu ialah isu yang dijadikan 'tanpa keputusan', terutamanya pada tahun 1960-an dan 1970-an. Dench (1986: 138) merujuk pemimpin minoriti sebegitu sebagai 'pemimpin tawanan' yang sentiasa di bawah tekanan hebat untuk 'menunjukkan bahawa mereka bukannya aktivis isu tunggal...[namun]...dijangka akan menyuarakan sentimen pengundi masyarakat mereka...[tetapi]...tidak digalakkan memberi terlalu banyak tumpuan kepadanya kerana ini akan merosakkan pengundian parti'. Untuk memenuhi tugas bercanggah ini, pemimpin minoriti yang pada mulanya mempunyai niat yang baik mungkin mendapati diri mereka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sekadar 'tukang sorak' parti sahaja (ibid: 10) yang telah gagal menyuarakan dan mewakili aspirasi pengundi minoriti mereka.

Cara bagaimana seseorang pemimpin minoriti direkrut ke dalam penghidupan awam dan kekangan institusi ke atas tindak-tanduk mereka memberikan kesan mendalam terhadap bagaimana mereka mewakili kepentingan minoriti. Dworkin dan Dworkin (1976) menunjukkan bahawa pemimpin minoriti lazimnya diterima masuk ke dalam parti politik arus perdana kerana kemungkinan keuntungan politik dan undi yang dapat mereka berikan kepada parti, dan bukannya kerana keikhlasan untuk memperbaik perwakilan kepentingan minoriti. Dengan memilih lantik pemimpin teras minoriti yang sangat dihormati dan dinamik juga berguna untuk melemah dan mengendurkan tuntutan masyarakat minoriti. Berperanan sebagai 'penampan' antara masyarakat dominan dan masyarakat minoriti etnik, mereka membantu untuk mengelak potensi protes dan memberikan tanggapan bahawa masalah diskriminasi dan keciciran ekonomi diberikan keutamaan oleh parti politik (Werbner dan Anwar, 1991: 116). Kehadiran pemimpin minoriti juga memberikan parti politik arus perdana akan imej simbolik perwakilan etnik minoriti dan tanggapan awam bahawa mereka peka terhadap keresahan etnik minoriti. Dengan memenuhi sedikit tuntutan masyarakat minoriti, selalunya diiringi dengan keramaian serta publisiti yang meluas, parti politik itu dengan berkesan telah memberikan gambaran kepada masyarakat minoriti bahawa ia sanggup berkompromi kepentingannya yang lebih besar lagi, walaupun sebenarnya tidak terlalu banyak yang dilaksanakannya. Pencapaian beberapa konsesi oleh masyarakat minoriti mungkin juga berguna untuk mengendurkan kekecewaan masyarakat, dan bagi menggalakkan mereka cergas berpolitik.

Dalam masyarakat autoritarian, penguasaan ke atas etnik minoriti dan peneutralan pemimpin minoriti yang tidak berjaya dipilih lantik oleh parti politik dominan boleh dilakukan dengan menggunakan langkah paksaan. Ini termasuk memenjarakan tanpa perbicaraan pemimpin minoriti radikal dan melaksanakan mekanisme institusi yang bertindak melemahkan sumber politik masyarakat minoriti. Kuasa politik dan pilihan raya minoriti juga boleh dibendung dengan berkesan melalui proses gerimander atau persempadanan semula kawasan pilihan raya dan memencarkan kubu pendudukan minoriti bagi menjamin pihak minoriti tidak dapat sepakat mengumpulkan kuasa mereka untuk mengundi calon politik minoriti bebas ke jawatan awam. Langkah lain yang digunakan untuk meleraikan rasa tidak puas hati kaum minoriti dan untuk menghakis kuasa politik mereka termasuklah memanipulasi

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

maklumat melalui wahana seperti sistem pelajaran, media, dan menggalakkan perspektif ideologi tertentu untuk menerangkan masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh minoriti. Dengan menggalakkan perspektif ideologi sebagai idea ketandusan budaya, masyarakat minoriti yang dipinggirkan oleh masyarakat sering dipandang oleh orang awam bahawa masyarakat itu sendiri yang harus dipersalahkan kerana peminggiran itu. Sering juga digunakan taktik mencerca pertubuhan masyarakat dan pemimpin minoriti yang terkenal dan dihormati yang tidak mahu bertindak di dalam batasan yang ditentukan oleh parti politik arus perdana, dan yang secara terbuka mengkritik dasar kerajaan. Langkah itu digunakan untuk memastikan bahawa mereka tidak menjadi cabaran yang serius terhadap kewibawaan pemimpin minoriti yang dipilih lantik.

Cara berkesan untuk mengelirukan faktor struktur dan institusi yang menyumbang ke arah peminggiran sosioekonomi dan pendidikan masyarakat minoriti dipercepat dengan penggalakan inisiatif usaha sendiri etnik. Inisiatif usaha sendiri etnik sedemikian membantu membentuk satu kelas minoriti yang kecil tetapi ketara dilihat kerana mereka berpelajaran tinggi dan berjaya dalam bidang ekonomi (Wilson, 1989). Setelah menerima manfaat daripada sistem yang ada, mereka cenderung untuk menjunjung nilai politik dan sosial yang mencerminkan 'budaya tawar-menawar' (Girling, 1981: 4). Mereka juga ditonjolkan sebagai contoh hasil daripada falsafah meritokrasi yang mendakwa bahawa semua warganegara mempunyai peluang yang sama, maka tinggallah masyarakat terpinggir dengan pegangan bahawa mereka sendiri yang dipersalahkan di atas nasib mereka itu. Maka itu pergerakan militan minoriti berjaya dilemahkan dengan mempromosi kejayaan individu dan bukannya mobiliti kumpulan (Wenger, 1980: 69). Kewujudan kumpulan minoriti elit ini juga cenderung meluaskan jurang perpecahan sosial dan politik dalam masyarakat itu, lantas diikuti dengan kelemahan perpaduannya. Keadaan ini baik untuk masyarakat dominan kerana masyarakat etnik yang berpecah-belah lemah kuasa politiknya dan tidak membahayakan *status quo*.

Ramai penulis (Fanon, 1967; Dillingham, 1981; Rothchild, 1981) telah mendapati bahawa besar kemungkinan kewibawaan 'budaya tawar-menawar' akan terjejas apabila ada cukup ramai anggota minoriti etnik yang berpelajaran tinggi dan yang mengalami mobiliti sosial. Tapak sosial yang makin meluas akan menaikkan lagi semangat dan keyakinan masyarakat. Rangsangan psikologi ini sering berubah menjadi suara dan perwakilan yang lebih tegas dan lantang menyuarakan keresahan masyarakat oleh anggota masyarakat yang bertaraf sosial tinggi. Empati

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka terhadap orang yang masih terus dipinggirkan masyarakat mungkin dijana oleh perasaan agak ketinggalan yang mereka alami sendiri seperti 'siling kaca' dalam tenaga kerja. Kajian Dillingham (1981) ke atas kelas menengah Afrika Amerika menunjukkan bahawa kesedaran dan perpaduan etnik mereka membara apabila mereka tidak diterima sama rata oleh orang Amerika keturunan Eropah dari kelas yang sama, dan seterusnya mereka mengalami diskriminasi dalam tenaga kerja. Walaupun mereka telah mencapai tahap mobiliti sosial dan taraf profesional, mereka tidak dapat lari daripada diskriminasi kaum yang terpahat dalam masyarakat. Berbekalkan pengalaman pahit dan kekecewaan, ramai yang mengalami proses pempolitikan, muncul sebagai perwakilan radikal masyarakat etnik, dan mencabar pendekatan politik pemimpin etnik yang lebih bertolak ansur. Pengetahuan mereka tentang sistem politik, sumber material, rangkaian sosial dan politik dengan masyarakat yang lebih luas telah melengkapkan diri mereka untuk mencabar tanggapan ketaksamaan institusi dan ideologi yang mengesahkannya.

Maka salah satu ancaman terbesar pada parti politik arus perdana dan perwakilan minoriti yang dipilih lantik mungkin sebenarnya datang daripada orang yang telah mencapai mobiliti sosial, tetapi di dalam proses mobiliti sosial itu mereka telah menempuh diskriminasi dan peluang yang tidak sama. Kemunculan AMP dalam tahun 1990 ialah contoh pempolitikan orang Melayu yang bermobiliti ke atas. Pada tahun awal pembentukannya, AMP merupakan potensi cabaran kepada budaya tolak ansur dan tawar-menawar pemimpin Melayu yang dipilih lantik ke dalam kerajaan PAP.

Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Dalam Kerajaan PAP

Dalam tahun-tahun pergolakan politik sebelum Singapura menganggotai Malaysia pada tahun 1963, kerajaan PAP sangat asyik dengan kegiatan kempen dasar pemalayaan, yang bertujuan untuk menarik hati kerajaan Perikatan dominasi Melayu supaya menerima Singapura yang didominasi Cina ke dalam Persekutuan Malaysia. Setelah berjaya memilih lantik ramai orang Melayu ke dalam kepemimpinan PAP dan memberikan keutamaan kepada bahasa Melayu, pendidikan aliran Melayu, dan isu orang Melayu lain, maka imej PAP sebagai parti berbilang kaum semakin terserlah, dan bukan lagi imej sebuah parti Cina. Oleh sebab Singapura yang bebas politik dianggap sebagai 'usul

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bodoh dan tak masuk akal' (Lee Kuan Yew, cf. Drysdale, 1984: 249), maka penyatuan Singapura dengan Malaysia difikirkan sebagai cara yang paling munasabah untuk menjamin 'kelangsungan' pulau Singapura. Lebih penting lagi, dalam tahun-tahun yang tidak menentu sebelum dan semasa bergabung dalam Malaysia, pengaruh politik masyarakat Melayu Singapura bertambah kuat kerana keakraban mereka dengan masyarakat Melayu yang dominan politiknya di tanah Semenanjung. Di dalam dewan perundangan Singapura, jumlah perwakilan Melayu mencecah 20 peratus daripada jumlah Ahli Parlimen (Kassim Yang Razali, 1979: 14).

Perwakilan perundangan Melayu yang agak kuat (Jadual 6.1) semasa penyatuan dan pascapenyatuan dengan Malaysia juga boleh disabitkan kepada taraf bilangan majoriti Melayu dalam kawasan pilihan raya seperti di Kampung Kembangan, Geylang Serai, dan Southern Islands. Kawasan pilihan raya ini ialah kawasan yang secara tradisinya penempatan Melayu semenjak permulaan penjajahan British lagi.

JADUAL 6.1
Bilangan Perwakilan Ahli Parlimen Melayu di Parlimen, 1960-1991

Tahun	*Jumlah Ahli Parlimen*	*Jumlah Ahli Parlimen Melayu*	*% Ahli Parlimen Melayu*
1960	50	10	20.0
1963	50	8	16.0
1968	58	9	16.0
1974	64	8	13.0
1980	75	10	13.0
1984	79	9	11.3
1988	81	10	12.3
1991	81	8	9.8

Sumber: Kassim Yang Razali, 1979: 14; Hashimah Johari, 1984: 90; *ST*; 26 September 1988; *ST*, 22 Ogos 1991.

Sebagaimana dibincangkan dalam Bab 5, kubu kawasan pengundi Melayu ini dipecahbelahkan oleh kerajaan PAP melalui program penempatan semula bandar yang telah berjaya memencarkan masyarakat itu ke taman perumahan yang baru dimajukan di merata pulau Singapura. Menjelang pertengahan tahun 1970-an, program penempatan semula bandar secara sistematik telah merosotkan masyarakat Melayu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kepada taraf bilangan minoriti di semua kawasan pilihan raya dan melemahkan potensi pengundi masyarakat itu. Akibatnya, mereka juga tidak lagi penting kepada kehidupan politik dan undi PAP. Apabila orang Melayu jatuh ke taraf bilangan minoriti di semua kawasan pilihan raya, orang Cina sebaliknya naik ke taraf bilangan majoriti di semua kawasan pilihan raya, justeru meningkatkan lagi kuasa pengundi orang Cina.

Serentak dengan kemerosotan kuasa pengundi masyarakat Melayu, perwakilan perundangan Melayu jatuh ke tahap 13 peratus menjelang tahun 1974 (lihat Jadual 6.1). Pada peringkat jemaah menteri, perwakilan politik Melayu jatuh lebih teruk lagi. Jika sebelumnya ada seorang Menteri Kabinet Melayu/Islam dan dua orang Menteri Negeri hingga tahun 1984, tetapi menjelang tahun 1990 hanya tinggal seorang sahaja Menteri Kabinet Islam (Jadual 6.2).[1] Justeru, dengan kemerosotan kuasa pengundi Melayu akibat dasar penempatan semula bandar, maka perwakilan politik Melayu dalam kerajaan PAP pada tahap eksekutif dan perundangan kerajaan turut merosot. Sebaliknya perwakilan orang Cina dan orang India lebih tinggi nisbahnya daripada nisbah bilangan penduduk mereka di Singapura (lihat Jadual 6.2).

Kemerosotan tahap perwakilan politik Melayu dalam kerajaan PAP, yang paradoksnya ketika terdapat semakin ramai siswazah Melayu yang dipilih lantik ke dalam parti itu, telah menjadi punca kegelisahan masyarakat Melayu dan dibahaskan dengan hangatnya di forum utama masyarakat.[2] Dalam usaha membela kekurangan bilangan perwakilan Melayu di peringkat Kabinet, Perdana Menteri Goh Chok Tong (*ST*, 22 Julai 1991) mendakwa bahawa kerajaan PAP tidak mengamalkan peruntukan jawatan Kabinet menurut kuota kaum tetapi atas dasar merit sahaja. Ini memberi pengertian bahawa, selain Ahmad Mattar, tidak ada Ahli Parlimen Melayu yang berkaliber untuk menjadi menteri kabinet.[3] Tanpa mengira penjelasan Goh, kaitan antara kemerosotan bilangan perwakilan politik Melayu dan kuasa pengundi yang terhad akibat dasar seperti program penempatan semula bandar dan kuota perumahan etnik 1989 di taman perumahan awam adalah amat ketara.

Perlu diakui bahawa nisbah perwakilan Melayu yang tinggi di peringkat perundangan dan eksekutif tidak semestinya menjamin perwakilan yang berkesan. Malah, ada kemungkinan juga bahawa kepentingan masyarakat dapat diwakili dengan berkesan oleh segelintir perwakilan Melayu, malah bukan Melayu sekali pun, dalam kerajaan jika mereka dianggap oleh masyarakat sebagai wakil mereka yang berkesan. Boleh juga dihujahkan bahawa walaupun ada kekurangan, nisbah yang ada sekarang setakat ini telah dapat memberikan kestabilan



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

politik dan keyakinan perniagaan di Singapura yang diperlukan untuk meneruskan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Namun demikian, logik demokrasi dan berbilang kaum memerlukan supaya perwakilan politik dalam jawatan awam adalah mikrokosme sosial yang adil mencerminkan pelbagai unsur sosial dan masyarakat majmuk (Pitkin, 1967: 63). Sebagaimana yang dikatakan oleh Gunnar Sjoblom (1988: 197), 'semakin ketara sesebuah parti mencerminkan perwakilannya sebagai perwakilan pengundi, semakin tinggi tahap demokrasinya. "Badan perwakilan" (parlimen atau seumpamanya) harus secara idealnya merupakan gambaran para pemilih dari segi kepentingan, pandangan, dan tuntutan, dan taburan mereka; dengan cara itu pelbagai kepentingan dalam masyarakat mempunyai peluang untuk disuarakan, dibincangkan dan dinilai secara terbuka dalam proses penggubalan dasar awam.'

JADUAL 6.2
Perwakilan Etnik dalam Kerajaan, 1992

		Cina		*Melayu*		*India*	
	Jumlah Bilangan	*Bilangan*	*%*	*Bilangan*	*%*	*Bilangan*	*%*
Kabinet	14	11	79	1	7	2	14
Ahli Parlimen	82	66	81	10	12	6	7

Sumber: ST, 28 November 1990; *Petir*, beberapa isu.

Nisbah bilangan perwakilan Melayu yang terlalu rendah dalam kerajaan PAP sepanjang dua dekad yang lalu menjadi lebih ketara apabila tidak ada orang Melayu dalam portfolio sensitif dan kanan dalam Kabinet seperti Kementerian Pertahanan, Dalam Negeri, Luar Negeri, serta Perdagangan dan Industri. Allahyarham Ahmad Ibrahim memegang portfolio Menteri Kesihatan, Othman Wok bekas Menteri Hal Ehwal Sosial, dan Ahmad Mattar bekas Menteri Hal Ehwal Sosial, Alam Sekitar dan Hal Ehwal Islam sehingga beliau bersara pada bulan Jun 1993.[4] Ketika mengesahkan bahawa tidak mungkin orang Melayu menjawat kedudukan yang lebih kanan, Perdana Menteri Goh (cf. *ST*, 11 Jun 1991) berterus-terang menyatakan dalam satu temu ramah dengan *Asiaweek* bahawa besar kemungkinan orang Melayu tidak akan menjadi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

perdana menteri Singapura dalam tempoh terdekat ini.

Pemilihan bekas Timbalan Perdana Menteri Ong Teng Cheong sebagai presiden pertama yang dipilih dalam bulan Ogos 1993, dan presiden kelima Singapura, memperkuatkan lagi kecurigaan orang Melayu bahawa kedudukan politik masyarakat mereka adalah dalam keadaan yang malap di Singapura yang semakin di-Cinakan. Penggantian Ong sebagai presiden selepas dua penggal Wee Kim Wee menjadi Presiden, jelas menunjukkan bahawa kerajaan PAP telah tidak mempedulikan lagi persetujuan tersirat yang dibuat dalam zaman penyatuan dengan Malaysia, iaitu setiap kumpulan etnik akan bergilir-gilir memegang jawatan Ketua Negara.[5] Apabila jawatan Ketua Negara, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, dan Menteri Luar Negeri[6] sentiasa dipegang oleh anggota daripada masyarakat Cina yang dominan, maka sudah pasti etnik minoriti semakin terasa tahap peminggiran politik mereka.

Kemerosotan perwakilan Melayu dalam kerajaan PAP juga boleh disabitkan kepada kepercayaan kepemimpinan PAP bahawa pengundi dominan masyarakat Cina secara tradisinya mengundi mengikut garis perkauman, maka itu cenderung untuk menyokong calon Cina daripada calon Melayu atau calon etnik minoriti lainnya. Setiausaha Akhbar Lee Kuan Yew, James Fu, juga telah menggunakan dakwaan ini untuk membela usul GRC (*ST*, 4 Mac 1988). Fu menulis: 'Berkali-kali Ahli Parlimen Melayu, walaupun disokong oleh pertubuhan PAP, tidak kesampaian kepada orang Cina. Kemudian PM akan menerima permohonan meletakkan calon Cina untuk pilihan raya berikutnya. Maka itu beberapa orang Ahli Parlimen terpaksa dikeluarkan. Selalunya, Ahli Parlimen Melayu yang terlibat terpaksa digugurkan. Hakikatnya, walaupun sama, pengundi Cina mahukan Ahli Parlimen Cina dan bukannya Ahli Parlimen Melayu.' Namun, tidak ada bukti kukuh yang ditunjukkan oleh kepemimpinan PAP untuk menyokong pendapat bahawa Cina Singapura terlalu mengundi berdasarkan perkauman.

C.C. Tan, bekas pemimpin Parti Progresif (PP) yang menang dalam pilihan raya tahun 1948 dan 1951, telah menyangkal dakwaan kepemimpinan PAP akan sikap berat sebelah pengundian orang Cina dengan menyatakan bahawa kejayaan seseorang calon bukannya kuat ditentukan oleh kaum (*ST*, 11 Mac 1988). Ketua Menteri Singapura yang pertama, David Marshall,[7] telah dipilih secara popular walaupun beliau anggota salah satu masyarakat etnik yang paling kecil di Singapura. Tambah pula, kejayaan pilihan raya J. B. Jeyaratnam (Setiausaha Agung Parti Pekerja) dalam pilihan raya umum tahun 1981 dan 1984 menentang calon Cina PAP di kerusi Anson menimbulkan kesangsian terhadap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kewibawaan dakwaan kepemimpinan PAP bahawa pengundi Cina adalah 'pilih bulu'.

Sokongan hambar PAP terhadap rakan Melayu mereka apabila prestasi calon Melayu itu dipersoalkan oleh AMP[8] sebelum dan ketika kongres pelancaran dalam bulan Oktober 1990, memberi satu lagi peringatan akan kedudukan lemah Ahli Parlimen Melayu dalam kerajaan PAP. Bukannya untuk membantu Ahli Parlimen Melayu yang dikecam oleh AMP, sebaliknya AMP dipuji secara umum oleh anggota kepemimpinan PAP seperti Lee Kuan Yew sebagai satu 'perkembangan positif' (*ST*, 16 Julai 1990). Bertentangan dengan nasihat PAP supaya Ahli Parlimen Melayu tidak menyokong AMP (*ST*, 23 Ogos 1991), AMP kemudiannya bukan sahaja diberikan pengesahan oleh kepemimpinan PAP, malah juga diberikan bantuan kewangan untuk melaksanakan program kebajikannya (*ST*, 15 Februari 1991). Keghairahan kepemimpinan PAP untuk menjalin hubungan mesra dengan kepemimpinan AMP, menghalang mereka dari awal lagi daripada berhadapan dengan politik penentangan, dan maka itu mengekalkan strategi korporatis yang jelas kelihatan apabila mereka memberikan bantuan kewangan, walaupun program yang dijalankan itu menjadi saingan langsung kepada badan yang diwujudkan dan sangat rapat dengan Ahli Parlimen Melayu PAP, Mendaki.[9]

Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Sebagai Pemimpin Kebangsaan

Apabila orang Melayu menjadi bilangan minoriti di semua kawasan pilihan raya, Ahli Parlimen Melayu dipilih ke jawatan awam pada dasarnya adalah atas sokongan undi orang bukan Melayu. Pergantungan mereka kepada sokongan pengundi bukan Melayu membuatkan mereka terpaksa memaparkan profil awam sebagai pemimpin kebangsaan yang mewakili kepentingan kebangsaan. Namun demikian, tugas ini dibebankan pula oleh tanggungjawab tambahan, iaitu sebagai pemimpin masyarakat Melayu yang dijangka akan menangani dan menyelia isu yang secara langsung melibatkan orang Melayu. Maka itu, tidak seperti rakan Cina mereka, Ahli Parlimen Melayu tetap terus diberikan tugas yang melemahkan dan sering bercanggah dalam peranan mereka sebagai pemimpin kebangsaan dan pemimpin Melayu.[10]

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.3, ketiadaan kelompok perumahan Melayu bermakna keselamatan politik dan pilihan raya Ahli Parlimen Melayu sangat bergantung pada kewibawaannya sebagai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pemimpin kebangsaan untuk masyarakat yang lebih luas. Dengan mengambil kira realiti ini, isu khusus orang Melayu dan inisiatif usaha sendiri masyarakat tidak diberikan galakan yang sepatutnya demi mengelakkan distereotaip sebagai terlalu kemelayuan. Ahli Parlimen Melayu PAP Sidek Saniff (*ST*, 16 Ogos 1987) terus-terang mengaku bahawa jika mahu mendapatkan keyakinan dan sokongan daripada pengundi masyarakat majoriti, lebih penting untuk menonjolkan imej seorang pemimpin kebangsaan daripada imej pemimpin masyarakat etnik.[11] Sebaliknya, Ahli Parlimen Melayu PAP juga sedar bahawa jika mereka tidak dianggap oleh orang Melayu sebagai memperjuang dengan lantangnya kepentingan Melayu, kewibawaan mereka sebagai pemimpin Melayu akan terjejas.

JADUAL 6.3
Kawasan Pilihan Raya Yang Mempunyai Bilangan Pengundi Melayu Yang Terbanyak

Kawasan Pilihan Raya	*% Pengundi Melayu*
New Kaki Bukit	29.09
Kampung Kembangan	28.21
Changi	27.93
Jurong	27.44
Bedok	26.61
Kampung Ubi	26.21
Ayer Rajah	23.58
Pasir Panjang	22.00

Sumber: *ST*, 22 Januari 1988.

Ketika mengakui akan kesukaran tugas mengimbangi peranan yang selalunya bercanggah bagi Ahli Parlimen Melayu sebagai pemimpin kebangsaan dan pemimpin Melayu, Ahli Parlimen GRC (Marine Parade) Othman Haron Eusofe (*ST WOE*, 22 Julai 1995) menyatakan, 'kami seperti berjalan di atas api,... masyarakat (Melayu) mengharapkan kami lantang menyuarakan hak mereka. Namun orang lain mungkin tersalah faham dan mengatakan orang ini hanya menumpukan pada kepentingan kaum sahaja.'

Maka itu, Ahli Parlimen Melayu PAP yang telah menyuarakan dengan tegas kepentingan Melayu dengan pantas pula ditamatkan kerjaya politik

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka, atau tidak dapat meningkat dalam hierarki PAP. Peletakan jawatan Ahmad Halim (Ahli Parlimen Telok Belangah) dalam tahun 1977 menyemarakkan spekulasi bahawa kerjaya politiknya ditamatkan setelah beliau menyuarakan di dalam parlimen perkara politik yang sensitif, yang pada masa itu, adalah isu yang dianggap terlarang, iaitu berkenaan dasar kerajaan PAP mengehadkan pengambilan orang Melayu ke dalam program 'wajib' Khidmat Negara. Yang memalukan lagi kerajaan PAP, beliau menghujahkan bahawa dasar tutup pintu itu memberikan kesan yang buruk terhadap kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu.[12] Persaraan politik yang agak awal bagi Ahli Parlimen Melayu PAP yang pertama mempunyai ijazah pengajian tinggi, Shaari Tadin, dalam tahun 1980 juga menyemarakkan syak wasangka orang Melayu bahawa penglibatan aktifnya dalam pertubuhan masyarakat Melayu dan aktivitinya membantu mengendalikan seminar bersejarah tahun 1971 tentang 'Penglibatan Melayu Dalam Khidmat Negara', ketika kerajaan PAP mengambil pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap isu politik yang sensitif ini, mungkin telah menjadikan dirinya tidak serasi dengan kepemimpinan PAP. Kerjaya politiknya yang agak singkat mungkin juga akibat daripada persepsi pengundi kawasan bukan Melayunya bahawa beliau terlalu menumpukan pada isu Melayu dan maka itu mengabaikan tanggungjawabnya sebagai pemimpin kebangsaan. Dalam membela betapa perlunya GRC yang kononnya untuk menjamin perwakilan politik minoriti, Lee Kuan Yew (*ST*, 14 Februari 1988) menuding kepada Shaari Tadin sebagai contoh pemimpin Melayu PAP yang sukar mendapatkan sokongan pengundi bukan Melayu. Lee mendakwa kononnya kelemahan sokongan pengundi bukan Melayu kepada Shaari Tadin membuatkan PAP memindahkan beliau dari kawasan Chai Chee ke kawasan Bedok, iaitu terdapat lebih ramai penduduk Melayu di situ (ibid.).

Kerjaya politik Ahmad Halim dan Shaari Tadin yang singkat dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai contoh korban kelantangan politik Ahli Parlimen Melayu PAP yang cuba menangani secara langsung hal ehwal masyarakat yang sensitif dari segi politik, tetapi dengan berbuat demikian telah menimbulkan kemarahan kepemimpinan PAP dan melemahkan kedudukan mereka sebagai pemimpin kebangsaan. Berbeza daripada Ahmad Halim dan Shaari Tadin, Ahli Parlimen Melayu PAP yang berjaya menaiki hierarki parti dan berkhidmat lama dalam jawatan awam, pada amnya mereka ini telah mengelakkan diri daripada membuat sebarang kenyataan umum tentang isu politik yang sensitif seperti dasar kerajaan menutup peluang orang Melayu menyertai SAF. Mereka juga bertindak untuk meredakan suara ketidakpuasan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu terutama apabila bertentangan dengan orientasi umum kepercayaan falsafah kepemimpinan PAP. Oleh sebab tidak ingin mengasingkan pengundi bukan Melayu dan menerima layanan sebagaimana Ahli Parlimen Melayu yang telah 'digugurkan', mereka dengan mudah mengambil pendekatan penyesuaian dan tambahan apabila mewakili keresahan masyarakat Melayu kepada kepemimpinan PAP dan kepada masyarakat umum.

Walaupun berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pengaruh mereka di peringkat kebangsaan, kewibawaan Ahli Parlimen Melayu PAP sebagai pemimpin kebangsaan ironisnya dipandang rendah oleh kepemimpinan PAP dalam perbahasan GRC 1987. Ketika mengemukakan usul GRC khususnya sebagai cara untuk menjamin kesinambungan perwakilan etnik minoriti, Lee Kuan Yew mendakwa tanpa bukti yang kukuh, bahawa dalam dua pilihan raya yang terdahulu, rakyat Singapura mengundi Ahli Parlimen yang paling layak termasuk, antaranya, berkebolehan bertutur dialek Cina atau bahasa Mandarin.[13] Oleh sebab corak pengundian perkauman yang dikatakan ini, Lee (*ST*, 17 Ogos 1987) mendakwa bahawa 'calon Melayu akan mendapati sukar' untuk meraih sokongan undi daripada pengundi Cina. Prestasi Sidek Saniff yang agak buruk dalam pilihan raya 1984, yang mendapat hanya 57.9 peratus daripada jumlah undi[14] di kawasan pilihan raya Kolam Ayer yang terdapat ramai pengundi daripada golongan pekerja, disebut sebagai contoh kelemahan tarikan calon Melayu (*ST*, 30 Januari 1984).

Apabila diperiksa dengan teliti, dakwaan Lee itu tidaklah begitu meyakinkan terutama apabila prestasi buruk undi pilihan raya Sidek dibandingkan dengan prestasi keseluruhan PAP dalam pilihan raya itu. Contohnya, prestasi yang agak buruk buat Sidek dalam pilihan raya 1984 tidaklah unik dan pada umumnya bersamaan dengan peratus undi yang diterima oleh lima belas Ahli Parlimen lainnya, kebanyakannya calon bukan Melayu, yang menghadapi calon pembangkang yang kuat daripada Parti Pekerja. Publisiti yang sedikit juga dikaitkan, dan dari segi peratus, Sidek Saniff menerima undi yang jauh lebih banyak daripada lima orang rakan Cinanya dalam pilihan raya 1984 (*ST*, 31 Januari 1983).[15]

Dakwaan yang dibuat oleh Lee Kuan Yew dan pemimpin PAP yang lain tentang kelemahan tarikan rakan Melayu mereka untuk meraih undi telah menyumbang ke arah kemerosotan kewibawaan politik dan keterampilan Ahli Parlimen Melayu sebagai pemimpin kebangsaan kepada pengundi bukan Melayu. Dakwaan sebegitu menyemarakkan tanggapan awam bahawa Ahli Parlimen Melayu hanya selamat dipilih untuk memenangi kerusi pilihan raya melalui sokongan rakan bukan


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu mereka. Dengan terlaksananya sistem GRC dalam tahun 1988, Ahli Parlimen PAP dipandang umum sebagai telah dipilih untuk memenangi kerusi mereka hanya kerana kekuatan bersesama ahli pasukan GRC mereka. Dengan mengecualikan semua Ahli Parlimen Melayu PAP daripada bertanding dalam kawasan calon tunggal bukan GRC dalam pilihan raya 1988 dan 1991, dan dengan itu menolak kemungkinan beberapa orang Ahli Parlimen Melayu PAP menang atas kewibawaan diri mereka sendiri, justeru kepemimpinan PAP mungkin telah menukarkan dakwaan bahawa calon Melayu mempunyai tarikan pengundi yang lemah sebagai ramalan penyempurnaan diri.

Yang paling ketara adalah bahawa rasional perwakilan GRC bercanggah dengan falsafah politik PAP yang memperjuangkan ideal meritokrasi. Ketaktekalan falsafah ini telah diketengahkan oleh ahli politik pembangkang seperti Chiam See Tong (*ST*, 30 Ogos 1991) yang berhujah bahawa sistem GRC, bukan memperjuangkan berbilang kaum dalam politik, malah sebenarnya menginstitusikan politik perkauman.[16]

Pemimpin Melayu PAP maka dengan itu berhadapan dengan tugas yang melemahkan, iaitu yang paling utama mereka perlu menyerlahkan diri mereka sebagai pemimpin kebangsaan dalam masyarakat majmuk, diharapkan akan aktif memimpin dan mewakili keresahan Melayu. Namun, ini dilakukan bukan melalui inisiatif dan program menyeluruh berbilang kaum, sebaliknya melalui inisiatif berasaskan etnik yang eksklusif seperti Mendaki. Pendekatan kebajikan berasaskan etnik ini, berserta dengan tuduhan oleh rakan bukan Melayu mereka bahawa mereka mempunyai tarikan pengundi yang lemah dan kedudukan rendah dalam hierarki PAP, akhirnya menjejaskan kaliber mereka sebagai pemimpin kebangsaan di kalangan pengundi kawasan bukan Melayu. Penonjolan Ahli Parlimen PAP sebagai pemimpin pertubuhan teras orang Melayu, sebelum mereka dipilih lantik ke dalam PAP, telah menokok tanggapan pengundi bukan Melayu bahawa mereka adalah pemimpin Melayu dan bukannya pemimpin kebangsaan. Tanggapan ini diperkuatkan lagi apabila terdapat kecenderungan ramai Ahli Parlimen Melayu menyuarakan isu orang Melayu di parlimen dan membuat ucapan parlimen mereka dalam bahasa Melayu, tidak dalam bahasa Inggeris yang lebih berkecuali dari segi politik.

Kelemahan Kedudukan Ahli Parlimen Melayu PAP Sebagai Pemimpin Melayu

Pemimpin minoriti perlu mendapatkan sokongan kuat daripada pengundi etnik mereka jika mereka mahukan sumber politik untuk

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tawar-menawar dengan berkesan bagi pihak etnik mereka. Untuk memupuk hubungan keyakinan dan kepercayaan, pemimpin etnik mesti dianggap oleh pengundi etniknya sebagai tidak terlalu berkompromi sehingga seolah-olah 'menggadai' masyarakat sendiri.

Memang diakui umum bahawa Ahli Parlimen Melayu PAP pada keseluruhannya mendapat sokongan yang lemah daripada masyarakat Melayu. Seterusnya, kemerosotan sokongan masyarakat melemahkan lagi kuasa tawar-menawar politik dan kedudukan membroker mereka dalam kerajaan PAP. Dilema ini diakui secara terbuka oleh Perdana Menteri Goh (*BT*, 8 Februari 1991) dalam satu jamuan makan malam yang dianjurkan oleh pertubuhan masyarakat Melayu dalam bulan Februari 1991. Goh mengambil kesempatan itu untuk mendesak lebih banyak sokongan masyarakat diberikan kepada Ahli Parlimen Melayu supaya kuasa politik mereka dalam PAP meningkat. Nasihat Goh (ibid.) seterusnya, 'Jika pemimpin Melayu yang menyertai kerajaan dan kemudian hilang pengaruh mereka di kalangan orang Melayu, maka pengaruh mereka turut hilang dalam kerajaan ... lebih banyak sokongan yang diperoleh Ahli Parlimen Melayu daripada masyarakat mereka, lebih banyak pengaruh yang mereka peroleh daripada kepemimpinan parti, ... dengan syarat mereka juga mesti mendapatkan sokongan daripada pengundi bukan Melayu.' Mesej yang sama ditegaskan semula dalam perutusan Hari Raya 1991 beberapa bulan kemudiannya, Goh (*ST*, 16 April 1991) menggesa orang Melayu untuk memberikan sokongan yang lebih padu kepada Ahli Parlimen Melayu PAP jika mereka mahu masyarakat Melayu semakin maju.

Mengapakah Ahli Parlimen Melayu PAP menerima sokongan yang hambar daripada pengundi etnik mereka sendiri? Analisis tentang politik menyesuaikan diri, dominasi korporatis jawatan kepemimpinan dalam pertubuhan teras Melayu, pengurusan isu dan peristiwa kontroversi, sikap kerajaan PAP yang 'bersyarat' terhadap orang Melayu, dasar diskriminasi terhadap orang Melayu dalam SAF, 'sindrom pengasingan' PAP dan 'fobia Melayu', dan kemunculan kelas menengah Melayu yang semakin kritis akan dibuat untuk menerangkan persepsi masyarakat Melayu terhadap Ahli Parlimen Melayu PAP, apakah pendirian mereka, dan kepentingan siapakah sebenarnya yang mereka wakili.

Politik Penyesuaian

Bunce (1981: 26) telah memerhatikan bahawa politik penyesuaian sering digunakan oleh ahli politik arus perdana hasil daripada 'proses sosialisasi yang menekankan kompromi dan menyanjung manfaat membuat sedikit

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

perubahan di pinggiran'. Gaya berpolitik ini juga adalah ciri dalam masyarakat yang didominasi oleh masyarakat etnik tertentu. Contohnya, para pemimpin Afrika Amerika yang 'sederhana' dalam era sebelum hak sivil Amerika Syarikat, mereka mengamalkan jenis politik ini dengan mempercayai bahawa sumber politik masyarakat minoriti yang lemah menuntut supaya mereka perlu banyak berkompromi demi mendapatkan beberapa pemberian (ibid.).

Proses tawar-menawar, membroker, dan berkompromi oleh Ahli Parlimen Melayu PAP telah dirujuk sebagai 'Politik Penyesuaian' (*ST*, 5 April 1988). Gaya politik ini berlandaskan pada kesedaran bahawa sumber politik masyarakat yang lemah berpunca daripada kuasa pengundi yang terhad. Lagipun, pendekatan penyesuaian ini dikira pragmatik jika diambil kira orientasi politik dan ideologi kepemimpinan PAP. Dalam satu temu bual Tinjuan[17] (*ST*, 5 April 1988), Ahli Parlimen Melayu PAP Zulkifli Mohammed (Ahli Parlimen GRC Eunos, Setiausaha Politik Kementerian Pembangunan Masyarakat), Sidek Saniff (Ahli Parlimen Kolam Ayer, Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran ketika itu), dan Yatiman Yusof (Ahli Parlimen GRC Kampung Kembangan, Setiausaha Politik Kementerian Luar Negeri) secara bersesama mengakui menerapkan politik penyesuaian sebagai pendekatan politik yang paling praktikal dan berkesan bagi mewakili kepentingan Melayu.

Jenis berpolitik begini dirasionalkan sebagai telah berjaya 'memenangi beberapa pertempuran' dan mendapatkan beberapa pemberian daripada tidak mendapat apa-apa langsung. Ahli Parlimen PAP Sidek Saniff (*ST*, 3 Januari 1988) sering menjelaskan logiknya secara begini: 'Memang kami tidak mendapat seratus peratus tuntutan kami, tetapi mendapatkan 50 peratus daripadanya lebih baik daripada tidak mendapat apa-apa.' Walaupun Ahli Parlimen Melayu PAP membuat penilaian kendiri yang positif terhadap gaya politik tawar-menawar dan penyesuaian ini,[18] namun ramai orang dalam masyarakat yang memandang sinis keberkesanannya. Dengan menyuarakan nada sinis ini, bekas pengerusi AMP Hussin Mutalib (*ST*, 31 Oktober 1988) membuat pemerhatian: 'Saya fikir persepsi orang Melayu tidak memadai, jika bukan ketakberkesanan Ahli Parlimen Melayu mewakili kepentingan mereka ... Dalam politik, sekadar mengatakan, "ya, kami telah banyak melakukan kerja di sebalik tabir" tidak begitu meyakinkan rakyat.'

Tanpa menghiraukan kelemahan sokongan daripada masyarakat mereka, Ahli Parlimen Melayu PAP amat yakin kebenaran pendek[illegible] politik mereka dan nilai mewakili kepentingan Melayu di dalam kerar[illegible]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

falsafah politik parti. Sebagai merasionalkan sokongan hambar daripada masyarakat, Ahli Parlimen PAP Yatiman Yusof (*ST*, 31 Oktober 1988) menyatakan: 'Pemimpin politik Melayu yang bergerak di dalam sistem ini sukar untuk mendapatkan sokongan seluruh masyarakat...dalam sejarah tidak ada minoriti, yang bekerjasama dengan majoriti, yang boleh mendapat sokongan penuh daripada minoriti. Itulah perkiraan asas,... untuk menjangkakan sokongan lebih 70 peratus daripada orang Melayu terhadap parti pemerintah tidaklah munasabah.' Sikap 'saya lebih tahu apa yang terbaik' Ahli Parlimen Melayu PAP mudah difahami jika ia diletakkan dalam konteks gaya penguasaan kepemimpinan PAP yang tidak ragu-ragu melanggar kehendak awam untuk melaksanakan dasar yang tidak popular jika ia percaya dasar yang tidak popular itu adalah untuk kepentingan jangka panjang negara.

Satu manifestasi tidak popular yang khusus dalam politik penyesuaian Ahli Parlimen Melayu PAP ialah perbincangan 'di belakang tabir' isu politik yang sensitif dan berpotensi kontroversial. Dari segi teorinya, cara membuat keputusan begini bertentangan dengan semangat kebertanggungjawaban demokrasi yang pada umumnya menuntut orang yang berkuasa mesti bertanggungjawab dan orang yang bertanggungjawab harus mempunyai kuasa (Sjoblom, 1988: 189). Ini juga melanggar prinsip demokrasi yang menuntut perwakilan politik bertanggungjawab terhadap pengundinya dan menetapkan bahawa pengundi politik mempunyai kuasa ke atas agenda politik (Pitkin, 1967: 232). Cara membuat keputusan secara tersembunyi ini juga membuatkan masyarakat jahil terhadap proses tawar-menawar dan membuat keputusan itu. Pemberian hasil daripada cara membuat keputusan begini mungkin tidak begitu berkesan dari segi pelaksanaan dasar kerana tiada mesyuarah dan sokongan kuat masyarakat. Contoh pembatasan yang timbul daripada cara membuat keputusan begini ialah kesukaran untuk menubuhkan Mendaki 2 pada tahun 1989 selepas 'usul' Goh Chok Tong yang dibuat dalam ucapan pelancarannya supaya Mendaki dibiayai sebahagiannya oleh yuran universiti yang dibayar oleh mahasiswa Melayu. 'Usul' Goh itu sangat tidak popular di kalangan masyarakat Melayu kerana ini bermakna bahawa dasar pelajaran universiti percuma bagi orang Melayu akan ditamatkan. Walaupun masyarakat membantah dengan keras 'usul' itu, ia disokong hebat oleh Ahli Parlimen Melayu PAP dan akhirnya diterima pakai.

Masyarakat Melayu semakin sedar bahawa ketika 'usul' itu mula-mula diutarakan, ia merupakan *fait accompli* persetujuan tawar-menawar Ahli Parlimen Melayu PAP yang telah termateri 'di belakang tabir' demi mendapatkan sokongan kepemimpinan PAP bagi Mendaki 2 yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ditubuhkan semula dan diperbesar. Pernyataan kemarahan sikap tidak mengambil kira sentimen masyarakat dan 'bersandiwara' Ahli Parlimen Melayu PAP telah dibuat dalam upacara pelancaran kongres PPM dalam tahun 1990 supaya Mendaki 2 lebih bertanggungjawab dan lebih banyak menerima penyertaan masyarakat dalam proses membuat keputusan (NCSMMP, 1990). Untuk memastikan supaya Mendaki 2 bebas dan tidak dimanipulasikan oleh ahli politik yang mempunyai agenda politik tersembunyi, pemimpin AMP mencadangkan supaya Ahli Parlimen Melayu PAP dan ahli politik lain dilarang memegang sebarang jawatan eksekutif dalam pertubuhan itu.

Gaya pembatasan dalaman dan potensi buruk tawar-menawar berahsia begini telah diakui oleh bekas Ahli Parlimen Melayu PAP (Pasir Panjang) Major Abbas Abu Amin (*ST*, 9 April 1987). Beliau mengakui bahawa Ahli Parlimen Melayu telah bertahun-tahun lamanya mendesak kerajaan tetapi tidak berjaya untuk mengubah dasar tutup pintunya terhadap orang Melayu daripada memegang jawatan sensitif dalam SAF, dan oleh sebab lobi ini dilakukan 'di belakang tabir', maka masyarakat Melayu tidak begitu sedar dan tidak dapat menghayati usaha gigih yang mereka lakukan. Namun, dapat juga dihujahkan bahawa kegagalan berkali-kali Ahli Parlimen Melayu berhubung isu diskriminasi dalam SAF sememangnya telah diketahui umum. Kedudukan kuasa tawar-menawar mereka yang lemah daripada kepemimpinan PAP akan bertambah menyerlah dan akan lebih menghakiskan lagi kewibawaan mereka. Justeru, pendekatan sama ada terbuka dan rahsia, kedua-duanya menjadi dilema Ahli Parlimen Melayu PAP.

Kemarahan masyarakat terhadap kerajaan PAP kerana memaksa Ahli Parlimen Melayu bergerak dalam lingkungan politik berahsia dan terpaksa membuat persetujuan sekadar untuk mendapatkan bantuan memperbaik kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat, lebih dimengertikan jika ia dikaitkan dengan tanggungjawab perlembagaan kerajaan PAP. Mereka amat sedar tanggungjawab kerajaan untuk melindungi kesejahteraan masyarakat peribumi, khususnya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 152 Perlembagaan Singapura. Hakikat bahawa Ahli Parlimen Melayu terpaksa bertawar-menawar, berkompromi, membroker dan melakukan tawar-menawar 'di belakang tabir' walaupun ada Seksyen 152 dipandang sebagai contoh yang jelas pengabaian tanggungjawab perlembagaan kerajaan PAP terhadap masyarakat Melayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Mendapatkan Kedudukan Kepemimpinan Dalam Pertubuhan Masyarakat

Sokongan yang lemah daripada masyarakat merupakan fenomena yang sentiasa menghantui Melayu PAP semenjak parti itu mula diwujudkan. Walaupun mempunyai kelayakan politik dan perjuangan antipenjajah yang cemerlang, 'orang lama' Ahli Parlimen Melayu PAP seperti Othman Wok, Ya'acob Mohammed, dan Rahim Ishak[19] terpaksa menerima sahaja akan tanggapan tidak percaya masyarakat Melayu terhadap PAP yang pada keseluruhannya adalah sebuah parti kaum Cina,[20] yang telah mempersoalkan taraf dan hak peribumi orang Melayu semasa tempoh penyatuan dengan Malaysia yang bergelora itu. Dalam tahun pascamerdeka, Ahli Parlimen Melayu PAP sering dimarahi kerana mereka dianggap tidak lebih sebagai alat pemerintah (ejen kerajaan) bagi kerajaan PAP Cina. Bekas Menteri Kabinet Othman Wok (Petir, Mei 1981: 44) dengan jujur mengaku: 'Kami ditolak oleh masyarakat Melayu di Singapura ... dicap sebagai pengkhianat Melayu dan tidak mendapat sambutan hangat daripada orang Melayu...Walaupun terdapat ahli parti yang setia kepada PAP, namun bilangan mereka hanya segelintir sahaja.'

Keterampilan 'orang lama' Ahli Parlimen Melayu PAP disukarkan lagi kerana tidak ada program bersepadu ke arah menangani peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Ketiadaan sebarang rancangan tindakan pembetulan boleh disabitkan kepada kepercayaan mereka bahawa kerangka politik dan sosial dasar berbilang kaum dan meritokrasi kerajaan PAP, berserta dengan dasar pelajaran percuma untuk pelajar Melayu, akan memperbaik kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat itu (*Petir*, Mei, 1981: 44). Namun demikian, walaupun mempunyai sokongan kecil daripada masyarakat Melayu, ketiadaan program usaha sendiri masyarakat yang terkemuka serta pemilihan mereka ke jawatan awam tanpa sistem GRC, mungkin telah memperkasa kewibawaan mereka sebagai pemimpin kebangsaan.

Kelemahan pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap peminggiran Melayu didedahkan dalam Banci 1980 yang jelas menunjukkan betapa teruknya keadaan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Akibat kejutan penemuan banci itu, 'orang lama' Ahli Parlimen Melayu PAP lebih menyedari kepentingan mencegah masyarakat Melayu daripada menjunam jatuh lebih jauh lagi ke dalam jurang sosioekonomi dan pelajaran. Mereka sedar betapa pentingnya untuk memperbaik asas sokongan daripada dalam masyarakat mereka, maka itu akan mengukuhkan pula pengaruh mereka dalam PAP.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Keperluan untuk mengintegrasikan lagi masyarakat Melayu ke dalam masyarakat arus perdana dan merapatkan lagi hubungan Singapura dengan negara Melayu serantau juga diambil kira.

Untuk mengeratkan lagi hubungan dengan rakyat Melayu, banyak usaha dibuat ke arah mewujudkan hubungan dengan pertubuhan masyarakat secara memilih lantik beberapa orang pemimpin utamanya ke dalam kerajaan PAP. Sidek Saniff (bekas Presiden KGMS dipilih lantik ke dalam PAP pada tahun 1976), Wan Hussein Zoohri (bekas Presiden KGMS dipilih lantik dalam tahun 1982), Yatiman Yusof (bekas Presiden KGMS dipilih lantik dalam tahun 1984), Zulkifli Mohammed (Presiden Majlis Pusat dipilih lantik dalam tahun 1984), Mohd Maidin Packer (aktivis Taman Bacaan dipilih lantik pada tahun 1991), dan Zainul Abidin Rasheed (bekas CEO Mendaki dipilih lantik pada tahun 1996) adalah antara aktivis utama yang dipilih lantik ke dalam kerajaan PAP. Khususnya dengan pemilihan semula Zulkifli Mohammed sebagai Presiden Majlis Pusat dalam tahun 1984, walaupun beliau telah memenangi pilihan raya sebagai Ahli Parlimen PAP dalam tahun itu, jelas menandakan kemunculan hubungan gaya korporatis antara pertubuhan teras masyarakat Melayu, Ahli Parlimen Melayu PAP, dan kerajaan PAP.[21] Kedudukan tinggi yang disandang oleh Ahli Parlimen Melayu dalam pertubuhan utama masyarakat telah membantu menjadikan masyarakat sebagai pertubuhan berkecuali apabila dasar kerajaan yang tidak popular dicadangkan dan seterusnya dilaksanakan. Sikap akur yang ditunjukkan oleh pertubuhan yang didominasi oleh PAP seperti Mendaki, Majlis Pusat, dan Taman Bacaan ketika tercetus kontroversi perbahasan pelajaran tinggi tahun 1989, menggambarkan keberkesanan hubungan korporatis bagi kerajaan PAP.

Walau bagaimanapun, manfaat jangka pendek yang diperoleh daripada pendekatan korporatis mungkin, seperti serampang dua mata, membawa akibat yang negatif pada jangka masa panjang terutama apabila masyarakat terbabit semakin sedar akan potensi konflik kepentingan yang dihadapi oleh pertubuhan masyarakat yang dipimpin oleh Ahli Parlimen PAP dan penyokong mereka. Kemarahan masyarakat terhadap isu konflik kepentingan dan pempolitikan pertubuhan masyarakat telah acapkali disuarakan dalam forum Majlis Pusat dan pelancaran Kongres AMP tahun 1990 (NCSMMP, 1990: 21). Jawatan pemimpin dalam pertubuhan teras masyarakat yang dipegang oleh Ahli Parlimen Melayu menyumbang ke arah keretakan antara yang mementingkan pertubuhan masyarakat untuk mengekalkan kebebasannya dengan yang pragmatik menerima faedah politik dan kewangan meletakkan Ahli Parlimen Melayu PAP sebagai pemimpin.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Yang menyokong pertubuhan masyarakat harus berautonomi cenderung memandang Ahli Parlimen Melayu PAP sebagai 'perangkap' PAP yang agenda politiknya termasuklah untuk meneutralkan dan melemahkan pertubuhan berasaskan masyarakat supaya menjadi 'harimau tidak bertaring' yang tidak berjaya menggembleng kekuatan kolektif masyarakat atau melancarkan cabaran yang mantap menentang dasar kerajaan. Persepsi ini dihangatkan lagi berikutan penghayatan kecenderungan Kerajaan PAP untuk mengekalkan hubungan korporatis dengan sektor lain dalam masyarakat seperti pergerakan kesatuan sekerja,[22] PA, CCC, dan RC. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, sikap akur yang digunakan oleh pertubuhan seperti Majlis Pusat, Taman Bacaan,[23] dan Mendaki,[24] terhadap 'usul' 1989 Perdana Menteri Goh Chok Tong untuk menamatkan pelajaran percuma peringkat universiti kepada pelajar Melayu, walaupun dengan terang-terangan tidak disenangi oleh masyarakat, itu diterima sebagai contoh tipikal tindak balas struktur masyarakat korporatis. Hubungan korporatis nampak menonjol sekali dalam pilihan raya Ogos 1991 apabila enam belas pertubuhan teras Melayu yang diketuai oleh Ahli Parlimen PAP dan penyokong mereka, mengambil langkah yang tidak pernah berlaku, iaitu menyokong PAP secara terbuka dan menerima jenama kepemimpinan Goh (*ST*, 24 Ogos 1991). Sokongan tiga belas pertubuhan masyarakat Melayu (*ST*, 28 Ogos 1993) terhadap pencalonan Ong Teng Cheong dalam pilihan raya presiden Ogos 1993 juga merupakan contoh pempolitikan pertubuhan masyarakat.

Banyak peletakan jawatan dan penyingkiran aktivis masyarakat yang dihormati daripada pertubuhan seperti Majlis Pusat dan badan yang bergabung dengannya, setelah mereka mengkritik dasar PAP dan mempersoalkan kesesuaian Ahli Parlimen Melayu PAP memegang jawatan kepemimpinan dalam pertubuhan itu, telah menjejaskan lagi kewibawaan Ahli Parlimen Melayu PAP, dan juga melemahkan lagi sokongan masyarakat terhadap pertubuhan masyarakat yang terlibat.[25] Kehadiran Ahli Parlimen Melayu dalam kepemimpinan pertubuhan masyarakat memberi kesan yang tidak menggalakkan untuk ramai anggota masyarakat melibatkan diri secara aktif dalam pertubuhan teras (NCSMMP, 1990: 21; *ST*, 22 Jun 1991). Pelbagai cabaran dan penentangan terhadap ciri korporatis pertubuhan masyarakat mendedahkan sifat kelemahan asasnya.

Strategi pilih lantik PAP dan hubungan korporatis dengan pertubuhan teras Melayu/Islam menghadapi pelbagai kesukaran. Ini mencacatkan kebolehan Ahli Parlimen Melayu PAP dan penyokong mereka dalam pertubuhan masyarakat untuk mewakili dan menyuarakan keresahan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan aspirasi masyarakat Melayu dengan tepatnya. Akibatnya, yang menjadi mangsa ialah kewibawaan Ahli Parlimen Melayu PAP sebagai pemimpin masyarakat dan juga pertubuhan yang didominasi oleh PAP Melayu itu.

Keutamaan Ahli Parlimen Melayu yang Mempunyai Daya Penarik Kebangsaan

Inisiatif korporatis ke arah mempererat hubungan antara Ahli Parlimen Melayu PAP dan masyarakat dilemahkan lagi apabila Ahli Parlimen Melayu yang tidak ada pengalaman dan sokongan masyarakat dilantik menjadi Menteri Kabinet. Contohnya, Ahmad Mattar (bekas Menteri Alam Sekitar) dan Abdullah Tarmugi (Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Melayu/Islam) tidak pernah aktif melibatkan diri dalam pertubuhan teras masyarakat sebelum mereka dipilih lantik ke dalam PAP.[26] Tanpa pengalaman memperjuangkan dengan tegas kepentingan Melayu di tahap teras, mereka kelihatan lebih selesa bergerak dalam parameter politik yang dapat diterima oleh kepemimpinan PAP apabila melobi kepentingan Melayu. Gaya politik mereka pada umumnya melengkapkan kepemimpinan teknokrat berpendidikan Inggeris kerajaan PAP.

Kenaikan politik yang mendadak Abdullah Tarmugi[27] dalam tahun 1980-an adalah contoh keutamaan yang diberikan oleh kepemimpinan PAP kepada ahli politik Melayu yang berpendidikan Inggeris dengan kemahiran teknokrat serta mempunyai daya penarik kebangsaan walaupun mereka itu mempunyai pengalaman teras masyarakat yang terhad. Pelantikan Tarmugi sebagai timbalan speaker Parlimen, pengerusi Jawatankuasa Parlimen Kerajaan mengenai pembangunan masyarakat, pengerusi Biro Ehwal Melayu dalam tahun 1991, ditambah pula fasih berbahasa Inggeris, memiliki kelayakan akademik yang cemerlang, serta seorang anggota Lembaga Pengarah Mendaki, telah menyemarakkan spekulasi masyarakat bahawa beliau sedang dilatih untuk mengambil alih tempat Mattar. Berikutnya apabila Tarmugi dinaikkan ke jawatan Menteri Alam Sekeliling dan Hal Ehwal Melayu/Islam, setelah Mattar meletakkan jawatan pada bulan Julai 1993, telah mengesahkan lagi keutamaan teknokrat kepemimpinan PAP. Seperti juga pemimpin sebelumnya, asas sokongan hambar masyarakat terhadap Tarmugi bermakna beliau akan terus mengalami kesukaran untuk menggembleng sokongan teras, terutama apabila beliau mempromosi dasar kerajaan yang tidak popular. Akhirnya, keberkesanannya adalah bergantung pada kebijaksanaannya menyuarakan kepentingan Melayu, mengatasi syak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

wasangka masyarakat bahawa beliau hanyalah alat pemerintah PAP, dan mengimbangi secara kreatif kelemahan peranan sebagai pemimpin Melayu, pemimpin kebangsaan, dan pemimpin PAP.

Keutamaan yang diberikan oleh kepemimpinan PAP kepada Menteri Kabinet Melayu teknokrat yang mempunyai daya penarik kebangsaan yang kuat menjelaskan kemalapan kerjaya politik Ahli Parlimen Melayu seperti arwah Ya'acob Mohammed, yang mempunyai hubungan rapat dengan teras sebelum dan selepas dipilih lantik ke dalam PAP (daripada parti Melayu UMNO). Beliau bersara bukannya sebagai seorang Menteri Kabinet tetapi sebagai seorang menteri negeri (di pejabat Perdana Menteri). Begitu juga, Sidek Saniff yang mempunyai hubungan kuat dengan pertubuhan teras tidak dapat membantu beliau untuk menaiki tangga hierarki parti. Selepas lima belas tahun memegang jawatan Setiausaha Politik dan Setiausaha Parlimen, akhirnya beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam tahun 1991, itu pun setelah tuntutan bertalu-talu daripada masyarakat yang mahukan lebih ramai perwakilan Melayu di peringkat menteri. Ahli Parlimen Melayu lain yang dipilih lantik dari teras seperti Harun Abdul Ghani (GRC Hong Kah)[28] dan Yatiman Yusof terpaksa mengharungi kerjaya politik yang lembap dalam hierarki PAP.

Imej sebelum dan semasa Ahli Parlimen Melayu sebagai pemimpin teras masyarakat yang mempunyai kemahiran menggembleng tenaga masyarakat mungkin sebenarnya merosakkan peluang mereka untuk naik dalam PAP. Ini boleh disabitkan berikutan keutamaan yang diberikan oleh pemimpin PAP kepada teknokrat yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kemahiran pentadbiran yang terbukti. Kelemahan dalaman pada ahli politik teknokrat, misalnya lemah pengamatan politik serta tidak mendalam memahami aspirasi rakyat (Milne dan Mauzy, 1990: 417),[29] kelihatan tidak dipedulikan sangat oleh kepemimpinan PAP.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan campur tangan oleh 'orang baru' Ahli Parlimen Melayu PAP telah menyumbang ke arah menjana lebih banyak dialog, perbincangan, dan kesedaran awam tentang isu yang berkaitan dengan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Ini digalakkan melalui pelbagai forum, konvensyen dan, sesi dialog yang dianjurkan oleh pertubuhan masyarakat dan Ahli Parlimen PAP semenjak tahun 1980-an.[30] Usaha Ahli Parlimen Melayu itu banyak mendapat sumbangan material yang diterima oleh Mendaki daripada kerajaan PAP.[31] Tambahan pula, Biro Ehwal Melayu (MAB) kelihatan telah dihidupkan semula dan, semenjak tahun 1980-an, menumpukan lebih banyak perhatian kepada isu sosioekonomi dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pelajaran, lantas memperbaik hubungan dengan masyarakat, meningkatkan imej Ahli Parlimen Melayu PAP, dan mengambil profesional Melayu ke dalam PAP (*ST*, 14 Jun 1991).[32] Berbagai-bagai forum dan liputan media yang meluas yang menumpukan pada isu peminggiran Melayu telah memberikan wahana kepada para profesional, aktivis masyarakat, dan anggota masyarakat yang prihatin untuk menyuarakan pendapat mereka. Yang penting, iklim perbahasan dan perbincangan itu telah menjana harapan yang lebih besar kepada masyarakat dan membina keyakinan politik serta memberikan kuasa kepada masyarakat.

Bagaikan serampang dua mata, iklim lebih 'keterbukaan' di bawah pimpinan Goh Chok Tong bukan sahaja telah memberikan ruang yang lebih untuk membincangkan isu politik yang sensitif, tetapi juga mengadakan lebih banyak perbincangan tentang keberkesanan Ahli Parlimen Melayu dalam mewakili kepentingan masyarakat Melayu. Contohnya, prestasi Ahli Parlimen Melayu untuk mewakili dan menyuarakan keresahan Melayu/Islam terhadap lawatan Presiden Israel ke Singapura pada bulan November 1986,[33] telah menjejaskan kewibawaan mereka. Apabila mereka gagal menasihati rakan mereka membantah lawatan itu, demi menghindarkan pertelingkahan sensitiviti Islam di peringkat dalaman dan serantau, pada umumnya masyarakat menganggap ini sebagai petanda kelemahan Ahli Parlimen Melayu untuk mencorakkan dan menggubal dasar yang penting. Yang dipentingkan mereka adalah untuk memupuk hubungan baik dengan Israel, sebuah negara yang dipulaukan oleh negara ASEAN lain kerana penaklukannya ke atas Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, bukannya untuk mengekalkan hubungan mesra dengan penduduk Islam setempat. Ini semua dianggap sebagai satu penghinaan terhadap masyarakat Islam dan dengan itu jelas melambangkan peminggiran politik masyarakat berbanding keutamaan kerajaan PAP.

Sebaik sahaja selepas lawatan Hertzog, perbahasan terhadap kesetiaan Melayu kepada negara telah dicetuskan pula oleh Lee Kuan Yew dengan kenyataan bahawa pungutan suara yang dibuat sebelum dan selepas lawatan Hertzog menunjukkan perlakuan orang Melayu lebih sebagai Melayu Islam dan bukannya sebagai rakyat Singapura yang setia (*ST*, 20 Julai 1987). Kontroversi kesimpulan tentang kesetiaan Melayu yang dibuat oleh Lee telah diburukkan lagi apabila anaknya Lee Hsien Loong (*ST*, 20 Julai 1987) mengambil kesempatan ini untuk mengesahkan lagi wasangka orang Melayu bahawa jawatan tertentu dalam SAF telah ditutup untuk orang Melayu atas alasan 'keselamatan negara'. Beliau mendakwa bahawa dasar ini dilaksanakan untuk mengelak orang Melayu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

daripada berada dalam keadaan yang serba-salah apabila kesetiaan kepada negara dan agama mereka bercanggah (ibid.). Gegaran yang melanda masyarakat akibat kesimpulan Lee Hsien Loong itu berhubung potensi pengkhianatan Melayu terhadap negara sebaik sahaja selepas lawatan Presiden Israel ke Singapura, telah menyebabkan orang Melayu terasa terasing dan dimangsakan. Mereka juga merasa dikhianati oleh Ahli Parlimen Melayu PAP sendiri yang kelihatan enggan untuk menyuarakan dengan terus-terang keresahan masyarakat Melayu ketika mereka dimalukan dan dihentam. Sikap membisu Ahli Parlimen Melayu ketika kesetiaan Melayu dibahaskan dianggap sebagai petanda kesetiaan utama Ahli Parlimen Melayu kepada PAP, iaitu betul-betul sebagai alat pemerintah untuk kerajaan PAP. Secara jujur mengakui kekecewaan masyarakat dalam tempoh ini, Ahli Parlimen Siglap dan Timbalan Speaker Parlimen Abdullah Tarmugi (*FEER*, 8 Februari 1989) menyatakan dalam ucapan parlimennya, 'Kelihatan seolah-olah apa yang kami (Melayu) buat semuanya tidak betul. Seolah-olah kami sering diasingkan untuk dihebahkan sebagai masyarakat yang buruk... beberapa anggota masyarakat saya sendiri hampir menolak saya dan rakan parlimen saya kerana tidak memperjuangkan kepentingan mereka atau mencabar dengan tegas penghinaan yang ditujukan kepada masyarakat kami.'

Berbeza daripada sikap dan tindakan berhati-hati Ahli Parlimen Melayu PAP, parti pembangkang seperti SDP dan PKMS lantang mengutuk kepemimpinan PAP mempersoalkan kesetiaan orang Melayu kepada negara dan mengekalkan dasar tutup pintu SAF untuk orang Melayu. Dalam satu ucapan parlimen, Ahli Parlimen pembangkang Chiam See Tong (*ST*, 18 Mac 1987) mengkritik dasar SAF kerajaan terhadap orang Melayu sebagai mendiskriminasikan dan lari daripada semangat kerjasama dan harmoni serantau. Ahli politik daripada parti pembangkang lebih bersedia untuk menyuarakan keresahan orang Islam apabila mengkritik Rang Undang-Undang Mengekalkan Keharmonian Beragama (1990) kerajaan yang menghalang pihak berkuasa agama daripada terlibat dalam politik tempatan.[34] Mereka telah menonjolkan dwistandard yang sebati dengan kerajaan PAP dalam mentafsir Rang Undang-Undang tersebut, kerana kedudukan Ahli Parlimen PAP dan Menteri Alam Sekitar Ahmad Mattar yang juga Menteri Hal Ehwal Melayu/Islam. Portfolio Hal Ehwal Melayu/Islam yang dipegang oleh Ahmad Mattar sering disebut, dalam temu bual penulis dengan ahli politik pembangkang dan aktivis masyarakat, sebagai contoh terang-terangan kerajaan PAP sendiri yang mencampur adukkan agama dan politik. Rang Undang-Undang itu juga dilihat oleh ramai orang Islam



amat bercanggah dengan prinsip cara hidup *ad-deen* yang menerima Islam sebagai satu agama yang lengkap untuk segala aspek kehidupan.[35]

Hubungan Quid pro quo antara Kerajaan PAP dan Masyarakat Melayu

Kerajaan PAP dan masyarakat Melayu Singapura telah lama menjalin hubungan saling syak wasangka semenjak sebelum dan ketika penyatuan dengan Malaysia lagi. Kelantangan kepemimpinan PAP mempersoalkan hak istimewa orang Melayu di bawah slogan 'Malaysia Untuk Rakyat Malaysia' dipandang sinis oleh orang Melayu di kedua-dua belah tanah Selat Teberau sebagai tindak-tanduk politik untuk menjadi popular di kalangan masyarakat bukan Melayu di tanah Semenanjung. Kecurigaan masyarakat Melayu terhadap kepemimpinan PAP diperkuatkan lagi apabila janji yang dibuat ketika sebelum dan selepas penyatuan dengan Malaysia 'untuk mengukuhkan kedudukan saingannya dalam masyarakat pada amnya dan dalam bidang ekonomi khususnya ... (Lee Kuan Yew, cf. Josey, 1968: 309) bukan sahaja kerana kedudukan istimewa orang Melayu yang diiktiraf oleh Perlembagaan Singapura, tetapi kerana kerosakan yang akan berlaku kepada perpaduan dan integriti negara jika salah satu bahagian masyarakat adalah ketinggalan' (Lee Kuan Yew, cf. Bedlington, 1974: 289), hanyalah janji kosong yang tidak dilaksanakan. Satu-satunya bentuk bantuan yang diberikan kepada masyarakat yang dipinggirkan hanyalah kesinambungan dasar pelajaran percuma bagi pelajar Melayu yang dimulakan oleh pihak penjajah. Untuk membela pendekatan pendukung idea kesederhanaan, mereka giat melaksanakan idea ketandusan budaya, yang mengatakan bahawa masalah dan dengan itu penyelesaiannya terletak dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Pendekatan pendukung idea kesederhanaan kepemimpinan PAP telah menimbulkan kemarahan orang Melayu dan 'rasa tertipu' oleh 'kerajaan yang didominasi bangsa Cina'[36] (*ST WOE*, 2 Mac 1991). Hampir dua dekad selepas merdeka, rayuan daripada aktivis masyarakat Melayu yang mahukan kerajaan PAP menghulurkan lebih bantuan kepada masyarakat langsung tidak dihiraukan.

Penemuan mengejut daripada Banci 1980, yang menunjukkan kedudukan sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu semakin merosot dibandingkan dengan masyarakat etnik yang lain, akhirnya menggerakkan Ahli Parlimen Melayu PAP untuk menubuhkan badan usaha sendiri Mendaki dalam tahun 1982. Yang lebih utama, penubuhan Mendaki ialah satu pengakuan tersirat bahawa pendekatan pendukung idea kesederhanaan tahun 1960-an dan 1970-an telah gagal, dan maka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu pendekatan campur tangan mesti diambil jika mahu mencegah masyarakat Melayu daripada tercicir lebih jauh ke belakang daripada masyarakat etnik yang lain.

Tanpa mengira penubuhan Mendaki dalam tahun 1982, bantuan kerajaan PAP kepada masyarakat ternyata mempunyai syarat. Ini dibuktikan daripada ugutan Goh Chok Tong (*ST*, 24 September 1988) untuk menghentikan bantuan kepada Mendaki setelah beliau diejek oleh sekumpulan penyokong pembangkang Melayu di sebuah pondok pilihan raya ketika pilihan raya 1988. Beberapa hari selepas itu, dalam satu temu bual dengan *Berita Harian*, Goh (*ST*, 26 September 1988) yang lebih tenang selepas kejadian itu, mengiakan ugutannya terhadap masyarakat Melayu dengan alasan pungutan suara yang dibuat ketika pilihan raya menunjukkan bahawa sokongan orang Melayu kepada PAP ketinggalan 5 - 10 peratus di belakang orang Cina. Kemudiannya beliau menyatakan bahawa kerajaan PAP akan menilai semula pendekatan lamanya untuk membantu 'semua orang tanpa mengira sama ada mereka menyokong kami secara terbuka atau tidak, yang berkecuali atau yang menentang kami' (ibid.) atas rasional bahawa dasar bantuan menyeluruh kerajaan PAP itu tidak memberikan keuntungan undi kepada PAP untuk mewajarkan bantuan tersebut diteruskan. Dengan meletakkan syarat *quid pro quo* untuk mengekalkan bantuan kerajaan PAP kepada masyarakat Melayu, Goh seterusnya memberi amaran bahawa 'jika mereka (Melayu) menyokong parti lain, mereka patut pergi ke parti itu untuk memperjuangkan kepentingan mereka' (ibid.).[37] Mentaliti *quid pro quo* ini telah dirasionalkan oleh editorial *Straits Times* (29 September 1988); 'Akibat untuk orang Melayu, dan juga untuk masyarakat lain, yang menentang PAP ialah mereka boleh menjadi kurang penting dalam pertimbangan keutamaan Parti. Hakikatnya, dalam politik, sebagaimana dalam perniagaan lain, prinsip lama masih terpakai. Ini disebut *quid pro quo*.'[38]

Ramai orang Melayu yang kecewa dan naik marah dengan ancaman bersungguh-sungguh Goh terhadap masyarakat mereka (*ST*, 24 September 1988). Ancamannya juga menguatkan lagi kecurigaan lama orang Melayu bahawa kerajaan PAP sebenarnya tidak ikhlas komited untuk mengatasi peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat mereka. Pendekatan bersyarat kerajaan PAP juga dilihat sebagai pengabaian tanggungjawab perlembagaan kerajaan PAP. Menyuarakan sikap kemarahan Melayu itu, lidah pengarang Berita Harian menulis (dipetik daripada *ST*, 25 September 1988), 'Bagi orang Melayu, kerajaan bertanggungjawab terhadap kemajuan rakyat yang tercicir dalam bidang ekonomi dan pelajaran. Maka itu, hujah mengaitkan sokongan dan undi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

untuk kerajaan PAP dengan bantuan dan sokongan kerajaan kepada orang Melayu bukanlah hujah yang meyakinkan.'

Selepas tiga tahun kaveat *quid pro quo* Goh, masyarakat Melayu diingatkan sekali lagi dalam ucapan pertama beliau sebagai Perdana Men-teri kepada masyarakat itu dalam bulan Februari 1991. Ketika meng-isytiharkan bantuan sehingga $10 juta, bagi tempoh lima tahun, untuk membantu program dan inisiatif pertubuhan masyarakat,[39] Perdana Menteri segera mengingatkan mereka, sekali lagi, keburukan yang akan menimpa jika 'sikap ambivalen' terhadap PAP diteruskan (*ST*, 8 Februari 1991). Menurut Goh lagi, 'Ramai orang Melayu mahu kerajaan meng-utamakan mereka, namun mereka masih mahu menjauhkan diri mereka daripada PAP... sikap ambivalen orang Melayu terhadap kerajaan ini tidak membantu diri mereka sendiri. Tentulah, jika anda mahu seseorang itu membantu anda, anda perlu bekerjasama rapat dengan orang itu. Kalau tidak, bagaimana dia hendak membantu anda?' (ibid).

Walaupun gembira juga kerana mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan PAP untuk masyarakat, namun masih ada kebimbangan akibat rujukan bertalu-talu kepemimpinan PAP tentang bantuan ber-syaratnya itu. Kebimbangan ini timbul dari pemahaman masyarakat bahawa mana-mana kerajaan yang dipilih secara sah adalah ber-tanggungjawab di sisi perlembagaan untuk membantu masyarakat Melayu selagi sosioekonomi terpinggir di dalam masyarakat. Tambahan pula, bantuan kerajaan yang bersyarat kepada masyarakat yang dihebohkan itu berbeza daripada bantuan tanpa syarat dan bersemangat yang diberikan oleh kerajaan PAP kepada masyarakat Cina, kononnya untuk mengatasi ciri budaya yang semakin lemah, dengan menggalakkan bahasa Mandarin lebih daripada satu dekad dalam program 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin',[40] promosi falsafah Konfusianisme,[41] dan Rancangan Bantuan Khas (SAP) di sekolah Cina ternama.[42]

Tindak balas empati kepemimpinan PAP terhadap apa yang diakuinya kehilangan sokongan di kalangan pengundi berpendidikan Cina dalam pilihan raya tahun 1991 telah dibandingkan dengan ancaman Goh terhadap masyarakat Melayu kerana tidak menyokong PAP dalam pilihan raya 1988. Bukannya mengancam untuk menarik balik bantuan kepada rakyat berpendidikan Cina, sebagaimana yang dibuat oleh Goh kepada orang Melayu dalam pilihan raya 1988, sebaliknya pemimpin PAP berjanji akan lebih peka dan menumpukan perhatian kepada masalah dan keperluan mereka. Timbalan Perdana Menteri ketika itu Ong Teng Cheong (*ST*, 18 September, 1991) mendakwa bahawa rakyat Cina berpendidikan Cina telah diabaikan oleh kerajaan kerana terlalu banyak

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tumpuan diberikan kepada yang berpelajaran Inggeris. Ong kemudian menambah bahawa orang yang berpendidikan Cina ketinggalan dalam tenaga kerja kerana lemah berbahasa Inggeris dan ini memberikan kesan negatif terhadap mobiliti sosial mereka (ibid.). Pendekatan berbeza ini terhadap pengundi Melayu dan Cina mencerminkan perbezaan sumber undi dua masyarakat itu. Oleh sebab kerajaan PAP bergantung pada masyarakat Cina demi kelangsungan politiknya, maka itu mereka dilayan dengan lebih peka dan mulia.

Kejadian lain yang menyumbang ke arah mengeruhkan hubungan antara kerajaan PAP dan masyarakat Melayu ialah perbahasan mengenai usul GRC tahun 1988. Sebagaimana dibincangkan dalam seksyen lain dalam bab ini, pemimpin PAP seperti Lee Kuan Yew menegaskan bahawa sistem GRC diperkenalkan untuk mengekalkan kehadiran perwakilan etnik minoriti dalam parlimen yang telah terancam kononnya oleh kecenderungan orang Cina mengundi calon Cina (*ST*, 4 Mac 1988). Tanpa mengira niat yang nampak baik kerajaan PAP itu, ramai orang Melayu menganggap GRC sebagai cara utamanya untuk menghakis parti pembangkang yang biasanya sukar untuk mendapatkan calon etnik minoriti yang berketerampilan.[43] Tepat seperti kata seorang ahli profesional Melayu, 'Apakah kerajaan melaksanakan sistem itu semata-mata untuk menjamin perwakilan Melayu di Parlimen … atau adakah sistem itu satu cara untuk mengekalkan pemerintahan mereka?' (*ST*, 2 September 1987).

Kecurigaan orang Melayu terhadap agenda sebenar di belakang sistem GRC telah diakui oleh aktivis teras Melayu seperti Mohd Maidin Packer, Abdul Halim Kadir, dan Salim Osman (*ST*, 10 Mac 1988) dalam satu pembicaraan Jawatankuasa Pilihan Parlimen GRC pada bulan Mac 1988. Mereka (ibid.) menyatakan bahawa di bawah sistem GRC, taraf Ahli Parlimen Melayu akan turun menjadi Ahli Parlimen 'kelas kedua' dan dianggap tidak akan dapat menang atas kekuatan mereka sendiri.[44] Dengan memendam keraguan mereka terhadap rasional kera-jaan menyokong GRC, 'orang lama' PAP dan bekas Menteri Ya'acob Mohammad (*ST*, 10 Januari 1988) menyatakan bahawa GRC bukan hanya mempunyai perwakilan parlimen etnik minoriti tetapi yang lebih penting bagi orang Melayu ialah mempunyai perwakilan etnik minoriti yang berkesan. Sebagaimana yang dikatakan Ya'acob (*ST*, 10 Januari 1988), 'Jika Ahli Parlimen Melayu tidak dilihat sebagai memainkan peranan yang berkesan, lebih baik mereka tidak ada langsung.'

Kesangsian Melayu terhadap niat kepemimpinan PAP berhubung soal GRC bertambah tebal apabila tiap perwakilan Melayu merosot

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

di peringkat parlimen dan menteri dalam kerajaan PAP, terutama semenjak tahun 1960-an (lihat Jadual 6.1 dan 6.2). Ini menyebabkan masyarakat merasakan mereka telah diperalatkan sebagai alasan untuk mengaburkan tujuan sebenar kerajaan, iaitu untuk melemahkan kuasa pengundi pembangkang. Sikap sinis ini diperkuat pula oleh diskriminasi PAP yang mengambil berat tentang perwakilan berbilang kaum pada peringkat parlimen, sedangkan pada peringkat yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam, badan berkanun, institusi pengajian tinggi, dan jawatan eksekutif dalam sektor swasta, pada umumnya kerajaan PAP tidak ambil peduli langsung akan kekurangan perwakilan Melayu dalam sektor tersebut.

Sindrom Perpisahan Kepemimpinan PAP dan Fobia Melayu

Pengalaman singkat tetapi pahit kerajaan PAP dengan kerajaan perikatan dominasi Melayu dalam zaman penyatuan Singapura ke dalam Malaysia, dan konfrontasi dengan Indonesia, telah meninggalkan kesan psikologi yang mendalam kepada kepemimpinan PAP. Ini dimanifestasikan pada umumnya daripada sikap curiga kepemimpinan PAP terhadap masyarakat Melayu/Islam di Singapura dan negara jiran. Sikap Lee yang tidak percayakan dan memandang rendah orang Melayu serantau telah terserlah sejak tahun 1966 lagi apabila beliau menyifatkan rantau ini sebagai 'persekitaran kemiskinan, tidak bertoleransi, gerun orang asing' berbanding masyarakat Singapura yang didominasi oleh penduduk Cina sebagai masyarakat yang 'waras, stabil, bertoleransi, dan mewah' (cf. Minchin, 1986: 165). Dari konteks sejarahnya, sikap pandang rendah Lee terhadap orang Melayu serantau mungkin mencerminkan mentaliti belenggu kolektif orang Cina di Asia Tenggara yang telah disifatkan oleh Regnier (1991: 195) sebagai 'psikosis kerisauan terpendam', yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain yang didorong oleh pelbagai pembunuhan kaum Cina di Asia Tenggara.[45] Mentaliti belenggu ini mungkin ditambahkan oleh kedangkalan pemahaman kepemimpinan PAP tentang sejarah politik dan nasionalisme Melayu. Oleh sebab PAP meraih sokongan daripada majoriti besar penduduk Cina di pulau itu, maka tidak ada insentif bagi kepemimpinan PAP untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap sikap budaya orang Melayu, orientasi politik Melayu, dan aspirasi ekonomi orang Melayu (Pillay, 1974: 282).

Niat aktivis teras dan ahli politik Melayu bukan ahli PAP yang lantang menyuarakan kepentingan masyarakat Melayu pada umumnya sangat dicurigai dan dilihat dari aspek perkauman. Kecaman hebat telah dibuat

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

terhadap ahli politik Parti Pekerja Juffrie Mahmood apabila beliau mengkritik kepemimpinan Melayu PAP kerana 'menggadai' kepentingan Melayu dan menjatuhkan integriti agama Islam kerana menyokong Rang Undang-Undang Mengekalkan Keharmonian Beragama (1990) dalam pilihan raya 1991.[46] Tindak balas segera terhadap kritik Juffrie yang ditujukan kepada Saniff itu telah dibuat oleh Goh Chok Tong (Perdana Menteri), Lee Hsien Loong (Timbalan Perdana Menteri), Ong Teng Cheong (bekas Timbalan Perdana Menteri), dan Wong Kan Seng (Menteri Luar Negeri), dengan mengutuk Juffrie sebagai bersifat perkauman, mengamalkan politik pelampau, menghasut orang Melayu (*ST*, 30 Ogos 1991), dan meradikalkan iklim politik (*ST*, 28 Ogos 1991). Satu-satunya bukti yang dikemukakan oleh kepemimpinan PAP untuk menyokong tuduhan mereka itu ialah kerana penggunaan perkataan Islam yang umum oleh Juffrie dalam ucapan rapat umum pilihan rayanya, iaitu *Insya-Allah, Alhamdulillah*, dan 'jika anda mengundi saya, saya tidak akan mempersia-siakan anda' (*ST*, 29 Ogos 1991).[47]

Dengan menuduh Juffrie seorang pelampau dan bersifat perkauman yang berbahaya, kepemimpinan PAP menimbulkan ketakutan peristiwa rusuhan kaum tahun 1951 dan 1964 dan mendesak pengundi kawasan GRC Eunos untuk menyokong politik sederhana dan ahli politik sederhana PAP demi mencegah 'peradikalan politik' (*ST*, 27 Ogos; *ST*, 28 Ogos 1991) daripada ahli politik seperti Juffrie. Rakyat Singapura diingatkan semula akibat buruk daripada ahli politik dan politik perkauman, pihak media pula memaparkan pelbagai gambar rusuhan kaum tahun 1951 dan 1964 (Singh, 1992a: 76). Dengan menggunakan perkauman sebagai isu utama pilihan raya, PAP mampu 'memujuk' cukup pengundi untuk tidak mengundi pasukan GRC Parti Pekerja, maka menang tipis di GRC Eunos (ibid.: 128). Secara terus-terang mengakui akan keputusan PAP yang dengan sengaja menggunakan perkauman sebagai isu pilihan raya untuk memenangi kerusi GRC Eunos, Lee Hsien Loong (*ST*, 2 September 1991) menyatakan selepas pilihan raya itu, 'Jika kami tidak melakukannya, saya kira nescaya kami pasti kalah GRC Eunos.' Bagi kebanyakan orang Melayu, tuduhan perkauman oleh kepemimpinan PAP itu membuktikan syak wasangka dan kebimbangan kepemimpinan PAP itu sendiri terhadap ahli politik Melayu bukan ahli PAP, serta kedangkalan pengetahuan kepemimpinan PAP terhadap budaya Melayu/Islam. Ketandusan pengetahuan terhadap Islam itu membuatkan masyarakat Islam tidak lagi yakin akan kemampuan kerajaan PAP untuk mentafsir dan melaksana dengan adil dan saksama undang-undang Harmoni Beragama.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Pemerhatian Johan Jaafar[48] (*ST*, 24 Mac 1997) dan Geoffrey Robertson[49] (*FEER*, 26 Oktober 1989: 11) bahawa Lee Kuan Yew bergantung pada pengalaman pahit PAP ketika Singapura berada dalam Malaysia, untuk mentafsir dan memahami kebanyakan peristiwa semasa yang berkaitan dengan negara jiran dan masyarakat Melayu Singapura. Ini dapat menerangkan kenyataan buruk diplomatik yang dibuat beliau pada bulan Mac 1997, yang memerihalkan Johor sebagai satu 'tempat yang huru-hara dengan tembak-menembak, samun-menyamun dan pencurian kereta' (*ST*, 11 Mac 1997).[50] Ini juga menerangkan logik penggubalan dasar kerajaan PAP seperti kuota perumahan etnik, hampir menghalang orang Melayu daripada Khidmat Negara selama dua puluh tahun, pengekalan dasar tutup pintu kepada orang Melayu daripada unit tertentu dalam SAF, dasar pendudukan ke arah mengekalkan 'imbangan kaum', mempersoalkan kesetiaan orang Melayu kepada negara, dan ancaman Melayu terhadap masyarakat. Penulis-penulis seperti George (1974), Minchin (1986), dan Huxley (1991) mengutarakan bahawa sindrom perpisahan kepemimpinan PAP dan fobia Melayu dimanifestasikan oleh mentaliti belenggu, dan ini membuatkan mereka pada umumnya mencurigai masyarakat Melayu Singapura dan niat masyarakat Melayu/Islam lain di rantau ini. Huxley (1991) telah menghujahkan bahawa sebab utama mengapa Singapura begitu taksub dengan kekuatan ketenteraan adalah kerana persepsi mereka terhadap ancaman yang kononnya datang dari jiran terdekatnya, dan bukannya dari luar wilayah serantau.[51] Lebih penting, ketaasuban Singapura terhadap kekuatan ketenteraan, menutup pintu orang Melayu Singapura daripada angkatan tentera, dan menjemput Amerika Syarikat untuk membuka pangkalan tentera di pulau itu, semuanya itu mungkin menimbulkan ketegangan serantau kerana negara Melayu yang berjiran sedar akan pendirian sebenar kerajaan PAP yang tidak dapat diselindungkan lagi. Dengan menyatakan ketidaksenangannya terhadap tindakan 'kejiranan' pulau itu, ahli politik Malaysia Datuk Abdullah (cf. *ST WOE*, 2 September 1989) mencatatkan:

> Apabila anda mahu menjadi tuan rumah bagi pangkalan A.S di sini dan apabila anda menganggap kami sebagai ancaman terhadap kewujudan dan kestabilan anda, maka semestinya kami menganggap jemputan itu sebagai satu amaran yang ditujukan kepada kami. [Apa] yang anda ... lihat ialah lautan Melayu di sekeliling anda yang memusuhi anda, dan anda berkata: 'Hei, jangan kacau kami, kami ada Amerika di belakang kami.' Kami tersinggung juga, sedikit curiga akan niat dan motif anda, sedikit ragu akan komitmen anda terhadap ASEAN dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan sikap kejiranan anda.

Lawatan negara Presiden Israel Chaim Hertzog ke Singapura dalam tahun 1986, walaupun secara terbuka ditentang oleh masyarakat Islam di Singapura dan serantau,[52] ditambah pula dengan persoalan kesetiaan orang Melayu, semua itu dianggap oleh orang Melayu sebagai bukti tambahan akan kecurigaan mendalam kerajaan PAP dan sikap tidak sensitif mereka terhadap orang Melayu di Singapura dan serantau.[53] Dari aspek serantau, lawatan Hertzog menimbulkan persoalan tentang komitmen Singapura terhadap prinsip mesyuarah dan persefahaman ke atas sensitiviti setiap anggota ASEAN (Rolls, 1991: 315-29). Tanda tanya kesetiaan orang Melayu terhadap negara yang dibuat oleh kepemimpinan PAP mendedahkan secara tersirat bahawa orang Melayu itu berpotensi menjadi punca ancaman dan ketakstabilan negara, dan mereka adalah masyarakat yang tidak boleh diharapkan jika berlaku konflik dengan negara Melayu jirannya (Khoo, 1988: 53). Ia juga membela dasar tutup pintu kerajaan PAP kepada orang Melayu daripada menyertai angkatan tentera.

Bangkangan lantang daripada pertubuhan dan individu Melayu membantah lawatan Hertzog dipandang oleh kepemimpinan PAP sebagai bukti nyata kecurigaan lama mereka akan kesetiaan orang Melayu terhadap Singapura dan keakraban Melayu Singapura dengan jiran negara Melayu. Ketiadaan Melayu Singapura memprotes pembakaran bendera Singapura dan patung Lee Kuan Yew di Malaysia dipandang dengan curiganya lagi oleh kepemimpinan PAP. Dengan mengaitkan kegelisahan kepemimpinan PAP terhadap tindak balas masyarakat Melayu dalam insiden Hertzog, Ahmad Mattar menyatakan dalam satu temu bual dengan penulis pada tahun 1990:[54]

Setelah mereka memerhatikan kumpulan beragama Islam mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur, membakar patung Perdana Menteri, bendera Singapura, inilah masanya Islam (Singapura) sepatutnya keluar untuk menyatakan, 'Lihat kami setuju dengan kamu sebagai orang Islam, kami tidak mahu melihat Hertzog melawat Singapura, tetapi setakat itu sahaja'... Kepemimpinan kemudian membuat tanggapan tertentu. Mereka menyoal diri mereka sendiri, 'Apakah Islam di Singapura mengambil petanda daripada Islam di Malaysia?' Islam di Singapura bertambah lantang setelah Islam di Malaysia mengadakan tunjuk perasaan... Mereka boleh mengambil peluang ketika lawatan Hertzog untuk menyatakan tidak bersetuju dengan tindakan Malaysia terhadap Singapura.



Sikap tidak percaya yang mendalam kepemimpinan PAP terhadap jiran Melayunya sekali lagi terdedah apabila Goh Chok Tong (ST, 6 Ogos 1990) menyamakan Singapura *yang mudah diserang* seperti negeri kecil Kuwait yang kaya raya, tidak lama selepas Kuwait ditakluki oleh negara jirannya Iraq dalam bulan Ogos 1990.[55] Ditambah pula dengan komen Goh yang membuktikan lagi kecurigaan masyarakat Melayu terhadap kerajaan PAP yang telah lama memandang Melayu Singapura sebagai boleh menjadi musuh dalam selimut jika berlakunya konflik ketenteraan dengan mana-mana jiran terdekatnya.[56] Bayang-bayang ngeri ketidaksetiaan Melayu dihebahkan lagi oleh *Straits Times* pada tahun 1991 yang menyiarkan siri hasil kaji selidik respons pelbagai etnik terhadap Perang Teluk. Pungutan suara mendapati bahawa lebih ramai Melayu Islam berbanding orang India dan Cina yang membantah serangan ke atas Iraq yang diketuai oleh Amerika.[57]

Jelaslah, kecurigaan mendalam kepemimpinan PAP akan kesetiaan orang Melayu terus kekal walaupun banyak hasil penyelidikan akademik tentang sikap etnik terhadap negara yang menyatakan bahawa kesetiaan orang Melayu terhadap negara adalah lebih utuh daripada masyarakat etnik yang lain. Kajian yang dibuat oleh Institut Kajian Dasar (cf. *ST*, 30 September 1990) dan Chew (1987) telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai rasa bangga dan jati diri negara yang lebih mendalam jika dibandingkan dengan kumpulan etnik utama yang lain.[58] Dengan mengambil kira kajian yang disebut di atas, kelihatan seolah-olah kerajaan PAP telah tersalah anggap bahawa keterasingan dan penentangan politik Melayu sebagai ketidaksetiaan. Keterasingan politik Melayu pada tahap yang tinggi telah ditemui oleh kaji selidik Chiew (1990) yang mendapati bahawa orang Melayu mempunyai keterasingan politik yang tertinggi (57 peratus) dibandingkan dengan orang India (52 peratus) dan Cina (41 peratus).

* * *

Selagi kesetiaan orang Melayu terus dipersoalkan, dasar diskriminasi masih diteruskan, bantuan bersyarat dikekalkan, dan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat itu terus kekal, maka hubungan mereka dengan kerajaan PAP dan perwakilan Melayunya akan tetap hambar.

Sifat dua hala hubungan *quid pro quo* berlandaskan curiga dan syak wasangka akhirnya merugikan kedua-dua pihak, terutama dari segi memupuk masyarakat berbilang kaum yang sihat. Besar kemungkinan ini akan mengukuhkan kebimbangan lama masyarakat Cina yang dominan di Singapura tetapi minoriti di rantau Melayu; sebagaimana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

rasa keterasingan serta kerisauan Melayu kerana dipinggirkan dalam bidang sosioekonomi, politik dan pelajaran.

Kelemahan kuasa undi dan politik masyarakat Melayu akibat inisiatif merubah-rubah politik oleh PAP (dibincangkan dalam bab 5) mengakibatkan parti itu sangat bergantung pada masyarakat Cina untuk mengekalkan hegemoni politiknya. Ini juga menyumbang ke arah mempertingkatkan kesedaran etnik misalnya, promosi Mandarin, Konfusianisme, dan aspek lain budaya Cina oleh kerajaan PAP. Semenjak kekalahan pilihan raya PAP, di kawasan pengundi majoritinya kelas pekerja Cina dalam pilihan raya 1991, kepemimpinan PAP telah menyatakan niatnya untuk lebih rapat dengan golongan teras Cina kerana 'mereka mewakili bahagian terbesar dalam masyarakat' (Lee Kuan Yew, cf. *FEER*, 10 Oktober 1991). Kepercayaan Lee bahawa orang yang berpendidikan Cina mahukan 'kerajaan yang tegas; mereka mahukan kemajuan dan kemewahan. Mereka tidak peduli bagaimana kita mentadbirkan tempat ini' (cf. *Australian Financial Review*, 6 September 1991), menambahkan lagi komitmen kepemimpinan PAP ke arah mengekalkan masyarakat dominasi Cina. Lee Kuan Yew (ibid.) juga mencadangkan supaya menteri yang boleh berbahasa Mandarin dan rapat dengan golongan teras Cina 'mesti diberikan lebih kuasa' (ibid.). Portfolio penting yang dipegang oleh kepemimpinan PAP yang lebih konservatif dan mempunyai hubungan dengan golongan teras Cina seperti Presiden yang baru dipilih Ong Teng Cheong, Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, Menteri Luar Wong Kan Seng, dan Ahli Parlimen Ow Chin Hock sebagai pengerusi Unit Maklum Balas, memperkukuhkan lagi orientasi kerajaan PAP untuk memikat hati masyarakat Cina bagi memenangi kembali undi yang telah hilang.

Untuk mengimbangi semula mainan politik perkauman ini, pendekatan politik mesyuarah Perdana Menteri Goh Chok Tong membuka peluang untuk masyarakat Melayu. Kehadiran Goh dalam kongres AMP pada bulan Oktober 1990, walaupun PPM mengkritik keras Ahli Parlimen Melayu PAP (NCSMMP, 1990) menandakan terbukanya peluang politik bagi orang Melayu. Walaupun demikian, untuk merebut peluang politik ini, masyarakat Melayu tidak boleh memencilkan diri tetapi dengan bijak harus membuat perikatan dengan kumpulan sekepentingan lain yang prihatin dengan isu yang berkaitan dengan kesaksamaan sosioekonomi, berbilang kaum, dan demokrasi.

Ahli Parlimen Melayu PAP dengan jelas telah menyedari akan peluang politik yang dibuat oleh Goh ini. Perbincangan penulis dengan pemimpin Melayu PAP dan aktivis teras membayangkan bahawa mereka menganggap kepemimpinan Goh sebagai penampan daripada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ahli politik PAP yang lebih konservatif dan yang lebih kecinaan. Luahan keresahan tentang masa hadapan masyarakat Melayu jika kepemimpinan PAP selepas Goh diambil alih oleh pemimpin yang lebih kecinaan sebagai Perdana Menteri, membayangkan bahawa kepentingan Melayu dalam PAP sebaiknya diwakili oleh puak 'liberal' PAP. Tanpa mengira struktur peluang politik yang semakin luas di bawah kepemimpinan Goh, Ahli Parlimen Melayu PAP sedar bahawa bagi mengimbangi fungsi korporatis dan tuntutan sebagai pemimpin kebangsaan, pemimpin Melayu dan pemimpin PAP, kedudukan mereka khususnya dalam masyarakat Melayu telah terjejas. Kelemahan asas politik dan kuasa membroker mereka dalam ketiga-tiga kawasan itu bermakna mereka tidak berupaya untuk mewakili keresahan dan kepentingan masyarakat Melayu dengan berkesan. Dengan berpusat dalam kerangka politik dan institusi yang ada sekarang ini, perwakilan keresahan dan kepentingan Melayu yang mereka buat banyaknya bersifat menunggu, reaktif dan lemah.

Selepas lebih daripada tiga dekad merdeka dan lebih daripada satu dekad selepas tertubuhnya badan usaha sendiri Mendaki, Ahli Parlimen Melayu PAP tidak begitu berjaya mengangkat masyarakat Melayu keluar dari lembah peminggiran sosioekonomi dan pelajaran. Sebaliknya, mereka lebih berkesan mewakili kepentingan politik kerajaan PAP, iaitu memberikan perwakilan Melayu yang sanggup bekerja dalam parameter politik yang ditentukan dan membantu pandangan awam bahawa kerajaan PAP tetap peka terhadap keresahan masyarakat peribumi Singapura. Namun demikian, perwakilan mereka terhadap keresahan Melayu mungkin akan dihalusi lagi apabila terdapat makin ramai golongan profesional Melayu yang tidak bekerja dalam perkhidmatan awam. Tidak seperti orang Melayu yang secara tradisinya bergantung pada perkhidmatan awam untuk menyara hidup mereka dan maka itu lebih terdedah kepada proses pilih lantikan dan kompromi, golongan profesional Melayu ini pula mempunyai lebih ruang untuk mengkritik Ahli Parlimen Melayu PAP dan dasar kerajaan yang mempunyai kesan terhadap orang Melayu, dan dengan jelas menyuarakan keresahan masyarakat tanpa bergantung pada politik penyesuaian. Dengan menjalin hubungan sosial dan profesional dalam masyarakat yang lebih luas, kewibawaan dan asas sokongan mereka mungkin akan lebih kuat dan kukuh. Yang lebih penting, keyakinan dan kebebasan politik mereka akan membantu menghidupkan semula maruah orang Melayu dan bangun mencabar ideologi idea ketandusan budaya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1. Antara bulan Disember 1980 hingga Januari 1985, tidak ada seorang pun Menteri Kabinet Melayu yang dilantik setelah Othman Wok bersara. Dalam tempoh itu, Dr. Mattar berkhidmat sebagai Pemangku Menteri Hal Ehwal Sosial.

2. Isu ini hangat dibahaskan dalam forum Majlis Pusat dalam tahun 1984 dan 1985.

3. Kesimpulan Goh memburukkan kewibawaan sembilan orang Ahli Parlimen Melayu, yang menurut dakwaan Goh, tidak cukup berkebolehan untuk dinaikkan jawatan ke taraf Menteri Kabinet.

4. Barisan menteri dalam kerajaan PAP pada keseluruhannya naik mendadak tangga hierarki PAP. Goh Chok Tong, Lee Hsien Loong, S. Jayakumar, dan Tony Tan mendapat jawatan portfolio menteri dan Kabinet sebaik sahaja mereka memenangi kerusi pilihan raya. Hanya selepas tiga tahun di Parlimen, Brigadier-Jeneral George Yeo, Seet Ai Mee, dan Mah Bow Tan telah dinaikkan ke taraf Menteri Kabinet pada bulan Julai 1991 (*ST WOE*, 6 Julai 1991). Sebaliknya, Ahmad Mattar dilantik ke jawatan Setiausaha Parlimen dalam tahun 1972 dan akhirnya dinaikkan tarafnya sebagai Menteri Kabinet dalam tahun 1984 (*ST*, 31 Mei 1984).

5. Semenjak kematian Yusoff Ishak (seorang Melayu) dalam tahun 1970, Benjamin Sheaers (Serani), Devan Nair (India), Wee Kim Wee (Cina), dan Ong Teng Cheong (Cina) telah memegang jawatan Presiden.

6. Menteri Luar pertama dalam kerajaan PAP ialah S. Rajaratnam. Beliau digantikan oleh S. Dhanabalan.

7. *The Mirror*, Jilid 24 No. 1, 1 Januari 1988.

8. Ketidakberkesanan pemimpin Melayu PAP telah disebut sebagai faktor utama yang menyebabkan rasa keterasingan masyarakat. Rujuk jurnal AMP *Forging a Vision* (1990) untuk maklumat lanjut mengenai pandangan persatuan itu tentang kepemimpinan politik Melayu.

9. Tidak sebagaimana pertubuhan Melayu lain, AMP tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada Mendaki meluluskan rancangannya untuk membantu masyarakat Melayu. Jawatankuasa khas kerajaan telah dilantik untuk menilai sama ada bantuan kepada program masyarakat AMP layak menerima peruntukan kerajaan (*ST*, 10 Mac 1991). Setiausaha Eksekutif Mendaki, Zainul Abidin Rasheed, menyatakan keraguannya tentang memberikan AMP taraf istimewa ini. Beliau merasakan bahawa lebih baik Mendaki menyelia pengurusan rancangan lima tahun ke atas semua pertubuhan masyarakat Melayu, termasuk AMP (ibid.).

10. Sebagai bandingan, tidak semua Ahli Parlimen Cina PAP dijangka mewakili kepentingan masyarakat Cina. Namun demikian, ada beberapa orang Ahli Parlimen Cina seperti Ow Chin Hock menonjol sebagai mempromosi isu berkaitan dengan bahasa dan budaya Cina. Ow terkenal dalam tahun 1989-90 kerana mencetuskan isu pelajaran tinggi percuma kepada orang Melayu dan mempersoalkan keadilan dasar tersebut di parlimen. Beliau dikenali sebagai pemimpin lobi konservatif Cina dalam PAP yang berpengaruh.

11. Rujuk temu bual penulis dengan Ahli Parlimen Melayu Abdullah Tarmugi dalam Lampiran untuk meninjau pandangan beliau tentang pentingnya Ahli Parlimen Melayu menonjolkan imej pemimpin kebangsaan.

12. Hansard, 19 Februari 1977, Col. 144. Hanya pada akhir tahun 1980-an baru kerajaan PAP mengaku secara terbuka bahawa ia telah mengehadkan penglibatan orang Melayu dalam SAF atas alasan bahawa kesetiaan mereka 'diragui'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

13. Parti pembangkang mendakwa bahawa GRC ialah strategi berancang kerajaan PAP untuk menghakis pengaruh mereka dengan merubah-rubah peraturan pilihan raya.

14. Walaupun demikian, dalam pilihan raya 1991, berlaku peralihan undi yang kuat menentang PAP dengan undi sokongannya jatuh pada tahap rendah 64.8 peratus daripada jumlah undi. Parti pembangkang mendapat 35.2 peratus daripada jumlah undi kebangsaan dengan dua orang ketua parti pembangkang Chiam See Tong (Parti Demokratik Singapura) dan J.B. Jeyaratnam (Parti Pekerja) menang dalam pilihan raya Parlimen.

15. Mereka ialah Ng Pock Too (Anson) 43.2 peratus, Heng Chiang Meng (Jalan Kayu) 51.2 peratus, Chng Hee Kok (Radin Mas) 54 peratus, Tang See Chim (Chua Chu Kang) 54.8 peratus, dan Koh Lam Son (Telok Belangah) 55 peratus.

16. Di bawah sistem GRC, calon bukan Cina rakyat Singapura dalam GRC mesti ditemu duga satu jawatankuasa untuk mengesahkan bahawa mereka adalah ahli *bonafide* masyarakat etnik minoriti tertentu. Pemimpin Parti Demokratik Singapura, Chiam See Tong, mengkritik sijil kelayakan etnik itu sebagai penghinaan yang tidak diperlukan dan memberi amaran bahaya jangka panjang penginstitusian politik perkauman (*ST*, 30 Ogos 1991).

17. 'Tinjauan' ialah program mingguan hal ehwal semasa televisyen dalam bahasa Melayu.

18. Ahli Parlimen Melayu PAP telah menyebut pembentukan Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki sebagai contoh nyata faedah yang diperoleh dari politik penyesuaian.

19. Ramai 'orang lama' Ahli Parlimen Melayu PAP dihormati kerana perjuangan politik mereka di zaman penjajah tatkala angin politik bergolak. Lama sebelum memasuki PAP, mereka telah melibatkan diri dalam pelbagai pertubuhan dan perjuangan menentang penjajah. Rahmat Kenap dan Ya'akob Mohammad antara aktivis politik UMNO manakala yang lainnya seperti Roslan Hassan, Buang Omar Junid, dan Mahmud Awang ialah aktivis kesatuan sekerja. Othman Wok dan Rahim Ishak ialah wartawan akhbar harian *Utusan Melayu* yang terus-terang antipenjajah. Kegiatan politik dan orientasi politik berbilang kaum yang mereka perjuangkan merupakan laba kepada imej parti PAP sebagai parti yang komited terhadap masyarakat majmuk.

20. Sehingga tahun 1961, keahlian orang Melayu dalam PAP hanya 4.1 peratus (Peng, 1971: 173).

21. Sehingga awal tahun 1980-an, pemimpin masyarakat Melayu yang dipilih letak ke dalam PAP lazimnya meletakkan jawatan eksekutif mereka dalam pertubuhan teras (*ST*, 2 Mei 1985). Contohnya, Ahli Parlimen Melayu PAP Shaari Tadin memainkan peranan utama dalam penubuhan Majlis Pusat pada tahun 1968, tetapi kemudiannya tidak memegang sebarang jawatan eksekutif dalam pertubuhan itu untuk mengelakkan sebarang tanggapan konflik kepentingan.

22. Sehingga pemilihan beliau sebagai Presiden dalam bulan September 1993, Timbalan Perdana Menteri Ong Teng Chong ialah Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC). Bertahun-tahun, Ahli Parlimen PAP dan Menteri Perdagangan Lim Boon Heng ialah Timbalan Setiausaha Agung NTUC. Beliau kemudian mengambil alih tempat Ong sebagai Setiausaha Agung NTUC. Ahli Parlimen PAP lain seperti Harun Yusuff, John Chen, dan Yu Foo Yee Shoon memegang jawatan eksekutif dalam NTUC.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

23. Yang lama memegang jawatan Presiden Taman Bacaan ialah seorang India Islam dan ahli PAP.

24. Sehingga beberapa tahun yang lalu, semua Ahli Parlimen Melayu adalah ahli majlis Mendaki (*ST*, 2 Mei 1985).

25. Dalam tahun 1987, Perdaus (Persatuan Pelajar-pelajar Agama Dewasa Singapura), Pergas (Persatuan Guru-Guru Agama Singapura), dan PITK (Persatuan Kebajikan Islam) menarik diri daripada Majlis Pusat. Pemimpin Perdaus, Embek Ali, menyebutkan keresahan persatuannya akan penglibatan ahli politik peneraju Majlis Pusat yang mempromosi dasar kerajaan (*ST*, 12 September 1987). Pergas dan PITK juga menyebut alasan yang sama untuk menarik diri daripada Majlis Pusat. Penyingkiran aktivis masyarakat yang dihormati Suratman Markassan daripada jawatan timbalan presiden Majlis Pusat menambahkan lagi kecurigaan masyarakat ke atas pempolitikan pertubuhan itu. Persatuan Bustanol Arifin juga disingkirkan oleh kepemimpinan Majlis Pusat setelah beberapa orang pemimpinnya menyatakan bangkangan mereka secara terbuka berhubung soal dalam Majlis Pusat menangani perbahasan isu pelajaran percuma di institut pengajian tinggi. Dalam tahun 1991, Perkasa (sebuah badan kebajikan sosial) mempersoalkan niat dan kesahihan perlembagaan pemimpin Majlis Pusat menyingkirkan Bustanol tanpa persetujuan ahli dalam mesyuarat agung (*ST*, 22 Jun 1991). Perkasa dan Taman Bacaan disingkir daripada Majlis Pusat pada bulan Ogos 1992 kerana dituduh memburukkan imej Majlis Pusat bersabit kritikan mereka. Pemimpin kedua-dua persatuan itu gagal dalam cubaan mereka untuk menjatuhkan Zulkifli Mohammed daripada jawatan Presiden Majlis Pusat dalam mesyuarat agung tahunan 1992.

26. Sokongan lemah masyarakat terhadap mereka selalunya ditopang dengan melantik orang Melayu yang mempunyai hubungan rapat dengan golongan teras masyarakat ke jawatan portfolio yang rendah.

27. Abdullah Tarmugi memperoleh ijazah BA (Hons.) Universiti Nasional Singapura dan Diploma Perancangan Bandar dari England. Sehingga pelantikan beliau sebagai Menteri pada bulan Julai 1993, beliau memegang jawatan eksekutif di *Straits Times*, selain jawatan awam lain.

28. Beliau ialah bekas Setiausaha Agung Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura dan pengerusi Syarikat Kerjasama Serbaguna Guru-guru Melayu Singapura. Beliau ialah AP PAP yang paling tua bertanding dalam pilihan raya 1991 buat pertama kalinya (*ST*, 28 Julai 1992).

29. Pemimpin 'orang muda' PAP seperti Goh Chok Tong, Lee Hsien Loong, George Yeoh, dan Tony Tan mempunyai pengalaman politik yang terhad pada peringkat teras sebelum memasuki arena politik.

30. Dalam bulan September 1984 dan April 1988 seminar utama Majlis Pusat telah dianjurkan. Dalam tahun 1985, Kongres Kemas telah diadakan untuk membincangkan cara Melayu Islam dapat memperbaik kedudukan ekonomi mereka. Mendaki telah dengan rasminya dilancarkan dalam tahun 1982, manakala Mendaki 2 pada bulan Mei 1989.

31. Dalam bulan Februari 1991, Goh Chok Tong menjanjikan bantuan sebanyak $10 juta untuk tempoh lima tahun kepada Mendaki dan pertubuhan masyarakat lain yang mempunyai cadangan dan program yang berdaya maju untuk membaiki kedudukan sosioekonomi masyarakat. Sebelum itu, Mendaki telah menerima bantuan tahunan dianggarkan sejumlah $250,000 dan kakitangan pentadbir yang dipinjamkan daripada perkhidmatan awam.

32. MAB telah ditubuhkan dalam tahun 1954, pada awalnya sebagai badan penasihat dan wahana maklum balas kepada pemimpin PAP yang kebanyakannya orang Cina.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Dalam tahun 1960-an dan 1970, tumpuan utama MAB beralih kepada isu berkaitan dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), pembinaan masjid, menarik orang Melayu ke dalam PAP, menyampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat dan memberikan maklum balas kepada kerajaan tentang sikap masyarakat terhadap dasar kerajaan (*Petir*, Mac 1989). Untuk menonjolkan dirinya, MAB telah melancarkan sesi dialog bersiri untuk mengumpul maklum balas tentang isu masyarakat Melayu dan untuk merapatkan parti dengan orang Melayu. Ahli profesional, pemimpin teras, dan aktivis kesatuan sekerja telah dijemput ke sesi yang dianjurkan oleh MAB. Skop dan fungsinya yang semakin meluas dan bertambah dicerminkan oleh pelantikan pemimpin teras dan Menteri bukan Melayu seperti Tay Eng Soon dan George Yeoh ke dalam MAB dalam tahun 1989 (ibid.).

33. Ramai orang Melayu sangat kecewa terhadap beberapa orang Ahli Parlimen Melayu, termasuk Menteri Hal Ehwal Islam Ahmad Mattar, yang pergi bercuti keluar negeri dan bukannya bersama-sama masyarakat menentang lawatan Presiden Israel ke Singapura.

34. Pihak yang menentang Rang Undang-Undang Keharmonian Beragama melihatnya sebagai satu cara kerajaan untuk membidas kritik daripada pihak agama. Sebaik sahaja menahan aktivis Kristian dalam tahun 1987 di bawah ISA, Lee Kuan Yew (*ST*, Ogos 1987), dalam ucapan rapat umum Hari Kebangsaan, memberi amaran bahawa beliau tidak akan membiarkan mana-mana kumpulan agama memasuki arena politik: '... Paderi lebih baik jangan mendukung apa-apa jenis sistem ekonomi pun, atau mencabar cara kita melakukan sesuatu, dasar atau teori sosial.' Dalam tahun 1987, empat orang pendakwah Islam dari India, Indonesia, dan Malaysia telah diharamkan memasuki Singapura atas alasan mereka cuba untuk menghasut perasaan keamanan awam orang Islam (*ST*, 2 September 1987). Badan pentadbiran isu Islam, MUIS, ditadbirkan pada peringkat tertingginya oleh orang seperti Zainul Abidin Rasheed dan Ridzwan Dzafir yang tidak langsung dikenali sebagai orang yang kritikal terhadap dasar kerajaan seperti Rang Undang-Undang Pengekalan Keharmonian Beragama (1990). Mufti juga sering mengeluarkan kenyataan umum memberikan sokongan kepada dasar kerajaan yang kontroversi seperti Rang Undang-Undang Pengekalan Keharmonian Beragama (1990). Di bawah Rang Undang-Undang tersebut, ulama dan ketua agama lain yang menentang dasar dan amalan kerajaan tidak dibenarkan bercakap secara umum penentangan mereka, walaupun mereka percaya bahawa dasar dan perbuatan itu bertentangan dengan prinsip agama mereka.

35. Kegagalan Ahli Parlimen Melayu PAP memujuk kerajaan membenarkan pegawai awam wanita Islam memakai tudung di beberapa jawatan keselamatan juga dilihat sebagai bukti kedudukan lemah Ahli Parlimen Melayu dalam PAP.

36. Pandangan ini telah dinyatakan oleh seorang peserta forum anjuran KGMS (Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura) 1991.

37. Kesungguhan pendekatan kerajaan PAP meletakkan syarat telah disebut semula oleh Presiden Wee Kim Wee dalam perutusan tahun 1989 kepada Parlimen. Beliau menyatakan (1989: 5) bahawa bantuan kerajaan akan dilanjutkan 'selagi anggota masyarakat itu menyokong secara terbuka dasar kerajaan'.

38. Sebaik selepas kenyataan Goh tentang pendekatan *quid pro quo* kerajaan, 'usul' 1989 berhubung pemansuhan yuran percuma pelajaran pengajian tinggi untuk pelajar Melayu telah dilihat sebagai pelaksanaan amaran itu.

39. Tawaran Goh dirujuk sebagai satu 'perubahan baru' dalam hubungan kerajaan PAP/masyarakat Melayu dan komitmen yang lebih daripada kerajaan untuk membantu masyarakat itu (*Sunday Times*, 10 Mac 1991). Untuk membiayai Mendaki dan program inisiatif masyarakat lain, Goh menawarkan seringgit bagi setiap ringgit (sehingga $10

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

juta) derma kewangan masyarakat untuk tempoh lima tahun. Sumbangan Melayu/ Islam banyaknya datang daripada sumbangan bulanan pekerja Melayu yang dibantu oleh sistem caruman CPF.

40. Orang Melayu sangat tidak berpuas hati dengan kejatuhan taraf bahasa Melayu walaupun mempunyai taraf rasmi sebagai bahasa kebangsaan Singapura. Selepas bahasa Inggeris, bahasa Mandarin menjadi bahasa rasmi yang terpenting hasil usaha gigih kerajaan mempromosi bahasa itu sebagai lingua franca di kalangan orang Cina.

41. Promosi falsafah Konfusianisme oleh kerajaan PAP pada umumnya dipandang oleh etnik minoriti sebagai contoh mencinakan negara.

42. Mula diwujudkan dalam tahun 1979, pelajar Cina yang mempunyai keputusan cemerlang dalam PSLE digalakkan untuk mendaftar di sekolah SAP yang menggunakan bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama. Kaum minoriti memandang ini sebagai layanan yang tidak sama kerana sistem seperti itu tidak dilaksanakan untuk pelajar Melayu dan India upaya mereka dapat mempelajari bahasa ibunda mereka dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama.

43. Syak wasangka ini timbul berikutan rasional yang tidak telah untuk membela pelaksanaan GRC. Konsep itu mula disuarakan oleh Ahli Parlimen Kebun Bahru Lim Boon Heng dalam bulan Januari 1987. Beliau menganggap usul GRC sebagai cara untuk melicinkan pentadbiran majlis berbilang kawasan pengundi yang pada akhirnya akan mengambil alih pentadbiran taman perumahan HDB (HDB) (*ST*, 30 Disember 1987). Walau bagaimanapun, kemudiannya Lee Kuan Yew (*ST*, 4 Mac 1988) mendakwa bahawa usul GRC ialah cara untuk menjamin pengekalan perwakilan kaum minoriti, terutamanya Melayu. Beliau menyatakan kononnya, tanpa bukti yang kukuh, terdapat aliran pengundian mengikut garis perkauman dan bahawa... 'jika perkara lainnya sama, pengundi Cina mahukan Ahli Parlimen Cina dan bukan Ahli Parlimen Melayu' (ibid.). Pemimpin SDP Chiam See Tong (*ST*, 6 Disember 1987), telah menuduh bahawa GRC ialah strategi PAP untuk mengekalkan penguasaan mereka dan menghakis sistem pilihan raya yang ada.

44. Dalam penghujahan bersama mereka semasa perbicaraan Jawatankuasa Pemilih GRC, mereka meluahkan kerisauan mereka tentang mutu pemimpin Melayu PAP dan menegaskan bahawa orang Melayu tidak 'berpuas hati sepenuhnya' dengan mutu prestasi beberapa orang Ahli Parlimen Melayu di Parlimen (*ST*, 10 Mac 1988).

45. Orang Cina telah menjadi mangsa penindasan di Asia Tenggara terutamanya kerana permusuhan peribumi terhadap mereka yang menguasai ekonomi bandar. Peranan orang tengah yang mereka mainkan pada zaman penjajah membuatkan mereka dipandang sebagai lintah darat. Oleh sebab dipandang sebagai terlalu mementingkan sesama suku, maka kesetiaan mereka terhadap negara diragui (Regnier, 1991: 194).

46. Juffrie juga mengkritik Saniff kerana tidak membangkang penayangan filem gred R (Singh, 1992a: 76).

47. Tuduhan kepemimpinan PAP terhadap salah guna istilah *Insya-Allah* dan *Alhamdullilah* oleh Juffrie ketika rapat umum pilihan raya disangkal oleh Presiden MUIS, Zainul Abidin Rasheed. Beliau secara terbuka menyatakan bahawa kepemimpinan PAP telah salah tafsir penggunaan kedua-dua frasa Islam itu oleh Juffrie sebagai menghasut orang Islam (*ST*, 8 September 1991). Selepas pilihan raya, Sidek Saniff juga menyatakan bahawa dua frasa Islam itu boleh digunakan dalam semua keadaan termasuk juga dalam perhimpunan politik (*ST*, 5 September 1991). Kenyataan yang dibuat oleh Rasheed dan Saniff terang-terangan menyangkal kutukan kepemimpinan PAP terhadap Juffrie sebagai penghasut perkauman.

48. Johan ialah seorang Editor Kumpulan akhbar harian *Utusan Melayu*. Beliau membuat komen terhadap kenyataan kontroversi Lee Kuan Yew mengenai Johor

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dalam bulan Mac 1997. Johan menyatakan bahawa Lee 'hidup masih ditakuk lama...kita harus bersimpati akan ketidakupayaannya untuk memahami realiti baru' (disebut dalam *ST*, 24 Mac 1997).

49. Robertson ialah peguam bela hak asasi kemanusiaan yang terkemuka.

50. Kerajaan Malaysia dengan tegas telah membalas kenyataan Lee tentang Johor dengan mengeluarkan satu kenyataan pada 26 Mac, bahawa Malaysia akan membekukan semua hubungan baru dua hala dengan Singapura dalam tempoh masa yang belum ditetapkan. Lebih penting, keputusan Kabinet Malaysia membekukan penglibatan Singapura dalam banyak projek mega Malaysia seperti Koridor Lebuhraya Multimedia.

51. Berbanding dengan negara ASEAN lain, Singapura mengeluarkan perbelanjaan ketenteraan terbesar bagi setiap warga pada kadar US$330 (Regnier, 1991: 256). Pulau itu mempunyai tentera seramai 50,000 orang dan 200,000 orang tentera simpanan. Dalam tahun 1987, belanjawan tahunan ketenteraannya ialah US$869 juta atau 21 peratus daripada perbelanjaan awam.

52. Kebanyakan orang Melayu yang ditemu bual oleh *Berita Harian* menentang lawatan Presiden Israel terutamanya kerana kedegilan dan sikap agresif Israel di Timur Tengah dan kezalimannya ke atas rakyat Palestin (*ST*, 17 Januari 1987). Maka itu mereka mengambil satu pendirian moral.

53. Kerajaan PAP tidak mengambil peduli nasihat pertubuhan Melayu Islam seperti Jamiyah (Persekutuan Seruan Islam Singapura) dan PKMS supaya tidak menjemput Presiden Israel melawat Singapura. Kedua-dua pertubuhan itu memberi amaran kepada kerajaan akan respons geopolitik masyarakat Islam serantau jika Hertzog melawat Singapura.

54. Rujuk temu bual dengan Ahmad Mattar dalam Lampiran 1.

55. Akhbar Indonesia dan Malaysia mengkritik keras kenyataan Goh kerana ia sangat tidak sesuai dan celupar bagi seorang pemimpin ASEAN untuk menyatakan keraguan keikhlasan jiran-jirannya (*ST*, Ogos 1990). Sebaik sahaja selepas peristiwa itu, Ahli Parlimen Indonesia dengan jujur memberitahu Ahli Parlimen Singapura yang sedang melawat Indonesia supaya pemimpin Singapura lebih peka terhadap sensitiviti jiran-jirannya apabila membuat kenyataan awam (*ST*, 19 Ogos 1990).

56. Kenyataan Goh juga menimbulkan keraguan atas dakwaannya bahawa, selepas mengambil alih tempat Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri, beliau tidak membawa apa-apa 'beban emosi' masa silam dan tidak mempunyai minat untuk 'mengimbangi semula akaun' (dipetik daripada Ganesan, 1992: 190).

57. Pungutan suara pertama *ST* menunjukkan bahawa walaupun 80 peratus rakyat Singapura menyokong serangan Sekutu AS ke atas Iraq, sebaliknya 65 peratus orang Melayu tidak bersetuju (*ST WOE*, 2 Februari 1991). Pungutan suara yang dilakukan 18 hari selepas gencatan senjata Iraq menunjukkan 50 orang Melayu menyokong serangan tentera ke atas Iraq berbanding dengan 80 peratus bukan Melayu (*ST WOE*, 13 April 1991).

58. Kajian Chew (1987) tentang jati diri etnik dan kebangsaan mendapati bahawa orang Melayu mempunyai tahap yang paling tinggi jati diri kebangsaan (86-98 peratus) berbanding 85-90 peratus bagi orang India dan 30-61 peratus orang Cina; 69-95 peratus orang Melayu bangga sebagai rakyat Singapura berbanding 54-74 peratus orang Cina. Kaji Selidik Institut Kajian Dasar dalam tahun 1989 seterusnya menunjukkan bahawa 94 peratus orang Melayu gembira sebagai rakyat Singapura berbanding 81 peratus orang Cina dan 91 peratus orang India (disebut dalam *ST*, 30 September 1990).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

BAHAGIAN III
KETAKSAMAAN PELAJARAN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

7

Penginstitusian Elitisme Pelajaran

Pengetahuan ialah proses memperoleh maklumat, kebijaksanaan ialah proses memahami susurgalur kehidupan dengan penuh ihsan dan rendah diri.

BAB ini menganalisis aliran ke arah elitisme pelajaran dan implikasinya terhadap peluang sama rata pelajaran dan berbilang kaum di Singapura. Terutamanya semenjak lewat tahun 1970-an, pendekatan teknokrat kerajaan PAP terhadap penggubalan dasar pelajaran telah dipengaruhi oleh falsafah pelajaran yang konservatif dari Barat. Turut dikaji ialah Dasar Pelajaran Baru (NEP) dan pascadasar NEP seperti pengkhususan aliran pelajaran yang awal, penubuhan sekolah persendirian, sekolah berautonomi dan monoetnik, peningkatan kos pelajaran, dan kesannya terhadap kesamaan peluang pelajaran. Dalam bahagian akhir bab ini tumpuan khas diberikan pada peningkatan kepentingan faktor kelas dalam pencapaian pelajaran dan kesannya terhadap etnik minoriti, pelajar pendidikan khas, dan mereka yang dari latar belakang mundur dari segi sosial. Penting juga ditonjolkan perbezaan antara retorik dan amalan peluang sama rata dari segi pelajaran, meritokrasi, dan berbilang kaum dalam sistem pelajaran.

ALIRAN KE ARAH ELITISME PELAJARAN

Menanjak Agenda Pelajaran Neo-Konservatif

Dalam dekad kemewahan ekonomi yang relatif selepas Perang Dunia Kedua, agenda pelajaran sosial demokratik yang menggalakkan ideal membuka luas peluang pelajaran, kesaksamaan, peluang-peluang, dan pelajaran tambahan telah diinstitusikan di kebanyakan negara Barat.[1] Walau bagaimanapun, akibat dari kemerosotan ekonomi yang teruk dalam tahun 1970-an, berlaku peralihan daripada agenda pelajaran sosial demokratik kepada yang lebih konservatif. Reformasi pelajaran sosial


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

demokratik dikritik sebagai tidak memenuhi keperluan industri, gagal mengekalkan momentum ekonomi pada dekad sebelumnya dan tidak dapat memberikan penyelesaian kepada krisis ekonomi tahun 1970-an.[2]

Hanyut dalam fahaman konservatif ini, agenda pelajaran, yang dahulunya menumpukan pada kesaksamaan, ketuntasan, dan inisiatif tambahan, kini semakin tertumpu pada tanggapan kecemerlangan, merit, pengkhususan, penswastaan, bakat, saingan, dan pilihan.[3] Komited terhadap pendekatan modal manusia dan rasionalis ekonomi terhadap pelajaran yang melihat pelajaran sebagai sumber ekonomi yang perlu diguna dan dilaburkan untuk pembangunan ekonomi negara, pada asasnya reformasi konservatif ini meletakkan pelajaran di bawah kepentingan ekonomi pasaran. Walaupun pembiayaan awam diterima sebagai satu keperluan, namun semakin banyak sumber swasta dalam bentuk yuran dan tuisyen diperlukan terutama pelajaran dan latihan di peringkat tinggi. Dengan meluaskan pangkalan sumber, pelajar perlu membayar nisbah kos kewangan yang lebih tinggi untuk pelajaran mereka. Logik ini berdasarkan andaian rasionalis ekonomi bahawa pelajaran itu ialah satu komoditi yang seharusnya lebih berorientasikan pasaran (Marginson, 1993: 56). Kos yuran persekolahan dan universiti yang semakin meningkat di Singapura sejak beberapa tahun kebelakangan dapat dijelaskan dari konteks teori modal manusia dan pendekatan rasionalis ekonomi terhadap pelajaran.

Paradoksnya, serangan konservatif dalam bidang pelajaran dalam tahun 1970-an dan 1980-an telah dimudahkan lagi oleh ahli teori konflik ortodoks (Bowles & Gintis, 1976) yang memperkecilkan potensi sektor pelajaran sebagai arena reformasi dan penentangan sosial. Mereka mengatakan bahawa sekolah hanyalah tempat menjana kembali perbezaan kelas, jantina, dan etnik dan berfungsi mengimbangi percaturan politik dan ekonomi. Reformasi pelajaran sosial demokratik dikesampingkan sebagai satu 'revolusi pasif' Gramsci, iaitu negara melaksanakan reformasi untuk mencegah revolusi dan mewujudkan persekitaran yang menjamin persetujuan popular yang pasif (Hall, 1989: 126).[4]

Reformasi demokrasi sosial juga diserang oleh pertubuhan pemikir konservatif *(Hillgate Group, Institute of Economic Affairs, National Association of Scholars)* dan cendekiawan seperti Allan Bloom (1987) dan Milton Friedman (1980). Puak konservatif mengkritik pelajaran pelbagai budaya kerana dikatakan ia memecahbelahkan masyarakat dan menghentam perjuangan keadilan sosial kumpulan minoriti, manakala

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Friedman (1980) pula menyeru untuk menamatkan pembiayaan wang rakyat terhadap pelajaran sekolah rendah dan menengah. Reformasi pelajaran sosial demokratik juga dikritik kerana gagal menepati keperluan akademik pelajar, tidak memenuhi keperluan industri, dan dengan ketaranya menyumbang terhadap ketidaksaingan ekonomi.[5] Kelembapan ekonomi disabitkan pada sektor pelajaran kerana tidak mengikut ketentuan persaingan bebas pasaran ekonomi. Mereka mengandaikan bahawa mutu sistem pelajaran akan meningkat apabila setiap sekolah bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan murid-murid, terutama pelajar yang 'terbaik', maka itu memberikan pilihan pelajaran kepada orang awam. Dengan cara begini, paradigma pelajaran konservatif kononnya dapat memberikan insentif untuk memacu sekolah supaya ditadbirkan seperti organisasi perniagaan yang cekap, iaitu ibu bapa sebagai 'pelanggan' dan anak murid sebagai 'produk'. Mutu 'produk' dinilai melalui prestasi purata sekolah dalam peperiksaan kebangsaan. Menurut ketentuan logik pasaran bebas, sekolah digalakkan bersaing untuk mendapatkan dana daripada bekas pelajar, ibu bapa, dan masyarakat peniaga serta menganjurkan pelbagai aktiviti pengumpulan dana (Jones, 1989: 48).

Selain merosotkan standard akademik, reformasi pelajaran sosial demokratik juga telah dituduh memusat dan mengehadkan peranan ibu bapa daripada menunjukkan minat mereka dalam persekolahan anak-anak masing-masing (Chubb & Moe, 1986). Reformasi itu juga dikutuk kerana memangsakan pelajar yang lebih 'bijak' dan 'bijak' atas alasan bahawa reformasi pelajaran itu tertumpu kepada pelajar yang 'sederhana'. Sebaliknya, dicadangkan kurikulum dan aliran yang berbeza bagi pelajar yang 'bijak', 'sederhana' dan 'lembap' untuk meraih kecemerlangan (Waltrous, 1984: 13).[6] Pelajar yang dikelaskan sebagai 'bijak' akan diberi sumber pelajaran yang lebih banyak.

Para penyokong agenda pelajaran yang konservatif pada umumnya tidak serius mengambil kira pendapat bahawa latar belakang sosioekonomi pelajar dan mutu pembelajaran sangat menentukan pencapaian akademik, kerana ini bercanggah dengan andaian mereka bahawa usaha yang gigih dan warisan baka yang baik sahajalah kunci yang menentukan kejayaan.[7] Sesetengah pelajar yang kurang berjaya dari segi akademik bukannya dikaitkan dengan kelemahan struktur sistem pelajaran tetapi kononnya kerana salah baka dan/atau sifat malas mereka sendiri. Penyelidikan yang menunjukkan bahawa ujian pencapaian yang seragam (IQ) mendiskriminasikan pelajar minoriti dan golongan terpinggir sosial, pada umumnya diketepikan kerana ini bercanggah dengan kepercayaan mereka terhadap sistem pelajaran yang berkecuali



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

dan adil. Begitu juga kajian yang mendapati bahawa prestasi ujian akademik menunjukkan hubungan yang lemah dengan prestasi kerja juga tidak diambil kira (Collins, 1979).

Menyetempatkan Agenda Pelajaran Konservatif

Dalam dua dekad pertama pemerintahan PAP (1959-79), sistem pelajaran Singapura adalah berorientasikan ke arah aspek kuantitatif[8] dan integrasi sosial. Program besar-besaran membina sekolah dan kursus latihan guru dilancarkan untuk memenuhi permintaan mendapatkan guru. Pelajaran diletakkan keutamaan yang tinggi, kerana dalam andaian modal manusia, tenaga kerja yang berpendidikan itu menjadi bahan yang efektif untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan menggalakkan jati diri Singapura yang bersepadu. Pendekatan integratif terhadap pelajaran ini dikirakan sangat penting untuk mengatasi masalah sistem pelajaran yang memencarkan masyarakat dan mengasingkan kaum etnik yang diwarisi daripada pentadbiran penjajah.[9] Walaupun masih mengekalkan sistem 6-4-2 British,[10] sistem pelajaran menjadi lebih berintegrasi dari segi sosial apabila para pelajar dari semua aliran bahasa perlu belajar bahasa Inggeris dan menduduki *Cambridge General Certificate of Education* (GCE 'O' Level) semenjak tahun 1970. Integrasi etnik dan sosial digalakkan lagi apabila semakin ramai pelajar mendaftar ke sekolah Inggeris, kelas sivik, dan belajar dari buku teks yang telah diselaraskan. Buat pertama kalinya sejarah Singapura ditawarkan sebagai satu subjek yang tersendiri.[11] Dwibahasa juga diwajibkan bagi semua pelajar dari Darjah 1 hingga Prauniversiti 2. Dasar dwibahasa membolehkan ibu bapa memilih, selain bahasa Inggeris, salah satu daripada empat bahasa rasmi sebagai bahasa pengantar anak-anak mereka, dengan satu daripada bahasa itu sebagai bahasa utama (L1).[12]

Falsafah pelajaran kepemimpinan PAP telah dipengaruhi oleh tanggapan eugenik bahawa kecerdasan ditentukan terutamanya oleh himpunan baka. Dengan mempercayai bahawa orang yang semula jadi dilahirkan 'bijak' itu adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat, sumber yang terhad dan kelangsungan Singapura menetapkan supaya mereka diberikan pelaburan yang berlebihan nisbahnya dari sumber negara. Seawal tahun 1966, Lee Kuan Yew (1966) mengusulkan betapa pentingnya 'mendidik satu generasi di lapisan tertinggi dalam masyarakat yang mempunyai semua sifat untuk memimpin dan merangsang inspirasi dan daya tenaga kepada rakyat jelata yang lainnya untuk berjaya. Pendek kata, golongan elit.' Komited untuk mendidik segelintir golongan 'bijak'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan memanfaatkan pembezaan pelajaran, satu sistem pengkhususan untuk menyalurkan para pelajar ke dalam institut akademik, teknikal dan vokasional telah dilaksanakan dalam tahun 1969 (Milney dan Mauzy, 1990: 18).[13] Institusi elit yang dipanggil maktab rendah muncul pada awal tahun 1970-an untuk pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE.

Semenjak awal tahun 1980-an, Kementerian Pelajaran Singapura (MOE) telah menerima pakai kebanyakan wacana dan agenda pelajaran konservatif yang diusulkan di Barat. Agenda pelajaran konservatif ini sangat dialu-alukan kerana ia melengkapi orientasi ideologi dan ketidakadilan eugenik kepemimpinan PAP. Ia juga menawarkan penjelasan mudah terhadap kelemahan dasar pelajaran yang lama dan cara untuk mengatasi kelemahan itu.[14] Bagi menjustifikasikan perubahan besar dalam dasar pelajaran itu, reformasi pelajaran sosial demokratik sering dikritik sebagai tidak sesuai untuk Singapura kerana 'kita hanya mempunyai segelintir pelajar berbakat dan tidak berupaya untuk membazirkan mereka seperti orang British' (Lee Kuan Yew, *ST,* 14 September 1986).

Penginstitusian agenda pelajaran neo-konservatif dimanifestasikan oleh pelaksanaan dasar pengkhususan awal NEP. Ini telah diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan program penswastaan institusi pelajaran terkemuka menjadi sekolah persendirian lewat tahun 1980-an. Bagi mengisytiharkan penubuhan sekolah persendirian dalam satu majlis perasmian seminar prauniversiti, Menteri Pelajaran Tony Tan (*ST*, 23 Jun 1987) telah merujuk penyelidikan Amerika Utara yang dilakukan oleh pendidik konservatif J. Chubb dan T. Moe (1986 dan 1990). T. Moe gigih mempromosikan pandangan bahawa persekolahan swasta yang beroperasi dalam pasaran akan mempertingkatkan prestasi akademik pelajar, lebih bertindak balas terhadap kehendak ibu bapa, dan menggalakkan kecemerlangan.

Menggubal Dasar Pelajaran di Singapura

Sebelum mengkaji pelbagai dasar pelajaran yang muncul daripada NEP 1979, elok juga diberikan penerangan singkat tentang penggubalan dasar pelajaran di Singapura. Ini dapat membantu menghayati dengan lebih mendalam lagi akan faktor penting seperti proses birokrasi pelajaran serta saranan penting politik dan ideologi ke atas penggubalan dasar pelajaran.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Lama sebelum meminjam idea pelajaran neo-konservatif dari Barat, dasar pelajaran dan kurikulum sekolah lazimnya dibentuk di luar negara dan dirumuskan oleh pakar pelawat, perunding, dan kakitangan ekspatriat.[15] Pergantungan kepada input asing dalam menggubal dasar telah mengakibatkan ketandusan ujian standard setempat dan terlalu bergantung pada hasil penyelidikan yang dilakukan di Amerika Syarikat dan Britain, yang mungkin tidak begitu relevan untuk masalah dan kemajuan kanak-kanak dan sekolah Singapura (Taylor, 1980).[16] Sebagaimana yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi dalam Bab 8, penggubalan dasar pelajaran lebih dipengaruhi oleh politik dan bukannya pertimbangan pelajaran. Ini mungkin dapat menjelaskan mengapa dasar pelajaran begitu tidak menentu dan cenderung sering untuk dirubah-rubah, diperbaharui dan dibatalkan, distrukturkan dan struktur semula. Selain itu, tempoh penggal yang pendek bagi menteri pelajaran[17] telah menyumbang ke arah penggubalan dasar pelajaran yang tidak menentu.

Cadangan Laporan Goh NEP 1979 dan Sistem Pelajaran Baru (NES) 1991 ialah contoh jelas bagaimana orientasi teknokrat, ideologi dan politik menentukan penggubalan dasar pelajaran di Singapura. Cadangan Laporan Goh adalah berdasarkan andaian yang tekal dengan pandangan dunia ideologi kepemimpinan PAP.[18] Kajian kesan sosial daripada cadangan itu tidak dilakukan. Ini tidaklah mengejutkan kerana Pasukan Goh itu sebahagian besarnya dianggotai oleh penganalisis sistem dan ahli ekonomi yang tidak segan silu menyatakan bahawa 'tidak seorang pun antara kami yang mempunyai pengetahuan atau pakar dalam pendidikan' (Laporan Goh, 1979: 1). Ahli sains sosial dan para pendidik sengaja tidak dilantik ke dalam pasukan itu oleh Menteri Pelajaran Goh Keng Swee lantaran beliau tidak mengiktiraf kepakaran mereka. Penghinaan Goh terhadap kepakaran mereka dinyatakan secara terbuka oleh Goh bahawa beliau 'tidak ada keyakinan terhadap ahli sains sosial' (*New Nation*, 10 September 1979). Pasukan yang semuanya dianggotai oleh orang Cina langsung tidak mempedulikan sensitiviti etnik minoriti, contohnya apabila mengusulkan skim SAP untuk pelajar Cina. Walaupun pemahaman mereka tentang isu pelajaran adalah cetek, Pasukan Goh hanya mengambil tempoh enam bulan sahaja untuk menyiapkan laporan lengkap mereka dan terus mengusulkan perubahan radikal dalam sistem pelajaran.

Oleh sebab NES direka oleh ahli ekonomi, jurutera sistem, dan ahli teknokrat, maka pendekatan mereka sangat bercirikan teknokrat dan sangat dibentuk oleh keutamaan ideologi dominan semasa.[19] Kesan dasar pelajaran itu ke atas etnik minoriti dan yang mundur dari segi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sosial tidak ada dalam agenda mereka untuk diberikan perhatian serius. Pendekatan menggubal dasar pelajaran seperti ini tekal dengan sikap yang sangat elit dan instrumental para birokrat kanan dalam Kementerian Pelajaran (Naronha, 1981). Maka itu, pendekatan teknokrat Pasukan Goh bukan melanggar amalan lazim, tetapi merupakan kesinambungan gaya dan isi penggubalan dasar pelajaran lalu oleh para teknokrat yang pada umumnya tidak ada pengalaman amali atau akademik dalam bidang pendidikan.[20] Seperti juga dalam menggubal dasar awam dalam bidang yang lain, amat jarang sekali dasar dan reformasi pelajaran diilhamkan oleh rakyat, iaitu dari cadangan bersama para guru, guru besar, ibu bapa dan pelajar. Pendekatan dari atas ke bawah ini dalam menggubal dasar pelajaran ini diakui oleh Pasukan Goh, yang menyebut dasar seperti Semakan Semula Sistem Persekolahan Menengah, Masa Luang Bahasa, dan projek Pilihan Prauniversiti - semuanya berasal dari Pejabat Perdana Menteri (Laporan Goh, 1979: 5-4).

Ketandusan kajian yang mendalam tentang kesan sosial sebelum sebarang pengubahsuaian dan pelaksanaan dasar pelajaran utama dilakukan, dibuktikan oleh pelaksanaan skema SAP dalam tahun 1980-an. Tiada satu kajian pun yang dibuat akan kesan sosial dan politik skim monoetnik itu ke atas masyarakat minoriti dan hubungan etnik sebelum pelaksanaannya dilakukan. Aliran satu bahasa NEP yang kontroversial dan sangat tidak popular itu[21] akhirnya dimansuhkan oleh NES (1991/2) yang meninggalkan beribu-ribu pelajar aliran satu bahasa tanpa persekolahan menengah yang penting untuk mobiliti sosial mereka.[22] Walaupun tidak ada mohon maaf, kepincangan aliran satu bahasa NEP dan dasar aliran awal telah diakui oleh Menteri Pelajaran, Tony Tan, dalam satu perutusan awam sebelum beliau bersara. Beliau mengaku bahawa dasar aliran satu bahasa ialah satu percubaan yang gagal dari segi sosial dan ekonomi.[23] Konsep Universiti Terbuka, yang diumumkan dengan publisiti yang meluas dalam bulan Julai 1991, mulanya dirancang untuk dimulakan sebagai institusi pengajian tinggi awam dalam tahun 1993. Namun, belum setahun selepas pengumuman awal itu (Mac 1992), kerajaan mendedahkan bahawa cadangan Universiti Terbuka itu bukan ditadbir sebagai sebuah institusi awam tetapi ialah institusi swasta.[24] Dalam satu perubahan pusingan U, Universiti Nanyang yang beraliran bahasa Cina dan Universiti Singapura digabungkan dalam tahun 1980. Hanya satu dekad kemudiannya, universiti itu disusun semula menjadi institusi pengajian tinggi berasingan. Subjek Pengetahuan Agama mengambil alih tempat Sivik sebagai subjek wajib dalam tahun 1984, tetapi menjelang 1989 taraf wajibnya dimansuhkan, dan dalam tahun 1990 subjek itu tidak ada peperiksaan. Satu lagi program yang pendek

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hayatnya dan penyelidikan yang dangkal ialah berkaitan dengan Skim Sekolah Seharian 1992 untuk murid-murid sekolah rendah. Sambutan buruk ibu bapa terhadap skim itu[25] telah menyebabkannya dimansuhkan pada tahun yang berikutnya (*ST*, 2 Jun 1992).

Perubahan dan sedikit penyesuaian ke atas dasar pelajaran yang tertentu dibuat apabila ia seolah-olah menimbulkan tentangan kuat daripada orang awam. Namun demikian, perubahan dan pengubahsuaian dasar hanyalah merupakan taktik pragmatik untuk mengendurkan kemarahan awam. Satu contoh perubahan dasar pelajaran akibat tindak balas penentangan awam ialah dasar siswazah ibu yang singkat dilaksanakan dan sangat tidak popular itu. Dasar itu menawarkan keutamaan kepada anak-anak daripada siswi yang mempunyai ijazah pengajian tinggi untuk memilih sekolah pilihan mereka. Berasaskan prinsip eugenik, ia adalah satu cara untuk menggalakkan siswi melahirkan ramai anak bagi mengimbangi corak kehamilan yang tinggi di kalangan wanita yang kurang berpelajaran. Diperkenalkan dalam tahun 1983, dasar itu ditamatkan lebih setahun selepas itu setelah mencetuskan bangkangan hebat daripada orang awam dan menjadi liabiliti pilihan raya untuk kerajaan PAP. Khususnya selepas pertengahan 1980-an, penggubal dasar pelajaran mula belajar untuk peka politik dan cukup anjal untuk membuat perubahan dan penyesuaian dasar bersesuaian dengan iklim ekonomi dan sosial yang berubah-ubah. Namun begitu, ciri dan komponen asas sistem pelajaran seperti Program Pendidikan Pelajar Bijak (GEP) yang berlandaskan eugenik, sistem aliran awal, dan pilih kasih etnik/bahasa seperti promosi bahasa Mandarin, tidak berubah walaupun terdapat kritikan yang hebat daripada pihak awam terhadap program tersebut.

Dasar Pelajaran Baru

Laporan Goh (1979) merupakan yang pertama daripada beberapa siri pembaharuan pelajaran yang diilhamkan daripada agenda pelajaran neo-konservatif yang bermula di banyak negara Barat lewat 1970-an. Pelaksanaannya merupakan batasan pelajaran yang dengan jelas menunjukkan penguasaan agenda pelajaran konservatif yang amat terbuka dan secara tegas menginstitusikan asas perbezaan pelajaran terutama melalui dasar aliran awal.

Tiga kelemahan utama sistem pelajaran yang disebut oleh Laporan Goh (1979: 1-4) yang menyebabkan perlunya penyusunan semula sistem pelajaran yang sedia ada ialah:

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1. Tahap 'pembaziran' pelajaran yang tinggi (kadar pelumpuhan yang tinggi);[26]
2. Tahap celik huruf yang rendah di kalangan pelajar tamat sekolah;[27] dan
3. Tidak mencapai tahap dwibahasa yang berkesan.[28]

Dengan perbahasan dan perbincangan awam paling sedikit berkenaan cadangan radikal Laporan Goh, semuanya dilaksanakan di bawah nama NEP. Ciri NEP yang paling menonjol sekali ialah aliran murid-murid berumur sembilan tahun dalam Darjah 3 kepada:

1. Aliran dwibahasa biasa (60 peratus) - enam tahun sekolah rendah;[29]
2. Lanjutan aliran dwibahasa (20 peratus) - lapan tahun sekolah rendah;[30] atau
3. Aliran ekabahasa (pravokasional) (20 peratus) - lapan tahun tamat sekolah rendah.[31]

Pada peringkat sekolah menengah, para pelajar lagi sekali dialirkan kepada tiga aliran berdasarkan prestasi mereka dalam PSLE, termasuk:

1. Aliran istimewa atau bijak (10 peratus teratas) - empat tahun sekolah menengah;[32]
2. Aliran ekspres (40 peratus seterusnya) - empat tahun sekolah menengah;[33] dan
3. Aliran biasa (50 peratus terbawah) - lima tahun sekolah menengah.[34]

Alasan utama yang diberikan untuk membela sistem struktur aliran yang berhierarki itu ialah sistem lama 6-4-2 itu, yang pada umumnya mengenakan murid-murid sukatan pelajaran dan peperiksaan yang sama dalam jangka masa yang sama, adalah tidak adil dan merupakan satu 'kepincangan utama dalam sistem pelajaran kita yang lalu' (Laporan Goh, 1979: 1-5). Dengan menggunakan retorik egalitarian, walaupun berlandaskan andaian elitis, laporan itu menuduh bahawa pendidikan yang seragam menguntungkan pelajar cerdas tetapi merugikan pelajar lembap kerana mereka mempunyai kebolehan pembelajaran yang berbeza. Aliran awal, dikira dapat memperbetulkan kelemahan ini dengan mengenal pasti pelajar yang paling bijak dan memindahkan mereka ke kurikulum yang lebih mencabar dan merangsang daya intelek mereka, serta diajar di sekolah yang mempunyai kemudahan pendidikan yang terbaik. Pelajar yang dikenal pasti sebagai 'lembap' akan dipindahkan ke sekolah aliran lanjutan dan ekabahasa yang bakal melengkapkan mereka menerima latihan vokasional. Pelajar yang dikenal pasti berada di antara dua kutub intelek ini, tetapi lebih dekat kepada yang terkebawah, akan diletakkan ke dalam aliran lanjutan sekolah rendah dan aliran 'biasa' sekolah menengah. Dengan rejim pelajaran pembezaan kurikulum dan tempoh masa untuk menampung 'kebolehan'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang berbeza-beza, para pelajar akan diajar menurut 'kebolehan mereka menerima arahan' (Laporan Goh, 1979: 1-3).

Yang kurang diberi publisiti tetapi merupakan fungsi tersirat aliran itu ialah ia menggalakkan penyaluran pelajar daripada pelbagai aliran pelajaran akhirnya kepada beraneka lapisan hierarki pekerjaan. Pelajar yang 'kurang berkebolehan' dari aliran ekabahasa dan aliran biasa, iaitu lebih kurang 40 peratus daripada jumlah pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah, akan diberikan pelajaran dan kemahiran teknikal/ vokasional untuk bersedia pada masa hadapan sebagai tenaga kerja mahir. Lima puluh peratus yang lainnya dijangka akan menamatkan sekolah menengah dan memasuki politeknik dan institut latihan lain. Sebilangan kecil pula akan dinaikkan ke maktab rendah prauniversiti, dan segelintir elit yang lebih sedikit akan diserapkan ke universiti. Rejim aliran sebegini dijangka dapat mengurangkan 'pembaziran' dalam sistem pelajaran. Bukan seperti pada masa lalu, kebanyakan pelajar tidak lagi ditawarkan untuk menduduki peperiksaan utama, seperti PSLE dan GCE 'O' Level, tetapi kini sumber pelajaran disalurkan dengan banyak kepada berbagai-bagai program elit bagi pelajar 'bijak'. Ini berdasarkan andaian bahawa pelajar yang lebih 'bijak' akan menghasilkan pulangan yang tinggi kepada ekonomi dan negara pada masa jangka panjang.

Dasar Aliran Awal NEP

Rasional utama yang diberikan oleh Laporan Goh (1979) menjustifikasikan aliran awal pelajar adalah supaya mereka dapat belajar dan maju menurut kemampuan masing-masing. Namun begitu, pelajar yang dikenal pasti sebagai 'kurang berkebolehan' disalurkan ke dalam aliran bukan akademik, iaitu sumber pelajaran, kurikulum, dan kelayakan yang ditawarkan bukan sahaja berbeza tetapi juga kurang bermutu daripada apa yang diberikan kepada pelajar akademik arus perdana. Penuh sesak di dalam bilik darjah sehingga seramai empat puluh orang murid, mereka diajar oleh guru yang tidak dilatih khas untuk mengajar pelajar yang 'lembap'. Apabila sahaja seseorang itu disalurkan ke dalam aliran ekabahasa, wujud halangan akademik dan psikologi yang amat besar untuk diatasi jika mahu berpindah ke aliran arus perdana yang lebih baik, justeru ini membuatkan pada realitinya tidak ada peluang langsung untuk pelajar keluar dari aliran yang telah diperuntukkan untuk mereka (STU, 1980: 50). Begitu juga, untuk berpindah dari aliran menengah biasa ke aliran ekspres sangatlah sukar kerana syarat ketat yang dikenakan.[35] Di sini ternyata terdapat percanggahan besar dalam

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Laporan Goh berhubung apa yang dikatakan mengambil berat tentang yang 'kurang berupaya' sedangkan dari segi amalan, peluang adalah terhad untuk mereka untuk membuat pilihan sebenar, belajar dan maju mengikut kemampuan mereka dengan bantuan sumber yang memuaskan, dan dalam sistem pelajaran arus perdana.

Banyak penyelidikan telah menunjukkan bahawa aliran awal berkesan meramalkan masa hadapan pelajar seperti pencapaian akademik, peluang kerja selepas sekolah (Ball, 1986: 85) dan meningkatkan pengaruh latar belakang keluarga terhadap pencapaian akademik (Mortimore dan Mortimore, 1986: 26). Kajian yang dibuat oleh Barker-Lunn (1970) dan Alexander et. al. (1978) mendapati bahawa pelajar yang disalah alir cenderung meresapi kebolehan akademik aliran yang diperuntukkan bagi mereka, dengan itu terbuktilah tanggapan terhadap penyempurnaan kendiri. Yang menonjolnya juga ialah kajian (Calhoun dan Elliot, 1977; Dar dan Resh, 1986; Gamoran, 1986; Slavin dan Madden, 1986; Sorensen dan Hallinan, 1986) yang menunjukkan bahawa pelajar 'lembap' yang disalurkan ke dalam darjah yang tidak beraliran mempunyai prestasi yang lebih baik daripada yang disalurkan ke dalam aliran 'lembap'. Bertentangan dengan logik aliran awal, persekitaran pembelajaran yang baik, tatacara maklum balas yang positif antara pelajar dan guru, dan tatacara pembetulan di dalam dan di luar bilik darjah didapati telah membantu kebanyakan kanak-kanak belajar pada tahap yang sangat tinggi. Apabila disediakan persekitaran intelek dan emosi yang positif, kebanyakan pelajar belajar sikap yang positif terhadap sekolah dan membina keyakinan diri terhadap kebolehan mereka untuk belajar (ibid.).

Kajian di Singapura (STU, 1980; Heng, 1985; Saroja, 1987; Mannarlingham, 1989) ke atas pelajar aliran 'lembap' pula mendapati bahawa aliran meninggalkan kesan psikologi lemah semangat kepada pelajar yang terlibat. Dengan perasaan kecewa, lemah, dan berada dalam 'perjalanan yang tiada berpangkal', ramai pelajar itu dicap sebagai 'lembap' dan gagal akademik, justeru hilang motivasi mereka untuk rajin belajar dan mencapai taraf prestasi seperti pelajar lain dalam aliran yang lebih cepat (Heng, 1985: 39). Gagal mendapat sokongan daripada rakan-rakan, ibu bapa, dan guru, ramai yang membuat keputusan tidak mencuba lagi dengan harapan bahawa orang dewasa tidak lagi menaruh harapan untuk memulihkan prestasi akademik mereka, dan ini merupakan strategi untuk melepaskan diri mereka daripada beban tekanan untuk mengejar kejayaan. Apabila mereka sentiasa mengerti bahawa kerjaya masa hadapan mereka adalah terhad, mereka terdorong mengambil sikap mengalah dan 'tidak peduli' (ibid., 1985: 48) sebagai

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mekanisme pertahanan diri untuk menghadapi kegagalan dan perasaan yang sangat kecewa terhadap sistem sekolah. Dengan rasa hina dan kehilangan harga diri, ada yang terjerumus ke dalam perlakuan antisosial seperti menghidu gam, merokok, dan berpakaian tidak senonoh (ibid., 59) yang menandakan penentangan mereka terhadap nilai dominan sistem pelajaran yang telah menghukum dan menyingkir mereka. Pelajar yang lebih tajam daya pemikiran mereka mula melihat bahawa kegagalan akademik mereka itu bukan terlalu disebabkan oleh diri mereka sendiri, tetapi oleh kelemahan sistem pelajaran yang menghalang kemajuan akademik mereka (Willis, 1977). Namun demikian, seperti yang lain, mereka cenderung untuk meluahkan kekecewaan mereka dalam bentuk perlakuan yang tidak menguntungkan.

Sistem aliran dan melabel kanak-kanak sebagai 'bijak, 'lembap' dan 'biasa' ialah konstruk sosial yang berkaitan dengan kepercayaan ideologi dan pendekatan agenda pelajaran konservatif. Ini juga berlandaskan ujian IQ[36] yang sangat kontroversi dan berdasarkan ilmu pengetahuan yang terhad (seperti Matematik dan Sains) dan bukannya kepada atribut lain yang lebih luas. Bukannya bersifat objektif dan berkecuali, malah cara melabel ini mengesahkan pengagihan berlainan jenis ilmu pengetahuan dan kurikulum kepada pelajar yang berlainan, dan bertindak untuk mengalih perhatian dari kecacatan struktur dan ketidaksamaan sosial sistem pelajaran (Apple, 1987: 25, 135). Ini ialah ironis zalim terhadap pelajar yang disalurkan ke dalam aliran 'lembap', kerana membuat keyakinan dan harga diri mereka musnah[37] dan sering pula mempercayai akan label akademik yang dicapkan ke atas diri mereka. Ketika penulis bekerja sebagai guru sementara dalam tahun 1992, sering terdengar kenyataan rendah diri dari pelajar aliran biasa seperti 'kami sememangnya bodoh' dan 'kami hanya dari aliran biasa' untuk menjelaskan prestasi buruk akademik mereka. Mereka cenderung untuk mempercayai dan bertindak sebagai yang dilabelkan 'kurang berkebolehan' oleh sistem arus perdana. Bagi mengesahkan kesan psikologi yang buruk akibat aliran di Singapura, Profesor Perubatan Sosial Nalla Tan (*Asiaweek*, 17 Mei 1985) mengatakan bahawa aliran pelajaran memberikan 'kesan dahsyat, neurotik, psikologi dan trauma kepada pelajar dan ibu bapa'.

Satu kaji selidik ke atas pelajar yang dilakukan oleh Institut Pelajaran Nasional mendedahkan bahawa lebih separuh daripada 4,000 orang remaja dalam kaji selidik itu mengalami perasaan rendah diri yang berkait langsung daripada tekanan sistem pelajaran (S. Davie, *ST*, 28 Julai 1992).[38] Seterusnya, andaian eugenik yang menjadi landasan dasar aliran awal itu telah menyebabkan ibu bapa menyalahkan diri mereka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

akan kelemahan kemajuan akademik anak-anak mereka. Tekanan ke atas pelajar ditambah lagi apabila mereka dipaksa merasakan bahawa merekalah yang bertanggungjawab menjatuhkan imej dan taraf akademik sekolah mereka, kerana kemasukan mereka ke dalam kelas lanjutan dan aliran ekabahasa di sekolah mereka (Heng, 1985: 18). Dalam persekitaran persaingan pelajaran yang hebat di Singapura, lebih banyak kelas 'lembap' di sesebuah sekolah, lebih rendah prestij sekolah itu. Sekolah ini bertaraf buruk berbanding dengan sekolah elit seperti Raffles Institution yang tidak menawarkan kelas bagi pelajar 'lembap'. Pelajar di sekolah terkemuka yang berprestasi buruk akan dipindahkan ke sekolah yang lebih 'rendah' tarafnya supaya tidak menjejaskan nama sekolah yang terkemuka. Harga diri yang buruk di kalangan pelajar aliran biasa diterukkan lagi oleh kekurangan rangsangan sosial dengan pelajar aliran ekspres yang 'cerdas' di sekolah kerana yang 'cerdas' bersikap meninggi diri dan mempunyai stereotaip negatif terhadap pelajar biasa. (ibid.: 19).

Beban tekanan yang dipikul oleh pelajar aliran lembap diberatkan lagi oleh semangat yang rendah dan kekecewaan guru yang ditugaskan ke kelas aliran 'lembap' itu. Satu kaji selidik yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran dalam tahun 1983 untuk memastikan pengalaman guru sekolah rendah mengajar di aliran ekabahasa mendapati bahawa kebanyakan guru menyatakan bahawa mereka tidak ada kepuasan bekerja dan merasa kecewa ditugaskan ke dalam aliran lembap (*ST*, 10 April 1983). Ini disahkan oleh satu laporan yang dikemukakan oleh Majlis Sekolah-Sekolah dalam tahun 1982 yang mengakui bahawa guru yang lebih 'baik' cenderung ditempatkan ke dalam aliran cepat kerana nama baik akademik sesebuah sekolah bergantung pada prestasi pelajar mereka dalam peperiksaan tahun akhir (*ST*, 17 Oktober 1982). Kecenderungan untuk menugaskan guru muda dan lebih berkelayakan ke dalam aliran ekspres dan guru yang kurang berkelayakan ke dalam aliran biasa dapat diperhatikan oleh penulis sendiri ketika menjadi guru sementara di sekolah kerajaan dalam tahun 1992.

Terasa diturun taraf dan dicap sebagai kurang berkebolehan, guru yang ditugaskan ke aliran lembap, sama seperti murid-murid mereka, mengalami semangat yang rendah. Kecewa kerana terpaksa mengajar di dalam aliran yang mereka sendiri tidak dilatih, mereka cenderung menghasilkan mutu pengajaran yang merosot. Tahap tekanan dan kekecewaan mereka terhadap kerjaya perguruan telah didedahkan oleh satu kaji selidik Kementerian Pelajaran dalam tahun 1986 ke atas guru ekabahasa yang menunjukkan bahawa lima puluh peratus daripada mereka telah meninggalkan kerjaya perguruan kerana ditugaskan ke



dalam aliran ekabahasa (*ST*, 18 April 1987). Kadar pelumpuhan yang tinggi di kalangan guru ekabahasa ini telah memberatkan lagi masalah kekurangan guru di sekolah yang banyak mempunyai kelas ekabahasa. Akibatnya, banyak sekolah kerajaan yang mempunyai banyak kelas aliran lanjutan dan aliran ekabahasa terpaksa bergantung pada guru sandaran yang lazimnya bukan dilatih secara profesional.

Yang lebih merisaukan ialah sistem pembezaan pelajaran dan aliran awal boleh tersilap menyalurkan pelajar yang mempunyai kesukaran belajar seperti disleksia dan meletakkan mereka di aliran lembap. Ini terutamanya di sekolah yang banyak mempunyai kelas aliran lembap dan yang kurang memberikan perhatian individu, kecacatan pembelajaran pelajar seperti itu tidak diteliti dengan sempurna dan dilayani dengan sepatutnya. Dengan cara ini, kecacatan pembelajaran diterjemahkan sebagai kegagalan akademik. Aliran awal juga menafikan pandangan bahawa tempoh kemajuan dan kematangan kebolehan akademik setiap kanak-kanak adalah pada kadar yang berbeza-beza, dan tumpuan kepada bahasa dan matematik merendahkan kebolehan kognitif lain seperti kemahiran kreatif dan seni. Sikap stereotaip negatif yang meluas di kalangan guru terhadap pelajar miskin atau etnik minoriti yang mundur, dan menganggap mereka sebagai 'lembap', 'bodoh', dan rendah intelek, telah banyak menyebabkan kenaikan nisbah mereka dalam aliran Subnormal Pendidikan (ESN) (Clark, 1965:131; Dorn, 1985; Apple, 1987: 137). Di Amerika Syarikat dan Britain juga berlaku nisbah yang terlalu tinggi pelajar yang berketurunan Afrika dan Carribean yang tersilap golongan sebagai ESN, dan nisbah mereka yang terlalu rendah dalam aliran ekspres (Tomlinson, 1982; Dorn, 1985: 15). Dalam konteks pelajaran di Singapura, etnik minoriti yang mundur sosial seperti orang Melayu dan sedikit sebanyak juga orang India, nampaknya kekal dengan nisbah terlalu tinggi berada dalam aliran ekabahasa dan aliran biasa.

Dasar aliran awal NEP telah dikatakan sebagai satu dasar pelajaran yang paling tidak popular dan menjejaskan nilai politik kerajaan PAP. Banyaknya tentangan terhadap dasar itu jelas terbukti daripada kandungan surat bantahan yang dihantar kepada halaman forum *Straits Times* (*ST*, 17 Mac 1990; *ST*, 15 Mac 1991), menonjolnya isu aliran pelajaran dalam kempen pilihan raya, dan perbahasan hangat di parlimen mengenai isu itu. Malah Ahli Parlimen PAP ada juga yang mengkritik secara terbuka aliran awal pelajaran kanak-kanak.[39] Satu kaji selidik yang tuntas yang dibuat dalam tahun 1981 oleh Kesatuan Guru-Guru Singapura (*ST*, 25 Mac 1981) terhadap 1,500 orang guru daripada 170 buah sekolah rendah dan menengah, mendapati bahawa majoriti guru

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menentang NEP. Cemas akan bantahan yang kuat terhadap dasar aliran awal pelajaran, Kesatuan Guru-Guru Singapura mencadangkan bahawa dasar mengalirkan murid-murid pada peringkat Darjah 3 dibatalkan, dan kembali semula kepada dasar sebelum NEP iaitu aliran dibuat apabila tamat sekolah rendah (*ST,* 25 Mac 1981). Guru-guru dan ibu bapa merasa risau akan jurang pelajaran, infrastruktur, dan sosial yang makin lebar antara sekolah yang mempunyai banyak kelas ekspres dengan sekolah lain yang mempunyai lebih banyak kelas aliran lembap. Fenomena ini dirangsang lagi dengan kecenderungan sekolah 'baik' menarik lebih ramai pelajar yang 'bijak' dari sekolah yang rendah mutu akademiknya, dan sebaliknya juga pelajar 'lembap' dari sekolah terkemuka dipindahkan ke sekolah bermutu rendah. Sistem aliran awal, dengan itu merangsang hubungan hierarki antara sekolah-sekolah.

Walaupun muncul rasa tidak senang yang meluas di kalangan rakyat terhadap sistem aliran awal ini, kerajaan PAP bertegas dengan pendiriannya bahawa dasar aliran awal itu ialah untuk kepentingan pelajaran dan ekonomi masa hadapan negara. Pendekatan dari atas ke bawah bersifat teknokrat terhadap penggubalan dasar pelajaran telah menafikan hak ibu bapa, dari tahun 1983 hingga 1985, untuk menolak keputusan yang menyalurkan anak-anak mereka ke dalam aliran ekabahasa (Soon, 1988: 22).[40] Berhadapan dengan desakan awam yang kuat, dasar itu dengan liciknya 'dilonggarkan' dalam tahun 1992 tanpa perubahan asas pada sistem aliran NEP. Semenjak itu ibu bapa dibenarkan, bagi pihak anak-anak mereka, untuk memilih aliran yang berlainan daripada aliran yang dicadangkan oleh sekolah dalam proses aliran pada akhir Darjah 4. Namun begitu, pada akhir Darjah 5, penilaian aliran terhadap pelajar yang dibuat oleh pihak sekolah adalah muktamad dan tidak boleh diubah lagi (*ST*, 14 Oktober 1992).

Rancangan Bantuan Istimewa

NEP bukan sahaja dicirikan oleh elitisme tetapi juga oleh pilih kasih etnik dan bahasa semenjak ditubuhkan sekolah SAP satu etnik. Untuk menjamin eksklusif etnik dan akademik, hanya pelajar PSLE[41] Cina yang teratas sahaja yang layak untuk didaftarkan ke dalam sekolah SAP tempat bahasa Cina dan Inggeris diajar sebagai bahasa utama. Dikatakan hasil buah fikiran Perdana Menteri ketika itu Lee Kuan Yew (Laporan Goh, 1979: 1-3), pelaksanaan sekolah SAP untuk pelajar Cina sahaja adalah serentak dengan pelancaran kempen 'Bercakap Bahasa Mandarin' (1979) yang ditaja oleh kerajaan, yang kononnya bertujuan untuk



mempertingkatkan kefasihan masyarakat Cina untuk berbahasa Mandarin sebagai 'bahasa' ibunda mereka'.[42] Mandarin dilihat oleh kepemimpinan PAP sebagai wahana berkesan untuk menanam nilai budaya positif Cina yang kononnya telah giat terhakis di negara pulau moden itu.

Penubuhan sekolah SAP juga adalah cara untuk mencegah kemerosotan kemasukan pelajar ke sekolah Cina, terutama dalam tahun 1960-an dan 1970-an (Jadual 7.1), kerana makin ramai rakyat Singapura mengiktiraf manfaat pendidikan Inggeris untuk kerjaya dan mencapai mobiliti sosial mereka. Jika arus kemerosotan kemasukan itu tidak disekat, sekolah aliran Cina akhirnya akan terpaksa ditutup, sebagaimana nasib sekolah aliran Melayu dan Tamil.

Justeru SAP adalah cara mengabadikan sekolah terkemuka aliran Cina dan seterusnya mengekalkan nilai positif budaya Cina yang kononnya dididik melalui bahasa Mandarin. Bagi meningkatkan keutamaan konsep SAP ini, Perdana Menteri Lee Kuan Yew menegaskan bahawa pendidikan Cina memberikan nilai masyarakat yang baik seperti keinginan terhadap perpaduan sosial dan kerelaan untuk berkorban bagi masyarakat yang lebih luas (*ST*, 19 Ogos 1978).

JADUAL 7.1
Kemerosotan Populariti Sekolah Aliran Cina

Tahun	*Kemasukan Aliran Inggeris*	*Kemasukan Aliran Cina*	*% Kemasukan Aliran daripada Jumlah*
1959	28,113	27,223	45.9
1962	31,580	22,669	38.4
1965	36,269	17,735	30.0
1968	34,090	18,927	33.6
1971	37,505	15,731	29.0
1974	36,834	10,263	21.7
1975	35,086	9,112	20.5
1976	35,035	7,478	17.5
1977	40,622	6,590	13.9
1978	41,995	5,289	11.2

Sumber: Laporan Goh, 1979: 1-1

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Meskipun promosi giat dilakukan kerajaan PAP terhadap sekolah SAP dan disediakan dengan kemudahan persekolahan yang cemerlang, sekolah SAP hanya berupaya menarik separuh daripada lapan peratus teratas pelajar PSLE teratas ke dalam programnya dalam tahun 1979. Sepanjang 1980-an, keghairahan awam terhadap program kerajaan tidak jauh berbeza. Contohnya, dalam tahun 1980, hanya 37.5 pelajar PSLE yang ditawarkan ke dalam program itu memilih untuk belajar di sekolah SAP (*ST*, 23 Januari 1981). Menjelang tahun 1983, 38.8 peratus daripada pelajar PSLE yang layak memilih sekolah SAP (*ST*, 14 Ogos 1983). Nampaknya pelajar Cina yang 'bijak' tidak begitu diyakinkan akan manfaat pendidikan dalam program sedemikian.

Tanpa berputus asa dengan sambutan dingin daripada pelajar terhadap skim itu dan terus cekal untuk menjayakan SAP, maka para pelajar yang layak ditawarkan pula pakej dorongan yang hebat supaya mendaftarkan diri ke dalam skim SAP. Dorongan ini termasuk:

1. Menganugerahkan pelajar SAP dua mata tambahan untuk agregat 'O' Level dan 'A' Level.
2. Menerima gred E8 dalam bahasa Inggeris dan Cina sebagai bahasa pertama yang setara dengan C6 dalam bahasa Inggeris dan Cina sebagai bahasa kedua.[43]
3. Memberi keutamaan memasuki maktab rendah terkemuka kepada mereka yang lulus bahasa Inggeris dan Cina sebagai bahasa pertama (EL1 dan CL1) (*ST*, 23 Januari 1981).
4. Mulai tahun 1984, membenarkan bahasa Cina dipelajari sebagai bahasa kedua (CL2) dalam Tingkatan 1 di sekolah SAP[44] (*ST*, 14 Ogos 1983).
5. Mulai tahun 1990, membenarkan sekolah SAP menawarkan program tadika persediaan khusus yang menumpukan kepada pengajaran bahasa Inggeris dan bahasa Cina sebagai bahasa pertama dan penerapan nilai-nilai teras.

Dorongan yang banyak diperuntukkan kepada pelajar SAP[45] ini serta promosi pesat kerajaan untuk bahasa Mandarin melalui 'Kempen Bertutur Bahasa Mandarin', membuahkan kejayaan besar meningkatkan kemasukan pelajar di sekolah-sekolah SAP. Contohnya, dalam tahun 1979 hanya tiga daripada sepuluh orang pelajar yang mendaftar di sekolah SAP datangnya daripada aliran Inggeris. Menjelang tahun 1986, kadarnya meningkat kepada sembilan daripada sepuluh orang pelajar (*ST*, 27 Julai 1986). Sekolah SAP menjadi popular dalam sebuah masyarakat yang kefasihan berbahasa Mandarin telah dijadikan keuntungan kerjaya dan sosial, dan ini terbukti daripada permintaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tinggi untuk mendapatkan tempat di sekolah terkemuka itu pada akhir 1980-an.

Meskipun kerajaan PAP selalu memberikan jaminan bahawa ia sentiasa bertindak melindungi dan mengekalkan konsep berbilang kaum, namun penubuhan skim SAP yang monoetnik itu bercanggah dengan prinsip berbilang kaum untuk memberikan layanan yang sama rata kepada aliran yang bukan berbahasa Inggeris. Dengan hanya pelajar Cina sahaja yang diberikan peluang untuk belajar Mandarin dan Inggeris sebagai bahasa pertama di dalam sekolah SAP yang canggih, telah membuatkan SAP satu bentuk penginstitusian pilih kasih etnik/budaya.

Surat berita KGMS, BAKTI yang gelisah dengan apa yang dilihat sebagai pencabulan prinsip berbilang kaum dalam sektor pelajaran oleh skim SAP, (Disember 1978) menimbulkan dwistandard yang tersirat dalam cubaan kerajaan PAP untuk menyelamatkan kepupusan sekolah aliran Cina, tetapi tidak sedemikian layanannya terhadap sekolah Melayu dan Tamil apabila berlaku kemerosotan kemasukan pelajar di sekolah tersebut pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an.

Setelah banyak dikritik, terutama oleh masyarakat etnik minoriti, tentang ketidaksamaan layanan 'bahasa ibunda' dalam sistem pelajaran, kerajaan PAP menyatakan dalam tahun 1986 bahawa 10 peratus pelajar Melayu dan India teratas akan diberikan peluang untuk belajar dalam bahasa Melayu/Tamil dan Inggeris sebagai bahasa pertama, tetapi tidaklah setaraf dengan pelajar Cina di sekolah SAP. Untuk belajar bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pertama, mereka terpaksa pergi ke pusat bahasa yang diselenggarakan oleh Kementerian Pelajaran (*ST*, 25 November 1985) yang menjalankan kelasnya di luar jadual waktu sekolah, manakala pelajar SAP tidak dibebankan dengan kesukaran ini.

Bentuk layanan yang tidak sama rata itu tidak tekal dengan prinsip sama rata dalam peluang pelajaran, meritokrasi, dan berbilang kaum. Bagi merumuskan keprihatinannya, AMP menyatakan, 'Jelas sekali bahawa skim itu dirancang untuk pelajar Cina sahaja. Keputusan untuk memperuntukkan lebih sumber dari segi kemudahan dan guru dianggap dilihat sebagai melanggar dasar layanan sama rata dalam pelajaran, maka itu ia telah mencabuli amalan berbilang kaum yang mana Singapura telah memberikan komitmennya semenjak tahun 1959 lagi' (NCSMMP, 1990: 108).

Dwistandard amalan berbilang kaum dalam sektor pelajaran oleh kerajaan PAP menjadi ketara lagi apabila dikaitkan dengan pemencaran penempatan Melayu ke merata pulau dalam tahun 1960-an dan 1970-an, serta pelaksanaan kuota perumahan etnik dalam tahun 1980-an. Dasar itu dilakukan atas alasan bahawa tidak sihat bagi orang Melayu untuk

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengekalkan geto pendudukan dan tidak bercampur gaul dengan rakyat Singapura lain (dibincangkan dalam Bab 5). Namun kemungkinan bahawa sistem sekolah SAP monoetniklah yang sebenarnya menjadi penghalang perpaduan dan pergaulan remaja Cina ke dalam masyarakat majmuk Singapura, telah diabaikan sahaja. Maka itu kerajaan seolah-olah begitu bersemangat untuk melaksanakan perpaduan sosial untuk orang Melayu yang minoriti, tetapi sebaliknya membiarkan sahaja remaja Cina berada dalam persekitaran sosial yang monoetnik di alam sekolah SAP.

Risau akan akibat sosial dan politik yang bakal timbul daripada skim SAP ke atas berbilang kaum negara, Ahli Parlimen PAP Chandra Das (GRC Cheng San) telah memberi amaran bahawa kemungkinan pelajar SAP yang akan memegang jawatan penting pada masa hadapan merupakan petanda 'implikasi yang serius bagaimana Singapura akan diperintah dan diuruskan' (*ST,* 10 Julai 1990). Kerisauan juga telah diluahkan terhadap persekitaran sosial monoetnik di sekolah SAP yang menyebabkan pelajarnya sukar untuk berinteraksi dengan orang daripada kumpulan etnik lain pada masa hadapan (NCSMMP, 1990: 112; *ST* 29 April 1990). Perlu juga diambil kira bahawa Menteri PAP seperti Lee Hsien Loong (Timbalan Perdana Menteri) dan Ong Teng Cheong (bekas Timbalan Perdana Menteri), yang berpendidikan sekolah aliran Cina tradisional, ialah orang dalam kerajaan yang sangat aktif mempromosikan budaya Cina, Mandarin, dan sekolah SAP.

Program Pendidikan Pelajar Bijak

Proses aliran NEP yang rapi dilaksanakan, seiring dengan skim SAP, telah membantu untuk memperkuatkan penginstitusian elitisme pelajaran dan pelaksanaan program elit seperti Program Pendidikan Pelajar Bijak (GEP) di empat sekolah terkemuka[46] dalam tahun 1984. Bersama-sama program elit pelajaran, pembiayaan awam ke atas GEP yang eksklusif telah dibela atas rasional bahawa sumber asli Singapura yang terhad memerlukan pendidikan yang teliti untuk kanak-kanak bijak. Tugas mengasuh 'bakat' ini kononnya adalah untuk kepentingan masa panjang negara kerana yang bijak dijangka akan menjadi pemimpin masa hadapan, 'penggerak dan pengubah' masyarakat. Sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong (1992: 22), 'Kerana kita telah melabur lebih banyak kepada orang yang lebih berkebolehan, semua rakyat Singapura lebih cepat maju.'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Setahu penulis, tidak ada satu kajian pun yang dibuat berkenaan dengan pendekatan GEP itu, yang mengasingkan pelajar 'bijak', lebih baik daripada pendekatan yang lain seperti pendekatan pecutan persekolahan (contohnya melompat kelas)[47] atau pendekatan program pengayaan (program kokurikulum). Untuk meraih sokongan awam terhadap program GEP, liputan media yang meluas diberikan tentang data statistik terpilih yang ditonjolkan untuk mempromosi cadangan eugenik bahawa 'kanak-kanak bijak' cenderungnya datang daripada ibu bapa yang berpelajaran tinggi.[48]

Syarat pelajar untuk memasuki GEP sangat ketat, terhad hanya kepada tiga peratus teratas murid Darjah 3 yang berjaya menyempurnakan siri ujian IQ bidang bahasa, kira-kira, dan kebolehan umum. Untuk menjamin bahawa pelajar 'bijak' tidak bolos keluar, pelajar Darjah 6 di lapisan 4-5 peratus teratas turut dipelawa untuk mengambil bahagian dalam siri ujian IQ itu. Setelah menjalani ujian dan ujian semula yang rapi, hanya 0.5 peratus sahaja daripada setiap kohort Darjah 3 dan 6 akhirnya ditawarkan masuk ke dalam skim GEP (Tan, 1989: 104).

Tidak seperti pelajar aliran ekabahasa dan aliran lanjutan, pelajar GEP diajar oleh guru yang dilatih dan dipilih khas untuk tujuan itu.[49] Bagi menjamin supaya setiap orang kanak-kanak 'bijak' itu diberikan tumpuan peribadi, setiap bilik darjah dihadkan kepada dua puluh lima orang murid sahaja (Tan, 1989: 104). Ini hampir separuh daripada saiz bilik darjah di sekolah biasa kerajaan.[50] Tidak seperti kurikulum sekolah arus perdana yang tidak anjal dan kurang kreatif, kurikulum GEP menumpukan kepada pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kreativiti, keanjalan, dan pilihan. Pembangunan kemahiran ini dipercayai penting bagi bakal pemimpin masyarakat. Khemah kerja sering diadakan untuk membolehkan para pelajar membangunkan kemahiran sosial dan kepemimpinan diri mereka (ibid.). Ceramah daripada pakar bidang tertentu sering dianjurkan, dan tajuk yang dipelajari dalam Tingkatan 3 dan 4 termasuklah kecerdasan tiruan, penyelidikan barah, astronomi sehingga patologi forensik (ibid.). Jika bakal pemimpin masyarakat ini mengalami tekanan jiwa, mereka disediakan dengan kaunselor daripada Kementerian Pelajaran (ibid.: 106). Jika mereka tinggal jauh dari sekolah dan sukar untuk berulang-alik menghadiri GEP, bas mini disediakan untuk mengangkut mereka pergi ke sekolah dan pulang ke rumah (*ST*, 11 Disember 1983).

Selain persoalan falsafah dan etika yang timbul daripada program sebegini, ada banyak percanggahan dalam GEP yang mendedahkan pilih kasih jantina, kelas dan etnik. Banyak terdapat kesamaannya dengan program pelajar 'bijak' yang dilaksanakan di negara lain, begitu juga

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

skim GEP Singapura lebih menumpukan kepada pelajar lelaki. Contohnya, terdapat tiga kali ganda pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan yang layak masuk ke Darjah 4 GEP dalam tahun 1983 (*ST*, 1 Disember 1983). Begitu juga dalam tahun 1987, terdapat 110 orang pelajar lelaki berbanding 65 orang pelajar perempuan dalam program itu (*ST*, 25 November 1987). Sekali imbas, ketidakseimbangan jantina yang ketara ini memberikan andaian bahawa lelaki Singapura entah bagaimana lebih 'bijak' daripada perempuan Singapura.[51] Namun begitu tidak ada data saintifik yang dapat menjelaskan mengapa perempuan 'bijak' lebih rendah bilangannya daripada lelaki. Tafsiran kritikal ketidakseimbangan genus ini memberikan inferens bahawa sistem pelajaran di Singapura berat sebelah untuk pelajar lelaki yang diberikan keistimewaan sosial dan semenjak awal lagi, diberikan keyakinan dan dilimpahi modal budaya yang diperlukan untuk mencapai prestasi akademik yang tinggi dalam peperiksaan dan ujian IQ.

Sedikit sahaja maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran tentang latar belakang sosioekonomi dan etnik pelajar yang terbabit dalam GEP, mungkin kerana persoalan yang berkaitan dengannya dikira sensitif dari segi politik dan etnik. Namun demikian, daripada perbincangan penulis dengan birokrat Mendaki dan beberapa orang pelajar Melayu/Islam dalam program GEP memberikan petunjuk bahawa bukan sahaja bilangan pelajar perempuan sangat sedikit, malah etnik minoriti juga sangat rendah nisbahnya, dan sebaliknya bilangan pelajar etnik Cina terlampau tinggi nisbah mereka. Contohnya, kurang daripada lima orang pelajar Melayu diterima masuk ke dalam kohort 1990 program GEP di Raffles Institution.

Dua penjelasan falsafah yang berbeza boleh digunakan untuk menjelaskan jurang genus dan etnik ini. Penjelasan yang diberikan oleh pendidik konservatif berkaitan dengan sedikitnya bilangan etnik minoriti adalah ini merupakan bukti kebenaran eugenik dan idea ketandusan budaya. Mereka mengandaikan bahawa oleh sebab golongan mundur sosial dan orang Melayu kurang terdapat dalam program GEP, maka masalahnya mesti berpunca daripada kepincangan budaya atau pembentukan baka masyarakat itu yang lemah, dan bukannya kriteria kemasukan GEP atau sistem pelajaran. Penjelasan lain menghujahkan bahawa sistem yang terlampau bersaingan dan berhierarki, ditambah dengan program seperti GEP, merugikan kumpulan mundur sosial yang tidak ada modal budaya dan material untuk bersaing sama rata dengan minoriti yang diistimewakan yang mendahului dalam perlumbaan pelajaran. Ujian IQ pula terkenal kerana pilih kasih budaya (Eells et al. 1951; Chomsky, 1984; Zuckerman, 1990), berkemungkinan bahawa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ujian IQ program GEP mengandungi pilih kasih kelas, etnik dan budaya. Ketidakseimbangan bilangan pelajar daripada etnik minoriti dan juga perempuan dalam program GEP memerlukan kajian semula terhadap kriteria kelayakan untuk memasuki program itu demi mengekalkan berbilang kaum dan peluang sama rata dalam pelajaran yang ideal. Etika pembiayaan awam untuk program sebegitu, yang bermakna memindahkan dana awam kepada segelintir yang 'bijak' tetapi ramainya pula besar kemungkinan berasal daripada latar belakang keluarga yang mewah, sangatlah tidak disenangi.

Kepincangan lain program GEP ialah takrif tersiratnya tentang 'bijak' yang berlandaskan kepada kejayaan pelajar dalam ujian kelayakan. Kemasukan ke dalam program itu memerlukan 'A' atau kepujian tinggi dalam semua empat mata pelajaran (iaitu bahasa Inggeris, 'bahasa ibunda', Matematik, dan Sains). Justeru pelajar yang mempunyai jumlah markah yang lebih tinggi tetapi mempunyai 3 'A' tidak dikirakan 'bijak' (Lim, 1988: 39). Berdasarkan kriteria ini, pelajar yang berbakat luar biasa dalam satu-satu bidang terkeluar sama sekali daripada takrif 'bijak'. Bintang ternama dalam bidang masing-masing seperti Albert Einstein, Amadeus Mozart, dan Bertrand Russell tidak langsung dikira 'bijak' di bawah kriteria GEP Singapura.

Konsep Sekolah Persendirian

Diilhamkan oleh inovasi pelajaran yang konservatif di Barat, Menteri Pelajaran Tony Tan mengetuai sepasukan dua belas orang pengetua sekolah membuat lawatan sambil belajar ke Amerika Syarikat dan Britain dalam tahun 1986. Berbekalkan tujuan utama untuk menerapkan inovasi pelajaran konservatif di Barat ke dalam sistem pelajaran Singapura, maka tidak menghairankan apabila dua puluh lima buah sekolah menengah yang telah dipilih untuk diperiksa ialah daripada kalangan sekolah elit swasta.[52] Sebaik sahaja pulang ke tanah air, Pasukan Pengkaji itu segera menyiapkan satu laporan berjudul 'Ke Arah Kecemerlangan di Sekolah' (1987) yang mengusulkan supaya sekolah diberikan lebih banyak autonomi,[53] sekolah terkemuka yang terpilih dikorporatkan sebagai sekolah persendirian atau swasta, dan para pengetuanya diberikan lebih kuasa membuat dasar dan pentadbiran.[54] Rejim NEP kini dibawa selangkah ke hadapan lagi dengan penubuhan segera sekolah persendirian dalam tahun 1988 untuk menampung pelajar yang 'cemerlang' akademiknya.[55] Kebanyakan sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan yang terkemuka seperti Sekolah Inggeris-Cina, Sekolah Tinggi

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Cina, St. Joseph's Institution, Raffles Institution, Sekolah Perempuan Cina Singapura, Sekolah Menengah Perempuan Raffles, dan Sekolah Perempuan Nanyang[56] telah didesak untuk mempelopori sistem sekolah persendirian di Singapura.

Seperti juga dengan inisiatif NEP, skim sekolah persendirian dikritik awam dengan kerasnya terutama kerana elitismenya dan kos yuran yang dijangka akan naik mendadak. Dalam satu forum tahun 1987 yang dianjurkan oleh Persatuan Universiti Nasional Singapura untuk membincangkan cadangan sistem sekolah persendirian itu, banyak keresahan diluahkan tentang sifat elitis sekolah persendirian dan penyaluran terlalu banyak sumber awam untuk faedah segelintir yang terpilih (*ST*, 21 Februari 1987). Yang lain pula menyatakan kerisauan, seperti dalam dialog yang dianjurkan oleh Unit Maklum Balas, bahawa sistem sekolah persendirian , seperti mana penswastaan sistem kesihatan, ialah contoh percubaan kerajaan untuk lebih banyak memindahkan kos pelajaran kepada orang awam (*ST,* 8 Mac 1987).

Ramai di kalangan masyarakat Melayu yang gusar dengan sistem sekolah persendirian kerana terlalu menumpukan kepada persaingan dan kecemerlangan, besar kemungkinan akan lebih menyukarkan lagi mereka yang mundur sosial tetapi memudahkan pula pelajar daripada latar belakang sosial yang mewah untuk mendapat tempat di sekolah persendirian yang terkemuka itu. Yuran yang lebih mahal dikenakan oleh sekolah persendirian dan kesannya terhadap yang mundur sosial ialah satu lagi aspek yang diluahkan oleh ibu bapa Melayu di dalam forum Taman Bacaan mengenai sekolah persendirian (*ST*, 23 Februari 1987). Kesatuan Guru-Guru Tamil pula telah mendesak Kementerian Pelajaran untuk menjamin bahawa pelajar dari semua etnik minoriti diwakili dengan bilangan yang sepatutnya ke dalam sekolah itu (*ST*, 1 Mac 1987). Pun begitu, cadangan supaya jaminan wujudnya masyarakat majmuk di dalam institusi terkemuka itu tidak dipertimbangkan dengan seriusnya oleh Kementerian Pelajaran.[57]

Reaksi kerajaan PAP terhadap keresahan awam tentang inisiatif pelajarannya seperti SAP, GEP dan sekolah persendirian umumnya adalah dengan meremeh-temehkan kritik yang diutarakan. Dalam perutusan rapat umum Hari Kebangsaan tahun 1991, Goh Chok Tong membidas kritik terhadap inisiatif pelajaran yang kontroversi sebagai orang yang 'kurang berkebolehan' yang 'mula dengki akan kejayaan yang dicapai oleh orang yang lebih berkebolehan' (*ST*, 12 Ogos 1991), dan mendakwa bahawa bangkangan mereka itu didorong oleh niat cemburu kerana mengetahui bahawa 'anak-anak mereka tidak akan dapat masuk ke sekolah persendirian' (ibid.). Jauh sekali menerima

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

desakan awam untuk dihadkan inisiatif pendidikan elitis, sebaliknya kerajaan PAP telah mendedahkan rancangannya untuk memperluaskan lagi GEP (*Government of Singapore*, 1991: 40).

Selain menerima peruntukan subsidi negara yang sama seperti sekolah kerajaan yang lain bagi setiap orang pelajar (Asher, 1991: 12),[58] sekolah persendirian mempunyai sumber kewangan tambahan daripada yuran sekolah yang lebih tinggi, sumbangan daripada persatuan bekas pelajar dan ibu bapa pelajar . Maka itu tidak seperti sekolah kerajaan, yang pada keseluruhannya bergantung pada peruntukan kerajaan semata-mata, sekolah persendirian mempunyai sumber kewangan yang lebih besar dan luas untuk menaik taraf kemudahan pembelajaran mereka. Ini membolehkan mereka menarik masuk guru yang lebih baik dan berpengalaman, menawarkan beraneka bidang kursus, dan mempunyai nisbah murid-guru yang rendah. Contohnya, nisbah guru-murid di sekolah persendirian ialah 1:20 dibandingkan 1:40 di sekolah kerajaan. Dengan manfaat persekitaran pembelajaran yang lebih canggih, maka tidaklah memeranjatkan apabila pelajar sekolah persendirian dan GEP, yang pada umumnya mendahului dari segi latar belakang sosioekonomi dan modal budaya mereka, mempunyai prestasi yang tinggi dalam peperiksaan utama.[59] Malahan, penyelidikan yang dibuat oleh Jaynes (1989: 332) menyarankan supaya mutu kemudahan pembelajaran di sekolah sangat menentukan tahap pencapaian pelajarnya.

Kaitan antara pencapaian akademik dan latar belakang sosial telah ditahkikkan oleh penemuan yang mendedahkan bahawa terlalu ramai pelajar sekolah persendirian yang 'bermerit' datangnya daripada latar belakang kelas menengah dan menengah atas. Contohnya, dua per tiga pelajar daripada sekolah persendirian adalah daripada isi rumah yang berpendapatan (lebih daripada $2,000 sebulan) melebihi pendapatan purata nasional (*ST*, 26 September 1990). Tambahan lagi, 30 peratus pelajar sekolah persendirian tinggal di perumahan swasta, walaupun hanya 11 peratus daripada jumlah penduduk Singapura yang berkemampuan untuk tinggal di kawasan perumahan sedemikian (C. George, *ST*, 8 Februari 1992). Maka itu ia tampak bahawa komposisi sosial sekolah persendirian di Singapura pada umum sama dengan komposisi sosial pelajar dalam sekolah persendirian di Amerika Syarikat dan Britain.[60]

Arus penswastaan sekolah terkemuka telah menambahkan jurang kemudahan pelajaran antara segelintir sekolah elit dan sekolah kerajaan yang bukan SAP. Contohnya, sekolah persendirian seperti Sekolah Tinggi Cina memberikan kemudahan yang menakjubkan seperti pusat drama, pusat komputer, pusat seni dan kraf, gimnasium, lima dewan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kuliah, ampiteater, dan dewan serba guna (*ST*, 3 September 1990).[61] Pelajar di Raffles Institution pula mempunyai kemudahan makmal komputer, makmal muzik, kemudahan menempa tembikar, dan pengajian subjek yang esoterik seperti catur Cina dan berpidato. Untuk mendidik bakat dan memajukan personaliti pelajar Raffles Institution supaya mereka menjadi 'pelajar sempurna', seorang Pengarah Pembangunan Pelajar (tidak pernah didengar di sekolah kerajaan) telah dilantik oleh pihak sekolah ('Friday Background', SBC, 17 Jun 1992). St Joseph's Institution pula memberikan kemudahan yang sama, ditambah dengan pelbagai kemudahan sukan seperti dua buah padang tenis dan tiga buah padang skuasy (*ST*, 26 Oktober 1990). Raffles Institution, St Joseph's Institution, Sekolah Tinggi Cina, dan Sekolah Perempuan Methodist mempunyai rancangan untuk menubuhkan sekolah berkemudahan asrama penuh sebagai sebahagian daripada program mereka untuk membangunkan pelajar sempurna (*ST*, 18 Julai 1992).[62] Maka itu, langkah ke arah 'kecemerlangan' dalam pelajaran telah mengakibatkan terlalu banyak sumber awam yang disalurkan kepada segelintir sekolah elit untuk minoriti pelajar yang elit daripada keseluruhan jumlah pelajar.

Perhatian akan jurang pelajaran yang makin melebar antara sekolah kerajaan bukan SAP dan sekolah persendirian, Ahli Parlimen PAP John Chen (GRC Hong Kah) memberi amaran bahawa 'sekolah baik semakin baik, manakala sekolah teruk semakin teruk' (*ST*, 17 Mac 1990). Ramai ibu bapa yang telah meluahkan keresahan mereka akan kemudahan hebat dan yuran yang tinggi di sekolah persendirian dan telah menyeru kerajaan untuk membelanjakan lebih banyak sumber negara bagi membiayai sekolah kerajaan (*ST*, 14 September 1990). Tan Cheng Bok, Ahli Parlimen Ayer Rajah dan bekas pengerusi Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (GPC) untuk Pelajaran, telah menyeru kerajaan untuk lebih membelanjakan wangnya kepada sekolah kerajaan demi mempertingkatkan kemudahan sekolah itu supaya ibu bapa ada pilihan selain sekolah persendirian yang mahal yurannya (ibid.).

Respons kerajaan PAP terhadap tuntutan awam untuk memperbaik kemudahan pembelajaran di sekolah bukan SAP, dan permintaan tinggi untuk masuk ke sekolah persendirian, adalah dengan menubuhkan segelintir sekolah separuh swasta yang sering dirujuk sebagai sekolah autonomi. Sekolah autonomi itu dijangka dapat memberikan pelajaran yang bermutu pada harga yang lebih sederhana jika dibandingkan dengan sekolah persendirian. Mereka berhak mendapat lebih peruntukan daripada kerajaan,[63] lebih bebas untuk memilih kakitangan dan merancang program sekolah, dan berfungsi lebih seperti sekolah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

persendirian. Enam buah sekolah menjadi sekolah autonomi dalam tahun 1994, dan dalam tempoh beberapa tahun berikutnya dijangkakan terdapat sepuluh hingga lima belas buah sekolah autonomi (*ST WOE*, 24 Julai 1993). Untuk memberi jaminan kepada pihak awam bahawa yuran di sekolah autonomi itu tidak akan setinggi yuran di sekolah persendirian,[64] Perdana Menteri Goh berjanji bahawa sekolah autonomi akan diberikan subsidi kewangan yang lebih banyak untuk menjalankan program tambahan (*ST*, 17 Ogos 1992). Cuma masa yang dapat membuktikan sama ada penubuhan sekolah autonomi dapat meredakan desakan awam supaya sumber pelajaran yang lebih saksama diagihkan di antara sekolah perdana dan majoriti sekolah kerajaan biasa. Isyarat amaran telah disuarakan oleh beberapa orang ahli pendidik yang mengatakan bahawa kitaran ganas boleh berlaku apabila guru dan pelajar terbaik dihantar ke sekolah autonomi dan persendirian, manakala yang majoriti tertinggal di belakang di sekolah kerajaan biasa (W. Fernandez, *ST*, 15 Ogos 1992).

Mengubah suai Elitisme Pelajaran NEP

Selepas lebih daripada satu dekad pelaksanaan NEP, ubah suaian dibuat untuk membetulkan beberapa kekurangannya yang ketara. Dari segi politiknya, perubahan yang dibuat kepada NEP bertujuan untuk mengurangkan kegelisahan awam terhadap sistem pelajaran yang makin bersaingan dan berhierarki. Berpandukan pendekatan teori modal manusia terhadap pelajaran dan dengan meningkatnya keperluan untuk membekalkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing, kerajaan mengaku bahawa NEP telah mengabaikan sebahagian besar pelajar dalam aliran ekabahasa untuk memasuki persekolahan menengah, maka itu menggagalkan matlamat untuk meningkatkan ekonomi kepada teknologi tinggi yang lebih canggih. Ini bukan sahaja memerlukan peluasan pengajian vokasional, tetapi sama pentingnya juga ial pengajian lepasan menengah dan pengajian tinggi.

Reformasi utama NES pada peringkat sekolah rendah termasuk.

1. Menunda aliran awal dari Darjah 3 ke Darjah 4 Selepas peperiksaan Darjah 4,[65] murid-murid akan dialirkan ke dalam:
   (a) Aliran EM1 - 'bahasa ibunda' akan diajar sebagai bahasa pertama,[66]
   (b) Aliran EM2 - 'bahasa ibunda' akan diajar sebagai bahasa kedua,[67]
   (c) Aliran EM3 - 'bahasa ibunda' akan diajar sebagai bahasa ketiga.[68]
2. Menamatkan secara berperingkat-peringkat aliran ekabahasa yang sangat kontroversi itu pada tahun 1994, maka semua pelajar digalakkan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menduduki peperiksaan PSLE yang diubah suai[69] dan kemudiannya menamatkan persekolahan menengah.

Pada peringkat menengah, struktur pelajaran termasuklah:

1. Aliran bijak tidak berubah.
2. Jurusan akademik biasa dengan subjek utama yang ditawarkan ialah bahasa Inggeris, Matematik, dan 'bahasa ibunda'.
3. Jurusan teknikal biasa[70] dengan subjek utama ialah bahasa Inggeris, Matematik dan pengajian komputer (*ST*, 10 Julai 1991).
4. Menamatkan secara berperingkat kursus tiga tahun 'A' Level di institut berpusat dan pusat prauniversiti. Politeknik yang keempat akan ditubuhkan untuk menggantikannya.

Perubahan pada peringkat pascamenengah termasuk:

1. Lembaga Latihan Kejuruteraan dan Perusahaan (VITB) telah diubah nama menjadi Institut Teknikal (IT) dan hanya menerima pelajar yang mempunyai pendidikan menengah dan bukannya daripada sekolah rendah (*ST WOE*, 2 Mac 1991).
2. Lima buah TI baru ditubuhkan.[71]
3. Lepasan TI dimudahkan untuk dinaikkan ke peringkat politeknik.[72]

Sektor pengajian tinggi juga diperbesarkan:

1. Universiti kedua yang dinamakan Universiti Teknologi Nanyang ditubuhkan dalam tahun 1992.
2. Institut Pelajaran dan Maktab Pelajaran Jasmani digabungkan menjadi Institut Pelajaran Nasional dan disepadukan dengan Universiti Teknologi Nanyang.
3. Politeknik keempat (Politeknik Nasional) ditubuhkan dalam tahun 1992.
4. Pelajar lepasan politeknik dimudahkan untuk mendaftar masuk ke universiti (ST, 11 Julai 1991).

Selain itu, skim *Edusave* (Simpanan Pelajaran) diperkenalkan. Satu konsep yang dipinjam daripada wacana pelajaran neo-konservatif yang popular di Barat, skim *Edusave* sebenarnya ialah skim baucar yang memberikan purata elaun tahunan antara $40 hingga $50 mulai tahun 1993.[73] Subsidi tanpa ujian min dibiayai oleh dana negara untuk membantu perbelanjaan kokurikulum dan aktiviti pengayaan pembelajaran (*ST*, 15 September 1992). Wang *Edusave* yang tidak digunakan akan dipindahkan ke dalam akaun CPF pelajar terbabit apabila mereka mencapai umur dua puluh satu tahun (*Sunday Times,* 1 November 1992).

Rasional NES untuk menunda aliran awal selama satu tahun (dari Darjah 3 ke Darjah 4) adalah berdasarkan andaian bahawa penundaan satu tahun dapat membantu penilaian yang lebih tepat akan kebolehan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

akademik kanak-kanak. Pun begitu, andaian ini menimbulkan persoalan apakah aliran pada peringkat Darjah 4 dan penilaian akademik yang dibuat itu lebih tepat daripada dasar sebelumnya, iaitu penilaian dan aliran yang dibuat pada Darjah 3. Jauh sekali daripada menilai semula konsep aliran awal, pengekalan dasar aliran awal oleh NES menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran sangat komited terhadap ideologi eugenik NEP. Meskipun banyak penyelidikan akademik yang menentang aliran awal sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya, Menteri Pelajaran ketika itu Tony Tan (*ST*, 15 Mac 1991) berdegil menyatakan bahawa dasar aliran di peringkat Darjah 4 akan dikekalkan sehingga Kementerian Pelajaran menerima lebih banyak bukti kukuh yang bercanggah. Tanpa mengira sedikit pengubahsuaian dan pembetulan NEP oleh NES, landasan ideologi NEP berkaitan dengan aliran awal terus kekal dan tidak boleh dipersoalkan lagi.

Pemansuhan aliran ekabahasa yang digantikan dengan dasar yang membenarkan pelajar 10 peratus terbawah untuk menamatkan persekolahan menengah mereka ialah satu pengakuan tersirat tentang kepincangan aliran ekabahasa untuk menampung keperluan ekonomi dan sosial negara. Namun begitu, gantiannya iaitu aliran EM3 tidak lebih daripada ubah suai konsep aliran ekabahasa dan bukannya tegas menolak prinsip asas aliran awal. Daripada menyalurkan secara langsung pelajar EM3 ke dalam sekolah vokasional/teknikal setelah tamat persekolahan rendah, sebaliknya NES membenarkan pelajar menamatkan empat tahun persekolahan menengah dalam aliran teknikal biasa sebelum mereka disalurkan ke dalam institut vokasional/teknikal itu. Sebaik sahaja masuk ke dalam aliran EM3, amatlah sukar untuk seseorang itu berpindah ke aliran akademik disebabkan oleh sifat bukan akademik kurikulum aliran EM3.

Usaha terbaru untuk mengembangkan sektor pengajian tinggi, yang bermatlamat untuk memberikan tempat kepada 60 peratus daripada kohort setiap tahun menjelang tahun 2001, pada umumnya mendapat sokongan popular daripada pihak awam kerana peluang masuk ke pengajian tinggi di Singapura sudah begitu lama terhad kepada segelintir minoriti sahaja.[74] Tempat yang terhad dalam institusi pengajian tinggi pada masa silam telah menjadi punca kekecewaan (Sullivan dan Gunasekaran, 1993) terutama di kalangan yang tidak berkemampuan untuk keluar negeri untuk mendapatkan ijazah pengajian tinggi.

Namun begitu, apakah perkembangan sektor pengajian tinggi bermakna keadaan akan berganjak ke arah kesamaan peluang pelajaran dan sosioekonomi? Jencks et. al. (1972) menghujahkan bahawa perkembangan sektor pelajaran itu, terutama apabila pertumbuhan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

ekonomi tidak mencapai tahap yang sepatutnya, tidak semestinya membawa ke arah pengagihan ganjaran yang saksama, malah boleh menyimpang dari matlamat asalnya. Maka itu, pelajaran sebagai wahana kesamarataan sosial sangat terhad jika reformasi pelajaran berlaku tanpa iltizam ketara dalam reformasi sosial yang lebih luas lagi. Di Singapura, sektor pengajian tinggi yang diperbesarkan menyaksikan pertambahan tempat pelajar luar negeri, terutamanya keturunan etnik Cina dari Malaysia dan Hong Kong yang diberikan biasiswa (Lim dan Pang, 1986: 21). Kehadiran ketara jumlah besar pelajar luar negeri di institusi pengajian tinggi tempatan,[75] manakala beribu-ribu permohonan pelajar Singapura telah ditolak telah menjadi punca keresahan awam. Dalam satu sesi dialog Unit Maklum Balas dalam tahun 1991 yang melibatkan empat puluh orang pemimpin masyarakat, kerisauan telah diluahkan berkaitan dengan pelajar luar negeri mengambil tempat rakyat Singapura di pusat pengajian tinggi tempatan (*ST WOE,* 8 Jun 1991).

Perkembangan pesat sektor pascamenengah, terutama institut vokasional dan teknikal semenjak tahun 1980-an, menjadi tempat latihan bagi pelajar yang dianggap 'kurang kebolehan akademik'. Kebanyakan pelajar TI datangnya daripada keluarga yang berpendapatan rendah, dengan bilangan paling ramai ialah pelajar Melayu, justeru perkembangan sektor ini kekal menjadi pusat pendidikan pascamenengah kumpulan sosial ini.

Dengan perkembangan sektor pengajian tinggi dan pascamenengah, selari dengannya ialah kenaikan nilai kelayakan akademik, kerana lebih ramai remaja yang mempunyai kelayakan sijil di pasaran tenaga kerja. Dalam persekitaran yang mengutamakan kelayakan, majikan mungkin memilih pekerja yang mempunyai kelayakan yang tertinggi dengan tanggapan bahawa mereka akan menjadi pekerja yang produktif. Fenomena ini dapat diperhatikan di Singapura, apabila pencapaian baik di peringkat 'O' Level atau 'A' Level sering menjadi kelayakan minimum untuk mendapatkan kerja kerani. Majikan kini mahukan kelayakan pelajaran yang lebih tinggi bagi kerja yang pada masa silamnya memerlukan kelayakan yang lebih rendah kerana nilai kelayakan pelajaran makin merosot.[76] Yang menonjolnya pula, jumlah agregat yang diperlukan untuk memasuki maktab rendah, politeknik, dan universiti makin diperketat walaupun sektor pascamenengah dan pengajian tinggi telah dikembangkan.[77] Paradoksnya, perkembangan sektor pelajaran mungkin menghasilkan pengurangan ketidaksamaan pelajaran tetapi masih mengekalkan struktur umum ketaksamaan sosial (Moore, 1989: 124). Justeru, kemungkinan untuk sistem pelajaran yang kurang elitis



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

dan kurang bersaingan, sebagai hasil reformasi NES, mungkin optimis yang tidak berasas.

IMPAK ELITISME PELAJARAN KE ATAS KESAMAAN PELUANG PELAJARAN

Kemunculan Parentokrasi

Banyak kajian (Mills 1992; Domhoff, 1983; Useem, 1984) telah mendapati bahawa sekolah elit cenderung mengeluarkan kedudukan istimewa untuk elit sosial dengan menyediakan pelajarnya untuk memasuki institut pengajian tinggi[78] paling terkemuka dan menjalinkan jaringan sosial yang luas di kalangan anak-anak elit yang berguna pada masa hadapan dalam perkhidmatan awam,[79] politik, dan perniagaan,[80] malah juga hal ehwal perkahwinan.[81] Sebagaimana pengalaman pelajaran di luar negeri, nampaknya pemusatan pelajar yang 'bermerit' ke dalam sekolah aliran GEP, sekolah persendirian dan SAP di Singapura semenjak tahun 1980-an berkemungkinan memberikan banyak tumpuan terhadap kepentingan latar belakang keluarga, modal budaya dan material dalam pencapaian akademik.

Banyak kajian luar negeri (Barker-Lunn, 1970; Mortimore dan Mortimore, 1986; Oakes, 1988) dan kajian di Singapura (Yeo, 1982; Heng, 1985) telah menunjukkan bahawa aliran awal merugikan terutama murid-murid yang mempunyai kecacatan belajar dari keluarga disfungsi, latar belakang sosioekonomi yang rendah, dan etnik minoriti. Jurang pencapaian akademik bertambah besar apabila pelajar yang digolongkan sebagai 'kurang berkebolehan' dimasukkan ke sekolah yang kurang berprestij, dengan kemudahan pembelajarannya buruk, guru yang kurang berkelayakan, ramai guru sementara, dan bilik darjah yang sesak.[82]

Kajian Yeo (1982) dan Heng (1985) mendapati bahawa pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah sering terlalu ramai dalam aliran ekabahasa dan aliran biasa yang bukan akademik. Masalah tidak fasih berbahasa Inggeris (satu modal budaya), terutamanya kerana datang daripada keluarga yang bukan bertutur dalam bahasa Inggeris, menyebabkan mereka mempunyai prestasi yang buruk dalam peperiksaan yang pada umumnya dijalankan dalam bahasa Inggeris.[83] Ramai yang memulakan persekolahan mereka ke Darjah 1 tanpa terlebih dahulu mengikuti kelas tadika, dan tidak tahu bahasa Inggeris (*ST*, 29 Ogos 1985). Sebaliknya, anak-anak daripada ibu bapa yang berpendidikan Inggeris besar kemungkinannya pula fasih berbahasa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Inggeris, dididik untuk menghayati nilai buku yang merangsang intelek, dan sudah biasa dengan alam persekolahan dari pengalaman mereka di tadika yang bagus. Hubungan kelas/bahasa kelihatan menonjol dalam Banci 1980 yang menunjukkan bahawa isi rumah yang berbahasa Inggeris lebih besar kemungkinan untuk berpendapatan lebih daripada $3,000 sebulan, manakala isi rumah yang bukan berbahasa Inggeris cenderung mempunyai pendapatan yang kurang daripada $1,500 sebulan.[84]

Kepentingan kekayaan dan modal budaya ibu bapa (kefasihan berbahasa Inggeris) yang penting dalam menentukan pencapaian akademik dan peluang hidup telah dirumuskan oleh Philip Brown (1990) dalam bentuk kemunculan parentokrasi. Parentokrasi paling meluas apabila mutu pelajaran yang diterima oleh pelajar selaras dengan asal-usul sosial ibu bapa mereka, dan apabila prestasi dan pencapaian pelajaran pelajar makin banyak bergantung pada kekayaan dan bukannya kepada daya usaha diri mereka (ibid.: 66). Ini membolehkan golongan elit sosial menjamin bahawa anak-anak mereka mendapat kelayakan pelajaran supaya dapat bersaing dengan jayanya dalam pasaran kerja. Untuk mencapai tujuan itu, mereka dibantu oleh beraneka dasar pelajaran pula seperti aliran awal, penswastaan sekolah yang baik, dan peningkatan kos pelajaran.[85] Dasar sedemikian telah meningkatkan kepentingan pelajaran untuk mengekalkan pembahagian sosioekonomi dalam masyarakat (Brown dan Lauder, 1992: 26).

Kaji selidik yang dilakukan oleh Bowles (1972) dan Brittain (1976) telah mendapati bahawa latar belakang keluarga mempunyai pengaruh besar terhadap pencapaian pelajaran dan taraf ekonomi. Terutamanya, taraf sosioekonomi keluarga menentukan sejauh mana dapat dicapai modal budaya, yang kemudiannya memberikan laluan mudah kepada 'kurikulum tersirat'[86] di sekolah. Peluang modal budaya dan 'kurikulum tersirat' bergantung pada beberapa faktor seperti mutu bahan bacaan dan persekitaran intelek di rumah, kemahiran bahasa ibu bapa yang diwariskan kepada anak-anak, dan juga pencapaian akademik ibu bapa yang membolehkan pula mereka mengambil bahagian aktif terhadap kemajuan anak-anak mereka. Maka itu, kanak-kanak daripada latar belakang sosial yang maju, dilengkapi dengan modal budaya berkaitan akan mendahului mentafsir 'kurikulum tersirat' dan tuntutan umum alam persekolahan. Sebaliknya, kanak-kanak yang datangnya daripada keluarga yang mundur sosial tidak begitu dilengkapi untuk bersaing dalam perlumbaan pelajaran dengan kanak-kanak yang mendahului dalam perlumbaan pelajaran. Mereka ketinggalan kerana mempunyai ibu bapa yang tidak begitu lengkap dengan modal budaya dan sumber



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

material yang diperlukan untuk pencapaian akademik yang tinggi. Maka itu, secara perbandingan, sekolah bolehlah dilihat sebagai perlumbaan antara pasukan murid-murid dan ibu bapa yang mengejar hadiah yang terhad.

Peningkatan Kos Pendidikan

Sebelum sekolah persendirian diperkenalkan di Singapura, yuran sekolah bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan ialah $10 sebulan. Kemudian dinaikkan sedikit kepada $25 sebulan dalam tahun 1990, manakala yuran bulan di sekolah persendirian seperti Raffles Institution dan Sekolah Inggeris-Cina mendadak naik menjadi $200 sebulan dalam tahun 1991 (*ST*, 6 Disember 1991) walaupun ada jaminan yang telah diberikan oleh kerajaan sebelumnya, iaitu ketika konsep sekolah persendirian mula-mula diusulkan, bahawa yuran di sekolah itu tidak akan meningkat tinggi. Sebagaimana ditunjukkan oleh Jadual 7.2, kenaikan yuran di sekolah persendirian semenjak tahun 1990 ialah dua puluh kali ganda lebih mahal, sehingga lebih tinggi daripada kos yang dikenakan oleh sesetengah kursus di institut pengajian tinggi setiap tahun.[87]

JADUAL 7.2
Kenaikan Yuran di Sekolah Persendirian, 1990-1991 (S$ sebulan)

Sekolah	*1990*	*1991*
Raffles Institution	100	200
Sekolah Inggeris-Cina	100	200
Sekolah Tinggi Cina	100	200
Institution St Joseph's	50	150
Sekolah Perempuan Methodist	50	75
Sekolah Perempuan Cina Singapura	50	70

Sumber: *ST*, 11 September 1990.

Menjawab keresahan awam terhadap kenaikan mendadak yuran sekolah persendirian,[88] Kementerian Pelajaran telah menubuhkan Skim Bantuan Kewangan (FAS) terutama bagi pelajar daripada keluarga yang tidak berupaya untuk membayar yuran di sekolah persendirian. Namun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

begitu, hanya pelajar daripada keluarga yang pendapatan isi rumah kurang daripada $2,000 sebulan sahaja yang layak untuk mendapatkan subsidi FAS[89] (*ST*, 6 Disember 1991). Dianggarkan 33 peratus (seorang bagi setiap tiga orang) pelajar yang mendaftar di sekolah perdana layak FAS (*ST*, 11 September 1990), manakala hanya 25 peratus daripada pelajar di Raffles Institution dan St. Joseph[25] Institution menerima FAS dalam tahun 1991 (M. Gasmier, *ST*, 9 April 1992).

Syarat tahap pendapatan FAS yang ketat (di bawah $2,000 pendapatan isi rumah sebulan) telah menyusahkan pelajar daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah lebih sedikit daripada $2,000 sebulan, tetapi mempunyai ramai ahli keluarga. Begitu juga bagi keluarga yang walaupun berpendapatan isi rumah lebih sedikit di atas paras $2,000 sebulan tetapi terpaksa membiayai lebih daripada seorang anak mereka di sekolah persendirian sudah tentunya akan berada dalam kesempitan. Maka itu, yuran persekolahan yang tinggi di sekolah persendirian mungkin menyekat ramai pelajar yang berkelayakan akademik daripada mendaftar di sekolah itu untuk mengelakkan kesempitan kewangan keluarga walaupun pendapatan isi rumah keluarga mereka lebih daripada $2,000 sebulan.

Selain ujian subsidi FAS yang ketat, ada pula satu kategori pelajar 'terbaik' yang yuran mereka diberi subsidi tanpa tertakluk pada sebarang ujian kelayakan. Raffles Institution umpamanya memberikan biasiswa yang meliputi yuran bulanan dan elaun tahunan sebanyak $600 bagi yang mendapat keputusan cemerlang dalam PSLE (*ST*, 4 Disember 1990). Kerajaan juga menawarkan biasiswa *Edusave*[90] untuk membiayai yuran bulanan bagi pelajar 25 peratus paling cemerlang dalam keputusan PSLE yang meneruskan pelajaran mereka di sekolah persendirian perdana, dan 15 peratus paling cemerlang dalam keputusan PSLE di sekolah kerajaan. Biasiswa yang berdasarkan 'merit' ini telah mencetuskan perbahasan awam kerana penerima biasiswa itu, yang sangat ramai datang daripada keluarga yang berpendapatan tinggi, tidak diuji kelayakannya.[91] Terbukti bahawa kerajaan PAP tidak mempedulikan isu kesaksamaan skim *Edusave* kerana hakikatnya penerima biasiswa *Edusave* di sekolah persendirian mendapat $2,400 setahun, manakala yang di sekolah bantuan kerajaan menerima hanya antara $300 hingga $500 setahun[92]. Bagi mempertahankan biasiswa *Edusave* kerajaan yang tidak diuji kelayakan itu, Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong (1992: 18-22) mendakwa bahawa biasiswa itu 'bukannya wang ihsan tetapi adalah pelaburan...kerana kita telah melabur kepada yang lebih berkebolehan, semua rakyat Singapura telah maju dengan lebih cepat'. Oleh sebab ramai penerima biasiswa *Edusave* adalah daripada golongan



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sosial yang mewah, maka biasiswa itu merupakan satu lagi faedah institusi dan kewangan kepada mereka yang sudah sememangnya dilengkapkan mendahului perlumbaan pelajaran dengan penglibatan mereka dalam program elit seperti GEP, SAP, dan sumber pembelajaran tercanggih yang diberikan oleh penerima biasiswa di sekolah persendirian itu.

Kerajaan PAP membalas kegelisahan awam berhubung sifat sistem biasiswa *Edusave*, kos pelajaran yang makin meningkat, dan potensi akibat buruk dalam pilihan raya, maka Perdana Menteri Goh Chok Tong (*ST*, 2 Ogos 1995) telah membuat kenyataan dalam tahun 1995 bahawa Dana Merit *Edusave* akan ditubuhkan bagi pelajar 25 peratus paling cemerlang di sekolah dan keluarga yang berpendapatan kurang daripada $3,000 sebulan. Satu Skim Dana Tampungan juga telah ditubuhkan untuk 'pelajar yang rajin berusaha tetapi miskin' yang bukan daripada golongan 20 peratus teratas di sekolah (*ST WOE*, 2 September 1995). Meskipun ada jaminan daripada Goh bahawa skim ini adalah untuk membantu masyarakat Singapura yang kononnya tidak ada kelas itu, keberkesanannya untuk meringankan beban kewangan keluarga telah dikritik kerana pembiayaan dari skim itu hanyalah sejumlah $250, $200, dan $150 setahun untuk seorang pelajar tidak mencukupi (ibid.).

Yuran bulanan yang mendadak naik bukan sahaja berlaku di sekolah persendirian, tetapi juga telah merebak luas ke sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, dan institusi pengajian tinggi. Ini boleh disabitkan kepada dasar kerajaan yang membenarkan semua sekolah, semenjak tahun 1992, untuk menaikkan yuran rencam mereka[93] yang sehingga kini ialah $5 sebulan bagi sekolah rendah, $7 sebulan bagi sekolah menengah, dan $9 sebulan bagi prauniversiti.[94] Yuran bagi pelajar politeknik telah meningkat dari $840 setahun dalam tahun 1989 kepada $1,200 setahun dalam tahun 1992 (*ST*, 26 Januari 1990). Pada peringkat universiti (Jadual 7.3) dalam tahun 1991 berlaku kenaikan sebanyak 35-50 peratus daripada tahun sebelumnya, manakala dalam tahun 1992 pula dinaikkan lagi 5-7 peratus berbanding tahun 1991. Kenaikan yuran tahun 1992 ialah kenaikan yang keempat semenjak tahun 1987, dan umumnya mencerminkan objektif jangka panjang kerajaan untuk memotong subsidinya kepada kedua-dua buah universiti pada kadar 60-70 peratus daripada kos pengendalian (*ST*, 22 April 1991). Dalam tahun 1997, yuran bagi mahasiswa ijazah pertama di semua fakulti kecuali perubatan dan pergigian telah dinaikkan sebanyak $5,500 setahun (*ST*, 19 Mac 1997). Yuran universiti bagi peringkat pascasarjana dengan ketaranya dinaikkan dalam tahun 1996. Contohnya, siswazah penyelidik Sarjana Sastera yang sebelumnya membayar yuran sebanyak

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

$350 setahun telah dikenakan $1,300 setahun dalam tahun 1996 (*ST*, 21 Jun 1995).

JADUAL 7.3
Yuran Universiti, 1990-1992 (S$ setahun)

Kursus	*1990*	*1991*	*1992*
Tanpa Makmal	2,600	3,500	3,750
Bermakmal	3,100	4,350	4,550
Perubatan/Pergigian	7,200	10,800	11.450*

Sumber: *ST*, 21 April 1991; ST, 15 Mei 1992.
* Pinjaman maksimum bagi yuran tuisyen bagi tahun 1992 ialah $1,320 bagi kursus sarjana muda tanpa makmal, $1,600 bagi sarjana muda bermakmal, dan $4,010 bagi ijazah perubatan/pergigian (*ST*, 15 Mei 1992).

Persaingan hebat untuk mencapai kelayakan akademik untuk memasuki sekolah perdana, dan kerisauan akan disalurkan ke dalam aliran yang lembap telah mengakibatkan ramai murid mengikuti tuisyen swasta.[95] Fenomena yang meluas ini, yang pada umumnya dirujuk sebagai 'sistem pelajaran bayang-bayang', terbukti berdasarkan satu per tiga daripada jumlah pelajar, dari peringkat tadika hingga ke peringkat universiti, mengikuti tuisyen swasta (*ST*, 11 April 1992). Kos tuisyen yang biasanya meliputi antara $100 sebulan bagi pelajar sekolah rendah hingga $180 sebulan bagi pelajar sekolah menengah (*ST*, 14 September 1987) telah meningkatkan lagi agregat kos pelajaran. Kos tuisyen swasta yang agak mahal bermakna bahawa tuisyen, selain tuisyen yang ditawarkan oleh badan usaha sendiri, hanya mampu dibiayai oleh pelajar daripada keluarga yang kaya. Ini didedahkan oleh kaji selidik *Straits Times* yang menunjukkan bahawa 45 peratus keluarga daripada keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah lebih daripada $4,500 sebulan menerima tuisyen swasta, sedangkan 27 peratus pelajar daripada keluarga berpendapatan isi rumah di bawah $2,000 sebulan menerima tuisyen swasta (*ST*, 11 April 1992). Kaji selidik itu juga mendedahkan bahawa majoriti pelajar yang tidak mengikuti tuisyen swasta tidak berbuat demikian kerana keluarga mereka tidak mampu (C. George, *ST*, 4 April 1992). Penglibatan tuisyen swasta yang lebih tinggi daripada purata bagi pelajar SAP dan sekolah persendirian (*ST*, 4 April 1992)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang kononnya 'bijak' itu menunjukkan lagi kaitannya antara pencapaian akademik dan latar belakang sosioekonomi. Sudah sedia berada di hadapan dalam perlumbaan pelajaran untuk mereka daripada modal material dan budaya, kemudahan canggih di sekolah SAP dan sekolah persendirian, berserta dengan tuisyen swasta, maka itu tidaklah menghairankan jika 'prop' pelajaran ini membolehkan mereka sentiasa berada maju di hadapan di sepanjang perlumbaan pelajaran.

Selain kepesatan pertumbuhan agensi tuisyen swasta, agensi insurans pula telah mengambil kesempatan daripada kebimbangan ibu bapa yang timbul akibat kenaikan yuran sekolah dan universiti, dan ini semua menambahkan lagi kos pelajaran buat ibu bapa. Contohnya, terdapat peningkatan bilangan rakyat Singapura mengambil polisi insurans pelajaran dengan *American International Assurance* dengan penjualan polisi mereka dari bulan Mac hingga bulan Julai 1987 adalah tiga kali ganda (*ST*, 11 Ogos 1987). Setelah bertahun-tahun menerima desakan daripada pihak awam, satu Skim Pelajaran CPF telah diperkenalkan dalam tahun 1991 yang meliputi semua kursus sarjana muda dan diploma sepenuh masa di institusi pengajian tinggi tempatan. Yuran kursus di institut pengajian tinggi boleh dibayar melalui pengeluaran dari akaun CPF[96] (*ST*, 4 Mei 1991). Namun begitu, pengeluaran CPF memberi kesan yang berlainan bagi sesebuah keluarga bergantung pada taraf pekerjaan mereka. Seorang pelajar di institut pengajian tinggi yang mengeluarkan wang dari dana CPF yang telah sangat berkurangan mungkin akan menyebabkan beban yang berat bagi keluarganya sehinggalah mereka dapat membayarnya kembali.

Persaingan Memasuki Sekolah Elit

Permintaan yang tinggi mendapatkan tempat dalam program terpilih dan sekolah perdana telah mencetuskan amalan buruk di kalangan pentadbir sekolah perdana yang mengambil kesempatan daripada kerisauan ibu bapa memastikan tempat anak-anak mereka di sekolah elit. Satu kaji selidik *Straits Times* yang telah dijalankan untuk menilai sejauh mana salah laku itu berleluasa telah mendapati bahawa beberapa sekolah SAP dan sekolah perdana meminta 'derma' antara $5,000 hingga $15,000 untuk mendapatkan tempat di sekolah tersebut.[97] Respons Kementerian Pelajaran terhadap tuduhan rasuah itu bukannya dengan memulakan satu siasatan rasmi, tetapi mengeluarkan amaran berhemah kepada pihak sekolah bahawa mereka tidak boleh menerima atau meminta derma untuk menempah tempat di sekolah mereka.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Memandangkan persekitaran pelajaran yang semakin menjurus pasaran bebas, maka itu mungkin tidak mengejutkan jika terdapat beberapa orang pentadbir sekolah terjerumus menggunakan kaedah pasaran yang tidak bermoral untuk mengisi dana sekolah mereka. Apatah lagi, sekolah persendirian diberikan galakan untuk kreatif mencari wang bagi membiayai 10-20 peratus kos peningkatan kemudahan persekolahan mereka.[98] Maka boleh dihujahkan bahawa meminta 'derma' itu hanyalah salah satu cara untuk mendapatkan wang dana secara 'kreatif' oleh pentadbir sekolah yang berdaya tinggi. Malah pendekatan komersial terhadap pelajaran adalah sejajar dengan rasional penswastaan sekolah elit. Sebagaimana rumusan tepat yang ditulis oleh editorial *Straits Times* (11 September 1986) dalam komennya berkaitan dengan pendekatan pasaran terhadap pelajaran, 'Tidak ada sebab mengapa persekolahan tidak boleh diselenggarakan secara perniagaan selagi pihak yang menguruskan sekolah itu sentiasa mengutamakan taraf sekolah mereka. Jika ada ibu bapa yang sanggup membayar bagi tempat di sekolah yang tertentu biarkanlah. Ibarat persamaan lama antara permintaan dan bekalan, sektor swasta sahaja yang paling memahami mekanisme persamaan itu.'

Cara yang agak kurang kontroversinya dan dapat diterima masyarakat untuk menjamin tempat di sekolah elit ialah melalui kriteria keutamaan kemasukan Kementerian Pelajaran. Sifat kriteria kemasukan MOE ini memperkuatkan lagi pentingnya taraf sosial dan latar belakang pencapaian pelajaran ibu bapa, yang akan mewariskan peluang dan pencapaian pelajaran itu pula kepada anak-anaknya. Contohnya, markah tertinggi bagi kriteria prioriti ialah bagi kanak-kanak yang sama sekolah dengan adik-beradiknya, prioriti kedua ialah ibu bapa kanak-kanak yang mempunyai kaitan dengan sekolah itu, dan akhir sekali bagi yang tinggal dalam lingkungan jarak 2 kilometer dari sekolah yang dipilih (*ST*, 17 Mac 1992).

Senarai keutamaan begitu membolehkan kanak-kanak daripada ibu bapa yang sebelumnya belajar di sekolah elit Raffles Institution, Sekolah Inggeris-Cina, St. Joseph's Institution, dan Convent of the Holy Infant Jesus mendahului di garisan permulaan perlumbaan persekolahan warisan ibu bapa mereka. Kriteria yang sangat dilaung-laungkan itu, iaitu meritokrasi sebagai prinsip utama bagi memasuki sekolah perdana tersebut, bungkam oleh skim keutamaan yang sangat bersandar pada nasib dan kerana dilahirkan oleh ibu bapa tertentu. Ciri lain yang dihormati seperti kepakaran profesional, kedudukan sosial, dan anutan agama ibu bapa mungkin dapat membantu meningkatkan peluang mendekatkan mereka dengan sekolah pilihan melalui penglibatan aktif


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka dalam masyarakat, lembaga sekolah, jawatankuasa, atau kakitangan. Kriteria begini, yang kononnya menjalin sokongan kuat daripada jaringan alumni sekolah, telah mengakibatkan pengabaian kanak-kanak yang ibu bapa mereka kurang berpelajaran dan sedikit sekali kemungkinannya daripada golongan tenaga guru, berminat dalam proses pentadbiran sekolah, atau meluangkan masa bagi kerja kemasyarakatan. Pelajar yang bukan beragama Kristian juga kerugian akibat keutamaan yang dikenakan oleh sekolah elit Kristian untuk yang beragama Kristian. Pelajar yang tinggal di kawasan perumahan eksklusif 'Bukit Timah' di daerah 10 dan 11, tempat terdapat banyak sekolah rendah dan menengah sama ada persendirian atau elit kerajaan[99] (W. Fernandez, *ST WOE*, 15 Mei 1993), atau ibu bapa yang mempunyai sumber kewangan dan berupaya untuk berpindah ke daerah yang berhampiran dengan sekolah perdana, juga memiliki kelebihan.[100] Maka itu sistem keutamaan yang ada sekarang ini berat sebelah untuk keluarga kaya yang tinggal di kawasan perumahan eksklusif yang terdapat banyak sekolah perdana di situ. Perlu juga dinyatakan bahawa garis panduan keutamaan ini bukannya satu fenomena yang baru, tetapi telah dilaksanakan semenjak PAP berkuasa dalam tahun 1959. Namun demikian, skim keutamaan dahulu tidak menjanakan persaingan yang hebat seperti dalam dekad ini (Sunny Goh, *ST*, 1 Februari 1992). Ini timbul kerana pembezaan kemudahan yang disediakan oleh sekolah semenjak dekad 1980-an. Sebelum itu, pelajar yang 'bijak' akademik lebih sekata taburannya di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, dan lebih ramai murid yang belajar dalam persekolahan arus perdana.

Reformasi pelajaran konservatif yang berasaskan pasaran, yang menyebabkan peningkatan ketara pembezaan hierarki pelajaran dan sekolah, telah memperhebatkan pentingnya taraf sosioekonomi dan latar belakang pelajaran ibu bapa seseorang pelajar, anutan agama, dan faktor warisan lain untuk menentukan peluang kemasukan ke sekolah perdana yang sangat diidamkan. Apabila pelajaran dijadikan komoditi, sebagaimana halnya komoditi lain, peluang pelajaran sangat tertakluk pada sumber kewangan seseorang itu. Wacana pelajaran konservatif menekankan kepentingan pilihan. Namun demikian, sebenarnya untuk membuat pilihan yang berkesan memilih sekolah untuk anak-anak, ibu bapa mesti memiliki kedudukan kewangan yang mantap dan memiliki sumber sosial dan pelajaran yang berkaitan. Bagi mereka yang tidak mempunyai sumber ini, pilihan persekolahan anak-anak mereka terhad sekali. Maka itu fenomena parentokrasi mendedahkan percanggahan

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

falsafah pelajaran konservatif dan pergantungannya pada retorik meritokrasi dan retorik kesamaan peluang.

Jalan Keluar Bagi 'Yang Kurang Berbakat' Tetapi Memiliki Sumber Kewangan

Bukan semua pelajar akur pada kehendak sistem pelajaran yang sangat bersaingan di Singapura. Bagi yang telah dilemparkan ke dalam aliran lembap, yang tidak dapat memenuhi syarat akademik maktab rendah yang terkemuka kerana kelemahan mereka dalam subjek asas (bahasa Inggeris, 'bahasa ibunda', dan Matematik), atau yang gagal memenuhi syarat ketat untuk memasuki institusi pengajian tinggi, satu pilihan jalan keluar menyambung pelajaran di luar negeri yang mahal. Maka itu pelajaran luar negeri memberi peluang kepada 'yang kurang bermerit' tetapi berkemampuan untuk mendapatkan kelayakan institusi tinggi yang sangat berharga dalam masyarakat Singapura yang sangat mementingkan kelayakan. Betapa ramainya yang menggunakan 'jalan keluar' ini dicerminkan dengan anggaran 2,000-3,000 remaja Singapura keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi setiap tahun. Mereka dianggarkan hampir satu per tiga daripada 34,257 orang pelajar yang memasuki universiti di Singapura dalam tahun 1990.[101]

Peluang pelajaran mereka ditebus oleh sumber kewangan mereka, pelajar ini bebas daripada 'hukuman' sistem pelajaran Singapura yang telah melabel mereka sebagai 'tidak bermerit', tetapi pulang dengan jayanya sebagai individu 'bermerit' dengan membawa bersama mereka ijazah yang diperlukan untuk pekerjaan profesional dan bertaraf tinggi.[102] Apa pun, bagi kebanyakan pelajar yang 'tidak bermerit', yang tidak 'mencapai gred' dan juga tidak mempunyai sumber kewangan, mereka tidak akan dapat menebus diri mereka untuk belajar di luar negeri, yang dapat membuatkan mereka menjadi individu yang 'bermerit'. Peningkatan kos pelajaran di luar negeri pula akibat pelaksanaan dasar kos yuran sepenuhnya, di negara seperti Australia dan Britain, maka menyambung pelajaran ke luar negeri makin tidak mampu dibiayai oleh golongan kelas menengah rakyat Singapura.[103] Selain daripada golongan yang kaya raya, jalan keluar merebut pelajaran peringkat tinggi makin sempit bagi rakyat Singapura pada amnya.[104]


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Peluang Pelajaran bagi Pelajar Pendidikan Khas

Dalam sistem pelajaran yang begitu menjurus memupuk potensi akademik bagi yang 'bijak', kesejahteraan pembelajaran kanak-kanak ESN dan kecacatan lain tidak diberikan keutamaan oleh kerajaan PAP. Keperluan pembelajaran orang cacat, 'gagal' akademik, dan ESN ditampung oleh sekolah khas yang banyak diselenggarakan oleh sektor swasta yang mempunyai keadaan kewangan yang buruk, terlalu sesak akibat ramainya pelajar, dan kemudahan persekolahan yang buruk.

Hanya ada beberapa sekolah persendirian untuk ESN meskipun pelajar ESN merupakan kira-kira 1 peratus daripada jumlah kanak-kanak sekolah (*ST*, 28 Mac 1987), permintaan tempat ke dalam sekolah itu lebih jauh tingginya daripada bekalan tempat yang ada.[105] Sekolah Khas Chao Yang dan Sekolah Khas Katong terkenal kerana kesesakan yang amat sangat, kekurangan staf, dan mempunyai kemudahan persekolahan yang buruk. Bagi Sekolah Orang Pekak dalam tahun 1983, daripada dua puluh dua orang guru, hanya empat orang guru sahaja yang mempunyai kelayakan untuk mengajar kanak-kanak pekak (*ST*, 25 Mac 1983). Meskipun terdapat lebih daripada 500 orang kanak-kanak autistik di bawah umur 12 tahun, hanya ada satu sekolah persendirian, Sekolah Khas Margaret Drive, yang menawarkan program pembelajaran bagi kanak-kanak tersebut. Sekolah tersebut hanya dapat menampung seramai kira-kira 292 orang murid, dengan senarai menunggu seramai 153 orang dalam tahun 1992 (*ST*, 1 Oktober 1992), maka itu keperluan pembelajaran beratus-ratus kanak-kanak autistik tidak disediakan dengan sempurnanya. Akibat kesesakan dan senarai menunggu yang panjang di sekolah khas begini, ramai kanak-kanak yang mempunyai kecacatan belajar terbengkalai dalam aliran lembap di sekolah arus perdana, dan mereka tidak mungkin dapat menerima perhatian yang khusus dan mendapatkan kemudahan pembelajaran yang istimewa sebagaimana yang dapat dimanfaatkan oleh rakan 'bijak' mereka di sekolah SAP, GEP, dan persendirian.

Cara yang wajar dari segi akademik untuk mengurangkan kesesakan kanak-kanak di pusat pendidikan khas adalah dengan mengintegrasikan secara teliti kanak-kanak ESN ke dalam sekolah arus perdana. Ini telah berjaya dicuba di negara Scandinavia dan Taiwan. Dengan cara ini, kanak-kanak ESN dan yang mempunyai kecacatan belajar lain akan berpeluang untuk bergaul dengan pelajar yang 'normal'. Pendekatan ini juga memberikan banyak manfaat kepada pelajar 'normal' kerana mereka besar kemungkinan akan terdidik dengan sensitiviti dan empati

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

terhadap kesukaran yang dihadapi oleh rakan mereka yang kurang bernasib baik itu. Kajian (Smith dan Kennedy, 1967; Wang, 1982) menyarankan bahawa pencapaian intelek pelajar terencat akal itu dapat diperbaik melalui penglibatan mereka dalam program yang dirangka dengan teliti dan diterapkan ke dalam kelas arus perdana. Selanjutnya, Slavin dan Madden (1986) telah merumuskan bahawa pelajar terencat akal yang menghadiri kelas biasa lebih berupaya menyesuaikan diri mereka, dari segi sosial dan emosi, dibandingkan dengan pelajar yang mengikuti kelas khas. Seorang tokoh masyarakat, bekas Ahli Parlimen PAP bagi Ulu Pandan, Dixie Tan telah mendesak kerajaan semenjak tahun 1985 lagi tetapi malangnya gagal untuk mengintegrasikan kanak-kanak ESN ke dalam sekolah arus perdana (*ST*, 28 Mac 1987).

Setelah bertahun-tahun diabaikan, akhirnya kerajaan PAP menambah peruntukan dalam tahun 1988 untuk setiap pelajar pendidikan khas dengan membiayai separuh daripada kos pembelajaran setiap orang murid.[106] Walaupun dengan pertambahan peruntukan ini, namun ibu bapa kanak-kanak di sekolah pendidikan khas terpaksa membayar yuran anak-anak mereka hampir tiga kali ganda dibandingkan dengan yuran di sekolah arus perdana (*ST*, 23 Ogos 1988). Yuran yang mahal di sekolah pendidikan khas itu sudah pastinya membebankan keluarga pelajar terutama majoriti mereka datangnya daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan masyarakat etnik minoriti. Contohnya, di Sekolah Khas Chao Yang, terdapat lebih daripada separuh pelajarnya datang daripada keluarga yang miskin (*ST*, 15 Januari 1985). Ini telah ditahkikkan oleh kajian lain (Levine et al., 1992) yang menunjukkan bahawa kumpulan etnik yang mundur sosial khususnya, mempunyai nisbah yang terlampau tinggi dikategorikan sebagai ESN. Ramai antara mereka yang telah disalah kategori dan dilayan sedemikian, kemudian cenderung untuk berkelakuan sebagaimana yang telah dilabelkan kepada mereka, justeru ia merupakan satu ramalan penyempurnaan diri (Levine dan Havighurst, 1992: 134).[107]

Kebakhilan peruntukan kerajaan terhadap sekolah pendidikan khas amat bertentangan dengan perbelanjaan yang mewah bagi program pendidikan pelajar 'bijak' sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya dalam Bab ini. Jumlah yang terlampau besar daripada dana awam telah dibelanjakan bagi sekolah elit jika dibandingkan dengan sekolah arus perdana dan ESN. Logik peruntukan ini hanya dapat difahami dari sudut pendekatan input-output ekonomi kerajaan PAP yang mengandaikan bahawa wang yang dibelanjakan ke atas pelajar ekabahasa dan ESN bukannya satu pelaburan yang menguntungkan. Ini berdasarkan kepercayaan bahawa kemudian hari nanti kanak-kanak itu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tidak berkebolehan untuk menyumbang dengan berkesan terhadap tuntutan ekonomi yang makin berteknologi dan canggih.

Hakikat bahawa pelajar yang dilabel sebagai 'bijak' itu majoritinya datang daripada latar belakang keluarga kelas menengah dan kelas menengah atas, sedangkan pelajar ESN pula kebanyakannya daripada keluarga berpendapatan rendah, dengan sendirinya menimbulkan persoalan akan kewajaran keutamaan prioriti pembiayaan itu. Ini juga mencetuskan persoalan tentang keadilan keutamaan pelajaran, kerana menyalurkan terlalu banyak dana wang awam kepada elit akademik, kebanyakannya pula adalah dari golongan elit sosial. Percanggahan yang ketara ini mendorong Pengarah Eksekutif Persatuan Subnormal Pendidikan, June Tham, dengan secara terbuka mendesak kerajaan supaya memberikan keutamaan yang sama kepada pelajar ESN sebagaimana yang diberikan kepada kanak-kanak 'bijak' di sekolah SAP dan persendirian (*ST*, 28 Mac 1987). Prinsip kesamaan peluang sekolah juga menetapkan bahawa pelajar sekolah pendidikan khas mestilah diberikan peluang menerima perhatian pendidikan yang khusus yang dapat memajukan potensi intelek mereka dengan sepenuhnya.

* * *

Kerana sering dikritik sebagai tidak tentu hala, berorientasikan ekonomi, bermotivasikan politik, dan berlandaskan andaian kepercayaan konservatif dan eugenik, maka sistem pelajaran Singapura tidak begitu diyakini ramai. Oleh sebab tanggapan tentang kelemahannya, sektor pelajaran menjadi tapak hegemoni kerajaan PAP yang paling terdedah. Kekecewaan orang ramai terhadap sistem pelajaran banyak menyumbang ke arah kadar penghijrahan yang tinggi di kalangan profesional (Sullivan dan Gunasekaran, 1993) 'mengundi dengan menapak kaki', kemerosotan mendadak undi PAP dalam pilihan raya 1984,[108] dan ia juga menjadi punca konflik sosial dan etnik.

Sistem pelajaran yang sangat bersaingan, mementingkan peperiksaan dan sangat berhierarki, yang terkenal dengan pendekatan aliran awal untuk mendidik minoriti pelajar yang 'bijak', sementara itu mencabut keluar pada awal lagi pelajar yang 'kurang berkebolehan', telah menyumbang ke arah banyak pembaziran bakat sumber manusia.[109] Peluang yang sangat sempit bagi yang lewat dapat memajukan diri mereka, yang mempunyai masalah emosi, yang mundur sosial dan bekas pelajar tua untuk masuk kembali ke dalam pelajaran arus perdana. Daripada memikirkan kecemerlangan dari sudut elitis yang sempit,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sepatutnya kecemerlangan difahami sebagai menyeluruh sifatnya; ataupun pencapaian cemerlang, pengetahuan dan kemahiran keseluruhan masyarakat mungkin merupakan pendekatan yang lebih jitu lagi jika benar-benar mahu merealisasikan ideal kesamarataan, persamaan peluang dan berbilang kaum.

Sistem pelajaran yang mengutamakan peperiksaan di Singapura telah mencetuskan tabiat menghafal dan mendidik kebolehan teknikal dan keseragaman yang tinggi.[110] Itu ialah rencah sosial untuk menjana sebuah masyarakat berhierarki yang didominasi oleh teknokrat dan birokrat yang taat dan akur pada semua arahan. Ini bertentangan dengan pandangan (Brown dan Lauder, 1992: 7) bahawa yang pentingnya adalah untuk menstrukturkan semula masyarakat kepada yang kurang berhierarki dalam persekitaran masyarakat antarabangsa lewat kurun kedua puluh. Tenaga kerja yang sangat mahir, kreatif berinovasi, analitis dan anjal, bergantung pada sistem pelajaran yang kurang pembezaan dan kurang berhierarki. Model kerangka Ford Telah ketinggalan zaman, maka sistem pelajaran yang wujud sekarang ini cenderung menyekat kreativiti, pemikiran analitis dan kreatif, inisiatif individu, dan pengambilan risiko, iaitu sifat penting bagi menghasilkan ahli fikir yang inovatif, para saintis, ahli sains sosial, dan usahawan perniagaan (ibid.). Satu laporan daripada usahawan peniaga kecil Singapura selepas kemerosotan ekonomi tahun 1985 telah mengkritik sistem pelajaran yang terlalu menumpukan kepada peperiksaan, gred, dan kepatuhan kerana itu menyekat inovasi, kreativiti dan mendidik etos jangan mengambil risiko (cf. Clad, 1989: 129). Ciri-ciri seperti mengambil risiko, kreativiti, inovasi, dan pemikiran kritis adalah syarat untuk menyemai sebuah masyarakat 'global' yang canggih dan berbilang kaum yang semakin berlandaskan ekonomi berteknologi tinggi dan berasaskan pada sektor perkhidmatan. Ini berupaya memberikan respons yang teliti terhadap arus sosial dan politik yang rumit di ambang kurun kedua puluh satu. Walaupun dasar NEP dan NES digubal dengan tujuan untuk mendidik sumber manusia Singapura yang terhad itu, namun rejim sistem pelajaran yang ada sekarang ini tidak begitu bersedia untuk memenuhi cabaran ekonomi negara pada jangka masa panjangnya. Ini sudah tentu kurang berupaya untuk merangsang jalinan rumit masyarakat majmuk. Perlunya untuk mengkaji semula sistem pelajaran telah diakui oleh bekas Menteri Pelajaran Teo Chee Hean pada awal tahun 1977 apabila beliau menyatakan bahawa keutamaan sistem pelajaran akan berubah ke arah mendidik pemikiran analitis dan kemahiran kreatif yang lebih tinggi di kalangan pelajar untuk menjamin supaya ekonomi Singapura kekal bertenaga (*SR*, 31 Januari 1997). Jadi jika mendidik kemahiran analitis


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan pemikiran kreatif hendak diwujudkan, maka sistem aliran awal dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan amat perlu disemak semula.

Sistem pelajaran di Singapura dengan ghairah telah meminjam komponen utama agenda pelajaran neo-konservatif sebagaimana yang dimanifestasikan oleh pelaksanaan aliran awal NEP, penubuhan SAP, GEP dan sekolah persendirian, dan Skim Baucar (*Edusave*). Pun begitu, pelbagai reformasi pelajaran banyaknya menumpukan manfaatnya kepada elit akademik yang juga datang daripada latar belakang keluarga yang mewah. Mereka mengaut keuntungan daripada reformasi itu yang memberikan mereka lebih banyak peluang pilihan pelajaran. Sebaliknya, bagi majoriti terbesar pelajar, pilihan pelajaran yang sebenarnya tidaklah lebih daripada retorik semata-mata. Bagi yang 'kurang kebolehan' akademik, pilihan pelajaran dihadkan oleh proses aliran dan orientasi kurikulum ke arah aliran bukan akademik.

Reformasi NEP dan NES kemungkinan memperkukuhkan kepentingan etnik dan parentokrasi bagi menentukan pencapaian pelajaran seseorang itu. Tatkala pembezaan sekolah semakin meningkat, sekolah elit dapat menawarkan saiz kelas yang kecil, guru yang lebih berkelayakan, dan sumber pembelajaran yang canggih. Maka tidak hairanlah sekiranya mereka dapat menghasilkan pelajar yang mencapai keputusan akademik yang terbaik[111] setelah menarik masuk pelajar yang 'terbaik'. Sebaliknya, sekolah kerajaan biasa besar kemungkinan makin ketinggalan di belakang dari segi mutu pengajaran, kemudahan pembelajaran dan menampung lebih ramai pelajar yang 'kurang berbakat' di dalam masyarakat. Kehilangan pelajar 'terbaik' mereka kepada sekolah persendirian dan SAP yang terkemuka, mengakibatkan prestasi akademik sekolah itu berkemungkinan makin jatuh ke belakang berbanding sekolah terkemuka. Dalam persekitaran begini, sekolah makin berlapis menurut 'kebolehan' pelajar yang berada dalam sesebuah sekolah dan latar belakang sosioekonomi para pelajar. Konsep sekolah berautonomi hanyalah perubahan kecil pada dikotomi pelajaran yang sedia ada sekarang iaitu antara sekolah persendirian/SAP dan sekolah bukan swasta/bukan SAP. Apabila dinaikkan ke taraf separuh elit berdasarkan prestasi akademik pelajarnya, sekolah begitu kelihatan sebagai satu tambahan lagi pada lapisan hierarki pelajaran berpiramid itu.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

1. Campur tangan pelajaran menjadi satu strategi utama dalam tahun 1960-an untuk membanteras kemiskinan dan kemunduran pelajaran. Di Amerika Syarikat, satu Program Rintis telah dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi sekolah kanak-kanak yang sosial. Di Britain pula, Kawasan Keutamaan Pelajaran telah ditubuhkan.

2. Apple (1987) dan Welch (1991) telah menjelaskan tindakan balas terhadap reformasi sosial demokratik, terutama reformasi pelajaran, yang dijadikan kambing hitam bertujuan untuk mengalihkan masalah struktur yang terpendam dalam ekonomi perindustrian di Barat. Sebagaimana yang dinyatakan dengan tepatnya oleh Apple (1987), 'dengan mengalihkan perhatian awam kepada masalah pelajaran, punca sebenar krisis politikal ekonomi kapitalisme sekarang ini dipindahkan daripada ekonomi kepada negara.Kemudiannya, negara memindahkannya pula kepada sekolah.'

3. Rujuk laporan pelajaran seperti Laporan Goh (1979).

4. Mereka berhujah hebat mengenai percanggahan reformasi pelajaran sosial demokratik, tetapi tidak mencabar struktur yang sedia ada yang menghasilkan bezaan sosial, sebaliknya memberikan tumpuan berfungsi dalam kerangka struktur yang ada.

5. Dalam satu perutusan kepada penduduk GRC Tanjung Pagar dalam bulan Februari 1992, Menteri Kanan Lee Kuan Yew mengkritik reformasi pelajaran liberal di Britain kerana melemahkan ekonomi dan menjatuhkan taraf pelajaran. Lee mendakwa bahawa setelah 'dua puluh tahun pendidikan liberal di Barat dilaksanakan, ...hasilnya ialah tenaga kerja yang tidak berdaya saing.' Lee mendakwa lagi bahawa dasar begitu mengakibatkan ramai yang jahil sifir dan bermasalah dengan ayat bahasa Inggeris (*ST WOE*, 15 Februari 1992).

6. Penyelidikan oleh Myers (1976) menunjukkan bahawa sekolah 'campur' yang lebih seimbang tidak merugikan sangat pelajar yang 'lebih berkebolehan', malah dapat meningkatkan pencapaian yang 'kurang berkebolehan', maka itu memberi kesan peningkatan pada keseluruhannya. Cadangan konservatif menggalakkan pembezaan antara sekolah atas dasar bahawa ia akan memberikan kepelbagaian dan banyak pilihan mempunyai akibat sosial yang serius. Apabila meluasnya pembezaan persekolahan, hanya 'pengguna ' pelajaran yang mempunyai sumber kewangan yang ketara yang mempunyai keistimewaan untuk mendapat banyak pilihan, manakala yang lain yang tidak begitu berada tidak dapat menggunakan pilihan itu (Ball, 1986: 64).

7. Sebagaimana yang dikatakan oleh seorang pendukung idea konservatif Irving Kristol (1973), 'Sebenarnya tidak ada kaitan langsung antara kilang fizikal sekolah dengan pencapaian akademik pelajar kita...Apa yang menentukan pencapaian akademik anak-anak ialah warisan baka dan juga nilai serta motivasi yang mereka terima di rumah. Malah saiz kelas pun tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan pencapaian akademik'.

8. Kerajaan telah mengakui bahawa dasar pelajaran yang pesat berkembang untuk meramaikan pelajar dalam tahun 1960-an mengorbankan mutu demi kuantiti (Lim, 1989: 179).

9. Kebanyakan sekolah dalam sistem pelajaran penjajah dibiayai dan ditadbir oleh pihak swasta. Penyeliaan kerajaan adalah terhad dan tidak ada kurikulum yang selaras.

10. Minimum enam tahun persekolahan rendah, dan empat tahun persekolahan menengah, dengan pilihan tambahan dua tahun lagi persekolahan menengah jika berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

11. Satu jawatankuasa penasihat tentang Pembangunan Kurikulum telah ditubuhkan dalam tahun 1970 (Willmott, 1989: 588).

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

12. Dasar dwibahasa ialah cara untuk mengintegrasi budaya antara yang berpendidikan Inggeris dan yang bukan berpendidikan Inggeris, sambil mengekalkan nilai budaya etnik yang berasingan. Bahasa Inggeris ialah cara untuk meneroka kemajuan terutama dalam bidang sains, teknologi, dan membina Singapura sebagai sebuah kampung global (Gopinathan, 1974: 63).

13. Kesan sistem aliran tidaklah meluas kerana minoriti pelajar disalurkan ke dalam aliran vokasional dan teknikal, manakala kebanyakan pelajar terus tinggal dalam aliran akademik.

14. Rujuk Laporan Goh (1979) untuk rumusan tanggapan kelemahan sistem pelajaran di Singapura.

15. Pasukan projek daripada Institut Pembangunan Kurikulum Singapura telah membangunkan satu siri buku teks sekolah, termasuk buku etika Konfusianisme, seringnya dianggotai oleh 'pakar' dari luar negeri (Gopinathan dan Gremli, 1988: 142).

16. Profesor Taylor, 'Teacher Education in Singapore in 1980: The Role of the Institute of Education', 1980.

17. Antara tahun 1959 dan 1980, Kementerian Pendidikan mempunyai lapan orang menteri yang bersilih ganti (Gopinathan, 1991: 268).

18. Pasukan Goh menerima sahaja andaian kecerdasan semula jadi yang dianuti oleh kepemimpinan PAP.

19. Pasukan Goh menerima sahaja kepercayaan eugenik kepemimpinan PAP sebagaimana yang dimanifestasikan daripada usul aliran awal.

20. Salah seorang anggota Pasukan Goh, Goh Kim Leong, telah dilantik menjawat jawatan Setiausaha Tetap dan Pengarah Pendidikan (Gopinathan, 1991: 284).

21. Tamat lapan tahun persekolahan rendah jika seseorang pelajar itu mempunyai prestasi buruk dalam peperiksaan Darjah 3.

22. Tujuh puluh lima peratus daripada yang telah tamat kursus latihan kemahiran di institut vokasional tetapi hanya mempunyai pendidikan sekolah rendah tidak mendapat pekerjaan sewajarnya setelah tamat latihan, kerana majikan tidak mahu mengambil pekerja yang mempunyai pendidikan sekolah rendah (*ST WOE*, 8 Mei 1993).

23. Dalam satu majlis makan malam perpisahan kepada Tony Tan sebagai Menteri Pendidikan dalam bulan Januari 1992, Tony Tan mengaku bahawa NES akan melaksanakan hanya sepuluh tahun persekolahan dan maka itu memotong pembaziran sistem lama apabila seorang daripada lima orang (20 peratus) yang tamat sekolah rendah tidak masuk ke sekolah menengah (S. Davie, *ST*, 27 Januari 1992).

24. Alasan rasmi akan perubahan itu adalah kerana kaji selidik kerajaan menunjukkan bahawa cadangan ijazah Sains dan Sastera yang ditawarkan oleh Universiti Terbuka tidak akan popular. Ini menimbulkan persoalan mengapakah kaji selidik seperti itu tidak dilakukan sebelum kerajaan mengisytiharkan rancangannya untuk menubuhkan Universiti Terbuka yang dibiayai awam.

25. Program skim perintis telah dilaksanakan di sekolah Pei Hwa, Rosyth dan St. Michael. Penyertaan pelajar jatuh separuh kepada 10 peratus daripada jumlah pelajar semenjak ia dilaksanakan dalam bulan Januari 1992 (*ST*, 2 Jun 1992).

26. Kadar keciciran pelajaran di peringkat sekolah rendah ialah 29 peratus, dan 36 peratus di peringkat sekolah menengah. Ini sangat buruk jika dibandingkan dengan kadar keciciran di Britain, Perancis, Taiwan dan Jepun (Laporan Goh, 1979).

27. Satu kaji selidik yang dilakukan oleh Kementerian Pertahanan pada tahun 1975 mendapati bahawa 11 peratus rekrut Khidmat Negara sahaja yang berkebolehan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

untuk menjalani keadaan kerja/latihan apabila bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa perantaraan yang tunggal (Laporan Goh, 1979: 3-4).

28. Laporan Goh mendapati bahawa dasar dwibahasa tidak berkesan. Lebih daripada 60 peratus pelajar yang menduduki peperiksaan PSLE dan GCE 'O' Level gagal dalam satu atau kedua-dua bahasa. Hanya 19 peratus daripada setiap kumpulan sekolah rendah yang lulus kedua-dua bahasa dalam peperiksaan 'O' Level (Soon, 1988: 10).

29. Bagi yang berprestasi baik dalam darjah 1, 2, dan 3.

30. Bagi yang gagal Darjah 3 tetapi berprestasi baik dalam Darjah 1 dan 2.

31. Murid-murid yang gagal perperiksaan Darjah 3 dan berprestasi buruk dalam Darjah 1 dan 2 disalurkan ke dalam aliran ini. Kurikulumnya banyak menumpukan pada asas bahasa dan kemahiran bilangan angka dan tidak menyediakan mereka untuk PSLE yang tidak diduduki mereka. Yang berlatarbelakangkan keluarga berbahasa Inggeris, Melayu dan Tamil diajar dalam bahasa Inggeris, manakala dari latar belakang Cina diajar dalam bahasa Cina, serta sedikit bahasa lisan Inggeris. Murid-murid diuji dalam tiga subjek bagi Perperiksaan Penilaian Sekolah Rendah pada akhir Darjah 8 untuk mendapatkan sijil. Subjek yang diuji termasuk bahasa pertama, bahasa kedua (lisan), dan Matematik (*ST*, 26 November 1986). Selepas Darjah 6, mereka disalurkan ke dalam VITB bagi latihan dalam kemahiran pekerjaan.

32. Pelajar belajar bahasa Inggeris dan Mandarin pada tahap bahasa pertama, tetapi mempunyai pilihan untuk belajar bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Berat sebelah terhadap bahasa Mandarin terdedah apabila 10 peratus pelajar teratas yang tidak mempelajari bahasa Mandarin tidak diberikan pilihan untuk belajar bahasa Melayu atau Tamil sebagai bahasa utama.

33. Pelajar ekspres hanya belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama.

34. Mereka mengambil masa lima tahun sebagai persediaan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Menengah (CSE). Yang lulus bahasa Inggeris dan dua subjek lain akan dinaikkan ke Tingkatan 5. Dianggarkan 30 peratus pelajar kursus 'N' menduduki periksaan GCE 'O' Level di Tingkatan 5.

35. Syarat untuk berpindah dari aliran biasa ke aliran ekspres termasuklah prestasi keseluruhan 70 peratus bagi pelajar Tingkatan 1 dan 75 peratus bagi pelajar Tingkatan 2. Jika seseorang pelajar itu lemah dalam satu atau dua subjek, maka tidak mungkin dapat mencapai purata yang tinggi yang diperlukan untuk melakukan perpindahan (*ST*, 24 September 1984).

36. Kajian kritikal terhadap ujian kecerdasan (ujian IQ) telah menunjukkan bahawa ujian kecerdasan cenderung berat sebelah untuk kanak-kanak daripada ibu bapa yang bertaraf profesional dan kelas menengah. Persekitaran kelas menengah memberikan persediaan yang lebih baik untuk ujian kecerdasan. Pengasas fahaman eugenik dan ujian kecerdasan, Cyril Burt, telah didapati menipu data dalam kajiannya mengenai kecerdasan (Heranshaw, 1979; Kamin, 1984).

37. Calhoun dan Elliot (1977) mendapati bahawa pelajar Terencat Akal Untuk Belajar dan yang Terganggu Emosi yang dimasukkan ke dalam kelas biasa mempunyai konsep kendiri yang positif dan lebih tinggi daripada kanak-kanak yang dimasukkan ke dalam kelas pendidikan khas.

38. Satu kajian yang dilakukan oleh Profesor Madya Kok Lee Peng dan Profesor Tsoi Wing Foo daripada Jabatan Psikologi Perubatan di Universiti Nasional Singapura mendapati bahawa semenjak tahun 1960-an, kadar remaja membunuh diri meningkat 75 peratus. Masalah hubungan dan masalah sekolah disebut sebagai penyumbang utama kepada peningkatan mendadak bunuh diri remaja ini (S. Davie, *ST*, 28 Julai 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

39. Choo Wee Khiang (Ahli Parlimen GRC Marine Parade) telah menyatakan dalam perbahasan parlimen bahawa aliran pelajar pada Darjah 3 telah mengakibatkan masalah besar kepada ibu bapa dan murid-murid dan mendesak Kementerian Pendidikan kembali kepada dasar sebelum aliran NEP di Darjah 6 (*ST*, 17 Mac 1990).

40. Dasar yang sangat tidak popular ini dimulakan setelah ramai ibu bapa menolak keputusan sekolah untuk menyalurkan anak-anak mereka ke dalam aliran tertentu.

41. Untuk layak memasuki sekolah SAP, seseorang pelajar wajib mencapai jumlah agregat sekurang-kurangnya 380 dalam PSLE (*ST*, 20 Januari 1981).

42. Ironisnya 'bahasa ibunda' kebanyakan orang Cina di Singapura bukannya dialek Cina Utara yang berbahasa Mandarin tetapi ialah dialek Cina Selatan seperti Hokkien, Teochew, dan Hakka. Sebelum diperkenalkan Kempen Bertutur Bahasa Mandarin, bahasa Mandarin tidak meluas digunakan di rumah dan langsung tidak difahami terutamanya di kalangan generasi tua Cina Singapura yang lebih fasih dalam dialek Cina Selatan.

43. Gred C6 boleh membantu mereka menepati syarat bahasa untuk memasuki maktab rendah yang terkemuka dan akhirnya ke universiti.

44. Sebelum ini pelajar SAP hanya boleh belajar EL1 dan CL2 dari Tingkatan 3 jika mereka tidak berdaya untuk belajar dua bahasa sebagai bahasa pertama.

45. Kerajaan membelanjakan lebih banyak wang untuk kos berulang bagi setiap orang pelajar sekolah SAP dibandingkan dengan pelajar menengah yang lain. Kerajaan membayar $4.85 biasiswa untuk membantu seorang murid SAP dibandingkan hanya $3.10 sen bagi seorang pelajar menengah lain. Selain itu, sekolah SAP turut diberikan peruntukan khas secara rambang (*ST*, 16 Mei 1985).

46. Sekolah yang menawarkan GEP termasuklah Sekolah Rendah dan Menengah Inggeris-Cina, Sekolah Menengah Perempuan Raffles, Raffles Institution, dan Sekolah Rendah Rosyth.

47. Empat orang pengetua dari sekolah GEP Telah ditawarkan untuk menyertai satu Pasukan Projek Kanak-Kanak Bijak MOE di Israel dalam tahun 1984.

48. Data statistik yang dihebahkan kepada orang ramai menunjukkan bahawa 38 peratus bapa kanak-kanak bijak ialah siswazah berbanding dengan 5 peratus di kalangan pelajar Darjah 4 aliran biasa (*ST*, 22 Januari 1984). Namun begitu, boleh dibuat kesimpulan dari data itu bahawa ibu bapa siswazah dapat memberikan lebih modal budaya dan kewangan untuk mendidik kebolehan akademik anak-anak mereka.

49. Guru ini mempunyai kelayakan akademik dan rekod mengajar yang baik.

50. Setiausaha Tetap (Pelajaran) R. Ong (*ST*, 7 April 1992) telah menjustifikasi kelas yang kecil bagi pelajar GEP berasaskan kepada 'sifat programnya memerlukan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan kecil dan kerja projek yang memerlukan penyeliaan rapi'. Meskipun kelas kecil diberikan kepada pelajar GEP, permintaan awam supaya kelas dikecilkan jumlah muridnya di sekolah kerajaan (*ST*, 1 April 1992; *ST*, 2 April 1992) telah ditolak atas alasan bahawa ia akan 'mengakibatkan lebih ramai guru yang diperlukan ... dengan kekangan sumber manusia kita ini, sangatlah susah untuk mengambil lebih ramai lagi guru bekerja' (ibid.).

51. Bagi merasionalkan ketidakseimbangan jantina dalam GEP, Menteri Pendidikan, Tay Eng Soon menyatakan bahawa, malah dalam keputusan perperiksaan 'O' dan 'A' Level, pelajar lelaki mempunyai prestasi yang lebih baik daripada pelajar perempua Kesimpulan di sini ialah ketidakseimbangan jantina GEP itu bukanlah suatu yang luar biasa (*ST*, 11 Disember 1983).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

52. Tiga belas buah sekolah dilawati di Britain (dua belas sekolah persendirian dan satu sekolah awam) dan di Amerika Syarikat pula dua belas sekolah dilawati (enam sekolah persendirian dan enam sekolah awam).

53. Pada teorinya, lebih autonomi diberikan kepada sekolah persendirian dalam usaha untuk memencarkan sistem pelajaran. Anggota lembaga sekolah mempunyai kuasa untuk meluluskan belanjawan sekolah, membuat keputusan kewangan yang penting, mengubah dasar sekolah, menetapkan kadar yuran, mengambil dan memecat guru, membuang pelajar dari sekolah, dan melantik pengetua. Namun begitu, perlantikan anggota lembaga sekolah memerlukan persetujuan MOE dan perlantikan pengetua perlu dipersetujui oleh pengarah pendidikan (*ST*, 16 Jun 1987). Dalam bidang membuat keputusan penting yang lain seperti teras kurikulum, kuasanya masih lagi terletak pada MOE (Lim, *Commentary*, Jil. 8, September 1988).

54. Usul lain untuk sekolah persendirian ialah sekolah satu sesi pagi, nisbah guru-murid diturunkan kepada 1:15, sekolah mesti ada seorang pegawai eksekutif, pengetua mesti dilantik oleh lembaga sekolah, pengetua memilih guru dan melantik mereka ke jawatan yang dipertanggungjawabkan, kemasukan pelajar berdasarkan kelayakan akademik, dan bantuan kewangan diberikan kepada pelajar 'bermerit' yang tidak mampu membayar yuran persekolahan (*ST*, 9 Februari 1987).

55. Idea asal konsep sekolah persendirian mula-mula disuarakan oleh Goh Chok Tong dalam perayaan Ke-126 Hari Pengasas di Raffles Institution dan Maktab Rendah Raffles dalam bulan Mei 1985. Beliau merujuk sekolah perlu diberikan autonomi untuk berinovasi, mencetuskan tradisi dan budaya di sekolah, dan menggalakkan pencapaian kecemerlangan (*ST*, 29 Mei 1985).

56. Sekolah Menengah Perempuan Raffles dan Sekolah Perempuan Nanyang mendapat taraf sekolah persendirian dalam tahun 1993.

57. Orang Melayu selalu kurang ramai di sekolah terkemuka dan elit. Dalam tahun 1992, dianggarkan terdapat 102 orang pelajar Melayu/Islam di sekolah-sekolah persendirian yang perdana.

58. Dianggarkan 80 peratus belanjawan sekolah persendirian datangnya daripada peruntukan kerajaan (*ST*, 21 September 1990).

59. Semenjak tahun 1986, pelajar Raffles Institution telah mencapai kadar 100 peratus lulus dalam keputusan peperiksaan 'O' Level. Sembilan puluh dua peratus bagi setiap kohort sekolah ini layak belajar di universiti (*ST*, 19 Ogos 1992). Lapan daripada sepuluh sekolah terbaik yang mempunyai keputusan 'O' Level yang terbaik dalam tahun 1992 datangnya daripada sekolah persendirian dan SAP (ibid.).

60. Coleman dan Hoffer (1987) mendapati bahawa pendapatan median ibu bapa sekolah awam ialah $18,700 manakala ibu bapa sekolah persendirian ialah $24,000. Dalam satu kajian sekolah swasta berasrama pula, Cookson (1985) mendapati bahawa 48 peratus daripada pelajar ini mempunyai ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada $100,000 setahun.

61. Kerajaan memperuntukkan wang sebanyak $32 juta daripada $47 juta yang diperlukan untuk mengubahsuai Sekolah Tinggi Cina dalam tahun 1990. Sebanyak $32 juta lagi akan dibelanjakan oleh kerajaan bagi membantu membina asrama Sekolah Tinggi Cina dan Sekolah Inggeris-Cina (*ST*, 3 September 1990). Asrama itu ialah untuk anak-anak daripada ibu bapa yang bekerja di luar negeri.

62. Sebaliknya, kebanyakan sekolah biasa kerajaan dan pusat prauniversiti terkenal memberikan kemudahan sederhana, nisbah guru-murid yang tinggi, bilangan guru sementara yang ramai, dan kadar guru meletakkan jawatan yang tinggi. Semangat

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pelajar di pusat prauniversiti biasanya lemah kerana dicop sebagai pelajar yang lembap berbanding pelajar dari maktab rendah yang lebih berprestij (*ST*, Julai 1984).

63. Setiap sekolah autonomi akan menerima peruntukan lebih 10 peratus, atau dianggarkan lebih $350 setahun bagi setiap orang pelajar. Namun demikian, ibu bapa dijangka membayar lebih $3 bagi yuran rencam (*ST WOE*, 24 Julai 1993).

64. Jaminan yang sama diberikan kepada pihak awam tentang yuran yang dikenakan oleh sekolah persendirian. Pada mulanya dengan yuran sebanyak $25 sebulan, ada sekolah seperti Raffles Institution dan Sekolah Inggeris-Cina telah mengenakan yuran sebanyak $200 sebulan menjelang tahun 1991.

65. Aliran pelajar Darjah 4 berdasarkan keputusan peperiksaan mereka dalam subjek utama termasuk bahasa Inggeris, bahasa ibunda, dan Matematik.

66. Bagi yang lulus semua tiga subjek dengan markah 85 peratus atau lebih bagi semua subjek.

67. Bagi yang lulus dalam tiga subjek teras tetapi markah yang kurang daripada 85 peratus dalam satu atau dua subjek. Dalam tahun 1992, 75 peratus daripada pelajar disalurkan ke dalam aliran EM2.

68. Bagi yang gagal bahasa Inggeris dan/atau 'bahasa ibunda'. Dianggarkan 10 peratus pelajar disalurkan ke dalam aliran ini dalam tahun 1992. Dalam tahun 1992, usul Jawatankuasa Semakan Bahasa Cina (CLRC) supaya pelajar tersebut belajar semua subjek dalam bahasa Mandarin, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau ketiga telah diterima oleh kerajaan dan dilaksanakan dalam tahun 1993.

69. PSLE ialah peperiksaan penempatan dengan semua pelajar dinaikkan ke Tingkatan 1. Semenjak tahun 1993, gred 'gagal tidak ada bagi keputusan PSLE (*ST*, 2 Ogos 1992).

70. Pelajar EM3 dijangka akan disalurkan ke dalam aliran ini. Kursus biasa (teknikal) menjurus peperiksaan 'N' Level di Tingkatan 4 (*ST WOE*, 8 Mei 1993). Segelintir pula dijangka akan dinaikkan ke Tingkatan 5, bergantung pada keputusan peperiksaan 'N' Level mereka.

71. Perubahan pada peringkat vokasional berdasarkan satu laporan bertajuk 'Mempertingkat Latihan Vokasional' oleh satu jawatankuasa semakan yang diketuai oleh Law Soon Beng, bekas pengarah VITB. Perluasan sektor pelajaran teknikal berlandaskan tanggapan bahawa ekonomi Singapura akan bergerak ke arah asas teknologi yang lebih maju untuk bersaing dengan jayanya di pasaran dunia (*ST*, 12 Mac 1991).

72. Dalam tahun 1991, 200 tempat di politeknik disediakan untuk lepasan VITB (*ST*, 11 Julai 1991).

73. Telah dinaikkan kepada $100 setiap pelajar dalam tahun 1994 untuk menampung peningkatan kos bantuan pelajar akibat GST yang diperkenalkan pada tahun itu (*Sunday Times*, 31 Oktober 1993).

74. Dalam tahun 1991, 35 peratus daripada setiap kohort Darjah 1 mencapai kelayakan untuk memasuki institut pengajian tinggi (*ST*, 12 Disember 1991). Namun begitu, hanya 15 peratus yang dapat masuk ke universiti, 20 peratus ke politeknik (*ST*, 18 Januari 1992).

75. Sepuluh peratus daripada jumlah mahasiswa universiti datangnya dari negara ASEAN (*ST*, 15 Mei 1992); dalam tahun 1990, 17 peratus daripada mahasiswa di Institut Teknologi Nanyang ketika itu terdiri daripada pelajar asing. Di Universiti Nasional Singapura (NUS), pelajar asing merangkumi 14 peratus mahasiswa Fakulti Kejuruteraan, 4 peratus di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (*ST WOE*, 8 Jun 1991).

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

76. Di Amerika Syarikat, semakin ramai siswazah, terutama semenjak tahun 1980-an, memegang jawatan yang sebelumnya dilakukan oleh lepasan sekolah menengah. Di Amerika Syarikat, 1 juta siswazah maktab bekerja sebagai kerani jualan; 1.5 juta sebagai jurutaip, kerani fail, dan operator telefon; manakala 1.3 juta pula berkerja sebagai operator kilang atau di tapak pembinaan (*ST*, 8 Ogos 1992).

77. Bilangan pelajar yang sekurang-kurangnya mendapat 5 kepujian dalam peperiksaan 'O' Level telah meningkat hampir lima kali ganda dari 3.5 peratus dalam tahun 1981 kepada 15.3 peratus dalam tahun 1992 (*ST WOE*, 17 April 1993).

78. Di Britain, walaupun hanya 7 peratus dari jumlah murid-murid sekolah belajar di sekolah persendirian, tetapi hampir separuh daripada mahasiswa Universiti Oxford dan Cambridge datangnya dari sekolah persendirian (Reid, 1986).

79. Reid (1986) mendapati bahawa lebih daripada 75 peratus hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, 69 peratus duta, dan 50 peratus pegawai tinggi perkhidmatan awam di Britain belajar di sekolah persendirian.

80. Kajian Useem dan Karabel (1984) mendapati bahawa hampir separuh daripada pengurus korporat kanan di Amerika Syarikat mempunyai latar belakang sekolah elit. Kelihatan wujud jati diri sosial yang menyeluruh di kalangan pelajar elit sekolah swasta.

81. Mereka cenderung menganggotai kelab sosial yang sama, berkahwin dengan pelajar sekolah persendirian yang lainnya, dan sangat mempertahankan akan *status quo* (Cookson dan Persell, 1985).

82. Ketika penulis bekerja sebagai guru sementara di sekolah kerajaan yang kurang terkenal, guru yang berpelajaran tinggi sering diberikan pelajar aliran ekspres, manakala guru yang tidak ada ijazah diberikan pelajar aliran biasa.

83. Mereka mempunyai prestasi yang lebih baik dalam subjek seperti Matematik dan 'bahasa ibunda' (*ST*, 8 Januari 1984).

84. 'Languages Spoken at Home', Release 8, Census of Population 1980, Singapore: Department of Statistics, 1981.

85. Untuk mendapatkan ijazah di Amerika Syarikat boleh menelan belanja sehingga US$90,000. Dalam tempoh tiga tahun yang lepas (1989-92) di dua puluh lima buah maktab swasta yang terpilih di Amerika Syarikat, peratus pelajar yang keluarga mereka mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya US$ 100,000 setahun meningkat dari 31 peratus kepada 37 peratus (*ST*, 28 April 1992).

86. Secara ringkas, 'Kurikulum Tersirat' termasuklah taraf perlakuan sosial, kemahiran sosial, dan interaksi dengan rakan sebaya serta guru. Standard sosial ini ialah standard kelas menengah dan amat asing kepada murid-murid yang datangnya dari keluarga mundur sosial.

87. Alasan yang diberikan untuk mengiakan kenaikan yuran yang tinggi ialah kos yang mahal mendapatkan kemudahan pembelajaran dan kokurikulum yang diberikan oleh sekolah persendirian. Ini termasuk saiz kelas yang kecil, pusat drama, kolam renang, asrama, kursus tambahan seperti kajian alam sekitar, biologi akuatik, kewartawanan, dan fotografi (*ST*, 13 September 1990). Kegelisahan pihak awam terhadap kenaikan yuran di sekolah persendirian telah membuatkan Sekolah Menengah Perempuan Raffles dan Sekolah Perempuan Nanyang segera menjamin pihak awam bahawa mereka akan mengekalkan yuran yang rendah apabila mereka mencapai taraf swasta dalam tahun 1993. Ini dilakukan dengan mengekalkan saiz kelas, meningkatkan aktiviti pungutan derma, dan meminimumkan yuran 'tambahan' (S. Davie, *ST*, 13 Ogos 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

88. Ahli Parlimen PAP Ayer Rajah dan ketika itu pengerusi Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (GPC) untuk Pelajaran Tan Cheng Bok menyatakan kerisauan bahawa yuran yang tinggi yang dikenakan oleh sekolah persendirian membebankan ramai ibu bapa (*ST*, Oktober 1990). Ramai ibu bapa yang meluahkan kerisauan mereka bahawa sekolah persendirian makin meningkatkan yurannya sehingga tidak upaya dibiayai oleh purata rakyat jelata Singapura (ibid.).

89. Subsidi yuran sekolah sepenuhnya diberikan kepada pelajar daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah $800 atau kurang sebulan, atau yang berpendapatan isi rumah/kanak-kanak tanggungan $400 atau kurang; subsidi 75 peratus diberikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan antara $800 hingga $1,200 sebulan, atau yang berpendapatan isi rumah/kanak-kanak tanggungan antara $400 hingga $600; dan subsidi 50 peratus diberikan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan antara $14200 hingga $2000 sebulan (*ST*, 6 September 1990).

90. Kerajaan telah memperuntukkan $50 juta untuk Skim *Edusave.*

91. Dalam perbahasan ucapan Presiden di Parlimen dalam tahun 1992 Ahli Parlimen pembangkang telah mengecam keras dasar ini sebagai sangat tidak adil. Sekurang-kurangnya empat orang Ahli Parlimen PAP telah mendesak secara terbuka supaya ibu bapa yang berupaya membayar yuran menolak tawaran biasiswa dan wang itu dipindahkan ke dalam dana bagi kanak-kanak yang memerlukannya (*ST*, 29 Januari 1992). Ini sebenarnya, secara tersirat, menunjukkan kelemahan kriteria biasiswa ketika pihak awam amat risau akan kenaikan kos pelajaran.

92. Antara 600 hinga 700 pelajar sekolah persendirian dan 4,000 pelajar sekolah bukan persendirian bagi setiap kohort dijangka akan menerima biasiswa *Edusave* (Serene Lim, *ST*, 30 Mei 1992). Kerajaan dijangka akan membelanjakan sejumlah $12 juta setahun untuk biasiswa *Edusave.* $6 juta daripadanya akan diagihkan kepada pelajar sekolah persendirian, dan $6 juta lagi kepada pelajar sekolah bukan swasta (*ST*, 30 Mei 1992).

93. Yuran rencam dikutip untuk membeli bahan atau peralatan pengajaran, atau membiayai pelbagai projek sekolah.

94. Namun begitu, yuran rencam tidak boleh lebih daripada 30 peratus yuran persekolahan (*Sunday Times*, 24 November 1991).

95. Dalam tahun 1982, 19 peratus pelajar menggunakan khidmat tuisyen swasta. Menjelang tahun 1992, angkanya melonjak ke 32 peratus (*ST*, 11 April 1992). Besarnya industri tuisyen swasta dibayangkan oleh perbelanjaan sebanyak $260 juta setahun untuk tuisyen sahaja. Ini merupakan sepuluh peratus daripada jumlah belanjawan pelajaran (*ST*, 9 April 1992). Lebih daripada dua pertiga pasaran tuisyen dikendalikan oleh guru bebas. Sekolah komersial mengendalikan 8 peratus, manakala Mendaki, SINDA, dan pertubuhan masyarakat lain 16 peratus daripada jumlah pasaran tuisyen (*ST*, 4 April 1992).

96. Pelajar perlu membayar sepenuhnya wang yang dikeluarkan termasuk faedah setelah tamat pengajian.

97. *Straits Times* telah mendapati sekurang-kurangnya sebelas kes dalam beberapa tahun yang lepas apabila ibu bapa menderma wang dengan banyaknya untuk mendapatkan tempat bagi anak mereka di sekolah SAP dan sekolah bantuan kerajaan. Ibu bapa itu mengaku memberikan 'derma' setelah pegawai sekolah berkaitan menyatakan tempat akan diberikan kepada anak mereka jika jumlah wang yang tertentu didermakan. Ibu bapa itu mendakwa bahawa mereka mahu anak mereka masuk ke sekolah berkaitan kerana tinggi mutu pengajarannya (S. Davie, *ST*, 30 Januari 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

98. Dianggarkan 80 peratus peruntukan sekolah persendirian datangnya daripada bantuan kerajaan (*ST*, 21 September 1990).

99. Tujuh daripada lapan sekolah persendirian (kecuali Raffles Institution yang terletak di Bishan) berada di Daerah 10 dan 11 Bukit Timah yang eksklusif. Maktab rendah terkemuka yang lain seperti Hwa Chong dan National Junior College juga terdapat di sepanjang Jalan Bukit Timah (*ST WOE*, 15 Mei 1993)

100. Banyak laporan mengenai ibu bapa yang idamkan anak-anak mereka dimasukkan ke sekolah perdana sehingga sanggup membeli rumah yang berhampiran dengan sekolah pilihan mereka, menjadi ahli Gereja, dan melakukan kerja kemasyarakatan (*ST*, 20 Januari 1992; M. Pereira, *ST* 13 Mac 1992).

101. Banci Kebangsaan 1990 menunjukkan terdapat 15,371 rakyat Singapura belajar di luar negeri. Tujuh puluh lima peratusnya mengikuiti kursus ijazah di universiti, manakala seramai 500 orang mengikuti kursus pascasiswazah. Selainnya ialah pelajar di sekolah berasrama (*ST*, 26 Jun 1992).

102. Meskipun dilabel sebagai sederhana oleh sistem pelajaran Singapura, ramai di kalangan pelajar Singapura di luar negeri ini berprestasi baik dan menjadi 'contoh akademia' di institusi tinggi luar negeri. Ini dengan sendirinya petunjuk keburukan sistem pelajaran di Singapura.

103. Yuran penuh kursus sahaja bagi mahsiswa universiti di Australia adalah antara A$10,000 hingga $18,000 setahun. Yuran di Amerika Syarikat dan Britain pada umumnya lebih tinggi lagi.

104. Kerajaan telah berkali-kali menolak desakan, yang paling lantang daripada bekas Menteri Pendidikan Tony Tan, untuk menggunakan wang simpanan CPF untuk membiayai pelajaran di luar negeri (*ST*, 1 November 1992).

105. Dalam tahun 1988, terdapat 22,000 kanak-kanak di sekolah pendidikan khas (*ST*, 23 Ogos 1988).

106. Dari $1,500 setahun hingga $3,000 setahun (*ST*, 23 Ogos 1988). Ia juga meminjamkan guru sekolah pendidikan khas ini (The Hammer, No.2, 1992).

107. Dalam kes *Larry P.* v. *Riles*, mahkamah California memutuskan bahawa pelajar Afrika Amerika tidak boleh diletakkan di dalam kelas Pendidikan Kanak-Kanak Cacat Akal berdasarkan ujian IQ setelah mendengar bukti bahawa persekitaran keluarga dan kemahiran bahasa membuatkan ramai pelajar Afrika Amerika mendapat keputusan rendah yang kurang tepat (Levine et al., 1992: 135).

108. Skim siswazah ibu yang sangat kontroversi dan tidak popular itu telah hangat dibahaskan dan menjadi isu politik parti pembangkang dalam pilihan raya tahun 1984. Sokongan undi kepada PAP jatuh merosot dan parti pembangkang menambah kekuatan undi mereka daripada 22.3 peratus kepada 32.5 peratus. Chiam See Tong (SDP) dan J. B. Jeyaratnam (Parti Pekerja) telah menang kerusi Parlimen.

109. Walaupun perspektif modal manusia merupakan perspektif yang dominan, tahap pelajaran Singapura tidaklah begitu menakjubkan jika dibandingkan dengan masyarakat yang setaraf dengannya seperti Hong Kong. Hanya 25 peratus sahaja daripada tenaga kerja Singapura yang mempunyai pelajaran menengah dan pengajian tinggi berbanding dengan 40 peratus di Hong Kong (*ST WOE*, 24 Januari 1993). Tahap yang tinggi iaitu 40 peratus daripada tenaga kerja di bawah umur empat puluh tahun hanya mempunyai pelajaran sekolah rendah (*ST*, 18 Oktober 1992). Kerajaan telah berikrar bahawa pelajaran 'di pusingan berikut' akan diperuntukkan 5 peratus daripada KDNK (Government of Singapore, 1991: 33). Ini membuatkannya terletak di tempat kedua selepas perbelanjaan pertahanan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

110. Dalam tahun 1996, pelajar Singapura diberikan pengkadaran di tempat pertama di seluruh dunia bagi subjek Matematik dan Sains (*ST*, 5 Februari 1997).

111. Dalam tahun 1992, di kalangan sepuluh sekolah teratas yang mendapat keputusan 'O' Level yang terbaik, lapan daripadanya ialah sekolah persendirian perdana dan SAP (*ST*, 19 Ogos 1992). Semenjak tahun 1986, pelajar di Raffles Institution telah mencapai keputusan lulus seratus peratus bagi peperiksaan 'O' Level.



8
Pempolitikan Sistem Pelajaran

Sektor pelajaran ialah bidang di mana kerajaan PAP melibatkan diri dengan aktif untuk mengekalkan hegemoni politiknya dan untuk mendapatkan 'sokongan' dengan mendorong remaja Singapura supaya mempunyai pandangan dunia yang selaras dengan pandangannya. Pandangan ini menyokong nilai yang meningkatkan individualisme yang berdaya saing dan penerimaan struktur autoritarian dan berhierarki. Dasar pelajaran biasanya dilaksanakan menurut keutamaan politik dan kecenderungan ideologi pemimpin PAP, dan bukannya kerana kepentingan pelajaran. Perkara ini dapat dilihat melalui pelaksanaan kuota dalam sektor pengajian tinggi serta penggalakan bahasa Mandarin dan Konfusianisme di sekolah. Penggalakan bahasa Mandarin dan Konfusianisme khususnya merendahkan taraf bahasa Melayu dan bahasa Tamil yang menjadi kekayaan ekonomi dan budaya bangsa tersebut. Percanggahan antara retorik dengan amalan PAP tentang peluang sama rata, meritokrasi dan kepelbagaian kaum dalam sektor pelajaran diserlahkan dengan mengkaji pelbagai dasar yang mengabaikan wanita, anak golongan yang kurang berpendidikan dan etnik minoriti.

Sosialisasi Ideologi dan Politik

Sistem pelajaran, pada umumnya, digunakan untuk menyebarkan kepentingan politik, kecenderungan ideologi, dan hegemoni kumpulan dominan dalam sesebuah masyarakat. Kerana sifat politiknya yang semula jadi, maka sekolah merupakan agensi pendidikan yang sentiasa terlibat dalam pelbagai bentuk indoktrinasi,[1] sosialisasi[2] dan pendidikan politik[3] (Harber, 1991: 246). Malah, sesetengah pendidik (Hess dan Torney, 1967) berpendapat bahawa sekolah ialah alat yang paling penting dan berkesan untuk sosialisasi politik. Meskipun sistem pelajaran mencerminkan dan menjadi pengantara perubahan sosial dan politik yang lebih luas bagi masyarakat, namun ia sering dipaparkan sebagai


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

neutral dari segi ideologi dan bebas daripada kepentingan politik (Sharp, 1986). Dengan itu, proses membuat keputusan tentang pelajaran dapat dielakkan daripada dipersoalkan oleh orang ramai. Dengan menganggap sekolah sebagai neutral dan bebas, Bordieu (1977: 178) mendakwa sekolah dapat 'menyembunyikan fungsi sosial yang dimainkannya dengan baik dan melaksanakannya dengan lebih berkesan.'

Pempolitikan sistem pelajaran di Singapura diakui oleh ahli akademik Singapura seperti mendiang Ruth Wong (1974: 28), S. Gopinathan (1974) dan Linda Lim (1989). Gopinathan (1974: 54) mengatakan bahawa sistem pelajaran Singapura tidak diuruskan oleh mereka yang pakar dalam pendidikan tetapi oleh pemimpin politik yang 'menyuarakan pendapat mereka dan menyelesaikan masalah pelajaran'. Lim (1989: 180) juga mengatakan bahawa sistem pelajaran digunakan untuk memupuk nilai konservatif dan tradisional yang disokong oleh pemimpin PAP.

Kajian yang teliti ke atas kurikulum, dasar dan laporan pelajaran mendedahkan sifatnya yang terlalu berunsur ideologi dan politik. Ia nampaknya menjadi pelengkap kepada keutamaan politik, ekonomi dan ideologi kerajaan PAP. Malah, dalam manifesto politiknya, *Singapore: The Next Lap* (Singapura: Langkah Seterusnya), PAP dengan relanya mengakui bahawa sistem pelajaran dijadikan alat untuk menyebarkan 'Nilai Bersama' negara.

Selain pempolitikan sistem pelajaran, proses sosialisasi secara tidak langsung dan tanpa disedari, yang sering disebut sebagai 'kurikulum tersembunyi',[4] berjaya membuktikan sekolah sebagai agensi yang neutral dari segi politik dan ideologi. Maka, pempolitikan sistem pelajaran berlaku dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah secara langsung manakala peringkat kedua lebih terselindung dan bergantung pada proses tersembunyi sosialisasi (kurikulum tersembunyi) di sekolah untuk menjadikannya berkesan. Apa yang penting, orientasi politik dan ideologinya yang tidak begitu menyerlah menyebabkan orang ramai kurang mempersoalkannya lalu ideologi ini dapat diserap dengan mudah. Proses pelajaran yang beroperasi pada peringkat tidak langsung ini besar kemungkinan akan menjadi penting dan diterima sebagai 'logik'.

Proses sosialisasi ideologi dan politik lazimnya beroperasi melalui kaedah tersembunyi atau 'kurikulum tersembunyi' yang menanamkan nilai seperti menerima hierarki sosial, patuh kepada pihak atasan tanpa banyak soal dan menentukan had kesahihan (Sarup, 1983: 2). Melalui cara ini, usaha dibuat untuk membentuk pelajar menjadi rakyat yang setia dan tidak berorientasi politik, yang menerima orientasi politik yang melengkapkan dan menyokong nilai dominan. Dalam konteks

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pemikiran Gramsci, proses mendapatkan sokongan dan membentuk hegemoni dilakukan dengan cara ini.

Pada tahap yang lebih nyata, tunduk kepada pihak berkuasa dan menerima hierarki sosial dapat dilihat melalui pelantikan pelajar terpilih untuk jawatan yang mempunyai kuasa seperti ketua darjah dan pengawas sekolah. Sebagai ganjaran kerana mematuhi peraturan sosial dan tahap akademik sekolah, mereka diberi kuasa untuk melaporkan dan mendisiplinkan pelajar yang melanggar peraturan. Acara yang menanamkan semangat patriotik seperti menyanyikan lagu kebangsaan dan melafazkan rukun negara[5] dilakukan pada permulaan dan akhir waktu sekolah. Untuk lebih mengenali dan menyokong angkatan tentera negara, yang mempunyai ciri budaya autoritarian dan struktur berhierarki, pelajar digalakkan supaya menyertai badan berpakaian seragam dan paramilitari seperti Pasukan Kadet Polis Kebangsaan sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum sekolah. Untuk menjamin bahawa pasukan berpakaian seragam ini diberikan keutamaan di sekolah, guru besar diingatkan oleh pihak berkuasa pelajaran dan politik supaya menganggap Perkhidmatan Negara sebagai tambahan kepada persekolahan.

Pelbagai peraturan sekolah dan keputusan autoritarian guru dan guru besar perlu ditaati tanpa banyak soal atau mendapat persetujuan pelajar terlebih dahulu.[6] Hukuman fizikal yang memalukan pelajar di khalayak ramai dengan cara merotannya semasa perhimpunan sekolah sering diamalkan di banyak sekolah. Selain itu, kaedah pengajaran yang berorientasikan peperiksaan menggalakkan pembelajaran yang pasif dan menghafal, dan bukannya pembelajaran dan cara berfikir yang lateral dan kritis. Amalan sebegini menyebabkan pelajar menerima pandangan dunia yang dominan, nilai autoritarian dan amalan kerja dalam masyarakat yang lebih luas tanpa banyak soal. Tunduk kepada pihak berkuasa, wujudnya peraturan yang remeh-temeh dan menerima tanpa banyak soal 'pengetahuan' yang diajar di sekolah menyebabkan tersemainya nilai autoritarian dan menghalang daripada berkembangnya nilai demokrasi dalam masyarakat.

Dengan perlaksanaan DEB pada tahun 1979, pembezaan sosial yang lebih terperinci dimasukkan ke dalam sistem pendidikan yang sudah sememangnya berhierarki. Sistem aliran sejak peringkat awal oleh NEP telah mengasing-asingkan pelajar kepada aliran biasa, khusus, istimewa dan berkebolehan. Hierarki antara sekolah semakin ketara disebabkan sistem pengelasan yang berdasarkan keputusan akademik pelajar dalam peperiksaan utama. Sistem pengelasan sekolah secara tidak rasmi ini biasanya dikaitkan dengan kedudukan sosioekonomi pelajar sekolah


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tersebut di mana bilangan pelajar yang amat tinggi yang datang dari keluarga mewah mendaftar di sekolah yang bertaraf tinggi (Domhoff, 1983; Useem, 1984; C. George, *ST*, 8 Februari 1992).

Untuk mewajarkan mengapa pendidikan tidak memberikan manfaat yang sama, menerima pembahagian sosial berhierarki sebagai 'sesuatu yang logik' dan menggalakkan budaya pengelasan dan persaingan bagi mengatasi semangat berkumpulan; maka sistem pelajaran mensosialisasikan pelajar supaya mereka menerima sahaja idea bahawa hanya segelintir pelajar sahaja yang akan mencapai tahap akademik yang tinggi dan mempunyai pekerjaan yang berprestij. Dengan cara ini, majoriti pelajar diharap akan berpuas hati dengan kelulusan akademik yang lebih rendah dan pekerjaan yang berstatus rendah yang dipercayai sesuai dengan kebolehan mereka yang terhad dan/atau usaha mereka yang kurang.

Pendidikan Moral

Sosialisasi politik dan ideologi secara halus tetapi sangat berkesan boleh dilakukan melalui kurikulum rasmi sekolah. Kurikulum pada umumnya dirujuk sebagai 'ilmu pengetahuan' yang dipilih, dibentuk, dijadikan sistem dan diajar kepada pelajar dengan teliti (Young, 1973). Oleh itu, sekolah tidak sahaja 'memproses' manusia, tetapi juga 'memproses' pengetahuan (Apple, 1986: 63). Pengetahuan yang diajar mengikut kurikulum sekolah biasanya dianggap sebagai objektif, tidak bersifat ideologi dan neutral (Sarup, 1983: 4).

Contoh ketara pempolitikan kurikulum sekolah di Singapura adalah kemasukan Pengetahuan Agama,[7] sebagai menggantikan mata pelajaran Sivik,[8] sebagai mata pelajaran wajib Pendidikan Moral bagi pelajar Tingkatan 3 dan 4 sejak tahun 1984. Pengetahuan Agama diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib kerana pengetahuan agama dikatakan dapat melahirkan rakyat yang baik dan berakhlak. Agama juga dianggap dapat memberi rakyat Singapura kekuatan moral untuk melindungi diri daripada nilai Barat yang dikatakan boleh merosakkan akhlak.[9] Namun demikian, percanggahan yang timbul, iaitu pelajaran wajib Pengetahuan Agama diajar dalam sebuah masyarakat sekular, menyebabkan orang ramai mengesyaki ini adalah satu lagi alat yang digunakan oleh kerajaan PAP untuk menyusun masyarakat dan memperoleh pengaruh politik dan undi.

Motif politik di sebalik pengenalan Pengetahuan Agama lebih terserlah apabila kerajaan mengisytiharkan pada tahun 1987 bahawa mata

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pelajaran itu akan beransur-ansur ditarik balik dan digantikan dengan program pendidikan moral (sivik) yang sekular[10] sebaik selepas dua puluh dua orang ditahan tanpa perbicaraan di bawah ISA.[11] Antara tahanan yang terkenal ialah Vincent Cheng dan beberapa orang pekerja sosial Katolik. Aktif dalam aktiviti kebajikan bagi pihak pembantu rumah Filipina dan golongan serba kekurangan yang lain, kerajaan PAP menuduh orang tahanan ini menggunakan agama untuk melemahkan negara melalui konspirasi ala Marxisme.[12] Akibat penahanan ini dan amalan agama yang dipisahkan daripada amalan politik melalui Pengekalan Rang Undang-Undang Mengekalkan Keharmonian Agama (1990), pemimpin PAP jelas sekali berniat untuk menyekat penyebaran doktrin agama yang radikal yang menyokong aktivis politik demi memperjuangkan keadilan sosial. Penahanan pada tahun 1987 dan Rang Undang-Undang di atas juga boleh dianggap sebagai cara untuk menegaskan kembali dasar kepimpinan PAP yang mencegah anasir dalam masyarakat madani daripada bergiat aktif dalam politik (Rodan, 1992). Selaras dengan tujuan ini, Persidangan Kristian Asia segera dibubarkan dan lima orang mubaligh Kristian diusir dari Singapura kerana terlibat dalam politik tempatan (M. Malik, *FEER*, 14 Januari 1988). Beberapa orang ulama yang terkenal dengan khutbah mereka yang berbau politik juga dilarang memasuki Singapura pada tahun 1987.

Belajar daripada kegagalannya menggunakan agama untuk menanam nilai moral yang 'baik', satu sukatan pelajaran pendidikan moral yang sekular dihidupkan semula untuk menyemai aspek tertentu 'nilai Asia' dalam diri pelajar. Walau bagaimanapun, 'nilai Asia' yang dipilih itu nampaknya mempunyai ciri Konfusianisme yang kuat. Nilai ini termasuklah menghormati golongan atasan tanpa banyak soal, seperti menghormati orang yang lebih tua, guru, cendekiawan, ibu bapa, negara dan keluarga. Mendedahkan agenda politik di sebalik program pendidikan moral 'sekular' yang dikaji semula, Gomez (1992: 57) menyatakan bahawa program itu melahirkan 'golongan remaja yang menerima prinsip kerajaan tanpa banyak soal. Penerimaan sebegini boleh melahirkan pelajar yang membesar tanpa mengkritik kerajaan, dan kerajaan yang kurang menerima kritikan dapat mengekalkan kuasanya dengan lebih mudah'.

Menyemai dalam diri pelajar nilai tradisional yang konservatif yang mewajarkan sistem paternalisme kerajaan,[13] sukatan pelajaran pendidikan moral yang berorientasikan Konfusianisme dijangka dapat memainkan peranan sebagai alat yang melemahkan nilai Barat yang tampak negatif dan individualistik serta budaya politiknya yang kurang baik. Nilai ini juga dijangka akan mengukuhkan nilai masyarakat dan sokongan Asia



(Timur) yang 'positif' yang dianggap bertanggungjawab mewujudkan kestabilan dan menyebabkan kejayaan ekonomi Singapura dan masyarakat Konfusius yang lain seperti NIC Asia Timur dan Jepun. Penyebaran keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat dan penyemaian nilai Asia yang 'positif' juga merupakan kaedah untuk menggalakkan anak-anak yang dewasa supaya menjaga ibu bapa mereka yang tua, sanak-saudara dan mereka yang serba kekurangan lalu meringankan beban negara untuk membiayai perkara tersebut (Lim, 1989: 180; Khun, 1990: 379).

Sukatan pelajaran pendidikan moral bermanfaat khususnya kerana prinsip berbilang kaum dan nilai yang berkaitan seperti keharmonian kaum, tolak ansur, hidup bermasyarakat dan kerjasama hanya disentuh sedikit dalam sukatan pelajaran 'Kini dan Akan Datang (Being and Becoming) dan 'Warga Contoh' (Gomez, 1992: 48). Malah, nilai yang menyokong keharmonian dan toleransi etnik tidak langsung disebut dalam sukatan pelajaran pendidikan moral 'Kini dan Akan Datang' untuk pelajar sekolah menengah, tetapi hanya disebut sekali sahaja dalam program 'Warga Contoh' untuk pelajar sekolah rendah (ibid: 52).

Perubahan Sejarah

Kajian tentang sejarah di sekolah mempunyai rekod yang tidak menentu kerana sejak bertahun-tahun, ia dianggap tidak relevan[14] lalu dikeluarkan dari kurikulum sekolah rendah[15] untuk memberi laluan kepada mata pelajaran[16] yang dianggap lebih berguna untuk pembangunan industri dan ekonomi pulau Singapura. Namun begitu, menjelang pertengahan 1970-an, ia dimasukkan semula ke dalam kurikulum sekolah, tetapi kali ini dengan menekankan sejarah ekonomi moden Singapura, dan merupakan sebahagian daripada mata pelajaran yang lebih luas yang dikenali sebagai 'Pendidikan Kemahiran Hidup'. Ia kemudiannya dimasukkan pula di bawah mata pelajaran 'Pengajian Sosial' pada tahun 1979. Sejak 1984, mata pelajaran sejarah selama dua tahun bagi pelajar menengah rendah berjudul 'Sejarah Sosial dan Ekonomi Singapura Moden' dirangka oleh Pasukan Projek Sejarah Menengah Rendah di bawah Institut Pembangunan Kurikulum Singapura.[17] Dalam bulan Februari 1997, Kementerian Pelajaran menyatakan bahawa satu sukatan pelajaran Sejarah baru yang menekankan sejarah Singapura selepas merdeka akan diajar di sekolah. Penting disebutkan bahawa penekanan ke atas sejarah ekonomi moden pulau ini memberi fokus yang amat ketara kepada sumbangan masyarakat pendatang dalam membina asas

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

masyarakat yang mansang ekonominya. Ia juga bertujuan untuk membina jati diri kebangsaan yang mirip kepada jati diri masyarakat pendatang dan bukannya jati diri peribumi Singapura.

Penumpuan kepada sejarah moden pulau ini dengan mengorbankan sejarah Melayunya sebelum 1819 ditentang oleh masyarakat Melayu apabila sejarah Melayu sebelum penjajahan British dianggap sebagai cerita dongeng dalam buku teks sejarah pada tahun 1970/1 yang berjudul *Our Forefathers as Pioneers* (Nenek Moyang Kita Sebagai Peneroka). Untuk menafikan kewujudan pusat perdagangan di Singapura sebelum kedatangan penjajah, pengasasan Singapura oleh Putera Palembang, Sang Nila Utama, dalam abad keempat belas ditiadakan dalam buku teks sejarah tahun 1971 itu dan dianggap sebagai satu legenda, meskipun ada bukti kukuh yang menyokong kesahihannya.[18] Tersinggung dengan apa yang dianggap sebagai percubaan mengubah sejarah Melayu Singapura sebelum zaman penjajah dan merendah-rendahkan status peribumi Melayu, maka sejarahwan, cendekiawan dan badan budaya Melayu berjaya mendesak pihak berkuasa pelajaran untuk menarik balik buku teks sejarah itu dari sukatan pelajaran sekolah (Bedlington, 1974: 205). Perasaan orang Melayu tersinggung lagi apabila sebuah filem berjudul *Homeland* (Tanah air), yang diterbitkan untuk perayaan ulang tahun Singapura yang ke-25 pada tahun 1990, menunjukkan Singapura sebagai negara pendatang dan semua rakyat Singapura, termasuk orang Melayu, ialah pendatang. Cukup dikatakan bahawa filem itu sangat menghina masyarakat Melayu.

Dalam konteks global yang lebih luas, melupakan dan membentuk semula sejarah Singapura nampaknya tidak banyak berbeza daripada sifat historiografi tradisional masyarakat penjajah seperti di Australia dan di Amerika Syarikat. Di negara tersebut, sejarah pada umumnya bermula dengan kedatangan pendatang dan ejen empayar seperti Stamford Raffles di Singapura pada tahun 1819, James Cook di Australia pada tahun 1770 dan Christopher Colombus di Amerika Syarikat pada tahun 1492. Di Singapura, Raffles dimartabatkan sebagai wira dan bapa pengasas yang berwawasan yang merancang pembangunan pelabuhan perdagangan yang dinamik dari sebuah kampung nelayan kecil yang tandus dan kekurangan penduduk, tanpa sejarah dan tamadun yang boleh disebutkan.[19] Gambaran umum ini sangat bertentangan dengan pandangan orang Melayu yang kurang baik terhadap beliau sebagai ejen empayar British yang licik yang menipu orang Melayu Singapura.[20]

Satu corak yang ketara dalam historiografi umum masyarakat penjajah ini ialah penyebaran idea bahawa sebelum kedatangan pendatang yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

rajin, tanah penduduk peribumi begitu tandus, gersang dan begitu sedikit penduduknya, tidak bertuan dan tidak dituntut.[21] Selain itu, penduduk peribumi juga digambarkan sebagai mundur, malas dan tidak produktif, terutamanya apabila dibandingkan dengan masyarakat pendatang yang rajin dan berjiwa pelopor. Cerita sebegini pastinya digunakan untuk mewajarkan pendudukan pendatang dan sebagai asas moral bagi dominasi struktur kuasa mereka yang berterusan dan peminggiran sosial penduduk peribumi (Berger, 1979: 8). Agenda politik di sebalik penafian sejarah tersebut pada umumnya tidak dapat lari daripada pemerhatian masyarakat Melayu dan pemerhati di Singapura yang tajam akalnya. Connor (1987: 35), contohnya, mentafsir sejarah rasmi Singapura, yang membayangkan bahawa pulau tersebut hampir tidak dihuni dan tidak mempunyai sejarah silam sebelum 1819 yang patut dikenang, sebagai dimotivasikan oleh usaha *ex post facto* 'secara langsung untuk memusnahkan wajaran yang menjadi asas Perkara 152, dan dengan berbuat demikian, untuk menafikan kesahihan apa jua tuntutan yang mungkin ditimbulkan di dalam negeri ataupun di negara jiran, atas nama tuntutan utama orang Melayu terhadap tanah airnya'.

Kerumitan geopolitik bagi pembentukan sejarah pulau tersebut yang diringkaskan mungkin menjejaskan kepentingan jangka panjangnya. Ia mengaburi pemahaman warganegara bukan Melayu di Singapura tentang hubungan menyeluruh pulau itu, dari segi sejarah dan budaya, dengan 'Dunia Melayu' di sekelilingnya. Kesedaran serantau yang lemah ini serta penghargaan yang terhad terhadap sejarah, budaya dan tradisi rantau itu membolehkan kerajaan PAP mendapat sokongan kuat orang ramai dalam pertelingkahannya dengan negara jiran Melayunya. Cara kerajaan PAP menangani Isu Herzog[22] pada tahun 1986, kesimpulan yang berkaitan dengan penyingkiran orang Melayu Singapura dari unit sensitif dalam Angkatan Tentera Singapura oleh kepimpinan PAP, logik di sebalik kedudukan pertahanan berkubu Singapura dan kelengkapan senjata yang canggih (Huxley, 1991), dan pertelingkahan dengan Malaysia yang berterusan mengenai pemilikan pulau Pedra Blanca (disebut oleh orang Melayu sebagai Pulau Batu Putih),[23] ialah beberapa contoh kemampuan kerajaan PAP untuk memperoleh sokongan awam terhadap pendiriannya.

Buku teks sejarah[24] pada umumnya merendah-rendahkan sumbangan positif kerajaan Barisan Buruh pilihan orang ramai pada tahun 1950-an, dengan menggambarkannya sebagai kerajaan yang gagal menangani dengan berkesan unsur prokomunis dan politik haluan kiri yang lain pada zaman itu. Aktiviti antipenjajah dan aspirasi prokomunis, puak radikal berpendidikan Cina serta pelajar berhaluan kiri pada tahun 1950-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

an dan 1960-an pada umumnya ditafsirkan sebagai ancaman. Bertentangan dengan gambaran buruk tentang tokoh politik yang lain dalam dekad bergelora 1950-an, 1960-an dan 1970-an; kejayaan 'orang tua' kepimpinan PAP, terutamanya Lee Kuan Yew, dimartabatkan sebagai wira di dalam buku teks sejarah. Disebabkan kejayaan mereka mengatasi masalah perkauman, politik dan ekonomi, mereka dikatakan menjadi asas ekonomi Singapura yang dinamik. Sejak tahun 1980-an, gambaran kewiraan kepimpinan PAP generasi pertama dalam tempoh bergolak 1950-an dan 1960-an disebarluaskan dalam usaha untuk mengingatkan golongan muda Singapura akan hutang rakyat Singapura kepada wawasan dan keberanian kepimpinan PAP itu. Perkara ini jelas kelihatan khususnya dalam sambutan ulang tahun kedua puluh lima tahun kemerdekaan Singapura pada tahun 1990 apabila dokumentari tentang pergolakan politik tahun 1950-an dan 1960-an sering ditayangkan di kaca televisyen dan diceritakan dalam akhbar tempatan. Risau sekiranya peristiwa bersejarah dalam dekad yang lalu tidak difahami sepenuhnya, terutamanya oleh generasi muda Singapura,[25] iaitu ketika timbulnya kontroversi akibat ucapan Lee Kuan Yew pada tahun 1996 yang mengatakan bahawa Singapura mungkin akan bersatu semula dengan Malaysia, maka Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong menekankan betapa pentingnya menangani 'jurang yang dalam' dalam kesedaran sejarah (*ST,* 17 Ogos 1996).

Seperti yang dibincangkan, bukan sahaja pemilihan jenis pengetahuan yang diajar, malah jenis pengetahuan yang dikeluarkan dari kurikulum sekolah juga dapat memberikan pemahaman berguna tentang agenda politik dan proses sosialisasi dalam sistem pelajaran. Bidang pengetahuan yang penting, seperti mekanisme sistem politik, mengekalkan proses demokrasi dan keharmonian pelbagai kaum, aturan undang-undang, penyebab struktur bagi kemiskinan dan mendidik pemikiran kritis tidak dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah di Singapura. Jika dimasukkan ke dalam kurikulum, ia mungkin akan dijadikan alat oleh generasi muda Singapura untuk melibatkan diri dalam politik. Dengan pengetahuan politik yang mendalam, mereka lebih berkemungkinan untuk menyumbang secara berkesan kepada kehidupan demokrasi, dan oleh itu mereka akan menggalakkan kerajaan supaya lebih bertanggungjawab. Akan tetapi, pengetahuan seperti ini tidak dianggap sebagai bidang pengajian yang penting walaupun ia berguna untuk dunia yang pesat kemajuannya dan rumit dari segi perindustrian dan politik yang diperlukan oleh rakyat Singapura yang sedang menghampiri abad kedua puluh satu. Sebaliknya, remaja Singapura ditanamkan dengan nilai yang mementingkan rasa hormat kepada pihak berkuasa, tanggungjawab

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

warganegara kepada negara dan bukan sebaliknya, dan penerimaan nilai politik Asia yang konservatif terhadap negara.

Kuota Orang Melayu di Sekolah

Sebagaimana kuota penduduk etnik di kawasan perumahan awam pada tahun 1989 menyebabkan berkurangnya bilangan penduduk Melayu di kawasan pilihan raya (dibincangkan secara terperinci dalam Bab 5),[26] kuota orang Melayu di sekolah juga bertujuan untuk mengurangkan bilangan pelajar Melayu di sekolah tertentu. Idea asal kuota orang Melayu di sekolah boleh dikaitkan dengan ucapan tahun 1982 oleh Lee Kuan Yew dalam forum Mendaki apabila beliau mendakwa bahawa jika peratusan pelajar Melayu di sesebuah sekolah itu rendah, maka tahap Bahasa Inggeris dan Sains sekolah itu akan meningkat. Lee juga mendakwa bahawa bilangan pelajar Melayu yang banyak di sesebuah sekolah menyebabkan pelajar Melayu mengabaikan bahasa Inggeris kerana mereka lebih suka berkomunikasi dalam bahasa Melayu di kalangan mereka (*ST*, 29 Mei 1982).

Setelah menerima seruan Lee Kuan Yew mengenai kesan pemusatan pelajar Melayu di sesebuah sekolah, kuota pelajar Melayu di setiap sekolah begitu disokong oleh Ahli Parlimen Melayu PAP.[27] Dengan mencadangkan supaya tidak lebih daripada 25% pelajar Melayu didaftarkan di setiap sekolah bagi kemasukan Darjah 1 sejak tahun 1988, mereka mengeluarkan data yang menyokong pandangan Lee, iaitu terdapat kaitan antara prestasi akademik yang negatif dengan bilangan pelajar Melayu yang ramai di sesebuah sekolah. Menteri Hal Ehwal Islam, Ahmad Mattar, mengumpulkan statistik Kementerian Pelajaran yang menunjukkan bahawa jika sesebuah sekolah mempunyai 30 peratus atau lebih pelajar Melayu, lebih daripada satu per tiga daripada mereka gagal dalam PSLE. Sebaliknya, jika pelajar Melayunya kurang daripada 10 peratus, maka kadar kegagalan kurang daripada 20 peratus (*ST*, 29 Disember 1986). Mengingat kembali wacana tentang ketandusan budaya, Mattar berpendapat bahawa pengaruh akademik yang negatif di kalangan pelajar Melayu, di sekolah yang terdapat ramai pelajar Melayu, termasuklah tidak fasih berbahasa Inggeris dan kurang bermotivasi untuk belajar. Sebagai menyokong hipotesis ini, satu kajian yang menunjukkan bahawa pelajar Melayu meluangkan masa sebanyak 16 hingga 24 peratus kurang daripada pelajar bukan Melayu untuk membuat kerja rumah telah diterbitkan (*ST*, 15 September 1986). Ciri,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

saiz contoh dan komposisi sosial pelajar yang dikaji tidak dapat diperoleh oleh orang awam.

Dakwaan kerajaan PAP bahawa terdapat kaitan antara prestasi akademik yang lemah dengan bilangan pelajar Melayu yang ramai, apabila dianalisis dengan teliti, menunjukkan kejanggalan dan ketakselarasan yang ketara. Dengan memperkenalkan kuota pelajar Melayu di sekolah, kerajaan PAP dan Ahli Parlimen Melayu mengabaikan kaitan penting antara prestasi akademik yang lemah dengan faktor sosioekonomi, dan kesan dasar pelajaran seperti skim keutamaan pendaftaran sekolah dan sistem aliran sejak awal persekolahan yang menyebabkan pemusatan pelajar Melayu di sekolah kerajaan yang paling tidak popular. Seperti yang ditekankan dalam Bab 7, sekolah sebegitu umumnya mempunyai kemudahan persekolahan yang lebih teruk berbanding sekolah biasa, bilangan guru berpendidikan tinggi yang sedikit, bilangan kelas aliran lemah dan guru sementara yang lebih tinggi, dan biasanya menunjukkan keputusan akademik yang kurang membanggakan. Tenggelam dalam andaian budaya mereka, pemimpin PAP gagal melihat peri pentingnya faktor institusi di atas yang menyebabkan prestasi akademik yang lemah bagi pelajar Melayu.[28]

Menentang kuota 25 peratus untuk pelajar Melayu di sekolah, Ahli Parlimen parti pembangkang (Potong Pasir) Chiam See Tong (*ST*, 10 Februari 1986) menunjukkan bahawa tiada kajian yang dibuat yang mewajarkan pelaksanaan kuota bagi pelajar Melayu itu. Dengan mencadangkan supaya punca kelemahan pelajaran pelajar Melayu ditangani, dan bukannya dengan meletakkan kuota ke atas pelajar Melayu sewenang-wenang, Chiam mengatakan bahawa lebih banyak bantuan perlu diberikan kepada pelajar yang lemah dalam akademik dan saiz kelas yang besar perlu dikecilkan. Beliau mengingatkan bahawa kuota sebegitu akan menyebabkan pelajar Melayu berasa keliru dan bimbang (*ST*, 1 September 1987).

Kekecewaan orang Melayu kerana kuota yang dikenakan secara tidak adil itu, yang memecah-mecahkan bilangan pelajar Melayu di sesebuah sekolah, semakin mendalam dengan tertubuhnya sekolah monoetnik SAP pada tahun 1979. Pengertian orang ramai (BAKTI [surat berita KGMS], Disember 1978; NCSMMP 1990: 112; *ST*, 29 April 1990) bahawa sekolah monoetnik Cina sebegitu tidak mewujudkan masyarakat berbilang etnik yang sihat gagal menggalakkan pemimpin PAP untuk menjadikannya sekolah berbilang etnik. Pemusatan pelajar Melayu di sesebuah sekolah tidak dapat diterima oleh kerajaan PAP tetapi pemusatan pelajar Cina amat digalakkan. Ini menambahkan lagi kebimbangan orang Melayu terhadap sikap berat sebelah kerajaan PAP.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sebagai perbandingan, kuota kaum di sekolah yang berdasarkan wajaran yang diutarakan oleh kepimpinan PAP pasti dikecam hebat, dari segi undang-undang dan etika, di banyak negara liberal demokrasi. Contohnya, apabila kerajaan British mengusulkan pada tahun 1965 supaya bilangan maksimum pelajar pendatang di sesebuah sekolah tidak melebihi satu per tiga daripada jumlah pelajar, dengan alasan bahawa kanak-kanak pendatang perlu berasimilasi ke dalam lingkungan masyarakat British, Lembaga Hubungan Kaum campur tangan dengan mengingatkan kerajaan bahawa tindakannya itu melanggar Akta Hubungan Kaum (Little, 1981: 66). Usul kuota itu juga dikritik kerana tiada bukti nyata dan kukuh untuk mewajarkan pelaksanaannya dari segi akademik (Mabey, 1974). Kuota yang dikenakan ke atas orang Melayu yang merupakan pencabulan hak sivil dan demokrasi pelajar Melayu untuk menerima pendidikan di mana-mana sekolah yang mereka ingini nampaknya tidak mencemaskan kerajaan PAP.

Ketidakadilan Linguistik terhadap Bahasa Mandarin

Permulaan 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' dan pengenalan skim SAP pada tahun 1979 merupakan perubahan besar dalam penggubalan dasar bahasa dan budaya di Singapura. Penggalakan bahasa Mandarin sebagai 'bahasa ibunda' dipermudahkan oleh DEB 1979 yang mementingkan kefasihan 'bahasa ibunda' untuk mendapatkan keputusan keseluruhan akademik yang baik dalam peperiksaan utama.[29]

Tidak seperti sistem pelajaran sebelum DEB yang menggalakkan kefasihan 'bahasa ibunda'[30] tetapi tidak menghalang pelajaran jika tidak fasih, kini lulus dalam 'bahasa ibunda' menjadi syarat penting untuk mendapatkan tempat di kolej rendah yang berprestij dan universiti tempatan. Walaupun pelajar bebas memilih untuk mempelajari mana-mana bahasa kedua sebelum tahun 1981, tetapi sejak tahun itu bahasa Mandarin dijadikan mata pelajaran wajib bagi pelajar Cina khususnya untuk memastikan mereka tidak mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.[31] Walaupun pelajar Cina dipaksa mempelajari 'bahasa ibunda' mereka, pelajar bukan Cina boleh memilih untuk belajar 'bahasa ibunda' mereka ataupun bahasa Mandarin (*ST*, 22 Julai 1981).

Penekanan kepada Mandarin sebagai 'bahasa ibunda' sejak akhir tahun 1970-an pada dasarnya berpunca dari kepercayaan kepimpinan PAP bahawa 'bahasa ibunda' ialah penyampai yang berkesan bagi nilai budaya Asia/Konfusius yang positif yang dikatakan menjadi asas kejayaan ekonomi dan disiplin sosial Singapura. Sebagaimana yang dinyatakan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan terus-terang oleh Lee Kuan Yew dalam Laporan Goh berkenaan pelajaran (1979: V), 'Nilai teragung dalam mengajar dan belajar bahasa Cina ialah penyampaian norma sosial dan perlakuan moral. Ini pada asasnya bermakna kepercayaan dan idea Konfusius tentang manusia, masyarakat dan negara'. Nilai Asia/Konfusius ini dianggap sebagai cara untuk melindungi Singapura daripada pengaruh buruk nilai Barat yang jika tidak dibendung akan menyebabkan rakyat Singapura menjadi masyarakat 'kalipso' yang tidak ada tanggungjawab kebangsaan dan sosial serta imbangan budaya (Lee Kuan Yew, *ST*, 25 Mac 1979). Pengetahuan dalam bahasa Mandarin juga dianggap penting kerana dapat membuka peluang pasaran ekonomi yang pesat berkembang di tanah besar negeri China dan menggalakkan *guanxi* (hubungan erat) antara ahli perniagaan Singapura dengan pegawai kerajaan negeri China[32] (*ST WOE, 1 Mei 1991*). Kelangsungan sosial, ekonomi dan politik Singapura nampaknya sangat bergantung pada pengekalan nilai Asia/ Konfusius di mana 'bahasa ibunda', khususnya bahasa Mandarin, dianggap sebagai penyampai budaya yang berkesan.[33]

Penggalakan bahasa Mandarin melalui sistem pelajaran banyak dibantu oleh 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' yang berusia hampir dua dekad yang dilancarkan pada tahun 1979. Setelah berjaya mencapai matlamatnya untuk menggalakkan lebih ramai orang Cina Singapura bercakap dalam bahasa Mandarin dan kurang menggunakan dialek,[34] penggalakan bahasa Mandarin, sejak awal tahun 1990-an, giat menggalakkan orang Cina berpendidikan Inggeris untuk bercakap bahasa Mandarin di tempat awam dan juga di rumah.[35] Sejak tahun 1991, tema baru kempen itu yang berbunyi 'Jika anda orang Cina, bercakaplah dalam bahasa Mandarin' dengan tepatnya menunjukkan hala tuju kempen yang meluaskan skop asalnya, iaitu daripada mengurangkan orang Cina Singapura menggunakan dialek kepada matlamat yang lebih besar, iaitu menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa komunikasi utama bagi seluruh etnik Cina.[36]

Penggalakan gigih bahasa Mandarin dan nilai Konfusius di sekolah dan masyarakat yang lebih luas ditafsirkan oleh Huxley (1992: 292) sebagai satu cara PAP untuk mendapat lebih banyak undi daripada masyarakat Cina, terutamanya yang berpendidikan Cina dan dari kelas pekerja. Setelah menentang golongan yang berpendidikan Cina dengan membubarkan dan kemudiannya menggabungkan Universiti Nanyang dengan Universiti Singapura pada tahun 1980 dan mengurangkan penggunaan dialek, penggalakan bahasa Mandarin merupakan kaedah politik yang berguna untuk menyampaikan manfaat budaya kepada masyarakat Cina yang ramai. Pendekatan sebegitu berlandaskan andaian


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sebagai perbandingan, kuota kaum di sekolah yang berdasarkan wajaran yang diutarakan oleh kepimpinan PAP pasti dikecam hebat, dari segi undang-undang dan etika, di banyak negara liberal demokrasi. Contohnya, apabila kerajaan British mengusulkan pada tahun 1965 supaya bilangan maksimum pelajar pendatang di sesebuah sekolah tidak melebihi satu per tiga daripada jumlah pelajar, dengan alasan bahawa kanak-kanak pendatang perlu berasimilasi ke dalam lingkungan masyarakat British, Lembaga Hubungan Kaum campur tangan dengan mengingatkan kerajaan bahawa tindakannya itu melanggar Akta Hubungan Kaum (Little, 1981: 66). Usul kuota itu juga dikritik kerana tiada bukti nyata dan kukuh untuk mewajarkan pelaksanaannya dari segi akademik (Mabey, 1974). Kuota yang dikenakan ke atas orang Melayu yang merupakan pencabulan hak sivil dan demokrasi pelajar Melayu untuk menerima pendidikan di mana-mana sekolah yang mereka ingini nampaknya tidak mencemaskan kerajaan PAP.

Ketidakadilan Linguistik terhadap Bahasa Mandarin

Permulaan 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' dan pengenalan skim SAP pada tahun 1979 merupakan perubahan besar dalam penggubalan dasar bahasa dan budaya di Singapura. Penggalakan bahasa Mandarin sebagai 'bahasa ibunda' dipermudahkan oleh DEB 1979 yang mementingkan kefasihan 'bahasa ibunda' untuk mendapatkan keputusan keseluruhan akademik yang baik dalam peperiksaan utama.[29]

Tidak seperti sistem pelajaran sebelum DEB yang menggalakkan kefasihan 'bahasa ibunda'[30] tetapi tidak menghalang pelajaran jika tidak fasih, kini lulus dalam 'bahasa ibunda' menjadi syarat penting untuk mendapatkan tempat di kolej rendah yang berprestij dan universiti tempatan. Walaupun pelajar bebas memilih untuk mempelajari mana-mana bahasa kedua sebelum tahun 1981, tetapi sejak tahun itu bahasa Mandarin dijadikan mata pelajaran wajib bagi pelajar Cina khususnya untuk memastikan mereka tidak mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.[31] Walaupun pelajar Cina dipaksa mempelajari 'bahasa ibunda' mereka, pelajar bukan Cina boleh memilih untuk belajar 'bahasa ibunda' mereka ataupun bahasa Mandarin (*ST*, 22 Julai 1981).

Penekanan kepada Mandarin sebagai 'bahasa ibunda' sejak akhir tahun 1970-an pada dasarnya berpunca dari kepercayaan kepimpinan PAP bahawa 'bahasa ibunda' ialah penyampai yang berkesan bagi nilai budaya Asia/Konfusius yang positif yang dikatakan menjadi asas kejayaan ekonomi dan disiplin sosial Singapura. Sebagaimana yang dinyatakan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan terus-terang oleh Lee Kuan Yew dalam Laporan Goh berkenaan pelajaran (1979: V), 'Nilai teragung dalam mengajar dan belajar bahasa Cina ialah penyampaian norma sosial dan perlakuan moral. Ini pada asasnya bermakna kepercayaan dan idea Konfusius tentang manusia, masyarakat dan negara'. Nilai Asia/Konfusius ini dianggap sebagai cara untuk melindungi Singapura daripada pengaruh buruk nilai Barat yang jika tidak dibendung akan menyebabkan rakyat Singapura menjadi masyarakat 'kalipso' yang tidak ada tanggungjawab kebangsaan dan sosial serta imbangan budaya (Lee Kuan Yew, *ST*, 25 Mac 1979). Pengetahuan dalam bahasa Mandarin juga dianggap penting kerana dapat membuka peluang pasaran ekonomi yang pesat berkembang di tanah besar negeri China dan menggalakkan *guanxi* (hubungan erat) antara ahli perniagaan Singapura dengan pegawai kerajaan negeri China[32] (*ST WOE, 1 Mei 1991*). Kelangsungan sosial, ekonomi dan politik Singapura nampaknya sangat bergantung pada pengekalan nilai Asia/ Konfusius di mana 'bahasa ibunda', khususnya bahasa Mandarin, dianggap sebagai penyampai budaya yang berkesan.[33]

Penggalakan bahasa Mandarin melalui sistem pelajaran banyak dibantu oleh 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' yang berusia hampir dua dekad yang dilancarkan pada tahun 1979. Setelah berjaya mencapai matlamatnya untuk menggalakkan lebih ramai orang Cina Singapura bercakap dalam bahasa Mandarin dan kurang menggunakan dialek,[34] penggalakan bahasa Mandarin, sejak awal tahun 1990-an, giat menggalakkan orang Cina berpendidikan Inggeris untuk bercakap bahasa Mandarin di tempat awam dan juga di rumah.[35] Sejak tahun 1991, tema baru kempen itu yang berbunyi 'Jika anda orang Cina, bercakaplah dalam bahasa Mandarin' dengan tepatnya menunjukkan hala tuju kempen yang meluaskan skop asalnya, iaitu daripada mengurangkan orang Cina Singapura menggunakan dialek kepada matlamat yang lebih besar, iaitu menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa komunikasi utama bagi seluruh etnik Cina.[36]

Penggalakan gigih bahasa Mandarin dan nilai Konfusius di sekolah dan masyarakat yang lebih luas ditafsirkan oleh Huxley (1992: 292) sebagai satu cara PAP untuk mendapat lebih banyak undi daripada masyarakat Cina, terutamanya yang berpendidikan Cina dan dari kelas pekerja. Setelah menentang golongan yang berpendidikan Cina dengan membubarkan dan kemudiannya menggabungkan Universiti Nanyang dengan Universiti Singapura pada tahun 1980 dan mengurangkan penggunaan dialek, penggalakan bahasa Mandarin merupakan kaedah politik yang berguna untuk menyampaikan manfaat budaya kepada masyarakat Cina yang ramai. Pendekatan sebegitu berlandaskan andaian



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bahawa sistem yang kuat berorientasikan pendukung idea kebendaan, autoritarian baru dan Konfusius lebih berkemungkinan diterima oleh golongan yang berpendidikan Cina (ibid.).[37]

Kebangkitan Sekolah Monoetnik

Penubuhan skim SAP pada tahun 1979, sebagai cara untuk mengekalkan sekolah aliran Cina daripada kemerosotan pendaftaran pelajar dan daripada terhapus (Jadual 8.1), ialah satu lagi contoh layanan berat sebelah yang mengutamakan sekolah aliran bahasa Mandarin dan Cina. Wajaran mengapa sekolah SAP aliran Cina dikekalkan, di mana bahasa Cina dan Inggeris diajar sebagai bahasa utama, adalah kerana kefasihan dalam bahasa Mandarin menyebabkan tersemainya nilai positif budaya Cina di kalangan pelajar SAP, dan ramai di kalangan mereka dijangka akan memegang jawatan pemimpin dalam masyarakat pada masa depan. Menyokong tanggapan tersebut, Menteri Kanan, Lee Kuan Yew (*Petir*, Oktober 1991: 15) secara terbuka memuji golongan berpendidikan Cina atas 'sumbangan besar mereka kepada kejayaan kita kerana semangat kewiraan, stamina dan usaha gigih mereka yang berpunca dari pendidikan Cina yang menekankan nilai Konfusius'.

JADUAL 8.1

Pendaftaran di Sekolah Singapura Mengikut Aliran Bahasa

		Aliran Bahasa			
Tahun	Jumlah	Inggeris	Cina	Melayu	Tamil
1941	71,800	27,000	38,000	5,800	1,000
1949	115,544	38,302	68,065	7,862	1,315
1957	259,997	127,853	115,374	13,419	1,351
1968	384,392	232,376	122,368	27,980	1,668
1972	365,606	236,072	115,991	12,527	1,016
1978	311,510	249,676	60,123	1,581	130

Sumber: Inglis, 1983: 224

Selain pengumuman itu, penghapusan sekolah aliran bahasa Melayu dan Tamil, setelah pendaftaran ke sekolah itu merosot pada tahun 1970-an manakala sekolah aliran Cina dihidupkan dan dipelihara, menggambarkan tanggapan pemimpin PAP bahawa nilai budaya orang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu (peribumi Asia Tenggara) dan orang India (Asia Selatan) tidak sepenting nilai budaya Konfusius Asia Timur untuk imbangan ekonomi dan budaya Singapura.[38]

Walaupun bahasa Mandarin boleh dipelajari sebagai bahasa utama dalam sekolah SAP yang dihidupkan pada tahun 1979, namun hanya setelah dikritik hebat, terutamanya oleh masyarakat minoriti, barulah pengajaran 'bahasa ibunda' sebagai bahasa utama diberikan untuk pelajar Melayu dan India pada tahun 1986. Pun begitu, tidak seperti pelajar di sekolah SAP, pelajar bukan Cina ini tidak diberikan peluang yang sama untuk belajar bahasa Melayu atau Tamil sebagai bahasa utama di sekolah mereka sendiri, tetapi mereka terpaksa pergi ke pusat bahasa Kementerian Pelajaran selepas waktu sekolah. Meskipun skim SAP dikritik hebat oleh masyarakat minoriti kerana menggugat struktur sosial masyarakat berbilang kaum, memberikan layanan yang tidak sama kepada minoriti etnik (KKPMPS, 1990: 108) dan melanggar prinsip layanan yang adil kepada keempat-empat bahasa rasmi (*ST*, 29 Disember 1978), namun ia tetap melaksanakan skim SAP.

Disebabkan kepimpinan PAP begitu komited dalam menggalakkan bahasa Mandarin sebagai penyampai sosial, budaya dan nilai, Menteri Kanan Lee Kuan Yew mempelawa kumpulan suku kaum Cina mengambil alih dan mentadbir enam hingga dua belas buah sekolah rendah kerajaan pada bulan Oktober 1991.[39] Supaya pelawaan itu tampak lebih menarik, Lee memberi jaminan bahawa suku kaum Cina ini boleh menentukan kurikulum dan standard peperiksaan mereka sendiri (*ST*, 14 Oktober 1991). Selain 'usul' Menteri Kanan itu, Goh Chok Tong berkata bahawa mengajar bahasa Cina sebagai bahasa utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kepada pelajar sekolah rendah Cina mungkin merupakan cara yang berkesan untuk mengekalkan nilai Asia (Cina) (*ST*, 20 Oktober 1991).

Ketika mengusulkan penubuhan sekolah yang dikendalikan oleh suku kaum Cina, kesan sosial pengasingan pendidikan yang berasaskan etnik terhadap struktur masyarakat berbilang kaum dan kesannya ke atas sensitiviti etnik minoriti tidak begitu diambil peduli. Perihal bertimbang rasa ini walau bagaimanapun tidak terlepas daripada perhatian pengerusi GPC (Pelajaran) dan Ahli Parlimen PAP (Ayer Rajah), Tan Cheng Bok, yang segera mengingatkan kerajaan akan kepentingan sosial dan politik bahasa Inggeris sebagai bahasa perantara yang berkesan antara masyarakat etnik yang berlainan dengan kemunduran sosial sekolah yang ditadbir oleh suku kaum Cina. Tan mengingatkan (*ST*, 20 Oktober 1991), 'Jika kita mahukan "Satu Negara, Satu Bangsa" kita tidak seharusnya kembali kepada sekolah di mana kanak-kanak mula bertutur



bahasa yang berlainan'. Sikap tidak peduli kepimpinan PAP akan keresahan yang diluahkan oleh pelbagai golongan dalam masyarakat tentang sekolah monoetnik sangat merisaukan apabila melihat kecintaan golongan berpendidikan Cina terhadap tanah air khususnya pada tahun 1950-an dan 1960-an. Kecenderungan tersebut disahkan oleh penyelidikan Kay (1971) yang mendapati bahawa pelajar aliran Inggeris mempunyai sikap toleransi kaum yang paling baik, manakala pelajar aliran Cina pula mempunyai sikap toleransi kaum yang paling kurang.

Walaupun disokong oleh Persatuan Guru-Guru Cina dan Persatuan Guru-Guru Cina Sekolah Menengah (*ST*, 29 September 1991), persatuan suku kaum Cina menolak pelawaan kerajaan. Berbeza daripada pandangan optimis kepimpinan PAP terhadap daya hidup sekolah suku kaum untuk jangka panjang, pemimpin suku kaum Cina tidak begitu optimistik kerana mempercayai bahawa pelajar dari sekolah tersebut akan mengalami kesukaran dalam masyarakat dan masyarakat antarabangsa di mana bahasa Inggeris ialah bahasa komunikasi yang penting (Singh, 1992a: 145-6).

Menghidupkan Semula Jawatankuasa Semakan Bahasa Berasaskan Etnik/Bahasa

Penubuhan Jawatankuasa Semakan Bahasa Cina (CLRC) dalam bulan Jun 1991 mengingatkan kita kepada paradigma sistem pelajaran penjajah di mana jawatankuasa semakan bahasa yang berasaskan etnik/bahasa adalah amalan biasa pada waktu itu. Diketuai oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Ong Teng Cheong, CLRC yang menyerlah itu[40] dipelopori dengan tujuan nyata untuk mencari jalan bagaimana meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin supaya pelajar Cina akan terus menggunakan bahasa itu setelah meninggalkan bangku sekolah. Perkara ini berguna untuk memupuk perkembangan bahasa Mandarin di Singapura (ST, 9 Mei 1992; Sunday Times, 7 Jun 1992). Objektif lain CLRC adalah mengkaji dan mencari jalan untuk membantu pelajar yang lemah dalam bahasa Mandarin.

Cadangan utama yang dilaksanakan bagi pelajar PSLE sejak tahun 1993 adalah:

1. Membenarkan penggunaan kamus bahasa Cina untuk menulis karangan dalam peperiksaan.
2. Menyemak kurikulum dan format peperiksaan untuk mencerminkan penekanan kepada pemahaman membaca dan mendengar.[41]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

3. Bersetuju pada prinsipnya untuk menggunakan bahasa Mandarin dalam mata pelajaran Pengajian Sosial, Muzik dan Seni.
4. Membenarkan pelajar prauniversiti menduduki peperiksaan Kertas Am dalam bahasa Cina sebagai kertas pilihan.
5. Memberikan lebih banyak peluang kepada guru bahasa Mandarin untuk melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negeri.

Tanpa dasar yang sama untuk pembelajaran bahasa Melayu dan Tamil, saranan CLRC terus memantapkan asas 'bahasa ibunda' masyarakat Cina. Contohnya, pada tahun 1990, hampir 99 peratus daripada calon Cina yang menduduki PSLE lulus bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dengan 77 peratus mendapat gred 'A' atau lebih baik. Dalam peperiksaan GCE 'O' Level, lebih daripada 93 peratus mendapat gred C6 atau lebih baik (*ST*, 12 Mei 1992). Walaupun terdapat tanda-tanda positif ini dan kempen bahasa Mandarin yang terus meluas, kerajaan berasa CLRC patut ditubuhkan dan bukannya Jawatankuasa Bahasa Ibunda untuk semua kaum dalam usaha menangani kelemahan 'bahasa ibunda' semua etnik di Singapura. Pendekatan berbilang kaum lebih sesuai untuk masyarakat majmuk Singapura dan berkesan untuk menolak tuduhan bahawa kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih bahasa dan budaya.

'Kempen Bercakap Bahasa Ibunda' yang menggantikan 'Kempen Bercakap bahasa Mandarin' yang berusia lebih satu dekad adalah lebih relevan kerana golongan remaja dalam masyarakat etnik minoriti telah lama hilang kefasihan 'berbahasa ibunda'. Contohnya, Jawatankuasa Tindakan untuk Pelajaran Orang India (ACIE) menyatakan kebimbangan mereka bahawa kadar kelulusan pelajar India bagi 'O' Level dalam 'bahasa ibunda' hanyalah 85 peratus. Angka ini jauh berbeza dibandingkan dengan pelajar Cina yang mencapai kadar lulus 94 peratus (ACIE, 1991: 11). Guru Tamil tempatan menyatakan kerisauan mereka bahawa bahasa Inggeris ialah bahasa pertuturan utama orang India di rumah, dan bahasa Tamil hanya dipelajari dan dituturkan di sekolah oleh kebanyakan pelajar India. Bimbang akan nasib bahasa Tamil di Singapura, guru Tamil menyeru supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa seperti CLRC untuk orang India (*ST*, 16 Jun 1992). Suratman Markassan, pendidik Melayu yang terkemuka, dan Ma'arof Salleh, Presiden Persatuan Guru-Guru Bahasa Melayu, mengingatkan bahawa bahasa Melayu dalam keadaan lemah dan terancam yang akhirnya akan terus malap, terutamanya di kalangan remaja (*ST*, 9 September 1988) dan orang Melayu kelas pertengahan yang berpendidikan Inggeris (T. Sapawi, *ST*, 14 September 1992).


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tidak seperti pelajar Cina yang dipaksa mempelajari bahasa Mandarin, pelajar bukan Cina mempunyai pilihan untuk belajar bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di sekolah. Pilihan bagi pelajar bukan Cina ini menggalakkan ramai pelajar Melayu dan India mempelajari bahasa Mandarin dan bukannya 'bahasa ibunda' mereka sendiri untuk tujuan yang pragmatik. Kepentingan bahasa Mandarin yang semakin menonjol di Singapura memberikan manfaat sosial dan ekonomi kepada mereka yang fasih dalam bahasa ini, tetapi tidak begitu halnya bagi bahasa Melayu atau Tamil. Memandangkan data bagi pelajar bukan Cina yang mempelajari bahasa Mandarin dan bukannya 'bahasa ibunda' mereka dianggap sensitif dari segi politik dan Kementerian Pelajaran tidak mendedahkannya kepada orang awam, maka adalah sukar untuk mengagak sejauh mana berleluasanya fenomena tersebut. Namun begitu, ketika penulis membuat kajian pada tahun 1992, ramai pelajar Melayu yang ditemuinya mempelajari bahasa Mandarin. Apabila ditanya mengapa mereka belajar bahasa Mandarin dan bukannya bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, mereka biasanya mengatakan bahawa ibu bapa mereka percaya bahawa belajar bahasa Mandarin lebih berfaedah dari segi ekonomi dan sosial. Pragmatisme ini digalakkan oleh Ahli Parlimen Melayu PAP yang mendesak orang Melayu supaya belajar bahasa Mandarin untuk mendapat peluang kerjaya yang lebih baik.[42] Walaupun ramai pelajar Cina belajar bahasa Melayu pada tahun 1960-an dan 1970-an, kerajaan PAP yang menggalakkan bahasa Mandarin sejak tahun 1980-an berjaya menjadikan sebaliknya dengan meningkatkan bilangan pelajar bukan Cina yang belajar bahasa Mandarin.

Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, ada bukti yang menunjukkan bahawa kelemahan 'berbahasa ibunda' di kalangan golongan kelas pertengahan berpendidikan Inggeris dapat dilihat dalam semua masyarakat etnik di Singapura, dan tidak boleh dikatakan sebagai masalah orang Cina, Melayu atau India sahaja. Banci Penduduk 1990 menunjukkan bahawa bahasa yang sering dituturkan dalam keluarga kaya ialah bahasa Inggeris, tetapi ia kurang digunakan dalam keluarga berpendapatan rendah.[43] Disebabkan penggunaan bahasa yang berorientasikan kelas ini, satu kempen kebangsaan 'bahasa ibunda' yang memanfaatkan semua orang dianjurkan bersama-sama kempen 'Bercakap Bahasa Ibunda' yang berkonsepkan berbilang kaum. Apa yang merisaukan adalah apabila penggalakan bahasa Mandarin dimulakan oleh 'Kempen Bercakap Bahasa Mandarin' yang berusia lebih satu dekad, sekolah SAP dan dasar pelajaran yang lain, bahasa Melayu dan Tamil tidak diberikan layanan yang sama walaupun bahasa ini, seperti juga bahasa Mandarin, ialah bahasa rasmi Singapura, dengan bahasa

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu yang mempunyai kedudukan istimewa sebagai Bahasa Kebangsaan.

Daripada lebih kurang 350 buah tadika PAP, Persatuan Rakyat (PA) dan NTUC di Singapura, hanya segelintir antaranya yang mengajar bahasa Melayu dan Tamil, walaupun bahasa Mandarin diajar di semua tadika itu.[44] Akibatnya, ramai kanak-kanak Melayu dan India yang belajar di tadika yang tidak mengajar 'bahasa ibunda' mereka terpaksa belajar bahasa Mandarin (*Sunday Times*, 7 Jun 1992). Tidak seperti pelajar Cina yang akan terus belajar bahasa Mandarin, kebanyakan pelajar Melayu dan India berhenti belajar bahasa Mandarin dan belajar 'bahasa ibunda' mereka apabila masuk ke sekolah rendah. Oleh itu, mereka tidak berpeluang belajar 'bahasa ibunda' mereka dari peringkat paling awal, tetapi tidak begitu halnya bagi pelajar Cina. Seperti yang dikatakan oleh Ketua Eksekutif SINDA (*Sunday Times*, 7 Jun 1992), 'Kami percaya kanak-kanak yang tidak didedahkan kepada bahasa ibunda mereka pada tahap prasekolah dalam keadaan rugi apabila mereka mula bersekolah rendah.' Kerana tidak mendapat peluang bahasa ini sejak awal, ramai pelajar bukan Cina terpaksa meluangkan banyak masa untuk memahirkan diri dalam 'bahasa ibunda' mereka dan kurang menumpukan perhatian kepada mata pelajaran lain. Menurut SINDA, perkara ini menjadi penyebab utama kelemahan prestasi pelajar India (ACIE, 1991: 18).[45]

Dasar Penduduk dan Sistem Pelajaran

Sistem pelajaran telah lama digunakan untuk melanjutkan agenda penyusunan sosial dan dasar penduduk kerajaan PAP. Contohnya, ketika pertumbuhan penduduk dihadkan pada tahun 1960-an dan 1970-an, keutamaan pendaftaran sekolah rendah diberikan kepada kanak-kanak yang ibu bapanya dimandulkan sebelum berusia empat puluh tahun. Melalui insentif ini, kerajaan berharap dapat menghalang rakyat Singapura daripada mempunyai keluarga yang besar.[46] Logik eugenik di sebalik penggalakan dasar penduduk dalam sistem pelajaran mula-mula diakui oleh Lee Kuan Yew (*ST*, 15 Ogos 1983) dalam ucapan Hari Kebangsaan Tahun 1983. Lee memberi amaran sekiranya wanita yang berpendidikan tinggi melahirkan anak pada kadar yang rendah dan wanita yang kurang berpelajaran melahirkan anak pada kadar yang semakin meningkat, maka baka kumpulan masyarakat berbaka bijak akan berkurangan. Dari segi ramalan, beliau mengingatkan jika kadar kelahiran yang tidak seimbang ini berterusan, maka 'tahap kecekapan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

akan menurun, ekonomi kita akan menjadi lemah, pentadbiran akan kucar-kacir dan masyarakat akan menjadi mundur.'

Hanya beberapa bulan selepas ucapan Hari Kebangsaan Tahun 1983 oleh Lee Kuan Yew itu, Dasar Siswazah Ibu diperkenalkan untuk mengatasi kadar kelahiran yang tidak seimbang[47], dan dengan itu dapat menghindarkan bencana ekonomi dan sosial. Bagi mewajarkan dasar itu, Menteri Pelajaran ketika itu, Tay Eng Soon (*ST*, 24 Januari 1984) menyatakan bahawa 'kerajaan mengatakan jika ibu yang berpendidikan tinggi melahirkan tiga orang anak atau lebih, mereka menambah aset negara'. Menurut logik ini, siswazah wanita yang mempunyai ramai anak sebenarnya berjasa untuk negara dan oleh itu harus diberikan ganjaran kerana usaha patriotik mereka itu. Untuk menggalakkan siswazah wanita mempunyai lebih daripada dua orang anak, mereka diberikan keutamaan apabila mendaftarkan anak mereka untuk prasekolah rendah dan sekolah rendah yang berprestij. Insentif lain termasuklah pengecualian cukai dan keistimewaan insurans perubatan (Heng dan Devan, 1992: 348).

Siswazah wanita digalakkan untuk melahirkan lebih ramai anak, manakala wanita yang berpelajaran rendah pula digalakkan mempunyai sedikit anak atau berhenti daripada melahirkan anak. Insentif berbentuk wang tunai sebanyak $10,000 diberikan kepada wanita yang tidak mempunyai kelulusan 'O' Level dan pendapatan isi rumah yang tidak melebihi $1,500 sebulan jika mereka bersetuju untuk dimandulkan.[48] Dalam usaha untuk mewajarkan dasar penduduk yang berdasarkan eugenik itu, data yang menyokong idea eugenik disebarluaskan melalui media massa. Satu kajian Kementerian Pelajaran pada tahun 1984 ke atas 100 orang pelajar GEP yang menunjukkan bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi berkemungkinan untuk memperoleh anak yang bijak (*ST*, 28 Januari 1984) dijadikan bukti bahawa sifat semula jadi mengatasi didikan.[49] Seterusnya Kementerian Pelajaran mengumumkan bahawa apabila kedua ibu bapa itu siswazah, anak mereka berkemungkinan tiga kali ganda untuk mendapat sekurang-kurangnya lima kepujian dalam peperiksaan GCE 'O' Level (*ST*, 13 Mei 1984). Dengan penyebaran idea proeugenik melalui media, orang awam masih tidak mengetahui bahawa pemimpin eugenik moden, iaitu Han Eysenck, terpisah daripada dasar yang diilhamkan eugenik di Singapu Menentang logik Dasar Siswazah Ibu atas alasan ia mengata kecerdasan seseorang kanak-kanak bergantung pada latar bel keluarga dan bukannya keputusan ujian IQ, Eysenck berkata Selvan, 1990: 232): 'Saya tidak nampak wajaran bagaimana ia dite oleh tahap pendidikan ibu bapa.... Ibu bapa yang bijak boleh mela

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

anak yang lembap dan ibu bapa yang sangat lembap boleh melahirkan anak yang sangat bijak'.

Dengan tertubuhnya agensi mencari jodoh negara pada tahun 1980-an yang dikenali sebagai SDU, Dasar Siswazah Ibu nampaknya bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan siswazah ibu melahirkan lebih ramai anak, tetapi juga menggalakkan siswazah wanita yang membujang yang ramai jumlahnya untuk berkahwin. Taraf bujang mereka dianggap oleh kerajaan sebagai membazirkan baka baik yang terhad bilangannya di Singapura. Meskipun kerajaan PAP berusaha mewajarkan Dasar Siswazah Ibu, penduduk berijazah dan tidak berijazah tetap menganggapnya sebagai suatu penghinaan sejak dasar itu dimulakan sehinggalah ia terkubur pada tahun 1985. Contohnya, pada tahun 1984 dan 1985, banyak surat yang menentang dasar itu yang dipaparkan dalam akhbar berbahasa Inggeris, *Straits Times*, mengkritik Dasar Siswazah Ibu. Dasar itu dikritik hebat kerana mendiskriminasikan majoriti kanak-kanak yang mempunyai ibu yang tidak berpendidikan tinggi dan kerana mencabuli prinsip peluang sama rata dan meritokrasi (NUSSU, 1984; Chua, 1989: 66).

Mengutuk dasar tersebut kerana mendiskriminasikan sebahagian besar kanak-kanak Singapura, Ahli Parlimen Parti Pekerja pada masa itu, J. B. Jeyaratnam, dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Toh Chin Chye, menegaskan bahawa dasar itu melanggar Perkara 16(1) dan 12(1) Perlembagaan Singapura yang menyatakan bahawa 'tidak harus ada diskriminasi terhadap mana-mana rakyat Singapura atas sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir... dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang dikendalikan oleh pihak berkuasa awam dan, terutamanya, kemasukan murid atau pelajar atau pembayaran yuran [dan bahawa] semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan undang-undang yang sama'.[50] Dalam usaha cuba mempertahankan diri tetapi tidak dapat menolak tuduhan itu dengan hujah yang meyakinkan, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Ong Teng Cheong, mengatakan bahawa jika kerajaan memberikan layanan istimewa kepada kumpulan tertentu, ianya tidak bertentangan dengan apa yang tersurat dan tersirat dalam Perlembagaan kerana ada 'sebab munasabah' mengapa layanan yang berbeza diberikan kepada golongan tertentu tetapi tidak kepada golongan yang lain (*ST*, 4 Mac 1984). 'Sebab munasabah' yang dikemukakan untuk mewajarkan dasar itu (iaitu, siswazah wanita melahirkan anak yang pintar) boleh menimbulkan perbalahan dari segi etika dan tidak sahih dari segi sains. Bagi majoriti rakyat Singapura yang didiskriminasikan oleh dasar ini,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

alasan tersebut tidak mudah diterima sebagai 'wajar' dari segi sains atau 'munasabah' dari segi etika.

Alasan eugenik bagi dasar itu amat menyinggung perasaan masyarakat Melayu kerana andaiannya yang bersifat perkauman. Memandangkan sejak sekian lama tidak banyak orang Melayu dalam sektor pengajian tinggi, Dasar Siswazah Ibu mengakibatkan pelajar Melayu paling banyak menjadi mangsa diskriminasi. Alasan eugenik yang juga menyimpulkan bahawa bilangan orang Melayu yang terlalu sedikit di peringkat pengajian tinggi bermakna mereka kurang bijak berbanding kumpulan etnik yang lain, menyebabkan masyarakat Melayu berasa terhina. Kesimpulan tentang kedaifan orang Melayu dikuatkan lagi oleh Lee Kuan Yew dalam ucapannya dalam Persembahan Budaya Hari Kebangsaan 1983 apabila beliau mengatakan satu kajian mendapati bahawa orang Cina di Malaysia mempunyai IQ lima belas mata lebih tinggi daripada orang Melayu (*Sunday Monitor*, 21 Ogos 1983). Lee sekali lagi menegaskan pandangannya tentang kedaifan intelek orang Melayu berbanding orang Cina dalam satu wawancara dengan *International Herald Tribune* pada bulan Jun 1992 apabila beliau mendakwa orang Melayu tidak akan dapat menandingi orang Cina dalam Matematik dan terdapat perbezaan dalam keupayaan belajar antara kedua-dua kaum itu (M. Richardson, *ST*, 26 Jun 1992).

Penolakan orang ramai terhadap Dasar Siswazah Ibu dikatakan menjadi faktor utama mengapa sokongan undi[51] untuk kerajaan PAP dalam pilihan raya 1984 jatuh mendadak (Singh, 1992a). Disebabkan tekanan orang ramai yang kuat itu, dasar itu akhirnya diabaikan begitu sahaja pada tahun 1985. Namun begitu, kematian rasminya tidak bermakna tamatnya usaha untuk merealisasikan kepercayaan eugenik kepimpinan PAP ke dalam dasar awam. Penyusunan sosial dan dasar berasaskan eugenik yang lebih tersembunyi seperti sistem aliran sejak awal persekolahan, GEP dan dasar penduduk dan imigresen berasaskan etnik mula muncul sejak itu.

Sektor Pengajian Tinggi 'Bermeritokrasi'

Kelayakan kemasukan ke institusi pengajian tinggi juga dirangka menurut keutamaan penyusunan sosial dan kecenderungan politik kepimpinan PAP. Contoh ketara dasar pelajaran yang berlandaskan agenda penyusunan sosial PAP ialah kuota yang mengehadkan bilangan kemasukan pelajar perempuan ke dalam Fakulti Perubatan di Universiti Nasional Singapura kepada hanya satu per tiga daripada jumlah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pendaftaran. Kuota ini nampaknya berasaskan kepada andaian bahawa selepas berumah tangga, doktor wanita tidak lagi bebas untuk diberikan tugas sepertimana doktor lelaki (*ST*, 27 Jun 1986). Hingga kini, tidak ada kajian mendalam yang dikemukakan untuk menyokong dasar yang mengehadkan kemasukan pelajar perempuan ke dalam Fakulti Perubatan dan menghalang pemohon perempuan daripada bersaing dengan pelajar lelaki dari segi merit.

Risau akan ketidakseimbangan jantina di Universiti Nasional Singapura, kerajaan merasakan sesuai untuk mengubah dasar kemasukan supaya lebih ramai pelajar lelaki dapat masuk dengan mudah bagi 'membetulkan' ketidakseimbangan jantina itu.[52] Bagi tahun akademik 1986/7, kriteria kemasukan ke universiti tidak mementingkan kelayakan bahasa supaya bilangan pemohon lelaki akan meningkat. Selain itu, penekanan yang diberikan kepada mata pelajaran Kertas Am dikurangkan daripada dua belas kepada lapan mata (Mannarlingham, 1989: 11). Seperti kuota pelajar perempuan di Fakulti Perubatan, perubahan dalam kelayakan bahasa adalah berdasarkan kepada andaian bahawa perempuan mempunyai kebolehan semula jadi dalam bahasa berbanding lelaki (*ST*, 11 November 1983), walaupun tiada bukti saintifik yang sahih yang menyokong usul ini. Hujah yang menyokong dasar mengatakan bahawa bilangan pelajar pengajian tinggi yang seimbang dari segi jantina dapat membantu menangani masalah siswazah wanita tidak berkahwin (*ST*, 20 November 1983) dan kemerosotan bilangan orang yang pintar.

Untuk membantu anak-anak ekspatriat Singapura yang 'bijak' yang tinggal bertahun-tahun di luar negeri mendaftar di Universiti Nasional Singapura, syarat kelayakan bahasa kedua dikecualikan untuk mereka (*ST WOE*, 3 Julai 1993). Mereka juga dikecualikan daripada belajar bahasa Mandarin di sekolah rendah dan menengah (*ST WOE*, 2 Disember 1995). Semasa pembelajaran dan kemahiran dalam bahasa Mandarin begitu digalakkan ke atas pelajar Cina, pengecualian ini ialah satu lagi cara untuk memberi peluang kepada masyarakat ekspatriat Singapura yang berpendidikan tinggi dan 'bijak' ini untuk akhirnya kembali ke Singapura dan bukannya berhijrah ke luar negeri disebabkan anak mereka yang tidak dapat menguasai bahasa Mandarin.

Kuota jantina di Fakulti Perubatan samalah juga dengan kuota 12 peratus setahun bagi pendaftaran pelajar India di Fakulti Undang-Undang di Universiti Nasional Singapura. Akan tetapi, tidak seperti kuota di Fakulti Perubatan, kuota bagi pelajar India di Fakulti Undang-Undang bukannya satu dasar rasmi. Dalam hubungan yang tegang antara kepimpinan PAP dengan pengerusi Parti Pekerja yang berbangsa India,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

J.B Jeyaratnam, dan ejekan Lee Kuan Yew yang mengatakan orang India suka 'bergaduh' (cf. S. Selvan, 1990: 239), pengisytiharan rasmi kuota perkauman boleh menyebabkan orang ramai membuat spekulasi tentang motif politik di sebaliknya.[53]

Meskipun kerajaan melaung-laungkan retorik meritokrasi bahawa prasyarat akademik adalah satu-satunya kriteria penerimaan untuk memasuki institusi pengajian tinggi, sesetengah rakyat Singapura telahpun memperoleh bantuan 'tindakan yang dibenarkan' untuk mendapatkan tempat di universiti. Banyak tempat dikhaskan untuk pegawai SAF (Angkatan Bersenjata Singapura) di Universiti Nasional Singapura; manakala sejak tahun 1992, Politeknik Singapura memperuntukkan 200 tempat setiap tahun untuk pelajar 'dewasa' yang mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan atau latihan vokasional, (*ST*, 2 Ogos 1990). Politeknik Ngee Ann memperkenalkan skim kemasukan istimewa bagi atlet terkemuka di bawah naungan Skim Kemasukan Majlis Sukan-Sukan Singapura pada tahun 1991. Dengan kelayakan kemasukan yang minimum, penerima anugerah atau sesiapa sahaja dalam kategori ini tidak perlu bersaing dengan lepasan sekolah untuk diterima masuk ke institusi pengajian tinggi yang tersebut di atas.

Kuota juga ditentukan untuk pelajar ASEAN yang merupakan 17 peratus daripada jumlah pelajar di NTU (Universiti Teknologi Nanyang) (*ST WOE,* 8 Jun 1991) dan 14 peratus daripada jumlah pelajar Universiti Nasional Singapura. Program pelajar ASEAN dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi kerajaan PAP bagi menarik orang 'bijak pandai' ke pulau itu untuk diseimbangkan dengan bilangan rakyat Singapura yang agak tinggi yang berhijrah ke negara lain dan kadar kelahiran negara yang rendah. Kepimpinan PAP juga mempertahankan program itu dengan alasan ia dapat merapatkan hubungan dengan negara jiran ASEAN. Sebagaimana termaktub dalam manifesto *Singapore: The Next Lap* (Government of Singapore: 1991: 51) 'Kita mesti sedar akan kewujudan dunia luar, terutamanya jiran kita dalam ASEAN. Kita mesti mengenali mereka, sebagai individu dan juga sebagai negara. Kita mesti membina 'jambatan' yang menghubungkan sesama kita'. Dengan mengambil kira dasar penduduk oleh kerajaan PAP untuk memastikan bilangan penduduk Cina mengatasi bangsa lain, yang secara kiasan dirujuk sebagai 'mengekalkan imbangan kaum', bilangan etnik Cina yang ramai di kalangan pelajar ASEAN (Mannarlingham, 1989) nampaknya menaikkan semangat kerajaan PAP dalam melaksanakan program itu. Bagi mewajarkan program pelajar ASEAN itu, Menteri Pelajaran, Tay Eng Soon (ibid., 1989: 14), menyatakan bahawa 'jika kita dapat menarik mereka ke pulau kita,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kalau boleh untuk selama-lamanya, mereka yang layak belajar di universiti, yang budayanya tidak begitu berbeza daripada budaya kita, yang akan terus tinggal bersama-sama kita dan menjadi sebahagian daripada penduduk dan ekonomi kita, maka kitalah yang beruntung jika kita membenarkan mereka belajar di institusi pengajian tinggi kita'.[54]

Berhadapan dengan keengganan orang ramai menyatakan pendapat mereka tentang bilangan pelajar ASEAN yang ramai yang dilihat sebagai mengambil tempat rakyat Singapura di institusi pengajian tinggi,[55] kepimpinan PAP berhujah bahawa manfaat yang diperoleh daripada penerimaan masuk pelajar ASEAN bukan sahaja dari segi kepentingan jangka panjang ekonomi Singapura, tetapi juga sebagai cara menyuntik kekayaan dan kepelbagaian budaya ke dalam institusi tempatan (*ST*, 15 Julai 1991). Namun begitu, dakwaan tentang suntikan kekayaan budaya bercanggah dengan kenyataan yang dibuat sebelumnya oleh Menteri Pelajaran tentang persamaan budaya pelajar ASEAN dengan budaya rakyat Singapura, di mana sebahagian besar pelajar ASEAN ialah etnik Cina dan oleh itu budayanya pastilah sama dengan budaya Cina Singapura. Kesamaan budaya ini disokong oleh kajian Mannarlingham (1989: 88) yang mendapati bahawa pelajar Singapura di Universiti Nasional Singapura pada umumnya tidak dapat membezakan antara pelajar ASEAN dengan orang mereka sendiri. Beliau mencadangkan sekiranya kerajaan benar-benar komited untuk menyuntik kepelbagaian dan kekayaan budaya ke dalam institusi pengajian tinggi, maka menambahkan bilangan etnik minoriti Singapura, yang kini begitu sedikit bilangannya di institusi pengajian tinggi, merupakan pendekatan yang lebih bijaksana. Tujuan ini boleh dicapai dengan mengurangkan bilangan pengambilan pelajar ASEAN dan mengambil langkah tindakan yang dibenarkan[56] yang telah ada sebelum ini, yang menjamin nisbah minoriti etnik di pusat pengajian tinggi (ibid.).[57] Langkah tersebut tidak sahaja meningkatkan kepelbagaian budaya di institusi pengajian tinggi, tetapi juga melenyapkan ketegangan etnik yang berpunca daripada bilangan etnik minoriti yang sedikit di pusat pengajian tinggi.

* * *

Terdapat tanda-tanda yang jelas bagi kecenderungan mengasing-asingkan pelajar daripada masyarakat etnik yang berlainan, terutamanya di peringkat prasekolah, di sekolah SAP, dan sekolah biasa.[58] Fenomena ini ialah akibat langsung daripada usaha yang bersungguh-sungguh untuk

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

menggalakkan bahasa Mandarin di sekolah, biasanya dengan mengorbankan dan merendahkan taraf 'bahasa ibunda' yang lain.[59] Jika dibiarkan berakar umbi, arus ini akan menyerupai sistem pelajaran zaman penjajah yang, menurut Turnbull (1977: 121), meluaskan jurang sosioekonomi antara masyarakat berlainan kelas dan etnik, serta menekankan perbezaan etnik, budaya dan bahasa.

Dasar, kurikulum dan nilai pelajaran yang giat digalakkan dalam sistem pelajaran cenderung bersifat individualistik, berhierarki, autoritarian dan elitis. Nilai ini berguna untuk memupuk toleransi yang tinggi terhadap hierarki sosial. Ia boleh mengancam struktur sosial berbilang kaum yang rumit di Singapura dan penggalakan etos demokrasi yang menjurus kepada prinsip keadilan dan kesaksamaan sosial.

Dalam sistem pelajaran yang kononnya bermeritokrasi, banyak dasar yang berasaskan tindakan yang dibenarkan, yang berat sebelah dari segi jantina dan bahasa, telah dilaksanakan. Walaupun begitu, langkah yang dibenarkan atau program pengganti yang bertujuan untuk mengatasi kekurangan bilangan etnik minoriti di pusat pengajian tinggi mungkin tidak diberikan perhatian yang serius.

Ketidakadilan terhadap kumpulan tertentu dari segi pelajaran menunjukkan kecacatan dalam hegemoni PAP. Terdapat tanda-tanda bahawa kecacatan ini kian meluas apabila semakin ramai rakyat Singapura mempersoalkan pempolitikan sistem pelajaran, kesahihan usaha elitis dan eugenik seperti sistem aliran sejak awal persekolahan, sekolah SAP dan kesannya ke atas kepentingan jangka panjang negara sebagai sebuah masyarakat berbilang kaum.

1. Ini merujuk kepada usaha disengajakan untuk memupuk nilai dan kepercayaan sebagai kebenaran. Ia sering dikaitkan dengan negara autoritarian di mana pendapat yang menentangnya tidak diberikan kebebasan.

2. Merujuk kepada pengetahuan tentang keutamaan yang berasaskan nilai yang lebih diserlahkan di sekolah. Nilai disampaikan seolah-olah ianya fakta, terutamanya apabila ia mempunyai kaitan dengan nilai dominan dalam masyarakat. Nilai biasanya termasuklah hubungan autoritarian antara guru dengan pelajar, taat kepada guru tanpa banyak soal, dan keadaan sekolah di mana pelajar tidak mempunyai banyak kuasa.

3. Pembelajaran politik dilakukan secara terbuka dan pelbagai pilihan politik dibincangkan untuk menyedarkan masyarakat dan memupuk naluri demokrasi melalui pengalaman demokrasi di sekolah. Pelajar digalakkan melibatkan diri dalam proses membuat keputusan di sekolah.

4. 'Kurikulum tersembunyi' dirujuk sebagai aspek persekolahan yang bukan akademik tetapi penting dari segi pendidikan, yang wujud tetapi tidak dijadikan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

eksplisit (Vallance, 1983: 10). Contohnya, perbezaan kuasa dalam hubungan guru dan pelajar yang mencerminkan kehidupan masyarakat yang diinstitusikan. Kanak-kanak belajar untuk berhubungan dan berurusan dengan pihak berkuasa berasaskan sosialisasi mereka di sekolah.

5. Ikrarnya adalah seperti berikut 'Kami, rakyat Singapura, sebagai rakyat yang bersatu, tanpa mengira kaum, bahasa atau agama, berikrar untuk membina masyarakat demokrasi yang berasaskan keadilan dan kesamaan, demi mencapai kebahagiaan, kemakmuran dan kemajuan untuk negara kita'.

6. Pelajar di sekolah elit biasanya diberikan kurikulum yang lebih luas dan suasana persekolahan yang kurang autoritarian yang menyediakan pelajar untuk memikul tanggungjawab kepimpinan dalam masyarakat pada masa akan datang. Mereka biasanya diberikan lebih banyak peluang untuk memegang kuasa, memikul tanggungjawab dan mempunyai keyakinan diri (Harber, 1991: 251). Hal ini lebih ketara dalam kurikulum dan aktiviti khas yang diberikan.kepada pelajar GEP, SAP dan sekolah persendirian di Singapura.

7. Pelajar mempunyai pilihan untuk belajar salah satu daripada agama dan falsafah utama seperti Kristian, Islam, agama Buddha, Hindu, Sikh, etika Konfusius dan mata pelajaran agama-agama dunia.

8. Program Pendidikan Moral diperkenalkan pada tahun 1966 dengan tujuan untuk menanam dalam diri pelajar tanggungjawab sosial dan sivik, kesetiaan dan patriotisme. Pada tahun 1974, program Pendidikan Moral yang dikenali sebagai 'Pendidikan Kemahiran Hidup' diperkenalkan di sekolah rendah dan dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran Sivik, Sejarah dan Geografi. Pada tahun 1981, program Pendidikan Moral 'Warga Contoh' serta 'Kini dan Akan Datang' diperkenalkan di sekolah rendah dan menengah.

9. Sejak sekian lama, kerajaan taasub dengan perbincangan tentang melindungi rakyat Singapura daripada nilai Barat yang merosakkan akhlak. Penggalakkan nilai Asia dan Konfusianisme juga diwajarkan atas alasan ia boleh dijadikan pelindung daripada pengaruh negatif Barat.

10. Ibubapa dan pemimpin masyarakat yang beragama Islam telah banyak kali mencadangkan supaya kerajaan mengekalkan pelajaran Pengetahuan Agama Islam dalam sistem sekolah (*Berita Harian*, 19 April 1989; *ST*, 20 April 1989).

11. Sesetengah daripada mereka mempunyai hubungan rapat dengan pihak pembangkang, iaitu Parti Pekerja. Dalam bulan April 1987, empat orang Melayu ditahan di bawah ISA atas tuduhan mencetuskan kekacauan dengan menyebarkan khabar angin kononnya akan berlaku rusuhan kaum pada 13 Mei, iaitu ulang tahun rusuhan kaum di Malaysia (*ST*, 4 Jun 1987).

12. Bukti untuk menyokong tuduhan kerajaan tentang konspirasi ala Marxisme yang didalangi oleh bekas pemimpin pelajar Tan Wah Piow tidak mempunyai hujah yang konkrit selain pengakuan tertuduh secara terbuka di televisyen yang masih di bawah tahanan ISA.

13. Konfusianisme menggalakkan konsep kerajaan yang diperintah oleh orang yang baik, yang mempunyai kewajipan untuk melakukan perkara yang betul untuk orang di bawah pemerintahannya, dan sebagai balasan, mereka dipercayai dan dihormati. Lee Kuan Yew (*Sunday Times*, 12 Januari 1989) percaya bahawa konsep kerajaan seperti ini lebih sesuai untuk Singapura berbanding konsep Barat tentang hubungan kerajaan/rakyat yang memberi kerajaan 'kuasa sesedikit mungkin, dan sentiasa dicurigai melainkan terbukti sebaliknya'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

14. S. Rajaratnam menyatakan bahawa pada masa itu, sikap utama yang digalakkan oleh kerajaan adalah berdasarkan kepercayaan bahawa 'mengetahui hala tuju anda lebih penting daripada mengetahui dari mana anda datang' (1983: 31). Kepimpinan PAP pada masa itu juga percaya bahawa usaha membongkar sejarah Singapura akan hanya membawa kepada perpecahan kaum yang akan menyemarakkan jati diri etnik dan konflik perkauman (Rajaratnam, 1984: 5).

15. Sejarah tidak diajarkan kepada pelajar sekolah rendah sejak 1968 dan dikecualikan dari peperiksaan PLSE sejak 1972. Sejak 1975, Sejarah dimasukkan ke dalam mata pelajaran yang tidak ada peperiksaan, iaitu 'Pendidikan Kemahiran Hidup'. Apabila mata pelajaran ini dimansuhkan pada tahun 1979, Sejarah dan Geografi diletakkan di bawah mata pelajaran baru yang dinamai 'Pengajian Sosial'.

16. Mata pelajaran yang dianggap lebih 'relevan' dan lebih tinggi tarafnya ialah Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan mata pelajaran teknikal.

17. Tidak ada seorangpun orang Melayu di kalangan ramai ahli Pasukan Projek Sejarah Menengah Rendah.

18. Ketika Raffles mula-mula menjejakkan kakinya di pulau itu, beliau menulis bahawa 'sejarah kota lama dan pertahanannya masih dapat dikesan....' dan makam raja-raja Melayu terletak berhampiran dengan tempat semayamnya (dipetik dari Lim, 1991: 8). Pada tahun 1822, Residen British Crawfurd (1967: 44-5) menulis bahawa sebahagian besar lereng utara dan barat Forbidden Hill (kini disebut sebagai Fort Canning) diliputi runtuhan asas binaan yang diperbuat daripada bata bermutu tinggi. Crawfurd juga mencatatkan kewujudan batu bersurat di muara Sungai Singapura. Tulisan pada batu bersurat itu menceritakan kisah Majapahit yang memperingati penaklukan dan serangannya ke atas Temasek menjelang abad keempat belas. Pada tahun 1928, pekerja yang sedang mengorek sebahagian daripada Fort Canning menemui barang perhiasan purba seperti gelang tangan emas yang besar, cincin emas, enam set cincin berserta sebelas berlian dan barangan lain (Lim 1991: 7). Pada tahun 1984, ahli arkeologi John Miksic menemui banyak barang perhiasan purba abad kelima belas yang berharga di Fort Canning.

19. Ramai orang bukan Melayu mencadangkan supaya diadakan sambutan kebangsaan dan hari cuti awam sempena memperingati hari S. Raffles mendarat di Singapura (*ST*, 13 Januari 1989; *ST*, 30 Januari 1989).

20. Untuk mengetahui secara mendalam sifat Raffles, sila rujuk karya S. H. Alatas, *Thomas Stamford Raffles: Reformer or Schemer*, 1971.

21. Menteri Luar Negeri pada masa itu, S. Rajaratnam, dalam ucapannya kepada mahasiswa di Singapura pada tahun 1984 mengatakan, 'Singapura tiada sejarah untuk diperkatakan. Kita boleh menunjukkan tugu Raffles. Saya boleh beritahu rakyat apa yang telah kita capai. Esok? MRT (Mass Rapid Transit System). Semalam? Mungkin, Lee Kuan Yew. Itulah sahaja' (dipetik dari *FEER*, 18 Oktober 1984: 51).

22. Seperti yang dibincangkan dalam Bab 6, Presiden Israel telah dijemput melawat Singapura pada tahun 1978 walaupun ditentang hebat oleh orang Melayu Islam di Singapura dan di negara-negara jiran.

23. Pulau Batu Putih terletak di pintu masuk timur Selat Singapura. Pada tahun 1979, kerajaan Malaysia mengeluarkan peta yang menunjukkan kedudukan rumah api dalam perairan Malaysia (*ST*, 20 September 1991).

24. Merujuk kepada Sejarah Sosial dan Ekonomi Singapura yang dikembangkan oleh Institut Pembangunan Kurikulum Singapura bagi pelajar menengah rendah (Singapore: Longman, 1992).

25. Tinjauan New Paper pada tahun 1996 menunjukkan bahawa ramai golongan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

muda Singapura jahil tentang fakta sejarah yang asas seperti bila negara itu mencapai kemerdekaan dan mengapa ia berpisah daripada Malaysia (*ST WOE*, 27 Julai 1996).

26. Kuota bilangan masyarakat Cina yang membentuk 76 peratus daripada penduduk Singapura ialah 80 peratus. Orang Melayu yang membentuk 15 peratus daripada jumlah penduduk diberikan kuota 22 peratus dalam semua kawasan dan kuota 25 peratus bagi setiap blok pangsapuri. Orang Cina tidak dibenarkan menjual rumah pangsanya kepada orang Melayu di kawasan di mana kuotanya telah dipenuhi. Sebelum kuota ini dikuatkuasakan, orang Melayu banyak berpusat di kawasan Bedok yang terletak di pantai timur Singapura. Dari segi undi, prestasi PAP tidak begitu baik di kawasan yang terdapat ramai orang Melayu.

27. Mereka dipuji secara terbuka kerana mencadangkan kuota untuk pelajar Melayu di sekolah (*ST*, 30 Disember 1986).

28. Skim keutamaan pendaftaran sekolah yang mengutamakan kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa atau adik-beradik di sekolah tertentu menyebabkan pemusatan pelajar Melayu di sesebuah sekolah. Hubungan sejarah yang tidak erat antara orang Melayu dengan sekolah mubaligh Kistian yang banyak, yang sering mengutamakan pendaftaran pemohon yang ibu bapanya mempunyai hubungan dengan sekolah itu, ditambah juga dengan faktor yang disebutkan di atas, pada umumnya membanyakkan lagi bilangan pelajar Melayu di sekolah kerajaan yang kurang berprestij. Selama beberapa tahun, skim keutamaan pendaftaran dikaitkan dengan dasar penduduk yang menggalakkan keluarga yang kecil dan siswazah ibu. Dasar itu merugikan orang Melayu kerana mereka biasanya mempunyai keluarga yang besar dan kurang berpelajaran dibandingkan dengan orang bukan Melayu. Pelajar Melayu juga tidak dapat masuk sekolah yang hanya mengajar bahasa Inggeris dan Mandarin dalam kelas prasekolahnya. Peluang kemasukan ke sekolah SAP yang berprestij juga tidak mungkin ada kerana semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Mandarin dan Inggeris (*ST*, 20 Oktober 1986). Pemusatan pelajar Melayu di sekolah tertentu juga boleh dijelaskan dari segi kecenderungan masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang mempunyai sejarah pelajar dan guru/pengetua Melayu, dan nama sekolah adalah dalam bahasa Melayu atau Inggeris dan bukannya dalam bahasa Mandarin. Contohnya, dalam pertengahan tahun 1980-an, 43 peratus daripada jumlah pelajar di Sekolah Rendah Bedok West dan 50 peratus daripada jumlah pelajar di Sekolah Rendah Telok Kurau ialah pelajar Melayu (*ST*, 1 September 1987). Pelajar Melayu juga ramai terdapat di sekolah yang terletak berhampiran di dalam atau berhampiran kawasan yang ramai penduduk Melayu.

29. Dalam melaksanakan usul dalam Laporan Goh, mata pelajaran bahasa dijadikan dua kali ganda lebih penting dalam PSLE. Markah untuk bahasa Inggeris dan 'bahasa ibunda' adalah dua kali ganda markah Matematik dan Sains (*ST*, Januari 1983). Oleh itu, pelajar yang mendapat gred 'A' untuk Matematik dan gred 'D' untuk salah satu bahasa akan dimasukkan ke dalam aliran biasa (*ST*, 6 Mac 1981). Lulus dalam 'bahasa ibunda' menjadi syarat untuk memasuki sekolah menengah. Minimum gred 'D7' dalam 'bahasa ibunda' adalah perlu untuk mendaftar di kolej rendah prauniversiti sejak tahun 1980. Di peringkat universiti, pelajar yang tidak lulus bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua (CL2) dalam peperiksaan 'A' Level perlu mengikuti program bahasa Cina di kampus dan perlu lulus satu peperiksaan kefasihan bahasa Cina sebelum menamatkan pengajian mereka (*ST*, 18 Januari 1984).

30. Sejak 1966, semua pelajar Tingkatan 1 dikehendaki belajar bahasa kedua. Ia ditawarkan sebagai mata pelajaran peperiksaan GCE 'O' Level pada tahun 1969 (*ST*, 9 Mei 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

31. Ramai pelajar Cina belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sebelum dasar tahun 1981 diperkenalkan.

32. Namun begitu, dialek seperti Hokkien dan Kantonis digunakan dengan meluas di wilayah selatan negeri China di mana rakyat Singapura digalakkan melabur.

33. Bahasa Inggeris dianggap, dari segi kegunaan, sebagai bahasa pemodenan dan teknologi manakala 'bahasa ibunda' ialah bahasa untuk menyalurkan nilai dan prinsip budaya yang positif.

34. Kementerian Pelajaran mengisytiharkan bahawa pada tahun 1991, sebanyak 66.7 peratus daripada kemasukan baru ke sekolah rendah ialah kanak-kanak yang ibu bapanya bercakap bahasa Mandarin dengan anak-anak mereka di rumah. Ini merupakan kenaikan dari 25.9 peratus pada permulaan kempen bahasa Mandarin pada tahun 1979 (*ST*, 9 Mei 1992). Pada hari ini puratanya, 33 peratus daripada 2 juta penonton televisyen di Singapura yang berumur lima belas tahun ke atas menonton berita SBC dalam bahasa Mandarin. Ini ialah dua kali ganda bilangan penonton berita bahasa Inggeris, iaitu 14 peratus (ibid.).

35. Lee Kuan Yew menyeru supaya menjadikan bahasa Mandarin 'untuk orang Cina di Singapura sebagaimana bahasa Melayu untuk orang Melayu, iaitu dituturkan, difahami dan dibaca dengan meluas' (*ST*, 18 Mei 1992).

36. Isu baru ini menyinggung perasaan golongan minoriti dan juga orang Cina yang tidak berbahasa Mandarin. Strategi kempennya yang agresif juga dikritik kerana memecah-belahkan masyarakat majmuk Singapura. Keresahan ini langsung tidak dipedulikan oleh kepimpinan PAP kerana kempen bahasa Mandarin 1992 tetap diteruskan dengan tema 'Jika anda orang Cina, bercakaplah dalam bahasa Mandarin'. Sebagai sebahagian daripada kempen bahasa Mandarin, Telecom memberikan perkhidmatan laluan bebas tol dial-dan-belajar dalam bulan September. Peraduan ratu cantik Miss Chinatown melancarkan kempen itu. Sudah tentunya terhad kepada calon Cina sahaja, peserta akhir perlu menjawab soalan tentang budaya dan nilai sosial orang Cina dalam bahasa Mandarin (*ST*, 29 Ogos 1990).

37. Golongan kelas pertengahan berpendidikan Inggeris dianggap oleh kepimpinan PAP sebagai terlalu kebaratan dan taasub dengan tuntutan liberalisasi. Mereka dikritik sebagai orang Barat celup yang lupa asal usul budaya Asia.

38. Lee Kuan Yew (*Asia Magazine*, 30 November 1986) mendakwa bahawa Singapura boleh mencapai kejayaan ekonomi yang lebih tinggi jika ia terdiri daripada etnik homogen (iaitu lebih ramai orang Cina).

39. Akan tetapi, Singh (1992a: 145-6) berpendapat bahawa tawaran kepada persatuan suku kaum untuk mengendalikan enam hingga dua belas sekolah juga merupakan cara untuk meredakan kebimbangan elit berpendidikan Cina tentang peluang yang makin sempit untuk mengajar bahasa Mandarin.

40. CLRC juga termasuklah sekumpulan dua puluh dua orang ahli akademik berpendidikan Inggeris dan Cina, Ahli Parlimen, ibu bapa dan pengetua.

41. Perubahan yang sama pada GCE 'O' Level dijangka akan dibuat pada masa depan. Pengalihan tumpuan daripada ujian bertulis ialah cara untuk mengurangkan pembelajaran melalui penghafalan dan merupakan cubaan untuk menjadikan peperiksaan suatu pengalaman yang tidak mencemaskan. Namun begitu, inilah masalah yang wujud dalam pengajian semua mata pelajaran.

42. Harun Abdul Ghani (Ahli Parlimen, Hong Kah) menyeru supaya masjid tidak sekadar mengajar ilmu agama, tetapi juga memberikan kursus bahasa Mandarin (*ST*, 21 Mei 1992).

43. Dalam keluarga yang pendapatan isi rumahnya berjumlah $10,000 sebulan atau

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

lebih, lebih daripada separuh bertutur bahasa Inggeris. Sebaliknya, dalam keluarga yang berpendapatan $999 atau kurang, hanya 8 peratus bertutur bahasa Inggeris (*ST WOE*, 1 Mei 1993).

44. Hanya dua buah tadika PAP, PA dan NTUC menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar tambahan.

45. Penggunaan bahasa Tamil dan Melayu yang terhad di tadika mendorong masyarakat Melayu dan India menubuhkan tadika yang mengajar 'bahasa ibunda' mereka. Misi Ramakhrishna, dengan bantuan kewangan daripada SINDA, akan membuka tadika yang mengajar bahasa Tamil sebagai bahasa kedua dan Inggeris sebagai bahasa pengantar (*Sunday Times,* 7 Jun 1992). Tadika Jamiyah yang dikendalikan orang Islam semakin popular dalam masyarakat Melayu kerana ia mengajar bahasa Melayu.

46. Namun demikian, menjelang lewat tahun 1980-an, dasar yang merugikan pelajar dari keluarga besar dan menguntungkan mereka yang datang dari keluarga kecil diterbalikkan apabila dasar mengehadkan kadar kelahiran didapati begitu berjaya hinggakan kadar kelahiran bayi mula jatuh di bawah tahap penggantian penduduk. Sejak 1988, kanak-kanak dari keluarga yang anaknya melebihi tiga orang atau lebih diberikan keutamaan apabila memohon masuk ke Darjah 1 (*ST,* 4 Julai 1987). Setelah dikritik hebat oleh orang ramai kerana dasar penduduk yang penyusunan sosialnya sentiasa berubah-ubah, hubungan antara memberi keutamaan persekolahan dengan bilangan anak dalam keluarga dikurangkan pada tahun 1992.

47. Dalam ucapannya pada Hari Kebangsaan 1993, Lee Kuan Yew meluahkan kebimbangannya akan kadar kesuburan yang rendah di kalangan siswazah wanita. Beliau mendakwa jika arus ini berterusan, maka masyarakat berbaka bijak di Singapura akan berkurangan. Ini akan melemahkan ekonomi negara (*ST,* 15 Ogos 1983).

48. Wang itu akan dikreditkan ke dalam akaun CPF dan boleh dikeluarkan apabila mereka mencapai usia lima puluh lima tahun (*ST*, 3 Jun 1984).

49. Bukti 'saintifik' yang diutarakan oleh penyokong wacana eugenik seperti Cyril Burt dan Arthur Jensen telah dipersoalkan kerana dipalsukan (Lewontin et al., 1984).

50. Seperti orang awam, *Catholic News* turut mengecam dasar itu manakala 500 mahasiswa Institut Teknikal Nanyang menandatangani petisyen mengutuk dasar tersebut (Gopinathan, 1991: 286).

51. PAP hilang 12.6 peratus undi kepada parti pembangkang dan ahli pembangkang Chiam See Tong (SDP) beroleh kemenangan.

52. Sejak tahun 1983, pendaftaran pelajar perempuan lebih tinggi daripada pelajar lelaki (Mannarlingham, 1989).

53. Pada tahun 1985, Lee menggambarkan orang Cina di Parlimen sebagai 'orang yang praktikal kerana budaya mereka mengatakan bahawa pergaduhan boleh membawa bencana. Saya pernah mengatakannya beberapa kali sebelum ini bahawa nisbah masyarakat Singapura berbeza-beza, iaitu jika orang India sebanyak 75 peratus, Melayu 15 peratus dan bakinya orang Cina, Singapura tidak akan maju. Kerana mereka percayakan politik pertelingkahan, politik membangkang' (Selvan, 1990: 239).

54. Satu lagi langkah pelajaran untuk menarik 'bijak pandai' dari rantau ini datang ke Singapura ialah Biasiswa Mahasiswa Goh Keng Swee. Dimulakan pada tahun 1994, satu atau dua biasiswa diberikan kepada pelajar dari rantau ini untuk belajar di Singapura. Setelah menerima ijazah, mereka dikehendaki bekerja di Singapura untuk tempoh tertentu. Jika mereka membuat keputusan untuk pulang ke negara asal mereka

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

setelah tamat kontrak, pengalaman mereka ketika tinggal di Singapura diharap akan membolehkan mereka menjalinkan hubungan perniagaan yang baik antara Singapura dengan negara asal mereka (*ST WOE*, 26 Jun 1993).

55. Kebimbangan ini disuarakan oleh pemimpin masyarakat dalam sesi Maklum Balas dalam bulan Julai 1991 (*ST WOE*, 15 Julai 1991).

56. Seperti yang dijelaskan di atas, kerajaan PAP telah banyak kali mengorbankan prinsip merit dalam sektor pelajaran untuk disesuaikan dengan kepentingan politiknya yang tidak terbatas.

57. Untuk tidak menjatuhkan standard akademik, pemohon etnik minoriti yang tidak mencapai mata agregat bagi tahun-tahun tertentu perlu memenuhi kelayakan kemasukan yang minimum. Mannarlingham (1989: 64) mencadangkan supaya pengurangan minimum satu mata agregat dalam kelayakan kemasukan ke institut pengajian tinggi diberikan kepada etnik minoriti sebagai langkah untuk menjaga standard akademik.

58. Pelajar etnik minoriti yang tidak belajar bahasa Mandarin biasanya dipisahkan daripada pelajar yang belajar bahasa Mandarin, kononnya untuk tujuan pentadbiran. Kelas yang kesemua pelajarnya ialah bangsa Cina merupakan suatu yang lumrah di sekolah.

59. Walau di tadika PAP yang mengajar bahasa Melayu dan Tamil sekalipun kanak-kanak Melayu dan India sering diasingkan di dalam bilik darjah yang berlainan, kononnya untuk tujuan pentadbiran.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

9
Memahami Peminggiran Pelajaran Orang Melayu

Peminggiran pelajaran masyarakat Melayu banyak mempengaruhi kedudukan peminggiran sosioekonomi mereka. Kaitan antara taraf sosioekonomi masyarakat (kelas), kefasihan berbahasa Inggeris (modal budaya), dan pencapaian pelajaran akan dikaji dalam bab ini. Juga akan diperiksa respons dan penentangan pelajar Melayu terhadap sistem pelajaran, sikap guru terhadap pelajar Melayu, dan impak dasar pelajaran, terutamanya NEP, ke atas kemajuan pelajaran orang Melayu. Analisis juga ditumpukan pada sama ada peminggiran pelajaran masyarakat Melayu itu ialah satu manifestasi perkauman yang mempunyai pola mengikut kelas yang unik. Juga dihujahkan bahawa amatlah perlu untuk mengambil kira secara serius faktor sejarah, kelas, etnik dan institusi jika mahu memahami dengan jelas serta menanganinya dengan berkesan akan penyakit pelajaran orang Melayu.

Peminggiran Pelajaran Masyarakat Etnik Minoriti

Penjelasan daripada penentuan biologi telah lama digunakan oleh ahli eugenik untuk menerangkan peminggiran masyarakat etnik minoriti. Ahli eugenik (Terman, 1924; Eysenck, 1973) telah merumuskan bahawa kekurangan intelek semula jadi beberapa kelas, masyarakat etnik, dan individu tertentu adalah faktor utama yang menyumbang ke arah kemunduran sosioekonomi dan pelajaran mereka. Begitu juga, taraf kedua golongan wanita dalam tenaga kerja dirasionalkan dari segi 'kelemahan' kebolehan mental dan 'fitrah keibuan semula jadi' mereka. Idea begini diungkapkan dalam wacana ujian IQ, aliran awal persekolahan, serta dalam dasar sekatan penduduk dan imigresen.[1]

Menjelang era pasca-Perang Dunia Kedua, penjelasan penentuan biologi itu telah dicabar secara bersistem oleh penyelidikan psikologi sosial (Myrdall, 1944; Allport, 1954). Tidak lagi memberikan tumpuan pada kelemahan budaya masyarakat etnik minoriti, pendekatan



penyelidikan baru itu mengkaji sikap dan kepercayaan masyarakat etnik dominan yang membendung peluang hidup sosioekonomi minoriti. Berdasarkan penyelidikan Myrdall dan Allport, ahli sosiologi seperti Jencks (1972) mengaitkan hubungan antara ketidaksamaan prestasi sekolah dengan ketidaksamaan konteks sosial, dan mempersoalkan kewibawaan ujian IQ. Hubungan secara langsung struktur antara kaum, kelas, dan genus yang berasaskan 'pencapaian rendah', amat bercanggah dengan perspektif konservatif yang memandang semua faktor tersebut sebagai fenomena yang berasingan. Ramai ahli pendidikan (Bowles dan Gintis, 1977; Apple, 1979; Dale, 1989) berterusan mencabar pendapat bahawa pencapaian (rendah) akademik bergantung pada bakat semula jadi, yang berpunca daripada aspek fitrah semula jadi, dalam perbahasan antara fitrah dengan didikan. Mereka telah mengkaji dengan teliti dan menuding pada faktor institusi seperti penjurusan awal, pengagihan sumber ke sekolah berlainan, perwakilan minoriti di sekolah istimewa, pengajian tinggi dan kurikulum sekolah, perhatian guru, menstereotaip, dan jangkaan untuk menerangkan peminggiran pelajaran etnik minoriti dan pelajar lain yang ketinggalan.

Setelah dengan mudah membuang perspektif penentuan biologi dari era sebelumnya, ramai ahli konservatif (Moynihan, 1965) semenjak itu kelihatan bergantung pada idea ketandusan budaya untuk menjelaskan kelemahan pencapaian pelajaran dan ekonomi etnik minoriti. Dengan menerima pakai perspektif ini, dengan mudah mereka menukar wacana penentuan biologi yang lebih kontroversi itu kepada wacana budaya sebagai alat penjelasan pula (Baker, 1983). Yang penting bahawa perspektif sebegitu membolehkan mereka mengetepikan dinamik kelas, genus dan perkauman di sekolah, terutamanya kepentingan genus dan kurikulum etnik yang berat sebelah dalam pencapaian akademik. Dalam masyarakat seperti di Amerika Syarikat, pencapaian pelajaran orang Asia yang mengagumkan sering dibandingkan dengan masyarakat etnik minoriti yang lain seperti Afrika Amerika untuk mengesahkan idea ketandusan budaya (Sowell, 1981; Nee dan Sanders, 1985). Di Singapura, idea ketandusan budaya sering digunakan untuk menjelaskan peminggiran pelajaran orang Melayu berbanding dengan masyarakat bukan Melayu.

Menjelaskan Penyakit Pelajaran Orang Melayu

Banyak kajian akademik (Djamour, 1965; Bedlington, 1974; Betts, 1975; Syed H. Alatas, 1977) telah menyebut kelemahan dasar pelajaran

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penjajah yang menyebabkan tahap buruk pelajaran dan sosioekonomi masyarakat Melayu semasa zaman penjajah dan pascapenjajah. Pengabaian pihak berkuasa penjajah untuk menyediakan kemudahan pelajaran di Singapura kelihatan dipengaruhi oleh pemikiran sosial Darwin. Dalam nasihatnya kepada Syarikat Hindia Timur betapa tidak perlunya membina kemudahan pelajaran untuk orang Melayu di Singapura, Residen Crawfurd (cf, Turnbull, 1977: 146) jelas mendedahkan sifat perkaumannya: 'Peribumi Singapura belum mencapai tamadun dan ilmu pengetahuan yang melayakkan mereka untuk memanfaatkan sistem pelajaran yang luas.' Apabila akhirnya perkhidmatan pelajaran percuma[2] diberikan kepada masyarakat Melayu,[3] ia hanyalah pelajaran asas dalam pengantar bahasa Melayu. Ini dijustifikasikan mengikut rasional bahawa cara hidup budaya tradisional Melayu perlu dikekalkan. Berpandukan logik ini, pengajian bahasa Inggeris dianggap tidak relevan maka itu dikeluarkan daripada kurikulum, manakala subjek bukan akademik yang berorientasikan kekampungan diberikan tumpuan. Pelaksanaan yang menyeluruh dasar pelajaran penjajah seperti itu untuk golongan Melayu yang ramai di luar bandar malangnya gagal untuk mempersiapkan masyarakat Melayu di bandar Singapura dengan ilmu yang berkesan supaya mereka dapat melibatkan diri dengan dalam masyarakat yang sangat saling bersaing di pulau itu.

Penubuhan Sekolah Singapura Free sebagai sekolah sekular pengantar Melayu yang pertama pada 1834 mempunyai sejarah yang pendek, ditutup selepas satu dekad kerana kurang mendapat sokongan daripada masyarakat Melayu. Pada 1956, dua buah sekolah pengantar Melayu yang dibiayai oleh Sultan Johor dan pihak berkuasa penjajah telah ditubuhkan tetapi menerima nasib yang sama akibat kemerosotan kedatangan pelajar (Zahoor Ahmad, 1969: 3-5). Ramai orang Melayu mengelak daripada mendaftar ke sekolah Melayu atau Inggeris kerana pada umumnya, sekolah tersebut rendah mutunya dan tidak memberikan peluang pekerjaan yang baik (Roff, 1980). Sebaliknya, sesiapa yang menerima pendidikan dari sekolah pondok atau sekolah agama diberikan penghormatan dan disanjung tinggi dalam masyarakat (Zahoor Ahmad, 1969: 5).

Berbanding dengan standard pelajaran yang rendah yang diberikan kepada rakyat Melayu, anak-anak golongan elit feudal Melayu ditawarkan sekolah yang berkaliber tinggi seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Sekolah elit begini digunakan dengan tujuan untuk mendidik orang Melayu ke jawatan pentadbiran dalam perkhidmatan awam penjajah. Bagi menjamin bahawa pelajar itu dapat memenuhi


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

tanggungjawab masa hadapan mereka, maka kurikulum pelajaran yang disediakan kepada mereka adalah yang bermutu tinggi dan lebih komprehensif dibandingkan dengan sekolah yang disediakan untuk rakyat Melayu biasa (Bedlington, 1974: 297).

Sifat sistem pelajaran penjajah yang elitis dan berhierarki sosial itu merugikan Melayu Singapura bersaing dalam masyarakat bandar yang pesat berubah dan berdaya saing itu. Faktor lain seperti kemiskinan di kalangan orang Melayu, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang buruk di seluruh kampong dan pondok, mengelak daripada memasuki sekolah sekular[4] dan sekolah dakwah Kristian kerana takut murtad walaupun memberikan khidmat persekolahan yang baik, semuanya itu telah menyumbang ke arah asas pelajaran yang lemah bagi masyarakat Melayu.[5]

Tahap peminggiran pelajaran masyarakat Melayu selepas 1965 di Singapura telah dijelaskan oleh kerajaan PAP, perwakilan Melayunya dan golongan kelas menengah Melayu, terutamanya dari perspektif ketandusan budaya. Penumpuan pada kelemahan budaya Melayu berguna untuk mengalihkan tumpuan daripada kelemahan sistem pelajaran itu sendiri, serta status peminggiran sosioekonomi Melayu. Dengan meneliti 'masalah' kerana berasaskan budaya dan terutamanya berada dalam masyarakat Melayu itu sendiri, maka mudah sahaja tanggungjawab itu dialihkan daripada kerajaan dan diletakkan ke atas pundak masyarakat Melayu untuk mencari penyelesaian kelemahan yang kononnya dijana dari dalaman. Ini membolehkan kerajaan PAP, ironisnya mengikut tradisi pihak berkuasa penjajah British, untuk menerima pakai dasar pendukung idea kesederhanaan yang mengabaikan masalah pelajaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam dekad 1960-an dan 1970-an pasca-Merdeka.

Kepemimpinan PAP secara tekal telah menggalakkan idea ketandusan budaya, dan tidak kurang juga menggunakan idea penentuan biologi, untuk menjelaskan pencapaian pelajaran yang lemah masyarakat Melayu. Dengan membandingkan kemajuan pelajaran orang Melayu dengan masyarakat dominan Cina, Lee Kuan Yew (*ST*, 29 Mei 1982) dengan bangga mengisytiharkan bahawa keutamaan yang diberikan untuk berjaya dalam peperiksaan adalah sebahagian daripada budaya Cina. Sepuluh tahun kemudian, Lee (*ST*, Jun 1992) secara terbuka menghujahkan bahawa amalan pelajaran perlu berdasarkan perbezaan semula jadi mengikut kemampuan pembelajaran antara kumpulan kaum berbeza. Dengan menghubungkan idea ketandusan budaya dengan yang lebih kontroversi lagi, iaitu penentuan biologi, Lee (ibid.) secara terus terang mengumumkan bahawa kerajaan Singapura telah menerima

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

hakikat bahawa orang Melayu tidak boleh mencapai markah setinggi orang Cina dalam Matematik.

Kurang pengawasan ibu bapa Melayu ke atas anak-anak mereka juga telah disebut oleh pemimpin PAP sebagai sebab-musabab penyakit pelajaran masyarakat itu. Ibu bapa Melayu dipersalahkan kerana tidak memberikan cukup galakan kepada anak-anak mereka untuk belajar (Ahmad Mattar, *ST*, 27 Disember 1982). Begitu juga, Abdullah Tarmugi (*ST*, 4 Mac 1984), Menteri Pembangunan Masyarakat yang ada sekarang (Ahli Parlimen, Siglap GRC) telah menyalahkan ibu bapa Melayu kerana tidak memberikan cukup tumpuan kepada pelajaran anak-anak mereka. Apabila ditanya oleh penulis akan bukti kukuh untuk menyokong pandangan ketandusan budaya beliau dalam temu bual pada 1990, Tarmugi hanya dapat mengemukakan bukti kiasan. Begitulah juga dengan bukti yang disebut oleh Yatiman Yusof (*ST WOE*, 2 Mac 1991) sekadar 'pemerhatian' beliau ketika melakukan lawatan dari rumah ke rumah di dalam kawasan pilihan rayanya, lalu menuduh orang Melayu lebih menitikberatkan kesenangan material dan bukannya pelajaran anak-anak mereka.

Anak-anak yang ramai juga sering disebut sebagai faktor penyumbang kepada prestasi lemah pelajar Melayu. Dalam satu upacara makan malam merayakan dua puluh tahun Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud pada 1985, Goh Chok Tong (*ST*, 25 Ogos 1985), dengan disokong oleh data statistik yang banyak menunjukkan korelasi keluarga besar, kemiskinan, dan prestasi akademik, maka itu mendesak orang Melayu untuk mempunyai keluarga yang kecil demi memperbaik tahap pelajaran mereka. Namun demikian, hujah bahawa keluarga besar menyebabkan kemiskinan bercanggah dengan bukti empirik yang menunjukkan bahawa keluarga besar ialah fenomena kemiskinan dan pelajaran yang rendah. Hubung kait fenomena sosial ini dalam konteks Singapura telah disahkan oleh Banci 1990 yang menunjukkan bahawa purata bilangan anak bagi ibu bapa yang berpendidikan universiti ialah 1.36 berbanding 1.58 bagi yang berpendidikan sekolah menengah, 2.37 bagi yang berpelajaran sekolah rendah dan 4.60 bagi yang tidak berpelajaran (*ST*, 26 Jun 1992). Oleh sebab nisbah bilangan orang Melayu terlalu tinggi dibandingkan dengan orang Cina dalam kategori sosioekonomi terbawah serta mempunyai tahap pelajaran yang di bawah purata negara, justeru tidaklah menghairankan apabila orang Melayu mempunyai keluarga yang besar. Fenomena dan manifestasi deprivasi ekonomi dan bukannya punca utama masalah, kelihatan telah menjadi tumpuan pemerhatian kepemimpinan PAP.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Promosi berterusan idea ketandusan budaya oleh kerajaan PAP telah diterima dengan begitu sahaja oleh golongan guru dalam masyarakat Melayu dan juga bukan Melayu. Pengakuan idea ketandusan budaya yang sentiasa mereka utarakan diberikan liputan luas dalam media. Guru Melayu yang ditemu bual oleh *Straits Times* (23 Jun 1986), Li (1989: 176), dan oleh penulis pada 1990 dan 1992 menerima idea ketandusan budaya yang dominan apabila menjelaskan penyakit pelajaran orang Melayu. Dalam temu bual dengan penulis, mereka sering menyebut masalah itu disebabkan oleh kurangnya pengawasan ibu bapa Melayu dan kurang minat akademik di kalangan remaja Melayu.

Komitmen yang tidak berbelah terhadap idea ketandusan budaya di kalangan kepemimpinan PAP dan golongan ahli politik dan elit berpendidikan di kalangan orang Melayu semakin berterusan walaupun terdapat banyak kajian (Leong, 1978; Salaff, 1988; Laporan Ow, 1992) yang menyarankan bahawa latar belakang sosioekonomi sangat mempengaruhi pencapaian akademik, dan golongan sosial yang mewah mempunyai sikap yang lebih menggalakkan pencapaian tinggi akademik tanpa mengira latar belakang etnik. Kajian Salaff (1988: 89-95) mendapati bahawa ibu bapa Cina yang kurang berpelajaran dan miskin juga kurang mengawasi kerja rumah anak-anak, atau mengikuti perkembangan dasar pelajaran yang terkini. Mereka banyak bergantung pada sekolah untuk membantu anak-anak mereka lulus peperiksaan, dan pada umumnya kurang memberikan sokongan terhadap pelajaran anak-anak mereka. Kajian Salaff disahkan oleh Laporan Ow (1992) yang mendapati bahawa 80 peratus daripada pelajar Cina yang 'lemah' datangnya daripada isi rumah yang mempunyai purata pendapatan $780 sebulan. Serupa dengan pelajar Melayu yang 'lemah', ramai yang tidak mampu membayar yuran tuisyen, bertutur dalam 'bahasa ibunda' di rumah, tidak fasih berbahasa Inggeris, dan mempunyai contoh peranan yang kurang baik. Selain itu, ibu bapa mereka cenderung mempunyai jangkaan yang rendah akan kebolehan akademik anak-anak mereka, tidak berupaya untuk membantu anak-anak dalam pelajaran, sibuk bekerja untuk menyara hidup, dan mempunyai masa lapang yang terhad untuk diluangkan dengan anak-anak mereka. Begitu juga Ganapathy (1988: 1-5) mendapati bahawa ramai ibu bapa India tidak tahu dengan terperinci NEP dan tidak dapat memberikan perhatian yang secukupnya kepada pelajaran anak-anak mereka kerana kedua-dua ibu bapa sibuk dengan kerja sepenuh masa. Masalah dan profil yang sama di kalangan yang berpendapatan rendah tanpa mengira etnik telah diperakui oleh Ketua Perangkawan, Paul Cheung, dalam analisis beliau terhadap Banci Kebangsaan 1990 (*ST,* 28 Julai 1991).[6]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Penggalakan dan Kemudian Kejatuhan Pelajaran Pengantar Melayu

Semasa sebelum dan ketika bergabung dengan Malaysia dari 1959 hingga 1965, kerajaan PAP merasakan ini merupakan keuntungan politik untuk menerima pakai berbagai-bagai langkah bagi memperbaik kedudukan pelajaran masyarakat Melayu. Dasar pelajaran percuma untuk orang Melayu dikekalkan, masyarakat itu juga dijanjikan dengan biasiswa dan peruntukan untuk memperbaik kedudukan mereka di institusi pengajian tinggi. Begitu juga sekolah pengantar Melayu digalakkan dan bahasa Melayu bukan sahaja merupakan Bahasa Kebangsaan di Singapura dan bahasa utama di Malaysia, tetapi juga ditukar secara meluas di rantau itu. Dalam cubaan berintegrasi dengan masyarakat tanah semenanjung dan serantau, semua pelajar Singapura perlu mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dari tahun 1959, semua guru harus lulus sekurang-kurangnya bahasa Melayu Darjah 1 sebelum disahkan sebagai guru.

Bagi menunjukkan lagi komitmennya mempromosi bahasa Melayu, Jawatankuasa Penasihat Pelajaran Melayu ditubuhkan untuk menasihati Menteri Pelajaran berkaitan dengan hal-ehwal pelajaran Melayu (Gopinathan, 1974: 35). Sekolah Menengah Melayu yang pertama (Sang Nila Utama) telah ditubuhkan pada 1961, dan menjelang tahun 1965 wujud tiga belas sekolah menengah Melayu di pulau Singapura.[7] Buat pertama kalinya dalam sejarah pulau itu, wujud kesinambungan dalam pendidikan aliran Melayu dari peringkat sekolah rendah hingga prauniversiti.

Pertumbuhan persekolahan Melayu yang pesat dilaksanakan oleh kerajaan PAP ketika itu menghasilkan peningkatan ketara bilangan pelajar Melayu yang berpendidikan aliran Melayu. Malangnya bagi pelajar aliran Melayu, usaha kerajaan PAP mempromosi pendidikan pengantar Melayu tidak diselaraskan dengan komitmen yang sama untuk menyediakan sokongan institusi dan infrastruktur yang berpatutan bagi menjamin tahap pengajaran yang tinggi di sekolah Melayu. Pertimbangan penting seperti melicinkan peralihan bagi pelajar pendidikan Melayu GCE 'O' Level ke universiti, serta menjamin sumber peluang pekerjaan bagi beribu-ribu remaja Melayu lepasan sekolah menengah Melayu, sama seperti lepasan sekolah Cina dan Inggeris, kelihatan tidak diberikan perhatian yang serius.

Apabila sekolah menengah Melayu yang baru ditubuhkan itu menghadapi kekurangan guru yang berkelayakan, mereka terpaksa bergantung pada guru yang hanya berkelayakan untuk mengajar di


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

peringkat sekolah rendah. Terdapat juga kekurangan buku teks bahasa Melayu yang bermutu bagi subjek seperti Matematik dan Sains. Jadi tidak hairanlah apabila mutu pelajaran yang rendah di sekolah aliran Melayu dicerminkan dengan keputusan yang buruk bagi pelajar lepasan sekolah menengah dan prauniversiti. Contohnya, hanya separuh daripada pelajar itu lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari tahun 1963 hingga 1969. Bagi peringkat Sijil Tinggi Pelajaran (HSC) pula, kurang daripada suku daripada pelajar itu yang lulus dalam tahun 1969 (Sharom Ahmad dan Wong, 1974: 18-19). Sesiapa yang telah berjaya merentasi halangan ini dan layak memasuki universiti, banyak lagi halangan hebat yang menanti mereka.

Tidak seperti pelajar Cina yang mempunyai pilihan untuk meneruskan pengajian tinggi mereka dalam aliran Mandarin di Universiti Nanyang[8] dan Kolej Teknikal Ngee Ann, sebaliknya tidak ada satu pun institusi pengajian tinggi untuk pelajar persekolahan Melayu. Untuk meneruskan pelajaran, mereka perlu beralih ke aliran Inggeris di Universiti Singapura, yang bahasa pengantarnya bahasa Inggeris. Bahasa merupakan halangan besar bagi ramai mahasiswa berpendidikan Melayu itu sebagaimana yang dicerminkan oleh kadar keciciran yang tinggi (Yang R. Kassim, 1979: 68).

Halangan yang dihadapi oleh pelajar aliran Melayu bertambah berat dengan peluang pekerjaan yang rendah. Walaupun ada usaha kerajaan untuk mempertingkat kepentingan bahasa Melayu, bahasa Inggeris tetap juga menjadi bahasa utama dalam pentadbiran dan perniagaan di pulau perindustrian yang pesat berkembang itu. Penggunaan bahasa Melayu yang hampir tiada dalam sektor awam dan juga swasta menjadikan kelayakan pelajaran dan modal budaya pelajar aliran Melayu mempunyai nilai ekonomi yang terhad (Sharom Ahmad dan Wong, 1874). Manakala pelajar sekolah Cina mempunyai peluang untuk bekerja di firma Cina,[9] peminggiran penglibatan orang Melayu dalam sektor perdagangan bermakna tertutup ruang ini untuk mereka. Yang ada apabila mereka tamat persekolahan menengah mereka, cuma profesion perguruan, yang menjadikannya terkenal sebagai pencapaian profesional dan sosial yang tertinggi bagi orang Melayu Singapura (Hashimah Johari, 1984: 5).

Memandang realiti sosial dan ekonomi yang telah dibincangkan, maka tidak hairanlah apabila persekolahan Melayu menemui pukulan mautnya apabila ibu bapa Melayu menyedari bahawa sia-sia sahaja menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Melayu. Fenomena ini dibuktikan dalam satu kaji selidik yang dilakukan oleh Gordon dan Gunn (1968) yang mendapati bahawa 82 peratus daripada responden berpendidikan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Melayu menyatakan bahawa mereka berharap dahulu diberikan pendidikan Inggeris. Apabila kurang insentif untuk mencapai kelayakan dalam pendidikan Melayu selepas tahun 1965, pengambilan pelajar mula merosot dan menjelang penghujung tahun 1970-an, kewujudannya sudah di tahap hidup segan mati tak mahu (Jadual 9.1).

Pendidikan sekolah Melayu merosot lagi setelah Singapura berpisah dari Malaysia pada 1965 apabila kerajaan PAP dengan segera mengurangkan promosi persekolahan Melayu dan bantuan kepada orang Melayu dalam sektor pelajaran. Biasiswa yang sebelumnya ditawarkan kepada pelajar Melayu, sebagai sebahagian daripada dasar kerajaan untuk memperbaik kedudukan masyarakat peribumi, dipotong dengan mengejutnya pada 1968 (Jadual 9.2). Malahan, biasiswa kepada mahasiswa Melayu telah dikurangkan daripada S$2,000 kepada $750 setahun dan dihadkan hanya kepada mahasiswa yang mengikuti bidang yang berkaitan dengan sains dan teknikal. Oleh sebab kebanyakan pelajar lepasan sekolah Melayu tidak berkelayakan untuk mendaftarkan diri dalam bidang ini, kelayakan ketat biasiswa itu bermakna bahawa hanya segelintir sahaja yang mendapatnya (Abu Bakar bin Alias, 1969; Betts, 1975: 196). Sedang empat puluh orang mahasiswa Melayu dianugerahi biasiswa pada 1968, hanya empat orang sahaja yang diberikan pada 1970 (Sharom Ahmad dan Wong, 1974: 11).

JADUAL 9.1
Kemerosotan Kemasukan di Sekolah Melayu 1968-1980

Tahun	*Darjah 1*	*Semua Peringkat*
1968	3,025	36,086
1970	1,479	28,340
1972	589	20,946
1974	281	14,369
1976	125	8,361
1978	109	4,267
1980	32	1,788

Sumber: Singapore Statistical Bulletin, 1965-80.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 9.2
Biasiswa Khas Orang Melayu yang Ditawarkan, 1966-1970

Tahun	*1966*	*1967*	*1968*	*1969*	*1970*	*Jumlah*
Bilangan Ditawarkan	15	15	40	9	4	83

Sumber: Bedlington, 1974: 342.

Dalam era pascagabungan Singapura dengan Malaysia juga dapat diperhatikan kriteria yang lebih ketat dikenakan oleh pihak berkuasa pelajaran untuk pelajar Islam diiktiraf sebagai orang Melayu dan mendapat taraf pendidikan percuma. Contohnya, pelajar yang berasal dari Indonesia tetapi dilahirkan di Singapura, atau pelajar yang bapanya telah meninggal dunia sebelum sempat memperoleh kewarganegaraan Singapura, atau yang tidak lahir di Singapura walaupun kedua ibu bapanya rakyat Singapura, dan anak tiri rakyat Singapura yang dilahirkan di Malaysia, kini tidak lagi berhak persekolahan percuma. Sungguh ketat sekali kriteria pengecualian yuran itu sehingga hampir separuh daripada pelajar Melayu telah dinafikan persekolahan percuma (Betts, 1975: 197).

Dasar kerajaan PAP yang aktif mempromosi persekolahan Melayu dalam era sebelum dan ketika percantuman Singapura dengan Malaysia, dan kemudian dengan pantasnya menjatuhkan persekolahan Melayu dalam era pascaperpisahan dari Malaysia, mengakibatkan beribu-ribu pelajar lepasan sekolah Melayu tidak mempunyai peluang kerja selain kerja-kerja buruh. Maka itu, masyarakat Melayu memikul beban ekonomi yang berat akibat politik era sebelum dan ketika percantuman, dengan persekolahan orang Melayu kelihatan menjadi alat permainan politik kerajaan PAP dengan kerajaan persekutuan yang didominasi oleh orang Melayu.

Kemunduran Pelajaran, Taraf Sosioekonomi dan Modal Budaya

Kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu menjadi lemah semenjak PAP berkuasa pada 1959. Pada 1957, dalam kategori tenaga kerja tidak mahir dan separuh mahir, nisbahnya hampir sama antara pekerja Melayu dan Cina. Namun demikian, menjelang tahun 1980, terdapat 10 peratus lebih pekerja Melayu dalam kategori ini. Jurang perbezaan antara Melayu dengan Cina dalam dua profesion yang

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tertinggi tarafnya (profesional dan teknikal, pentadbiran dan pengurusan) pada 1957 hanya 2.3 peratus berpihak kepada orang Cina. Menjelang tahun 1970, jurang itu melebar menjadi 4.3 peratus dan pada 1980 meningkat kepada 9.6 peratus (Li, 1989: 10). Terdapat juga terlalu ramai orang Melayu di peringkat sosioekonomi yang rendah dan isi rumah yang hidup miskin[10] (*ST*, 14 Mei 1989;Chiew, 1991: 156).

Kesan kemiskinan terhadap pencapaian pelajaran pelajar Melayu telah diserlahkan oleh kajian Kementerian Pelajaran dalam tahun 1971 ke atas tiga buah sekolah Melayu yang mendapati bahawa kanak-kanak Melayu kekurangan zat makanan dan mengalami kekurangan vitamin yang teruk yang menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian di dalam bilik darjah (*Berita Minggu*, 11 Julai 1971). Satu kaji selidik dalam tahun 1977/8 ke atas pelajar aliran Melayu di Sekolah Menengah Tun Seri Lanang mendapati bahawa 64 peratus daripada pelajar tinggal di rumah pangsa kecil satu atau dua bilik, manakala 32 peratus daripada mereka mempunyai sembilan orang atau lebih tinggal bersama-sama mereka (*ST*, 1 Jun 1978). Apabila hidup dalam suasana rumah yang tidak menggalakkan pengajian akademik, maka tidak hairanlah hanya 20 peratus daripada pelajar yang dikaji selidik mendapat lulus tiga subjek atau lebih dalam peperiksaan 'O' Level (ibid.).

Kedudukan sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu berbanding dengan masyarakat etnik lain tidak menunjukkan sebarang tanda baru akan maju pada awal tahun 1980-an, sebaliknya dalam beberapa hal kelihatan lebih merosot. Sebagaimana dibincangkan dengan panjang lebar dalam Bab 2, hampir semua petunjuk sosioekonomi dalam kedua-dua Banci Kebangsaan 1980 dan 1990 menunjukkan bahawa orang Melayu jelas terkebelakang daripada masyarakat etnik yang lain. Data Banci itu menunjukkan bahawa terlalu rendah nisbah orang Melayu yang berpendapatan lebih daripada $1,000 sebulan, dan lebih ramai yang berpendapatan kurang daripada $600 sebulan dibandingkan dengan masyarakat etnik yang lain (Jesudason, 1993: 17) (Jadual 9.3). Jurang pekerjaan juga melebar semenjak tahun 1980-an (ibid.).

Kadar keluarga tunggal yang tinggi di kalangan orang Melayu, yang menurut kajian kelas bawahan Melayu oleh Myrna Blake (1991), menunjukkan mereka ini lebih terdedah ditimpa kemiskinan.[11] Ini mempunyai kesan yang buruk kepada keselamatan ekonomi dan kemajuan pelajaran remaja Melayu. Nasib keluarga tunggal Melayu yang tinggal dalam kemiskinan dibebankan lagi dengan kadar tinggi penagihan dadah dan perceraian[12] dalam masyarakat itu serta pada


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

umumnya sifat bantuan kewangan yang terhad yang dihulurkan kepada golongan miskin oleh pihak awam dan agensi kebajikan swasta (ibid.). Oleh sebab para ibu yang selalunya yang menjadi penyara hidup bagi keluarga tunggal Melayu (ibid.: 4), ramai daripada mereka terpaksa bekerja bagi tempoh masa yang panjang dan masa yang tidak tetap untuk menyara keluarga, maka mereka itu tidak ada masa untuk bersama dengan anak-anak mereka. Ramai kanak-kanak daripada keluarga, sama ada salah seorang atau kedua-dua ibu bapa mereka bekerja, tidak mampu menggaji pembantu rumah, yang akhirnya menyebabkan kanak-kanak terbiar dengan ibu bapa kurang sekali mengawasi pelajaran anak-anak mereka dan juga kawan-kawan mereka. Pencapaian rendah pendidikan orang Melayu menyukarkan mereka untuk memahami kerumitan dan sering berubahnya dasar pelajaran. Apabila ramai orang dewasa Melayu, terutama yang lahir sebelum tahun 1945,

JADUAL 9.3
Pendapatan Purata Isi Rumah Sebulan Menurut Kumpulan Etnik

Etnik	*1973/74*	*1987/8*
Melayu	741	1,529
Cina	1,271	2,313
India	1,291	2,129
Lain-lain	3,142	3,906

Sumber: Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah; cf. *ST WOE*, 3 Ogos 1991

hanya berpelajaran sekolah Melayu (Sharom Ahmad dan Wong, 1974: 8), mereka mendapati sukar untuk memahami kurikulum berbahasa Inggeris dan untuk memainkan peranan aktif membantu dan mengawasi pelajaran anak-anak mereka.

Kerana kekurangan modal budaya (kefasihan bahasa Inggeris) dan sumber material, bantuan akademik yang terhad, dan kurangnya rangsangan intelektual daripada ibu bapa mereka, ramai murid-murid Melayu, sepertilah juga dengan kanak-kanak dari latar belakang sosial lain yang mundur, memulakan alam persekolahan mereka dengan hambatan yang teruk. Jika tidak dihulurkan bantuan yang khusus supaya mereka dapat menyaingi pelajar lain pada tahun-tahun awal persekolahan mereka, mereka berkemungkinan akan tercicir lebih jauh ke belakang dalam perlumbaan saingan pelajaran yang sengit itu. Sebagaimana yang diperhatikan oleh seorang guru sekolah rendah (*ST*,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

29 Mei 1982), murid-murid Melayu Darjah 1 pada umumnya memulakan persekolahan dengan semangat yang tinggi sebagaimana pelajar lainnya. Namun begitu, menjelang Darjah 3 prestasi akademik mereka merosot apabila semangat, minat, dan yakin diri mereka kelihatan mulai luntur untuk belajar (ibid.). Mereka juga hilang semangat dengan orientasi sistem sekolah yang sangat bersaing dan terlalu menumpukan aspek peperiksaan.

Seperti yang telah dibincangkan pada awal bab ini, kesan rumit pelajaran akibat tidak menguasai bahasa Inggeris amat dirasakan oleh masyarakat Melayu, terutama dalam dekad selepas mencapai kemerdekaan, apabila ramai pelajar Melayu terpaksa melakukan peralihan yang sukar daripada aliran Melayu kepada Inggeris. Pelajar Melayu daripada sekolah aliran Melayu cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding pelajar Melayu yang beralih kepada sekolah aliran Inggeris kerana mereka ini ketinggalan akibat kurang mahir berbahasa Inggeris. Contohnya, hanya 6 peratus di kalangan pelajar aliran Melayu yang beralih ke aliran Inggeris di Maktab Rendah Kebangsaan yang lulus peperiksaan 'A' Level dalam tahun 1979 berbanding kadar 45 peratus kejayaan pelajar 'A' Level daripada aliran Melayu Sekolah Sang Nila Utama (*Sunday Times*, 9 Mac 1980). Kadar yang tinggi, iaitu 33 peratus pelajar sekolah rendah dan menengah Inggeris yang terpaksa mengulang subjek mereka sekurang-kurangnya sekali ialah pelajar Melayu. Kadar yang merisaukan, iaitu 35 peratus yang mengulang tahun sekolah di peringkat sekolah rendah dan menengah juga adalah pelajar Melayu (*ST*, 20 September 1979).

Dalam PSLE 1984, kadar gagal pelajar Melayu untuk bahasa Inggeris ialah 18.7 peratus dibandingkan 13 peratus kadar purata kebangsaan (*ST*, 30 Mei 1986). Menjelang tahun 1991, kadar gagal PSLE dalam bahasa Inggeris untuk murid-murid Melayu berkurangan kepada 11.6 peratus. Namun, penurunan kegagalan ini tidaklah begitu mengagumkan apabila dibandingkan dengan kadar purata kebangsaan 5.7 peratus (*Sunday Times*, 31 Mei 1992). Yang lebih merisaukan, jurang perbezaan lulus bahasa Inggeris PSLE antara murid-murid Melayu dan purata kebangsaan melebar 0.2 peratus dari tahun 1984 hingga 1991 (ibid.). Prestasi relatif mereka pada peringkat 'O' Level tidaklah begitu memberangsangkan dengan kadar gagal bahasa Inggeris 64 peratus berbanding 47 peratus purata kebangsaan pada 1984 (*ST*, 30 Mei 1986).

Kelemahan berbahasa Inggeris di kalangan pelajar Melayu ini boleh disabitkan daripada pendedahan bahasa Inggeris yang terhad di rumah. Contohnya, pada 1980, hanya 2.3 peratus isi rumah Melayu yang bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah, berbanding 10.2 peratus

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

untuk Cina dan 24.3 peratus bagi isi rumah orang India (Jadual 9.4). Menjelang tahun 1990, nisbah isi rumah bertutur bahasa Inggeris meningkat kepada 5.7 peratus. Pun begitu, ini masih jauh di belakang 21.4 peratus bagi Cina dan 34.3 peratus isi rumah orang India yang bertutur bahasa Inggeris (*ST WOE*, 1 Mei 1993).

Penggunaan terhad bahasa Inggeris dalam isi rumah Melayu pada umumnya mencerminkan kedudukan relatif peminggiran sosioekonomi masyarakat Melayu dan kecenderungan umum rakyat Singapura yang kurang berpendidikan untuk lebih bertutur dalam 'bahasa ibunda' mereka dan bukannya bahasa Inggeris di rumah (*ST WOE*, 1 Mei 1993). Fenomena ini disahkan oleh Banci Penduduk 1990 yang menunjukkan bahawa bahasa yang paling lazim digunakan oleh keluarga mewah ialah bahasa Inggeris. Dalam keluarga yang mempunyai gabungan pendapatan $10,000 sebulan ke atas, lebih daripada separuh (lebih kurang 57 peratus) menggunakan bahasa Inggeris. Sebaliknya, bagi keluarga yang berpendapatan $999 atau kurang sebulan, hanya 8 peratus berbahasa Inggeris (ibid.). Penggunaan lazim 'bahasa ibunda' di rumah oleh pelajar Melayu, terutama yang datang dari latar belakang sosioekonomi yang rendah, nampaknya ciri yang bukan unik bagi orang Melayu sahaja. Contohnya, dalam Laporan 1992, Ow Chin Hock mencatatkan bahawa kebanyakan pelajar Cina yang lemah datangnya daripada keluarga berpendapatan rendah yang lazimnya berbahasa dialek Cina dan Mandarin di rumah (*ST*, 28 Oktober 1992).[13]

JADUAL 9.4
Bahasa yang Dituturkan Di Rumah (peratus)

	1980	1990
Cina		
Dialek	76.2	48.2
Mandarin	13.1	30.0
Inggeris	10.1	21.4
Melayu		
Melayu	76.7	94.1
Inggeris	2.3	5.7
India		
Tamil	52.2	43.5
Melayu	8.6	14.1
Inggeris	24.3	34.1

Sumber: *ST WOE*, 1 Mei 1993

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kaji selidik penulis pada 1992 ke atas 291 pelajar Melayu menunjukkan bahawa hanya 68 peratus berbahasa Melayu di rumah. 13.4 peratus pula bertutur dwibahasa Inggeris dan Melayu, manakala hanya 18.2 peratus menggunakan bahasa Inggeris sahaja di rumah (Jadual 9.5). Hubungan kelas/modal budaya memberikan contoh bahawa minoriti pelajar yang cenderung berbahasa Inggeris di rumah datangnya daripada keluarga kelas menengah yang kebanyakan ibu bapa mereka adalah pekerja kolar putih atau profesional.

Berbeza sekali dengan kadar gagal PSLE yang tinggi bagi pelajar Melayu dalam bahasa Inggeris berbanding pelajar Cina dan India (Jadual 9.6), kadar lulus keputusan PSLE dalam 'bahasa ibunda' (bahasa Melayu) pada 1991 sangatlah menggalakkan, iaitu 99.8 peratus. Ini lebih tinggi daripada purata kebangsaan pada tahap 98.7 peratus (*Sunday Times*, 31 Mei 1992). Namun begitu, kemahiran tinggi dalam bahasa Melayu yang diperoleh pelajar Melayu bukannya aset budaya dan pelajaran dalam sistem pelajaran yang berkesan dan utuh sekarang ini yang memberatkan kefasihan bahasa Inggeris.

JADUAL 9.5
Bahasa Yang Sering Dituturkan Oleh
Pelajar Melayu/Islam Di Rumah

Bahasa	*Jumlah Pelajar*	*% Pelajar*
Melayu	198	68.0
Melayu dan Inggeris	39	13.4
Inggeris	53	18.2
Tamil/Arab/Lain-lain	1	0.2
Jumlah	291	100.0

Sumber: Ow, 1992.

Catatan: Daripada 291 responden yang dikaji selidik, 126 orang ialah pelajar MEP, 133 orang dari sekolah biasa, dan 32 orang pelajar Projek S1.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 9.6
Lulus PSLE dalam Bahasa Inggeris dan Matematik,
1984 dan 1991 (peratus)

Subjek	*Purata Kebangsaan*	*Cina*	*Melayu*	*India*	*Lain-lain*
B. Inggeris					
1984	85.5	87.7	74.3	84.9	94.9
1991	94.3	95.4	88.4	92.7	97.4
Matematik					
1984	74.6	83.3	37.4	51.8	68.0
1991	78.0	84.9	46.6	55.9	71.0

Sumber: *Sunday Times*, 31 Mei 1992.

Kelemahan prestasi pelajar Melayu dalam Matematik[14] boleh disabitkan dengan kelemahan mereka berbahasa Inggeris dan seterusnya membuatkan mereka kurang dapat memahami dan membiasakan diri dengan istilah abstrak dan konsep rumit yang diajar dalam bahasa Inggeris. Masalah ini semakin buruk dalam tahun-tahun yang berikutnya apabila guru memperkenalkan lebih banyak istilah dan konsep yang lebih maju yang bergantung pada pemahaman idea asas sebelumnya yang tidak begitu difahami mereka (Adams 1990: 199). Beberapa kajian (Husen, 1967; Oakes, 1988) mendapati bahawa asas bahasa Inggeris dan prestasi Matematik yang lemah berkait rapat dengan latar belakang sosioekonomi pelajar. Ini telah ditahkikkan oleh Laporan Ow Chin Hock 1992 ke atas pelajar Cina yang lemah dan mendapati bahawa pelajar Cina yang mundur sosial cenderung lemah dalam bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains. Kaitan ketara antara kelas dan prestasi akademik dalam subjek seperti Matematik dan Sains menafikan andaian yang dipromosikan oleh kepemimpinan PAP bahawa memang menjadi sifat semula jadi orang Melayu lemah dalam Matematik.

Lemah dalam bahasa Inggeris, prestasi akademik yang rendah dalam Matematik dan Sains, dan kaitannya dengan faktor kelas telah disokong oleh kaji selidik *Straits Times* yang menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di rumah pangsa yang sederhana satu hingga tiga bilik didapati lebih ramai mengambil tuisyen dalam subjek seperti bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains (*ST*, 4 April 1992). Sebaliknya, kelemahan dalam bahasa ibunda bagi pelajar dari keluarga kelas menengah dan menengah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

atas (yang kurang daripada 20 peratus jumlah penduduk Singapura, yang tinggal di pangsapuri dan rumah persendirian yang berprestij) dibuktikan apabila mereka cenderung mengikuti tuisyen swasta dalam bahasa Cina dan bukannya bahasa Inggeris (*ST,* 4 April 1992; Jadual 9.7). Bukti empirik menunjukkan bahawa kelemahan dalam bahasa Inggeris, Matematik dan Sains tidak seharusnya, sebagaimana yang dilakukan oleh kepemimpinan PAP seperti Lee Kuan Yew (cf. Richardson, *ST,* 26 Jun 1992), disabitkan kepada sifat semula jadi sesuatu bangsa.

Hubungan antara modal budaya, kelas dan prestasi akademik telah diperakui oleh banyak kajian akademik (Hess dan Shipman, 1965; Zigler, 1970; Snow et al., 1982). Contohnya, kajian Hess dan Shipman (1965) mendapati bahawa teknik mengajar yang digunakan oleh ibu berbeza mengikut pencapaian pelajaran mereka. Ibu dari kelas menengah, berbanding ibu dari kelas pekerja, didapati lebih merangsang intelek dan berbicara hampir dua kali lebih banyak dengan anak-anak apabila mengajar mereka. Mereka juga sering menggunakan perkataan yang abstrak, adjektif, nahu yang rumit, dan ayat yang lebih panjang. Sosialisasi awal, terutama daripada si ibu, memberikan impak ketara bagaimana kanak-kanak bertindak balas terhadap tuntutan alam persekolahan (Bernstein, 1977). Amalan mendidik anak golongan kelas menengah cenderung memajukan kemahiran kognitif (Zigler, 1970). Kajian luar negara yang disebut di atas telah ditahkikkan oleh data tempatan (ACIE, 1991: 15) yang menunjukkan kaitan antara terhadap pelajaran ibu di Singapura dan pencapaian pelajaran anak-anak mereka, menambahkan lagi bukti kebenaran modal budaya dan kelas terhadap pencapaian akademik. Sebagaimana yang dipaparkan oleh data pada Jadual 9.8, tanpa mengira kumpulan etnik, ibu yang tidak bersekolah cenderung mempunyai anak yang ramai dalam aliran yang lembap dan ekabahasa.

Sebaliknya, hanya peratus yang kecil ibu yang mempunyai pelajaran peringkat menengah ke atas yang mempunyai anak-anak dalam aliran lembap.



JADUAL 9.7
Korelasi antara Jenis Rumah dengan Subjek Tuisyen yang Dipilih (peratus)

Subjek Tuisyen	*Pangsa HDB (1-3 bilik)*	*Pangsa HDB (4-5 bilik)*	*Pangsa/Rumah Sendiri*
B. Inggeris	89	73	47
B. Cina	32	50	64
B. Melayu	4	4	8
Tamil	-	2	1
Matematik	86	84	59
Sains	57	49	34

Sumber: *ST*, April 1992.

Seperti orang Melayu, kelemahan agregat prestasi pelajaran masyarakat India juga selaras dengan kelemahan agregat tahap sosioekonomi mereka dalam masyarakat. Contohnya, pada 1991, pendapatan median isi rumah sebulan ialah $1,891. Ini jauh di bawah angka purata kebangsaan $2,114 (*ST*, 28 Mac 1992). Hanya 85 peratus daripada orang India yang memiliki rumah tinggal sendiri berbanding 94 peratus Melayu dan 90 peratus Cina (*ST*, 22 Jun 1991). Jumlah ketara bilangan orang India yang miskin dalam masyarakat India yang tidak dapat membekalkan modal budaya/material serta persekitaran rumah yang menggalakkan pengekalan minat persekolahan menunjukkan bahawa 9 peratus kanak-kanak India tidak bersekolah berbanding 6 peratus kanak-kanak Melayu dan 2 peratus kanak-kanak Cina (*ST*, 22 Jun 1991). Seperti orang Melayu, kanak-kanak India juga terlalu ramai dalam aliran yang lembap. Contohnya, pada 1986, 14 peratus kanak-kanak India disalurkan ke dalam aliran ekabahasa dan lanjutan. Berbanding kanak-kanak Cina hanya 5 peratus sahaja dalam aliran itu (*ST*, Jun 1988). Orang India juga, seperti orang Melayu, sangat kurang memasuki Universiti Nasional Singapura dan merangkumi 4.3 peratus daripada jumlah mahasiswa, walaupun mereka merupakan 6.5 peratus daripada penduduk Singapura (*ST*, 28 Mac 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 9.8
Tahap Pelajaran Ibu dan Pengurusan Anak-anak Mereka Ke Dalam Aliran Lanjutan dan Ekabahasa

Pelajaran Ibu	*% Kanak-Kanak dalam Aliran Lanjutan dan Ekabahasa*
Melayu	
Tiada bersekolah	35.0
Sekolah rendah	27.5
Sekolah menengah/vokasional	11.0
Sekolah menengah atas dan ke atas	5.0
India	
Tiada bersekolah	40.0
Sekolah rendah	25.0
Sekolah menengah/vokasional	10.0
Sekolah menengah atas dan ke atas	3.0
Cina	
Tiada bersekolah	20.0
Sekolah rendah	12.5
Sekolah menengah/vokasional	4.0
Sekolah menengah atas dan ke atas	2.0

Sumber: ACIE, 1991: 15

Meskipun wujud hubungan yang kuat antara latar belakang sosioekonomi pelajar, kefasihan berbahasa Inggeris, dan pencapaian pelajaran, fenomena ini telah diabaikan oleh penggubal dasar pelajaran kerajaan PAP. Pengakuan terhadap hubungan ini bermakna penilaian semula secara kritis terhadap sistem pelajaran dan memulakan program pelajaran untuk pelajar yang 'lemah'.

NEP dan Kemajuan Pelajaran Melayu pada Tahun 1980-an dan Awal 1990-an

Kajian (Townsend dan Brittain, 1972; Figueroa dan Swartz, 1982; Oakes, 1988: 115) telah menunjukkan bahawa apabila sistem aliran yang diperkenalkan di sekolah, terutama di peringkat awal persekolahan, sering didapati murid-murid etnik minoriti dan yang mundur sosial berada dalam aliran yang lembap. Setelah digolongkan sebagai pelajar 'lemah' dan disalurkan ke dalam aliran lembap pada awal persekolahan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka, mereka mungkin kurang mendapat peluang untuk menimba pengalaman pembelajaran bagi melengkapkan diri mereka di peringkat sekolah menengah (Oakes, 1988: 115).

Apabila diletakkan di pinggiran perlumbaan pelajaran sebelum NEP, prestasi akademik masyarakat Melayu kelihatan tercicir makin jauh ke belakang di bawah rejim aliran NEP yang ketat. Contohnya, pada tahun 1980-an, peratus lulus pelajar Melayu, berbanding pelajar Cina, pada peringkat PSLE dan GCE 'O' Level melebar sebanyak 3 hingga 5 peratus (NCSMMP, 1990: 104). Manakala hanya 4 peratus pelajar bukan Melayu yang disalurkan ke dalam aliran ekabahasa pada 1985, angka bagi pelajar Melayu sangat merisaukan, iaitu 10.4 peratus (*ST,* Mac 1986). Pada 1988, 71 peratus pelajar Melayu lulus PSLE dibandingkan dengan 89 peratus pelajar Cina dan 70 peratus India. (*ST,* 20 Mei 1989). Hanya 25 peratus pelajar Melayu daripada setiap kohort berjaya memasuki aliran ekspres di sekolah menengah (NCSMMP, 1990: 105).

Seperti mana sangat sedikit bilangan pelajar Melayu yang terdapat dalam aliran maju, program elit, dan institusi pengajian tinggi, mereka terlalu ramai pula didapati di institut teknikal bukan akademik yang menyiapkan diri mereka menceburi pekerjaan separuh profesional dan yang bertaraf rendah dalam tenaga kerja. Oleh itu, majoriti (75 peratus) pelajar Melayu disalurkan ke aliran lembap ekabahasa, lanjutan, dan aliran biasa dan akhirnya disalur ke institusi teknikal (vokasional) (NCSMMP, 1990: 107). Pada 1980, pelajar Melayu merupakan golongan yang tertinggi, iaitu 25 peratus menyertai institut teknikal. Namun begitu, apabila institut teknikal diperbanyakkan pada 1980-an, penglibatan mereka jatuh kepada 19 peratus dalam tahun 1989 (*ST,* 28 November 1989).[15]

Walaupun sektor pengajian tinggi diperbanyakkan, dengan penubuhan lebih banyak politeknik, Institut Teknologi Nanyang, dan pertambahan pengambilan masuk ke Universiti Nasional Singapura dalam tahun 1980-an, peratus pelajar Melayu yang mendaftar ke institusi ini dalam dekad tersebut tidak meningkat, malah peratusnya jatuh ke bawah purata kebangsaan. Daripada hanya 3.3 peratus daripada jumlah pengambilan Universiti Nasional Singapura pada 1983, nisbah kemasukan pelajar Melayu ke institusi itu jatuh kepada 3.0 peratus pada 1986 (Jadual 9.9). Di Institut Teknologi Nanyang, pengambilan pelajar Melayu meningkat sedikit daripada 0.7 peratus pada 1983 kepada 1.6 pada 1986 (Mattar, 1986: 12) (Jadual 9.10). Pada 1990, hanya 1 peratus mahasiswa Melayu menerima ijazah, berbanding 4.6 peratus masyarakat Cina, dan 3.1 peratus masyarakat India (*ST WOE,* 1 Mei 1992). Daripada jumlah seluruh mahasiswa Melayu, 55 peratus mendaftar dalam Fakulti

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sastera pada 1990 berbanding 25.5 peratus Cina dan 35.5 peratus India. Sebaliknya, hanya 2.4 peratus mahasiswa Melayu yang mendaftar dalam Fakulti Perubatan berbanding 6.0 peratus Cina dan 8.12 peratus India (*ST WOE*, 1 Mei 1993).

Kemerosotan nisbah pelajar Melayu yang mendaftar di Universiti Nasional Singapura dalam tahun 1980-an (lihat Jadual 9.9) telah disukarkan lagi dengan pelaksanaan kelayakan kemasukan yang lebih ketat bagi pelajar prauniversiti pada 1989. Lulus dalam Matematik dan Sains kini menjadi syarat wajib untuk memasuki pusat prauniversiti/maktab rendah.[16] Oleh sebab prestasi pelajar Melayu dalam subjek ini

JADUAL 9.9
Kemasukan Pelajar Melayu Di Universiti Nasional Singapura

Tahun	*Bilangan Pelajar*	*% Jumlah Pengambilan Pelajar*
1983	165	3.3
1984	192	4.1
1985	215	3.9
1986	427	3.0

Sumber: Ahmad Mattar, 1986: 12.

JADUAL 9.10
Kemasukan Pelajar Melayu Di Universiti Teknologi Nanyang

Tahun	*Bilangan Pelajar*	*% Jumlah Pengambilan Pelajar*
1983	5	0.7
1984	11	1.6
1985	8	1.1
1986	13	1.6

Sumber: Sama seperti Jadual 9.9.

lebih lemah, maka peluang mereka untuk memasuki peringkat prauniversiti adalah terhad. Risau akan potensi kesan buruk terhadap penglibatan pelajar Melayu di peringkat pengajian tinggi akibat kelayakan kemasukan yang baru itu, Ahli Parlimen Melayu Yatiman Yusof dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sidek Saniff (*New Stratis Times,* 8 September 1986) mendesak Kementerian Pelajaran supaya menilai semula syarat kemasukan baru itu. Seruan mereka tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa pelajaran walaupun berlaku kemerosotan bilangan pelajar Melayu yang mendaftar di peringkat prauniversiti (*ST,* 21 Mac 1989) menjadi kurang 50 peratus daripada purata kebangsaan (Mannarlingham, 1989: 50). Wajar juga dinyatakan bahawa syarat baru yang ketat untuk memasuki prauniversiti ialah satu respons dasar berikutan jumlah yang besar lulus peperiksaan 'O' Level yang dengan ketaranya meningkatkan bilangan pemohon ke tempat yang terhad di maktab rendah. Fenomena inflasi kelayakan dalam tahun 1980-an juga telah menjadi batu penghalang kemajuan pelajaran masyarakat Melayu.

Pemansuhan subjek Pengetahuan Agama[17] sebagai subjek peperiksaan pada 1991 telah menafikan peluang pelajar Melayu/Islam untuk keputusan subjek itu diambil kira ke dalam agregat keseluruhan GCE 'O' Level. Oleh sebab pelajar Melayu sering mempunyai prestasi yang baik dalam kertas peperiksaan Pengetahuan Agama, perubahan dasar ini telah merugikan kedudukan pelajaran pelajar Melayu/ Islam(*Berita Harian,* 19 April 1990). Contohnya, 86 peratus daripada pelajar yang menduduki kertas Pengetahuan Agama dalam peperiksaan GCE 'O' Level telah lulus dalam subjek itu (*ST,* 27 April 1986). Tidak diragukan bahawa ini membantu untuk menaikkan markah agregat pelajar Melayu/Islam bagi keputusan peperiksaan GCE 'O' Level. Seruan lantang daripada ibu bapa dan pemimpin masyarakat Melayu supaya dimasukkan kembali subjek itu ke dalam sistem persekolahan langsung tidak dihiraukan.[18]

Banyak dasar NEP seperti aliran awal telah melemahkan pelajaran masyarakat Melayu dan sangat mengehadkan pelajaran mereka selain ke arah bidang kemahiran [illegible] Ketidakadilan kelas rejim sistem pelajaran telah menyukarkan lagi orang yang tidak mempunyai asas sumber material dan modal budaya yang kukuh untuk melakukan perpindahan lateral ke persekolahan aliran perdana daripada aliran yang lembap. Penting juga untuk disebutkan bahawa seperti orang Melayu, berlaku juga kemunduran kedudukan pelajaran, berbanding purata kebangsaan, di kalangan masyarakat India semenjak pelaksanaan NEP (ACIE, 1991: 15).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Apakah Jurang Pelajaran Semakin Rapat?

Pada awal tahun 1990-an, terdapat liputan media yang luas berkenaan kononnya peningkatan relatif pelajaran masyarakat Melayu (*ST,* 14 Mei 1991; *ST Woe,* 17 Julai 1993; *Sunday Times,* 25 Julai 1993). Namun begitu, satu-satunya bukti yang ditunjukkan dalam dakwaan yang optimistik itu, iaitu peningkatan sebanyak 6.5 peratus hanyalah kadar lulus PSLE murid-murid Melayu dari tahun 1991 hingga 1992. Ini berbanding kadar lulus PSLE pelajar Cina dan India yang meningkat 0.4 peratus (Cina) dan 5 peratus (India) pada masa yang sama (Jadual 9.11). Ketika menonjolkan peningkatan lulus PSLE pelajar Melayu, perhatian pula kurang diberikan kepada kenyataan bahawa pelajar Melayu masih 11.5 peratus di belakang pelajar Cina, 4.5 peratus di belakang pelajar India, dan mencecah 10.1 peratus di bawah purata kebangsaan lulus PSLE pada 1992 (ibid.).

JADUAL 9.11
Keputusan Peperiksaan PSLE (peratus)

	1988	*1989*	*1990*	*1991*	*1992*
Purata Kebangsaan	86.5	88.4	88.2	89.8	91.2
Kumpulan Etnik					
Cina	89.4	91.3	91.1	92.9	93.3
Melayu	70.5	74.3	74.1	75.3	81.8
India	79.4	81.5	80.2	81.3	86.3
Lain-lain	85.4	88.9	84.9	84.4	91.9

Sumber: *ST WOE,* 17 Julai 1993.

Seterusnya, data yang menunjukkan peningkatan 6.5 peratus pelajar Melayu lulus PSLE pada 1992 tidak pun menonjolkan bahawa pelajar Melayu yang lulus dalam subjek seperti Matematik pada kadar 50.6 peratus sahaja, berbanding 85.2 peratus Cina dan 56.3 peratus India (*Sunday Star,* 15 Ogos 1993). Pada 1991, kadar pelajar Melayu yang lulus Matematik dalam PSLE ialah 46.6 peratus berbanding 84.9 peratus untuk Cina, dan 55.9 peratus bagi orang India (Jadual 9.12).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 9.12
Lulus Matematik dalam Peperiksaan PSLE (peratus)

	1991	*1992*
Purata Kebangsaan	78.0	-
Kumpulan Etnik		
Cina	84.9	85.2
Melayu	46.6	50.6
India	55.9	71.0
Lain-lain	56.3	-

Sumber: Sunday Times, 31 Mei 1992; *Sunday Star,* 15 Ogos 1993.

JADUAL 9.13
Pelajar Mendapat Minimum 3 'O' Level
Menurut Kumpulan Etnik (peratus)

	1980	*1985*	*1988*	*1990*	*1992*
Cina	72.0	91.0	91.0	90.0	93.0
India	62.0	84.0	81.0	82.0	86.3
Melayu	48.0	75.0	78.0	78.0	81.8

Sumber: Petir, April/Mei 1989; *ST,* 14 Mei 1991; *Sunday Star,* 15 Ogos 1993.

Kadar lulus 81.8 peratus pelajar Melayu dalam peperiksaan GCE 'O' Level pada 1992 (Jadual 9.13) tidak begitu menonjol jika dibandingkan dengan kadar lulus 93.0 peratus pelajar Cina dan 86.3 peratus pelajar India pada tahun itu (*ST WOE,* 17 Julai 1993). Yang merisaukan, kadar pelajar Melayu yang mendapat 5 'O' Level pada 1992 jatuh susut sebagaimana pelajar Cina (ibid.). Sebaliknya, kadar lulus pelajar India meningkat sebanyak 2 peratus tahun tersebut (ibid.).[19] Meskipun 24 peratus pelajar Melayu mendapat sekurang-kurangnya 5 'O' Level pada 1990, berbanding 60 peratus pelajar Cina dan 35 peratus pelajar India (*ST,* 14 Mei 1991), kelemahan pelajar Melayu di peringkat ini membataskan penglibatan mereka ke peringkat pengajian tinggi yang mengenakan syarat sekurang-kurangnya lulus 5 'O' Level. Maka itu,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pada awal tahun 1990-an, corak pelajaran yang telah lama menyukarkan masyarakat Melayu tetap juga berterusan, maknanya, lebih tinggi di tangga pengajian, lebih merosot kehadiran Melayu. Contohnya, hanya 1.4 peratus orang Melayu yang berpendidikan tinggi berbanding 9.6 peratus bagi masyarakat Cina dan 6.4 peratus India pada 1992 (*Sunday Star,* 15 Ogos 1993). Oleh itu, dengan mendakwa bahawa jurang perbezaan pencapaian pelajaran antara Melayu dengan bukan Melayu makin rapat, hanya berdasarkan kadar lulus pelajar Melayu dalam PSLE sejak beberapa tahun yang lalu, memberikan gambaran yang salah tentang prestasi pelajaran pelajar Melayu yang pada umumnya lemah dibandingkan dengan bukan Melayu. Peningkatan lulus pelajar Melayu dalam PSLE harus diulang pula sekurang-kurangnya di peringkat peperiksaan 'O' Level (terutamanya dengan lulus 5 'O' Level) dan peperiksaan 'A' Level sebelum petanda bahawa makin rapatnya jurang pelajaran mempunyai makna yang ketara.

Setakat ini, perlu diingatkan bahawa reformasi pelajaran tahun 1991/2 NES, yang melonggarkan dasar NEP yang tegar mula dilaksanakan pada 1979, ini menunjukkan daya usaha untuk mewujudkan suasana infrastruktur pelajaran yang menggalakkan kepada golongan yang 'lemah' dalam pelajaran mereka. Pemansuhan aliran ekabahasa pada 1994 pula membuka peluang persekolahan menengah kepada lebih ramai pelajar, dengan itu memperbaik peluang kerjaya dan peluang hidup mereka. Begitu juga, penangguhan aliran awal dari Darjah 3 ke Darjah 4 ialah langkah yang diterima baik oleh ramai pelajar, terutamanya dari kalangan keluarga yang mundur sosial, yang cenderung berprestasi rendah dalam peperiksaan pada umur yang terlalu awal. Penambahan politeknik menjadi empat buah pada 1992, dan kenaikan taraf Institut Teknologi Nanyang menjadi universiti dalam tahun yang sama telah membuka lebih banyak peluang pengajian tinggi bagi rakyat Singapura.

Respons Pelajar Terhadap Sekolah

Kajian etnografi dan budaya (Willis, 1977; McRobbie, 1978; Ogbu, 1978; Troyna, 1978; Everhart. 1979; Weis, 1985; Brown, 1987) telah menonjolkan kelemahan teori padanan ortodoks Marx yang pada umumnya memaparkan bahawa pelajar kelas pekerja menerima secara pasif latihan untuk memperoleh tabiat kerja yang dituntut oleh ekonomi. Peka kepada dinamik, budaya dalaman dari segi kelas, etnik, dan genus, kajian yang disebut di atas menunjukkan bahawa golongan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

kelas pekerja dan kumpulan minoriti mundur sosial lain mempamerkan bentuk penentangan budaya dalam sistem pelajaran. Teori penentangan menyatakan bahawa kelas pekerja dan remaja kumpulan etnik mundur sosial, secara sedar atau separuh sedar menolak pengetahuan yang diajar di sekolah, sebaliknya merujuk orang dewasa kelas pekerja yang mewakili model peranan yang lebih mudah untuk ditiru. Budaya penentangan ini mungkin diperkuat lagi oleh sistem pelajaran yang melabel mereka sebagai gagal akademik pada awal persekolahan rendah. Mereka juga cenderung untuk menganggap bahawa semua kerja sekolah dan segala jenis kerja yang memeras daya fikiran adalah rumit, sementelahan pula kerjaya masa hadapan mereka sebagai pekerja separuh mahir tidak memerlukan kelayakan akademik yang bertaraf tinggi sehingga menuntut tumpuan menyiapkan kerja sekolah.

Dihambat oleh dua beban, iaitu kelas dan etnik, remaja daripada golongan minoriti mundur sosial sering terasing dan putus harapan dengan sistem pelajaran apabila harga diri mereka tercabar setelah disalurkan ke aliran lembap. Tambahan pula, meluasnya stereotaip negatif dan amalan pilih kasih oleh majikan daripada kumpulan etnik dominan dalam pekerjaan (Nurliza Yusuf, 1986; Li, 1989; NCSMMP, 1990) telah menyumbang ke arah kepercayaan bahawa walaupun memperoleh kelayakan akademik yang tinggi, peluang pekerjaan masa hadapan mereka tetap juga terhad. Apabila bahasa Mandarin sebagai kelayakan untuk bekerja (Nurliza Yusuf, 1986: 29), ia juga dilihat sebagai satu lagi batu penghalang bagi etnik minoriti dalam tenaga kerja. Menulis tentang pengalamannya dengan pelajar Melayu, seorang bekas guru Singapura Tan Tan How (*ST,* 10 Julai 1992) teringat bagaimana pelajar Melayu beliau lebih cenderung mempunyai pandangan yang suram terhadap kemungkinan kerjaya masa hadapan mereka dan 'maka itu tidak terfikir oleh mereka bahawa adalah berbaloi untuk berusaha kuat' di sekolah.

Dilabelkan sebagai 'gagal', ramai pelajar etnik minoriti bertindak balas dengan memainkan peranan yang dilabelkan kepada mereka dan bagaikan ramalan sendiri bagi menjamin 'kegagalan' mereka. Kecewa dengan sekolah, ramai remaja Melayu, terutama dari aliran lembap dan institut teknikal, menggunakan budaya bentuk penentangan dengan melakukan berbagai-bagai jenis perlakuan yang mengacau sebagai cara untuk membalas balik terhadap sistem sekolah. Ini termasuklah tidak mahu menumpukan perhatian di dalam bilik darjah, mengabaikan kerja sekolah, tidak mengulang kaji untuk ujian dan peperiksaan, mencarut, ponteng, menganggotai klik dan geng, bergaduh di sekolah, memakai pakaian yang lain daripada orang lain, mengambil dadah, menghisap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

rokok, dan berhenti sekolah terus. Tindakan ingkar dan penentangan mereka memberikan mereka rasa diperkasakan dan jati diri dalam sistem pelajaran yang telah mencabut harga diri mereka. Terlalu ramainya remaja Melayu yang dilabel sebagai pelajar delinkuen menandakan betapa meluasnya penentangan dan keterasingan mereka daripada sistem pelajaran. Dua puluh peratus pelajar 'bermasalah' yang dirujukkan kepada Kementerian Pembangunan Masyarakat dalam pertengahan tahun 1980-an adalah remaja Melayu (*ST,* 29 Jun 1986). Menjelang awal tahun 1990-an, remaja Melayu merupakan 80 peratus daripada yang keciciran sekolah (*ST,* 5 Oktober 1993).

Wajar juga dicatatkan bahawa manifestasi penentangan pelajar seperti yang disebut di atas adalah ciri umum mereka yang datang daripada keluarga yang mundur sosial. Contohnya, satu kaji selidik yang dilakukan oleh Jawatankuasa Keluarga Miskin pada 1988 menyebut ada empat kemungkinan yang akan dihadapi kanak-kanak akibat daripada latar belakang yang mundur ekonomi. Ini termasuk prestasi akademik yang lemah, keciciran sekolah yang awal, ponteng, penyalahgunaan dadah, delinkuen juvenil, dan gangguan emosi (*ST,* 14 Mei 1989). Nisbah tinggi oleh pelajar Melayu yang menunjukkan penentangan terhadap sekolah boleh juga disabitkan kepada promosi idea ketandusan budaya dan idea penentuan biologi oleh kepemimpinan PAP. Kedua-dua perspektif itu meluntukan keyakinan dan kebolehan pelajar Melayu untuk berjaya dalam pelajaran. Ini disukarkan lagi dengan persekitaran budaya dan sosial sekolah yang pada umumnya tidak mengesahkan secara positif dan tidak juga menghargai sifat dan sumbangan etnik minoriti.[20]

Kajian bermaklumat Myrna Blake (1991) terhadap kelas bawahan Melayu telah memaparkan kaitan antara kemunduran sosioekonomi dengan kadar yang lebih tinggi daripada purata kebangsaan keciciran sekolah oleh pelajar Melayu. Beliau mendapati bahawa ramai kanak-kanak Melayu yang tercicir sekolah mencari kerja bergaji atau melibatkan diri membantu ibu bapa menjaga adik-adik yang masih kecil (ibid.: 5). Blake (ibid.: 8) mengatakan: 'Tidak hairanlah luar biasa jika keluarga itu memberhentikan persekolahan anak mereka - sama ada untuk menjimatkan perbelanjaan atau supaya mereka bekerja... Oleh sebab kanak-kanak daripada keluarga begitu biasanya tidak mempunyai prestasi yang baik di sekolah, kerana kurang dorongan dan galakan di rumah, justeru berhenti sekolah dianggap wajar oleh keluarga itu'. Kebolehan untuk menghadapi situasi persekolahan dengan berkesan, dengan tuntutan sistem pelajaran yang sengit bersaingan, apatah lagi dengan jumlah besar kanak-kanak Melayu daripada suasana rumah yang tidak stabil dari segi ekonomi dan emosi.[21]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Selain bentuk penentangan pelajar terhadap sekolah seperti yang disebut di atas, bentuk mekanisme menangani psikososial yang lebih halus telah diamati. Philip Brown (1987) telah mengistilahkan tiga kerangka rujukan utama 'kewujudan' di sekolah sebagai 'asal masuk', 'patut masuk', dan 'wajib masuk'. Seperti budaya penentangan, pelajar yang 'asal masuk' akan cuba meninggalkan sekolah dan mencari pekerjaan yang bertaraf rendah seawal yang mungkin untuk mendapatkan wang dan bebas daripada keterasingan dalam kehidupan persekolahan. Pelajar 'wajib masuk' menganggap sekolah dan kejayaan akademik sebagai satu pasport untuk keluar dari kelas pekerja dan sebagai cara untuk mencapai mobiliti sosial.[22] Seperti yang lain yang 'asal masuk', sesiapa menerima pakai pendekatan 'patut masuk' akan terasing dari persekolahan. Namun begitu, perbezaan utama antara kedua-dua kumpulan ini ialah kumpulan 'patut masuk' memandang sekolah sebagai cara untuk memberikan sedikit lonjakan sosial dalam kelas mereka. Aspirasi mereka tidaklah begitu tinggi, dan mungkin mereka hanya bercita-cita untuk memperoleh kelayakan akademik yang minimum untuk mendapatkan pekerjaan yang agak stabil dan selamat (Brown, 1987: 106). Sikap pragmatik mereka terhadap sekolah ialah jalan tengah antara menolak langsung persekolahan, yang mereka sedar akhirnya akan merugikan kepentingan jangka panjang mereka, dan aspirasi pencapaian akademik yang tinggi, yang mereka percaya tidak akan tercapai.

Kaji selidik penulis terhadap 133 orang pelajar Melayu di sekolah kerajaan pada 1992 menunjukkan bahawa pelajar Melayu, di bawah pengaruh sosioekonomi, ibu bapa, dan rakan-rakan, sering menerima pakai kerangka rujukan 'asal masuk' dan 'patut masuk'. Peratus yang tinggi (82.7 peratus) daripada pelajar Melayu yang dikaji selidik mengatakan bahawa mereka suka pergi ke sekolah,[23] sebab utamanya untuk bertemu dengan kawan-kawan. Ini memberikan pandangan konteks tambahan terhadap kerumitan budaya pelajar Melayu di luar kepungan budaya, penentangan 'asal masuk', dalam rangka rujukan 'patut masuk' (Jadual 9.14).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 9.14
Respons Pelajar Terhadap Soalan Kaji Selidik:
Adakah Anda Suka Bersekolah?

Respons	*Jumlah Pelajar*	*% Jumlah*
Ya	110	82.7
Kadang-kadang	9	6.5
Tidak	14	10.5
Jumlah	133	100.0

Berat Sebelah

Banyak sekali penyelidikan yang mendapati bahawa ramai guru yang cenderung menjalankan tugas atas dasar stereotaip etnik yang negatif (Haynes, 1971; Bagley, 1975; Brittain, 1976; Dorn, 1985). Secara khusus, guru-guru mungkin melihat pelajar etnik minoriti sebagai pengacau dan memandang rendah potensi akademik mereka[24] (Bagley, 1975; Brittain, 1976). Ada juga yang bersifat perkauman, terutamanya terhadap etnik minoriti yang sangat ramai didapati di tangga terbawah sosioekonomi masyarakat (Mabey, 1981). Apabila pemerhatian guru diberikan kepada pelajar minoriti, biasanya dalam bentuk mendisiplin, menghukum (Williams, 1987: 343), dan memarahi mereka kerana kelakuan yang mengacau serta kerana kemajuan akademik yang lemah. Pelajar etnik minoriti juga berkemungkinan sering menerima hukuman yang lebih berat terutama dalam kes gantung dan buang sekolah berbanding pelajar bukan minoriti (Sedlak et al., 1986).

Sikap prasangka dan jangkaan negatif guru memberikan kesan yang buruk kepada harga diri dan keyakinan pelajar etnik minoriti dan menjerumuskan mereka agar menerima prestasi akademik yang rendah (Rist, 1970; Haynes, 1971). Sikap prasangka guru, gagal peperiksaan berulang-kali, dan stigma akibat dimasukkan ke dalam kelas yang lembap, semuanya ini telah menyumbang ke arah sikap pelajar minoriti memberontak menentang sistem pelajaran dengan mengingkari peraturan sekolah serta melakukan berbagai perlakuan yang memusnahkan (Troyna, 1989: 109 - 26). Stereotaip etnik yang menyakitkan hati sering dibiarkan sahaja dan berleluasa kerana tidak ramai guru, pengetua, penolong pengetua, dan yang memegang jawatan berpengaruh di sekolah yang datang daripada golongan etnik minoriti.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Lebih ramai tokoh berwibawa dan berkuasa dalam bidang pendidikan diperlukan untuk membantu mengurangkan kesan negatif etnik stereotaip di sekolah mahupun dalam masyarakat secara keseluruhannya. Mereka juga mungkin dapat mempercepat pelaksanaan dasar pelajaran yang lebih sensitif kepada masyarakat etnik minoriti.

Sehingga kini, sangat kurang penyelidikan akademik yang dibuat ke atas sikap para guru terhadap pelajar etnik minoriti di Singapura. Namun begitu, kaji selidik penulis pada 1992 ke atas 291 orang pelajar Melayu di sekolah menengah kerajaan dan swasta menunjukkan bahawa, terutamanya di kalangan pelajar peringkat menengah tinggi,[25] terdapat guru yang melayan secara prejudis kerana etnik. Beberapa respons daripada soalan kaji selidik, iaitu sama ada guru melayani mereka berbeza-beza kerana etnik mereka atau tidak, adalah seperti yang berikut:

'Ada guru yang pilih kasih kerana kami pelajar Melayu, tetapi saya tidak kisah dengan mereka'.
'Guru-guru memberikan layanan yang buruk dengan mengatakan perkataan yang menyinggung perasaan'. 'Ada satu guru itu, dia tidak berapa melayani semua pelajar Melayu, sentiasa mencari silap dan salah kami'.
'Ya, kerana guru saya itu ada sedikit masalah dalam otaknya'.
'Mereka ingat bahawa kita Melayu ini berperangai buruk'.
'Ada guru yang berpendapat bahawa Melayu selalu membuat kacau'.
'Ya. Mereka melayani kami dengan buruk dan tidak pernah memberi kami peluang'.
'Ya, sudah tentu - mereka tidak memberikan perhatian kepada saya selain memarahi saya'.
'Ya, kerana guru itu seorang Melayu tetapi tidak mahu nampak pilih kasih kepada pelajar Melayu, maka itu dia tumpukan perhatian kepada pelajar Cina, akhirnya saya juga yang rugi'.
'Guru pilih kasih pelajar Cina?'
'Ya, guru Sains saya sangat berat sebelah terhadap pelajar Melayu'.
'Kadang kala mereka memalukan diri saya, dan saya terasa rendah diri'.
'Ya, kadang kala mereka sukakan pelajar Cina untuk mengetuai sesuatu aktiviti kelas'.
'Di sekolah rendah, mereka ingat saya ini lemah dan pelajar Cina diberikan lebih perhatian istimewa'.
'Ya, guru sejarah saya memuji pelajar Cina dan memandang rendah pelajar Melayu apabila beberapa orang daripada kami gagal dalam ujian'.
'Mereka kadang kala berat sebelah dan tidak wajar, juga enggan menjawab soalan kami'.
'Ya, kerana ada antara mereka yang benar-benar menghina orang Melayu'.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Persepsi guru yang berat sebelah terhadap pelajar Melayu, sama ada yang nyata atau bayangan sahaja, cenderung melemahkan harga dan keyakinan diri pelajar. Sebilangan ramainya pula, harga diri yang lemah menjadi satu ramalan penyempurnaan-diri apabila mereka bertindak mengikut tanggapan sikap prejudis guru itu. Wajar juga dinyatakan bahawa prejudis terhadap pelajar Melayu tidak terhad pada guru bukan Melayu sahaja. Ketika penulis berbincang dengan guru Melayu, nyata ramai yang menerima pakai stereotaip dominan ke atas orang Melayu serta idea ketandusan budaya untuk menerangkan prestasi buruk akademik pelajar Melayu berbanding pelajar Cina dan India.

Apabila diletakkan dalam konteks penginstitusiannya, guru berat sebelah dan stereotaip etnik dapat diterangkan dari sudut sifat tekanan profesion perguruan, terutama yang mengajar di sekolah biasa kerajaan.[26] Keadaan kerja yang buruk, beban kerja yang berat, dan peluang kenaikan pangkat yang tipis, serta profesion perguruan yang dikaitkan sebagai kerja wanita,[27] telah menyumbang ke arah semangat kerja yang rendah di kalangan guru (Laporan Goh, 1979: 3-7).[28] Mereka sering mengajar dalam keadaan yang menyukarkan, seperti saiz kelas yang besar, sehingga empat puluh orang pelajar,[29] dan terpaksa mengalami kebisingan trafik dan hawa yang panas ketika mengajar. Bertugas dalam keadaan yang teruk itu, pelajar yang tidak mentaati peraturan bilik darjah atau yang mengacau, dihukum berat dan tidak diberi nasihat dengan sepatutnya.[30] Perubahan dasar pelajaran yang acap kali dibuat, seringnya digubal tanpa bermesyuarah dengan guru terlebih dahulu, walaupun mereka diperlukan untuk mengajar kurikulum yang baru, sudah tentunya memberikan kesan menokok kekecewaan guru dan melunturkan keyakinan mereka terhadap sistem pelajaran.

Selanjutnya, mengisi penuh sesak sehingga empat puluh orang pelajar di dalam satu bilik darjah di kebanyakan sekolah biasa kerajaan, apatah lagi bilik darjah itu diisi oleh pelajar yang 'lemah' daripada aliran biasa, telah menyukarkan guru untuk memberikan perhatian khusus kepada pelajar yang 'lemah' ini dan pelajar lain yang mempunyai masalah pembelajaran. Saiz kelas yang besar juga didapati menghalang pelajar untuk memperoleh kemahiran membaca, penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, dan kemahiran tinggi yang lain yang memerlukan pemerhatian teliti daripada guru[31] (Levine dan Havighurst, 1992: 263).

Meluasnya perspektif idea ketandusan budaya dan stereotaip negatif ke atas etnik minoriti mungkin memberikan pengaruh yang buruk kepada sikap pelajar daripada masyarakat etnik majoriti terhadap pelajar


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

minoriti. Kecenderungan untuk menyatukan pelajar Melayu dan India di dalam satu bilik darjah[32] (ACIE, 1991: 20), terdapat terlalu ramai mereka dalam aliran lembap, terlalu sedikit terdapat di sekolah swasta yang berprestij seperti Raffles Institution, Sekolah Inggeris-Cina, dan Sekolah Perempuan Cina Singapura[33] dan tidak adanya mereka dalam sekolah SAP yang berprestij. Ini mengurangkan pertembungan sosial dan perkongsian pengalaman antara pelajar minoriti dan majoriti etnik, maka itu memperkukuh lagi kesan stereotaip buruk. Dalam suasana sosial yang demikian, sikap perkauman yang negatif mudah sahaja dikekalkan.

Menonjolnya stereotaip negatif terhadap pelajar etnik minoriti oleh pelajar daripada masyarakat etnik dominan telah dicatatkan dalam kajian Figuero dan Swart (1982). Mereka mendapati bahawa pelajar 'orang putih' British di sekolah komprehensif cenderung mempercayai bahawa rakan sekolah Hindia Barat mereka mempunyai sifat yang bukan akademik seperti suka berseronok dan suka bergelak ketawa. Daripada perbincangan penulis dengan pelajar Melayu tentang hubungan mereka dengan pelajar bukan Melayu di sekolah, seolah-olah ada persepsi ramai pelajar Melayu bahawa pelajar Cina mempunyai sikap prasangka terhadap mereka. Penulis sendiri telah beberapa kali memerhatikan, ketika melaksanakan tanggungjawab sebagai guru sementara di sekolah kerajaan pada 1992, lawak menghina dan komen perkauman yang dibuat oleh pelajar di dalam kelas monoetnik terhadap etnik minoriti. Pelajar dalam kelas Cina monoetnik turut lebih cenderung berkomunikasi dalam dialek Cina berbanding pelajar dalam kelas berbilang etnik yang lebih suka bertutur dalam bahasa Inggeris dan kurang menggunakan dialek. Proses mendidik hubungan etnik yang sihat akan terlaksana dengan lebih baik dengan memansuhkan kelas monoetnik dan menggantikannya dengan suasana kelas dan sekolah yang mencerminkan masyarakat pelbagai etnik yang lebih luas.

* * *

Bersaingan dalam 'perlumbaan pelajaran' dengan kecacatan yang nyata akibat dasar pelajaran penjajah, tahap pelajaran yang lemah masyarakat Melayu telah dibebankan lagi oleh dasar tidak menentu yang menaikkan dan kemudian menjatuhkan persekolahan pengantar Melayu. Peminggiran pelajaran orang Melayu makin menjadi serius apabila dilaksanakan NEP 1979, yang membuatkan sistem pelajaran lebih berhierarki serta mementingkan parentokrasi dalam pencapaian pelajaran. Kedudukan sosioekonomi masyarakat yang lemah telah memburukkan lagi kedudukan pelajaran mereka yang telah sedia lemah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

itu, yang seterusnya menguatkan kelemahan sosioekonomi mereka. Kitaran kumulatif kelemahan sosioekonomi dan pelajaran dapat membantu menerangkan ketidakbolehan masyarakat Melayu untuk merapatkan jurang dengan masyarakat bukan Melayu, serta pengekalan mereka di pinggiran masyarakat.

Peminggiran pelajaran orang Melayu tidak dapat dijelaskan dengan baik atau ditangani melalui paradigma ketandusan budaya. Satu pendekatan holistik yang serius mengambil kira himpunan faktor sejarah, kelas, etnik, dan institusi adalah perlu jika mahu memahami dengan wajar penyakit pelajaran orang Melayu. Pemahaman holistik penyakit pelajaran masyarakat Melayu menuntut pelaksanaan program pelajaran yang menangani sebab-musabab akar umbi, bukannya fenomena, kelemahan pelajaran. Dasar pelajaran yang berlandaskan elitis dan eugenik perlu dinilai semula untuk memberikan laluan kepada sistem pelajaran yang menyemai harga diri remaja Singapura, serta dengan tegas berlandaskan prinsip kesamaan peluang pelajaran dan berbilang kaum.

1. Pendukung Eugenik risau akan perbezaan kadar kelahiran bayi antara kaum dan ancaman pencemaran genetik. Terman (1924) menyokong sekatan imigresen, langkah pemandulan, dan kanak-kanak diuji secara besar-besaran supaya yang 'bijak' dapat dikenal pasti dan diberikan pendidikan istimewa. Pada awal abad kedua puluh juga, ahli eugenik juga percaya bahawa Amerika sepatutnya mengamalkan sekatan imigresen yang mendiskriminasi orang Cina dan Eropah Selatan demi mengekalkan keagungan genetik masyarakat Anglo-Saxon.

2. Menjelang tahun 1990, kerajaan PAP telah memberhentikan prinsip pelajaran percuma tanpa syarat bagi pelajar Melayu yang sebelumnya diwarisi daripada British. Pelajar Melayu di sekolah persendirian dan dari keluarga berpendapatan lebih daripada $2,000 sebulan semenjak itu dikenakan yuran pengajian tinggi.

3. Pihak berkuasa penjajah mengabaikan perkhidmatan pelajaran yang sama kepada masyarakat Cina dan India. Akibatnya, mereka menubuhkan sekolah vernakular mereka sendiri yang dibiayai oleh anggota masyarakat yang lebih kaya dan persatuan suku kaum. Sekolah yang bermutu rendah di ladang getah didirikan oleh syarikat perladangan. Minoriti pelajar bukan Melayu yang kaya pula memasuki sekolah dakwah Kristian.

4. Sekolah pengantar Inggeris ditubuhkan terutamanya di kawasan bandar yang terdapat segelintir sahaja penduduk Melayu. Sekolah pengantar Inggeris ini rata-ratanya dihadiri oleh pelajar bukan Melayu (Watson, 1984: 15).

5. Sebaliknya, anak-anak Peranakan Cina berjaya mengekalkan saingan tanpa ragu-ragu menghantar anak-anak mereka ke sekolah sekular Inggeris atau sekolah dakwah semenjak abad kesembilan belas (Roff, 1967).

6. Amat jarang sekali Goh Chok Tong (*ST*, 25 Ogos 1985) lari daripada paradigma ketandusan budaya dan mengaku adanya pertalian antara kelas dengan pencapaian

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

akademik. Menyebut data statistik daripada Kementerian Pelajaran, Goh mengambil perhatian bahawa pelajar Melayu yang lemah dalam peperiksaan dan yang dimasukkan ke dalam aliran ekabahasa kebanyakannya datang daripada keluarga yang miskin dan besar. Berikutnya beliau mengaku bahawa korelasi antara pendapatan yang rendah dengan pencapaian akademik yang lemah bukan tertakluk kepada orang Melayu sahaja tetapi 'benar bagi semua kaum sama ada Cina, India atau Melayu' (ibid.).

7. *Singapore Statistical Bulletin*, Kementerian Pelajaran Singapura, 1965.

8. Risau jika pelajar Cina akan kerugian untuk melayakkan diri memasuki Universiti Singapura yang berbahasa Inggeris, Dewan Perniagaan dan Perusahan Cina Singapura, dengan bantuan derma daripada masyarakat peniaga Cina, menubuhkan Universiti Nanyang dalam tahun 1953 (Seah dan Partoatmodjo, 1974: 6). Universiti Nanyang bukan sahaja ditubuhkan untuk menampung keperluan orang yang berpendidikan Cina, tetapi juga untuk mengekalkan budaya serta untuk memastikan kebebasan pendidikan pengantar (Gopinathan, 1989: 211).

9. Namun begitu, berbanding dengan yang berpendidikan Inggeris, malah yang berpendidikan Cina juga teruk keadaannya. Contohnya, dalam tahun 1976, 60 peratus siswazah Universiti Nanyang didapati masih lagi menganggur enam bulan selepas menerima ijazah mereka. Ini buruk jika dibandingkan tahap pengangguran yang sedikit sangat yang terdapat di kalangan siswazah berpendidikan Inggeris (*FEER*, 19 November 1976).

10. Keluarga Melayu merupakan 21 peratus daripada jumlah isi rumah di Singapura (dianggarkan 8,000 isi rumah) yang hidup dalam kemiskinan dengan pendapatan per kapita kurang daripada MHE atau kelayakan minimum kewangan untuk menyara hidup (*ST*, 14 Mei 1989).

11. Kajian Blake mendapati bahawa bilangan yang ketara kelas bawahan Melayu adalah terdiri daripada ibu tunggal seperti janda kerana perceraian atau kematian suami. Kebanyakan ibu tunggal ini mempunyai pelajaran sekolah rendah atau langsung tidak bersekolah. Beliau mendapati bahawa kebanyakan mereka mempunyai pendapatan hanya $400 sebulan. Ini adalah di bawah tahap kemiskinan $468 sebulan bagi isi rumah empat orang seperti yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Keluarga Miskin dalam tahun 1988.

12. Dalam tahun 1960, kadar perceraian bagi wanita Islam ialah 36 peratus, manakala kadar purata wanita bukan Islam cuma 5 peratus. Dalam tahun 1990, kadar perceraian ialah 20 peratus bagi wanita Islam berbanding 14 peratus wanita bukan Islam (*ST WOE*, 1993). Dianggarkan separuh daripada penagih dadah di Singapura ialah orang Melayu (*Sunday Star*, 15 Ogos 1993).

13. Dalam tahun 1980, hanya 10.2 peratus isi rumah Cina berbahasa Inggeris (Banci, 1980: VII: 106).

14. Dalam tahun 1984, hanya 37.4 peratus pelajar Melayu yang menduduki kertas ujian Matematik dalam PSLE lulus subjek itu berbanding 74.6 peratus purata kebangsaan. Menjelang tahun 1991, kadar lulus Matematik pelajar Melayu dalam PSLE ialah 46.6 peratus berbanding purata kebangsaan 78 peratus (*Sunday Times*, 31 Mei 1992).

15. Namun begitu, 23 peratus daripada pelajar Melayu yang mendaftar untuk kursus sepenuh masa keciciran sebelum menamatkan kursus mereka. Bagi pelajar daripada masyarakat etnik lain, angkanya ialah 15 peratus (*ST*, 28 November, 1989).

16. Kelayakan kemasukan ke maktab rendah dalam awal tahun 1990-an termasuklah: (a) agregat 20 mata atau kurang bagi enam subjek termasuk Inggeris;

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

(b) satu subjek kemanusiaan; (c) satu subjek Sains; (d) Matematik; (e) dua subjek lain. Mereka juga sekurang-kurangnya perlu mendapat gred C6 bagi bahasa Inggeris, D5 'bahasa ibunda', dan D7 Matematik. Kelayakan bagi kursus tiga tahun di pusat prauniversiti yang kurang berprestij, yang terdapat ramai calon Melayu yang berdaftar di situ, agregat yang tidak kurang daripada 20 mata bagi lima subjek termasuklah bahasa Inggeris, dua subjek kemanusiaan, Sains, dan Matematik. Mereka juga perlu mencapai sekurang-kurangnya gred C6 dalam bahasa Inggeris, D7 'bahasa ibunda', dan D7 Matematik (*ST,* 21 Mac 1989).

17. Subjek Pengetahuan Agama sebagai subjek peperiksaan mula-mula ditawarkan dalam tahun 1982.

18. Amat ramai orang Melayu yang menunjukkan penentangan mereka dan kurang yakin terhadap rejim pelajaran memberikan peluang yang adil kepada anak-anak mereka dengan mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah agama swasta *madrasah.* Antara tahun 1990 dan 1992, pendaftaran pelajar di lima buah madrasah meningkat 42 peratus, iaitu daripada 1,612 kepada 2,780 pelajar (*ST,* 5 Oktober 1992). Namun begitu, peluang ekonomi bagi lepasan madrasah ini serta mutu pelajarannya adalah rendah. Mereka mengalami masalah tidak adanya penyelarasan sukatan pelajaran, serta kemudahan pelajaran yang sederhana, dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk mengambil guru-guru yang berkelayakan (Hussin Mutalib, 1989).

19. Malangnya, angka yang lebih pasti belum diterbitkan.

20. Sebagai perbandingan, kurang terdapat budaya penentangan di kalangan pelajar Cina yang 'lemah'. Ini boleh disabitkan kepada kumpulan etnik mereka yang besar, berasa yakin dari segi psikologinya bahawa mereka adalah sebahagian daripada masyarakat etnik yang dominan dari segi bilangan penduduk, ekonomi, dan politik, serta peluang yang luas menerima berbagai-bagai bentuk bantuan pelajaran dan kebajikan daripada pertubuhan kebajikan Cina.

21. Sebagaimana dicatatkan sebelumnya, masyarakat Melayu mempunyai kadar perceraian dan penagihan dadah yang tertinggi di Singapura.

22. Berdasarkan kajian penulis terhadap pelajar Program Pengayaan Mendaki (MEP) (bagi pelajar Melayu 10 peratus teratas dalam keputusan peperiksaan PSLE), kelihatan pelajar MEP dari latar belakang keluarga yang rendah sosioekonomi menerima pakai atau digalakkan untuk menerima pakai mentaliti 'wajib masuk' ini.

23. Laporan Ow Chin Hock kepada Majlis Bantuan Pembangunan Cina (CDAC) (1992) dan kajian Quah Mayling (1988: 111) terhadap pelajar Cina yang terdapat dalam aliran ekabahasa juga mendapati bahawa pelajar yang 'lemah' juga suka bersekolah. Namun demikian, kita syak bahawa sebab utama mereka sukakan sekolah samalah dengan pelajar Melayu, iaitu sekolah memberikan tempat untuk mereka bergaul.

24. Begitu juga, kajian telah menunjukkan bahawa guru cenderung mengharap prestasi akademik yang baik bagi kanak-kanak kelas menengah berbanding kanak-kanak yang datang dari latar belakang keluarga yang mundur (Harvey dan Slatin, 1974: 140-59).

25. Pelajar Melayu di sekolah menengah rendah cenderung mempunyai pandangan yang yakin dan optimistik terhadap peluang kerjaya masa hadapan guru, dan sistem pelajaran mereka pada umumnya.

26. Sebaliknya, guru di sekolah persendirian seperti di Raffles Institution tidak dibebankan dengan tugas pentadbiran, mengajar kelas yang kecil antara 30 hingga 35 orang pelajar di dalam satu kelas, dan selalu mendapat lawatan ke luar negara dengan pelajar mereka (Program 'Friday Background', SBC, 17 Jun 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

27. Peluang naik pangkat bagi guru yang tiada kelayakan pengajian tinggi pada umumnya kurang daripada pekerja bukan berijazah dalam perkhidmatan awam. Meskipun majoriti bilangan guru adalah wanita, namun kebanyakan pengetua dan penolong pengetua adalah lelaki. Contohnya, dalam tahun 1980, hanya 26 peratus daripada pengetua sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah adalah wanita, manakala hanya 31 peratus penolong pengetua adalah wanita (Inglis, 1983: 219).

28. Profesion perguruan telah mengalami kemerosotan dari segi tarikan kerja. Ini dicerminkan daripada banyak kekosongan untuk jawatan guru di sekolah. Pada satu-satu masa, puratanya ada dua jawatan kosong untuk guru bagi setiap sekolah. Bilangan orang yang berminat untuk mengajar juga merosot. Contohnya, dalam tahun 1882, daripada 1,000 jawatan di NIE, hanya 800 sahaja yang diisi. Dalam tahun 1992, 40 orang guru meletakkan jawatan mereka (Program 'Friday Background', SBC, 17 Jun 1992).

29. Kerajaan PAP telah menyatakan niatnya untuk mengurangkan saiz kelas dalam manifesto PAP *Singapura: Dalam Langkah Seterusnya* (1991: 38). Namun, bilakah janji ini akan ditepati tidak dinyatakan.

30. Penjadualan mengajar yang ketat, memeriksa kertas jawapan, dan tugas mentadbir yang terpaksa dilakukan oleh guru membuatkan mereka tidak ada masa untuk diluangkan bagi menasihati pelajar yang bermasalah.

31. Penyelidikan yang dibuat oleh Finn dan Archilles (1990) telah mendapati bahawa pelajar dalam kelas yang kecil mencapai markah yang baik dalam Membaca dan Matematik di peringkat tadika dan darjah 1. Murid-murid itu juga mengekalkan kejayaan ini dalam darjah dua dan tiga.

32. Dalam kebanyakan sekolah, pelajar Melayu dan India digabungkan di dalam satu kelas yang kononnya untuk memudahkan pentadbiran penjadualan waktu bahasa kedua.

33. Pada awal tahun 1990-an, kurang daripada 12 pelajar Melayu di sekolah elit Sekolah Inggeris-Cina dan sekolah Perempuan Cina Singapura.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

10
Batas-Batas Kemampuan Mendaki

Bab ini mengkaji kemampuan Mendaki untuk memperbaiki kedudukan relatif pelajaran masyarakat Melayu. Untuk tujuan ini, dikaji keberkesanan serta andaian ideologi landasan program Mendaki seperti Program Pengayaan bagi pelajar berprestasi 'tinggi' dan Program S1 bagi pelajar yang 'lemah'. Kaji selidik kuantitatif telah dilakukan terhadap latar belakang pekerjaan ibu bapa, cita-cita kerjaya, dan modal budaya pelajar Melayu/Islam di dalam kedua-dua program itu untuk mengenal pasti kaitan antara pencapaian akademik, modal budaya, dan latar belakang sosioekonomi. Disarankan bahawa komitmen Mendaki yang berfungsi dalam parameter ideologi kerajaan PAP telah menyekat kebolehannya untuk mewakili dan menangani cabaran pelajaran yang dihadapi masyarakat Melayu dengan berkesan.

Asas Politik dan Ideologi Mendaki

Penubuhan badan usaha sendiri Melayu/Islam yang diberikan nama Yayasan Mendaki[1] (Majlis Pendidikan Kanak-Kanak Islam) dalam bulan Mei 1982 merupakan perubahan besar dalam pengurusan kerajaan PAP terhadap penyakit tenat sosioekonomi dan pelajaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu. Dalam dekad selepas merdeka dan sebelum tertubuhnya Mendaki, kepemimpinan PAP, sebagaimana pihak berkuasa penjajah British sebelumnya, menggunakan pendekatan pendukung idea kesederhanaan terhadap kemunduran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu.[2] Pendirian idea kesederhanaan ini khususnya meramalkan peminggiran orang Melayu yang berasaskan pada tesis defisit budaya dan penentuan biologi oleh kepemimpinan PAP.

Penubuhan Mendaki dicetuskan oleh penemuan banci kebangsaan tahun 1998 yang mendedahkan bahawa pendekatan pendukung idea kesederhanaan telah gagal untuk memperbaiki kedudukan relatif sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu. Kepemimpinan PAP


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mengiktiraf bahawa pendirian pendukung idea kesederhanaan ini harus diketepikan demi pendekatan yang lebih berbentuk campur tangan jika perasaan amat mundur dan kekecewaan orang Melayu hendak dilenturkan, dan maka itu hubungan etnik yang rumit di Singapura dapat dikekalkan keharmoniannya. Pendekatan campur tangan dapat merapatkan hubungan yang selama ini dingin, antara kerajaan PAP dengan masyarakat Melayu. Kepemimpinan PAP juga sedar bahawa jika mahu berjaya menstruktur semula ekonomi Singapura ke arah asas teknologi yang lebih tinggi, tenaga kerjanya yang terhad harus dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Oleh sebab bidang pelajaran telah lama dipromosikan sebagai wadah berkesan mobiliti sosial, tugas utama Mendaki adalah untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu melalui pendidikan. Sebenarnya, keberkesanan sistem pelajaran untuk meningkatkan kedudukan masyarakat Melayu yang terpinggir itu tidak pernah diragui. Jelas bahawa tanggungjawab tersebut terletak di atas pundak orang Melayu sendiri untuk membuat penyesuaian, mengubah, dan meninggalkan kononnya nilai dan sikap budaya tandus mereka itu. Walaupun Mendaki merupakan perubahan besar daripada pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP terhadap orang Melayu, namun pertubuhan itu tekal dengan sifat korporatis di negara yang mempunyai sejarah menubuhkan wahana institusi untuk berbagai-bagai kumpulan berkepentingan menyuarakan tuntutan mereka. Seperti juga dengan badan yang ditaja oleh pihak negara seperti NTUC, kepemimpinan dalaman dan orientasi ideologi Mendaki sangat berkait rapat dan tekal dengan kehendak kerajaan PAP.[3]

Bagi mengesahkan pengekalan parameter ideologi dan peraturan asas yang ditentukan oleh kepemimpinan PAP, masyarakat Melayu sering diingatkan oleh pemimpin Melayu PAP bahawa kejayaan Mendaki bergantung pada perubahan sikap dan keazaman orang Melayu. Dalam pelancaran Kongres Mendaki dalam bulan Mei 1982, pengerusi Mendaki ketika itu merangkap Menteri Hal-Ehwal Melayu/Islam, Ahmad Mattar, mengingatkan masyarakat Melayu untuk tidak mempunyai 'mentaliti peminta sedekah' apabila memohon bantuan dan kerjasama daripada kerajaan dan sektor swasta. Mattar mengesahkan kepentingan berfungsi dalam kerangka meritokrasi walaupun Mendaki ditubuhkan. Teras saranan Mattar adalah bahawa pertubuhan Mendaki tidak boleh dianggap sebagai tindakan penegasan yang akan mencetuskan reformasi struktur dalam sistem pelajaran, tetapi adalah badan kebajikan usaha sendiri yang dilancarkan untuk merubah sikap masyarakat Melayu.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Rakyat dipercayai mempunyai kebolehan intelek yang terhad, maka itu pentingnya untuk memupuk kebolehan semula jadi segelintir pelajar 'terpuji' terus dikekalkan oleh birokrat Mendaki dan penasihat mereka daripada Kementerian Pendidikan. Petanda bahawa Mendaki menerima pakai pendekatan elitisme NEP ialah tumpuan istimewa yang diberikan kepada program pengayaan pelajar Melayu/Islam yang datangnya daripada lapisan 10 peratus teratas di kalangan pelajar PSLE. Dalam sesi dialog Mendaki dengan para pemimpin masyarakat, Mattar dengan tegas mengesahkan keluhuran ideologi dan peraturan asas PAP. Sebagaimana yang dikatakannya, matlamat Mendaki 'adalah untuk menjamin setiap orang kanak-kanak diberikan pendidikan yang sesuai dengan kebolehan masing-masing' (*ST*, 27 Jun 1988).

Rangka tindakan Mendaki yang berjudul *Collection of Mendaki Papers* (Mansour Sukaimi, 1982: 44) mengesahkan betapa 'pentingnya untuk membuat analisis yang betul akan sebab-musabab prestasi yang lemah di kalangan pelajar Melayu'. Walaupun ada tetapi, diagnosis dan preskripsi penyakit pelajaran orang Melayu dalam Kertas Mendaki itu terhad pada paradigma defisit budaya. Malah setia menyusur parameter wacana ideologi zaman penjajah dan zaman kontemporari berhubung peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu, *Kertas Mendaki* mengatakan bahawa masih lagi 'tidak ada tradisi kecemerlangan dan pencapaian tinggi dalam masyarakat itu...[yang ada ialah]... keluarga Melayu agak lemah merangsang motivasi dan mengawasi kanak-kanak Melayu [dan wujud satu] ... tahap yang rendah bagi kesihatan dan kesegaran mental di kalangan kebanyakan kanak-kanak Melayu' (ibid...: 164). Berpandukan pada landasan untuk mengubah sikap, Mendaki mengamanahkan dirinya dengan tugas menjana 'ramai lagi ibu bapa Melayu/Islam yang bukan sahaja komited pada dan mahu memberikan penjagaan dan panduan yang sempurna kepada anak-anak mereka tetapi juga berkebolehan untuk memberikan penjagaan dan panduan [dan bahawa] cara hidup dan sistem nilai keluarga Melayu/Islam yang perlu diselaraskan sejajar dengan tujuan menyediakan kanak-kanak Melayu/Islam untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan hidup mereka' (ibid.: 32-44).

Dengan berfungsi dalam paradigma dominan defisit budaya, program Mendaki berusaha mengubah orang Melayu agar menyesuaikan diri dengan sistem yang ada. Kata mudahnya, masalah terletak pada ketandusan budaya Melayu dan bukannya peminggiran sosioekonomi, sistem pelajaran, atau institusi mereka dalam masyarakat yang lebih luas. Bertitik-tolak perspektif begini, maka itu program seperti program tutorial di rumah dan dalam masyarakat untuk pelajar PSLE dan 'A'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Level, khidmat kaunseling dan kursus keibubapaan, memberikan anugerah dan biasiswa kepada pelajar Melayu yang cemerlang dalam keputusan PSLE, 'O' dan 'A' Level, dan VITB (Manzoun Sukaimi, 1982: 47-70) menjadi asas utama untuk mereformasi orang Melayu dan memupuk segelintir pelajar 'terpuji'. Setelah lebih daripada sepuluh tahun ditubuhkan, komitmen Mendaki ke arah reformasi terhadap apa yang dianggapkan sebagai ketandusan budaya Melayu, tetap untuk diperjuangkan.

Menyusun Semula Mendaki

Inisiatif pendidikan Mendaki, yang kosnya dianggarkan $3.4 juta kepada masyarakat Melayu antara tahun 1981 hingga 1989 (NCSMMP, 1990: 06), telah dipuji oleh kerajaan PAP dan Ahli Parlimen Melayunya, sebagai bertanggungjawab meningkatkan pencapaian pelajaran masyarakat Melayu (*ST,* 6 Oktober 1992). Rekod *prima facie*nya menawarkan 45,000 orang pelajar Melayu dengan khidmat kelas tuisyen pada hujung minggu antara tahun 1982 hingga 1992 adalah satu usaha yang mengagumkan.[4] Mendaki telah memberikan data yang menunjukkan bahawa secara purata, para pelajar yang mengikuti kelas tuisyen hujung minggu Mendaki mendapat gred yang lebih baik daripada yang tidak datang ke kelas itu dalam tahun 1991.[5] MOE juga telah memetik data yang menunjukkan bahawa kadar purata lulus subjek bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains dalam PSLE bagi yang menghadiri skim tuisyen hujung minggu Mendaki ialah 11-12 peratus lebih tinggi daripada yang diperoleh oleh pelajar Melayu yang tidak menghadirinya (*Sunday Times,* 18 Oktober 1992).

Tidak diragukan bahawa semenjak Mendaki ditubuhkan, terdapat kemajuan pelajaran bagi masyarakat Melayu itu dari segi kenaikan tahap agregat yang lulus dalam peperiksaan penting.[6] Pun begitu, dari segi relatifnya, orang Melayu tetap kekal ketinggalan di belakang masyarakat India dan Cina. Dari segi kegagalannya untuk merapatkan jurang perbezaan pencapaian pelajaran berbanding masyarakat bukan Melayu, Mendaki telah gagal untuk memperjuangkan keresahan utama masyarakat ini. Lagi pula, program dan inisiatifnya umum dipandang tidak berkesan untuk memberi khidmat kepada golongan Melayu, tetapi sebenarnya menguntungkan orang Melayu dan orang Islam lain dari golongan kelas menengah (Mannarlingham, 1989). Pandangan begini sering disuarakan oleh pemberi maklumat penulis dan peserta Kongres Mendaki 1989. Mereka meluahkan kegelisahan mereka kerana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sebilangan besar yang mempunyai sumber kewangan untuk menghantar anak-anak ke kelas tuisyen Mendaki adalah daripada kelas menengah Melayu yang berpendidikan tinggi, serta biasiswa dan anugerah Mendaki yang diberikan kepada pelajar yang 'terpuji' kebanyakan diterima oleh anak-anak kelas menengah, sedangkan golongan Melayu relatifnya tidak menerima manfaat daripada inisiatif Mendaki itu.

Berhadapan dengan kritikan awam terhadap kejayaan Mendaki yang terhad dalam usaha merapatkan jurang pelajaran antara orang Melayu dan masyarakat umum, maka pada lewat tahun 1980-an, Ahli Parlimen Melayu dan birokrat Mendaki merintis cita-cita besar untuk menyusun semula dan memperluaskan bidang penumpuan Mendaki demi memperbaiki keberkesanannya. Inisiatif ini berlandaskan pada andaian bahawa dengan memperluaskan fungsinya, ini akan membuatkan Mendaki lebih berkesan menangani kedudukan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu yang tenat. Tumpuan Mendaki yang sedia ada terhadap pelajaran sahaja itu difikirkan terlalu sempit skopnya dan tidak berkesan menangani masalah rumit sosioekonomi yang melanda masyarakat Melayu. Lagi pula, asas kewangan Mendaki terlalu goyah untuk memberikan kesan yang bermakna kepada masyarakat.[7] Mendaki yang diperbesarkan akan merangkumi fungsi dan tanggungjawab yang lebih luas yang dipercayai akan dapat memperbaiki prestasi Mendaki.[8]

Tempoh penyusunan semula Mendaki itu memberikan peluang untuk merenung semula dan menganalisis faktor yang menyumbang ke arah pencapaian terhadnya selama ini, serta untuk menilai semula dengan kritisnya akan pertalian andaian ideologi yang menjadi landasan program Mendaki. Sayangnya, pentadbir Mendaki terus kekal terperangkap dalam ideologi tesis defisit budaya. Dikongkong oleh paradigma defisit budaya ini, peluang untuk meneliti secara kritis sistem pelajaran dan impaknya ke atas orang Melayu serta kumpulan mundur sosial yang lainnya terabai begitu sahaja.

Mengapa peluang ini diabaikan sahaja? Pemimpin Melayu PAP dan pemimpin terkemuka lain dalam masyarakat Melayu amat yakin bahawa kelangsungan Mendaki bergantung pada sokongan politik dan kewangan kepemimpinan PAP (Wan Hussein Zoohri, 1990: 82). Bertolak dari kepercayaan ini, maka kecenderungan ideologi kepemimpinan PAP tidak boleh dicabar. Sebaliknya, satu hubungan saling bergantung antara masyarakat Melayu, Mendaki, dan kerajaan PAP harus diusahakan (ibid.) dengan kepercayaan bahawa hubungan yang begitu adalah demi kepentingan masyarakat Melayu.


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Sehingga kini, Mendaki 2 tidak begitu berupaya untuk merapatkan jurang pelajaran antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Aktiviti perniagaannya menempuh kesulitan. Ditubuhkan dalam tahun 1992 dengan tujuan utama untuk memberi khidmat bermutu pakej naik haji kepada orang Islam, *Mendaki Travel* mengalami kerugian sebanyak $197,637 dalam tahun 1993, sebelum ura perniagaannya yang besar ditandatangani (*ST WOE*, 22 Mei 1993).[9] Kemudiannya, Amanah Saham Mendaki (MAS) dengan asas ekuiti berjumlah $35 juta gagal memberikan sebarang dividen kepada 13,000 orang pelabur Melayu/ Islam dalam tahun 1992 (*ST*, 5 Oktober 1992). Kegagalan perniagaan ini menyalakan spekulasi ketidakcekapan pentadbir Mendaki. Risau akan kesan buruk akibat kegagalan perniagaan Mendaki, Goh Chok Tong telah menasihatkan Mendaki supaya tidak 'melencong' dari matlamat asal akibat masalah perniagaan dan mendesak Mendaki menumpukan semula perhatiannya kepada soal pelajaran (*ST*, 13 Oktober 1992).

Persepsi Pempolitikan Mendaki

Satu kejutan telah meledak di kalangan masyarakat Melayu apabila Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Goh Chok Tong, dalam ucapannya pada Kongres Mendaki pada 19 Mei 1989, 'mengusulkan' bahawa dasar pendidikan percuma pelajar Melayu di peringkat pengajian tinggi akan dihapuskan.[10] Sebagai ganti melepaskan hak percuma itu, Mendaki yang baru disusun semula itu, akan berterusan menerima bantuan kewangan daripada kerajaan selain menerima wang yuran yang akan dibayar oleh pelajar Melayu di pusat pengajian tinggi.[11] 'Usul' Goh itu diterima pada mulanya sebagai satu kejutan dan rasa tidak percaya oleh peserta Kongres dan masyarakat Melayu umumnya. Memandangkan pendidikan percuma merupakan peninggalan lambang nyata akan taraf peribumi masyarakat dan manifestasi tanggungjawab perlembagaan kerajaan terhadap masyarakat di pinggiran, maka orang Melayu mendapati bahawa pendekatan *quid pro quo* kerajaan (pemansuhan pendidikan percuma bagi mengekalkan sokongan kerajaan kepada Mendaki)[12] susah untuk diterima. Ramai orang Melayu pada prinsipnya menyokong 'usul' itu, tetapi percaya belum tiba masanya lagi untuk menamatkan dasar pendidikan percuma kerana kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu yang sangat lemah berbanding dengan masyarakat etnik yang lain.

Sifat *quid pro quo* 'usul' itu memburukkan lagi syak wasangka lama orang Melayu terhadap kejujuran empati kerajaan PAP menangani

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penyakit sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Syak wasangka orang Melayu baru sahaja dicetuskan setahun yang lalu apabila Goh mengugut untuk menamatkan sokongan kerajaan kepada Mendaki setelah menuduh masyarakat Melayu tidak menyokong PAP dalam pilihan raya 1988.[13] Gusar dengan *quid pro quo* Goh, Mendaki mula makin dipandang oleh masyarakat Melayu sebagai mainan politik yang digunakan oleh kerajaan PAP untuk mempromosi kepentingan politik dan ideologinya. Lagi pula, peranan penting Ahli Parlimen Melayu PAP untuk melicinkan perlaksanaan 'usul' Goh menjadikan mereka sebagai 'tali barut' PAP yang membantu untuk 'menggadai' warisan sejarah yang terakhir[14] dan peninggalan simbol amanah perlembagaan yang diperuntukkan kepada orang Melayu sebagai peribumi Singapura.

Walaupun banyak pujuk rayu dan desakan daripada birokrat Mendaki dan Ahli Parlimen Melayu PAP, kebanyakan delegasi Kongres tidak menerima 'usul' Goh memansuhkan yuran percuma pengajian tinggi pelajar Melayu. Jika pengundian dibuat dalam Kongres itu, besar kemungkinan 'usul' Goh akan kalah, maka keputusan muktamad akhirnya ditunda ke satu masa yang tidak ditentukan. Jelas menunjukkan bahawa birokrat Mendaki dan Ahli Parlimen Melayu PAP tidak tunduk kepada tuntutan popular peserta Kongres, 'usul' itu kemudiannya diterima pakai lebih kurang setahun selepas itu.[15] Dari semua segi, isu itu telah diselesaikan dan tidak dibahaskan lagi.

Cara Mendaki menangani isu 'usul' yuran dan bagaimana Mendaki dipolitikkan, telah menjana keresahan yang amat sangat dalam masyarakat Melayu (NCSMMP, 1990). Kejadian itu bercanggah daripada keinginan kuat masyarakat supaya Mendaki tidak berpihak dalam politik, digerakkan hanya oleh keprihatinan untuk mempertingkat kedudukan sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu, bertanggungjawab kepada masyarakat, dan ditadbirkan secara demokrasi menurut aspirasi masyarakat.

Peristiwa kontroversi berhubung 'usul' pemansuhan yuran percuma dalam Kongres Mendaki 1989 telah memperhebatkan kekecewaan dan penentangan dalam masyarakat terhadap pempolitikan Mendaki dan sifat kepemimpinannya itu akhirnya diluahkan baik dalam Kongres sulung AMP dalam bulan Oktober 1990. Seruan terang-terangan yang dibuat oleh kepemimpinan AMP supaya Mendaki dan pertubuhan masyarakat lain seperti Majlis Pusat telah dipolitikkan, iaitu dengan mengecualikan ahli politik daripada memegang sebarang jawatan pertubuhan masyarakat (NCSMMP, 1990).[16] Mereka menuduh bahawa peranan politik terang-terangan yang dimainkan oleh Ahli Parlimen Melayu PAP dalam memandu arah Mendaki yang disusun semula telah



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

mengasingkan masyarakat Melayu daripada pertubuhan itu, maka itu menjejaskan kebebasan serta kewibawaan sehingga menghalang keberkesanannya.[17] Saranan AMP ini nampaknya dibuktikan oleh kaji selidik *Straits Times* ke atas 284 sampel rambang orang Melayu (*ST,* 31 Oktober 1990) yang mengesahkan bahawa pilihan popular masyarakat itu Mendaki yang tidak dipolitikkan.

Terperangkap dalam kontroversi, tetapi tidak mahu melepaskan hubungan Mendaki dengan kepemimpinan PAP dan Ahli Parlimen Melayu, Perdana Menteri Goh Chok Tong menyeru AMP untuk mentafsir idea pertubuhan usaha sendiri yang tidak dipolitikkan menjadi kenyataan dengan menubuhkan Mendaki mengikut acuan mereka sendiri (*ST,* 9 Oktober 1990). Goh menambah dorongan tersebut dengan menawarkan badan usaha sendiri AMP 'sokongan yang sama sebagaimana yang diberikan kepada Mendaki'.[18] Ini merupakan langkah bijak yang dibuat oleh kepemimpinan PAP kerana berjaya mengalihkan kemarahan masyarakat Melayu terhadap kewibawaan, keterampilan pentadbiran, dan struktur kepemimpinan Mendaki, kepada isu sama ada alternatif kepada Mendaki yang tidak berpolitik yang ditadbirkan oleh AMP patut ditubuhkan.

'Usul' Goh telah diberikan pertimbangan serius oleh kepemimpinan AMP, walaupun ada luahan kesangsian daripada anggota masyarakat, dalam pertemuan mesyuarahnya dengan para aktivis dan anggota masyarakat terkenal, akan keuntungan untuk menubuhkan badan usaha sendiri yang lain.[19] Dalam masa kurang daripada dua belas bulan, AMP bersetuju menerima 'cadangan' Goh untuk menubuhkan badan usaha sendirinya sendiri.[20] Isu pempolitikan Mendaki kini selamat daripada tumpuan agenda awam dan maka itu membenarkan Mendaki untuk meneruskan hubungan 'politik' dengan Ahli Parlimen Melayu PAP.[21]

Ganjaran Pelajar Melayu/Islam yang 'Terpuji'

Selain bantuan dan pinjaman kewangan,[22] Mendaki telah menggalak dan memupuk pencapaian akademik pelajar Melayu/Islam yang 'terpuji' dengan memberikan biasiswa dan anugerah.[23] Semenjak tahun 1982, Anugerah Mendaki telah diberikan kepada pelajar Melayu/Islam paling cemerlang dalam kohort mereka dalam peperiksaan penting dari peringkat PSLE sehingga ke peringkat pengajian tinggi (Yayasan Mendaki, *Laporan Tahunan,* 1990: 15). Semenjak tahun 1990, Biasiswa Temasek dan Merit dianugerahkan kepada pelajar Melayu/Islam yang memperoleh keputusan keseluruhan yang terbaik dalam PSLE dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

peperiksaan lain (ibid.: 14). Setiap tahun dianggarkan sepuluh biasiswa dianugerahkan kepada Melayu yang 'terpuji' di sekolah persendirian untuk membantu membayar yuran bulanan mereka. Untuk layak mendapatkan biasiswa itu, seseorang pelajar sekurang-kurangnya mesti mendapat gred A (cemerlang) dalam PSLE dan berada dalam lapisan sepuluh peratus teratas pelajar PSLE (*ST,* 26 November 1989).

Anugerah Mendaki yang eksklusif ini, terhad pada segelintir yang 'terpuji' dalam masyarakat Melayu/Islam, sehingga membuatkan Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong menyarankan dalam tahun 1992 supaya Mendaki sepatutnya meluaskan skim anugerahnya untuk merangkumi lebih ramai pelajar dari sekolah kerajaan.[24] Keresahan terhadap anugerah Mendaki yang eksklusif itu bertambah relevan kerana sebahagian besar penerima anugerah ialah pelajar Melayu daripada keluarga yang mewah. Contohnya, dalam temu bual *Straits Times* (15 Jun 1986) ke atas dua puluh orang daripada tujuh puluh lima pemenang hadiah Mendaki dalam tahun 1985 mendedahkan bahawa kebanyakan mereka mempunyai bapa yang mempunyai pekerjaan kolar putih atau profesional seperti guru, pegawai kerajaan peringkat atasan atau pertengahan, dan ahli perniagaan. Sebagaimana sifat umumnya orang daripada keluarga yang berpendapatan tinggi, semuanya datang daripada keluarga yang kecil yang mempunyai tidak lebih daripada empat orang anak (*ST,* 15 Jun 1986).

Dengan sentiasa berhati-hati untuk tidak mengaitkan hubungan antara latar belakang sosioekonomi dan pencapaian akademik yang tinggi di kalangan ramai penerima biasiswa Mendaki yang 'terpuji' itu, maka dapatlah dikekalkan imej meritokrasi Singapura. Profil pelajar Melayu yang mencapai kejayaan akademik daripada latar belakang keluarga yang daif diberikan liputan yang meluas oleh media. Ini berguna untuk mengingatkan orang awam tanggapan bahawa sistem pelajaran sememangnya memberikan kesamaan peluang untuk semua pelajar berjaya dan bahawasanya ideal meritokrasi itu boleh dicapai.

Memupuk Pelajar 'Terpuji' Melayu/Islam

Daripada pelbagai program pelajaran yang dianjurkan oleh Mendaki,[25] salah satu yang paling kontroversi ialah Program Pengayaan Mendaki (MEP), yang dilaksanakan khas untuk pelajar Melayu/Islam di lapisan sepuluh peratus teratas dalam PSLE. Mengapakah program pengayaan ini menjana begitu banyak kontroversi dalam masyarakat Melayu/Islam, dan mengapa program itu pula dianggap penting untuk orang Melayu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dan masyarakat keseluruhannya? Apabila menganalisis MEP, terdapat banyak persamaan dengan program elit GEP dan SAP. Seperti GEP dan SAP, landasan ideologi MEP berteraskan andaian eugenik yang mempercayai bahawa hanya segelintir elit dalam masyarakat yang dikurniakan dengan kebolehan intelek semula jadi. Kecerdasan intelek semula jadi ini dipercayai boleh dikesan pada usia yang awal lagi dan maka itu perlu dipupuk untuk memaksimumkan potensi intelek mereka. Dengan sepenuhnya menerima pakai kepentingan untuk memupuk segelintir yang 'terpuji', Pengarah Pendidikan Mendaki, Suparman Adam, secara perumpamaan menyamakan pelajar MEP bagaikan 'pohon yang bernilai dan berharga yang perlu dibaja dan dibelai dengan teliti'.[26]

Kesamaan MEP dengan program GEP dan SAP boleh dihayati dengan lebih baik lagi apabila seseorang itu sedar bahawa MEP 'dinasihatkan' oleh 'pakar pendidikan' daripada MOE, NIE, dan GEP (IQRA,1992: 4) yang pada umumnya menyokong andaian eugenik program itu. Malah, pengalaman menggubal dan melaksanakan program pelajaran yang elitis dan eugenik sebelumnya telah membantu untuk merintis asas falsafah dan memberikan rasional ideologi, politik dan ekonomi MEP.

'Pakar' pendidikan daripada MOE dan GEP memang sentiasa mempromosi perspektif ketandusan budaya untuk menerangkan kemunduran pelajaran orang Melayu dalam forum Mendaki dan seminar pendidikan lain. Dalam satu bengkel Mendaki untuk tutor dan mentor dalam bulan Jun 1992,[27] penasihat program GEP dan MEP, Agnes Chan, mengusulkan supaya kemunduran pelajaran orang Melayu terutamanya disebabkan oleh jangkaan akademik yang rendah dan kurang motivasi daripada ibu bapa Melayu kepada anak-anak mereka. Sebagai perbandingan, beliau mendakwa bahawa ibu bapa Cina sangat mendorong pencapaian yang tinggi dan menanamkan etos ini ke dalam anak-anak mereka. Inferensnya jelas sekali bahawa ibu bapa dan pelajar Melayu berbudaya tandus dibandingkan dengan orang Cina.

Sebagaimana SAP memberikan keutamaan untuk memupuk 'bakat' intelek akademik remaja Cina elit yang diasuh untuk menjadi bakal pemimpin dalam masyarakat Cina dan masyarakat seluruhnya, MEP juga digubah serupa memupuk 'bakat' intelek akademik remaja Melayu elit untuk mempersiapkan mereka sebagai pemimpin masa hadapan dalam masyarakat Melayu dan masyarakat seluruhnya. Seperti yang ditulis dalam surat berita MEP *IQRA* (1992: 2), tujuan utama MEP adalah untuk menjamin bahawa lapisan sepuluh peratus teratas pelajar Melayu/Islam PSLE[28] 'terus berprestasi cemerlang dalam pelajaran

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka di sekolah menengah, kemudian masuk ke pusat pengajian tinggi dan menjadi model peranan, serta menjadi pemimpin masyarakat dan negara pada masa hadapan dalam Langkah Seterusnya'.

Sifat terang-terangan instrumentalis MEP diperbesarkan dengan tumpuan utamanya kepada penguasaan subjek bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains. Ini selaras dengan pandangan kepemimpinan PAP bahawa menguasai subjek ini amatlah penting demi kemajuan ekonomi dan teknologi Singapura. Maka itu seminar MEP kebanyakannya menumpukan bidang ini dengan tujuan untuk memandu pelajar lapisan sepuluh peratus teratas ke dalam aliran sains supaya 'bakat' pelajar-pelajar itu dapat dimanfaatkan. Dalam ucapan di Pameran Sains MEP pada 17 Jun 1992 dan di Seminar Penasihat Kerjaya dalam bulan September 1992, pengerusi MEP, Profesor Madya Aziz Nather, mengingatkan pelajar Tingkatan 2 MEP betapa pentingnya mereka itu disalurkan ke dalam aliran sains.[29]

Selain seminar satu hari yang diadakan secara tetap,[30] khemah latihan kepemimpinan juga diadakan untuk pelajar sepuluh peratus teratas itu. Dalam khemah ini, pelajar dipupuk dengan kemahiran, nilai moral (*Aspire*, Mac/April 1992, No. 1), dan 'sifat lain seorang pemimpin yang baik'.[31] Menulis tentang pengalaman latihan seni kepemimpinannya, pelajar MEP Nazrifah Mohammad (*IQRA*, 1992: 8) mengimbas bagaimana 'dalam satu sesi bilik darjah, kami belajar untuk menjadi pemimpin yang tegas dan berkesan dan diberikan buku kecil tentang *Jonathan Livingston Seagull*... kami bermain permainan berasaskan kemahiran dan strategi kepemimpinan. Setiap kumpulan sepuluh orang perlu menyeberangi dua batang sungai yang dipenuhi oleh ikan piranha dengan bantuan tiga setengah keping marmar sahaja. Mainan itu memerlukan kerjasama dan buah fikiran semua ahli pasukan'. Kejayaan MEP untuk memupuk dan memperkasa keyakinan pelajar MEP sangat jelas kelihatan dalam temu bual dan kaji selidik penulis ke atas 126 orang pelajar MEP dalam tahun 1992. Sejumlah besar ketara menyatakan bahawa keyakinan diri mereka bertambah setelah menjalani program tersebut. Lonjakan keyakinan yang dirasai oleh pelajar MEP merupakan kepuasan kepada penyelaras MEP yang dengan bangganya memberitahu media (*ST*, 10 September 1992) akan hasil sosiopsikologi dari usaha sebegitu. Keyakinan pelajar MEP juga kelihatan didorong lagi daripada maklum balas majoriti pelajar MEP yang ditemu bual oleh penulis dalam tahun 1992 bahawa berbagai-bagai seminar dan khemah MEP telah meluaskan pergaulan mereka dan pada umumnya memperbaiki kehidupan sosial mereka. Sebaliknya, inisiatif MEP untuk

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mempertingkatkan kemahiran belajar mereka tidaklah begitu menonjol berbanding dengan keberkesanan MEP sebagai kelab sosial.

Keyakinan pelajar MEP diperhebat lagi oleh model peranan atau mentor yang diberikan oleh setiap orang mahasiswa pengajian tinggi. Mahasiswa itu berperanan sebagai kakak/abang angkat yang menjadi sumber tambahan yang terluang kepada pelajar MEP selain rakan, adik-beradik, ibu bapa, dan guru.[32] Mentor ini juga bertujuan 'untuk memberikan pelajar contoh peranan yang baik...(dan) memberi motivasi kepada mereka untuk mengejar kecemerlangan akademik' (*IQRA*, 1992: 2). Untuk mengiakan perbelanjaan besar daripada sumber awam yang diperuntukkan kepada pelajar Islam yang 'terpuji' itu, Mendaki mendakwa bahawa keperluan pelajar 'berkebolehan' ini tidak disediakan oleh kurikulum arus perdana di sekolah (ibid.). Logik ini berasal daripada kepercayaan eugenik PAP bahawa pelajar yang semula jadinya berbakat perlu dipupuk dengan teliti dan perlu diberikan perhatian istimewa kerana kumpulan berbakat dalam masyarakat adalah terhad.

Usaha untuk menangani secara menyeluruh punca pencapaian akademik yang rendah, keperluan yang kompleks majoriti pelajar, dan memeriksa faktor institusi dan struktur yang berperanan menyumbang ke arah kemajuan akademik Melayu yang lembap merupakan satu usaha politik yang sukar untuk diterokai oleh Mendaki. Memandangkan penerimaan strategi yang begini bermakna terpaksa masuk campur ke dalam daerah politik yang sensitif, jadinya lebih baik dan mudah mengutamakan pilihan memupuk lapisan pelajar sepuluh peratus teratas, yang telah diibaratkan bagai 'menyusun rapi alat yang canggih [yang hanya memerlukan] sedikit pembetulan atau sedikit penalaan' (*ST*, 26 Mei 1991).

Di kalangan pelajar yang terlibat dalam MEP, Pemegang Biasiswa Presiden dan pelajar lain yang cemerlang dalam bidang akademik mereka dijangka akan muncul sebagai juara dalam perlumbaan pelajaran di peringkat kebangsaan. Sebagaimana sepuluh peratus teratas pelajar Melayu/Islam ini disediakan dengan mentor sebagai pencetus semangat, mereka pula dijangka akan mengembangkan kumpulan kecil profesional Melayu dan menjadi model peranan masa hadapan remaja Melayu.

Jika Melayu/Islam sebagai masyarakat, dan bukannya satu gagasan kecil individu profesional kelas menengah, hendak melonjak ke hadapan dan merapatkan jurang pelajaran dengan masyarakat lain, maka ketaksuban inisiatif pelajaran yang berasaskan elitisme, yang memberi tumpuan kepada minoriti terpilih tidak mungkin akan memberikan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

penyelesaian jangka panjang yang saksama dan memuaskan terhadap masalah peminggiran pelajaran Melayu.

Pentingnya Latar belakang Ibu Bapa/Kelas dan Modal Budaya dalam Pencapaian Pelajaran Pelajar MEP

Kaji selidik penulis ke atas 126 orang pelajar MEP (50.8 peratus daripada seramai 248 orang pelajar MEP)[33] menunjukkan kolerasi ketara antara latar belakang sosioekonomi dengan pencapaian akademik. Di kalangan pelajar MEP sekolah persendirian yang ditemu bual, 81.3 peratusnya datang daripada latar belakang keluarga pekerjaan kolar putih dan profesional (Jadual 10.1).[34]

JADUAL 10.1
Taraf Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar MEP yang Dikaji Selidik

Taraf Pekerjaan Ibu Bapa[a]	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Tidak mahir dan separuh mahir[b]	41	32.5
Kolar putih dan separuh profesional[c]	26	20.6
Profesional[d]	59	46.8
Jumlah	126	100.0

Catatan: Daripada jumlah keseluruhan 248 orang pelajar MEP, 126 orang atau 50.8 peratus daripada mereka dikaji selidik, merangkumi 51 orang lelaki dan 75 perempuan; 54 orang pelajar Tingkatan 1 dan 72 orang dari Tingkatan 2.

[a] Kaji selidik menggunakan taraf pekerjaan ibu bapa sebagai petunjuk taraf sosial mereka. Ini kerana lazimnya pekerjaan juga memberikan konotasi pendapatan, pola perbelanjaan, gaya hidup, nilai, dan sikap (Payne, 1987: 20).

[b] Kategori pekerjaan ini biasanya merujuk kerja buruh yang memerlukan kelayakan kurang daripada lulus 3 subjek GCE 'O' Level.

[c] Kerja-kerja yang memerlukan kelayakan sekurang-kurangnya lulus 3 subjek GCE 'O' Level, diploma, sijil, atau kelayakan pasca menengah.

[d] Pekerjaan yang memerlukan diploma atau kelayakan pengajian tinggi lain.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kaitan antara taraf pekerjaan ibu bapa, modal budaya (kefasihan berbahasa Inggeris), dan pencapaian akademik terbukti daripada hasil kaji selidik ke atas pelajar MEP yang ditunjukkan dalam Jadual 10.2 bahawa 30.2 peratus berbahasa Inggeris dan 10.3 peratus bertutur bahasa Inggeris/Melayu di rumah. Penggunaan bahasa Inggeris yang agak meluas dan bahasa Inggeris/Melayu (berbanding dengan pelajar yang 'lemah' dalam Projek S1 (lihat Jadual 10.5) sangat selaras dengan latar belakang pekerjaan profesional ibu bapa. Pertalian antara penggunaan bahasa Inggeris di rumah dan taraf sosioekonomi keluarga pelajar MEP yang dikaji selidik kelihatan mencerminkan hubungan kelas/bahasa dalam masyarakat yang lebih luas sebagaimana hasil banci penduduk 1990. Menurut hasil banci itu, dalam keluarga Singapura yang berpendapatan $10,000 sebulan dan ke atas, lebih separuh daripadanya, atau lebih kurang 57 peratus, menggunakan bahasa Inggeris. Sebaliknya, bagi keluarga yang berpendapatan $999 dan ke bawah sebulan, hanya 8 peratus di antara mereka yang bertutur bahasa Inggeris di rumah (*ST WOE,* 1 Mei 1993).

JADUAL 10.2
Bahasa yang Digunakan oleh Pelajar MEP yang Dikaji Selidik

Bahasa yang Digunakan di Rumah	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Melayu	74	58.7
Melayu/Inggeris	13	10.3
Inggeris	38	30.2
Tamil	1	0.8
Jumlah	126	100.0

Penemuan kaji selidik ini menyokong dakwaan bahawa kepentingan sumber material dan modal budaya (kefasihan berbahasa Inggeris) menyumbang ke arah pencapaian pelajaran yang tinggi. Pentingnya latar belakang pekerjaan ibu bapa menonjolkan lagi persoalan apakah wajar untuk menyalurkan sumber awam yang terhad kepada pelajar MEP, kerana ramai di kalangan mereka yang sememangnya mempunyai modal budaya dan material yang sudah pun membantu mereka mencapai keputusan akademik yang baik.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

JADUAL 10.3
Cita-Cita Kerjaya Pelajar MEP yang Dikaji Selidik

Cita-Cita Kerjaya	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Profesional[a]	96	76.2
Bukan profesional	8	6.3
Tidak tahu/kabur/kosong	22	17.5
Jumlah	126	100.0

[a] Pekerjaan yang memerlukan kelayakan diploma atau pengajian tinggi lain.

Cita-Cita Kerjaya Pelajar MEP

Modal budaya dan material yang dimiliki pelajar MEP, ditambah pula oleh lonjakan keyakinan diri daripada peluang menyelami model peranan program mentor MEP, telah memberikan pelajar MEP keyakinan tambahan untuk mempunyai cita-cita kerjaya yang tinggi (Jadual 10.3). Daripada kaji selidik ke atas pelajar MEP itu, 76.2 peratus daripada mereka bercita-cita kerjaya profesional yang memerlukan kelayakan pengajian tinggi. Kerjaya pilihan yang sering disebut termasuk perubatan, undang-undang, perakaunan, kejuruteraan, dan perguruan. Ramai juga yang menyatakan kemungkinan mereka mahu memilih pekerjaan antara doktor/peguam, jurutera/juruterbang, akauntan/doktor sebagai potensi kerjaya; 17.5 peratus responden tidak mahu menyatakan cita-cita kerjaya mereka dengan mendakwa bahawa mereka belum lagi membuat sebarang keputusan muktamad. Yang sangat menarik perhatian ialah meskipun ada panduan kerjaya dan program pengayaan keyakinan MEP, 6.3 peratus bercita-cita kerjaya sebagai ahli seni, ahli muzik, pramugara, pemain bola sepak, dan juruteknik yang tidak memerlukan kelayakan pengajian tinggi. Cita-cita kerjaya yang rendah ini mungkin mencerminkan jati diri mereka dengan majoriti Melayu yang mempunyai pekerjaan yang bukan profesional.

Projek S1 Mendaki bagi Pelajar Aliran Biasa

Setelah sedekad penubuhan Mendaki dan dua tahun selepas MEP dilancarkan, barulah Mendaki memulakan program yang dirancang khas untuk pelajar menengah Melayu/Islam yang telah disalurkan ke dalam

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

aliran biasa. Kelewatan memulakan program khusus bagi pelajar aliran biasa, iaitu aliran kebanyakan pelajar Melayu disalurkan, pada umumnya mencerminkan keutamaan Mendaki. Program percubaan yang disebut sebagai Projek Perintis S1 telah dimulakan dalam tahun 1992 di Sekolah Menengah Bedok Town dengan empat puluh orang pelajar aliran biasa melibatkan diri. Tujuan utama Projek S1 termasuklah:

1. Memindahkan seramai mungkin pelajar aliran biasa ke dalam aliran ekspres;
2. Menggalakkan yang masih lagi berada dalam aliran biasa untuk menamatkan persekolahan mereka sehingga ke peringkat GCE 'O' Level (*ST*, 20 April 1992); dan
3. Menanamkan rasa yakin diri dan untuk bercita-cita belajar hingga ke peringkat politeknik atau ke universiti ke dalam diri pelajar aliran biasa.

Pemudah cara (tutor) Projek S1 ialah guru pelatih siswazah NIE yang memikul tanggungjawab sebagai guru dan kaunselor untuk pelajar yang diletakkan di bawah jagaan mereka.[35] Oleh sebab kelas hanya terdiri daripada sepuluh hingga tujuh belas orang pelajar sahaja, pemudah cara guru pelatih dapat mengenali setiap individu pelajar dengan lebih baik dan berupaya memberikan perhatian akademik secara peribadi kepada setiap pelajar, yang pada umumnya tidak diluangkan kepada mereka dalam kelas yang lebih besar di sekolah. Seperti pelajar MEP, khemah dan seminar disusun untuk pelajar S1.

Pentingnya latar belakang sosial dan kefasihan berbahasa Inggeris (modal budaya) mempengaruhi prestasi akademik jelas kelihatan dalam kaji selidik penulis ke atas pelajar aliran biasa dari Projek S1 (Jadual 10.4 dan 10.5). Majoriti 65.6 peratus daripada pelajar Projek S1 mempunyai ibu bapa yang mempunyai pekerjaan tidak mahir dan separuh mahir, manakala 28.1 peratus berasal daripada keluarga kolar putih dan hanya 6.3 peratus daripada latar belakang profesional. Data ini sangat bermakna apabila dibandingkan dengan taraf pekerjaan ibu bapa pelajar dari MEP (lihat Jadual 10.1) dengan minoriti 32.5 peratus datangnya daripada latar belakang pekerjaan tidak mahir dan separuh mahir, 20.6 peratus dari kolar putih, dan 46.8 peratus daripada pekerjaan profesional.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

JADUAL 10.4
Taraf Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik

Taraf Pekerjaan	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Tidak mahir dan separuh mahir	21	65.6
Kolar putih dan separuh profesional	9	28.1
Profesional	2	6.3
Jumlah	32	100.0

Catatan: Daripada sejumlah empat puluh orang pelajar aliran biasa Projek S1, tiga puluh dua atau 80 peratus dikaji selidik. Daripada bilangan yang dikaji selidik, dua puluh dua orang lelaki dan sepuluh perempuan.

[a] Lebih ramai pelajar perempuan terlibat dalam seminar MEP yang dihadiri oleh penulis, sebaliknya pula, lebih ramai pelajar lelaki dalam Projek Perintis S1. Bilangan pelajar perempuan yang sama dalam program MEP mencerminkan sangat kurangnya lelaki Melayu di sektor pengajian tinggi.

JADUAL 10.5
Penggunaan Bahasa Inggeris Di Rumah
Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik

Bahasa	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Melayu	23	71.9
Melayu/Inggeris	6	18.7
Inggeris	3	9.4
Jumlah	32	100.0

Terlalu ramai ibu bapa pelajar S1 yang mempunyai taraf pekerjaan dan pelajaran yang rendah (lihat Jadual 10.4), bermakna kebanyakan ibu bapa mereka tidak dapat mengawasi dan secara langsung membantu pelajaran mereka dengan berkesannya. Selalunya juga, ibu bapa ini tidak aktif melibatkan diri mereka dalam aktiviti sekolah dan tidak sepenuhnya memahami kerumitan sistem pelajaran, dasar pelajaran dan kepentingan anak-anak mereka dimasukkan ke dalam aliran biasa. Kelazimannya, ibu bapa yang berpendapatan dan berpelajaran rendah (Salaff, 1988;

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Blake, 1991) sentiasa sibuk untuk mencari rezeki menyara hidup dan melepaskan tanggungjawab kepada guru-guru dan sekolah untuk memantau kemajuan pelajaran anak-anak mereka.

Suatu faktor yang mungkin ketara menyumbang ke arah kemunduran akademik pelajar Projek S1, malah semua pelajar yang 'mundur', adalah hakikat bahawa 18.7 peratus daripada pelajar yang dikaji selidik datangnya daripada keluarga tunggal dengan kestabilan kewangan dan emosi tidak begitu kukuh. Faktor ini dianggap sangat bersangkut-paut oleh pemudah cara Projek S1 apabila menerangkan kepada penulis kemajuan akademik yang lemah di kalangan pelajar Projek S1. Berbeza dengan ramainya di kalangan pelajar Projek S1 yang datang daripada keluarga tunggal atau menumpang di rumah ahli keluarga, kurang daripada 5 peratus pelajar MEP yang dikaji selidik datang daripada keluarga tunggal.

Petunjuk kefasihan berbahasa Inggeris sebagai satu bentuk modal budaya ialah tahap penggunaan yang agak rendah digunakan dalam isi rumah keluarga pelajar Projek S1. Contohnya, hanya 9.4 peratus responden S1 yang berbahasa Inggeris di rumah berbanding dengan 71.9 peratus yang berbahasa Melayu dan 18.7 peratus campuran bahasa Melayu/Inggeris (lihat Jadual 10.2). Ketika penulis memerhatikan kelas tutorial S1, kelihatan para pelajar sangat susah untuk meluahkan pendapat dalam bahasa Inggeris dan sering beralih ke bahasa Melayu untuk difahami. Sebagaimana disahkan oleh pemudah cara tutorial, kelemahan kemahiran berbahasa Inggeris di kalangan pelajar S1 menyebabkan ramai daripada mereka tidak memahami konsep saintifik dan matematik serta juga istilah yang abstrak. Maka itu mereka menemui kesukaran untuk memahami soalan latihan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Masalah ini sangat dirumitkan lagi dalam tahun-tahun berikutnya apabila guru memperkenalkan istilah dan konsep yang baru dan lebih maju yang bergantung pada asas pemahaman idea yang sebelumnya yang tidak begitu difahami. Kelemahan penggunaan dan kefasihan berbahasa Inggeris mereka ini sangat berbeza daripada pelajar MEP, terutamanya yang datang daripada sekolah persendirian, apabila penggunaan dan kefasihan berbahasa Inggeris telah membantu prestasi akademik mereka.

Cita-Cita Kerjaya Pelajar Projek S1

Majoriti (56.3 peratus) pelajar Projek S1 yang dikaji selidik bercita-cita kerjaya yang bukan profesional yang tidak memerlukan kelayakan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

pengajian tinggi, manakala hanya 28.1 peratus menyebut cita-cita kerjaya pekerjaan profesional (Jadual 10.6). Sebaliknya, hanya 6.3 peratus pelajar MEP yang dikaji selidik bercita-cita kerjaya yang bukan profesional manakala setinggi 76.2 peratus bercita-cita ke arah pekerjaan profesional (lihat Jadual 10.3).

Cita-cita kerjaya bukan profesional yang sering disebut ialah pegawai polis diikuti oleh pramugari/pramugara, tentera, juruteknik, tukang masak, dan juruselam. Kebanyakan pekerjaan ini sering terdapat di kalangan masyarakat Melayu dan maka itu ia mencerminkan model peranan pekerjaan yang terluang kepada remaja Melayu. Ia juga membayangkan pada umumnya kurang keyakinan pelajar aliran biasa terhadap potensi dan kebolehan akademik mereka serta kesedaran akan kemungkinan kerjaya masa hadapan mereka berasaskan pada prestasi akademik mereka yang rendah. Memandangkan faktor ini, mungkin sebenarnya, malah mungkin lebih penting untuk pelajar aliran biasa, dan bukannya pelajar MEP, diberikan mentor untuk memulihkan keyakinan diri dan meningkatkan matlamat cita-cita mereka.

JADUAL 10.6
Cita-Cita Kerjaya Pelajar Projek S1 yang Dikaji Selidik

Cita-Cita Kerjaya	*Bilangan Pelajar*	*% Pelajar*
Profesional	9	28.1
Bukan profesional	18	56.3
Tidak tahu/kabur/kosong	5	15.6
Jumlah	32	100.0

Tanpa mengira bahawa Mendaki dan AMP tidak berupaya untuk bekerjasama bagi projek MEP '10 peratus teratas', mereka telah melancarkan projek pelajaran bersama yang pertama yang dinamakan Program Asas Rendah Sekolah Rendah untuk membantu pelajar Melayu/Islam yang 'lemah' di empat buah sekolah rendah dalam tahun 1993 (*Aspire*, September-Oktober 1992: 6). Biasanya disingkatkan kepada Program P1, sekurang-kurangnya tiga puluh orang murid-murid Darjah 1 dan 2[36] daripada Sekolah Rendah Tampines, Sekolah Rendah Eunos, Sekolah Rendah Clementi Town, dan Sekolah Rendah Si Ling[37] terlibat dalam program perintis ini. Pelajar P1 menghadiri kelas khas dua kali seminggu bagi memperbaiki kemahiran bahasa Inggeris dan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Matematik mereka. Walaupun ia merupakan respons yang agak lengah menangani penyakit tenat pelajaran masyarakat Melayu/Islam, namun usaha yang dilakukan oleh Mendaki dan AMP untuk membantu pelajar 'lemah' diterima baik oleh masyarakat itu. Yang penting, program begitu mungkin akan membantu mendedahkan berbagai kekangan institusi dan struktur sistem pelajaran. Akhirnya, dengan jalan ini, perspektif dominan yang mengatakan bahawa penyakit pelajaran masyarakat itu disebabkan oleh ketandusan budaya akan terbongkar dan akan menjadi tumpuan kajian yang kritikal.

Tanpa mengira beberapa kelemahan Projek S1,[38] nampaknya projek tersebut telah membuka jendela pemahaman terhadap kelemahan institusi sistem pelajaran, kepentingan faktor ekonomi dan modal budaya, kepentingan membina keyakinan diri terutama di kalangan pelajar aliran biasa, serta keberkesanan untuk menerima pakai hubungan guru dan pelajar yang lebih mesra berdasarkan kepada rasa saling hormat menghormati, persahabatan, dan empati. Hubungan sebegitu kelihatan telah memulihkan dan menaikkan semangat pelajar S1 untuk mempunyai keyakinan dan percaya pada diri mereka sendiri dan mendorong mereka menganggap pengajian mereka tidaklah begitu sukar untuk dihadapi.

Gaya atau kaedah pengajaran pedagogi yang tidak formal oleh pemudah cara S1 yang sentiasa berusaha dengan sabar untuk menarik minat pelajar dengan menerapkan contoh harian kepada konsep yang agak rumit, bagi memudahkan subjek sukar seperti Matematik dan Sains, memberikan contoh yang amat baik kepada guru dalam arus perdana. Kemesraan dan pemerhatian peribadi guru terhadap muridnya ini tidak mungkin tercapai dalam kelas yang besar sehingga tiga puluh lapan atau empat puluh orang murid yang sering terdapat dalam sekolah kerajaan. Malah, wajar sekali pelajar yang datang daripada suasana rumah yang kurang merangsang intelek serta mempunyai modal material dan budaya yang sangat terhad, dimasukkan ke dalam kelas yang kecil supaya mereka dapat menerima perhatian peribadi dan seterusnya berupaya bersaing setaraf dengan pelajar lain.

Sama pentingnya juga ialah dedikasi pemudah cara S1 ke arah kemajuan pelajaran murid-murid mereka. Mereka sangat berpegang yakin pelajar aliran biasa berkebolehan untuk mencapai taraf akademik yang tinggi. Mereka menganggap kejayaan terhad pelajar S1 adalah disebabkan oleh latar belakang sosial mereka yang mundur, modal budaya yang lemah, suasana keluarga yang tidak stabil dan keyakinan diri yang lemah. Sebagaimana yang dikatakan oleh seorang pemudah cara kepada penulis, 'Saya yakin bahawa mereka ini secerdas kanak-kanak dalam aliran ekspres, Cuma mereka tidak diberikan panduan yang baik serta rangsangan intelek yang betul untuk mencungkil bakat terbaik mereka.'

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

* * *

Andaian awal dan semangat falsafah usaha sendiri Mendaki untuk membantu yang mundur kelihatan telah dipesongkan oleh program seperti MEP yang menguntungkan golongan minoriti dalam masyarakat Melayu/Islam. Ini terbukti daripada kaji selidik penulis ke atas pekerjaan ibu bapa pelajar MEP. Respons masyarakat Melayu terhadap inisiatif seperti itu pada umumnya boleh dicirikan sebagai keresahan dan keraguan yang terpendam. Dalam satu program hal-ehwal semasa di televisyen 'Tinjauan', yang disiarkan pada 28 September 1992, orang Melayu yang ditemu bual akan sikap mereka terhadap Mendaki terang-terangan membangkang MEP. Mereka pada umumnya berpendapat bahawa lebih banyak bantuan dan sumber harus disalurkan kepada yang sangat memerlukan dalam sistem pelajaran dan bukannya elit akademik dalam MEP.[39]

Menyedari kegelisahan masyarakat Melayu terhadap program pengayaan tersebut, Perdana Menteri Goh Chok Tong menggesa Mendaki mencari keseimbangan antara membantu yang berprestasi tinggi dan yang lemah (*ST,* 31 Disember 1992). Selain memulakan Projek Perintis S1 dalam tahun 1992, Mendaki mula bertindak balas memenuhi kehendak masyarakat apabila aktif menghulurkan bantuan kepada pelajar Melayu/Islam yang 'lemah' yang tidak terlibat dalam program tuisyennya melalui penubuhan pusat pelajaran di taman perumahan (ibid.). Ada juga rancangan untuk Mendaki melaksanakan program tuisyen untuk pelajar Melayu yang lemah di sekolah yang terdapat ramai pelajar Melayu yang keciciran (*ST,* 23 Ogos 1993). Juga kerana reaksi daripada inisiatif teliti yang dilancarkan oleh Majlis Bantuan Pembangunan Masyarakat Cina (CDAC) untuk membantu orang Cina yang mundur, maka Mendaki, setelah satu dekad ditubuhkan, memberi petanda bahawa ia sedang merencana satu rancangan bersepadu untuk membantu golongan miskin dalam masyarakat Melayu.[40] Meskipun agak terlewat untuk memberikan tumpuan melaksanakan program khas bagi pelajar yang 'lemah', inisiatif begitu dialu-alukan dan satu petanda yang menggalakkan bagi masyarakat Melayu.

Namun, oleh sebab komitmen terhadap perspektif ketandusan budaya, Mendaki telah menapis diri sendiri daripada memeriksa secara kritikal akan kesan sistem pelajaran yang berhierarki dan elitis terhadap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

masyarakat Melayu. Malah, andaian dan inisiatif pelajarannya seperti MEP kelihatan bagaikan bayangan ideologi elitis dan orientasi eugenik sistem pelajaran. Ketidakbolehan atau kurang keyakinan Mendaki untuk mencabar secara kritikal perspektif ideologi dominan menunjukkan pada pokoknya Mendaki adalah sebahagian daripada entiti negara korporatis yang dikaitkan saling bergantung dengan kerajaan PAP. Hubungan politik dan ideologinya dengan kerajaan PAP dikekalkan walaupun ia bertaraf sebuah syarikat pemegangan yang sangat bergantung pada sokongan kewangan masyarakat Melayu.

Berhadapan dengan tumpuan CDAC terhadap kelas bawahan Cina, serta kritik daripada AMP (NCSMMP, 1990) dan SINDA berkenaan 'halangan institusi' (ACIE, 1991)[41] yang dihadapi oleh pelajar Melayu dan India dalam sistem pelajaran, keengganan Mendaki untuk secara kritikal menilai semula kelemahan asasi sistem pelajaran sangatlah difahami. Malah, ia telah menerima pakai pilihan politik yang berwaspada cuba mengubah dan mereformasi apa yang dipandang sebagai ketandusan sikap budaya dan nilai-nilai Melayu, dan bukannya kelemahan institusi sistem pelajaran itu sendiri. Tidak seperti SINDA, yang mempunyai rancangan khas untuk meningkatkan prestasi pelajaran masyarakat India ke taraf purata kebangsaan menjelang tahun 2010 (ACIE, 1991), Mendaki belum lagi merangka sasaran seperti itu. Orang Melayu dijangka harus berpuas hati dengan kemajuan pelajaran masyarakat berbanding dengan prestasinya pada masa yang lepas meskipun sebenarnya pelajaran mereka tetap juga terus berada di pinggiran setelah lebih daripada satu dekad penubuhan Mendaki. Yang sangat merisaukan adalah bahawa Mendaki sangat setia beroperasi dalam lingkungan ideologi dan politik kepemimpinan PAP sehingga mungkin telah menjejaskan kesanggupannya untuk mencabar secara langsung kepincangan dan ketidaksamaan sistem pelajaran. Ketidaksanggupan ini telah menjejaskan pula kebolehannya untuk mewakili kepentingan pelajaran masyarakat Melayu dengan berkesan.

Apakah kewujudan Mendaki membawa perubahan? Semenjak Mendaki ditubuhkan berlaku perbincangan awam yang meluas tentang kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Program Perintis S1 bagi pelajar Melayu yang 'lemah' telah menaikkan kesedaran awam akan pentingnya faktor institusi dan yang berkaitan dengan kelas sosial yang menyebabkan kemunduran pelajaran dan mendedahkan percanggahan dalam tesis ketandusan budaya. Dari segi politiknya, Mendaki telah membawa perbezaan dalam kerajaan PAP kerana telah menyumbang pada persepsi awam bahawa kerajaan PAP aktif memenuhi tanggungjawab perlembagaannya dengan membantu

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

masyarakat peribumi yang terpinggir sosioekonomi dan pelajaran. Pada hakikatnya, Mendaki telah menjadi *de facto* Kementerian Hal Ehwal Melayu/Islam[42] dengan agenda dan kepemimpinannya dipandu ketat oleh kerajaan PAP, tetapi tanpa tanggungjawab kewangan dan sensitiviti politik kementerian itu dalam kerajaan PAP. Sebagai satu entiti dalam struktur korporatis negara yang berfungsi mengikut ketentuan ideologi dan struktur politik, Mendaki telah mengesahkan ideologi meritokrasi dan berbilang kaum.

Memang diakui bahawa kedudukan pelajaran masyarakat Melayu telah meningkat berbanding kedudukannya satu dekad yang lalu. Namun, walaupun Mendaki wujud, jurang pelajaran antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu tidak banyak berubah. Kedudukan pelajaran orang Melayu terpinggir sebelum tertubuhnya Mendaki, dan terus kekal terpinggir setelah lebih daripada satu dekad penubuhannya. Jika prestasi Mendaki harus dinilai dari segi ini, maka jelas sekali prestasi Mendaki terhad sekali. Sebagaimana yang cuba ditunjukkan oleh bab ini, Mendaki hanya dapat membantu peningkatan pelajaran yang minimum (iaitu, memperbaiki prestasi kasar pelajaran dan bukannya prestasi relatif pelajaran) untuk orang Melayu/Islam melainkan ia secara langsung mencabar andaian ideologi tesis ketandusan budaya, halangan institusi yang ada, dan struktur pelajaran yang menyekat kemajuan pelajaran orang Melayu serta kumpulan mundur sosial lain. Malah, program pelajaran Mendaki seperti MEP, skim biasiswa dan anugerah sebenarnya menyumbang ke arah melebarkan lagi jurang kelas dalam masyarakat Melayu, kerana kelas menengah Melayu telah mengaut keuntungan daripada program pelajaran sebegitu.

Akibat sosial dan politik Mendaki sebagai pertubuhan usaha sendiri etnik dalam sebuah masyarakat majmuk dan keberkesanan paradigma usaha sendiri etnik untuk menjana kesaksamaan sosial merupakan perkara yang akan dibincangkan dalam bab berikut ini.

1. Mendaki mengambil sempena maknanya untuk naik atau meningkat.

2. Satu-satunya bentuk bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan PAP kepada orang Melayu ialah dasar pelajaran percuma bagi semua pelajar Melayu. Dasar ini pada asasnya adalah penerusan pentadbiran dasar penjajah terhadap orang Melayu. Sebahagian daripada sebabnya ialah pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan pada zaman pascamerdeka, maka itu muncullah pertubuhan kebajikan masyarakat seperti cendawan tumbuh selepas hujan dalam masyarakat Melayu (Bedlington, 1974: 61).

3. Pengerusi pengasas Mendaki ialah Menteri Alam Sekitar dan Hal Ehwal Melayu/ Islam, Ahmad Mattar. Setelah Ahmad Mattar meletakkan jawatan dalam bulan Jun

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1993, Ahli Parlimen PAP Abdullah Tarmugi mengambil alih jawatan pengerusi. Beberapa orang lagi Ahli Parlimen Melayu PAP telah memegang jawatan eksekutif Mendaki.

4. Kelas tuisyen pada hujung minggu dijalankan di empat belas buah pusat tuisyen. Kelas tersebut memberi khidmat kepada pelajar dari Darjah 3 hingga ke GCE 'O' Level. Subjek yang diajar termasuk Matematik, bahasa Inggeris, dan Sains. Skim tuisyen di rumah telah diperkenalkan dalam tahun 1987 untuk sesiapa yang inginkan perhatian yang lebih peribadi (Yayasan Mendaki, *Laporan Tahunan,* 1990: 11). Makin ramai pelajar Melayu (39 peratus) menghadiri khidmat tuisyen awam yang diberikan oleh pertubuhan masyarakat berbanding 17 peratus orang India dan 13 peratus Cina (*ST,* 4 April 1992). Sebaliknya, hanya 25 peratus pelajar Melayu mengikuti tuisyen persendirian berbanding 43 peratus India dan 32 peratus Cina (Ibrahim, *ST,* 18 Oktober 1992).

5. Bagi pelajar yang tidak menghadiri tuisyen hujung minggu, 88 peratus lulus subjek bahasa Inggeris, 46.6 peratus lulus Matematik, dan 77.3 peratus lulus Sains. Ini berbanding dengan yang mengikuti tuisyen: 99.5 peratus lulus bahasa Inggeris, 68.9 peratus lulus Matematik, dan 99 peratus lulus Sains (*Aspire,* Jun-Ogos 1992: 1).

6. Contohnya, dalam tahun 1980 hanya 16 peratus Melayu memperolehi 5 'O' Level. Dalam tahun 1990, angka ini meningkat kepada 45 peratus (*Sunday Times,* 18 Oktober 1992). Dalam tahun 1992, 75 peratus Melayu lulus PSLE berbanding 67 peratus dalam tahun 1982 (*ST,* 6 Oktober 1992).

7. Setakat itu, sumber kewangan Mendaki sebahagian besarnya datang daripada sumbangan caruman CPF masyarakat Melayu sebanyak 50 sen setiap orang sebulan dan peruntukan kewangan tahunan dari kerajaan berjumlah $250,000 sebulan.

8. Namun begitu, inisiatif pelajaran Mendaki yang baru disusun semula menjadi keutamaan tertinggi, seperti yang ditunjukkan oleh peruntukan besar untuk pelajaran belanjawannya dalam tahun 1991.

Perkara Perbelanjaan	*% Belanjawan*
Pelajaran	63
Pentadbiran, khidmat korporat, dan perhubungan awam	8
Penyelidikan dan pembangunan	9
Kewangan dan pembangunan ekonomi	6
Hal ehwal sosio-budaya	4
Jumlah	100

Sumber. 'Aspiring to a Better Community', Risalah Yayasan Mendaki, 1992

Ketua Pegawai Eksekutif Mendaki, Zainal Abidin Rasheed, mengesahkan dalam tahun 1992 bahawa pelajaran akan terus menjadi tumpuan utama Mendaki (*ST,* 13 April 1992).

9. *Mendaki Travels* merupakan penyusunan semula *Mendaki Travel and Tours* yang menghadapi masalah kewangan dan masalah perkongsian niaga dengan *Smiling Tours.*

10. Dalam perbahasan lanjutan 'usul' Goh, sedikit sahaja publisiti yang diberikan kepada kenyataan bahawa prinsip pendidikan percuma kepada orang Melayu telah dicabuli kerana pelajar Melayu di sekolah persendirian telah membayar yuran persekolahan semenjak tahun 1988 (*ST,* 23 Jun 1987).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

11. Pengajian tinggi percuma, untuk segelintir pelajar Melayu yang berdaftar di institut pengajian tinggi menyebabkan kerajaan menanggung kos sebanyak $1.5 juta setahun dalam tahun 1988. Sebagai bandingan, subsidi yuran pengajian tinggi lebih kurang 20 peratus kepada pelajar ASEAN di institut pengajian tinggi di Singapura, tidak diteliti kerajaan.

12. Sebagai menentang 'usul' yuran pengajian tinggi, bekas Menteri PAP (di Jabatan Perdana Menteri) Haji Ya'akob Mohammed menyatakan bahawa dasar pendidikan percuma bagi orang Melayu harus dikekalkan kerana kedudukan sosioekonomi masyarakat Melayu masih lagi lemah dan maka itu rasional asal dasar itu masih lagi diterima pakai (*ST,* 30 Jun 1989).

13. Sebaik sahaja kerajaan PAP mengugut untuk menamatkan sokongan kepada Mendaki dalam pilihan raya 1988, dalam beberapa bulan sebelum pilihan raya 1991 pula, ia menawarkan masyarakat Melayu $10 juta sepanjang tempoh lima tahun yang akan ditadbirkan oleh Mendaki. Ramai pemberi maklumat penulis memandang sinis dengan tawaran PAP itu sebagai sogokan pilihan raya memandangkan tindakan PAP dalam pilihan raya sebelumnya.

14. Pendidikan percuma bagi orang Melayu telah dimulakan oleh pentadbir penjajah British sebagai pengiktirafan taraf peribumi masyarakat itu.

15. Dari tahun akademik 1990/1, semua pelajar Melayu yang belajar di institut pengajian tinggi tidak lagi secara automatik dikecualikan daripada membayar yuran. Mendaki diberikan tanggungjawab untuk memproses pemohonan subsidi yuran pengajian tinggi yang tertakluk pada ujian. Subsidi penuh diberikan kepada pemohon daripada keluarga mempunyai pendapatan kurang daripada $1,200 sebulan, manakala yang datang daripada keluarga berpendapatan antara $2,000 - $ 3,000 sebulan menerima 70 peratus subsidi.

16. Pengerusi Mendaki telah dipegang oleh Ahmad Mattar dari tahun 1982 sehingga beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Alam Sekitar dan Hal Ehwal Melayu/ Islam dalam tahun 1993. Semenjak itu, Menteri Alam Sekitar dan Hal Ehwal Melayu/ Islam, Abdullah Tarmugi, telah memegang jawatan pengerusi Mendaki.

17. Perkara itu menjadi makin rumit apabila tidak ada kesepakatan dalam persidangan tentang isu tidak mempolitikkan Mendaki dan pertubuhan masyarakat lain. Memandangkan hubungan yang rapat antara kerajaan PAP dan pertubuhan itu seperti pergerakan kesatuan sekerja dan peranan utama Ahli Parlimen PAP dalam penubuhan Mendaki dalam tahun 1982, justeru seruan AMP untuk tidak mempolitikkan Mendaki boleh dilihat sebagai satu tindakan politik naif kerana tidak mungkin ia akan terjadi. Sama seperti Mendaki, SINDA dan juga CDC juga boleh dikatakan dipolitikkan kerana Ahli Parlimen PAP sangat rapat dengan badan usaha sendiri etnik tersebut secara rasmi dan tidak rasmi.

18. Kerajaan PAP semenjak itu telah memberikan AMP menggunakan premis bekas Sekolah Lelaki Haig dengan kadar sewa yang serendah $12 setahun (*ST,* 28 Jun 1992).

19. Penulis hadir dalam satu daripada mesyuarat perundingan yang diadakan dalam bulan November 1990.

20. Namun begitu, AMP mengingatkan bahawa ia hanya akan menerima bantuan kerajaan PAP selagi ia dapat mengekalkan kebebasannya (*ST,* 14 April 1991).

21. Lembaga Pengarah Mendaki dalam tahun 1992 termasuk Ahli Parlimen PAP seperti Ahmad Mattar, Zulkifli Mohammed, dan Abdullah Tarmugi. Dalam tahun 1992, Lembaga Pengarah Mendaki termasuk juga Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Menteri Penerangan dan Kesenian, Brigadier General George Yeo.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

22. Dari tahun 1982 hingga 1988, Mendaki menganugerahkan sejumlah $1.3 juta pinjaman pelajaran dan $258,000 bantuan pengajian siswazah.

23. Dari tahun 1982 hingga 1988, Mendaki mengeluarkan anugerah merit berjumlah $93,700 (*Suara Mendaki*, 10 Mac 1989). Mendaki juga mentadbir biasiswa yang dikeluarkan oleh MUIS (Majlis Ugama Islam Singapura), LBKM (Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud), Jamiyah (Persatuan Dakwah Islam); MSE Angullia, British Council, Institut Akauntan Awam Bertauliah Singapura, Hotel Properties Pte Ltd., Institut Jurutera Singapura, Institut Pemasaran Singapura, Pusat Gunaan Komputer Serantau, Institut Pengurusan Singapura, dan Kolej Pengajian Lanjutan Australia Barat.

24. Beliau juga mencadangkan supaya anugerah tidak sahaja terhad kepada pelajar cemerlang dalam peperiksaan kebangsaan, tetapi harus termasuk pelajar yang terbaik dalam bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains, pelajar terbaik di setiap sekolah, dan pelajar yang membuat peningkatan prestasi yang terbesar.

25. Inisiatif pelajaran termasuk skim tuisyen hujung minggu, skim tuisyen di rumah, kelas dan klinik ulangkaji, bengkel Matematik untuk tutor, pembelajaran Matematik berasaskan komputer bagi Darjah 3 dan 4, biasiswa Mendaki, sistem kawan, kursus bahasa Inggeris, pinjaman tanpa faedah bagi pelajar pengajian tinggi, kursus penghayatan komputer, sijil kursus pengendalian komputer, diploma komputer dan teknologi maklumat, dan ceramah/bengkel pembangunan kanak-kanak dan keluarga.

26. Ucapan kepada peserta Mendaki dalam 'Seminar Untuk Tutor dan Mentor' pada 30 Mei 1992, Maktab Rendah Anderson.

27. Dihadiri oleh penulis.

28. Dalam tahun 1990, 134 orang pelajar Melayu/Islam lapisan 10 peratus teratas PSLE dipelawa untuk melibatkan diri dalam program pengayaan. Dalam tahun 1991, 113 pelajar Melayu/Islam melibatkan diri dalam program itu (*Aspire*, Mac/April 1992, No.1, hlm. 11).

29. Diadakan di Pusat Sains, Pesta Sains satu hari itu termasuk kuliah dan demonstrasi yang menarik oleh para saintis dari Pusat Sains dengan tajuk seperti 'Silap Mata Bersama Sains', makmal kimia tempat pelajar ditunjukkan bagaimana membuat sabun, dan makmal fizik bertajuk 'Rampaian Kelopak Bunga'. Seminar itu dihadiri oleh penulis.

30. Pada 25 Mei 1991, satu seminar di Universiti Nasional Singapura telah dianjurkan oleh Mendaki untuk 'bertemu ibu bapa dan pelajar' bagi pelajar 10 peratus teratas. Elitisme dalam seminar MEP itu terang-terangan ditonjolkan daripada tajuk yang dianjurkan seperti 'Memupuk Bintang Agung'.

31. Norazlina Abdul Wahab, 'Growing Together - The Path to Leadership', *IQRA*, (1992: 10).

32. Apabila diteliti senarai mentor dalam *IQRA* (1992: 12) menunjukkan bahawa kebanyakan mereka, jika tidak semuanya, mempunyai kelayakan pengajian tinggi dan memegang jawatan profesional. Mereka termasuk peguam, doktor, ahli akademik, dan guru Melayu/Islam.

33. Pelajar MEP yang dikaji selidik secara rambang termasuk yang pernah mengikuti seminar Sains, Inggeris, dan Matematik yang dianjurkan oleh Mendaki dalam tahun 1992 yang dihadiri oleh penulis.

34. Hanya 10 peratus daripada pekerja Melayu mempunyai pekerjaan profesional dan teknikal dalam tahun 1990 (*ST*, 10 Oktober 1992). Angka ini akan jatuh

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mendadak sekiranya yang bekerja dalam kategori teknikal tidak dimasukkan ke dalam kategori profesional.

35. Dari pemerhatian dan perbincangan penulis dengan pentadbir S1, hubungan mesra atau persahabatan telah terjalin antara pemudah cara kumpulan dan pelajar. Aktiviti sosial seperti berkelah, bersukan, sesi membaca, dan aktiviti lain sering dianjurkan oleh pemudah cara kumpulan lebih kurang sekali sebulan.

36. Pelajar yang dipilih akan menjalani ujian diagnostik untuk menentukan keupayaan belajar mereka. Prestasi dalam kelas mereka juga akan dinilai.

37. Sekolah ini dipilih terutamanya kerana terdapat ramai pelajar Melayu di situ.

38. Beberapa orang pemudah cara merungut bahawa pada permulaan program mereka dibekalkan dengan kertas kerja yang bermutu tinggi. Tetapi, semakin lama semakin merosot dan sampai penghujung tahun mereka langsung tidak dibekalkan dengan kertas kerja untuk membantu mereka mengajar dalam kelas tutorial.

39. Dalam majlis makan malam menyambut sepuluh tahun Mendaki, Ketua Pegawai Eksekutif Mendaki, Zainal Abidin Rasheed (*ST*, 9 Disember 1992), mempertahankan MEP daripada kritikan masyarakat dengan menggunakan hujah kesaksamaan. Beliau mendakwa bahawa pelajar yang 'berprestasi tinggi' seperti juga pelajar lain, tidak harus 'dinafikan sokongan hanya kerana mereka berprestasi baik'. Dalam majlis yang sama, Perdana Menteri Goh Chok Tong (ibid.) menyokong pembelaan Rasheed itu dengan berhujah bahawa 'pelajar berprestasi tinggi' ialah orang penting untuk meningkatkan masyarakat ke martabat baru dan jika potensi mereka tidak dimaksimumkan 'masyarakat pada keseluruhannya akan rugi kerana akan kekurangan sumber dari dalam masyarakat itu untuk membantu yang lemah'.

40. Sehingga awal tahun 1990-an, tidak ada badan atau pertubuhan yang menyelaras bantuan yang diberikan kepada orang Melayu kelas bawahan oleh pelbagai pertubuhan kebajikan masyarakat Melayu. Ini ialah salah satu daripada cadangan M. Blake (1991).

41. Halangan institusi yang disebut termasuk tidak adanya bahasa Tamil sebagai bahasa kedua dalam hampir semua tadika. Bahasa Tamil sering diajar di luar masa kurikulum di kebanyakan sekolah, dan ini menjejaskan masa terhad bagi pelajar untuk mengulang kaji. Lagi pula mereka terpaksa berulang-alik dari sekolah ke pusat bahasa untuk belajar bahasa Tamil (ACIE, 1991: 20). Mereka juga menghadapi kekurangan buku dan sumber pembelajaran termasuk bahan pembelajaran berbantukan komputer dalam bahasa Tamil bagi murid-murid tadika (ibid.). S. K. Bhattacharya, ahli perwakilan majlis Tamil, telah memetik dasar pelajaran seperti mengumpulkan pelajar Tamil yang lemah ke sekolah yang kurang kemudahan dan guru yang tidak begitu berpengalaman (*ST*, 4 Julai 1991).

42. Mendaki bertanggungjawab mengawasi rancangan lima tahun pertubuhan Melayu/Islam dan mengagihkan peruntukan kewangan kepada pertubuhan itu (*ST*, 7 Mac 1991).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

11
Paradigma Usaha sendiri Etnik

Bab ini mengkaji keberkesanan pendekatan usaha sendiri etnik dalam menangani peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu. Juga diberi perhatian adalah sejauh mana pendekatan usaha sendiri etnik mengukuhkan lagi stereotaip budaya dan penentuan biologi, memperkecilkan kepentingan faktor sejarah, kelas, dan institusi dalam menyumbang ke arah kemunduran sosial dan melebarkan jurang sosioekonomi antara etnik dengan intraetnik. Manakala paradigma usaha sendiri etnik menopang pendekatan pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP terhadap kebajikan masyarakat, maka itu akan ditonjolkan percanggahan dalaman pendekatan usaha sendiri etnik.

Motivasi dan Premis Panduan Paradigma Usaha sendiri Etnik

Bantuan minimum kerajaan PAP untuk menangani masalah peminggiran sosioekonomi dan pelajaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dalam dekad sebaik selepas merdeka telah mencetuskan pertumbuhan pertubuhan kebajikan Melayu/Islam untuk menggembleng sumber mereka memperbaik keadaan masyarakat Melayu.[1] Inisiatif badan usaha sendiri digalakkan oleh kepemimpinan PAP kerana selaras dengan kepercayaan mereka bahawa sebab-musabab peminggiran Melayu datangnya daripada sikap dan nilai lembap masyarakat itu, maka itu sebahagian besar tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah terpulang pada daya usaha masyarakat itu sendiri.

Kerajaan PAP yang lebih sukakan inisiatif ehsan swasta dan usaha sendiri masyarakat, mencerminkan falsafahnya yang menentang negara memainkan peranan besar membiayai program kebajikan masyarakat untuk orang yang daif. Perkhidmatan kebajikan negara diawasi dengan teliti ke tahap yang minimum sahaja kerana percaya khidmat kebajikan


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

yang meluas akan mendorong bencana sosial dan ekonomi negara (Rodan, 1989: 185). Malah, aliran dasar yang terkini menunjukkan bahawa kerajaan PAP bukan sahaja meminimumkan, perkhidmatan kebajikan negara tetapi turut menswastakannya secara bersistem. Bagi menggantikan peranan negara, pihak keluarga, masyarakat bangsa, masyarakat etnik, dan pasaran (Ramesh, 1992: 1) telah digalakkan untuk memikul tanggungjawab menangani keperluan orang miskin. Dalam ucapan kepada aktivis PAP dalam bulan Jun 1992, Perdana Menteri Goh Chok Tong (Editorial, *ST,* 25 Jun 1992) mengulang pendiriannya bahawa tumpuan pokok program kerajaan adalah terus kuat menentang desakan untuk memperluas komitmen kerajaan terhadap kebajikan masyarakat. Kepentingan tema ini telah juga diulang dalam ucapannya pada Hari Kebangsaan tahun 1992 dan 1993.[2]

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab 10, penemuan oleh banci 1980 telah mengejutkan kepemimpinan PAP dan Ahli Parlimen Melayu PAP akan ketidakupayaan pertubuhan kebajikan etnik/agama secara bersendirian dan bersama untuk membaiki taraf sosioekonomi orang Melayu. Yang lebih mengejutkan daripada pendedahan banci itu adalah bahawa jurang antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu bukan semakin rapat, malah mungkin bertambah lebar.[3] Sebagai respons kepada aliran yang mengejutkan ini, satu program bantuan sosial telah dicadangkan oleh Ahli Parlimen Melayu PAP pada awal tahun 1980-an sebagai usaha untuk menangani peminggiran Melayu. Kepintaran program itu ialah ia tidak begitu menjejaskan pendirian pendukung idea kesederhanaan kerajaan PAP terhadap kebajikan masyarakat. Sebaliknya, ia berpusat pada menjana sumber masyarakat Melayu dan berbagai-bagai badan kebajikan akar umbi yang diletakkan di bawah satu payung badan pusat yang menumpukan usaha menangani penyakit pelajaran masyarakat itu. Pelajaran dipilih sebagai tumpuan perhatian dengan andaian bahawa pelajaran merupakan alat mobiliti sosial yang paling berkesan untuk memperbaik kedudukan lesu sosioekonomi orang Melayu. Untuk menjamin masa depan kewangan badan usaha sendiri etnik/agama yang dicadangkan itu, sumbangan bulanan daripada setiap orang pekerja Melayu/Islam dimanfaatkan dengan menggunakan sistem potongan caruman mereka kepada CPF.[4]

Setelah paradigma usaha sendiri etnik menjadi kenyataan dengan tertubuhnya Mendaki, hanya masa sahaja yang menentukan sebelum masalah sosioekonomi dan pelajaran masyarakat etnik yang lain dapat ditangani seperti paradigma usaha sendiri etnik Mendaki. Pada 1990, tidak lama selepas keprihatinan diluahkan (ACIE, 1991) oleh anggota masyarakat India tentang penyakit teruk sosioekonomi dan pelajaran

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dalam masyarakatnya, maka SINDA ditubuhkan. Dua tahun kemudian, CDAC pula dilancarkan setelah diberikan galakan dan dorongan yang kuat oleh kepemimpinan PAP betapa perlunya badan kebajikan seperti itu untuk masyarakat Cina.[5] Bimbang masyarakat Serani akan ketinggalan berikutan inisiatif usaha sendiri masyarakat etnik yang dilancarkan masyarakat etnik utama lain, Persatuan Serani membentuk Dana Pembiayaan pada Julai 1992. Dana itu akan menyalurkan bantuan pelajaran dan kebajikan kepada masyarakat Serani yang mempunyai anggota seramai 13,000 orang[6] (*ST,* 9 Julai 1991). Dengan tertubuhnya berbagai-bagai badan usaha sendiri etnik, maka kerajaan PAP dapat menjamin bahawa kebajikan yang dibiayai oleh negara dapat dibendung ke tahap yang minimum.

Menyuarakan keprihatinan aliran usaha sendiri etnik yang sektarian (*Sunday Times,* 5 Mei 1991; *ST,* 20 Julai 1991; *Sunday Times,* 3 Mei 1992; Rahim, *ST,* 26 September 1992), kepemimpinan PAP telah menjawab bahawa pendekatan berasaskan etnik adalah berkesan untuk mendapatkan sokongan sumber kewangan dan sumber manusia dari dalam masyarakat masing-masing. Selaras dengan aliran fahaman sosiobiologi, mereka mendakwa bahawa pendekatan usaha sendiri etnik dengan berkesan menjana 'altruisme keluarga' yang wujud ke arah membantu orang yang ketinggalan sosial dalam masyarakat etnik mereka sendiri. Logik ahli sosiobiologi ini berdasarkan andaian bahawa fitrah manusia adalah mementingkan diri sendiri, dan hanya cenderung membantu orang yang memerlukannya dalam masyarakat mereka sahaja, dan bukannya kepada manusia yang lainnya yang berada dalam keadaan yang sama.[7] Dengan menggunakan logik ini, Menteri Kanan Lee Kuan Yew (*ST WOE,* 18 Januari 1992) mendakwa bahawa manusia rela 'berkongsi seguni beras terakhirnya ... (dengan) orang yang mereka rasa bertanggungjawab secara fitrah dan budaya kerana mereka itu datangnya dari rumpun suku yang sama, begitulah adanya.' Kewajaran kebaikan pendekatan usaha sendiri etnik ditokok lagi, Lee (*ST,* 26 Jun 1992) mengisytiharkan bahawa kepemimpinan yang komited dalam elit sosial setiap masyarakat etnik yang berfungsi dalam paradigma kebajikan berorientasikan masyarakat ialah 'anak kunci' bagi mengatasi masalah kemunduran sosial masyarakat etnik minoriti seperti orang Melayu Singapura.[8]

Dengan mengetepikan dahulu perbahasan moral dan empirik yang timbul daripada dakwaan begitu, hujah yang menerima tanggapan sosiobiologi bahawa etnik berat sebelah yang asal adalah 'semula jadi' dan maka itu perlu digalakkan, ini mendorong rasa tidak selamat dan rasa mudah terancam di kalangan etnik minoriti. Etnik minoriti sudah

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

tentu takut bahawa apabila berlaku ketakstabilan politik, sosial atau ekonomi, pemimpin kerajaan yang datang daripada masyarakat etnik majoriti akan menjadi mangsa kepada pilih kasih etnik yang wujud ini lalu menukar dasar kerajaan. Dalam persekitaran sosial yang tidak menjamin keselamatan etnik, perasaan tidak puas hati tentang perbezaan kelas sosial dan etnik, mungkin berpunca daripada perbezaan etnik sahaja manakala perbezaan kelas tidak begitu diambil kira.

Sejarah sarat dengan contoh ahli politik dan parti politik dalam kerajaan, atau pembangkang, yang menggunakan bentuk perkauman atau pendirian politik sektarian lain untuk mengaut keuntungan politik, terutamanya ketika negara mengalami krisis atau apabila kuasa politik mereka goyang kerana dicabar. Sesebuah masyarakat yang disusun dan digembleng berdasarkan kaum, maka akan mudah berpecah-belah berdasarkan kaum, memudahkan masyarakat kaum digunakan untuk menentang antara satu sama lain (Clammer, 1982: 127-30). Penginstitusian politik berorientasikan perkauman oleh kerajaan PAP melalui GRC, kuota perumahan etnik, pengekalan dasar tutup pintu kepada orang Melayu daripada memasuki unit sensitif SAF, aktif menggalakkan bahasa Mandarin dan Konfusianisme untuk manfaat eksklusif masyarakat Cina sahaja, kenyataan bertalu-talu pemimpin PAP yang mengatakan bahawa kejayaan ekonomi dan kestabilan politik Singapura sebahagian besarnya bergantung pada sifat dinamik budaya Cina (Goh Keng Swee, *ST,* 4 Februari 1982; Lee Kuan Yew, *ST WOE,* 2 November 1991), serta kepercayaan bahawa Singapura boleh mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi sekiranya ia lebih homogen budayanya (Lee Kuan Yew, *Asia Magazine,* 30 November 1986) telah meningkatkan rasa tidak selamat di kalangan etnik minoriti di Singapura.

Tambah pula, percanggahan yang terdapat dalam paradigma usaha sendiri etnik itu sendiri, yang menerima dan mengeksploitasi keakraban etnik yang primordial, dan bukannya daripada jenis keakraban lain, bercanggah dengan ideal berbilang kaum yang menjadi salah satu asas republik Singapura.[9] Percanggahan ini telah dipertahankan oleh Perdana Menteri Goh Chok Tong atas alasan bahawa pendekatan usaha sendiri etnik merupakan sintesis bijak antara perkauman dan berbilang kaum (*BT,* 8 Februari 1991). Hujah lain untuk menyangkal sebarang minat awam terhadap kemungkinan daya maju badan usaha sendiri yang berbilang kaum, maka itu dapat mengurangkan kecurigaan minoriti, ialah dakwaan Goh (*ST,* 30 Oktober 1992) dalam satu majlis SINDA dalam bulan Oktober 1992 bahawa sebuah badan kebangsaan untuk membantu yang mundur dari semua kaum tidak akan berkesan kerana

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

etnik minoriti akan menganggap bahawa badan itu didominasi oleh masyarakat majoriti Cina.[10] Goh Chok Tong (*ST,* 30 Oktober 1992), Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong (*ST,* 31 Ogos 1992) dan Menteri Undang-Undang S. Jayakumar (*ST,* 12 Oktober 1992) juga mendakwa bahawa badan etnik lebih berkesan daripada badan usaha sendiri berbilang kaum kerana mereka lebih lengkap untuk menampung 'keperluan khusus' dan 'masalah yang berbeza' dalam masyarakat etnik mereka sendiri. Apakah yang dikatakan 'keperluan khusus', 'masalah yang berbeza', dan 'perbezaan sistem nilai' (BG Yeo, *Sunday Times,* 4 Oktober 1992) setiap masyarakat etnik tidak pernah dijelaskan oleh kepemimpinan PAP.

Dalam usaha untuk melepaskan kerajaan PAP daripada percanggahan tafsiran, rasional, dan justifikasi penubuhan paradigma badan usaha sendiri etnik, editorial *Straits Times* (*ST*, Julai 1991) mengatakan bahawa ia sebagai 'langkah sementara dalam proses membina masyarakat kebangsaan rakyat Singapura yang benar-benar ehsan dan berdikari.' Bahawasanya kerajaan PAP harus mengguna pakai langkah perkauman yang kononnya bersifat 'sementara' ini, iaitu setelah tiga puluh tahun kemerdekaan politik, bolehlah ditafsirkan sebagai pengakuan kegagalan percubaannya untuk membina masyarakat berbilang kaum. Ia mungkin juga merupakan petunjuk kepada perubahan politik mudah kepemimpinan PAP dari ideal asalnya, iaitu berbilang kaum, yang begitu lantang diperjuangkan ketika berada dalam Malaysia, kepada menginstitusikan pendekatan perkauman.

Pembahagian Sosial Antara Etnik dan Dalam Etnik

Kewujudan Mendaki hampir sepuluh tahun sebelum tertubuhnya SINDA dan CDAC mungkin telah menimbulkan ketegangan dan rasa tidak selamat di kalangan masyarakat bukan Melayu yang kurang berpelajaran dan berpendapatan rendah yang tidak diberikan bantuan sosial dan pelajaran yang sama seperti yang dihulurkan oleh Mendaki kepada masyarakat Melayu/Islam. Mendaki bukan sahaja merupakan ancaman kepada kedudukan ekonomi mereka yang tidak stabil itu, tetapi juga akan menyekat peluang hidup mereka pada masa hadapan. Terutamanya ketika berlaku kemelesetan ekonomi apabila peluang pekerjaan berkurangan dan keselamatan ekonomi terancam, justeru kemajuan dan juga rintangan mana-mana badan usaha sendiri etnik berkemungkinan besar akan mencetuskan rasa iri hati, persaingan dan kemarahan antara etnik. Ini telah diperhatikan oleh Wilson (1989: 120)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

yang menghujahkan bahawa pendekatan kebajikan sosial yang tidak berdasarkan mana-mana puak etnik akan mendapat lebih sokongan daripada pihak awam, dan maka itu dapat mengekalkan dirinya merentasi zaman kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan politik. Sebagaimana yang dikatakan oleh beliau (ibid.), 'Agenda tersirat adalah untuk memperbaik peluang hidup kumpulan sosial seperti kelas bawahan dengan menumpukan pada program yang dapat dikaitkan secara positif oleh semua kumpulan kaum yang lebih maju.'

Tuduhan tidak adil dan pilih kasih dalam membantu sesebuah masyarakat etnik minoriti tertentu dan tidak kepada masyarakat etnik yang lain bertambah ketara apabila semakin ramai bilangan individu yang mundur sosial terdapat dalam masyarakat etnik majoriti. Prihatin kerana mereka tidak mendapat bantuan dan perhatian yang adil daripada kerajaan, maka terbit suasana tidak selamat dan persaingan perkauman. Begitulah seringnya berlaku, peningkatan rasa tidak selamat dan persaingan antara pelbagai etnik akan menguatkan lagi kesedaran etnik.

Arus ketegangan di kalangan masyarakat bukan Melayu terhadap Mendaki dapat diperhatikan pada tahun-tahun awal penubuhannya dan sebelum tertubuhnya SINDA dan CDAC pada 1990-an. Dalam Persidangan Dwitahunan PAP pada bulan Januari 1989, Goh Chok Tong (*ST,* 9 Januari 1989) mengaku bahawa bantuan kerajaan PAP kepada masyarakat Melayu melalui Mendaki membawa risiko pengurangan sokongan bukan Melayu terhadap PAP. Perkara ini telah diulangi oleh Timbalan Perdana Menteri Lee Hsien Loong (*Sunday Times,* 9 Jun 1991) yang mengatakan bahawa bantuan kerajaan PAP kepada kumpulan minoriti dikekang oleh keutamaan pengundi masyarakat majoriti Cina terhadap PAP. Dengan lain perkataan, kelangsungan politik bagi sesebuah kerajaan yang bergantung pada satu masyarakat etnik tertentu, tidak boleh dianggap terlalu banyak memberikan bantuan dan perhatian kepada masyarakat minoriti.

Potensi pertentangan etnik yang muncul akibat pendekatan kebajikan berlandaskan etnik bukan sahaja mungkin berlaku antara masyarakat etnik, tetapi juga kumpulan dalam masyarakat etnik yang dibantu. Manifestasi, perpecahan dalam masyarakat sudah pun berlaku pada pengundi Mendaki iaitu masyarakat Islam. Contohnya, perwakilan daripada masyarakat India Islam telah merungut bahawa Mendaki tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada keperluan masyarakat India Islam, dan juga telah mengkritik badan itu kerana terlalu banyak memberikan tumpuan pada kepentingan Melayu Islam sahaja, bukan kepada Islam Singapura keseluruhannya. Kecewa kerana tidak adanya perwakilan India Islam dalam Lembaga Pengarah Mendaki dan juga

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Lembaga Penasihat Mendaki,[11] maka pada 1991, enam buah pertubuhan India Islam berura-ura untuk membentuk satu persekutuan yang bertujuan memperbaiki taraf kehidupan dan pelajaran kanak-kanak India Muslim (*Sunday Times,* 27 Ogos 1991). Maka itu pembentukan Persekutuan India Islam pada bulan Mac 1992 boleh dilihat sebagai undi tidak percaya masyarakat India Islam akan keupayaan Mendaki mewakili dengan adil kepentingan semua orang Islam di Singapura.

Ketegangan dalam masyarakat Cina antara golongan yang menentang pendekatan etnik CDAC dalam usahanya membantu orang yang mundur dan tidak mahu menyumbang kepada dana CDAC daripada skim potongan caruman CPF[12], dengan golongan yang bersetuju dengan pendekatan CDAC, telah timbul sebelum pelancaran badan itu dalam bulan September 1992. Sebanyak 8.7 peratus daripada 760,000 orang pekerja Cina (*ST,* 1 Januari 1993) telah membuat keputusan tidak mahu menyumbang wang simpanan CPF mereka kepada CDAC. Goh Chok Tong telah mengenal pasti mereka yang tidak mahu membuat sumbangan sebagai golongan masyarakat Cina yang berpendidikan Inggeris (*ST,* 21 September 1992). Yang menariknya, sebab utama yang disebut oleh orang Cina berpendidikan Inggeris untuk tidak mahu memberikan bantuan kewangan kepada CDAC[13] adalah kerana falsafah mereka yang menentang pendekatan usaha sendiri etnik CDAC (*Sunday Times,* 3 Mei 1992; *ST,* 22 September 1992; G. Lee, *ST,* 26 September 1992). Ramai pula yang telah mendesak supaya ditubuhkan badan usaha sendiri berbilang etnik yang akan membantu semua rakyat Singapura yang daif sebagai salah satu usaha untuk mengekalkan ideal berbilang kaum Singapura.

Ketaksamaan Enjin Bantuan

Memandangkan keteguhan kewangan jangka panjang badan usaha sendiri etnik ini bergantung terutamanya pada sumbangan CPF dan bentuk derma lain daripada masyarakat etnik masing-masing, masyarakat Cina yang dominan dari segi ekonomi dan sosial mempunyai tabungan sumber kewangan yang lebih besar. Pada awal tahun 1990-an, dianggarkan 550,000 orang Cina yang berpendapatan kurang daripada $2,000 sebulan menyumbang 50 sen sebulan kepada CDAC melalui potongan CPF, manakala 200,000 orang Cina yang berpendapatan lebih daripada $2,000 sebulan memberikan sumbangan sebanyak $1.00 sebulan (*ST,* 28 April 1992). Dengan sejumlah 800,000

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

orang pekerja Cina yang membuat sumbangan kepada CDAC, badan itu menerima $5.7 juta setahun hanya daripada potongan sumbangan CPF sahaja (*Sunday Times,* 2 Ogos 1992). Sebaliknya, Mendaki hanya menerima $870,000 daripada kadar tetap sebanyak $1.00 sebulan potongan sumbangan CPF pekerja Melayu Islam pada 1991, manakala pengundi India yang lebih kecil dijangka menerima $1.5 juta daripada sistem potongan sumbangan CPF pekerja India pada 1992.[14] Kepentingan asas kewangan CDAC yang kukuh itu amat penting apabila dilihat dari konteks masalah sosioekonomi dan pelajaran yang teruk yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan India, berbanding masyarakat Cina.

Malah sebelum pelancaran CDAC dalam bulan September 1992, kumpulan wang endowmen itu telah berjaya mengumpulkan $5.5 juta dalam bentuk ikrar dan derma daripada persatuan suku kaum, persatuan perniagaan, kumpulan masyarakat, dan individu (*ST,* 5 September 1992). Persatuan suku kaum yang kaya seperti Hokkien Huay Kuan dan Ngee Ann Kongsi telah berjanji menyumbang sebanyak $1 juta yang akan dibayar dalam tempoh masa sepuluh tahun, manakala Persatuan Masyarakat Khek Nanyang berjanji menderma $100,000 dalam tempoh lima tahun. Jurubank dan jutawan Wee Cho Yaw menjadi penderma individu yang terbanyak apabila beliau menderma sebanyak $1 juta dalam bulan Ogos 1992.[15] Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Singapura (SCCCI) pula membuat aku janji sumbangan sebanyak $250,000, manakala Chinese Press telah mengumpulkan sebanyak $1.7 juta (*ST,* 5 September 1992), dan $400,000 telah dikumpulkan daripada majlis makan malam pelancaran CDAC dalam bulan September 1992 (*ST,* 14 Ogos 1992). Selain sumbangan kewangan daripada pertubuhan Cina, CDAC juga telah ditawarkan bangunan untuk dijadikan pusat tuisyennya oleh tiga belas anggota Persekutuan Persatuan Suku Kaum Cina Singapura (SFCCA) (*ST,* 20 Julai 1992).

Didorong oleh derma yang banyak daripada suku kaum, persatuan dan pertubuhan perniagaan yang kaya, CDAC merancang untuk mengumpulkan sejumlah $50 juta untuk dana pembiayaannya dalam masa sepuluh tahun untuk membantu membiayai projek pelajaran dan projek kemasyarakatan lain (*ST,* 11 Julai 1992; *Sunday Times*, 2 Ogos 1992). Sasaran $50 juta itu pasti dapat dijayakan kerana para jutawan seperti Wee Cho Yaw (Pengerusi United Overseas Bank), Lien Ying Chow (Pengerusi Overseas Union Bank), Ong Beng Seng (Pengerusi Kuo International), dan Shaw Vee Meng (Pengarah Shaw Brothers Organization) telah dilantik untuk mengetuai usaha CDAC meningkatkan wang dana pembiayaannya (*ST,* 14 Ogos 1992). Secara

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

sepintas lalu apabila menyemak senarai Lembaga Pengarah dan Penasihat CDAC menunjukkan nama jutawan yang terkenal seperti Ong Lay Khiam daripada Tay Lee bank, Wee Cho Yaw daripada United Overseas bank, Lien Ying Chow daripada Overseas Union Bank, Shaw Vee Meng dari Shaw Brothers Organization, dan Tan Eng Joo dari Haw Par Brothers (*ST,* 28 April 1992). Tambahan lagi, CDAC mendapat sokongan daripada SCCCI dan SFCCA yang mempunyai pengaruh politik yang kuat dan kedudukan ekonomi yang mantap. Berbeza sekali dengan senarai nama CDAC yang mengagumkan itu, Lembaga Pengarah dan Amanah Mendaki dan juga SINDA, ramai dianggotai oleh pegawai kerajaan, aktivis badan dan pertubuhan akar umbi, yang mempunyai sumber kewangan yang terhad dalam masyarakat mereka sahaja, serta eksekutif peniaga yang kebanyakannya daripada masyarakat bukan Melayu.[16]

Dengan asas demografi, kewangan dan politik yang lebih mantap, CDAC bukan sahaja berupaya mengekalkan tahap kemajuan pelajaran masyarakat Cina yang sudah sedia ke hadapan, tetapi ia juga sangat bersedia untuk meluaskan kedudukan sosiopelajaran masyarakat itu berbanding masyarakat etnik lain. Ia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengutip sumbangan, serta cemerlang daripada badan usaha sendiri masyarakat etnik yang lainnya dari segi mutu bantuan, kemudahan pelajaran, dan sumber yang disediakan.[17] Malah sebelum pelancarannya pada September 1992, asas kewangan CDAC yang sangat kukuh telah membolehkannya menawarkan dorongan yang menarik kepada golongan pekerja yang kurang mahir dan pelajar yang lemah dalam masyarakat etnik itu untuk mendaftar ke dalam program pelajaran dan peningkatan diri pekerjaan. Semenjak tahun 1993, program tuisyennya telah dilancarkan di lebih daripada tiga puluh pusat persatuan suku kaum dan masyarakat di seluruh pulau Singapura. Dianggarkan 4,500 orang pelajar (*ST,* 19 September 1992) menghadiri kelas tuisyen mingguan CDAC dengan hanya perlu membayar yuran nominal beberapa dolar sahaja.[18] Program kaunseling dan nasihat telah dilaksanakan dalam bulan Jun 1993 (*ST,* 4 November 1992).

Dengan cara menggalakkan pekerja kurang mahir daripada masyarakat Cina untuk mengikuti kelas malam dan hujung minggu bagi kursus peningkatan kemahiran sebagai sebahagian daripada Program Peningkatan Kemahiran, CDAC telah menghulurkan insentif wang tunai kepada pekerja Cina yang berjaya menamatkan setiap modul kursus (*ST,* 5 September 1992). Insentif kewangan yang murah hati itu tidak dapat diberikan kepada pekerja kurang mahir daripada kaum India dan Melayu oleh SINDA dan Mendaki kerana kekangan kewangan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka. Di bawah skim ini, pekerja tidak mahir Cina lebih berkemungkinan untuk mencapai kelayakan yang lebih tinggi dan mobiliti sosial jika dibandingkan dengan pekerja bukan Cina. Bagi sesiapa yang dilanda krisis keluarga dan kecemasan, Dana Bantuan Kesusahan akan dapat memberikan bantuan kewangan kepada keluarga yang memerlukannya untuk menjamin bahawa pelajaran anak-anak mereka tidak terganggu akibat bencana yang menimpa (*ST*, 2 November 1992).

Insentif, ganjaran, dan bantuan kewangan yang banyak dihulurkan oleh CDAC ialah contoh jelas ketaksamaan enjin bantuan yang membezakan sokongan kepada golongan yang mundur dalam setiap masyarakat melalui pendekatan badan usaha sendiri etnik. Ini menuntut persoalan sama ada semua orang yang kurang mahir dan mundur dalam sebuah masyarakat berbilang kaum sepatutnya dibantu sama rata tanpa mengira kaum, bahasa, atau agama; dan sama ada adil jika ada golongan yang mendahului dan boleh maju ke hadapan hasil daripada mutu sokongan yang diberikan kepada mereka. Prihatin akan perbezaan peluang dan persaingan sumber antara badan usaha sendiri etnik, ahli pendidik S. Gopinathan (*ST*, 30 Disember 1991), dalam ucapan di Persidangan Belia Tamil pada bulan Disember 1991 bersungut, 'Sangat merisaukan apabila semua golongan bersaingan. Sebagai minoriti yang terkecil, orang India kini yang paling sukar untuk berjuang.'[19] Sememangnya, masalah mendapatkan sumber oleh etnik minoriti seperti masyarakat Serani pasti makin sukar.

Sepatutnya bukan pelbagai badan usaha sendiri yang meniru satu sama lain dalam program pelajaran dan peningkatan kemahiran, tetapi adalah lebih baik bagi badan usaha sendiri dan pengundi etnik mereka, dengan semangat gotong-royong,[20] kerjasama, muhibah, dan logik ekonomi, untuk secara kolektif menggembleng sumber mereka di bawah satu payung usaha sendiri berbilang etnik. Inisiatif antara etnik begitu bukan sahaja dapat membantu meruntuhkan stereotaip etnik yang keji, tetapi juga menonjolkan masalah pelajaran dan gejala sosial yang serupa yang melanda golongan yang mundur daripada semua masyarakat etnik. Inisiatif kerjasama antara etnik juga menggalakkan rasa empati, menjalin matlamat yang sama, dan jati diri kebangsaan di kalangan seluruh rakyat Singapura yang menderma dan menerima inisiatif usaha sendiri.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Mengelirukan Struktur dan Institusi Sebagai Sumber Kemunduran

Sebagaimana yang telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam Bab 4, perspektif penentuan budaya dan stereotaip etnik di kalangan semua masyarakat etnik pada mulanya diabadikan oleh dasar pihak berkuasa penjajah. Dasar begitu ialah manifestasi nyata stereotaip etnik yang dianuti oleh pentadbir penjajah British yang sering mempunyai pemahaman yang cetek terhadap orang yang diperintahnya. Orang Melayu, seperti peribumi lain di negeri yang telah dijajah,[21] disifatkan sebagai malas dan tidak ada daya usaha, manakala pendatang asing Cina dicirikan sebagai rajin tetapi tamak haloba dan oportunis. Pengekalan masyarakat Melayu di pinggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat setelah hampir tiga dekad selepas Singapura mencapai kemerdekaan politiknya hanya memperkukuh dan menguatkan stereotaip negatif yang ada. Begitu juga, kedudukan ekonomi yang mantap di kalangan ramai orang Cina berbanding orang Melayu di Malaysia dan di Singapura tambah menyokong pendekatan penentuan budaya bahawa orang Cina sememang semula jadinya kaum yang rajin berusaha.

Pentingnya, potensi tanggapan stereotaip bahawa orang Cina itu rajin kerana mempunyai persediaan budaya untuk mengatasi segala halangan yang merintang mobiliti sosial ke atas mereka, menurut Muzaffar (1989a) telah menjadi alasan mudah bagi golongan orang Cina Malaysia yang kaya untuk mengabaikan golongan Cina yang mundur. 'Kegagalan' di kalangan mereka adalah kegagalan individu, sedangkan 'kegagalan' orang Melayu kegagalan budaya. Pengaruh stereotaip budaya Cina dalam masyarakat Cina menerangkan mengapa pada awalnya ramai daripada golongan yang kaya dalam masyarakat Cina Singapura yang berdegil supaya tidak dibentuk sebuah badan seperti Mendaki bagi masyarakat Cina. Sememangnya, pengaruh stereotaip budaya Cina telah diberikan contoh dalam editorial *Straits Times* (16 Julai 1991) yang berhujah menentang penubuhan ala Mendaki untuk orang Cina: 'Orang Cina yang miskin sering dapat keluar daripada kemiskinan mereka melalui pelajaran, oleh usaha diri mereka sendiri atau anak-anak mereka, atau dengan tenaga empat kerat mereka. Tidak ramai yang jatuh ke tahap putus harapan dan kekal miskin dari generasi ke generasi yang lain seperti yang mungkin terjadi kepada kaum lain yang kurang berusaha, kurang materialistik dan kurang mengejar kejayaan.'

Promosi stereotaip budaya Melayu dan Cina dibuktikan oleh nasihat yang sering didengar daripada para pemimpin PAP seperti Lee Kuan Yew (*ST*, 7 Julai 1987; *ST*, 26 Jun 1992) kepada orang Melayu berkenaan

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

dengan 'perangkap psikologi' untuk tidak menilai kedudukan sosioekonomi dan pelajaran mereka berbanding masyarakat etnik lain, dan bahawa harapan untuk merapatkan jurang sosioekonomi antara masyarakat etnik tidak akan menjadi kenyataan, tetapi sebaliknya akan membawa kepada kekecewaan. Dengan membandingkan kemajuan pelajaran antara orang Melayu dengan orang Cina, Lee Kuan Yew (*ST*, 29 Mei 1982; *ST*, 26 Jun 1992) menegaskan bahawa prestasi pelajaran masyarakat Cina yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh keupayaan budaya dan intelek mereka. Sebagaimana yang dikatakan oleh Lee (*ST*, 26 Jun 1992), 'Jika anda berpura-pura bahawa masalah itu tidak wujud, dan hakikatnya bahawa [orang Melayu] boleh mendapat markah setinggi orang Cina dalam Matematik, maka anda telah mereka satu mitos besar dan terperangkap di dalamnya. Akhirnya adalah kekecewaan yang amat besar.'

Usaha kerjasama dan program bersama antara berbagai-bagai badan usaha sendiri etnik dan masyarakat etnik adalah penting kerana ini dapat membantu menjana kesedaran awam akan masalah pelajaran dan gejala sosial yang sama-sama dihadapi oleh golongan mundur sosial daripada semua kumpulan etnik. Kajian tempatan yang dilakukan oleh Leong (1978), Salaff (1988), Li (1989), dan Laporan Ow Chin Hock 1992 (*ST*, 28 Oktober 1992) ke atas pelajar Cina yang 'lemah' menunjukkan bahawa pelajar kelas bawahan serta kelemahan akademik di kalangan semua kaum etnik sama-sama cenderung mempunyai rasa harga diri yang rendah dan sering mudah putus asa setelah berkali-kali gagal dalam persekolahan. Tidak ada model peranan bagi mereka, kekurangan modal budaya (kefasihan bahasa Inggeris) dan modal material, serta suasana keluarga yang porak-peranda dan kurang merangsang pencapaian akademik, semuanya ini penyumbang penting ke arah kemunduran pencapaian akademik mereka. Mereka merasa sukar berhadapan dengan pelajar yang jauh di hadapan kerana bernasib baik mempunyai sumber modal ini serta mendahului dalam persaingan pelajaran. Program pelajaran berbilang kaum juga boleh menghakis stereotaip budaya dengan menumpukan kepada pelajar Cina yang ada sekarang ini yang masih lemah dalam Matematik dan Sains atas sebab-musabab yang sama yang dihadapi oleh pelajar bukan Cina yang mempunyai prestasi buruk dalam subjek itu.[22] Kurang motivasi, perlakuan pengacau di dalam bilik darjah, lemah harga diri, dan lemah dalam bahasa Inggeris dapat diperhatikan terutamanya di kalangan pelajar daripada semua kaum etnik dalam aliran biasa yang lembap. Ramai di kalangan pelajar yang 'lemah' dan 'bermasalah' datangnya daripada keluarga yang berpendapatan rendah, keluarga tunggal, dan suasana keluarga kacau-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bilau, dengan pengawasan akademiknya amat kurang sekali serta bahasa Inggeris jarang-jarang sekali digunakan. Mundur dari segi modal budaya dan material, ditambah pula oleh kurang motivasi dan keyakinan yang diperlukan untuk berjaya dalam persekolahan, pelajar begitu kemungkinan besarnya akan meninggalkan persekolahan mereka seawal yang mungkin dan mendapatkan pekerjaan pangkat rendah yang sekurang-kurangnya dapat memberikan mereka kepuasan mempunyai wang pendapatan sendiri. Pentingnya faktor kelas daripada penerangan idea ketandusan budaya tentang kemunduran pelajaran juga telah disahkan apabila terdapat terlalu ramai pelajar daripada keluarga kelas menengah dan kelas menengah atas di sekolah swasta yang berprestij serta di institut pengajian tinggi (*ST*, 26 September 1990; *ST*, 9 April 1992).

Kebajikan Perkauman

Apabila diletakkan dalam konteks perspektif sejarah, paradigma kebajikan berlandaskan kaum etnik merupakan satu perubahan dasar yang besar di Singapura masa kini. Dalam era sebelum dan ketika bersatu dalam Persekutuan Malaysia, kepemimpinan PAP sangat lantang mengkritik pendekatan dasar berlandaskan kaum etnik ini dengan alasan bahawa itu menghakis proses pembinaan negara-bangsa. Ketika berlakunya perpecahan dalam PAP antara puak berhaluan kiri dan kanan, dan masa itu PAP memerlukan sokongan daripada golongan yang berpendidikan Inggeris, orang Melayu dan India, maka itu panji-panji berbagai kaum berguna untuk dikibarkan demi memantapkan kedudukan parti mereka.[23] Dengan menjuarai 'Malaysia untuk Rakyat Malaysia', apabila semua warganegara dilayan sama rata tanpa mengira kaum, bahasa, agama, dan faktor warisan lain, maka itu dapat meningkatkan wibawa PAP sebagai sebuah parti politik yang sederhana tetapi progresif.[24] Dikotomi minoriti/majoriti, dikotomi bumiputera/bukan bumiputera, hak istimewa dan program khusus untuk sesuatu masyarakat etnik ditolak dengan alasan bahawa itu menggalakkan perpecahan negara.[25] Namun ironisnya, meskipun kerajaan PAP begitu menentang sebarang inisiatif yang berbau perkauman dalam dua dekad awal ia berkuasa, namun ia telah merangka semula dan mengubah falsafah asalnya daripada ideal berbilang kaum 'Singapura untuk Rakyat Singapura' kepada menganjurkan penubuhan badan usaha sendiri etnik seperti Mendaki, SINDA, dan CDAC yang sangat menyamai UMNO,

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

MCA (Malaysian Chinese Association), dan MIC (Malaysian Indian Congress) yang berlandaskan inisiatif bantuan etnik.[26]

Seperti inisiatif komprehensif UMNO untuk meningkatkan kedudukan peribumi Malaysia, Mendaki juga, sepanjang tempoh ini, meluaskan tumpuan awalnya daripada soal pelajaran kepada sosiobudaya dan bidang perniagaan. Fungsinya yang luas membuatkan Mendaki menjadi seolah-olah *de facto* Kementerian Hal Ehwal Melayu/Islam. Mencerminkan keutamaan dan program UMNO,[27] keutamaan pelajaran dan perniagaan Mendaki kelihatan bertujuan untuk menambah bilangan profesional kelas menengah dan ahli perniagaan Melayu. Badan pelaburan Mendaki, Mendaki Holdings Pte. Ltd.,[28] yang bermatlamat untuk meningkatkan pelaburan dan pemilikan korporat Melayu,[29] menyerupai matlamat NEP Malaysia untuk meningkatkan pemilikan modal/korporat oleh masyarakat bumiputera di Malaysia. Cadangan Mendaki menubuhkan Tabung Haji dan Skim Insurans Islam (Takaful)[30] ialah model daripada skim yang sama di Malaysia (*ST,* 3 Ogos 1992). Namun demikian, tidak seperti skim pelaburan Malaysia yang didukung oleh kepakaran dan sumber pentadbiran/profesional daripada kerajaan Barisan Nasional yang menjamin daya maju kewangan, skim pelaburan baru Mendaki seperti MAS tidak mendapat sokongan seperti yang berlaku di Malaysia. Sebahagian daripada sebabnya adalah kurang sokongan kerajaan, maka Dana Pertumbuhan MAS yang dilancarkan dengan penuh optimisme dan sokongan daripada masyarakat pada 1991, dengan 13,000 orang Melayu/Islam melabur sejumlah $35 juta ke dalam skim itu,[31] gagal memikul tanggungjawabnya untuk memberikan dividen kepada pelabur setahun selepas itu.[32]

Sekalipun ASM dan usaha niaga Mendaki lain telah berjaya, masih diragukan sama ada bentuk inisiatif perniagaan berorientasikan perkauman itu berkesan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu keseluruhannya. Dalam kes Malaysia (Muzaffar, 1989a: 75) dan Amerika Syarikat (Wilson, 1989; Grove, 1993; Marable, 1993), didapati bahawa inisiatif yang berlandaskan etnik ini sangat menguntungkan kelas menengah dan menengah atas. Kelas menengah atas ini telah mengaut manfaat yang berlebihan daripada bantuan pelajaran seperti biasiswa akademik yang dianugerahkan atas sebab dasar etnik dan bukannya keperluan. Bagi mencerminkan fenomena ini, Program Pengayaan Mendaki, biasiswa pendidikan, bantuan kewangan, dan skim tuisyen telah sangat menguntungkan kanak-kanak daripada keluarga kelas menengah Melayu dan bukannya majoriti Melayu daripada latar belakang ekonomi yang mundur.[33]

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Matlamat untuk meningkatkan bilangan profesional kelas menengah supaya setanding dengan masyarakat etnik lainnya mengurangkan kesan inisiatif yang berlandaskan etnik itu terhadap perbezaan sosioekonomi dalam etnik itu sendiri. Penumpuan terhadap etnik, dan bukannya bantuan berlandaskan kelas, sebenarnya membuka jalan kemunculan golongan elit profesional Melayu yang terasing daripada rakyat Melayu keseluruhannya, dan jurang sosioekonomi antara dua kelas Melayu ini mungkin akhirnya menjadi sebesar jurang sosioekonomi antara masyarakat Melayu dengan bukan Melayu yang terdapat sekarang. Dengan lain perkataan, inisiatif berlandaskan etnik meningkatkan peluang kumpulan sosial yang sudah sedia maju dalam masyarakat itu, tetapi tidak menangani masalah yang lebih rumit, iaitu membantu golongan yang 'benar-benar mundur' yang secara bersistem terbenam dalam institusi dan struktur masyarakat (Wilson, 1989; Marable, 1993). Fenomena apabila kumpulan yang lebih beruntung dalam masyarakat, yang mempunyai kelebihan sumber ekonomi, pelajaran, sosial dan budaya, berada dalam kedudukan istimewa untuk menimba manfaat sepenuhnya program bantuan berlandaskan etnik boleh dilihat daripada dalam masyarakat orang Afrika-Amerika. Tanpa mengira kewujudan inisiatif berlandaskan etnik itu, kedudukan sosioekonomi anggota masyarakat yang lebih mundur sosial tidak banyak diperbaik, malah dalam beberapa hal bertambah teruk lagi (Hochschild, 1988: 177; Wilson, 1989; Grove, 1993; Marable, 1993). Jurang perbezaan dalam etnik yang makin besar di Amerika Syarikat telah menghasilkan rencaman sosial masyarakat etnik minoriti yang makin menyerupai masyarakat dominan etnik majoriti. Bukti yang menunjukkan pengurangan perbezaan sosioekonomi antara etnik sebenarnya mungkin digantikan pula oleh pembezaan sosioekonomi dalam etnik (Hout, 1984: 311-14; Hochschild, 1988: 177-9; Marable, 1993: 117).

Kemunculan kumpulan sosial yang berbeza, iaitu golongan profesional kelas menengah etnik minoriti yang 'berjaya' telah berperanan mengesahkan serta menjadi tenaga penstabil untuk mengekalkan institusi yang ada dan kepercayaan ideologi dominan dalam masyarakat.[34] Pemilihan mereka dimanifestasikan oleh penerimaan tanpa soal dari pandangan dunia dominan dan mudah percaya kepada idea ketandusan budaya yang berpunca daripada kepercayaan bahawa jika mereka boleh berjaya maka orang lain pun boleh melakukannya juga. Kesejahteraan mereka disamakan dengan kesejahteraan umum masyarakat etniknya, meskipun taraf sosioekonomi mereka itu jauh mewakili taraf sosioekonomi masyarakat etnik mereka (Muzaffar, 1984: 379). Orang kaya baru dan taraf sosial


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

baru ini telah memberi mereka kepentingan diri untuk mengekalkan *status quo* dan menjadi 'pemantau' ke atas sebarang anggota radikal dalam masyarakat mereka yang mencabar ideologi arus perdana, serta peraturan sosial dan politik (Bonacich, 1987: 109).

* * *

Apabila setiap masyarakat digalakkan oleh kerajaan PAP untuk menumpukan perhatian mereka kepada masalah dalaman kelas bawahan dalam masyarakat etnik masing-masing, maka masalah kelas yang dihadapi bersama oleh semua masyarakat etnik dikelirukan. Kekeliruan ini memperkukuh stereotaip etnik dan menyemai tafsiran ketandusan budaya untuk menerangkan taraf sosioekonomi masyarakat etnik pinggiran yang lemah, dan pada masa yang sama mengasingkan masalah sosioekonomi kelas bawahan dalam masyarakat etnik majoriti. Penumpuan dalaman ini mengelirukan beraneka faktor sejarah, institusi, struktur, dan politik yang menguntungkan segolongan sosioekonomi, bahasa, dan masyarakat etnik. Program yang berlandaskan etnik juga memberikan faedah yang terlalu besar kepada kumpulan sosial yang sedia mewah dan berkemungkinan akan meluaskan jurang sosial dalam etnik. Ini bersabit daripada keupayaan golongan kelas menengah dan menengah atas daripada masyarakat etnik minoriti untuk mengaut keuntungan besar daripada program bantuan sosial untuk masyarakat mereka.

Andaian sosiobiologi kepemimpinan PAP bahawa pendekatan usaha sendiri etnik ialah cara yang paling semula jadi dan berkesan untuk membantu golongan mundur sangatlah dipersoalkan terutamanya apabila diletakkan dalam konteks untuk memupuk masyarakat antara etnik hidup dalam hubungan yang berharmoni dan untuk memperkukuh jalinan sosial masyarakat berbilang kaum. Sikap terlalu bergantung pada penyelesaian yang sektarian dalam entiti berbilang etnik sebenarnya menjejaskan kesatuan sosial manakala menanamkan rasa berasingan, persaingan, dan meningkatkan politik perkauman.

Pengiktirafan perlu diberikan kepada pepatah yang bermaksud cara untuk mencapai tujuan adalah sepenting tujuan itu sendiri. Ini kerana cara yang digunakan itu tetap akan meninggalkan kesan kepada sifat tujuan itu. Kaitan simbolik antara cara dan tujuan, dan kesan jangka panjang yang tidak pasti kerana 'menggunakan cara yang salah untuk mencapai tujuan yang betul' (Muzaffar, 1989a: 36) ialah pertimbangan yang penting dan sekiranya diabaikan, terpaksa menanggung risiko kelonggaran jalinan sosial masyarakat berbilang etnik.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1. Antaranya termasuk pertubuhan masyarakat seperti Majlis Pusat, Persatuan Pemudi Islam, dan LBKM.

2. Rujuk *Singapore Bulletin,* 9 September 1993, Jld. 21, No. 9 hlm. 1. Ucapan dalam rapat umum Hari Kebangsaan terkenal untuk memberikan amaran awal dan memperingatkan rakyat Singapura akan kesukaran besar ekonomi, sosial dan politik yang dihadapi oleh negara.

3. Jurang pelajaran, pendapatan, dan pekerjaan melebar antara orang Melayu dengan Cina (Singapura, Kementerian Buruh, *Report on Labour Force Survey of Singapore,* 1980; Ahmad Mattar, 1984: 121; *FEER,* 28 Jun 1984; Li, 1989).

4. Pada mulanya, 50 sen telah dipotong daripada pendapatan bulanan pekerja Melayu Islam. Pada awal tahun 1990-an, potongan ini dinaikkan kepada $1.00 sebulan.

5. Dalam satu sesi dialog masyarakat di Tanah Merah pada bulan Julai 1991, Goh Chok Tong menyeru pemimpin masyarakat Cina, persatuan suku kaum Cina, dan kelompok Cina untuk menerajui penubuhan 'Mendaki Cina' untuk membantu kelas bawahan Cina (*ST,* 8 Julai 1991). Dengan segera beliau melantik Ker Sin Tze (bekas Menteri Negeri untuk Pendidikan, Penerangan dan Kesenian) dan Tan Guan Seng (Setiausaha Politik di Pejabat Perdana Menteri) untuk mengasaskan kerja penubuhan badan itu (*ST WOE,* 16 November 1991).

6. Orang Serani merupakan kurang daripada 0.5 peratus jumlah penduduk Singapura.

7. Ahli sosiobiologi yang terkenal termasuklah Pierre van den Berg (1978) dan Edward Wilson (1976). Mereka mendakwa bahawa dalam tempoh masa yang panjang, manusia telah melahirkan gen yang merapatkan mereka serta memberikan 'sentimen yang kuat' untuk berpuak-puak. Perkauman dan etnosentrisme dikatakan berpunca dari gen.

8. Lee mendakwa bahawa sebab-musabab kegagalan program membantu orang Afrika-Amerika di Amerika Syarikat kerana ia tidak ditadbirkan oleh orang Afrika-Amerika sendiri, tetapi oleh orang putih yang liberal (*ST,* 26 Jun 1992).

9. Lagu kebangsaan Singapura menekankan bahawa rakyat Singapura adalah 'rakyat yang bersatu padu tanpa mengira bangsa, bahasa atau agama.'

10. Logik ini kelihatan membingungkan kerana etnik minoriti yang dikuasai oleh masyarakat Cina yang besar bilangannya terpaksa menerima ketuanan masyarakat Cina dalam kebanyakan sektor masyarakat. Namun begitu, jika berfungsi dalam konteks masyarakat majmuk berasaskan peluang yang adil, dominasi bilangan penduduk tidak menjadi masalah kepada etnik minoriti.

11. Perkara perwakilan ini telah dibawa sebagai satu sungutan kepada Perdana Menteri Goh Chok Tong, iaitu penaung Mendaki.

12. Di bawah skim ini, CDAC memotong 50 sen daripada gaji pekerja yang berpendapatan kurang daripada $2,000 sebulan, dan $1 daripada yang berpendapatan lebih daripada $2,000 sebulan (*ST,* September 1992).

13. Mereka juga telah mengkritik skim potongan caruman CPF kerana tidak demokrasi dan melanggar hak asasi manusia (*ST,* 21 September 1992).

14. Pekerja India yang berpendapatan kurang daripada $600 sebulan menyumbang kepada SINDA $1.00 sebulan. Pekerja yang berpendapatan antara $600 hingga $1,500 sebulan membayar $2.00 sebulan, manakala yang berpendapatan antara $1,500 hingga $2,500 sebulan dipotong $4.00 sebulan. Sejumlah $6.00 sebulan pula disumbangkan oleh yang berpendapatan lebih daripada $2,500 sebulan (*Sunday Times,* 15 Mac 1992).

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

15. Beliau juga dengan bermurah hati telah menderma $100,000 kepada Mendaki dan sebanyak itu juga kepada SINDA. Ini merupakan sumbangan peribadi yang terbesar bagi kedua-dua badan itu (*ST,* 18 Ogos 1992). Ahli perniagaan dan penyair Poon Kit Foo menderma sebanyak $150,000 kepada CDAC pada awal bulan itu. Poon ialah pengasas *Shin Min Daily News* dan Hospital Kwong Wai Shui (*ST,* 13 Ogos 1992).

16. Lembaga Pengarah yang dipilih pada 1992 termasuklah bekas Ahli Parlimen Rohan Khamis, Zainul Abidin Rasheed (CEO Mendaki), Abdul Aziz Hussain (Pia Corporation), George Thia (Pengarah Urusan Lum Chang Holdings), dan H. M. Sathawalla (Pengurus Besar ACMA Electrical Industries) (*ST,* 14 Ogos 1992). Dalam bulan Jun 1992, pemaju perumahan India Islam Amir Jumabhoy telah dilantik sebagai pengerusi lembaga pengarah Mendaki Holdings mengambil tempat pegawai kanan kerajaan dan ahli diplomat Ridzwan Dzafir (*ST,* 14 Ogos 1992).

17. Kesuntukan wang dan masa yang terlalu banyak digunakan untuk mengutip derma sering menjadi halangan untuk melaksanakan program Mendaki, AMP dan SINDA. Tidak diragukan ini telah menyekat keupayaan mereka untuk menumpukan tenaga kepada pelaksanaan yang cekap program pelajaran dan program sosial lain. Bagi CDAC, ia tidak ada masalah masa dan tenaga terbuang kerana mengutip derma. Malah, masalahnya mungkin bagaimana untuk membelanjakan dana wang mereka yang besar itu. Menyedari hakikat ini, Goh mencadangkan supaya CDAC membantu Mendaki dan SINDA mengumpulkan dana wang setelah CDAC mencapai sasran $50 juta dalam tabung pembiayaannya.

18. Pada peringkat awal, ada perbahasan dalam masyarakat sama ada pelajar tuisyen ini perlu membayar yuran. Akhirnya, diputuskan bahawa bagi setiap subjek (bahasa Inggeris, Matematik dan Mandarin), murid sekolah rendah dikenakan yuran $18.00 sebulan, manakala pelajar sekolah menengah $12.00 sebulan. Yuran ini ialah suku daripada jumlah kos. Yuran akan dikecualikan dalam kes kesusahan. Setiap kelas tuisyen dihadkan kepada lima belas orang pelajar sahaja (*ST,* 19 September 1992).

19. Dalam usaha mengumpul sebanyak $2.5 juta untuk membiayai aktivitinya, SINDA telah mengumpulkan wang dengan mengadakan cabutan loteri pada 1992 (*Sunday Times,* 9 Ogos 1992).

20. Gotong-royong bermakna bekerjasama dalam masyarakat.

21. Mereka termasuk kaum Maori di New Zealand, kaum India Amerika, dan kaum asli Australia. Mereka tidak berminat mengumpulkan kesenangan harta dan lebih menekankan aspek kerohanian dalam hidup, ini dilihat sebagai ketandusan budaya mereka.

22. Cara pengajaran Matematik yang tidak kreatif dan membosankan didapati menjadi faktor ketara yang menyumbang ke arah pencapaian rendah pelajar dalam subjek itu. Siasatan Tobias (1978) ke atas kegagalan ramai pelajar perempuan dalam matematik lanjutan mendapati bahawa mereka telah pun mempunyai rasa gerun terhadap Matematik dan perasaan tidak selesa dengan subjek itu. Fox (1970) mendapati apabila pelajar perempuan yang gerun Matematik diajar Matematik lanjutan oleh guru yang menggunakan teknik pembelajaran individu dan kemudian diajar teknik pembelajaran kerjasama (bertentangan dengan teknik persaingan), serta dimasukkan kandungan sosial ke dalam masalah Matematik, maka tahap pencapaian mereka melonjak naik.

23. Dalam zaman itu, puak berhaluan kiri meninggalkan PAP untuk menubuhkan Barisan Sosialis. Ramai rakyat Singapura berpendidikan Cina menyokong Barisan Sosialis dan parti berhaluan kiri lain.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

24. Untuk mendalami kisah kepemimpinan PAP menjuarakan 'Malaysia untuk Rakyat Malaysia' berbilang kaum ketika Singapura berada dalam Malaysia, rujuk Fletcher (1969), Sopiee (1974), dan Betts (1975).

25. Sehingga tahun 1982, Lee Kuan Yew (cf. SFCCA dan SCCI, 1991: 15) menasihatkan rakyat Singapura, dalam ucapannya kepada Jawatankuasa Penduduk, bahawa 'yang lebih berkebolehan dan yang berjaya mesti memberikan bantuan kepada yang kurang berkebolehan, walaupun mereka daripada kaum yang berbeza; bukan sahaja suku kaum, tetapi juga apabila mereka bercakap dalam bahasa yang berlainan dan agama yang berbeza... Kepemimpinan di Singapura memerlukan kita melangkaui keakraban kekeluargaan dan sentimen. Kita mesti mengatasi pilih kasih lama kita yang mengabaikan orang yang tidak sama dengan warisan etnik dan budaya kita.'

26. Semenjak rusuhan kaum pada 1969, Barisan Nasional yang didominasi oleh UMNO cuba memperbaik kedudukan sosioekonomi dan pelajaran masyarakat bumiputera dengan memulakan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Badan seperti PERNAS telah ditubuhkan untuk menggalakkan penglibatan Melayu dalam bidang insurans, pembinaan, perdagangan, hartanah, kejuruteraan dan sekuriti. Perbadanan Kemajuan Bandar (UDA) telah dibentuk untuk menangani pembangunan perniagaan dan hartanah orang Melayu. MARA dan Bank Bumiputera juga ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan pengajian tinggi serta perniagaan, melalui bantuan kewangan. Dengan lingkungan paradigma bantuan sosial menurut garis perkauman yang dianjur oleh UMNO; maka MCA dan MIC juga menubuhkan badan yang serupa sebagai inisiatif perniagaan dan pelajaran berlandaskan etnik. Multi-Purpose Holdings milik MCA dan Maika Holdings milik MIC ditubuhkan untuk meningkatkan kedudukan komersil dan pelajaran etnik masing-masing.

27. Cara Barisan Nasional mengatasi jurang sosioekonomi antara masyarakat bumiputera dengan bukan bumiputera adalah dengan memberikan tumpuan mewujudkan lebih banyak golongan profesional kelas menengah Melayu serta juga usahawan kapitalis Melayu. Dasar Ekonomi Baru telah memudahkan golongan kelas menengah Melayu di bandar menggunakan modal sosial, ekonomi, dan budaya mereka untuk memanfaatkan peluang pelajaran dan komersil yang ditawarkan oleh kerajaan Malaysia.

28. Ditubuhkan pada 1990.

29. Iaitu cara untuk memberikan peluang kepada masyarakat Melayu/Islam melabur tanpa melanggar hukum syara'.

30. Ditubuhkan pada 1993, Takaful ialah projek bersama antara Mendaki dengan Syarikat Kerjasama Serbaguna Guru-Guru Melayu Singapura. Oleh sebab skim insurans berlandaskan prinsip Islam, dana Takaful digunakan untuk menanam modal dalam bidang ekonomi yang dihalalkan oleh hukum syara'. Antara pelaburan yang ditawarkan ialah polisi insurans, polisi endowmen, dan bentuk perlindungan lain seperti denda, kecurian, kenderaan dan pelancongan.

31. Ketika ia dilancarkan dalam bulan Mei 1990, ia merupakan amanah saham yang keempat terbesar di Singapura (*Aspire,* September-Oktober 1992: 5).

32. Dengan diuruskan oleh Pengurusan Aset Bank Pembangunan Singapura (DBS), MAS hanya mampu mencapai keuntungan sebelum audit sebanyak $590,000 pada tahun 1992 dari modal asas berjumlah $35 juta. Ini merupakan pulangan kecil 1.5 peratus sahaja, iaitu jauh lebih rendah daripada faedah yang diberikan oleh bank. Pengurusan Aset DBS milik MAS menasihatkan supaya dividen tidak dibayar pada

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

1992 kerana keuntungan sebelum audit sangatlah sedikit untuk dikongsi sebagai dividen (*ST*, 13 Oktober 1992).

33. Memang diakui bahawa program berlandaskan etnik seperti itu ada kesan lelehan dan membuka beberapa peluang untuk anggota etnik minoriti yang mundur. Namun begitu, segelintir sahaja yang menerima manfaat program sebegitu (Wilson, 1989: 115). Fenomena ini telah disokong oleh kaji selidik penulis ke atas pelajar MEP.

34. Kewujudan segelintir elit profesional Melayu yang mempunyai ijazah pengajian tinggi telah membuatkan pemimpin PAP seperti Lee Kuan Yew (*ST*, 19 Februari 1990) mengumumkan bahawa orang Melayu telah maju dalam masyarakat meritokrasi di Singapura.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kesimpulan

Kajian ini telah cuba menunjukkan betapa pentingnya faktor sejarah, ideologi, dan institusi dalam menyumbang ke arah peminggiran sosioekonomi, politik dan pelajaran masyarakat Melayu serta rakyat terpinggir lain di Singapura yang menghadapi kesukaran mobiliti sosial dan bergerak cepat dalam masyarakat Singapura yang sangat bersaing. Masalah dan halangan yang lazim dialami oleh golongan yang berpendidikan rendah dan dipinggirkan masyarakat bagi semua masyarakat etnik merumuskan bahawa peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu tidak boleh dijelaskan dengan mudah sebagai 'masalah Melayu' yang memerlukan penyelesaian Melayu. Penjelasan begitu telah menyebabkan pemahaman yang cetek dan picisan sahaja terhadap satu fenomena yang kompleks dan berakar umbi dalam proses sejarah, ideologi, dan institusi masyarakat Singapura.

Sistem pelajaran yang bersifat elit dan berorientasikan eugenik semenjak pelaksanaan NEP telah menyerlahkan lagi pentingnya modal material dan budaya dalam pencapaian pelajaran. Dasar seperti aliran awal, penswastaan sekolah utama, dan peningkatan kos persekolahan telah menjadikan sistem pelajaran suatu wahana yang makin sukar untuk mobiliti sosial terutamanya di kalangan rakyat Singapura yang berpendapatan rendah. Malah, dasar pelajaran yang bersifat elit dan program pelajaran yang berlandaskan kaum etnik berkemungkinan meningkatkan lagi perbezaan sosioekonomi kelas dan etnik. Khususnya, inisiatif pelajaran seperti MEP telah banyak menguntungkan golongan mewah dalam masyarakat Melayu. Paradigma usaha sendiri etnik juga berkemungkinan akan mengekalkan perbezaan sosioekonomi antara etnik kerana terdapat perbezaan sumber material dan politik yang sedia ada antara masyarakat etnik. Berlandaskan andaian dari perspektif ketandusan budaya, paradigma usaha sendiri etnik telah gagal menangani kelemahan institusi sistem pelajaran elit.

Sebagaimana struktur peluang yang dihulurkan oleh inisiatif yang berlandaskan kaum etnik seperti Mendaki berbeza untuk kelas sosial



yang berbeza dalam masyarakat etnik itu, kesan kelas juga tidaklah sama terhadap semua masyarakat etnik. Contohnya, pelajar Melayu kelas menengah dan golongan profesional Melayu pada umumnya tidak mempunyai peluang yang sama dengan masyarakat etnik Cina yang dominan, ini sebahagiannya kerana pengekalan stereotaip negatif yang dipupuk oleh idea ketandusan budaya. Maka itu faktor etnik, kelas, dan jantina penting diambil kira untuk memahami 'dilema Melayu' dan struktur peluang dalam masyarakat yang sangat bersaingan dan berciri elit.

Kadar keciciran sekolah, perceraian dan penagihan dadah yang tinggi dalam masyarakat Melayu boleh difahami dengan lebih baik apabila diletakkan dalam konteks sebagai gejala satu jaringan masalah sosioekonomi yang lebih besar yang telah dibebankan lagi oleh halangan institusi seperti aliran awal di sekolah, kekurangan sokongan kebajikan terhadap golongan miskin, pembezaan peluang dalam tenaga kerja, dan sikap diskriminasi terhadap minoriti. Satu penilaian kritis terhadap idea ketandusan budaya harus dikaitkan dengan keperluan membuat kajian kritis terhadap percanggahan dan kejanggalan amalan berbilang kaum, meritokrasi dan kesamaan peluang di Singapura. Andaian batil idea ketandusan budaya dan percanggahan antara keunggulan berbilang kaum dan kesamaan peluang dengan realiti berat sebelah etnik dan pembezaan peluang telah menyumbang ke arah peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu yang berkekalan. Namun begitu, kepentingan kaitan ini telah dikelirukan oleh rekod pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan serta ketiadaan kejadian rusuhan kaum sejak pertengahan tahun 1960-an. Ini membolehkan kerajaan PAP berjaya menonjolkan imej Singapura sebagai masyarakat berbilang kaum dan bermeritokrasi.

Penilaian kritis terhadap idea ketandusan budaya dan keperluan kerangka yang lebih luas untuk memahami peminggiran orang Melayu dikaitkan juga dengan keperluan memahami keunggulan berbilang kaum yang lebih mendalam dan bukan sekadar toleransi perbezaan dan perangkap budaya seperti rupa fizikal, makanan, nyanyian dan tarian. Sungguhpun dimensi budaya berbilang kaum ini lebih mudah dianjurkan, dihayati dan diraikan, namun dimensi budaya yang lebih kompleks dan tidak begitu nyata sering diabaikan. Pemahaman konsep berbilang kaum yang lebih menyeluruh memerlukan prinsip kesamaan peluang dan ruang dalam semua sektor masyarakat, dan semua kumpulan etnik bukan sahaja terlibat sepenuhnya dalam masyarakat dan ekonomi, tetapi juga diwakili dengan saksama dalam semua peringkat kerajaan dan pengurusan. Seterusnya, konsep berbilang kaum

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

memerlukan amalan layanan yang adil dan perwakilan politik yang saksama daripada semua masyarakat etnik serta tatacara untuk menentukan peruntukan sumber politik, ekonomi dan sosial yang tidak mendiskriminasi mana-mana masyarakat etnik.

Sungguhpun berbilang kaum di peringkat budaya digalakkan di Singapura, bukti empirik yang dikemukakan dalam kajian ini menyatakan bahawa aspek berbilang kaum dan kesamaan peluang, terutama di peringkat institusi, amat mendukacitakan. Dasar kerajaan seperti kuota penempatan etnik, dasar penduduk/penghijaran yang berlandaskan 'mengekalkan keseimbangan kaum', dasar pelajaran yang kelihatan berat sebelah untuk keluarga mewah, dasar pelajaran yang menggalakkan bahasa Mandarin, program pelajaran seperti SAP, menutup pintu orang Melayu daripada unit 'sensitif' dalam SAF, pembelot yang dikenakan kepada masyarakat Melayu, dan 'pilih kasih budaya' kerajaan PAP dengan aktifnya membantu mengatasi kelemahan bahasa dan budaya masyarakat Cina tetapi tidak kepada kemunduran sosioekonomi masyarakat Melayu. Ini jelas sekali menunjukkan pencabulan keunggulan berbilang kaum dan kesamaan peluang di Singapura. Dalam konteks pemahaman yang lebih luas tentang berbilang kaum, peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu seolah-olah mencerminkan pencabulan umum keunggulan berbilang kaum, kesamaan peluang dan demokrasi di Singapura.

Masyarakat Melayu ternyata tidak begitu berpengaruh untuk mendorong kerajaan PAP mengambil pendekatan campur tangan bagi menangani peminggiran orang Melayu dan mempertahankan keunggulan berbilang kaum dan kesamaan peluang ekoran kedudukan politik mereka yang lemah. Keberkesanan masyarakat Melayu dan ahli politik PAP Melayu untuk mewakili harapan dan kepentingan masyarakat telah disekat oleh tindakan kerajaan PAP yang menyusun politik, pilihan raya, dan penempatan sehingga masyarakat Melayu kekal dengan bilangan minoritinya serta undi yang lemah di semua kawasan pilihan raya. Kedudukan politik masyarakat Melayu yang lemah menjadikan kerajaan PAP kurang sensitif dengan keresahan Melayu tanpa risau akan kemerosotan undi dalam pilihan raya. Sebaliknya, dominasi bilangan dan undi masyarakat Cina serta semakin pentingnya ekonomi negara Cina telah membolehkan kerajaan PAP lebih sensitif terhadap keresahan masyarakat Cina. Sebagaimana yang dibincangkan dengan mendalam dalam Bab 5 dan 6, tuntutan yang bercanggah terhadap ahli politik PAP Melayu telah menghalang mereka daripada mewakili dan menyuarakan dengan lantang harapan dan keresahan masyarakat Melayu. Akibatnya, keresahan orang Melayu diperkotak-


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

katik demi agenda politik kerajaan PAP yang lebih besar. Sejajar dengan pendekatan korporatis kerajaan PAP, meletakkan kedudukan Ahli Parlimen PAP Melayu dan para aktivis PAP sebagai kepemimpinan dalam berbagai-bagai pertubuhan teras masyarakat telah mengehadkan autonomi pertubuhan tersebut untuk mewakili dan menyuarakan dengan lantang keresahan orang Melayu.

Masyarakat Melayu yang terus terpinggir dari segi sosioekonomi dan pelajaran dalam masyarakat Singapura menjadi halangan yang tidak sihat ke arah membaiki hubungan antara Melayu dan bukan Melayu di Singapura, dan juga dengan jiran Melayu di sekeliling Singapura. Apabila manfaat pembangunan ekonomi tidak sama dikecapi oleh pelbagai kaum etnik di Singapura, maka hubungan etnik berkemungkinan akan dicirikan oleh syak wasangka, iri hati dan persepsi yang berpencar berasaskan 'nilai puak' (Jesudason, 1989). Di samping itu, apabila jurang sosioekonomi terus kekal atau bertambah besar antara masyarakat etnik, maka pelbagai masyarakat etnik akan tertarik dengan laungan perkauman, dan golongan elit politik pula akan lebih cenderung membuat laungan perkauman demi mengaut keuntungan jangka pendek mereka. Oleh itu, tidaklah realistik mengharapkan agar ketegangan etnik ini dapat dikendurkan melalui toleransi dan memahami perbezaan budaya tanpa menangani cabaran berbilang kaum di peringkat struktur dan menjamin bahawa kesamaan peluang untuk semua rakyat Singapura dipertahankan di peringkat institusi. Tugas merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran antara semua masyarakat etnik menjadi syarat penting supaya mereka dapat berhubungan dan berkomunikasi antara satu sama lain sebagai orang yang mempunyai taraf yang sama dan bukannya antara masyarakat dominan dengan masyarakat bawahan dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik mereka.

Kepemimpinan PAP tidak menghargai sepenuhnya kepentingan merapatkan jurang sosioekonomi dan pelajaran antara masyarakat etnik supaya wujud hubungan antara etnik yang sihat. Ketegangan etnik dengan mudah diremehkan sebagai perbezaan kaum, bahasa dan agama. Penjelasan ketandusan budaya, penentuan biologi, dan sosiobiologi semuanya digunakan oleh kepemimpinan PAP untuk mengiakan jurang sosioekonomi dan pelajaran antara masyarakat etnik, serta untuk menubuhkan badan usaha sendiri etnik anjuran kerajaan. Penjelasan pandangan kerajaan PAP berhubung sumber yang mempengaruhi hubungan antara etnik di Singapura dalam Forum Kepemimpinan Afrika pada tahun 1993, Menteri Penerangan George Yeo (*ST*, 12 November 1993) mengatakan: 'Ada tiga bidang yang memberi kesan terhadap hubungan kaum di Singapura yang mentaksubkan kami.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Bidang itu ialah perbezaan kaum, bahasa, dan agama.' Dimensi politik dan ekonomi yang mencetuskan pertelingkahan kaum tidak diberikan perhatian yang serius.

Rasa tidak selamat orang Melayu yang timbul daripada peminggiran sosioekonomi dan politik, dan rasa tidak selamat orang Cina pula yang timbul daripada taraf bilangan minoriti di rantau Melayu, telah menyokong dan menambahkan lagi perasaan tidak selamat itu. Kitaran ganas rasa tidak selamat dan mudah terancam ini dapat dikurangkan dengan berkesan jika dibuat penilaian semula dasar yang kelihatan berat sebelah terhadap budaya masyarakat Cina, serta dengan serius menangani masalah peminggiran sosioekonomi dan politik masyarakat Melayu. Dengan cara ini, tanggapan serantau terhadap kerajaan PAP dan Singapura sebagai pulau ketuanan Cina, yang telah melemparkan masyarakat Melayu/Islam ke pinggiran masyarakat dan mencabul ideal berbilang kaum, dapat dilenyapkan. Tanggapan begitu penting dikurangkan kerana kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan, inisiatif pertumbuhan ekonomi segi tiga, serta pelaburan yang ketara dan kaitan ekonomi dengan jiran tetangganya. Pengurusan peminggiran orang Melayu oleh kerajaan PAP maka itu adalah penting dari segi implikasi dalam negeri dan juga geopolitik.

Dengan pandangan lebih optimis, ekonomi Singapura yang makin matang, berserta dengan rakyat yang makin canggih dan berpendidikan, telah memperkuatkan lagi tekanan awam terhadap kerajaan PAP untuk mengagihkan sumber supaya lebih saksama, sistem pelajaran yang kurang elitis, menambah bantuan negara kepada kumpulan sosial yang berada di pinggiran masyarakat, dan ruang demokrasi yang lebih luas. Dalam suasana politik yang begini, banyak kemungkinan terluang bagi masyarakat Melayu, dan masyarakat lain dalam masyarakat madani, untuk kreatif mencabar kerelevanan idea ketandusan budaya dan dengan itu menumpukan pada faktor institusi, struktur, dan ideologi yang telah menyumbang ke arah pengekalan peminggiran sosioekonomi dan pelajaran masyarakat Melayu dan juga kumpulan sosial lain yang terpinggir dalam masyarakat Singapura.

Desakan awam terhadap kerajaan PAP juga telah disemarakkan oleh peningkatan kesedaran awam tentang percanggahan amalan dalam kerajaan berhubung soal meritokrasi, peluang saksama, berbilang kaum, dan demokrasi. Rakyat Singapura yang berpendapatan rendah makin merungut dengan sistem pelajaran elitis dan peningkatan kos keperluan asasi seperti pelajaran dan kesihatan akibat inisiatif penswastaan kerajaan. Prestasi buruk PAP di banyak kawasan pilihan raya kelas pekerja dalam pilihan raya tahun 1991 dan 1997 adalah salah satu


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

manifestasi kekecewaan orang ramai. Kurangnya ketelusan politik, sistem pelajaran yang sangat bersaingan dan menitikberatkan peperiksaan, dan gaya autoritarian kepemimpinan PAP, telah menggusarkan ramai orang di kalangan kelas menengah. Orang Melayu sebaliknya terus terpinggir dan makin sinis terhadap amalan meritokrasi, kesamaan peluang dan berbilang kaum. Namun begitu, bagi mengimbangi keresahan orang awam yang meluas ini, ramai di kalangan masyarakat yang menerima dan memesongkan tumpuan mereka kepada 'mencari rezeki'. Ugutan tahanan tanpa pembicaraan di bawah ISA, propaganda media dan sistem pelajaran tentang 'realiti sosial' yang mendukung PAP, serta perpecahan masyarakat menurut etnik tidak kurang juga menyumbang ke arah mengendurkan rasa keterasingan dan kekecewaan yang tersirat. Semua faktor ini telah berperanan mengekalkan hegemoni dan pendekatan urus tadbir atas-bawah kerajaan autoritarian PAP. Namun begitu, bentuk urus tadbir yang sedemikian menyebabkan kerajaan PAP makin jauh dari realiti budaya hidup dan aspirasi orang ramai. Mereka begitu yakin akan kebenaran penelitian dan penyelesaian mereka terhadap peminggiran sosioekonomi dan pelajaran orang Melayu sehingga kedegilan mereka menganuti idea ketandusan budaya telah menjadi *cul-de-sac* (jalan buntu) ideologi.

Populariti undi PAP yang semakin merosot terutamanya dalam dekad 1980-an telah mencetuskan langkah kepemimpinan PAP untuk membuat 'perubahan peraturan' kepada sistem politik melalui cara institusi (Huxley,. 1991; Rahim, 1993). Usaha telah dilakukan untuk mendapatkan semula sokongan undi yang lebih daripada masyarakat Cina yang dominan bilangannya, khususnya dengan menghulurkan barangan budaya yang simbolik (Mandarin) kepada masyarakat Cina, dan kebangkitan falsafah Konfusianisme untuk mengesahkan pengekalan gaya urus tadbir yang paternalis dan autoritarian. Cukup untuk dikatakan bahawa penyelesaian peminggiran orang Melayu di Singapura dalam tatanegara yang makin kecinaan adalah satu perkara yang menimbulkan masalah dalam negeri dan juga geopolitik.

Peminggiran orang Melayu, yang berkait rapat dengan persoalan berbilang kaum dan keadilan sosial, mendedahkan asas institusi dan struktur kemunduran sosial di Singapura, dan adalah faktor penting dalam hubungan pulau itu dengan jiran berdekatan. Ini menimbulkan persoalan sama ada konsep berbilang kaum yang wujud di Singapura kini berasaskan kesamaan peluang untuk semua, tanpa mengira kaum etnik, bahasa, dan agama. Ia meliputi isu kuasa, demokrasi, dan kesaksamaan serta menyerlahkan persoalan sama ada proses rekayasa

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

politik yang mengekalkan dominan bilangan dan undi Cina di seluruh kawasan pilihan raya sambil melemahkan kekuatan undi dan bilangan masyarakat Melayu, bertentangan dengan ideal demokrasi dan berbilang kaum. Persepsi dan preskripsi dominan terhadap peminggiran orang Melayu mendedahkan berat sebelah elitis dan eugenik kerajaan PAP. Komitmen degil kepemimpinan PAP terhadap idea ketandusan budaya untuk menjelaskan peminggiran orang Melayu lebih mendedahkan agenda politik, ekonomi, dan sosial dan bukannya penjelasan yang memuaskan terhadap sebab-musabab fenomena itu. Seperti suatu hologram, dilema Melayu Singapura saling berhubung-kait dan merangkumi jaringan persoalan, isu, aspirasi, percanggahan, perjuangan, ketakutan, dan keterdedahan, yang pada asasnya ialah dilema negara yang tidak dapat diselesaikan dengan sempurnanya tanpa serius menangani dilema yang sangat banyak dan berselirat yang masih wujud di Singapura ketika ini.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Lampiran

LAMPIRAN 1
Temu bual dengan Ahmad Mattar, Menteri Alam Sekitar dan Hal Ehwal Melayu/Islam, Pengerusi Mendaki, 26 Oktober 1990

Penulis:Apakah faktor utama yang mendorong saudara menceburi politik?
Ahmad Mattar: Pada 1965, selepas saya menyertai Politeknik Singapura sebagai Penolong Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan, saya telah diperkenalkan kepada Siglap CCC (Jawatankuasa Perundingan Rakyat) oleh Dr. Lee Chiaw Meng (bekas Menteri Pelajaran) yang juga rakan sekerja saya di Politeknik. Saya telah dirisik oleh Wee Ghim Siong (aktivis teras PAP) untuk menyertai parti (PAP), saya berfikir panjang dan kemudian membuat keputusan untuk menyertainya... Setelah melibatkan diri dengan aktiviti dan kerja parti pada peringkat akar umbi, saya rasakan banyak yang boleh dicapai 'dari dalam' daripada 'dari luar'. Pada 1969, saya mengambil cuti belajar di UK. Saya pulang dua tahun kemudian dan masuk semula Siglap CCC... Saya telah diperkenalkan kepada Majlis Pusat oleh Presidennya, Encik Yusof Ahmad. Majlis Pusat baru memulakan skim tuisyen Matematik. Oleh sebab bidang saya berasaskan Matematik, maka saya pun menawarkan khidmat saya.

Dalam mesyuarat pertama CCC sebaik sahaja pulang dari UK, Encik Rahim Ishak (MP Siglap) memberitahu saya bahawa beliau telah mencadangkan nama saya untuk menjadi calon pilihan raya tahun 1972. Pada masa itu, saya tidak begitu bersedia untuk berpolitik. Beliau seterusnya menyampaikan pesan, 'PM [Perdana Menteri Lee Kuan Yew] mahu bertemu dengan kamu.' Temu janji dengan PM dibuat pukul 3.00 petang. Setiba di Istana, saya dikehendaki menunggu sebentar kemudian dibawa masuk ke pejabat Kabinet dan berhadapan dengan seluruh anggota CEC (Jawatankuasa Eksekutif Pusat). Chua Sian Chin (bekas Menteri Dalam Negeri) bertanya sama ada saya telah memikirkan politik sebagai kerjaya, dan saya jawab, 'Tidak, buat masa ini tidak lagi.' Saya katakan saya terikat dengan biasiswa Colombo Plan dan ingin meningkatkan lagi kepakaran saya dalam bidang Akustik Gunaan. Chua


PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

bertanya berapa lama diperlukan untuk melengkapkan kepakaran saya itu. Jawapan saya, 'Itu terpulang pada berapa banyak projek yang dapat saya libatkan diri.'

Ketika itu, banyak berlaku peletakan jawatan dalam perkhidmatan awam di kalangan siswazah Melayu. Ramai yang berhijrah ke Malaysia. Oleh itu, saya ditanya: Apakah kamu terfikir untuk berhijrah ke Malaysia?... Sedang saya membuka pintu untuk keluar, PM berkata, 'Terima kasih kerana berterus terang.' Pada asasnya, itulah cerita awal kerjaya politik saya.

Penulis:Boleh saudara jelaskan tentang pendekatan 'di belakang pintu tertutup' Ahli Parlimen Melayu?

Ahmad Mattar: Bagi Ahli Parlimen Melayu, kami telah bekerja dengan pendekatan 'di belakang pintu tertutup' kerana isu Melayu adalah lebih sensitif. Kami berbincang tentang orang Melayu dalam SAF dan masjid. Isu Melayu dalam SAF tidak heboh sekiranya Lee Hsien Loong tidak tersasul menjawabnya. Soalan orang Melayu dalam SAF ini diajukan kepadanya apabila beliau sedang membuat lawatan rasmi. Itu merupakan titik perubahan kepada isu Melayu. Semenjak itu masalah dan isu Melayu dibincangkan secara lebih terbuka.

PM pasti akan menjawab soalan itu dengan cara yang lain ... Cara menteri yang muda membuat komen terhadap situasi (pencerobohan Iraq ke atas Kuwait) mendukacitakan jiran kita. Tampak seolah-olah kita menyamakan negeri kita dengan Kuwait, dan kita samakan Malaysia dan Indonesia seperti Iraq ... PM menjawabnya dengan lebih baik (apabila ditemu bual oleh wartawan). Beliau berkata, 'Singapura bukannya seperti Kuwait, kami tidak ada minyak untuk dirampas. Kejayaan kami terhasil daripada usaha kami sendiri, kemahiran dan interaksi dengan seluruh dunia.' Jawapan PM itu tidak mengeruhkan hubungan dengan jiran kita.

Penulis: Bilakah isu tutup pintu kepada orang Melayu dari unit sensitif SAF dapat diselesaikan?

Ahmad Mattar: Untuk berlaku adil kepada Goh Chok Tong, ketika beliau memegang jawatan Menteri Pertahanan, beliau melihat dengan minda yang terbuka tentang isu orang Melayu dalam SAF. Beliau tidak berprasangka dengan apa yang beliau dengar sebelumnya, [iaitu] perpisahan dari Malaysia dan sebagainya. Beliau cuba memasukkan orang Melayu dalam bidang sensitif yang tertentu. Beliau melakukannya beransur-ansur dan berhati-hati. Beliau bincang perkara ini dengan saya dan Ahli Parlimen Melayu lain, dan kami sangat gembira.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kemudian Hertzog datang melawat. Memang patut dan munasabah orang Islam menentang lawatan pemimpin Zionis itu, tidak senang dengannya. Malangnya orang Islam bertindak agresif terhadap lawatan itu. Setelah mereka melihat kumpulan Islam berdemonstrasi di Kuala Lumpur, membakar patung PM, bendera Singapura, itulah masanya Islam Singapura patut bertegas dengan keluar dan menyuarakan (kepada orang Malaysia yang berdemonstrasi), 'Kami setuju dengan kamu sebagai orang Islam, kami juga tidak suka Hertzog melawat Singapura. Setakat itu sahaja.' Ini merupakan salah pertimbangan, atau mungkin orang Islam di sini tidak peka politik. Jadi kepemimpinan membuat kesimpulan tertentu. Mereka bertanya pada diri mereka, 'Apakah orang Islam di Singapura menerima isyarat daripada Islam di Malaysia?' Orang Islam di Singapura bertambah lantang setelah orang Islam di Malaysia berdemonstrasi. Berikutannya, perkara itu (Cubaan Goh beransur-ansur memasukkan orang Melayu ke dalam unit sensitif SAF) dilengahkan. Saya percaya Goh akan mencubanya lagi, tetapi lewat sikit.

Penulis: Jadi, kesetiaan Melayu masih lagi dipersoalkan?

Ahmad Mattar: Ada kejadian khusus yang menimbulkan kesangsian dalam minda kepemimpinan … Kesetiaan Melayu masih lagi menjadi tanda tanya dalam minda kepemimpinan.

Penulis: Apakah yang boleh dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk memadamkan tanda tanya itu dalam minda kepemimpinan?

Ahmad Mattar: Sepatutnya mereka mengambil peluang ketika lawatan Hertzog dengan menyatakan bantahan mereka terhadap tindakan rakyat Malaysia terhadap Singapura. Respons spontan daripada pertubuhan Melayu yang tidak rapat dengan PAP tentu menguntungkan.

Penulis Syak wasangka kepemimpinan PAP terhadap kesetiaan orang Melayu bercanggah dengan banyak kaji selidik dan kajian yang menunjukkan bahawa orang Melayu mempunyai kesetiaan negara yang paling tinggi berbanding kaum etnik lain.

Ahmad Mattar: Saya juga telah memberikan hujah kepada Chok Tong bahawa dalam situasi seperti Konfrontasi, orang Melayu berperang dengan orang Melayu. Ini terbukti apabila tiba masanya, perajurit Melayu akan berjuang untuk Singapura. Namun, kepemimpinan tidak begitu risau akan berperang dengan Malaysia. Apa yang mereka risaukan ialah apabila Malaysia diperintah oleh kumpulan fundamentalis. Katakan, atas sebab tertentu kita berperang dengan mereka, dan mereka melaungkan *Allahuakhbar*, saya ditanya bagaimana mereka, Melayu Islam, akan bertindak balas. Saya kata saya tidak pasti jawapannya.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

